

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PENYUSUNAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini usaha penyusunan tersebut?
 - b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi sehingga menyebabkan usaha tersebut masih enggak bisa sukses sepenuhnya ?
 - c) Sila nyatakan apakah perancangan KNS sekiranya usaha tersebut menemui jalan buntu ?

JAWAPAN:

Jawapan seperti di dalam Hansard Persidangan Dewan pada 1 April 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PERMOHONAN KEMASUKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA JAIS

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Mohon YAB menjelaskan berkaitan permohonan kemasukan ke sekolah-sekolah menengah agama JAIS:
- i. Berapa jumlah permohonan awal tahun 2015?
 - ii. Berapa jumlah yang ditolak dan diterima?
 - iii. Apakah alternatif kerajaan negeri bagi yang ditolak?

JAWAPAN:

- a)
- i. Jumlah permohonan kemasukan ke Tingkatan Satu (1) sekolah-sekolah Menengah Agama JAIS awal tahun 2015 ialah berjumlah 12,594 permohonan.
 - ii. Jumlah permohonan ke Tingkatan Satu (1) yang ditolak berjumlah 9,064 permohonan, manakala yang diterima berjumlah 3,530 permohonan.
 - iii. Alternatif Kerajaan negeri bagi permohonan yang ditolak ialah :
 1. Kerajaan negeri mengesyorkan supaya mereka mendaftar ke kelas-kelas KAFA Menengah yang dibuka di semua Daerah;
 2. Kerajaan juga ada membuat kerjasama dengan sekolah-sekolah Islam persendirian dan swasta supaya boleh menerima sebahagian dan mereka tidak berjaya ke Sekolah Agama kerajaan;
 3. Kerajaan merancang untuk menambah bangunan di sekolah-sekolah Agama Menengah sedia ada yang masih mempunyai tapak yang sesuai dan mencukupi; dan
 4. Kerajaan juga merancang untuk menubuhkan dan membina Maahad Integrasi Tahfiz baru di Daerah-daerah yang mempunyai tapak yang sesuai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : STATUS TERKINI ISU BANJIR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Minta Dato' Menteri Besar memperincikan senarai projek-projek tebatan banjir di Kajang dan nyatakan status terkini berserta agensi-agensi yang terlibat.

JAWAPAN:

a)

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pada 29 September 2014, Bandar Kajang sekali lagi mengalami banjir kilat menelenggami jalan raya serta beberapa premis perniagaan dan Pasar Besar Kajang sehingga mencecah sedalam 0.3 meter. Ia merupakan kejadian kali kedua yang berlaku selepas kejadian banjir kilat yang terburuk pada tahun 2011.

2.0 ISU DAN MASALAH

- 2.1 Antara faktor kejadian banjir ini berlaku adalah disebabkan kuantiti air hujan yang lebat mencapai sehingga 63 mm dalam tempoh dua jam. Halangan sampah serta rintangan kayu balak dan kebel letrik yang menyekat aliran air juga menjadikan air di dalam saluran melimpah keluar. Selain itu, kewujudan utiliti sediaada di jambatan JKR yang agak rendah aras parasnya dibina melintasi saluran sistem Sungai Jeluh juga menyebabkan air tidak mengalir deras serta melimpahi keluar secara mendadak ke kawasan yang rendah. Di samping itu, pembangunan yang sedang rancak di bahagian hulu juga menyumbang kepada pertambahan kuantiti air larian.
- 2.2 Manakala kejadian banjir kilat yang berlaku pada 3 Disember 2011 adalah lebih serius sehingga hampir menenggelami Bandar Kajang termasuk Bangunan Plaza Metro mencapai pada paras 1.5 meter. Kejadian banjir berlaku pada masa itu berpunca daripada hujan sangat lebat dan luar biasa sehingga melebihi 80 mm. Pada masa itu, keadaan pembetung KTMB yang masih belum dinaiktaraf kepada 4 buah menghalang laluan air terus ke Sungai Langat. Manakala paras ketinggian jambatan yang rendah juga menyumbang kejadian tersebut, Selain itu, lengkungan S di saluran Sungai Jeluh di belakang Plaza

Metro memperlahankan laluan air untuk mengalir terus ke Sungai Langat serta meningkatkan mendakan pasir.

3.0 KESAN BANJIR

3.1 Kesan daripada banjir tersebut menyebabkan keadaan lalulintas terganggu dan berlaku kesesakan yang teruk. Penduduk yang terlibat mengalami kerugian yang besar dan trauma dengan kejadian tersebut. Namun begitu, kejadian yang berlaku pada 29 September 2014 tidak menenggelami dan memasuki keseluruhan premis dan pasar besar yang terlibat memandangkan sebahagian tapak binaannya lebih tinggi daripada jalan sediaada. Walau bagaimana pun banjir kilat ini surut dalam tempoh yang singkat.

3.0 TINDAKAN JABATAN

3.1 Pihak Jabatan telah siap melaksanakan beberapa projek sejak tahun 2009, antaranya :-

3.1.1 Pembinaan saluran keluar selari dengan jajaran KTMB – RM0.2 juta

3.1.2 Melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sg. Jeluh Fasa 1 melibatkan pembinaan L-shape dan flap gates – RM7.0 juta

3.1.3 Pembaikan tebing L Shape – RM0.03juta

3.1.4 Membina floodwall di Kg. Sekolah – RM0.1juta

3.1.5 Menaiktaraf jambatan Pembinaan jambatan berhampiran Pasar Besar Kajang – RM0.25juta

3.1.6 Kerja-kerja selenggara dan penebasan secara berkala dan adhock– RM0.02 juta

3.2 Tindakan segera dan pelan jangka sederhana yang akan dan perlu diambil oleh Jabatan sehingga kini adalah seperti berikut :-

3.2.1 Membaikpulih dan Penstabilan Tebing sungai Jeluh, Di Pekan Kajang Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat Selangor Darul Ehsan.

No.Tender : JPS/N/SEL/SG/10/2015 (CP) (Telah diluluskan oleh Pihak YB Setiausaha Kerajaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Caruman Parit peringkat Negeri.

3.2.2 Kerja membaiki dan membaikpulih struktur L Shape Sg. Jeluh – anggaran RM1.5 juta (Telah diluluskan oleh Pihak YB Setiausaha Kerajaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Caruman Parit peringkat Negeri pada 27 Oktober 2014) melibatkan pembaikan lengkungan S dalam saluran L-shape.

3.2.3 Kerja pembersihan dan pembaikan flap gate selepas banjir – RM0.04 juta.

3.3 Tindakan pelan jangka panjang yang sedang dan akan diambil oleh Jabatan adalah melalui Kajian Saliran Bandar Kajang yang mensyorkan pembinaan dan menaiktaraf kolam takungan sediaada di dalam kawasan Penjara Kajang seluas 2.2 hektar.

4.0 PENUTUP

4.1 Masalah kejadian banjir kilat di Bandar Kajang perlu diatasi segera memandangkan bandar ini menjadi laluan utama menghubungkan antara Bandar Kuala Lumpur dan Seremban. Semua agensi Kerajaan dan swasta perlu bekerjasama dalam menyelesaikan masalah ini termasuk merancang dan mengawal dengan teliti pembangunan di dalam kawasan tadahan Sungai Jeluh.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR HOLDINGS SDN BHD (MSNS)

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan pengarah, pemegang saham dan pengurusan MSNS kini serta kelayakan mereka?
 - b) Senaraikan sumbangan MSNS pada tahun 2014?
 - c) Apakah hala tuju dan strategi MSNS untuk masa hadapan selepas pelantikan Menteri Besar yang baharu?

JAWAPAN:

a)

BIL	NAMA PENGARAH	JAWATAN
1.	YB Amiruddin Bin Shari	Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan Merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah MSNSH
2.	Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman	Pegawai Kewangan Negeri Selangor Merangkap Ahli Lembaga Pengarah MSNSH
3	Y.Bhg Dato' Mohamad Roslan Bin Sakiman	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Merangkap Ahli Lembaga Pengarah MSNSH
4.	En Azal Bin Adzhar	Bendahari Negeri Merangkap Ahli Lembaga Pengarah MSNSH

NO	MAKLUMAT PEMEGANG SAHAM	JUMLAH SAHAM	PERATUSAN PEMILIKAN
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	RM1,000,000.00	100%

No	Maklumat Pengurusan MSNSH	Jawatan	Kelayakan
1	En Rohaidi Bin Tugiro	Pengurus Besar	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Universiti Bolton, UK.
2.	Cik Faizah Bt Sahran	Eksekutif Kanan Kewangan	Degree Accounting kat UPM, Part 2 ACCA Passed.

b)

BIL	SUMBANGAN	TARIKH	NO RUJUKAN	JUMLAH
1.	Sumbangan bagi Kejohanan badminton (anjuran Exco Belia & Sukan)	03/1/2014	CB PV/22765	RM20,000.00
2.	Sumbangan & Derma ke Kebajikan Yayasan Aman	17/07/2014	CB PV/2014/324	RM10,000.00
3.	Sumbangan & Derma ke Majlis Makan Malam Kelab Kakitangan Syarikat Seri Seri	16/12/2014	CB PV/2014/626	RM500.00
4.	Sumbangan & Derma Ke Mangsa Banjir	31/12/14	CB PV/2014/660	RM5,000.00
5.	Pulangan berbentuk sewaan (kepada MBI)	2014	-	RM55,000.00
6.	Anggaran Sumbangan kepada Kerajaan Negeri	2014	-	RM13,875.00 (Akaun MSNSH 2014 sedang dalam proses audit)
JUMLAH				RM104,375.00

c) MSNSH dan sokongan kerajaan Negeri Pimpinan YAB Menteri Besar baru dalam perancangan untuk menjadi syarikat terulung yang bertanggungjawab dalam menguruskan Kompleks-Kompleks serta Facilities Sukan Di Negeri Selangor demi untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang sedia ada serta menjaga aset-aset Negeri Selangor untuk kepentingan pengguna, rakyat di Negeri Selangor dan juga para atlet Selangor di samping memberi keselesaan dan mesra pengguna kepada masyarakat Selangor secara keseluruhannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : ISU PENCEMARAN AIR SUNGAI DAN GANGGUAN BEKALAN AIR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah penjelasan kerajaan terhadap kegagalan mengesan punca dan kejadian pencemaran air sungai apabila kejadian ini telah berlaku berulang kali dan begitu kerap seolah-olah kerajaan tidak pernah belajar daripada kesilapan dan kecuaiannya sendiri?

JAWAPAN:

- a) Setiap kali berlakunya kes kecemasan pencemaran sumber air, JawatankuasaKecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor yang diurusetia oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan dianggotai oleh pelbagai agensi dengan kadar segera akan menyiasat di tempat kejadian dan mengenal pasti punca pencemaran. Setiap agensi teknikal akan mengambil tindakan dan langkah penyelesaian yang sewajarnya berdasarkan bidang kuasa masing-masing bagi menyelesaikan pencemaran yang berlaku.
- i. Antaranya arahan serta merta di tapak mengarahkan pihak bertanggungjawab mengambil tindakan pembaikpulihan segera sehingga masalah pencemaran diatasi.
- ii. Tindakan perundangan yang lebih tegas seperti penyitaan, tawaran kompaun dan pendakwaan turut diambil bagi memastikan isu pencemaran tidak berulang.

Namun terdapat beberapa kekangan dan cabaran yang dihadapi jawatankuasa ketika menjalankan siasatan dan menyelesaikan isu, antaranya pencemaran berlaku pada jangka masa yang singkat dan berlaku pada lewat petang atau malam yang menyukarkan pengenalpastian punca pencemaran.

Gangguan operasi Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih yang disebabkan oleh pelanggaran parameter Mangan ini juga merupakan isu baru dan kali pertama dihadapi. Kekurangan sumber rujukan antara kekangan yang dihadapi dalam mengenal pasti punca pencemaran.

Justeru, pemantauan dan siasatan berkala akan terus dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan dilaksanakan dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012,
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, semua aktiviti yang dijalankan melibatkan badan air, dan
- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dipantau dan dikuatkuasakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya :

- i. Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai.
- ii. Menyediakan daftar sumber air Negeri untuk tujuan kawalan dan penguatkuasaan;
- iii. Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat; dan
- iv. Pembangunan *Decision Support System*, (*DSS*) bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012**
melibatkan 7 Aktiviti Berjadual iaitu akuakultur udang laut, akuakultur air tawar, kawasan pembangunan atau kerja tanah, penternakan selain babi, penternakan babi, haiwan kesayangan dan pencucian pasir/kuari.

- **Pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan Pendakwaan.**
Untuk kes pencemaran minyak Sungai Selangor yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes Selangor tersebut sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Shah Alam.
- **Pewartaan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan.**
Tiada aktiviti berisiko tinggi yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran air sungai dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan. Sungai Selangor telah pun diwartakan. Sungai Langat, Sungai Semenyih dan anak-anak sungai lain sedang dalam tindakan pewartaan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Selangor;
- **Pembangunan *Decision Support System, (DSS)***
pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : ARAK

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah langkah-langkah tegas kerajaan bagi mengawal penjualan arak di premis-premis dalam negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) PBT telah menetapkan garis panduan penjualan arak kepada peniaga minuman keras agar mematuhi garis panduan seperti:-
- i. Mensyaratkan peniaga meletakkan papan tanda larangan menjual minuman keras bagi orang yang berumur 18 tahun ke bawah;
 - ii. Menetapkan jarak lokasi premis perniagaan minuman keras daripada rumah ibadat (masjid, surau, kuil, tokong), pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kawasan perumahan;
 - iii. Mensyaratkan waktu operasi penjualan minuman keras kepada mengikut waktu yang dibenarkan contohnya sehingga jam 12.00 malam; dan
 - iv. Mensyaratkan peniaga untuk memastikan pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis dan tempat terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK : LAPORAN JAWANTANKUASA AUDIT & PENGURUSAN
KORPORATPBT**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapa kalikah laporan Jawatankuasa diterima oleh Kerajaan Negeri dari setiap PBT bagi tahun 2014?
 - b) Apakah alasan dari PBT yang gagal menghantar laporan suku tahun bagi 2014?
 - c) Apakah tindakan penambahbaikan bagi menjamin keberkesanan jawatankuasa ini berfungsi penuh di PBT?

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut disenaraikan jumlah Penghantaranlaporan Jawatankuasa berserta alasan yang diterima oleh Kerajaan Negeri dari setiap PBT bagi tahun 2014.

Bil	PBT	Penghantaran	Catatan/Alasan
1	MBSA	0	Tiada maklumat
2	MBPJ	0	Tiada Surat Peringatan dari SPBT/UPEN
3	MPK	0	Ringkasan Laporan akan dihantar sebelum 31 Mac 2015
4	MPAJ	3	-
5	MPSJ	2	-
6	MPS	4	-

7	MPKJ	0	Tiada Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat diadakan sepanjang tahun 2014 berikutan keanggotaan dikalangan Ahli Majlis bagi tahun 2014 hanya 2 orang dan tidak memenuhi kuorum mesyuarat
8	MPSP	0	Buku Laporan Tahunan yang mengandungi ringkasan laporan audit
9	MDKL	1	Dikumpulkan dan dihantar ke SPBT UPEN pada 12/3/2015
10	MDHS	0	Tiada Surat Peringatan dari SPBT/UPEN
11	MDKS	3	Dihantar melalui Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Akaun Dan Audit
12	MDSB	3	Tiada Surat Peringatan dari SPBT/UPEN

- c) Antara langkah penambahbaikan yang dicadangkan adalah untuk setiap PBT mengadakan kerjasama dengan Bahagian Audit Dalam, Pejabat SUK Selangor serta Jabatan Audit Negara untuk mengadakan penerangan mengenai fungsi pengauditan kepada semua ahli majlis PBT dan Kerajaan Negeri juga mengesyorkan perkara yang berbangkit dari Laporan Jawatankuasa Audit & Pengurusan Koperat PBT boleh di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan untuk dibincangkan sekiranya perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERUNTUKAN PERSEKUTUAN UNTUK SELANGOR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah terimaan kewangan oleh Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan Perlembagaan pada tahun 2014?
- b) Adakah segala terimaan peruntukan pada tahun 2014 telah dibelanjakan?

JAWAPAN:

- a) Pemberian Persekutuan yang disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM727,567,495.00 dan perincian jenis pemberian berdasarkan Perlembagaan Persekutuan adalah seperti di jadual berikut:

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Akta Perlembagaan	Terimaan Tahun 2014 (RM)
1.	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)	Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan	523,486,773.00
2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)	Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan	15,959,000.00
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant)	Akta Pemberian Bilangan Orang 2002 , Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan	64,282,680.00
4.	Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (50%)	Perkara 95B(1)(a), Senarai III – Senarai Bersama	53,100,986.00
5.	Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Selangor	Akta Wilayah Persekutuan 1981	25,805,600.00
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan	Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan	9,441,416.00
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	Akta Pertambahan	35,491,040.00

		Hasil 1977 dan Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007	
Jumlah Terimaan			727,567,495.00

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menerima sumbangan 50% Belanja Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus ke akaun Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan (PADAT) berjumlah RM1,154,000.00 dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS) berjumlah RM7,700,166.00.

Kerajaan Negeri juga menerima bantuan 50% daripada Kerajaan Persekutuan bagi membayar Bil Elektrik (lampu jalan dan lampu isyarat) dan disalurkan terus kepada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor yang berjumlah RM22,014,031.41 bagi tahun 2014.

- b) Terimaan Pemberian Persekutuan oleh Kerajaan Negeri Selangor diperakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor. Perbelanjaan ke atas Kumpulan Wang Disatukan adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Bagi Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS), telah ditentukan cara berbelanja melalui Akaun Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri. Pada tahun 2014 Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM460,940,071.01 atau 88.05% daripada RM523,486,773.00 yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : HAL EHWAL ORANG ASLI

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah di antara 1722 hektar tanah yang telah dijalani pemetaan komuniti telah digazetkan sebagai rizab orang asli?
 - b) Apakah KPI (Key Performance Indicator) kerajaan dalam pewartaan rizab orang asli?
 - c) Senaraikan usaha baru yang telah dilaksanakan untuk komuniti orang asli pada 2015.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri telah mewartakan Tanah Simpanan Kg. Orang Asli Sg. Bumbang Pulau Carey melalui Warta Kerajaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara sebanyak keluasan 329.6 ekar. Untuk tahun 2015, lokasi-lokasi kawasan Orang Asli di daerah Sepang telah mempunyai Pelan Akui (PA) seluas 210.239 ekar dan ini adalah dalam proses pewartaan dan tiga kampung ini adalah Kampung Orang Asli Bakok, Kampung Orang Asli Kelinsing, Kampung Orang Asli Sungai Buah.

Bilangan kampung dan kawasan pemetaan komuniti sudah di siap untuk diperakui oleh Tok Batin dan juga JKKK serta Lembaga Adat Orang Asli adalah sebanyak 6 kampung dengan keluasan 921.11 ekar. Pelan komuniti tanah adat Orang Asli yang telah di siap diperakui oleh Batin dan JKKK Orang Asli di hantar di Pejabat Tanah Daerah bagi tujuan rujukan dan semakan untuk pewartaan. Kerajaan Negeri melalui Badan Bertindak Tanah Orang Asli Selangor (BBTOAS) sejak lantikannya pada tahun 2014 telah mensasarkan sejumlah 10 kampung Orang Asli dan juga kawasan Orang Asli untuk tahun 2015 bagi kerja pemetaan komuniti tanah Adat Orang Asli.

Untuk tahun 2015, beberapa inisiatif baru telah dilaksanakan setakat tiga bulan ini antaranya adalah mengenal pasti projek pembangunan berskala kecil di kawasan Orang Asli, mempromosikan kebudayaan Orang Asli Suku Mameri dalam tahun melawat Selangor 2015. Menyelaras dan juga membantu komuniti Orang Asli Bukit Tadong, Kuala Langat dengan kerjasama agensi pelancongan

untuk membangunkan tanah Adat mereka sebagai tapak rekreasi dan juga pelancongan. Keempat, Kerajaan Negeri membantu dua pelumba sukan pemotoran Orang Asli di angkat menjadi ikon belia Negeri Selangor berserta penajaan perlumbaan.

Kelima, Kerajaan Negeri melalui BBTOAS bagi tahun 2015 memulakan merekod *point-point* GPS kedudukan setiap lokasi Kampung Orang Asli Negeri Selangor sebagai rujukan Kerajaan. Keenam, Kerajaan Negeri melalui BBTOAS mengadakan perjumpaan Batin-batin dan JKKK di Peringkat Daerah serta wakil Orang Asli setiap bulan mulai tahun ini dan akhirnya mengadakan program penerangan dan pengesahan pelan komuniti tanah Adat di setiap kampung yang telah siap pengukuran kawasan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : USAHAWAN BELIA

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program terkini untuk melibatkan golongan belia menjadi usahawan?
- b) Selain daripada modal, adakah terdapat program latihan membentuk usahawan muda yang berjaya?
- c) Apakah sasaran kerajaan untuk mewujudkan usahawan belia yang berjaya tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sangat komited dalam membantu usahawan-usahawan di Negeri Selangor. Usahawan di Negeri Selangor tidak dikategorikan mengikut umur sebaliknya dikategorikan mengikut klasifikasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana dan terbuka kepada semua termasuk usahawan belia.

Usahawan belia lebih cenderung menjalankan perniagaan secara atas talian (*on-line*) dan Kerajaan Negeri Selangor telah menjalinkan kerjasama dan menyertai serta menganjurkan karnival-karnival jualan atau karnival keusahawanan yang berasaskan produk / jualan atas talian (*on-line*) yang disertai dan dihadiri oleh golongan belia seperti:-

- i) Karnival Mega Sale 2014;
- ii) Pesta "*Vintage*" dan Kebudayaan Selangor
- iii) "*Fashion Steet*" Temasya Selangor 15; dan
- iv) "*Garage*" Bazaar

Selain perniagaan atas talian (*on-line*), Kerajaan Negeri Selangor juga turut menganjurkan Program Kontraktor Binaan Muda Negeri Selangor (KoBinas). Dijangka program KoBinas yang telah berlangsung pada 12 hingga 16 Januari 2015 yang lalu akan ditawarkan / dilaksanakan lagi berikutan permintaan yang tinggi. Kerajaan Negeri Selangor akan turut menganjurkan Selangor Mega *Food Festival* 15 dan Selangor Ramadhan *Fest* 15 di sepanjang bulan Jun 2015 ini. Fokus untuk Selangor Mega "*Food Festival*" 15 dan Selangor Ramadhan "*Fest*" 15 ini adalah menyediakan dan memberi platform pemasaran kepada usahawan-usahawan belia atas talian (*on-line*) disamping memperkenalkan produk-produk mereka di pasaran fizikal yang selama ini

mungkin hanya dikenali secara atas talian (*on-line*) di media-media sosial seperti Instagram dan Facebook.

- b) Selain daripada bantuan modal tambahan untuk mengembangkan perniagaan menerusi program Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) dan Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), Kerajaan Negeri Selangor juga turut menawarkan latihan membentuk usahawan muda yang berjaya seperti:-
- i) Program / kursus Kontraktor Binaan Muda Negeri Selangor (KoBinas);
 - ii) Bengkel Peningkatan Pendapatan / Jualan melalui Facebook *Marketing (Simplified Facebook Marketing)*;
 - iii) Bengkel meningkatkan semangat keusahawanan di dalam diri usahawan iaitu Bengkel Mangkin KeusahawananDiri dengan kerjasama MASMED, UiTM;
 - iv) Bengkel Penulisan Kertas Kerja Perniagaan;
 - v) Seminar Memborong di China dan Vietnam;
 - vi) Seminar / Talks ASEAN *Economic Committee (AEC)*, *Foreign Direct Investment (FDI)*, *Free Trade Agreement (FTA)*, eksport, import dan pelaburan (secara “*world cafe*”); dan
 - vii) Lain-lain
- c) Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah mengabaikan golongan belia (generasi muda). Seperti sedia maklum, usahawan generasi muda lebih cenderung menjalankan perusahaan atau perniagaan secara atas talian (*on-line*). Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mengambil serius tuntutan ataupun keperluan generasi muda yang memerlukan anjakan dan dorongan ekonomi digital. Kewujudan internet berkelajuan tinggi membuka pelbagai ruang kemajuan kepada golongan muda serta meningkatkan “*connectivity social*” bandar dan desa. Dalam hal ini dan seperti yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato’ Menteri Besar Selangor semasa Ucapan Pembentangan Bajet Selangor 15, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak pemberi perkhidmatan telekomunikasi untuk menyediakan sekurang-kurangnya 2,500 *hotspots* WiFi berkelajuan 1Mbps dengan lingkungan seluas 100 meter secara percuma. Mengambil kesempatan dan kemudahan yang bakal tersedia, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan membangunkan platform pemasaran atas talian (*on-line*) Selangor *Entrepreneurship Marketing Platform*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah unit Rumah Mampu Milik yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015?
- b) Di manakah lokasi yang telah dikenal pasti untuk pembinaan Rumah Mampu Milik ini?
- c) Berapakah anggaran harga yang akan ditawarkan kepada pembeli?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 6 projek Rumah Selangorku yang mengandungi 1,532 unit yang dijangkakan akan dibina oleh Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya pada tahun 2015 ini. Pihak yang terlibat adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Selaman Sejati Sdn. Bhd. dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Pecahan keenam- enam projek Rumah Selangorku tersebut adalah seperti berikut :

Bil	Pemaju	Projek	Bil. Unit	Harga Jualan (RM)
1.	PKNS	Antara Gapi, Serendah, Hulu Selangor	80	250,000.00
2.		Taman Rasa, Serendah, Hulu Selangor	66	200,000.00
3.	PKNS	Kg Sri Temenggung, Gombak	418	165,000.00
4.	PNSB	Ladang Air Manis, Sabak Bernam	260	100,000.00 – 220,000.00
5.	Selaman Sejati Sdn. Bhd.	Jalan Rusa, Daerah Klang	84	42,000.00 – 180,000.00

6.	LPHS	Taman Ukay Indah, Sg. Sering, Daerah Gombak. (Fasa 1)	624	220,000.00
JUMLAH			1,532	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENJUALAN TALAM CORPORATION KEPADA KERAJAAN NEGERI

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan anak-anak syarikat kerajaan negeri yang terlibat melakukan usahasama dengan Talam?
- b) Berapakah kerugian yang ditanggung anak-anak syarikat hasil usaha sama yang gagal ini?
- c) Nyatakan pecahan hasil daripada "*bailout*" ini yang digunakan untuk membiayai Geran Selangorku?

JAWAPAN:

- a) Anak-anak syarikat yang terlibat bagi usahasama dengan Talam adalah Permodalan Negeri Selangor Berhad, Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Pendidikan Industri Yayasan Sdn. Bhd., Bukit Beruntung Golf Club Sdn. Bhd.
- b) Di dalam proses ini, nilai dan keluasan hartanah yang terlibat adalah berjumlah RM400,941,171.64 dan 4,158.14 ekar. Tiada kerugian sebenar yang dicatatkan dan ia hanya "Opportunity Lost" bagi pihak kerajaan negeri oleh kerana tanah tersebut tidak dibangunkan dan menjana hasil tunai seperti yang dirancang pada peringkat awal. Oleh kerana itu, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif 'round tripping' melalui "Global Settlement Agreement" bersama pihak Talam untuk mendapat kembali aset hartanah yang dapat diusahakan untuk menjana pulangan tunai dan keuntungan.
- c) Transaksi ini bukan "bailout" dan ianya melibatkan transaksi "round tripping" dimanapengambilan semula tanah usahasama yang terbengkalai untuk Kerajaan Negeri usahakan dan menjana pulangan. Dalam transaksi tersebut, terdapat penyelesaian tunai yang berjumlah sekitar RM68juta untuk Program Geran Selangorku.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMBINAAN LANGAT 2

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2?
- b) Senaraikan semua tangki atau kolam takungan baru yang akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 bersama dengan kapasitinya.
- c) Bilakah Fasa 2 akan bermula dan siap?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Dalam menjawab persoalan mengenai Pembinaan Loji Langat 2 ini, Saya akan menjawab dan menerangkan perkara-perkara berikut:

- 1) Pendirian Kerajaan Negeri ke atas pelaksanaan Projek Langat 2;
- 2) Status pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2;
- 3) Senarai semua tangki atau kolam takungan baru yang akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 bersama dengan kapasitinya; dan
- 4) Bilakah Fasa 2 akan bermula dan siap

1) Pendirian Kerajaan Negeri Selangor ke atas pelaksanaan Projek Langat 2

- a) Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa pelaksanaan Projek Langat 2 tidak ada kaitan dengan pelaksanaan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor.
- b) Pembangunan Projek Loji Rawatan Langat 2 adalah merupakan projek di bawah penyeliaan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) dan dilaksanakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai perunding dan kontraktor yang dilantik untuk projek ini.
- c) Berkenaan dengan pelaksanaan Projek Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor amatlah menitik beratkan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan mendukung prinsip berasaskan *value for money*.

Prinsip *value for money* itu hendaklah dilihat bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal projek tetapi juga mengambil kira kos operasi yang akan terlibat di masa akan datang kerana setiap kos yang terlibat itu akhirnya akan diterjemahkan dalam bentuk tarif air yang akan ditanggung oleh rakyat umum.

- d) Kerajaan Negeri menyarankan agar setiap kontraktor yang terlibat di dalam Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 hendaklah dilantik melalui sistem tender terbuka yang telus bagi memastikan kontraktor yang dilantik itu kelak adalah kontraktor yang benar-benar mahir dan berpengetahuan. Ini adalah untuk memastikan setiap komponen projek yang disediakan oleh kontraktor yang telah dilantik itu benar-benar boleh beroperasi dengan baik tanpa memerlukan sebarang kos pembaikan sebaik sahaja projek itu diserahkan kepada operator yang akan mengoperasikan loji tersebut.
- e) Kerajaan Negeri Selangor Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 32/2014 yang bersidang pada 25 Ogos 2014 dan disahkan oleh MMKN ke 33/2014 pada 27 Ogos 2014 telah bersetuju dengan pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2. Memandangkan apabila siapnya Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 ini, bayaran harga air mentah akan dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Perjanjian Jual Beli Air Mentah Pahang ke Selangor, maka saya dengan tegas menyarankan supaya Negeri Selangor turut terlibat dan diberi peranan dalam membuat keputusan berkenaan pelaksanaan projek ini.
- f) Kerajaan Negeri hanya mendapat peluang untuk meneliti spesifikasi teknikal Loji Rawatan Air Langat 2 untuk fasa pertama setelah kontraktor dilantik oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor berpandangan beberapa spesifikasi yang dibuat untuk projek ini adalah berlebihan (*excessive*). Ini sudah tentu akan melibatkan peningkatan kos pembangunan dan kos operasi, contoh yang jelas adalah mengenai spesifikasi sistem proses yang dicadangkan untuk Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2, ia akan melibatkan *dual media* yang menggunakan *granular activated carbon* (GAC).
- g) Penggunaan sistem proses *dual media* yang menggunakan *granular activated carbon* (GAC) adalah sesuai untuk sumber air yang tercemar yang mencapai tahap kelas 4 iaitu pengkelasan air yang terburuk. Persoalannya apakah air yang mengalir di Sungai Semantan yang akan dialirkan ke Negeri Selangor berada pada tahap kelas 4 iaitu sumber air yang mempunyai kualiti yang rendah? Mengapa sungai ini dipilih dan mengapa kerajaan Persekutuan mengambil opsi ini sebagai jalan

penyelesaian menyelesaikan masalah air di negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor akan membayar kadar sepuluh sen per cubic meter kepada Kerajaan negeri Pahang bagi bayaran air mentah tersebut. Pada ketika ini, pihak operator air negeri Selangor hanya membayar sebanyak satu sen per cubic meter sahaja. Semua kos ini, akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna melalui bayaran tariff air.

- h) Persoalan-persoalan beginilah yang menyebabkan Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa dalam melaksanakan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah juga mempunyai kuasa dalam membuat keputusan. Memang tidak dinafikan Kerajaan Persekutuan telah membentuk jawatan kuasa Pemandu pelaksanaan Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihan (JKPPP LRAL2) di mana YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan agensi Kerajaan Negeri Selangor merupakan ahli di dalam jawatan kuasa tersebut. Namun persoalannya, sejauh manakah teguran dan pandangan dari Kerajaan Negeri Selangor boleh didengar dan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan di dalam pelaksanaan projek ini.

2) **Status Pelaksanaan Projek Langat 2**

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri yang terdahulu telah bersetuju meluluskan Pembangunan Projek Loji Rawatan Air Langat 11 selaras dengan persetujuan dan persefahaman yang telah dicapai antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berhubung Penstrukturan Semula Perkhidmatan Industri Air Negeri Selangor melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada 26 Februari 2014.
- b) Dalam melaksanakan Projek Langat 2, ia melibatkan enam belas (16) pakej kerja seperti berikut:-

Pakej	Tajuk Kerja
1B	Paip Air Mentah dari Terowong Projek Air Mentah Pahang-Selangor ke Loji Rawatan Air Langat 2 dan Paip Terawat Dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat
2A	Water Treatment Plant
2B	Kuarters Kakitangan di Loji Rawatan Air Langat

Pakej	Tajuk Kerja
3	Loji Rawatan Enapcemar dan Tapak Pelupusan Enapcemar Langat 2
4	Kolam Air Imbangan Bukit Enggang Berkapasiti 210 Juta Liter
5	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Kolam Air Langat Sedia Ada dan Air Terawat Utama dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat
6	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Ampang Ke Kolam Air AU3
6A	Terowong Air Terawat dari Kolam Air Imbangan Hulu Langat ke Kolam Air Ampang
7	Kolam Air Imbangan Hulu Langat Berkapasiti 92 Juta Liter
8	Kolam Air Ampang Reservoir Berkapasiti 36 Juta Liter
9	Kolam Air AU3 Berkapasiti 28 Juta Liter
10	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Lebuhraya Sg. Besi
11	Paip Air Terawat Utama dari Lebuhraya Sg. Besi ke Kolam Air Sedia Ada Bukit Dengkil
12	Kolam Air Sg. Besi Berkapasiti 22 Juta Liter
13	Kolam Air Bukit Jalil Berkapasiti 22 Juta Liter
14	Kolam Air Petaling Berkapasiti 80 Juta Liter

- c) Dari enam belas pakej kerja tersebut, hanya tiga pakej yang telah dianugerahkan kepada kontraktor iaitu:-

Pakej	Tajuk Kerja	Kontraktor
1B	Paip Air Mentah dari Terowong Projek Air Mentah Pahang-Selangor ke Loji Rawatan Air Langat 2 dan Paip Terawat Dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat	Loh-Loh Construction Sdn Bhd
2A	Water Treatment Plant	Salcon MMC AZRB JV
5	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Kolam Air Langat Sedia Ada dan Air Terawat Utama dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat	Jaks Sdn Bhd

Pakej-pakej lain akan dianugerahkan secara berperingkat-peringkat. Setakat 28 Februari 2015, Kemajuan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (Pakej 2A) : Jadual = 5%, Sebenar = 3%.

- d) Lanjutan dari kelulusan tersebut, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan telah memberikan kelulusan Kebenaran Merancang, butirannya seperti berikut:-

Pakej	Tajuk Kerja	Kelulusan PBT			
		Kebenaran Merancang	Kerja Tanah dan Perparitan	Kerja Bangunan	PBT
1B	Paip Air Mentah dari Terowong Projek Air Mentah Pahang-Selangor ke Loji Rawatan Air Langat 2 dan Paip Terawat Dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat	Kelulusan Kebenaran Merancang telah diperolehi tetapi tarikh kelulusan telah lupus pada 26 Februari 2015.	Belum	Belum	MPKj
2A	Water Treatment Plant	Sudah	Sudah (bersyarat)	Belum	MPKj
2B	Kuarters Kakitangan di Loji Rawatan Air Langat	Kelulusan Kebenaran Merancang telah diperolehi tetapi tarikh kelulusan telah lupus pada 26 Februari 2015.	Belum	Belum	MPKj
3	Loji Rawatan Enapcemar dan Tapak Pelupusan Enapcemar Langat 2	Belum *	Belum	Belum	MPKj
4	Kolam Air Imbangan Bukit Enggang Berkapasiti 210	Kelulusan Kebenaran Merancang telah	Belum	Belum	MPKj

Pakej	Tajuk Kerja	Kelulusan PBT			
		Kebenaran Merancang	Kerja Tanah dan Perparitan	Kerja Bangunan	PBT
	Juta Liter	diperolehi tetapi tarikh kelulusan telah lupus pada 26 Februari 2015.			
5	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Kolam Air Langat Sedia Ada dan Air Terawat Utama dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat	Tidak berkaitan. Hanya Permit kerja diperlukan			MPKj
6	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Ampang Ke Kolam Air AU3	Tidak berkaitan. Hanya Permit kerja diperlukan			MPAJ/DBKL
6A	Terowong Air Terawat dari Kolam Air Imbangan Hulu Langat ke Kolam Air Ampang	Tidak berkaitan. Hanya Permit kerja diperlukan			MPKj
7	Kolam Air Imbangan Hulu Langat Berkapasiti 92 Juta Liter	Kelulusan Kebenaran Merancang telah diperolehi tetapi tarikh kelulusan telah lupus pada 26 Februari 2015.	Belum	Belum	MPKj
8	Kolam Air Ampang Reservoir	DBKL			

Pakej	Tajuk Kerja	Kelulusan PBT			
		Kebenaran Merancang	Kerja Tanah dan Perparitan	Kerja Bangunan	PBT
	Berkapasiti 36 Juta Liter				
9	Kolam Air AU3 Berkapasiti 28 Juta Liter	Tidak berkaitan. Hanya Permit kerja diperlukan			MPKj
10	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Iimbangan Bukit Enggang ke Lebuhraya Sg. Besi	Tidak berkaitan. Hanya Permit kerja diperlukan			MPSj
11	Paip Air Terawat Utama dari Lebuhraya Sg. Besi ke Kolam Air Sedia Ada Bukit Dengkil	Kelulusan Kebenaran Merancang telah diperolehi tetapi tarikh kelulusan telah lupus pada 26 Februari 2015.	Belum	Belum	MPKj
12	Kolam Air Sg. Besi Berkapasiti 22 Juta Liter	Kelulusan Kebenaran Merancang telah diperolehi tetapi tarikh kelulusan telah lupus pada 26 Februari 2015.	Belum	Belum	MPKj
13	Kolam Air Bukit Jalil Berkapasiti 22 Juta Liter	Belum	Belum	Belum	MPSj
14	Kolam Air Petaling Berkapasiti 80 Juta Liter	Belum	Belum	Belum	MPSj

- e) Selain dari kelulusan Kebenaran Merancang, Kerajaan Negeri juga memberikan kelulusan untuk pengambilan balik tanah.

Pakej	Tajuk Kerja	Status Pengambilan Balik Tanah
1B	Paip Air Mentah dari Terowong Projek Air Mentah Pahang-Selangor ke Loji Rawatan Air Langat 2 dan Paip Terawat Dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 8 lot tanah persendirian yang belum selesai. Perbicaraan peringkat 2 sedang dibuat
2A	Water Treatment Plant	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 20 lot tanah persendirian yang belum selesai. Penarikan balik 3 lot kerana kos pampasan terlalu tinggi dan melibatkan kubur lama Perbicaraan peringkat 2 sedang dibuat
2B	Kuarters Kakitangan di Loji Rawatan Air Langat	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 2 lot tanah persendirian yang belum selesai Perbicaraan peringkat 2 sedang dibuat
3	Loji Rawatan Enapcemar dan Tapak Pelupusan Enapcemar Langat 2	<ul style="list-style-type: none"> melibatkan lebih dari 80 lot tanah persendirian
4	Kolam Air Imbangan Bukit Enggang Berkapasiti 210 Juta Liter	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 3 lot tanah persendirian yang belum selesai dan 2 lot tanah TDK. Perbicaraan peringkat 2 sedang dibuat
5	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Imbangan Bukit Enggang ke Kolam Air Langat Sedia Ada dan Air Terawat Utama dari Loji Rawatan Air Langat 2 ke Kolam Air Imbangan Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 9 lot tanah persendirian yang belum selesai. 6 lot masih belum diwartakan. Perbicaraan peringkat 2 sedang dibuat
6	Paip Air Terawat Utama dari Kolam Air Ampang Ke Kolam Air AU3	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 7 lot tanah persendirian yang belum diwartakan. Kemukaan pelan-pelan pengambilan balik tanah (LA plan) telah

Pakej	Tajuk Kerja	Status Pengambilan Balik Tanah
		dikemukakan kepada JKPTG pada 23 Dec 2014.
6A	Terowong Air Terawat dari Kolam Air Imbangan Hulu Langat ke Kolam Air Ampang	melibatkan 7 lot tanah persendirian. Pelan akan dikemukakan sebelum 31 March 2015 selepas kerja-kerja penyiasatan tapak selesai.
7	Kolam Air Imbangan Hulu Langat Berkapasiti 92 Juta Liter	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 7 lot tanah persendirian yang belum selesai. Perbicaraan peringkat 1 (1st hearing) bagi 6 lot telah dibuat pada 21/10/2014. Menunggu JPPH untuk memanggil perbicaraan peringkat 2 bagi 5 lot dan peringkat 1 untuk 1 lot.
11	Paip Air Terawat Utama dari Lebuhraya Sg. Besi ke Kolam Air Sedia Ada Bukit Dengkil	5 lot tanah persendirian masih belum diwartakan Perbicaraan peringkat 1 (1 st hearing) bagi 2 lot telah dibuat pada 21 Okt 2014 Masih menunggu JKPTG untuk memanggil perbicaraan peringkat ke 2.
12	Kolam Air Sg. Besi Berkapasiti 22 Juta Liter	4 lot tanah persendirian masih belum diwartakan. (KeTTHA mungkin perlu mendaftar semula secara 'on-line' semula permohonan pengambilan tanah tersebut kerana terdapat masalah ke atas pendaftaran on-line terdahulu).

3) Senarai semua tangki atau kolam takungan baru yang akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 bersama dengan kapasitinya

Mengikut perancangannya, tangki atau kolam takungan baru yang akan dibina untuk menerima air yang dirawat oleh Langat 2 adalah seperti berikut:

Per	Kolam Imbangan Air	Kapasiti (Juta Liter)	Kawasan Liputan Bekalan
1.	Bukit Enggang	210	Koridor Barat (Petaling)
2.	Hulu Langat	92	KL Selatan Dan Pusat Bandar

Per	Kolam Air Service	Kapasiti (Juta Liter)	Kawasan Liputan Bekalan
1.	Sg. Besi	22	Disambungkan dengan Paip Air Sediada dan dibekalkan ke Sg. Besi & KL Selatan
2.	Bukit Jalil	22	Dibekalkan ke KL Selatan (KL Selatan : Bkt Jalil, Sg. Besi, Sri Petaling)
3.	Petaling	80	Dibekalkan ke mukim Petaling termasuk kawasan Bukit Gasing, Kinrara dan Puchong
4.	Ampang	36	Dibekalkan ke Ampang dan KL Timur (KL Timur : Wangsa Maju, Mindef, Datuk Keramat)
5.	AU3	28	Dibekalkan ke Kuala Lumpur Timur dan utara (KL Utara : Setapak, Melawati)

4) Pelaksanaan fasa 2

Fasa 2 Projek Langat 2 masih tiada dalam perancangan PAAB.

Walau bagaimanapun, pengambilan balik tanah bagi tapak projek ini telah dibuat oleh pihak Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PERANCANGAN KHUSUS UNTUK MENGANGKAT SESUATU TEMPAT
SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN TERPILIH**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan?
- b) Bagaimanakah kerajaan boleh membantu daripada segi kos kajian, dokumentasi dan publisiti serta promosi untuk mencapai perkara di atas?

JAWAPAN:

- a) Untuk mengangkat sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan perlu merujuk Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992. Kementerian menguatkuasakan akta-akta dan peraturan berikut :
 - Akta Industri Pelancongan 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan Institusi Latihan Pelancongan) 1994;
 - Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Mengkompauan Kesalahan-Kesalahan) 1992;
 - Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999; dan
 - Peraturan-Peraturan Kenderaan Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Kenderaan Pelancongan) 2000.

Antara faktor-faktor yang boleh dikaitkan untuk membangunkan sesebuah tempat menjadi tempat pelancongan adalah seperti yang berikut.

i) Kemudahan Infrastruktur.

Kemudahan Infrastruktur ini amat penting untuk memberi keselesaan kepada pengunjung dan juga para pembangun industri pelancongan dalam meneruskan perniagaan mereka.

ii) Kemudahan Jalan dan Akses.

Kemudahan jalan dan akses juga perlu dibangunkan dengan baik untuk memberikan laluan yang mudah untuk para pelancong dan juga peniaga untuk ke tempat pelancongan yang ingin dibangunkan. Selain itu, kemudahan jalan dan akses yang baik dapat memberikan skop di dalam peta

iii) Nilai Komersial.

Nilai komersial sesuatu tempat dapat menggambarkan “x-factor” dan keunikan yang ada pada sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan tersebut.

iv) Promosi.

Pelbagai kaedah promosi perlu dijalankan antaranya Sesi Pelancaran, Laman Web Rasmi, Laman Media Sosial, dan hebahan melalui media cetak. Selain itu, pihak pembangun perlu menyediakan pakej dan bahan promosi yang menarik untuk memberi peluang pengunjung menikmati kelebihan yang diberikan.

- b) Bagi mengangkat sesebuah tempat untuk mencapai nilai destinasi pelancongan, Kerajaan Negeri turut menjalankan beberapa kajian dan dokumentasi serta publisiti dan promosi yang berterusan melalui kerjasama bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan TSSB sendiri sebagai badan pelancongan negeri.

Walau bagaimanapun, bagi menjalankan sesuatu kajian atau dokumentasi, Kerajaan negeri buat masa ini hanya memberi keutamaan kepada produk-produk pelancongan yang difikirkan berpotensi untuk diangkat sebagai produk utama pelancongan negeri serta bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

Antara kajian dan dokumentasi yang pernah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi yang berkaitan adalah Kajian Pemantauan Populasi Kelip-kelip dan Kajian Saintifik Permatang Kuarza Genting Kelang Sebagai Tapak Warisan Geologi Kebangsaan Dan Tapak Warisan Dunia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PELABURAN DAN PERNIAGAAN DI SELANGOR : MENGIKUT
KAJIAN (SURVEY) EKONOMI YANG TERKINI, SELANGOR TELAH
JATUH KE TANGGA KELIMA (5) DARI SEGI MENARIK MINAT
PELABUR-PALABUR DAN PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN ASING
DAN TEMPATAN DI MALAYSIA**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan atau langkah telah diatur oleh Selangor untuk pastikan negeri Selangor ketangga no.1 dalam segi pelaburan?
- b) Adakah Selangor akan mengkaji semula polisi-polisi dan syarat-syarat pelaburan dan perniagaan yang ada sekarang untuk menarik semula minat pelabur dan pemaju perumahan asing/tempatan?

JAWAPAN:

- a) Dalam memastikan Negeri Selangor ke tangga no 1 dalam segi pelaburan, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor merancang beberapa langkah seperti berikut:-
 - i. Promosi pelaburan di dalam dan luar negara.
 - ii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
 - iii. Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
 - iv. Program-program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.
 - v. Program pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.
 - vi. Penyertaan di dalam pameran-pameran yang berkaitan.
- b) Kerajaan Negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, IKS dan Pengangkutan Negeri Selangor dan agensi-agensi terlibat pada masa ini dalam proses mengkaji semula polisi – polisi dan syarat – syarat pelaburan dan perniagaan yang sedia ada untuk menarik semula minat pelabur dan pemaju perumahan asing / tempatan. Antara polisi – polisi dan syarat – syarat yang sedang dikaji semula seperti:-

- i. Garis Panduan Perolehan Hartanah Oleh Warganegara Asing / Penduduk Tetap / Syarikat Asing di Negeri Selangor.
- ii. Proses – Proses Kelulusan pembangunan seperti Permohonan Kebenaran Merancang, kelulusan Pelan Bangunan, Pelan Infra dan sebagainya.
- iii. Polisi berkenaan proses memperbaharui Lesen Perniagaan di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauhmanakah program tersebut berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di Selangor ?
- b) Berapakah jumlah penduduk Selangor yang masih dikategorikan miskin pada tahun 2013 dan 2014 ?

JAWAPAN:

- a) Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjana pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-
 - i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
 - ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS
 - iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School*.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di bawah Jawatankuasa - jawatankuasa Tetap yang lain untuk membantu meringankan bebanan rakyat seperti Program Air Bersih Percuma sebanyak 20 meter padu sebulan, Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Tabung Warisan Anak

Selangor (TAWAS), Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan pelbagai lagi.

Melalui pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri ini, ianya dilihat berupaya menghasilkan impak positif terhadap pendapatan golongan sasaran serta seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor. Merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2012 (seperti di **JADUAL 5**), negeri Selangor mencatatkan peratusan kadar kemiskinan sebanyak 0.4% manakala 0.0% bagi kemiskinan tegar. Ini menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di negeri Selangor adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data dan statistik keseluruhan jumlah penduduk miskin bagi tahun 2013 dan 2014. Ini kerana tiada kajian khusus yang dibuat bagi menghitung jumlah pendapatan penduduk. Namun begitu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM438,600.00. Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk:-
- i. Mengenalpasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor;
 - ii. Menganalisis Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan; dan
 - iii. Mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) yang mengandungi data lengkap danholistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan.

Kajian ini dibahagikan kepada dua kawasan iaitu di kawasan bandar (*urban*) dan di luar bandar (*rural*). UNISEL akan memberi tumpuan kepada enam (6) daerah yang diklasifikasikan sebagai luar bandar manakala UTAR akan memberi penekanan kepada kajian di tiga (3) daerah yang diklasifikasikan sebagai kawasan bandar. Secara ringkasnya, kajian ini menggunakan rekabentuk *Mixed-Methods, Sequential Explanatory Strategy* dan *Sequential Exploratory Design* melalui empat (4) kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif seperti berikut:-

- Kaedah Temubual (*Interview*);
- Kaedah Soal-selidik (*Questionnaire*);
- Kaedah Pemerhatian Ikut-serta (*Participant-Observation*); dan
- Kajian Kes (*Case Study*).

Bagi kaedah pengumpulan data secara soal selidik, pemilihan sampel pula dibuat secara *Disproportionate Stratified Sampling*, *Stratified Random Sampling* dan *Random/ Probability Sampling*. Kajian ini akan membuat bancian pendapatan dan kos sara hidup serta memberi jawapan holistik dan inklusif dalam tempoh maksima dua belas (12) bulan, Mac 2015 hingga Februari 2016 mengenai bancian pendapatan dan kos sara hidup di kalangan isi rumah Selangor.

Di samping itu, satu Sistem Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) juga akan dibangunkan melalui kajian ini yang mana merupakan satu pangkalan data yang lengkap dan holistik isi rumah Negeri Selangor secara tidak langsung akan berperanan sebagai pusat rujukan/ maklumat utama kepada semua Jabatan/ Agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor mengenai kadar kemiskinan di Negeri Selangor. Indeks PGK Negeri Selangor juga akan dibangunkan hasil daripada pembangunan Model Pengiraan PGK dan analisis perbandingan Model Pengiraan PGK.

Pasukan penyelidik adalah terdiri daripada gabungan sebelas (11) orang pengkaji dari UNISEL dan UTAR yang terdiri dari mereka yang mempunyai latar belakang kajian dan kepakaran yang pelbagai. Pihak perunding yang dilantik iaitu UNISEL dan UTAR perlu menyediakan dan mengemukakan laporan-laporan berkala termasuk laporan awal/ *pilot* projek, laporan *interim*/ kemajuan, deraf laporan akhir dan laporan akhir/ penuh berkenaan keputusan kajian kepada Seksyen Sektor, UPEN.

Kajian ini didapati sangat relevan bagi menjadi sumber rujukan utama yang penting dalam membolehkan serta memudahkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti, merangka serta menentukan hala tuju, strategi, dasar baru dan bajet yang lebih komprehensif bagi membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Ianya juga berupaya memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan. Selain itu, kajian ini dilihat membolehkan golongan sasaran terus mendapat manfaat serta memastikan peluang ekonomi secara saksama tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih makmur dan berdaya maju.

JADUAL 5

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI DAN STRATA DI MALAYSIA TAHUN 2012

Jadual 2.2: Insiden kemiskinan mengikut negeri dan strata, Malaysia, 2012

Table 2.2: Incidence of poverty by state and strata, Malaysia, 2012

Negeri State	(%)					
	Insiden kemiskinan/Incidence of poverty					
	Miskin/Poor			Miskin tegar/Hardcore poor		
	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar Bandar Rural	Jumlah Total	Bandar Urban	Luar Bandar Rural
Malaysia	1.7	1.0	3.4	0.2	0.1	0.6
Johor	0.9	0.7	1.4	0.1	0.1	0.0
Kedah	1.7	1.1	2.6	0.1	0.0	0.4
Kelantan	2.7	1.8	3.4	0.3	0.2	0.4
Melaka	0.1	0.2	0.0	0.0	0.0	0.0
Negeri Sembilan	0.5	0.5	0.3	0.1	0.1	0.0
Pahang	1.3	1.1	1.4	0.2	0.2	0.2
Pulau Pinang	0.6	0.5	1.0	0.0	0.1	0.0
Perak	1.5	1.1	2.2	0.2	0.0	0.4
Pertis	1.9	0.9	2.6	0.5	0.2	0.6
Selangor	0.4	0.2	2.3	0.0	0.0	0.0
Terengganu	1.7	1.5	2.0	0.2	0.2	0.2
Sabah	8.1	5.3	12.7	1.6	0.6	3.2
Sarawak	2.4	1.1	4.0	0.3	0.3	0.4
W.P. Kuala Lumpur	0.8	0.8	n.a.	0.1	0.1	n.a.
W.P. Labuan	1.1	0.6	2.7	0.0	0.0	0.0
W.P. Putrajaya	-	-	n.a.	-	-	n.a.

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapa perkhidmatan Wifi Selangorku ditamatkan?
- b) Nyatakan perbelanjaan bagi penyelenggaraan Wifi Selangorku mengikut tahun sejak pelancaran.
- c) Nyatakan kriteria pelantikan vendor baru bagi program ini.

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan WiFi Selangorku masih diteruskan untuk digunakan oleh semua rakyat Negeri Selangor, hanya pengendali sedia ada akan bertukar berdasarkan kontrak perjanjian yang akan tamat tempoh.
- b) Kerajaan Negeri dengan menggunakan peruntukkan Geran Selangorku daripada Pembedaan Menteri Besar (MBI) telah membelanjakan sebanyak RM 2,4487,504.19 sepanjang 2 tahun tempoh kontrak perjanjian. Pecahan mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah :-

Tahun	Kos	Status
2013	RM 1,027,880.58	Selesai Pembayaran
2014	RM 1,129,383.83	Selesai Pembayaran
2015	RM 330,239.78	Belum Dituntut
Jumlah	RM 2,4487,504.19	

- c) Pengendali yang dilantik bagi meneruskan perkhidmatan WiFi Selangorku adalah berdasarkan keupayaan pengendali menyediakan perkhidmatan ini dengan kadar segera. Pengendali yang baru juga perlu merupakan salah satu Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) dan Telekomunikasi yang baik di pasaran. Pelantikan pengendali yang baru ini diuruskan oleh MBI melalui Ketetapan Pekeliling resolusi Ahli Lembaga Pengarah MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : MODERN PIG FARMING

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan akan melaksanakan projek tersebut?
- b) Apakah kebaikannya dibandingkan dengan penternakan tanpa kawalan seperti sekarang?
- c) Adakah dengan terlaksananya projek ini harga tanah di Tanjung Sepat dapat dipulihkan (harga merudum kerana penternakan babi yang tidak terkawal)?

JAWAPAN:

- a) Projek ini akan dilaksanakan pada tahun 2015. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri merancang untuk :
 - i. melantik syarikat perunding
 - ii. menyelesaikan kelulusan daripada pihak berkuasa negeri

Secara keseluruhannya, pembangunan MPF ini mengambil masa 3 tahun dan dijangka beroperasi pada 2019.

- b) Projek ini mempunyai banyak kebaikan, iaitu :
 - i. Pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan kerana penternakan babi ditumpukan ke satu tempat sahaja.
 - ii. Mencegah pencemaran melalui sistem pengolahan sisa berpusat yang lengkap dengan berkonsepkan “zero-discharge”.
 - iii. Projek ini bersifat “self-contained” di mana kandang,, rumah sembelih, loji pemprosesan dan sebagainya terletak dalam kawasan MPF. Hanya daging dan produk babi yang diangkut oleh “refrigerated truck” dibenarkan keluar daripada kawasan projek.
 - iv. Semua ladang dalam MPF dikehendaki melaksanakan Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP).

- v. Zon penampungan selebar 300 m di sekeliling MPF bertujuan untuk memelihara kesejahteraan masyarakat sekeliling.
- c) Sudah tentu harga tanah di Tanjung Sepat dapat dipulihkan. Para pembeli dan pelabur dijangka lebih yakin dengan kawasan ini kerana tiada lagi kontroversi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROGRAM TERJAH DENGGI

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana program terjah denggi ini dapat mengurangkan kadar penyakit denggi di Selangor?
- b) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengawal wabak denggi?
- c) Berapa jumlah saman salah laku denggi, senaraikan mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Program Gotong-Royong Mega: Terjah & Musnah Aedes Negeri Selangor 2014 telah di adakan pada 16 November 2014 manakala, Program Terjah & Musnah Aedes Daerah Petaling telah di adakan pada 7 Februari 2015 . Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor bersama semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah bersama-sama turun padang bagi melaksanakan program ini.

Strategi utama program ini adalah meningkatkan kesedaran awam dan aktiviti "cari dan musnah" kawasan potensi pembiakan nyamuk di dalam dan di luar rumah oleh setiap individu serta masyarakat.

Keberkesanan Program ini dapat dilihat melalui statistik kes denggi mingguan yang semakin menurun setelah program ini di jalankan pada 7 Februari 2015 khususnya di daerah Petaling.

	31 Dis 14	10- Jan -15	31- Jan- 14	7- Feb- 15	14- Feb- 15	21- Feb- 15	28- Feb- 15	7- Mar- 15	14- Mar- 15	21- Mar- 15
Petaling	751	657	1025	955	917	883	736	778	599	547

- b) Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengawal wabak denggi di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Rancangan jangka pendek:

- i. Meningkatkan langkah-langkah kawalan tempat pembiakan melalui
 - a. semburan kabus termal
 - b. semburan kabus ULV
 - c. membunuh jentik-jentik (larvaciding)
- ii. Meningkatkan aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan
- iii. Meningkatkan aktiviti Penguatkuasaan

Rancangan jangka panjang:

- i. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan, YB Pn Dr. Daroyah bt Alwi yang bermesyuarat setiap 2 kali sebulan bagi membincangkan masalah dan langkah kawalan terbaik dalam kawalan denggi.
- ii. Pembentukan *Task Force Denggi* diperingkat PBT yang melibatkan pelbagai Jabatan berkaitan di PBT mengerakkan aktiviti kawalan Denggi yang lebih berkesan
- iii. Menyediakan Pelan Tindakan Selangorku Bebas Denggi 2015 iaitu Program 'Terjah & Musnah Aedes' yang menitikberatkan aktiviti pencegahan di kawasan-kawasan yang berisiko untuk diperiksa
- iv. Memperkukuhkan 'maintenance culture' agar masyarakat sentiasa peka terhadap persekitaran sekeliling agar sentiasa bersih dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes
- v. Meletakkan tanggungjawab 'accountability' kepada ketua jabatan / agensi/ CEO berkaitan kebersihan premis dan bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes
- vi. Menitikberatkan mengenai kebersihan alam sekeliling
- vii. Memperkasa masyarakat setempat dengan pelbagai program kesedaran mengenai bahaya denggi dan cara mengatasinya

PBT	Program/ Projek Khas PBT
MBPJ	Search & Destroy Aedes Ranger - SEDAR
MBSA	ADVOKASI dan 'Task Force' Denggi MBSA
MPSJ	Kajian Nyamuk Toxo
MPK	a) Program kebersihan bersama ADUN dan Ahli Majlis. b) Program Gerak Gempur Aedes bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. c) Program Cikgu Ku Cantik di peringkat sekolah. d) Risalah pelbagai bahasa
MPSP	a) Dengue Action Community-DAC. b) Dengue Action Kids-DAK c) Bas Sekolah Tanpa Aedes – BATAS

c) Jumlah salah laku denggi mengikut PBT adalah seperti berikut:

Bagi tahun 2014 :-

PBT	Notis	Kompaun
MBSA	7	623
MBPJ	1501	801
MPK	3	85
MPAJ	108	36
MPS	216	132
MPSJ	-	227
MPKJ	138	28
MPSP	10	-
MDKL	-	8
MDKS	34	48
MDHS	16	20
MDSB	1	72
JUMLAH	2034	2080

Manakala bagi tahun 2015 (sehingga epid 10 – 14 mac 2015)

PBT	Notis	Kompaun	Arahan Tutup
MBSA	125	207	1
MBPJ	52	114	4
MPK	-	27	-
MPAJ	31	-	-
MPS	97	31	1
MPSJ	179	38	-
MPKJ	33	22	12
MPSP	-	-	-
MDKL	2	-	-
MDKS	9	-	-
MDHS	8	-	-
MDSB	-	-	-
JUMLAH	536	439	18

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan rizab kerajaan negeri?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri mengawal penggunaan rizab bagi memastikan setiap perbelanjaan yang dikeluarkan adalah bernilai?

JAWAPAN:

- a) Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan adalah dipegang oleh wang tunai dan pelaburan.

Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2014 adalah meningkat sebanyak 10.11% iaitu daripada RM2,907.10 juta pada tahun 2013 kepada RM3,200.91 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini disumbangkan oleh lebihan terimaan amanah pada tahun 2014 berjumlah RM181.87 juta dan lebihan Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM111.94 juta. Kutipan hasil Kerajaan Negeri mencatatkan jumlah yang tertinggi pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM2,225.08 juta. Sumber peningkatan ketara yang menjadi hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2014 adalah terimaan Hasil Bukan Cukai sebanyak RM1,437.26 juta berbanding anggaran sebanyak RM1,066.59 juta.

Pengukuhan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor adalah disumbangkan oleh usaha-usaha yang berterusan bagi meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor di samping pengurusan perbelanjaan wang awam yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*).

- b) Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Oleh yang demikian, tidak kesemua rizab Kerajaan Negeri boleh dibelanjakan memandangkan ia adalah

juga sebahagian daripada Akaun Amanah Disatukan yang akan digunakan mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah dan arahan amanah.

Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap perbelanjaan yang dikeluarkan adalah bernilai telah melaksanakan perkara-perkara berikut:-

1. Perbendaharaan Negeri Selangor memperkemaskan dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemat dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil ke arah pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna telah mengeluarkan:-
 - 1.1. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 7 Tahun 2013 : Garis Panduan Perbelanjaan Berhemat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 bertujuan untuk memaklumkan garis panduan perbelanjaan berhemat bagi mengawal perbelanjaan Kerajaan Negeri;
 - 1.2. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2014 : Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bertujuan memaklumkan berkenaan langkah penjimatan dalam perbelanjaan sektor awam;
 - 1.3. Surat Arahan Perbendaharaan – Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa pada 1 April 2014 bagi memaklumkan mengenai perubahan had nilai dan syarat-syarat pembelian terus bagi bekalan/perkhidmatan dan had nilai kerja *requisition* selaras dengan langkah penjimatan Kerajaan; dan
 - 1.4. Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 7 Tahun 2014 - Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2015 bagi memaklumkan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperolehi melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah.
2. Mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan ke atas penggunaan Kumpulan Wang Disatukan / Rizab Negeri iaitu:-
 - 2.1. Kawalan Dewan Negeri Selangor contohnya pewujudan Jawatan Kuasa Kira-kira Wang Awam;

- 2.2. Kawalan Perbendaharaan – penguatkuasaan Akta Tatacara Kewangan, Pekeliling Perbendaharaan dan Sistem Perakaunan Berkomputer dengan Kawalan dan Sekuriti bagi kelulusan sesuatu perbelanjaan dan perolehan; dan
- 2.3. Kawalan Jabatan – contohnya tanggungjawab Pegawai Pengawal dari segi pengurusan kewangan Jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN BANTUAN PENDIDIKAN UNTUK SJKC

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kriteria yang digunakan untuk memilih SJKC bagi pemberian bantuan pendidikan fasa 2 pada tahun 2014.
- b) Nyatakan sebabnya kenapa semua SJKC di Hulu Selangor tidak dipertimbangkan dalam pemberian bantuan pendidikan fasa 2 pada tahun 2014.

JAWAPAN:

- a) Kriteria pemilihan SJKC bagi pemberian bantuan pendidikan Fasa 2 2014 adalah berdasarkan perkara berikut:
 - i. Keutamaan diberi kepada sekolah-sekolah yang belum mendapat bantuan untuk Fasa 1
 - ii. Keadaan infrastruktur sekolah
 - iii. Jumlah baki peruntukan yang sedia ada.
- b) Bagi Fasa 1 jumlah bantuan sekolah yang telah diberikan kepada SJKC di Daerah Hulu Selangor adalah sebanyak RM58,000.00 kepada 8 buah sekolah. Bagi fasa 2 berdasarkan penelitian yang telah dibuat oleh pihak jawatankuasa sekolah-sekolah, permohonan yang telah dikemukakan bagi fasa 2 adalah tidak memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PENTADBIRAN MASJID

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan prestasi pentadbiran masjid sekarang yang diurus tadbir oleh anak qariah sendiri?
- b) Berapa banyakkah masjid yang telah mencapai SOP yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS?

JAWAPAN:

- a) Secara keseluruhannya Ya, Kerajaan Negeri berpuas hati dengan prestasi pentadbiran masjid yang dikendalikan oleh anak qariah masing-masing. Daripada 408 buah masjid pada tahun 2014 hanya terdapat 46 buah masjid atau 11.27% dari keseluruhan masjid.
- b) Pada tahun 2009 JAIS telah melaksanakan KPI Pengurusan Masjid yang mengandungi 14 objektif meliputi Pentadbiran , Pengimarah dan Keceriaan. Dengan adanya kayu ukur ini kita dapat mempertingkatkan mutu daya urus Tadbir masjid di seluruh Negeri Selangor. Berikut adalah masjid yang telah mendapat pengiktirafan Lima (5) Bintang semenjak sistem KPI dilaksanakan:

Tahun	Jumlah
2009	4
2010	11
2011	12
2012	19
2013	20
2014	27

Peratusan Pencapaian 1-5 Bintang Tahun 2014 mengikut jumlah masjid yang dihantar kepada Bahagian Pengurusan Masjid

Daerah	5 Bintang 90% - 100%	4 Bintang 80% - 89 %	3 Bintang 70% - 79%	2 Bintang 60% - 69%	1 Bintang 50% - 59%	0 Bintang 01% - 49%	Jumlah
Sabak Bernam	4	22	17	2	1	1	47
Kuala Selangor	3	19	18	12	3	3	58
Klang	1	12	23	8	-	-	44
Kuala Langat	-	4	19	7	3	-	33
Sepang	1	8	11	4	1	-	25
Hulu Langat	3	11	18	17	1	-	50
Petaling	7	32	27	10	2	3	78
Gombak	7	18	7	4	1	-	37
Hulu Selangor	1	6	11	1	4	-	23
Jumlah	27	132	151	64	16	7	395

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PENGURUSAN PANGSAPURI (JMB & MC)

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah JMB dan MC yang telah didaftarkan di Negeri Selangor ini mengikut PBT?
- b) Berapa peratus dari senarai di atas yang bermasalah dan gagal menguruskan pangsapuri dengan baik?
- c) Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi JMB dan MC yang bermasalah ini?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini, jumlah JMB dan MC yang telah ditubuhkan di Negeri Selangor mengikut PBT seperti berikut:

BIL.	PBT	JMB	MC
1	MBSA	160	56
2	MBPJ	269	98
3	MPK	109	21
4	MPSJ	251	190
5	MPAJ	212	116
6	MPKj	192	124
7	MPS	100	51
8	MPSp	53	4
9	MDHS	22	1
10	MDKS	19	7
11	MDKL	23	0
12	MDSB	-	2
JUMLAH		1,410	670

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, faktor utama yang menyebabkan JMB dan MC gagal menguruskan pangsapuri dengan baik kerana tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi berikutan peratus penduduk yang tidak membayar caj adalah tinggi.
- c) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemudah Isu-Isu Hartanah Bertingkat (PRIHATIN) untuk bertindak sebagai mediator untuk menyelesaikan is-isu pengurusan bangunan strata termasuk permasalahan

kelemahan pengurusan JMB dan MC. Selain itu, berdasarkan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) Akta 663, setelah siasatan sewajarnya dilaksanakan, Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan atau mengeluarkan arahan untuk mengadakan suatu mesyuarat agung bertujuan melantik ahli jawatankuasa yang baru bagi mengambil alih pengurusan JMB dan MC yang gagal dan bermasalah. Kerajaan Negeri juga setakat ini telah mengemukakan sejumlah 571 kes pendakwaan ke mahkamah bagi kesalahan pemilik gagal membayar caj untuk membantu JMB dan MC memperoleh sumber kewangan untuk menguruskan pangsapuri.

Bagi memperkasakan kemahiran JMB dan MC, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan program FOKUS (Format Kurikulum Bersapadu Pengurusan Bangunan Strata) untuk melatih jawatankuasa JMB dan MC yang dilantik supaya bersedia menghadapi cabaran dalam mengurus dan mentadbir pangsapuri yang mereka duduki. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembekal set peralatan komputer berserta sistem pengurusan perakaunan kepada 20 kawasan pangsapuri untuk memastikan pengurusan kewangan yang dilaksanakan oleh JMB dan MC adalah teratur. Secara tidak langsung, ianya dapat mengurangkan pertikaian daripada penduduk ke atas pengurusan kutipan dan perbelanjaan caj yang dilaksanakan oleh JMB dan MC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PELAKSANAAN CUKAI PERKHIDMATAN DAN BARANGAN (GST)

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian kerajaan negeri dengan pelaksanaan GST oleh kerajaan persekutuan pada 1 April 2015?
- b) Adakah kerajaan negeri pernah mengadakan perbincangan berkenaan GST bersama kerajaan persekutuan sebelum ini?

JAWAPAN:

Jawapan seperti di dalam Hansard Persidangan Dewan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : ISU CERUN

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengemukakan garis paduan lengkap untuk MPAJ supaya MPAJ dapat menukarkan pinjaman wang Kerajaan Negeri kepada geran?
- b) Berapakah peruntukan atau pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada MPAJ untuk menyelesaikan masalah cerun setakat Mac 2015?

JAWAPAN:

- a) Tiada garis panduan yang telah dikemukakan.
Walau bagaimanapun pihak MPAJ ada memohon kepada Kerajaan Negeri untuk menukarkan pinjaman wang kepada sumbangan pada 5 Mac 2014 dan telah ditolak.

Rujukan: Cabutan Daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 9/2014 Yang Diadakan Pada 5 Mac 2014 Yang Telah Disahkan Oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 10/2014 Pada 12 Mac 2014.

- b) Jumlah Pinjaman MPAJ : **RM 29,322,105.37.**

Perincian projek sila **rujuk Lampiran 1 – 3.**

LAMPIRAN 1

Jumlah peruntukan atau pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada MPAJ untuk menyelesaikan masalah cerun setakat Mac 2015

BIL	PROJEK	KOS PEMBAIKAN	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS	CATATAN
1.	Kajian Geoteknikal, Geomorfologi Dan Pembaikan Hakisan Tanah Di Jalan UP 1/8 Taman Ukay Perdana, Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.	Kos penstabilan RM1,126,500.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	TELAH BAYAR TARIKH 31 JAN 2015	KELULUSA N MMKN KE 45/2012 TARIKH 19 DIS 2012
2.	Kajian Geoteknikal, Geomorfologi Dan Penstabilan Cerun Di Atas Tanah Kerajaan Selangor Bersebelahan Rumah Kebajikan Good Shepherd Hulu Kelang Selangor	Kos penstabilan RM237,620.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI		
3.	Kajian Geoteknikal, Geomorfologi Dan Kerja-karya Pengukuhan Cerun Di Jalan Persiaran Desa Ampang 4, Taman Sri Ampang	Kos penstabilan RM432,100.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI		
4.	Cadangan Kerja-Kerja Pengukuhan Cerun Di Jalan Melati 1, berhampiran Bulatan Taman Seraya, Taman Bukit Permai, Selangor Darul Ehsan.	Kos penstabilan RM202,100.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI		
5.	Cadangan Kerja-Kerja Merekabentuk Dan Membina Bagi Penstabilan Cerun Potongan Di Kg. Dato' Mufti Selangor Darul Ehsan.	Kos penstabilan RM170,300.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI		
		RM2,168,620.00			

LAMPIRAN 2

BIL	PROJEK	KOS PEMBAIKAN	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS	CATATAN
1.	Kerja Rekabentuk Terperinci dan Pengukuhan Cerun di atas Lot 541 dan Lot 6873 Bukit Antarabangsa	Kos perunding RM1,500,000.00 Anggaran penstabilan RM15,000,000.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	KELULUSAN MMKN KE 22/2013 TARIKH 31 JULAI 2013
			RM16,500,000.00		

BIL	PROJEK	KOS PEMBAIKAN	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS	CATATAN
1.	Kerja Rekabentuk Terperinci Dan Pengukuhan Cerun Batuan Di Sepanjang Jalan Bukit Permai Taman Bukit Permai, Ampang, Selangor Darul Ehsan.	Kos perunding RM300,000.00 Anggaran penstabilan RM3,700,000.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	KELULUSAN MMKN 10/2014 TARIKH 12 MAC 2014
2.	Kerja Rekabentuk Terperinci Dan Pengukuhan Cerun Batuan Di Medan Bukit Permai Taman Bukit Permai, Ampang, Selangor Darul Ehsan.	Kos perunding RM150,000.00 Anggaran penstabilan RM1,850,000.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	
3.	Kerja Rekabentuk Terperinci Dan Pengukuhan Cerun Di Pangsapuri Intan, Taman Bukit Permai, Selangor Darul Ehsan.	Kos perunding RM250,000.00 Anggaran penstabilan RM 2,250,000.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	
4.	Kerja-Kerja Merekabentuk Dan Membina Bagi Penstabilan Cerun Di Jalan Mega 5 Dan 3, Taman Mega, Selangor Darul Ehsan.	Kos perunding RM280,399.45 Anggaran penstabilan RM 1,219,600.55	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	
5.	Kerja Rekabentuk Terperinci Dan Pengukuhan Cerun Batuan Di Jalan Wangsa 7, Bukit Antarabangsa	Kos perunding RM 186,015.37 Anggaran penstabilan RM467,470.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	
JUMLAH		KOS ANGGARAN PERUNDING – RM 1,166,414.82 KOS ANGGARAN PENSTABILAN – RM 9,487,070.55 JUMLAH KESELURUHAN – RM 10,653,485.37			

LAMPIRAN 3

BIL	KELULUSAN	KOS PEMBAIKAN	SUMBER PERUNTUKAN	STATUS	CATATAN
1.	KELULUSAN MMKN KE 45/2012 TARIKH 19 DIS 2012	RM2,168,620.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	TELAH BAYAR 31 JAN 2015	
2.	KELULUSAN MMKN KE 22/2013 TARIKH 31 JULAI 2013	RM16,500,000.00	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	
3.	KELULUSAN MMKN 10/2014 TARIKH 12 MAC 2014	RM 10,653,485.37	PINJAMAN KERAJAAN NEGERI	Dalam pelaksanaan	
JUMLAH		RM 29,322,105.37			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon disegerakan surat pelantikan dan pembayaran elaun kepada penyelaras PWB di setiap DUN

JAWAPAN:

- a) Proses pemilihan penyelia PWB telah dilaksanakan. Seramai 56 orang calon telah terpilih untuk dilantik sebagai penyelia PWB Selangor. Senarai nama calon-calon yang berjaya telah diangkat melalui kertas makluman ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 18 Mac 2015. Surat lantikan akan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri setelah keputusan rasmi kertas makluman berkenaan diperolehi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENGGUNAAN PERUNTUKAN MARRIS

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Peruntukan MARRIS dapat digunakan untuk membaik pulih jalan-jalan yang di dalam kawasan perumahan bertingkat?
- b) Apakah pindaan kepada Garis Panduan Penggunaan Peruntukan MARRIS yang boleh dibuat bagi melebarkan penggunaan peruntukan untuk infrastruktur lain?

JAWAPAN:

- a) Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri atau peruntukan MARRIS dibuat di bawah peruntukan Perkara 109 (1) (b), Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan untuk membantu Kerajaan Negeri menyelenggara jalan negeri di negeri masing-masing. Perbelanjaan peruntukan ini dibuat secara teliti berpandukan kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Jalan Negeri yang disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Tafsiran istilah '**Jalan Raya Negeri**' berdasarkan perenggan 3 garis panduan tersebut ialah jalan raya negeri yang disenggara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri.

Garis panduan yang sama turut menggunakan tafsiran '**Jalan Negeri**' yang dinyatakan pada **Seksyen 5 dan Seksyen 6 (2) (b), Bahagian 2 Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan** yang berbunyi seperti berikut:-

Seksyen 5

"Dalam bahagian ini dalam Jadual ini, 'jalan negeri' ertinya mana-mana jalan awam, selain jalan persekutuan, dan mana-mana jalan lain, selain jalan persekutuan yang boleh dilalui oleh orang ramai.

Seksyen 6 (b)

" mana-mana batang jalan yang disenggarakan oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan atas perbelanjaan Negeri hendaklah dikira sebagai disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri itu."

Sungguhpun begitu, jalan-jalan yang berada di dalam kawasan perumahan bertingkat adalah tergolong di dalam tafsiran "**harta bersama**" yang berada di bawah tanggungjawab pihak Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* - JMB) selaras dengan **Seksyen 2, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan & Pengurusan) 2007 (Akta 663)**. Jalan-jalan tersebut juga tidak diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak didaftarkan dalam Sistem MARRIS *Online*. Oleh yang demikian, peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan secara langsung untuk membaikpulih jalan di kawasan perumahan bertingkat.

- b) Sebarang cadangan pindaan kepada Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Jalan Negeri bagi meluaskan penggunaan peruntukan berkenaan kepada lain-lain perkara yang tidak tersenarai dalam garis panduan tersebut perlulah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk diteliti oleh Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri sebelum diangkat untuk kelulusan Majlis Kewangan Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan senarai kilang haram yang belum berjaya diputihkan mengikut PBT di Selangor?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap pemilik kilang haram yang masih tidak mematuhi peraturan ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Data berkaitan kilang haram di Negeri Selangor berdasarkan Laporan Kemajuan Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Tiada tindakan kerana tempoh Program Pemutihan Kilang Haram Tanpa Kebenaran (PPTK) masih berkuat kuasa **sehingga 31 Disember 2015**.

**JUMLAH KILANG HARAM DI NEGERI SELANGOR BERDASARKAN
LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2014**

DAERAH	PBT	JUMLAH				PEJABAT DAERAH/TANAH									
						PERMOHONAN TUKAR SYARAT							DALAM TINDAKAN	PREMIUM TAMBAHAN (RM)	
		LOT	KILANG	JUMLAH LOT	JUMLAH KILANG	BIL. PERMOHONAN	LULUS	TOLAK	TANGGUH	BATAL	BELUM MEMOHON	DIBAYAR		BELUM DIBAYAR	
PETALING	MBSA	797	740	1461	1507	828	686	5	0	9	679	127	106,292,645.96	72,979,729.50	
	MBPJ	462	462												
	MPSJ	202	305												
KLANG	MBSA	226	227	736	828	152	55	2	2	0	676	4	2,685,587.50	-	
	MPK	510	601												
HULU LANGAT	MPKj	361	383	361	383	160	158	0	0	0	223	2	65,230,743.30	4,137,452.00	
	MPAJ	0	0												
GOMBAK	MPAJ	0	0	77	137	27	19	0	0	0	110	8	-	-	
	MPS	77	137												
SEPANG	MPSp	64	55	64	55	2	1	0	1	0	53	0	133,256.25	-	
KUALA LANGAT	MDKL	209	209	209	209	88	71	15	1	0	121	0	7,807,707.00	943,674.00	
KUALA SELANGOR	MDKS	149	149	149	149	6	5	1	0	0	143	2	501,447.00	-	
HULU SELANGOR	MDHS	23	53	23	53	10	5	1	0	0	43	0	810,845.00	-	
SABAK BERNAM	MDSB	6	6	6	6	2	0	1	0	0	4	0	-	-	
JUMLAH		3,086	3,327	3,086	3,327	1,275	1,000	25	4	9	2,052	143	183,462,232.01	78,060,855.50	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN RUMAH BERTINGKAT KOS RENDAH

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan untuk membantu penyelenggaraan rumah bertingkat kos rendah yang sering terabai terutamanya mereka yang gagal menubuhkan JMB.

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan peruntukan Seksyen 25, Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) Akta 663, Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di pangsapuri berkaitan. Kerajaan Negeri mendapati pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa JMB atau MC adalah lebih baik melalui kos pengurusan yang lebih optimum. Kempen "Pangsapuri Kita... Bersih, Ceria Dan Harmoni" atau dikenali sebagai BCH untuk memberi kesedaran kepada penduduk pangsapuri mengenai kepentingan penubuhan JMB atau MC serta tanggungjawab bersama untuk menjaga pangsapuri mereka khususnya kepentingan membayar caj penyelenggaraan. Ini adalah kerana antara faktor kegagalan dalam menubuhkan JMB atau MC adalah disebabkan pemilik tidak berminat atau pemilik mempunyai tunggakan caj. Antara pangsapuri yang berjaya ditubuhkan JMB melalui program Kempen BCH adalah Pangsapuri Rimba Jaya, MBSA dan Pangsapuri Berembang, MPAJ. Bagi memastikan penubuhan JMB dan MC diselaraskan Kerajaan Negeri telah meletakkan keutamaan penerima bantuan ke atas skim insentif yang ditawarkan Kerajaan adalah kepada pangsapuri yang mempunyai JMB dan MC.

Untuk membantu masalah penyelenggaraan yang dihadapi di pangsapuri kos rendah, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Skim CERIA (*CARING GOVERNMENT FOR RESIDENTS' IMPROVEMENT AID*) dengan penambahan dana pusingan daripada 9 juta kepada 13 juta dan terkini 25 juta dengan membaikpulih atau menaiktaraf harta bersama secara perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk/pemilik. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberikan rebet air percuma sejumlah RM11.40 melalui Skim SAFWA kepada setiap penduduk di pangsapuri yang dapat membantu menyelesaikan tunggakan bil air meter pukat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : LEBUH RAYA KIDEX.

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terma perjanjian awal tersebut?
- b) Apakah ada risiko saman atas pembatalan tersebut ke atas kerajaan Selangor?
- c) Apakah kekuatan kerajaan mempertahankan hak rakyat dalam isu ini?

JAWAPAN:

Jawapan seperti di dalam Hansard Persidangan Dewan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SKIM SEWA BELI RUMAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek perumahan dan jumlah unit yang ditawarkan dalam skim sewa beli Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Apakah syarat-syarat mereka yang ingin memohon?
- c) Agensi manakah yang bertanggungjawab untuk memantau dan meluluskan skim sewa beli perumahan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (DANA-SEL) Konsep Sewa dan Milik akan dilaksanakan secara berperingkat dan sebagai permulaan ianya akan dilaksanakan bagi projek perintis RKR Rimba Jaya berjumlah 104 unit dan RKR Sungai Sering berjumlah 116 unit.
- b) Syarat-syarat kelayakan permohonan bagi skim ini adalah seperti berikut:
 - i) Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas;
 - ii) Pemohon hendaklah terdiri daripada senarai Peneroka Bandar yang berdaftar dengan LPHS. Senarai nama ini hendaklah disaring dan disahkan oleh pihak LPHS;
 - iii) Tidak layak membuat pinjaman bank. Pemohon mempunyai pendapatan tidak tetap, tidak mempunyai penyata pendapatan, direkodkan dalam CCRIS dan CTOS dan lain-lain;
 - iv) Pendapatan kasar seisi rumah minima RM1,000.00 sebulan;
 - v) Pembelian hendaklah rumah pertama bagi kategori kediaman kos rendah untuk didiami; dan
 - vi) Berkeupayaan membayar sewa iaitu pembayaran bulanan tidak melebihi 40% dan pembayaran bulanan kesemua pinjamantidak melebihi 65% daripada pendapatan kasar.

- c) Agensi yang bertanggungjawab untuk memantau dan meluluskan Skim DANA-SEL ini adalah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PEKERJA LADANG

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bantuan kerajaan negeri kepada pekerja ladang di Selangor pada tahun 2014 mengikut PBT?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi meningkatkan kualiti kehidupan pekerja ladang pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang amat komited dalam menjaga hak dan kebajikan Pekerja Ladang di Negeri ini. Pelbagai program telah dianjurkan bagi memenuhi kehendak sekaligus meningkatkan motivasi dalam diri mereka melalui program usahasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak menganjurkan program-program khusus untuk membantu para pekerja ladang termasuk anak-anak mereka untuk sama-sama menikmati faedah dari pelbagai aspek termasuk pendidikan dan bantuan kewangan untuk meringankan bebanan mereka dalam mengharungi hidup sebagai golongan yang dianggap susah.

Program-program yang dianjurkan setakat ini adalah tidak mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun demikian, program yang dilaksanakan adalah mengikut daerah dan melibatkan seluruh warga pekerja ladang di Negeri Selangor.

Tabung Pendidikan Anak – Anak Pekerja Ladang ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan. Skim ini terbuka kepada seluruh anak – anak pekerja ladang di negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Program-program yang dianjurkan adalah khusus untuk menjaga kebajikan pekerja ladang dalam meringankan bebanan yang ditanggung dalam kehidupan seharian.

Antara program – program yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2014 khusus bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bus Sekolah**
Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga.
- ii. **Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**
Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak – anak kepada ibu bapa.
- iii. **Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**
Penyampaian anugerah adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak – anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang.
- iv. **Program – program Motivasi UPSR untuk anak pekerja ladang**
Program ini dianjurkan adalah sebagai satu langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak di Negeri Selangor khususnya anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sempurna. Program berbentuk seminar ini dilaksanakan khusus untuk membantu anak pekerja ladang yang akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan dan teknik menjawab peperiksaan.

Di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang, kami memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang terutamanya dalam bidang pelajaran bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan bantuan-bantuan sedia ada yang dilaksanakan dan akan menambak program-program tersebut dari masa ke semasa.

Selain daripada itu, melalui usahasama yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bersama Badan – Badan Bukan Kerajaan (NGO), mutu pendidikan anak pekerja ladang diharap dapat meningkat dari masa ke semasa melalui program-program yang telah dilaksanakan. Antara program bersama NGO yang telah dilaksanakan adalah seperti Program Motivasi UPSR, program seminar kepada pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah serta program

kem motivasi. Antara NGO-NGO yang pernah terlibat di dalam penganjuran program ini tahun 2014 adalah seperti berikut :

1. Pertubuhan Suara Makkal Suara Kita Malaysia
2. Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan & Kebajikan Masyarakat Malaysia
3. Persatuan Pendidikan Wawasan Selangor
4. Persatuan Penganut Samarasa Suttha Sanmargam
5. Persatuan Pendidikan Warisan Selangor
6. Persatuan Kebajikan Penduduk Tamil Kawasan Bukit Rajah
7. Persatuan Pendidikan Wariasi UIQ Selangor
8. Persatuan Kebajikan Mahavatar Babaji Selangor

Dalam pada itu, program kebajikan yang juga telah dilaksanakan adalah lawatan ke ladang – ladang dalam memastikan segala permasalahan dan isu – isu yang dibangkitkan dapat diketengahkan dan diselesaikan secara baik. Antara lawatan dan permasalahan yang dapat diselesaikan melalui Jawatankuasa Tetap pekerja Ladang adalah seperti di Ladang Bukit Raja, Ladang Inche Canon, Ladang Tumbok, Taman Permata Dengkil dan Ladang Bangi. Sempena lawatan yang dilaksanakan, turut disampaikan adalah hamper berbentuk keperluan harian bagi meringankan beban pekerja ladang tersebut.

Bagi Tahun 2014 juga, Stanco Pekerja Ladang telah menganjurkan beberapa bentuk program khusus kepada Pekerja Ladang di Negeri Selangor. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

- Perayaan Pesta Ponggal Peringkat Negeri Selangor
- Perayaan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor
- Program Bersama Warga Emas Daerah Hulu Langat
- Program Mesra Rakyat Bersama Bekas Pekerja Ladang Kapar, Klang
- Program Bersama Pemimpin-pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) Dan Bekas Pekerja Ladang
- Program Lawatan Turun Padang YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman Bersama Pekerja-pekerja Ladang Di Daerah Kuala Langat
- Program Sambutan Deepavali Bersama Pekerja-pekerja Ladang Di Daerah Hulu Selangor

- Sambutan Perayaan Deepavali Peringkat Negeri Selangor

- b) Kerajaan Negeri telah memperuntukan dana sebanyak **RM500,000.00** di bawah peruntukan pembangunan pekerja ladang di mana peruntukan tersebut khusus dan tertumpu untuk membantu serta menjaga kebajikan pekerja ladang di seluruh Selangor.

Manakala **RM1,000.000.00** pula diperuntukkan di bawah Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang bagi tujuan membantu anak-anak pekerja ladang untuk meningkatkan mutu dan taraf pendidikan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PEMBERSIHAN SUNGAI KELANG

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Sungai Kelang dibersihkan secara berkala dan apakah skop pembersihan?
- b) Adakah kerja pembersihan Sungai Kelang termasuk menggali dasar sungai?
- c) Adakah keadaan kebersihan Sungai Kelang berhubung dengan kelakuan banjir di Klang?

JAWAPAN:

- a) Secara umumnya, Sungai Klang yang bermula dari Hutan Simpan Ulu Gombak mengunjur hingga ke muara Sungai Klang mempunyai kelebaran maksimum di muara lebih kurang 300 meter dan purata kelebaran adalah 50 meter hingga 100 meter. Secara keseluruhannya, jajaran Sungai Klang adalah melalui 3 daerah di Negeri Selangor iaitu daerah Gombak, Petaling dan Klang.

Bagi mengekalkan kepentingan dan peranan Sungai Klang dari aspek pembangunan hartanah bagi Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor sentiasa melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah yang dipasang merentangi Sungai Klang secara berkala sepanjang tahun. Skop pembersihan dan penyelenggaraan termasuk :

- i. memunggah dan mengumpul sampah dari perangkap sampah,
- ii. mengangkat dan mengeluarkan sampah sarap ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan,
- iii. membersihkan kawasan sekeliling perangkap sampah, dan sebagainya.

Penggunaan bot turut diperlukan semasa kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah di sepanjang Sungai Klang dijalankan.

- b) Kerja pembersihan Sungai Klang seperti perkara di atas tidak melibatkan kerja-kerja penggalian dasar sungai. Sebaliknya hanya menumpukan kepada kerja-kerja mengangkat keluar sisa pepejal yang terdapat di sepanjang jajaran aliran sungai tersebut.

- c) Sg Klang adalah sungai yang mengalir secara terus ke laut. Peningkatan paras Sg Klang di pengaruhi pasang surut air laut. Fenomena pertembungan air laut pasang tinggi dan hujan di dalam kawasan tadahan Sg Klang memberi kesan utama dalam berlakunya banjir. Keadaan kebersihan Sg Klang hanya memberi kesan kepada kualiti air Sg Klang di mana jika tidak dikawal akan memberi kesan kepada pencemaran hidupan manusia dan hidupan air.

Maklumat Tambahan :

- a) Sejumlah peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri telah digunakan untuk kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah di sepanjang Sungai Klang seperti butiran di bawah :

Bil	Daerah	Lokasi	Kuantiti	Kos Penyelenggaraan	Jumlah Kutipan Sampah
1	Petaling	Seksyen 23, Shah Alam	1 no	RM 320,000.00	7,848 TON
2	Klang	Kampung Sungai Kandis	1 no	RM 224,400.00	120 TON
		Jalan Harper	1 no	RM 250,800.00	200 TON
3	Gombak	Sungai Gombak	1 no	RM 110,000.00	312 TON
Jumlah Keseluruhan			4 nos	RM 985,200.00	8,480 TON

- b) Sejarah kerja-kerja pengorekan dasar Sungai Klang yang pernah dijalankan sebelum ini adalah seperti berikut:
- i. Pada Tahun 1980 – 1990 Menggunakan Kapal Korek yang beroperasi dari Puchong hingga Bukit Kemuning.
 - ii. Pada tahun 1999 - 2003 melalui Projek Kerja-Kerja Tebatan Banjir Sungai Klang bermula dari Sempadan Wilayah Persekutuan sehingga Bandar Klang.
 - iii. Pada Tahun 2007 – 2009 melalui kerja-kerja Projek Mengatasi Banjir Musim Tengkujuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : MENANGANI MASALAH PENGANGGURAN DI SELANGOR

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang lembap, peluang pekerjaan menguncup, sedangkan golongan pencari kerja bertambah di Selangor:
- i. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menghadapi suasana ini?
 - ii. Apakah usaha-usaha yang diambil untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan terutama kepada golongan belia?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat termasuklah isu pengangguran. Sehubungan itu, kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi menangani masalah pengangguran dengan mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan melalui program-program seperti berikut :
- i) Menawarkan bantuan dari segi teknikal kepada golongan belia yang berminat melalui kursus-kursus teknikal yang disediakan di Kolej INSPENS supaya elemen pendidikan yang diterapkan kepada mereka akan membantu golongan sasaran ini dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian dan seterusnya mengurangkan pengangguran di negeri Selangor;
 - ii) Pengenalan Skim Kredit Mikro (SKIMSEL) yang disalurkan melalui Yayasan Qardhul Hasan yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor di kawasan luar bandar dan pedalaman serta pengenalan Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) bagi membantu rakyat miskin di negeri Selangor yang tinggal di kawasan bandar. Bantuan berbentuk keusahawanan ini bertujuan untuk membantu usahawan bandar dan luar bandar yang berpotensi untuk berkecimpung dalam perniagaan kecil dan sederhana yang seterusnya secara tidak langsung membantu mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor; dan
 - iii) Membuat kolaborasi bersama *Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC)* dengan pelaksanaan program-program yang berimpak tinggi melalui kemahiran teknikal, bertepatan dengan

rancangan kerajaan negeri Selangor untuk membina ekonomi generasi muda. Program-program tersebut termasuklah :

a. *Workers Technical Transformation Program (WTTP)*:

- i. Program berbentuk pakej latihan hingga kerja dilaksanakan melalui pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)*. Program ini dirancang bagi memberi peluang kepada lepasan sekolah yang tidak berpeluang memasuki institusi pengajian tinggi mengikuti program pembangunan karier melalui peluang latihan kemahiran dan vokasional dengan fokus dua (2) bidang utama iaitu pembuatan dan solar.

b. *Internship High Impact Talent (iHIT)* dan *Meister* di bawah agenda pembangunan bakat dan kebolehan (*talent development*):

- i. iHIT - Program ini disasarkan kepada pelajar tahun 3 dan akhir bagi pengajian diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana UNISEL dan KUIS dengan fokus kepada empat (4) sektor utama iaitu ICT, industri halal, pembuatan dan semikonduktor;
- ii. *Meister* - Program ini pula akan memberi fokus kepada pelajar INPENS dengan program pilihan dalam industri pembuatan dan solar.

c. *High Impact Talent Research Scientific Thinking Engineer (HIT RSE)* dan *Continuing Education (CE)* di bawah agenda pengumpulan bakat (*pool of talent*):

- i. *HIT RSE* - Objektif program ini adalah untuk membangunkan dan mengumpulkan bakat-bakat baru atau sedia ada bagi disalurkan kepada sektor-sektor berimpak tinggi dan bidang-bidang pelaburan baru seperti industri minyak & gas, merekabentuk kasut, semikonduktor, elektrik & elektronik dan pembangunan bidang teknologi maklumat & komunikasi (ICT) dan perkakasan. Program ini juga akan memastikan bakat-bakat tersebut sentiasa relevan dengan peredaran industri pembuatan pada masa hadapan seperti *ICT big data*, *medical devices* dan *advance robotic*;
- ii. *CE* - Program ini berperanan untuk memacu pertumbuhan modal insan berkualiti tinggi melalui pembentukan semula kemahiran (*re-skilling*) dan peningkatan kemahiran

(*up-skilling*) tenaga kerja bagi menyokong pencapaian organisasi ke arah persekitaran yang kompeten, inovatif dan melangkaui jangkauan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENCAPAIAN ONE STOP CENTRE UNTUK WANITA

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penghuraian daripada Exco Wanita dan Kesihatan tentang pencapaian *One Stop Centre* di pusat perubatan.
- b) Perancangan Kerajaan Negeri tentang penambahan lokasi pemeriksaan mamogram mengikut daerah PBT untuk meningkatkan frekuensi pemeriksaan.
- c) Statistik 2013-2014 bagi wanita yang mendapatkan khidmat pemeriksaan mammogram.

JAWAPAN:

- a) *One Stop Crisis Centre* (OSCC) di enam buah hospital utama masih berkuatkuasa sehingga kini, sebagai makluman data yang diperolehi melalui mesyuarat OSCC Bilangan 1 tahun 2015, ahli mesyuarat yang terdiri daripada pengendali OSCC di hospital-hospital berkaitan melaporkan terdapat sebanyak 40 hingga 60 kes diterima setiap bulan.
- b) Kerajaan Negeri dalam proses penambahbaikan Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL) bagi menambahbaik perkhidmatan serta penambahan lokasi untuk pemeriksaan saringan percuma kanser payudara kepada wanita Negeri Selangor agar lebih ramai wanita dapat manfaat ini dan berhampiran dengan tempat tinggal mereka.
- c) Statistik 2013 – 2014 bagi wanita yang mendapat Khidmat Mammogram adalah seperti berikut :-

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
2013	439	235	220	8	902
2014	223	228	44	0	495
Jumlah					1,397

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SENDIRIAN BERHAD (KSSB)

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan butiran terperinci jumlah keuntungan KSSB pada tahun 2014?
- b) Berapakah royalti pasir yang dibayar kepada kerajaan negeri pada tahun 2014 oleh KSSB?

JAWAPAN:

- a) Untung sebelum cukai dan zakat KSSB untuk tahun 2014 berdasarkan akaun pengurusan yang sedang diaudit adalah RM37.21 juta.
- b) Royalti pasir yang telah dibayar oleh KSSB pada tahun 2014 kepada Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah/Daerah yang berkenaan adalah RM15.19 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SUKMA 2015

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-


- a) Apakah visi kontinjen Negeri Selangor terhadap Sukma 2015 yang akan datang?

JAWAPAN:

- a) Sukan Malaysia (SUKMA) telah pun memasuki edisi yang ke-17 pada penganjurannya 2014 di Perlis yang lalu. SUKMA pada edisi pertama bermula pada tahun 1986 dan dianjurkan secara dwitahunan ini sehingga edisi ke – 13 pada tahun 2010. Pada SUKMA edisi ke – 14, iaitu selepas SUKMA 2010, Jawatankuasa Tertinggi SUKMA telah menggubal penganjuran SUKMA tersebut daripada dwitahunan kepada setiap tahun yang melibatkan jenis- jenis sukan yang berlainan bermula pada tahun 2011. Maka bermulalah SUKMA yang dianjurkan secara tahunan bermula pada tahun 2011.

Pada tahun 2015 ini, Mesyuarat Tertinggi SUKMA telah memutuskan bahawa penganjuran SUKMA 2015 telah dibatalkan dan penganjuran seterusnya adalah pada tahun 2016 untuk edisi ke – 18.

Berikut adalah kedudukan kontinjen Selangor dalam kesemua SUKMA yang disertai:-



Kontinjen Selangor telah berjaya mengecapi sebanyak 8 kali juara dan 6 kali kejuaraan tersebut adalah berturut – turut. Walau bagaimanapun, ianya agak merudum pada SUKMA yang lepas.

Maka dengan itu, pihak Majlis sedang membuat perancangan untuk meneliti semula visi kontinjen Negeri Selangor pada kali ini dan secara relevannya adalah untuk memperbaiki kedudukan daripada tempat – 4 ke pada sekurang – kurangnya kepada 3 teratas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI SELANGOR 2009

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program ini?
- b) Di atas perkiraan apakah program ini diumumkan akan menjana pertumbuhan ekonomi bernilai RM50 bilion dalam tempoh 2009–2011?
- c) Apakah kerajaan mengaku bahawa program ini gagal dan berapakah perbelanjaan yang terlibat?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah tapak pembuangan sampah haram di Selangor, sila senaraikan mengikut PBT?
- b) Apakah langkah-langkah untuk menghapuskan tapak-tapak haram ini?
- c) Berapa jumlah tapak tanah yang dirampas kerana jadi tempat pembangunan sampah haram?

JAWAPAN:

a) dan b)

Didapati sebanyak **244 lokasi (Jadual 1)** sampah haram di seluruh PBT Negeri Selangor yang masih tidak dapat diatasi oleh PBT dan senarai lokasi adalah seperti di **Lampiran 1**. Isu ini juga telah dibentangkan oleh PBT dan dibincangkan di Sesi Pendengaran Tertutup Jawatankuasa Pilihan - Pihak Berkuasa Tempatan (JP-PBT) pada 27 Februari 2015. Antara langkah-langkah yang dijalankan oleh PBT untuk menghapuskan tapak-tapak sampah haram ini adalah seperti:-

- i. Menjalankan pemantauan berjadual iaitu tiga kali seminggu di tempat-tempat yang berisiko dan telah dikenalpasti sebagai lokasi '*hot spot*' pembuangan sampah haram.
- ii. Mewujudkan anggota bagi menjalankan aktiviti intipan sampah haram bagi mengambil tindakab undang-undang kepada orang yang telah membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK).
- iii. Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik sampah haram yang telah dikenalpasti.
- iv. Memasang papan tanda '**Dilarang Membuang Sampah**' di lokasi pembuangan sampah haram yang telah dikenalpasti.
- v. Mendapatkan kerjasama daripada penduduk/pemilik premis berhampiran untuk menyalurkan maklumat segera kepada pihak PBT jika terdapat aktiviti pembuangan sampah di tempat-tempat yang tidak dibenarkan oleh pihak Majlis.

Jadual 1

BIL.	PBT	BILANGAN LOKASI HOT-SPOT SAMPAH HARAM YANG TIDAK DAPAT DIATASI
1.	MBSA	Tiada. Telah diatasi
2.	MBPJ	40 lokasi
3.	MPSJ	23 lokasi
4.	MPKj	40 lokasi
5.	MPS	11 lokasi
6.	MPK	4 lokasi
7.	MPAJ	41 lokasi
8.	MPSp	13 lokasi
9.	MDKS	24 lokasi
10.	MDKL	12 lokasi
11.	MDSB	31 lokasi
12.	MDHS	5 lokasi
JUMLAH		244 lokasi

- c) Jumlah tapak tanah yang dirampas yang disebabkan pembangunan sampah haram sejak 2008 hingga kini adalah sebanyak 2 buah. Manakala sebanyak 31 notis pemulihan tanah dikeluarkan. Pecahan lokasi adalah seperti di **Lampiran 2.**

Lampiran 1

1. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)	
Bil	Lokasi Hot-Spot Sampah Haram
1.	Jalan Sungai Rasau, Seksyen 16
2.	Tapak Kuil Jalan 18/49, Seksyen 18
3.	Kebuk Sampah Komersial Jalan Keluli AL/AL Seksyen 7
4.	Persimpangan Masuk PROTON ke Jalan Sri Muda ,Seksyen 33 (Jalan Lama JKR)
5.	Jalan Tiang Seri U8/93, Seksyen U8
6.	Kawasan Perindustrian Ringan Jalan U1/42 hingga U1/44 Seksyen U1
7.	Jalan 7/7B Seksyen 7
8.	Jalan 7/11C Seksyen 7
9.	Kebuk Sampah Jalan AS/AS Seksyen7
10.	Jalan U1/51 Seksyen U1
11.	Jalan 31/59, Jalan 31/57 Seksyen 31
12.	Kg Baru Hicom Seksyen 26
13.	Jalan Utama Bukit Saga Seksyen 26
14.	Jalan 27/K Jalan 27/L & Jalan 27/M
15.	Jalan 27/96 Belakang Pasaraya ASW
16.	Persiaran Atmosfera , Seksyen U5
17.	Jalan Uranus U5/122, Seksyen U5
18.	Persiaran Metafasa, Seksyen U16
19.	Jalan Matahari U5/102, Seksyen U5
20.	Jalan Nova U5/96A

2. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Bil.	Lokasi Hot-Spot Sampah Haram
1.	Jalan SD 12/1
2.	Jalan Cempaka, Kampung Kayu Ara
3.	PJU1A (TPJ) (Kilang)
4.	SS25/41
5.	SS7/2
6.	Jalan Kenanga Kg Sg Kayu Ara
7.	Jalan Tropicana Selatan
8.	SS7/1
9.	PJS3/1
10.	SS5A/3
11.	SS5A/5
12.	PJS 5/4
13.	SD 13/5
14.	PJU3/27
15.	PJU3/29
16.	PJU 3/31
17.	Jalan 8/2
18.	Jalan 8/3
19.	Jalan 8/4
20.	Jalan 8/5
21.	Jalan 8/6
22.	Jalan 51A/230
23.	Jalan SS5A/5
24.	Jalan 5A/12
25.	Jalan SS6/8
26.	SD5/1
27.	PJU 7/15A
28.	PJU 1A/39
29.	PJU5 Jalan 9/1A

30.	SS2/63
31.	SS26/2
32.	SS5A/7
33.	PJS3/53
34.	PJU10/10E
35.	PJS5/2
36.	PJS 5/1
37.	TPJ 1A/7
38.	PJU 1/23
39.	PJS 5/11
40.	SEK 18/7

3. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

BIL	LOKASI SAMPAH HARAM
1	Gerai Majlis Subang Hi-Tech, Jalan Nilam Taman Perindustrian Subang Hi-Tech
2	Gerai Majlis Alam Intan Taman Batu 3
3	Jalan Industri USJ 1/2
4	Jalan Subang 2 & 4, Taman Industri Subang
5	Jalan TS 6/5, Taman Industri Subang
6	Jalan SS 19/6U (IWK)
7	Jalan PJS 11/2 (simpang PJS 11/20-IWK)
8	Jalan PJS 9/22 (taman)
9	Gerai Majlis BK4
10	Jalan BK 1/10, Bandar Kinrara 1
11	Jalan Wawasan 5/4, Tmn Wawasan 5, Pusat Bandar Puchong
12	Jalan Bandar 8, Pusat Bandar Puchong
13	Jalan Bandar 19, Pusat Bandar Puchong
14	Persiaran Perindustrian Puchong (Bersebelahan Pusat Perabot 2020)
15	Jalan BP 7/14
16	Jalan Masuk SMK Bt 8, Puchong
17	Taman Perindustrian Puchong Utama 1/12 (hujung & tepi jalan)
18	Jalan LP 1A/2 & LP 1A/6, Lestari Perdana
19	Persiaran Puncak Jalil (menghala ke SIRIM)
20	Persiaran Desaminium (bulatan – jalan mati)
21	Jalan TPP 5/16
22	Jalan PBS 14/2
23	Kg Lembah Kinrara

4. MAJLIS PERBANDARAN PETALING JAYA

Lokasi Hot Spot sampah haram yang tidak dapat diatasi

1. Jalan Awana13, Taman Cheras Awana.
2. Jalan Awana 16, Taman Cheras Awana.
3. Jalan Sp 2, Taman Segar Perdana.
4. Jalan Perdana 2, Taman Segar Perdana.
5. Jalan Emas 2, Taman Emas (Belakang Kedai).
6. Jalan Alam Jaya 17, Taman Alam Jaya.
7. Jalan Emas 5A, Taman Emas.
8. Jalan Juara ½, Taman Juara Jaya.
9. Jalan Kijang, Taman Suntex.
10. Jalan Pelanduk, Taman Suntex.
11. Desa Bukit Cahaya.
12. Kampung Sg Balak.
13. Bt 14 Hulu Langat.
14. Jalan Orkid 6, Taman Orkid.
15. Jalan Kasturi, Plaza Kasturi.
16. Jalan Kasturi 4, Plaza Kasturi.
17. Jalan Kasturi 2, Plaza Kasturi.
18. Lorong CP 3/20, Taman Cheras Perdana.
19. Jalan 13/3-1, Taman Cheras Jaya.
20. Jalan 13/3-3, Taman Cheras Jaya.
21. Jalan Cheras prima 3, Taman Cheras Prima.
22. Plaza Kasturi
23. Taman Desa Karunmas
24. Taman Desa Serdang
25. Perniagaan Desa Ria
26. Taman Impian Ehsan
27. Kg. Baru Balakong
28. Kg Baru Bt. 11
29. Seksyen 3, Bandar Baru Bangi
30. Seksyen 4, Bandar Baru Bangi
31. Seksyen 9, Bandar Baru Bangi
32. Seksyen 15, Bandar Baru Bangi
33. Seksyen 16, Bandar Baru Bangi
34. Pekan Bangi Lama
35. Taman Impian Putra
36. Bandar Seri Putra
37. Pekan Semenyih
38. Sekyen 1, Bandar Rinching
39. Seksyen 3, Bandar Teknologi
40. Taman Bukit Permai

5. MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)**Lokasi Hot Spot sampah haram yang tidak dapat diatasi**

- 1) Sg. Pusu, Gombak
- 2) Bt.14, Gombak,(Reserve JKR)
- 3) Kg. Sg. Rumput, Gombak(Reserve JKR)
- 4) Pasar Selayang Baru (Tanah Lapang)
- 5) Raintree
- 6) Jalan Bristole
- 7) Kg. Rahmat Jaya, Kundang
- 8) Bukit Rahman Putra
- 9) Kg. Sg Kertas
- 10) Bt 8, Jln lama Gombak (belakang Masjid Zakaria)
- 11)Kg Tengah Tambahan, Off Taman Melati

6. MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**Bil Lokasi Hot Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Dikutip**

- | Bil | Lokasi Hot Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Dikutip |
|-----|---|
| 1 | Jalan Telekom – Lot 79983, 79985, 79987, Johan Setia. |
| 2 | Tepi Lebu Raya KESAS, Johan Setia, Rezab KESAS. |
| 3 | Jalan Othman Baru, Rantau Panjang. |
| 4 | Jalan Sungai Saim, Rantau Panjang. |

7. MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**Bil Lokasi Hot-Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Diatasi**

- | | |
|----|--|
| 1. | <u>41 LOKASI KRITIKAL :</u>

<ol style="list-style-type: none">1. Taman Tasik Permai2. Taman Cempaka3. Taman Bakti4. Taman Cahaya5. Pandan Jaya6. Taman Dagang7. Taman Putra8. Kampung Pandan9. Taman Sri Bayu10. Persiaran Desa Ampang11. Keramat AU512. Taman Melawati (Pusat Bandar)13. Kemensah Height14. Klang Gate |
|----|--|

15. Taman Hillview
16. Kampung Cheras Baru
17. Taman Tasik Permai
18. Taman Cempaka
19. Taman Bakti
20. Taman Cahaya
21. Pandan Jaya
22. Taman Dagang
23. Taman Putra
24. Kampung Pandan
25. Taman Sri Bayu
26. Persiaran Desa Ampang
27. Keramat AU5
28. Taman Melawati (Pusat Bandar)
29. Kemensah Height
30. Klang Gate
31. Taman Hillview
32. Kampung Cheras Baru
33. Taman Pandan Mewah
34. Taman Muda
35. Taman Mawar
36. Taman Lembah Maju
37. Taman Bukit Teratai
38. Kampung Baru Cina
39. Kuala Ampang
40. Taman Rasmi Jaya
41. Taman Kosas

8. MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)**Lokasi Hot-Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Diatasi**

1. lot 11228 jenderam hilir.
2. jenderam hilir jalan lama atas bukit.
3. lot 642 dan 641 lamtak
4. Bukit Damar PT 32651.
5. Kg Orang asli Sg Melot.
6. Lot 3605 pulau meranti
7. Jln PP 3A Taman Putra Perdana
8. Rezab orang asli Bukit Baja (belakang Q-Cells)
9. Hiway SKWE
10. Desa Sentosa.
11. Teras Jernang.
12. lot 3232 Jln Alma Kg Dato Abu Bakar Baginda.
13. Bukit Damar (sebelah kebun sayur)

9. MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

ZON	Lokasi Hot-Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Diatasi
TANJONG KARANG	1. Jalan Bagan Pasir, Rezab JPS 2. Jalan Sungai Gulang – Gulang 3. Jalan Kunci 2, Ujong Permatang 4. Jalan Ara, Sungai Yu
KUALA SELANGOR	5. Jalan Teluk Piah Kanan 6. Jalan Stadium 7. Jalan Perusahaan 6, IKS
JERAM	8. Jalan Sasaran 9. Jalan Sungai Janggut 10. Simpang 3 Jalan Mat Shah, Jalan Bukit Panjang 11. Jalan Kailani 12. Jalan Tapak Pasar Lama Sungai Buloh
BESTARI JAYA	13. Tempat Letak Kereta Dewan Bestari Jaya 14. Jalan Merdeka 15. Jalan Masuk ke BB Techno Park 16. Jalan Saga 17. Jalan Raja Musa (Arah Kampung Hang Tuah)
IJOK	18. Jalan Kubor 19. Jalan Haji Abdul Aziz, Batu 6
BUKIT ROTAN	20. Jalan Kelab
PUNCAK ALAM	21. Jalan Taman Alam Jaya 1 22. Jalan Meru Tambahan (Jalan Masuk Ke Kilang Lay Hong) 23. Jalan Persiaran(Dari Econsave ke Fasa 3)
DESA COALFIELDS	24. Jalan DC 5 (Townhouse)

10. MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)**Lokasi Hot-Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Diatasi**

Lokasi Sampah Haram di Kawasan Kawalan Majlis Daerah Kuala Langat

1. Jalan Kanchong Tengah, Banting
2. Kg Tumbuk, Tg Sepat
3. Jalan Sempadan, Banting
4. Jalan Segenting, Pulau Carey
5. Jalan Kg Lombong, Bandar Saujana Putra
6. Jalan Belakang Taman Changgang Jaya
7. Berdekatan Tangki Air Bandar Seri Ehsan
8. Jalan Perepat, Telok Panglima Garang
9. Jalan Telok Mengkuang, Telok Panglima Garang

Lokasi Sampah Haram di Kawasan Operasi Majlis Daerah Kuala Langat

1. Jalan Norton, Jenjarum
2. Jalan Mengkuang 1, Taman Dato Hormat, Telok Panglima Garang
3. Jalan Air Tawar, Taman Seri Putra, Banting

11. MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)	
ZON	Lokasi Hot-Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Diatasi
SEKINCHAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jln JPT Sekinchan 2. Sungai Labu Sekinchan 3. Jln Sawah Ban 4. Kg. Penerangan 5. Kunci Air Parit 5 6. Jln Besar Parit 6 7. Site A Sekinchan 8. Site B Sekinchan 9. Site C Sekinchan 10. Pantai Bt 23 Sg. Nibong 11. Taman Aman Utama
SUNGAI BESAR	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tmn Padu Permai (tepi pasar) 2. Tmn Padu Permai (jalan masuk utama) 3. Tmn Padu Permai (jln PP) 4. Jln Matang Sg. Limau 5. Tmn Raya (jln jati) 6. Tmn Seri Indah (berhampiran surau kaca) 7. Kg. Nelayan Sg. Haji Dorani 8. Padang Taman Makmur 9. Tmn Desa Indah 10. Taman Berkat
SABAK BERNAM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jln Batu 40 2. Jln Kenangan 3. Taman Bernam Jaya 4. Tmn Muhibbah 5. Tmn Pertama 6. Tmn Perpaduan 7. Tmn Air Manis 8. Pekan Sg. Tawar 9. Pekan Parit Baru 10. Pekan BNO

12. MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Lokasi Hot-Spot Sampah Haram Yang Tidak Dapat Diatasi

1. Hulu Yam Bharu Dan Hulu Yam Lama (terutama di lorong-lorong perumahan yang terpencil)
2. Jalan Melati Bukit Beruntung
3. Jalan Meranti Bandar Utama Batang Kali
4. Jalan ke Loji IWK Bandar Sg Buaya.
5. Jalan Rasa-Bukit Beruntung.

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

Lampiran 2

**JUMLAH TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM YANG TELAH DIRAMPAS
SERTA KOMPAUN SEJAK PAKATAN RAKYAT MEMERINTAH
(2008 – 2014)**

Bil.	Pejabat Daerah / Tanah	Bilangan Rampasan / Pelucuthakan Tanah	Bilangan Notis Pemulihan Tanah	CATATAN
1.	Petaling	TIADA	TIADA	
2.	Gombak	1	TIADA	Satu (1) rampasan pada tahun 2010
3.	Hulu Selangor	TIADA	2	Pemulihan tanah telah diselesaikan. Satu Notis lagi akan dikeluarkan sebelum 31.3.2015
4.	Klang	TIADA	TIADA	
5.	Kuala Langat	TIADA	1	Pemulihan tanah telah diselesaikan oleh pemilik tanah
6.	Sepang	TIADA	1	Tiada rampasan kerana Tanah Milik Kerajaan
7.	Kuala Selangor	TIADA	TIADA	
8.	Sabak Bernam	TIADA	TIADA	

9.	Hulu Langat	1	27	Semua kes telah selesai memulihkan tapak mengikut syarat tanah yang ditetapkan.
	Jumlah	2	31	

***Sumber: Semua Pejabat Daerah / Tanah Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KAWALAN KESELAMATAN DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan keselamatan di PPR di Selangor terjamin?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan kerajaan negeri bagi membekalkan pengawal keselamatan di PPR pada tahun 2014?
- c) Bagaimanakah proses lantikan, skop kerja syarikat kawalan keselamatan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN:

a) Menjalankan pengurusan dan penyelenggaraan yang cekap dengan melantik kontraktor-kontraktor yang berwibawa iaitu kontraktor keselamatan bagi memastikan keselamatan harta benda awam terjaga, kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan mekanikal dan elektrik, seterusnya kontraktor bahagian struktur awam bagi menjalankan kerja-kerja terhadap kawasan awam seperti "mainhole" dan kontraktor pembersihan dan pencucian bagi menjaga kebersihan kawasan gunasama.

b) **PPR Kg. Baru Hicom**

PHSSB mula menjalankan kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan keseluruhan PPR Kg. Bari Hicom bermula 01 September 2014. Oleh itu, jumlah perbelanjaan pengawal keselamatan bagi tempoh September 2014 sehinggalah Disember 2014 adalah **RM63,364.00**. Jumlah kakitangan pengawal adalah 8 orang termasuk penyelia dan dibahagikan kepada 2 syif.

PPR Kota Damansara

Jumlah perbelanjaan pengawal keselamatan bagi tahun 2014 adalah **RM203,484.95**. Jumlah kakitangan pengawal adalah 10 orang termasuk penyelia dan dibahagikan kepada 2 syif.

c) Proses lantikan kontraktor keselamatan adalah berdasarkan panggilan sebutharga di mana iklan dikeluarkan bagi mana-mana kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga. Seterusnya pemilihan dibuat oleh jawatankuasa pemilihan kontraktor. Skop kerja pengawal keselamatan adalah untuk menjaga kawasan gunasama, harta awam dan harta milik pemilik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PENYELENGGARAN JALAN KLANG BANTING PORT DICKSON

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah wang dibelanjakan untuk menyelenggara Jalan Klang-Banting- Port Dickson sejak Tahun 2014 hingga kini;
- b) Nyatakan dengan terperinci wang dibelanjakan untuk membaiki perabot keselamatan jalan, lampu-lampu jalan dan lampu trafik.

JAWAPAN:

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT05. Sejak Tahun 2014 sehingga kini sebanyak RM 6.2 juta telah dibelanjakan.
- b) Sebanyak RM 2,639,233.00 yang telah dibelanjakan untuk membaiki perabot keselamatan jalan, lampu-lampu jalan dan lampu trafik. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut :-
 - a) Kerja membaiki perabot keselamatan jalan : RM707,000.00
 - b) Kerja membaiki lampu jalan dan lampu isyarat : RM 1,932,233.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : ANAK SYARIKAT YANG MEMBAYAR ZAKAT

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon YAB nyatakan anak-anak syarikat kerajaan negeri yang membayar zakat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan nyatakan jumlah pembayaran.

JAWAPAN:

a)

Bil.	Anak Syarikat Kerajaan Negeri	Jumlah Zakat (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan anak-anak syarikat i. Worldwide Holdings Berhad ii. Selaman Sdn Bhd iii. Selangor Industrial Corporation Sdn Bhd iv. PKNS Engineering & Construction Bhd v. PKNS Infra Berhad vi. Worldwide Landfills Sdn Bhd vii. SACC Convention Centre viii. De Palma Management Service Sdn Bhd	6,740,528.00
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan anak-anak syarikat i. Central Spectrum (M) Sdn Bhd ii. Konsortium Abbas Sdn Bhd iii. Kumpulan Perangsang Selangor Berhad iv. Hebat Abadi Sdn Bhd v. KDEB Waste Management Sdn Bhd vi. Hydrovest Sdn Bhd vii. Viable Chip Sdn Bhd viii. Perangsang Hotel and Properties Sdn Bhd ix. Kumpulan Hartanah Selangor Berhad x. Cash Band Sdn Bhd xi. Brisdale International Hotel Sdn Bhd xii. Titisan Modal Sdn Bhd	756,593.00
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	618,582.00
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	200,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : DASAR TENDER TERENDAH

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah projek yang telah diluluskan di bawah dasar ini di peringkat negeri dan setiap PBT?
- b) Berapakah bilangan projek peratusan yang berjaya dan gagal? Nyatakan sebab-sebab kegagalan?
- c) Berapakah kos penjimatan atau kerugian (dalam Ringgit) disebabkan oleh dasar ini di setiap PBT?

JAWAPAN:

a) dan b)

Dasar tender terendah atau nama sebenarnya Dasar Harga Terendah Setelah Melepassi Penilaian Teknikal adalah dasar yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai objektif *Value for Money* di dalam setiap ringgit yang dibelanjakan. Dalam tempoh 2011 hingga 2014, terdapat 322 projek yang telah dilaksana di peringkat Negeri secara tender menggunakan dasar ini dengan nilai perolehan sebenar sebanyak RM 1,927,758,881.76 berbanding Anggaran Jabatan (AJ) sebanyak RM 2,357,970,188.93. Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri telah merekodkan penjimatan sebanyak RM 430,221,757.16 atau 18.25%. (Perincian di **Lampiran A**)

Dalam tempoh yang sama, sebanyak 3,761 projek telah diurus secara tender di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan dasar yang sama. Berdasarkan rekod, perolehan yang dilaksanakan oleh PBT tersebut melibatkan Anggaran Jabatan (AJ) berjumlah RM 1,175,196,194.52 dan nilai perolehan sebenar berjumlah RM 940,892,349.82. Ini bermaksud, perolehan di peringkat PBT telah mencapai penjimatan berjumlah RM 210,139,881.65 atau 18%. (Perincian di **Lampiran B**).

Untuk tujuan rekod, Dasar Harga Terendah Setelah Melepassi Penilaian Teknikal ini telah digantikan dengan Dasar Penilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* mulai 1 Januari 2015.

- c) Semakan mendapati daripada 322 projek yang diurus di peringkat Negeri, terdapat 18 projek (6%) dengan nilai perolehan sebanyak RM 98,692,788.07 yang dikategorikan bermasalah dan terpaksa ditender semula. Analisa lebih terperinci mendapati, 15 projek (5%) dengan nilai RM 83,455,154.07 bermasalah kerana kelewatan kemajuan kerja di pihak kontraktor yang menyebabkan kontraktor ditamatkan (*terminated*). Manakala, 3 projek (1%) dengan nilai perolehan RM 15,237,634.00 yang bermasalah akibat penarikan diri kontraktor sebelum masuk ke tapak atas sebab harga yang terlalu rendah. Analisa terhadap harga mendapati 9 dari projek yang dikategorikan bermasalah tersebut mempunyai harga kontrak melebihi -20% lebih rendah dari Anggaran Jabatan dengan julat di antara -22.51% hingga -43.63%.

Perincian lanjut adalah seperti di **Lampiran C**.

Semakan data di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula mendapati terdapat 193 projek yang dikategorikan bermasalah sepanjang pelaksanaan Dasar Harga Terendah Setelah Melempi Penilaian Teknikal. Daripada jumlah tersebut, 18 kes di mana kontraktor menarik diri sebelum memasuki tapak, 83 kes projek ditamatkan dan 92 kes di mana projek terpaksa ditender semula.

LAMPIRAN A

Trend penjimatan dasar harga terendah bagi tender Negeri dihuraikan seperti berikut:-

TAHUN	BIL TENDER	ANGGARAN JABATAN (RM)	JUMLAH PEROLEHAN (RM)	JUMLAH PENJIMATAN (RM)	PERATUS PENJIMATAN (%)
2011	65	390,790,112.83	279,449,760.57	111,340,352.26	28.5
2012	74	588,645,064.25	478,434,189.57	110,221,324.67	18.7
2013	63	392,463,794.71	324,130,967.90	68,332,826.81	17.4
2014	120	986,071,217.14	845,743,963.72	140,327,253.42	14.23
JUMLAH	322	2,357,970,188.93	1,927,758,881.76	430,221,757.16	18.25

LAMPIRAN A1**SENARAI PROJEK SAKIT DARI YANG TERPAKSA DITENDER SEMULA
TAHUN 2011 – 2014**

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
1.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	Hisniaga Bina Sdn. Bhd.	4,216,512.95	Projek lewat kerana hak milik tanah belum selesai.
2.	Kerja-kerja Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan di Kawasan Perindustrian Bukit Raja, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Asas Kasturi (M) Sdn. Bhd	2,550,209.00	Projek lewat kerana Kontraktor lewat menerima lukisan pembinaan.
3.	Cadangan Membina dan Menyiapkan 1 Blok 4 Tingkat, sebuah bangunan kantin dan kerja-kerja lain yang berkaitan di SRA Bandar Bukit Puchong, Daerah Sepang Selangor	Trisaga Construction Sdn Bhd	6,250,000.00	Tarikh tamat : 26 November 2010
4.	Membina dan Menyiapkan SRA Seksyen 24, Shah Alam, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Base Fokus Sdn Bhd	4,772,722.00	Tarikh tamat : 18 Julai 2012
5.	Menaiktaraf Laluan Negeri B58 Jalan Banting-Raba, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	Inspirasi Perkara Sdn Bhd	32,950,004.80	Tarikh tamat : 9 Julai 2012
6.	Membina dan Menyiapkan Masjid Dato' Haji Kamaruddin, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	Mywa Synergy Sdn Bhd	7,100,500.00	Tarikh tamat : 31 Oktober 2012

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
7.	Membina dan Menyiapkan Blok 4 Tingkat Bangunan Sekolah, Kantin dan lain-lain kerja untuk SRA Sungai Tangkas dalam Daerah Hulu Langat Selangor	Mamfor Construction Sdn Bhd	5,272,420.00	Tarikh tamat : 1 Februari 2013
8.	Cadangan Membaikpulih dan Menaiktaraf Masjid Jamek Raja Uda, Seksyen 16 Shah Alam, Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	Cater Construction Enterprise Sdn Bhd	1,572,680.00	Tarikh tamat : 28 September 2012
9.	Membina Jalan Penyambung Dan Menaiktaraf Jalan Abdul Manan di Antara Jalan Kapar dan Jalan Meru, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	UA Construction Sdn Bhd	3,300,113.50	Tarikh tamat : 16 Mei 2013
10.	Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Seksyen 7, Di Jalan Kristal 7/70, Seksyen 7, Shah Alam, Daerah Petaling, Shah Alam	Lanhill Consolidated (M) Sdn Bhd	7,305,208.60	Tarikh tamat : 17 Mei 2013
11.	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Kunci Air Bagi Menaiktaraf Sistem Saliran Di Bagan Nakhoda Omar (BNO) Daerah Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan	Myasas Engineering Sdn Bhd	1,233,838.00	Tarikh tamat : 22 Ogos 2011
12.	Membina Dan Menyiapkan Parit Konkrit Berbentuk 'U' Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Panchang Bedena, Sungai Besar, Daerah	Sole Resources Sdn Bhd	2,496,320.00	Tarikh tamat : 14 Ogos 2012

Bil	Nama Projek	Nama Syarikat	Nilai Projek (RM)	Catatan
	Sabak Bernam, Selangor			
13.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Seputeh di Kampung Tasik Permai Mukim Ampang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan – Fasa 1	Lestari Services Sdn Bhd	746,270.00	Tarikh tamat : 23 November 2012
14	Kerja-kerja Membaikpulih Cerun Runtuh, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	Pelita Maintenance Resources Sdn. Bhd	2,186,642.00	Tarikh tamat : 26 Jun 2013
15	Cadangan Membina dan Menyiapkan Kuarters Jurutera Daerah JKR Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan	Yasdam Enterprise	710,900.80	Tarikh tamat : 3 Januari 2014
16	Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Al-Hidayah Kampung Johan Setia, Daerah Klang, Selangor	Merger Netwrok Sdn Bhd	6,272,000.00	Tarikh tamat : 21 Mac 2014
17	Cadangan Membina dan Menyiapkan Masjid Taman Ukay Perdana, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	A.Rahis Sdn Bhd	8,396,698.00	Tarikh tamat : 3 April 2014
18	Cadangan Membina dan Mengubahsuai dan Menaiktaraf satu (1) unit incubator (IAT) di bangunan sediaada untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor di Seksyen 15, Shah Alam, Selangor	Syarikat Sri Delima	537,500.00	Tarikh tamat : 17 Mei 2014

LAMPIRAN A2

**ANALISA HARGA BAGI PROJEK YANG DITAMATKAN (T) DAN KONTRAKTOR
MENARIK DIRI (W) DALAM KES PROJEK YANG DIURUS SECARA TENDER
SEPANJANG TAHUN 2012 – 2014**

Jabatan	Harga Kontraktor (RM)	Status (T/W)	Tahun	AJ	Beza AJ(%)
JKR Selangor	32,950,004.80	T	2012	37,329,060.48	-13.29%
	7,100,500.00	T	2012	9,052,427.45	-27.49%
	5,272,420.00	T	2012	6,459,241.74	-22.51%
	1,572,680.00	T	2012	1,616,557.77	-2.79%
	2,186,642.00	T	2012	3,140,673.90	-43.63%
	6,272,000.00	T	2012	6,780,659.20	-8.11%
	3,300,113.50	T	2012	3,729,788.28	-13.02%
	710,900.80	T	2013	710,920.38	-19.58%
	8,396,698.00	T	2013	9,437,888.55	-12.40%
	537,500.00	T	2013	594,313.75	-10.57%
	5,500,141.40	T	2014	8,717,328.00	-36.91%
	5,925,395.57	T	2014	9,990,00.00	-40.69%
JPS Selangor	2,496,320.00	T	2013	3,406,700.00	26.70%
	1,233,838.00	T	2012	1,523,565.00	19.01%
	5,232,442.00	W	2014	8,810,900.00	40.61%
	2,965,400.00	W	2014	4,900,270.00	39.48%
	7,039,792.00	W	2014	11,359,695.50	38.03%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERDAGANGAN ANTARABANGSA

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai eksport produk-produk dari Selangor ke peringkat antarabangsa pada tahun 2014?
- b) Nyatakan jenis-jenis produk dan kawasan industri penyumbang utama perdagangan antarabangsa Selangor pada tahun 2014

JAWAPAN:

- a) Maklumat berkenaan nilai ekport produk – produk dari Selangor ke peringkat antarabangsa tidak dapat dinyatakan kerana tiada mekanisme khusus di peringkat Negeri bagi memantau prestasi perdagangan seperti sistem percukaian yang dilaksanakan.
- b) Antara jenis produk dan kawasan industri penyumbang utama perdagangan Selangor pada tahun 2014 adalah;-

Bil.	Jenis Produk	Kawasan Industri
1.	Rubber Glove	- Kawasan Perindustrian Meru, Klang - Kawasan Perindustrian Berjantai Bistari, Kuala Selangor
2.	Electrical & Electronic	- FIZ Sg Way - Bandar Baru Bangi - FTZ Teluk Panglima Garang
3.	Aviation	- Subang - Shah Alam
4.	Food Products	- Pulau Indah - Shah Alam
5.	Logistic	- Shah Alam
6.	Transport Equipment	- Shah Alam - Serendah - Bukit Beruntung - Bangi

Sumber : Invest Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : HUTAN PAYA GAMBUT

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan butiran jumlah keluasan Hutan Paya Gambut di seluruh Negeri Selangor ?
- b) Sila nyatakan apakah peranan Hutan Paya Gambut terhadap ekosistem dan kawasan tadahan air ?
- c) Sila huraikan apakah aktiviti pencerobohan utama yang sering berlaku ?

JAWAPAN:

- a) Keluasan Hutan Paya Gambut di negeri Selangor adalah berjumlah 82, 890.38 ha. Butiran Hutan Paya Gambut dari segi jumlah bilangan beserta keluasannya adalah seperti yang berikut:

b)

No.	Nama Hutan Simpan	Keluasan (ha)
1.	HS Raja Musa	23,486.43
2.	HS Kuala Langat Selatan	6,844.30
3.	HS Kuala Langat Selatan (Tambahan)	194.87
4.	HS Sungai Karang	50,106.60
5.	HS Kuala Langat Selatan (Tambahan)	1,300.55
6.	HS Kuala Langat Utara	957.63
Jumlah (Hutan Paya Gambut)		82,890.38

- c) Hutan Paya Gambut memainkan peranan yang penting terhadap ekosistem dan kawasan tadahan air di samping mempunyai ciri-ciri yang unik dan 'fragile'. Sebarang gangguan terhadap ekosistem di kawasan ini akan menyebabkan perubahan berkekalan kepada sistem hidrologi dan habitat semulajadi kepelbagaian flora dan fauna. Selain itu, pengekalan air merupakan faktor penting dalam keseimbangan ekosistem hutan paya gambut. Aktiviti pembalakan secara intensif yang dijalankan sebelum 1990 telah menyebabkan banyak terusan air dibina bagi tujuan membawa keluar kayu balak. Pembinaan terusan air ini telah menyebabkan peningkatan pengaliran air keluar secara berlebihan dan berterusan. Keadaan ini menyebabkan paras air bawah tanah

(ground water level) menjadi rendah. Dengan itu, permukaan gambut menjadi kering dan mudah terbakar semasa musim panas.

Aktiviti pencerobohan utama yang sering berlaku di kawasan Hutan Paya Gambut adalah untuk tujuan aktiviti berunsurkan pertanian serta akuakultur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KEMAJLIHAN

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kawasan ladang dalam Selangor yang direkodkan oleh kerajaan?
- b) Berapa ramaikah jumlah pekerja ladang yang dapat direkodkan oleh kerajaan mengikut daerah?
- c) Apakah usaha dan pencapaian kerajaan untuk menyelesaikan masalah penempatan/kediaman pekerja ladang?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mendapatkan statistik lengkap jumlah ladang terkini di Negeri Selangor dan jumlah pekerja ladang kerana pekerjaan di ladang bukanlah jenis pekerjaan turun temurun yang mana terdapat ahli keluarga yang berpindah ke luar kelompok ladang berikutan mendapat tawaran kerja di tempat lain atau melanjutkan pelajaran.

Jumlah kawasan ladang di Negeri Selangor yang direkodkan aktif adalah sebanyak 89 ladang. Meskipun kita mengambil maklum akan majoriti pekerja ladang adalah terdiri daripada masyarakat india, namun kini sektor perladangan sebahagian besar telah dimonopoli oleh warga asing. Di sini kita lihat, warga tempatan harus merebut peluang bagi bersaing dengan warga asing untuk meningkatkan semula statistik pekerja ladang yang terdiri dari kalangan warganegara. Berikut adalah senarai ladang dan bilangan pekerja warga tempatan di Negeri Selangor dan sumber ini diperolehi dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) :

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
1	HULU SELANGOR	Ladang Changkat Asa	101 orang
2		Ladang Katoyang	17 orang
3		Ladang Kerling	39 orang
4		Ladang Sungai Jernih	69 orang
5		Ladang Kelapa Bali	3 orang
6		Ladang Lima Blas	42 orang
7		Ladang Lima Blas Oil Mill	21 orang
8		Ladang Sungai Gumut	13 orang
9		Ladang Tanjung Malim Oil Mill	36 orang
10		Ladang SMR Factory	24 orang
11		Ladang Hulu selangor	20 orang
12		Ladang Sungai Gapi	17 orang
13		Ladang Sungai Gapi East Division	4 orang
14	HULU LANGAT	Ladang Ampertenang	25 orang
15		Ladang Balau	7 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
16	KUALA LANGAT	Ladang Pulau Carey East A	0 orang
17		Ladang Pulau Carey East B	0 orang
18		Ladang Pulau Carey East C	143 orang
19		Ladang Pulau Carey East D	0 orang
20		Ladang Pulau Carey East Oil Mill	45 orang
21		Ladang Pulau Carey West 4	0 orang
22		Ladang Pulau Carey West 6	0 orang
23		Ladang Pulau Carey West 7	202 orang
24		Ladang Pulau Carey South A	0 orang
25		Ladang Pulau Carey South B	0 orang
26		Ladang Pulau Carey West Oil Mill	37 Orang
27		Ladang Bandar	14 orang
28		Ladang Batu Untong	30 orang
29		Ladang Bedford	16 orang
30		Ladang Bukit Cheeding	24 orang
31		Ladang Banting Palm Oil Mill	10 orang
32		Ladang Fermanagh Est/OM	60 orang
33		Ladang Kelanang Baru	40 orang
34		Ladang Sungai Bualah	5 orang
35		Ladang Teluk Datoh	19 orang
36		Ladang Tg. Duablas	7 orang
37		Ladang Sime Darby Research	108 orang
36		Ladang Sime Darby Biotech & Lab	8 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
37	KUALA LANGAT	Ladang Sime Darby Seeds & Agricul	45 orang
38		Ladang Sri Langat Oil Mill	49 orang
39		Ladang Sepang B/C	57 orang
40		Ladang Sepang Sungai Linau	37 orang
41		Ladang Sungai Rawang	31 orang
42		Ladang Sepang Oil Mill	0 orang
43	SABAK BERNAM	Ladang Sungai Bernam 1	83 orang
44		Ladang Sungai Bernam 2	19 orang
45		Ladang Sungai Bernam Research	7 orang
46		Ladang Sabak Bernam	63 orang
47	KUALA SELANGOR	Ladang Berjantai	15 orang
48		Ladang Bukit Lagong	7 orang
49		Ladang Talang Oil Mill	0 orang
50		Ladang Talang	54 orang
51		Ladang Kampung Baru	62 orang
52		Ladang Rajamusa	119 orang
53		Ladang Bukit Belimbing	15 Orang
54		Ladang Bukit Tagar	104 orang
55		Ladang Nigle Gardener	40 orang
56		Ladang Bukit Rotan Oil Mill	6 orang
57		Ladang Eng Hong	0 orang
58		Ladang Elmina	59 orang
59		Ladang Starthalie	1 orang
60		Ladang Group of B	35 orang
61		Ladang Minyak	58 orang
62		Ladang Minyak Oil Mill	47 orang

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PEKERJA
63		Ladang Sungai Tinggi	105 orang
64		Ladang Shalimar	21 orang
65		Ladang Sungai Buloh	96 orang
66		Ladang Selangor River	85 orang
67		Ladang Kuala Selangor	44 orang
68		Ladang Sungai Rambai	15 orang
69		Ladang Tennamaram	52 orang
70		Ladang Hopeful	21 orang
71		Ladang Bukit Badong	13 orang
72		Ladang Tennamaram Oil Mill	40 orang
73		Ladang Tuan Mee	38 orang
74		Ladang Caledonian	32 orang
75		Ladang Jeram	17 orang
76		Ladang Bukit Darah	34 orang
77		Ladang Tuan Mee Oil Mill	10 orang
78	KLANG	Ladang Bukit Cheraka	97 orang
79		Ladang Bukit Cloh	52 orang
80		Ladang Brounston	23 orang
81		Ladang Bukit Ijok	45 orang
82		Ladang Bukit Kerayong	73 orang
83		Ladang Sungai Kapar	5 orang
84		Ladang Jalan Acob	14 orang
85		Ladang Bukit Kerayong Oil Mill	7 orang
86		Ladang Golconda	14 orang
87		Ladang Golconda Oil Mill	9 orang
88		Ladang Bukit Rajah	14 orang
89	PETALING	Ladang Subang	16 orang
JUMLAH KESELURUHAN			3211 orang

- c) Kerajaan Negeri setakat ini belum mempunyai perancangan khusus untuk membantu bekas pekerja ladang yang telah bersara untuk mendapatkan rumah selepas mereka bersara. Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam menangani masalah ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang – ladang di seluruh Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan bagi membantu menjaga kebajikan pekerja

ladang dan secara tidak langsung dapat meringankan beban yang dihadapi dari segi kewangan, pendidikan, sosial serta membantu dalam menyuarakan permasalahan yang dihadapi demi mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan manfaat kepada semua pihak.

Hal ini dapat kita lihat apabila Kerajaan Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah membantu para pekerja ladang dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dengan membuat lawatan turun padang dari ladang ke ladang untuk mengetahui lebih lanjut dan mendalami permasalahan mereka. Di bawah portfolio Pekerja Ladang juga, kami telah mengadakan sesi perbincangan bersama majikan pekerja ladang dalam mengekalkan fasiliti sedia ada seperti tapak rumah ibadat serta sekolah-sekolah di kawasan estet sebagai kemudahan pekerja mereka itu sendiri.

Kami amat menitik beratkan nasib pekerja ladang dalam mendapatkan kediaman yang selesa untuk mereka mendiami seperti contoh :

- 1) Ladang Bukit Rajah - Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil sebagai kemudahan kepada mereka ;
- 2) Ladang Bangi – Seramai 22 orang pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh majikan mereka dalam membina rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh majikan itu sendiri ;
- 3) Taman Permata Dengkil - Seramai 393 orang pekerja ladang telah dibantuk bagi mendapatkan tapak untuk pembinaan rumah ;
- 4) Ladang Semenyih - Seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat ; dan
- 5) Ladang tumbok – Seramai 12 orang telah diberi bantuan untuk mendapatkan rumah.

Portfolio Pekerja Ladang masih meneruskan perbincangan sebegini demi memastikan hak dan kebajikan pekerja ladang dijaga. Dengan cara begini, boleh dikatakan satu pencapaian yang agak besar oleh Kerajaan Negeri melalui peningkatan terhadap jumlah pekerja ladang yang dibantu dari tahun-tahun sebelum ini.

Hal ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dalam membantu mengatasi masalah pemilikan dan rumah kediaman yang dihadapi oleh pekerja ladang secara tidak langsung.

Sehubungan dengan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan bina baru rumah serta bantuan baikpulih rumah melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor dan tidak terkecuali kepada bekas pekerja ladang.

Di bawah program ini, Kerajaan Negeri telah membantu beberapa bekas pekerja ladang yang mempunyai tanah di atas milik sendiri untuk membina sebuah rumah yang selesa untuk didiami berpandukan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan nasib bekas pekerja ladang kerana golongan ini dianggap terpinggir dan tumpuan lebih harus diberikan kepada mereka dalam memastikan kebajikan mereka dijaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMERIKSAAN MAMMOGRAM PERCUMA

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status program Pemeriksaan Mammogram Percuma untuk wanita di negeri Selangor dari segi bilangan yang sudah membuat pemeriksaan mengikut DUN?
- b) Apakah program lain yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memberi kesedaran tentang pencegahan penyakit barah payudara di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Mammogram masih diteruskan malah tindakan penambahbaikan program telah diambil dan dilaksanakan secara berterusan sehingga kini. Penambahbaikan ini adalah dari segi penambahan jumlah pengendali operasi Mammogram bagi memudahkan ramai lagi wanita di Negeri Selangor menikmati manfaat yang diberi. Untuk makluman sejak program ini dilancarkan sehingga Mac 2015 seramai 19,040 orang peserta telah mendapat manfaat daripada program tersebut seperti di Lampiran A.
- b) Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah bekerjasama dengan persatuan NGO, Persatuan Kebajikan Kanser Payudara Malaysia (*Breast Cancer Welfare Association Malaysia (BCWA)*) telah mengadakan Kempen Kesedaran Pencegahan Awal Kanser Payudara dengan mengadakan Jelajah Anti Kanser Payudara bersama BCWA menggunakan van khas untuk pemeriksaan klinikal barah payudara secara percuma yang dinamakan *Mobile Unit Reaching Nationwide with Information (MURNI)*.

Van MURNI merupakan sebuah *truck* yang telah diubah suai dengan dilengkapi peralatan klinikal bagi menjalankan kempen pencegahan kanser payudara. Van MURNI akan bergerak dari satu tempat ke satu tempat bagi membantu wanita di kawasan tersebut untuk menjalani ujian pengesanan awal kanser payudara secara klinikal dan mendapatkan informasi lebih lanjut berkenaan barah payudara.

Program ini telah dimulakan pada 4 Februari 2015 bersempena dengan hari kanser sedunia bermula di Bangunan SUK Shah Alam, DUN Bukit Gasing, DUN Damansara Utama, DUN Subang Jaya, DUN Seri Setia dan yang

terkini, terlibat secara langsung dalam Program *Malaysia Women Marathon* 2015 pada 8 Mac 2015.

STATISTIK PENERIMA PROGRAM MES MENGIKUT PECAHAN PARLIMEN SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

BIL.	PROGRAM	AGENSI	Sabak Bernam	Sungai Besar	Hulu Selangor	Tanjung Karang	Kuala Selangor	Selayang	Gombak	Ampang	Pandan	Hulu Langat	Serdang	Puchong	Kelana Jaya	Petaling Jaya Selatan	Petaling Jaya Utara	Subang	Shah Alam	Kapar	Klang	Kota Raja	Kuala Langat	Selangor	Agensi
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)																							
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia																							
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)																							
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN																							
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor																							
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor																							
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor																							
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	1194	1455	885	1198	664	1028	848	263	644	375	651	554	614	472	348	797	552	1240	96	1384	2055	1485	238
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor																							
10	Insentif Perkahwinan Bella	Seksyen Sektor, UPEN																							
11	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia																							
12	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)																							
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SI KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)																							
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)																							
15	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia																							
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia																							
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia																							
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)																							
19	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN																							
JUMLAH			1,194	1,455.00																					

19040

*Jumlah Penerima Faedah Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M³) Pertama adalah merupakan bilangan pengguna meter individu dan ia juga termasuk pengguna yang diberikan kemudahan kupon percuma
 *Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada agensi pengendali MES seperti yang disenaraikan.

STATISTIK PENERIMA PROGRAM MES MENGIKUT PECAHAN KAUM DAN UMUR SEHINGGA 31 DISEMBER 2014

BIL.	PROGRAM	AGENSI	KAUM				UMUR		
			MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	KANAK-KANAK	DEWASA	WARGA EMAS
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)							
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia							
3	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)							
4	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektor, UPEN							
5	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M ³) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor							
6	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor							
7	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor							
8	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	9907	6661	2452	20		19040	
9	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor							
10	Insentif Perkahwinan Belia	Seksyen Sektor, UPEN							
11	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia							
12	Pusat Dialisis Rakyat	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)							
13	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)							
14	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)							
15	Cuti Bersalin 90 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia							
16	Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia							
17	Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia							
18	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)							
19	Pusat Khidmat Krisis Sehent (OSCC)	Seksyen Sektor, UPEN							
JUMLAH			9907	6661	2452	20		19040	

*Jumlah Penerima Faedah Program Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M³) Pertama adalah merupakan bilangan pengguna meter individu dan ia juga termasuk pengguna yang diberikan kemudahan kupon percuma

*Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada agensi pengendali MES seperti yang disenaraikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : AGENDA SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA PKNS

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan strategi dan inisiatif PKNS kepada bumiputera selepas perubahan kepimpinan yang baharu?
- b) Apakah pencapaian PKNS pada tahun 2014 dalam membantu golongan bumiputera?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh 2015 sehingga 2019 PKNS telah merangka Pelan Perancangan Strategik yang merangkumi lapan teras. Memandangkan tumpuan terhadap pembangunan usahawan terus menjadi agenda utama PKNS maka teras strategik ketujuh telah direka khas untuk pembangunan usahawan iaitu :

“Melahirkan generasi usahawan yang berjaya serta mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat”

Bagi mencapai teras strategik tersebut, sebanyak tiga strategi utama akan dilaksanakan iaitu :

- i) **Menyebarkan PKNS ‘Bizpoint’ sebagai jenama pembangunan usahawan yang mampan dan dinamik**

PKNS Bizpoint terbukti berpotensi sebagai sebuah pusat yang berdaya maju untuk memainkan peranannya sebagai katalis pembangunan usahawan. Ianya memberikan bukan sahaja kemudahan asas bagi sesebuah perniagaan bertapak malah menjadi platform interaksi perniagaan, ruang untuk memperkaya pengetahuan dan kemahiran juga meluaskan jaringan usahawan. Perluasan PKNS Bizpoint adalah wajar dan beberapa gerak kerja telah dimulakan bagi memastikan objektif ini tercapai seperti berikut :

Program Pembudayaan	Program Pembangunan	Program Pemantapan	Program Jaringan
1. Perintis Usahawan (Sekolah Rendah)	1. Pembelian/ Penyewaan Premis Perniagaan Swasta	1. Vendor Inkubator Payong (Pengilang Bahan-bahan Binaan)	1. VIO by PKNS (Pejabat Maya & Fizikal)
2. Usahawan Muda (Sekolah)	2. Melahirkan		2. PKNS BizClub (Komuniti Usahawan)

Menengah) 3. Kelab PERMATA (Mahasiswa) 4. GROW PKNS (Lepasan Siswazah) 5. Akademi MPPB (Usahawan & Bakal Usahawan)	sekurang-kurangnya Lima (5) Usahawan Setahun (5U) 3. Retail 200 (Bidang Peruncitan)	2. Sub Kontraktor Bumiputera (Kelas G1-G5)	3. Sewaan Bilik Seminar 4. Sistem Biz Data PKNS (Pengkalan Data Usahan Secara Berpusat)
---	--	--	--

ii) Memantapkan pembangunan vendor dan Sub Kontraktor Bumiputera (SKB) yang kompetitif, berkualiti dan berdikari.

Program pembangunan vendor dan SKB PKNS adalah sumber untuk PKNS memperkasakan komponen di dalam 'supply chainnya'. Sehubungan itu kaedah, konsep dan prosedur pembangunan vendor dan SKB ketika ini diperkasakan lagi sebagai satu usaha strategik yang melengkapkan hasrat PKNS untuk melahirkan produk yang berkualiti dan dalam masa yang sama membangunkan potensi usahawan bumiputera di dalam bidang pembinaan.

iii) Mempertingkatkan inisiatif-inisiatif pembentukan minda dan memperkasakan kemahiran keusahawanan

Proses melatih dan membangunkan kemahiran keusahawanan adalah berterusan, ianya dimulakan daripada peringkat yang rendah sehinggalah peringkat yang tertinggi. PKNS terus komited di dalam memperkasakan dan menambahbaik modul-modul latihan keusahawanan bagi memastikan keberkesanan program yang dilaksanakan.

Aspek strategik di dalam setiap program latihan juga akan dititikberatkan agar sebarang pelaburan yang dibuat akhirnya akan dapat memberikan pulangan kepada kedua-dua pihak iaitu PKNS dan usahawan bukan sahaja dalam bentuk kewangan bahkan sumber dan idea perniagaan yang berpotensi untuk dimajukan.

Ke arah ini pelaksanaan **program 5U** telah dilancarkan di mana hasrat bagi melahirkan lebih ramai usahawan dapat direalisasikan hasil daripada bimbingan dan 'engagement' secara langsung oleh PKNS. Usaha ini bukan sahaja berjaya melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya maju malahan mampu menjadi jentera pelaburan baru PKNS di dalam bidang bukan hartanah dalam tempoh jangkamasa panjang. Peranan PKNS adalah sebagai 'angel investor' dimana selain memegang ekuiti, PKNS juga akan memberi bimbingan profesional kepada usahawan tersebut.

Dari segi pemeraksanaan kemahiran usahawan, PKNS telah mengenalpasti sektor peruncitan sebagai salah satu sektor dimana kebanyak bumiputera menjadikan ianya sebagai salah satu titik permulaan dalam bidang keusahawanan.

Usahawan akan diberi bimbingan dan latihan khusus di dalam bidang peruncitan supaya mereka lebih bersedia dari segi fizikal, mental mahupun kewangan apabila menjalankan perniagaan di pusat-pusat perniagaan yang berkelas sederhana dan tinggi. Program ini dikenali sebagai **Retail 200**, dan sebagai permulaan seramai 200 usahawan telah dikenalpasti dan diberi bimbingan sebagai persediaan untuk memasuki kompleks perniagaan di Detum Jelatek.

b) Rujuk Lampiran 1

LAMPIRAN 1

b) Berikut adalah inisiatif dan pencapaian PKNS pada tahun 2014 dalam membantu golongan bumiputera melalui program-program pembangunan keusahawanan

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Sasaran 2014	Pencapaian	%	Penerangan
1.	Perintis Usahawan	6 buah sekolah @ 10 peserta	60 Peserta	60	100	Pendedahan pembudayaan keusahawanan kepada pelajar sekolah rendah
2.	Tunas Niaga Entrepreneur	50 buah sekolah @ 25 peserta	1,250 Peserta	1,250	100	Pelajar menjalankan perniagaan selama 8 bulan melalui syarikat Sdn. Bhd yang didaftarkan di PKNS
3.	Usahawan Mahasiswa	8 buah IPT	1,320 Peserta	968	74	i) Kesenambungan dari Program Protune, mahasiswa didedahkan dengan dunia keusahawanan.
			20 Peserta	16	80	ii) Mahasiswa mendaftar syarikat di SSM dan bimbingan selama 4 bulan (satu semester) menjalankan perniagaan
4.	Usahawan Siswazah (GROW)	Lepasan IPT	20 Peserta	13	65	Peserta mempunyai syarikat sendiri dibimbing penuh selama enam bulan
5.	Klinik Usahawan	Usahawan atau bakal usahawan	200 Peserta	792	396	Mengendalikan latihan dan bimbingan kepada usahawan dan bakal usahawan berhubung maklumat dan kaedah-kaedah bisnes terkini

LAMPIRAN 1

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Sasaran 2014	Pencapaian	%	Penerangan
6.	Retail 200	Peniaga-peniaga kecil	200 peserta	189	95	Bimbingan dan latihan kepada usahawan peruncitan untuk bersedia menjalankan perniagaan di pusat perniagaan yang lebih berprestij dan subsidi sewa.
7.	Vendor Inkubator Payung (VIP)	Pengeluar bahan binaan	5 Syarikat baru	2	40	Membantu Usahawan Bumiputera dalam industri bahan pembinaan untuk digunakan dalam projek PKNS. Pada 2014 sebanyak 5 permohonan diterima dan 3 syarikat telah ditemuduga hanya 2 syarikat yang layak
8.	Sub Kontraktor Bumiputra	Kontraktor kelas G1 – G5	15 SKB baru	7	47	Melatih kontraktor binaan bumiputera yang mahir dalam kerja-kerja kontrak dan mampu bersaing di pasaran. Perkhidmatan SKB di projek PKNS. Pada tahun 2014 sebanyak 20 permohonan diterima dan 10 syarikat telah ditemuduga hanya 7 syarikat yang layak
9.	5U	Usahawan	5	0	0	Program melibatkan 'engagement' PKNS di dalam syarikat usahawan. Di peringkat perancangan modul, pengumpulan maklumat dan menjalankan kajian keberkesanan sebelum program dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2015.
10.	Penyewaan Ruang Pejabat/maya	Usahawan	120 Penyewa baru	88	74	Penyewaan pejabat fizikal atau maya terutama usahawan yang baharu dalam bisnes
11.	Penyewaan Bilik Seminar	Usahawan	100 penyewa	167	167	Bilik-bilik seminar di sewakan kepada usahawan yang memerlukan bagi mengadakan kursus dan seminar.

LAMPIRAN 1

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Sasaran 2014	Pencapaian	%	Penerangan
12.	BizClub	Usahawan	200 ahli baru	170	85	Mewujudkan satu tempat pertemuan atau hub usahawan berkumpul dan memberi nilai tambah juga sokongan kepada program BPU yang sedia ada.
13.	BizData	Peserta Program Usahawan PKNS	1,000 ahli baru	1,344	134	Bank data keusahawanan PKNS dari segi pelaksanaan, sistem pengurusan keahlian, pelaporan dan hebahan program-program yang dilaksanakan.
		JUMLAH	1,645	1,967	120	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR SUKAN

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan khusus untuk membaik pulih gelanggang sukan setiap dun?
- b) Sekiranya ada, bagaimana cara untuk mendapatkan peruntukan tersebut?
- c) Apakah sasaran sukma akan datang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah mengumumkan peruntukan pembangunan untuk membaikpulihan kemudahan sukan di Negeri Selangor bagi tahun 2015 berjumlah RM 12,000,000.00 melalui pembentangan bajet pada Sidang Dewan Undangan Negeri yang lalu. Daripada jumlah itu, sebanyak RM 20,000.00 diperuntukkan bagi setiap DUN bagi kerja-kerja baikpulihan kemudahan sukan di kawasan DUN di Negeri Selangor bagi tahun 2015 di mana berjumlah keseluruhan adalah RM 1,120,000.00.
- b) Peruntukan kewangan bagi baikpulihan ini diuruskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Pihak UPEN akan menyalurkan peruntukan tersebut mengikut permohonan yang diterima oleh pihak DUN.
- c) Sasaran kontinjen negeri pada SUKMA akan datang adalah untuk memperbaiki kedudukan sekurang – kurangnya 3 terbaik memandangkan pada SUKMA yang lepas kontinjen Selangor mendapat kedudukan ke-4. Telah menjadi budaya dalam SUKMA itu sendiri, pihak tuan rumah iaitu Sarawak akan mencari kelemahan kontinjen lain agar negeri tuan rumah menjadi juara.

Bagi kontinjen negeri Selangor, ianya menjadi satu tanggungjawab untuk sentiasa membuat persembahan atau penampilan yang terbaik di setiap SUKMA dan berusaha untuk mendapatkan pingat emas sebanyak mungkin untuk Negeri Selangor dan melahirkan atlet yang boleh menjadi wakil Negara pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK: PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR DENAGN
SPLASH**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini penstrukturan semula industri air Selangor antara SPLASH dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memandangkan perkara ini masih belum dimuktamadkan dan tempoh rundingan sepanjang satu tahun hampir akan tamat sekitar pertengahan tahun 2015?

JAWAPAN:

- i. Kerajaan Negeri Selangor melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah mengemukakan tawaran pada 26 Februari 2014 untuk mengambil alih empat (4) syarikat konsesi air yang sedia ada (iaitu PNSB, SPLASH, ABASS dan SYABAS) pada nilai RM9,651 juta.
- ii. Tawaran yang bernilai RM9,651 juta adalah berdasarkan nilai syarikat-syarikat konsesi air yang mengambil kira dua bahagian: -
- a. Ekuiti dan Pulangan ke atas ekuiti (ROE); dan
- b. Liabiliti yang akan Diambil alih
- iii. Ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh KDEB kepada pemegang-pemegang saham 4 syarikat konsesi adalah seperti berikut:
-

RM Juta	Puncak	SYABAS	SPLASH	TMSB / ABASS	Jumlah
ROE	1,117.5	520.5	250.6	86.2	1,974.7
Liabiliti yang akan Diambilalih	1,359.5	3,827.4	1,584.0	906.0	7,676.9
Jumlah	2,477.0	4,347.8	1,834.6	992.2	9,651.6

- iv. Pemegang-pemegang saham utama Puncak, SYABAS dan TMSB / ABASS secara prinsip telah bersetuju untuk menerima tawaran KDEB tertakluk kepada beberapa syarat-syarat dan rundingan lanjutan.
- v. Namun, pemegang-pemegang saham utama SPLASH telah menolak tawaran KDEB atas alasan bahawa nilai tawaran hanya mewakili 10% daripada nilai buku aset SPLASH. Oleh demikian, Kerajaan Negeri sedang melantik jurunilai bebas untuk mengkaji dan menentukan nilai sebenar SPLASH.
- vi. Di dalam Perjanjian Utama (*Master Agreement*) yang telah ditandatangani pada 12 September 2014 di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) telah diperuntukkan bahawa Air Selangor hendaklah memastikan bahawa ia akan berusaha untuk memperoleh ekuiti dalam Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Penyelesaian (*completion date*). Dalam Perjanjian Utama juga telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah dengan sedaya-upaya memudahkan Air Selangor dalam memperolehi SPLASH.
- vii. Memandangkan tempoh rundingan dengan SPLASH akan berakhir dua belas (12) bulan daripada Tarikh Penyelesaian Perjanjian Utama, perbincangan di antara Air Selangor dan SPLASH masih berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : SISTEM PENGUMPULAN AIR HUJAN (SPAHE)

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan premis kerajaan yang menggunakan sistem pengumpulan air hujan (SPAHE) dan kos yang terlibat.
- b) Berapakah jumlah air yang dapat di jimatkan bagi projek-projek yang disenaraikan?
- c) Senaraikan projek-projek yang menggunakan SPAHE mengikut pecahan PBT.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, telah banyak premis kerajaan yang menggunakan sistem pengumpulan air hujan (SPAHE) dan Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat penuh premis kerajaan yang memasang sistem ini. Walau bagaimanapun, dalam rekod senarai premis adalah seperti berikut: -

BIL	PREMIS	KOS
1.	Dewan Jubli Perak Abdul Aziz, SUK Selangor	RM 288,000.00
2.	Pusat Biomass MPSJ, Bandar Bukit Puchong	RM 20, 000.00
3.	Tempat mencuci kenderaan, Bengkel Mekanikal MPSJ	RM 7, 000.00
4.	Bangunan Ibu Pejabat MBPJ	RM 109,500.00
5.	Masjid Bukit Indah, Ampang	RM 95,000.00
6.	Kompleks Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya	RM 19,980.00
7.	Dewan Orang Ramai Taman Dahlia, Sepang	RM 15,000.00
8.	Dewan Orang Ramai Taman Putra Prima, Sepang	RM 15,000.00

- b) Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Seberang Perai & Majlis Perbandaran Sandakan, Perbandaran Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) pemasangan SPAH dapat mengurangkan penggunaan air terawat sebanyak **30% hingga 75%**. Ianya adalah bergantung kepada kapasiti tangki SPAH dan jumpa air yang dapat di kumpulkan pada satu-satu masa. *(Sumber dari Kertas Kerja Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAHA) yang disediakan oleh KPKT bertarikh 26hb Jun 2012).*

- c) Kerajaan Negeri Selangor telah mewajibkan semua permohonan pelan bangunan yang dikemukakan ke PBT perlu menyediakan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAHA). Ini adalah bagi semua bangunan yang mempunyai kawasan bumbung 100m² atau lebih. Senarai projek yang menggunakan SPAHA mengikut PBT adalah seperti **Lampiran A**.

MBPJ

**PERMOHONAN DIKENAKAN SYARAT SISTEM PENGUMPULAN
AIR HUJAN (SPA) TAHUN 2014**

BIL	TAJUK PERMOHONAN
1	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT BESERTA KOLAM RENANG DI LOT 123 (NO. 12), JALAN 5/19C, SEKSYEN 5, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK BAVANI RAMASAY SCHMITTMANN
2	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT P.T 13 (NO. 11A), JALAN 12/17, SEKSYEN 12, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK RADZY BIN YAHYA DAN PUAN HARYATI BT ABDUL HALIM
3	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA DI LOT 96 (NO. 9), JALAN 2/38, SEKSYEN 2, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK KOH SOOK KHUAN, KOH WENG CHEON DAN KOH WING YEW
4	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 17 (NO. 40), JALAN 2/38, SEKSYEN 2, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK CHAN LIN MOI @ CHAN WEE LIAN DAN PUAN CHUI YUK
5	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 453, MUKIM PEKAN CEMPAKA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO.545A), JALAN PJU 1/9, PETALING JAYA UNTUK ENCIK LEONG FOOK SENG
6	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 313, MUKIM PEKAN CEMPAKA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO.111), JALAN PJU 1/30, PETALING JAYA UNTUK ENCIK LOKE SIN

LAMPIRAN A

7	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH SEBUAH RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT YANG SEDIADA DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT 11097, NO. 52 JALAN 16/12, PETALING JAYA UNTUK ENCIK NG YING LOONG DAN PUAN LEE SOW HAR
8	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH SEBUAH RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT YANG SEDIADA DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT 9452, NO. 2 JALAN SS 22/27A, PETALING JAYA UNTUK TETUAN WILAN SDN. BHD
9	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH SEBUAH RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT YANG SEDIADA DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DI ATAS LOT 26074, NO. 5 JALAN SS 2/57, PETALING JAYA UNTUK ENCIK YAP CHEE JIN DAN PUAN LOO SUEM CHI
10	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 1966, (NO. 5), JALAN SS9A/17, SS9A, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK RAVI CHANDRA NATHAN
11	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KE ATAS RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT 6941, NO. 18 JALAN SS 20/24, PETALING JAYA UNTUK ENCIK SAU KIM HING @ SOO KIM SIN
12	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMINDA PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN BAGI PEMBANGUNAN 11 UNIT RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT KEPADA 2 TINGKAT DI LOT PT58-68, JALAN 14/56, SEKSYEN 14, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN KARISMA MEGAH SDN. BHD
13	MENIMBANGKAN PERMOHONAN CANTUMAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 148 KANUN TANAH NEGARA DAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 1 BLOK PEJABAT 23 TINGKAT YANG MENGANDUNGI RUANG PERNIAGAAN DAN RUANG SERBAGUNA BESERTA 4 ARAS BASEMENT TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT 67329, JALAN PJU 7/6 DAN LOT 67330 JALAN PJU 7/5, MUTIARA DAMANSARA, PETALING JAYA UNTUK TETUAN NAM SENG BEE HOON SDN. BHD
14	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAI KERJA-KERJA DALAMAN SERTA LUARAN DI BANGUNAN KEDAI PEJABAT 4 TINGKAT SEDIADA DENGAN KEMUDAHAN UTILITI DI ARAS BUMBUNG DI ATAS PT. 80807, (NO. 2), JALAN PJU1A/3K, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, ARA DAMANSARA, PETALING JAYA. UNTUK PERSATUAN PERSAUDARAAN PERMATA PENGANUT BUDDHA SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN / TETUAN GENTING ANGGUN SDN. BHD

LAMPIRAN A

15	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH BANGUNAN 2 TINGKAT SEMENTARA YANG MENGANDUNGI BILIK PAMERAN, PEJABAT JUALAN DAN SEBUAH UNIT CONTOH PANGSAPURI PERKHIDMATAN DI ATAS LOT PT. 1428, JALAN PJU 1A/3, PJU 1A, ARA DAMANSARA, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING UNTUK TETUAN 128 DAMANSARA SDN. BHD
16	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1 BLOK BANGUNAN PENCAWANG MASUK UTAMA (PPU) 33 / 11 KV 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 104, JALAN PJU1A/9, ARA DAMANSARA, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN TENAGA NASIONAL BERHAD
17	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA DI LOT P.T 10 (NO.7), JALAN TIMUR, SEKSYEN 9, PETALING JAYA UNTUK TETUAN POH KONG JEWELLERS SDN BHD
18	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT P.T 59 (NO.10), JALAN 6/13, SEKSYEN 6, PETALING JAYA UNTUK PUAN MAZLINA ZAIRIN BINTI ZULKIFLY @ SOFI DAN TUNKU MARINAH ASHRAF BINTI TUNKU ABDULLAH
19	MENIMBANGKAN PERMOHONAN MELANJUTKAN TEMPOH KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIL SECARA BERSTRATA YANG MENGANDUNGI 2 BLOK PEJABAT 10 DAN 16 TINGKAT DI ATAS 3 TINGKAT PODIUM PUSAT MEMBELI BELAH BESERTA 3 ARAS BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT 36468, LOT 36469 DAN LOT 36470, JALAN SS7/13, KELANA JAYA, PETALING JAYA UNTUK TETUAN GLOMAC SEGAR SDN. BHD
20	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI LOT 670 JALAN 1A/7H, SEKSYEN 1A, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING , PETALING JAYA UNTUK PUAN HALIMAH BINTI ABDUL WAHAB
21	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT P.T 5 (NO. 5), JALAN 11/4C, SEKSYEN 11, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK PN. BALAKUMARI A/P SHANMUGAM DAN EN. KOTTIAH @ BHUVANESWARAN A/L M.RAMASAMY
22	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMINDA PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN DARIPADA SEBAHAGIAN RUMAH TERES 2 TINGKAT DAN 2 ½ TINGKAT (20' X 70') KEPADA 2 ½ TINGKAT (20' X 70') DI ATAS PT 6208 – PT 6221 DAN PT 6248 – PT 6261, JALAN PJS 3/23, PJS 3, PETALING JAYA UNTUK TETUAN BUANA PERDANA SDN. BHD

LAMPIRAN A

23	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT P.T 23 (NO. 22), JALAN 2/32, MUKIM BANDAR PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK YONG SING SAN
24	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT P.T 179 (NO. 15), JALAN 1/8, SEKSYEN 1, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, PETALING JAYA UNTUK ENCIK KHOO KIM KEE DAN PUAN YAP KIM LIAN
25	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT 38353, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, (NO.17), JALAN SS 3/88, PETALING JAYA UNTUK ENCIK FOONG FATT KEE, FOONG HOE WEI DAN FOONG HOE YINN
26	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT 1401, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO.28), JALAN SS 3/56, PETALING JAYA UNTUK ENCIK WEE KIEN FATT @ WONG KIEN
27	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT 1400, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO.30), JALAN SS 3/56, PETALING JAYA UNTUK ENCIK MAHALINGAM A/L VELLASAMY & PUAN VALIAMEH @ SARAJO A/P MUTHU NAIDU
28	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 1884, (NO. 6), JALAN SS1/1A, SS1, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK TERRENCE YONG WAI KIAN, PUAN AGNES YONG MEI KWAN DAN PUAN YONG WAI KIAN
29	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PINDAAN KE ATAS KILANG BERKEMBAR 3 TINGKAT BERSERTA MEZZANINIE SEDIADA DI ATAS LOT PT. 12562, NO. 1, JALAN TEKNOLOGI 3/4A, NOUVELLE INDUSTRIAL PARK 2, TAMAN SAINS SELANGOR, KOTA DAMANSARA, PJU 5, MUKIM PEKAN BARU SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN CHILD'S PARTNER (M) SDN. BHD
30	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN KELAS MUZIK (4 BILIK) DI TINGKAT 6 BANGUNAN SEKOLAH ANTARABANGSA SRI KDU 6 TINGKAT SEDIADA DI ATAS LOT PT. 9240 (NO. 3), JALAN TEKNOLOGI PSB 2/1, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA UNTUK TETUAN KDU SMART SCHOOL SDN. BHD

LAMPIRAN A

31	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 1452, MUKIM PEKAN CHEMPAKA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO.562), JALAN PJU1/9, PJU 1, PETALING JAYA UNTUK ENCIK TANG AH TUCK.
32	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA KEPADA 3 TINGKAT DI ATAS LOT 43358 (PN58154), MUKIM PEKAN CHEMPAKA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO.871), JALAN PJU1/26, PJU 1, PETALING JAYA UNTUK ENCIK TEE CHIN TUCK.
33	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMINDA PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN PERNIAGAAN TANAH BERIMILIK KERAJAAN, JALAN SS9A/14, SEKSYEN 51A, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN TAIPAN FOCUS SDN BHD.
34	MENIMBANGKAN PERMOHONAN SERAH BALIK KURNIA SEMULA UNTUK CANTUMAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 204A, KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT SEDIADA DI ATAS DAN LOT PT. 30303 (NO. 34) DAN LOT PT. 30305 (NO.38), JALAN TR 8/3, TROPICANA GOLF AND COUNTRY RESORT, MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, PJU 3, PETALING JAYA UNTUK ENCIK KOON POH MING DAN ONG SOO FAN
35	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN 1 TINGKAT DI KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT SEDIADA KEPADA 4 TINGKAT, KERJA-KERJA UBAHSUAIAN DALAMAN DAN LUARAN DI ATAS PT. 1367, (NO. 2), JALAN SS 3/31, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN RAIN TREE HOUSE SDN. BHD.
36	MENIMBANGKAN PERMOHONAN MELANJUTKAN TEMPOH KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG BAGI PERMOHONAN SERAH BALIK DAN BERIMILIK SEMULA TANAH DI BAWAH SEKSYEN 204B, KANUN TANAH NEGARA DAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN BERKEMBAR 32 UNIT 3 TINGKAT DI ATAS LOT 51009 (LOT LAMA PT. 8501), MUKIM SG. BULOH, DAERAH PETALING, JALAN ISTANA KOTA, SEKSYEN 9, KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA UNTUK TETUAN HARTAWAN MEGAJAYA SDN. BHD.
37	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 287, MUKIM PEKAN CHEMPAKA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO. 279), JALAN PJU1/35, PJU 1, PETALING JAYA UNTUK PUAN TEE CHU THU @ TEE SIEW CHOO

LAMPIRAN A

38	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI LOT 258 (NO. 29), JALAN CHANGGAI 6/22, SEKSYEN 6, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN WANGSA RESIDENCY SDN. BHD.
39	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT 17097, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING (NO.1), JALAN SS1/15 PETALING JAYA UNTUK TETUAN KAREN ONG SUET MAY
40	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH SEBUAH RUMAH SESEBUAH SATU TINGKAT DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 421, MUKIM PEKAN CHEMPAKA, DAERAH PETALING (NO. 324), JALAN PJU1/38, PJU 1, PETALING JAYA UNTUK ENCIK LOKE KAM SENG DAN PUAN BAK AH CHUI
41	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA SESEBUAH RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 43212 (PN 49089), MUKIM PEKAN CHEMPAKA, DAERAH PETALING, (NO. 370), JALAN PJU1/3, PJU 1, KG. CHEMPAKA, PETALING JAYA UNTUK PUAN LAI MOI, LAI NGAN TYE DAN LEW YET LAN
42	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 2, (NO. 2), JALAN 5/9E, SEKSYEN 5, PETALING JAYA UNTUK ENCIK CHIN HOONG FONG.
43	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI MEMBINA 1 BLOK BANGUNAN PENCAWANG MASUK UTAMA 132 / 32 KV 3 TINGKAT DI ATAS LOT 55982 (PT.567), JALAN PJU1A/19, ARA DAMANSARA, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING UNTUK TETUAN TENAGA NASIONAL BERHAD.
44	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI LOT 6 (NO. 48), JALAN UTARA, SEKSYEN 52, PETALING JAYA UNTUK TETUAN W. ATELIER SDN. BHD
45	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAI RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT SEDIADA DI ATAS LOT 2061, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, (NO.20), JALAN SS 3/76, PETALING JAYA UNTUK ENCIK KEONG CHEE LEONG DAN PUAN MUN YOOT HENG.
46	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN UBAHSUAI RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA KEPADA 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 30332, MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, (NO.25), JALAN TR8/3, TROPICANA GOLF AND COUNTRY RESORT, PETALING JAYA UNTUK ENCIK WONG THIAN SIONG DAN PUAN HO YU LON

LAMPIRAN A

47	MENIMBANGKAN PEMOHONAN SECARA SERAHBALIK DAN PEMBERIMILIKAN DI BAWAH SEKSYEN 204D, KANUN TANAH NEGARA (KTN) DAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 4 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 35 TINGKAT (744 UNIT) DI ATAS 4 TINGKAT PODIUM YANG MENGANDUNGI SOHO (62 UNIT), KEDAI, KEMUDAHAN, REKREASI DAN TEMPAT LETAK KERETA DAN 1 BLOK TEMPAT LETAK KERETA 7 TINGKAT DAN KEMUDAHAN DI ATAS LOT PT. 212 DAN 213, PERSIARAN TROPICANA, PJU 3, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, TROPICANA GOLF AND COUNTRY RESORT, PETALING JAYA UNTUK TETUAN MAYFAIR VENTURES SDN. BHD.
48	MENIMBANGKAN PEMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN YANG MENGANDUNGI : FASA 1 1 BLOK BANGUNAN SOHO 27 TINGKAT (512 UNIT) DENGAN KEMUDAHAN REKREASI (MENARA A) FASA 2 1 BLOK BANGUNAN SOHO 27 TINGKAT (512 UNIT) DENGAN KEMUDAHAN REKREASI (MENARA B) DI ATAS 6 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA DAN RUANG PERNIAGAAN BERSERTA 1 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT PT. 3870, JALAN SS6/2, KELANA JAYA, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN REKA STRATEGI SDN. BHD.
49	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 23, (NO. 25), JALAN 1/2, SEKSYEN 1, PETALING JAYA UNTUK PUAN HENG HOOI LENG DAN ENCIK HENG KIEN BENG
50	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT 3369 MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, (NO. 6), JALAN SS3/2A, PETALING JAYA UNTUK ENCIK AKBAR HUSSAIN BIN MEM MEERA HUSAIN DAN PUAN NURJANAH BINTI MOHD. IBRAHIM
51	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT. 1304, MUKIM PEKAN CHEMPAKA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA, (NO.724), JALAN PJU1/11, KG. CHEMPAKA, PJU 1, PETALING JAYA UNTUK ENCIK SET YOKE LIM @ PHUA YOKE LIM
52	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT BESERTA KOLAM RENANG DI ATAS LOT 31, DI NO 31, JALAN 22/42. SEKSYEN 22, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK AHMAD HATTA BIN KAMARUZZAMAN & SHARLIZA BINTI MOHD SALLEH

LAMPIRAN A

53	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH BEKEMBAR 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT 398 (NO 13), JALAN 4/48A, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK DAVIAN MANDY A/L GANGNADHARAN & PN. JENANI A/P THILAGALINGAM
54	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 430 (NO. 18) JALAN RAILWAY 1/2, SEKSYEN 1, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK MOHD AKHIR BIN ABDUL RAHMAN
55	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT DI LOT 191 (NO. 25) JALAN 2/21, SEKSYEN 2, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK WAN HOW LING, ENCIK WAN MUN KEE, ENCIK MOON CHEE, ENCIK MUN CHENG, ENCIK WAN MUN FOONG, ENCIK MUN SOW
56	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 45 (NO. 16), JALAN 2/29, SEKSYEN 2, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK EN. KOK CHEE FOONG, PN. KOK KIM YEN, PN. KOK MENG KEE, PN. KOK SIEW FOONG, EN. KOK SIM HOONG, EN. KOK WAI HOONG
57	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIA ADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 28 (NO. 6), JALAN 6/3, SEKSYEN 6, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK DATUK SHAHARUDDIN BIN MD. SOM
58	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH BANGUNAN GALERI HARTANAH 2 TINGKAT BERSERTA MEZZANINE BERBENTUK SEMENTARA DI ATAS LOT PT. 3870, JALAN SS6/14, SS6, KELANA JAYA, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING UNTUK TETUAN REKA STRATEGI SDN. BHD
59	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DI ATASLOT 1723 MUKIM DAMANSARA DAERAH PETALING (NO. 12) JALAN SS3/48, PETALING JAYA UNTUK TETUAN EMIRATES HOTELS & PROPERTIES SDN. BHD.
60	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH SESEBUAH SATU TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT 15, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, NO. 15, JALAN CHANGGAI (6/22), PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN THEASSOCIATION FOR THE PROMOTION OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA

LAMPIRAN A

61	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI LOT P.T 80 (NO.6), JALAN 4/41, SEKSYEN 4, PETALING JAYA, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING UNTUK PUAN LAURA LIM WEI WEI
62	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI LOT P.T 319 (NO. 2), JALAN 1/11, SEKSYEN 1, PETALING JAYA, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING UNTUK PUAN LOH KIM LAN DAN PUAN TEOH YOKE PENG
63	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI ATAS LOT 7 SEKSYEN 12, MUKIM PETALING, LORONG 12/14A, SEKSYEN 12, BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN LALITA A/P RAKKIYAPPAN
64	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 127 (NO. 16), JALAN 4/46, SEKSYEN 4, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK VINCENT LEONG CHEE HIP
65	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 7, (NO. 4), JALAN 12/11, SEKSYEN 12, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK DR RAJESH SINGH A/L KARNAIL SINGH
66	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA KEPADA 3 TINGKAT DI LOT 7998 (NO.5), JALAN 20/4, SEKSYEN 20, BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK PUAN LEE CHOY FONG
67	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH SESEBUAH 1TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 396 (NO. 14), JALAN 5/10F, SEKSYEN 5, PETALING JAYA, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING UNTUK ENCIK JOACHIM SOON GHIM SENG
68	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA SEBUAH RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA KEPADA 3 TINGKAT DI ATAS LOT 32369 MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, (NO. 7), JALAN PJU3/17,DAMANSARA INDAH, PETALING JAYA UNTUK TETUAN ELEVEN DOCKS SDN. BHD

LAMPIRAN A

69	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN 1 BLOK PANGSAPURI SERVIS 26 TINGKAT (394 UNIT) DAN KEMUDAHAN DI ATAS 1 TINGKAT KEMUDAHAN, 5 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA BESERTA 2 TINGKAT KEDAI PEJABAT (18 UNIT) DAN 1 ARAS BASEMEN TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT PT 2 (LOT 121), PAKEJ C, LORONG MASJID 1, KAMPONG SUNGAI KAYU ARA, PETALING JAYA UNTUK TETUAN FDM DEVELOPMENT SDN. BHD.
70	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT DI LOT 20327 (NO. 30), JALAN SS1/20, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK KOH TIP PEE
71	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA LOT 16795 (NO. 12), JALAN SS1/23, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK STEPHEN CHRISTIE LEO
72	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 24 (NO. 14), LORONG TEMPLER 6/3, SEKSYEN 6, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK WILLIAM LIM DAN PUAN YAP SOK GEE
73	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA 1 BLOK PEJABAT 29 TINGKAT YANG MENGANDUNGI 1 TINGKAT SEPARA BASEMENT TEMPAT LETAK KERETA DAN SERVIS, 1 TINGKAT RUANG NIAGA DAN SERVIS, 1 TINGKAT MEZANIN, 7 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, 15 TINGKAT RUANG PEJABAT, 1 TINGKAT RUANG NIAGA DAN SERVIS DAN RUANG NIAGA DAN SERVIS – TINGKAT BUMBUNG RENDAH DAN “SKY GARDEN” – TINGKAT BUMBUNG ATAS DI ATAS LOT 33385, JALAN HARAPAN, PETALING JAYA UNTUK TETUAN IVORY PANORAMA SDN. BHD
74	MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI TUJUAN SERAHBALIK DAN BERIMILIK SEMULA DARIPADA INDUSTRI KEPADA PERNIAGAAN DIBAWAH SEKSYEN 204B KANUN TANAH NEGARA UNTUK CADANGAN MEROBOH BANGUNAN KILANG 2 TINGKAT SEDIADA DAN MEMBINA SEMULA 1 BLOK BANGUNAN PERDAGANGAN 42 TINGKAT YANG TERDIRI DARIPADA PANGSAPURI PERKHIDMATAN (310 UNIT) BESERTA 8 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA DI LOT 53 (NO. 17), JALAN SEMANGAT, SEKSYEN 13, PETALING JAYA, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN MULPHA PROPERTIES (M) SDN. BHD.

75	<p>MENIMBANGKAN PERMOHOANAN KEBENARAN MERANCANG SECARA SERENTAK MENGIKUT SEKSYEN 21 (AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976) BAGI TUJUAN MENGENAKAN KATEGORI PENGGUNAAN TANAH MENGIKUT SEKSYEN 124(1)(A) (KANUN TANAH NEGARA 1965) KEPADA 'BANGUNAN' (PERNIAGAAN), DAN PENDIRIAN BANGUNAN TERDIRI DARIPADA: (A)2 BLOK BANGUNAN PEJABAT 18 TINGKAT; (B)1 BLOK BANGUNAN HOTEL 36 TINGKAT, 1 BLOK SOHO 49 TINGKAT, 1 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 41 TINGKAT DI ATAS 9 TINGKAT PODIUM YANG MENGANDUNGI TEMPAT LETAK KERETA, RUANG PERNIAGAAN, KEMUDAHAN BALLROOM, KEMUDAHAN REKREASI, DAN (C)2 ARAS BASEMENT TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT 52, JALAN UNIVERSITI, SEKSYEN 13 BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN PJD CENTRAL SDN. BHD.</p>
76	<p>MENIMBANGKAN PEMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 4 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 17 TINGKAT (752 UNIT) BERSERTA 2 TINGKAT JAMBATAN GANTUNG (24 UNIT) DI ATAS 9 TINGKAT PODIUM YANG MENGANDUNGI PANGSAPURI PERKHIDMATAN (112 UNIT), KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT (13 UNIT), TEMPAT LETAK KERETA BERSERTA KEMUDAHAN DI ATAS LOT PT. 4002 JALAN PJU 1A/42B, ARA DAMANSARA, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, ARA DAMANSARA, PETALING JAYA UNTUK TETUAN SIME DARBY ARA DAMANSARA DEVELOPMENT SDN. BHD</p>
77	<p>MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG SECARA SERENTAK CADANGAN PENYERAHAN BALIK KESELURUHAN TANAH MENGIKUT SEKSYEN 197 DAN PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH MENGIKUT SEKSYEN 76 (KANUN TANAH NEGARA 1965) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI 1 BLOK PEJABAT 10 TINGKAT DAN 1 BLOK HOTEL/PEJABAT 50 TINGKAT DI ATAS 3 TINGKAT PODIUM PERNIAGAAN, 2 TINGKAT BAWAH RENDAH KOMPLEKS BANKUET, KONVENSYEN DAN TEMPAT LETAK KERETA SERTA 4 TINGKAT BASEMEN MENGANDUNGI KEMUDAHAN 'CENTRAL CHILLER PLANT'/LOJI RAWATAN AIR/TANGKI SEDUT KUMBAHAN/UTILITI/LANSKAP DAN TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT - LOT PT 1 SEHINGGA LOT PT 9, PT 11 HINGGA PT 16,PT 18 HINGGA PT 27,PT 44, PT 6825, JALAN DAMANSARA, MUKIM SG BULOH, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN COSMOPOLITAN AVENUE SDN. BHD</p>
78	<p>MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA KEPADA 2 TINGKAT DI LOT 378 (NO. 59), JALAN PENCHALA, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK CHANG KIM LONG DAN CHAN SEONG HIM</p>
79	<p>MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIADA DI LOT 144 (NO. 15), JALAN 2/36, SEKSYEN 2, MUKIM BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK LAI SEN CHUN DAN PUAN YAP CHING HEONG</p>

LAMPIRAN A

80	<p>MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA DI LOT P.T 41, (NO. 41), JALAN 12/15, SEKSYEN 12, MUKIM BANDAR PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK IVIKNESWARAN A/L ISWARAPATHAM DAN PUAN VILASINI DEVI A/P GOVENDAN KUTTY</p>
81	<p>MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN TAMBAHAN DAN PERUBAHAN KEPADA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIADA KEPADA 3 TINGKAT DI LOT P.T 16704, (NO. 26), JALAN SS1/39, SS1, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK ENCIK GUNASEGARAN A/L RAMACHANDRAN</p>
82	<p>MENIMBANGKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PINDAAN PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN DARIPADA CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIL YANG MENGANDUNGI 3 BLOK PEJABAT (11-12 TINGKAT), "1 BLOK DEWAN KONVENSYEN (2 TINGKAT)", 1 BLOK HOTEL 13 TINGKAT (322 BILIK) DAN 1 BLOK PANGSAPURI SERVIS 12 TINGKAT (198 UNIT) SERTA 2 TINGKAT BASEMEN KEPADA "CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIL YANG MENGANDUNGI 3 BLOK PEJABAT (11-12 TINGKAT), "1 BLOK KOMPLEKS PERNIAGAAN 4 TINGKAT", 1 BLOK HOTEL 13 TINGKAT (322 BILIK) DAN 1 BLOK PANGSAPURI SERVIS 13 TINGKAT (198 UNIT) SERTA 2 TINGKAT BASEMEN" DI LOT PT. 8, JALAN PJU 1A/2, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN SIME DARBY ARA DAMANSARA DEVELOPMENT SDN. BHD.</p>
83	<p>MENIMBANGKAN PEMOHONAN KEBENARAN MERANCANG CADANGAN PINDAAN KE ATAS PELAN SUSUNATUR DARIPADA PEMBINAAN 3 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 15 TINGKAT (735 UNIT) DAN 1 BLOK SOHO 15 TINGKAT (255 UNIT) DAN 2 TINGKAT RUMAH KELAB DI ATAS 6 TINGKAT PODIUM YANG MENGANDUNGI 6 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BESERTA 1 TINGKAT KEDAI (16 UNIT) DAN 1 TINGKAT KEMUDAHAN DAN 1 TINGKAT SEPARA BASEMEN KEPADA " PEMBINAAN 3 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 15 TINGKAT (877 UNIT) DAN 1 BLOK SOHO 15 TINGKAT (480 UNIT) DAN 1 TINGKAT RUMAH KELAB DI ATAS 7 TINGKAT PODIUM YANG MENGANDUNGI 7 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN BESERTA 1 TINGKAT KEDAI (5 UNIT) DAN KEMUDAHAN" DI ATAS LOT PT. 1424, JALAN PJU 1A/3, ARA DAMANSARA, MUKIM DAMANSARA, DAERAH PETALING, PETALING JAYA UNTUK TETUAN EPOCH PROPERTY SDN. BHD.</p>

MBSA

Berikut adalah sebahagian daripada Projek-Projek Pembangunan Kerajaan, Individu dan Swasta yang telah diluluskan oleh MBSA dengan pemasangan SPAH pada tahun 2014 :

Bil	Kategori Bangunan	Jenis	Jumlah
1.	Bangunan / Institusi Awam	Sekolah (SRJC)	1
		Hospital	1
		IPTA	2
		Masjid	2
		Surau	1
2.	Terminal Pengangkutan Awam	Bangunan TLK Bertingkat MRT	1
		Stesyen KTMB	1
3.	Kediaman Individu	Banglo	95
4.	Lain-lain Bangunan Swasta	Pangsapuri Kilang Sesebuah Rumah Ibadat Gudang Rumah Kedai Pejabat Institusi Dan lain-lain	420
	JUMLAH		524

MPSJ

Aset PBT yang menggunakan SPAH adalah seperti berikut:

1. Pusat Biomass Puchong.
2. Bengkel Kejuruteraan, MPSJ.

MPK

PBT	Projek yang menggunakan SPAH & Lokasi
MPK	<p>i) 600-4/1/96(2013) Cadangan Meroboh 2 Blok Bangunan Sekolah 1 Tingkat Sediada dan membina 3 Blok Bangunan Sekolah 4 Tingkat di Atas Lot 50696, SJK(T) Simpang Lima, Taman Sri Andalas, mukim Klang, Daerah Klang, Bandar Diraja, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>ii) 600-4/1/40(2013) Cadangan 1 Blok Bangunan Tambahan 4 Tingkat Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Istana di atas Lot 28, 78, 80 (Lot Baru 3744) Jalan Limau (KS2), Klang</p> <p>iii) 600-4/1/64(2014) Cadangan Tambahan Pembangunan yang Mengandungi 1 Blok Bangunan Sekolah 3 Tingkat di atas Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pandamaran B, Jalan Young/KS5, Mukim Klang, Klang Bandar Diraja, Selangor Darul Ehsan.</p>

MPSP

PBT	Projek yang menggunakan SPAH & Lokasi
MPSepang	<p>a) Sebuah Bangunan Stesen Satelit Bumi 1 Tingkat b) Sebuah Bangunan Pusat Pengkalan Data 6 Tingkat Di Atas PT 12000, No H.S(D) 7036, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan. Untuk tetuan TS Global Network Sdn. Bhd.</p>
	<p>Cadangan Projek Perumahan Di Atas Lot 3081, (Jalan 5f, Kg. Bharu Lanjut) Yang Mengandungi 14 Unit Rumah Berkembar Setingkat (Rb-1) Di Atas Plot 1 - Plot 14, 12 Unit Rumah Berkembar Setingkat (Rb-2) Di Atas Plot 15 - Plot 26, Mukim Labu, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan. Untuk Tetuan Detik Jitu Sdn. Bhd.– <i>Jalan Intan Baiduri 13, Taman Intan Baiduri</i></p>
	<p>Cadangan Pelan Lulus Bagi 37 Unit Perumahan Yang Mengandungi :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jenis A - 12 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat 2. Jenis A1- 19 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat 3. Jenis A2 - 1 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat 4. Jenis B - 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat 5. Jenis B1 - 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat 6. Jenis C - 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat 7. Jenis D - 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat 8. Jenis E - 1 Unit Rumah Banglo 2 Tingkat <p>Di Atas Sebahagian Lot-Lot No. 8754 8757, Pt. 13900, Pt. 14094, Pt. 14096 & Pt. 14108, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk Aima Realty Sdn. Bhd.</p>
	<p>Cadangan Pembinaan Industri (Fasa 2) Yang Mengandungi : 38 Unit Kilang Berkembar 3 - Tingkat; Dan 1 Unit Pencawang Elektrik (Double Chamber) Di Atas Sebahagian Lot 14000 (Plot A) (Dahulunya Pt 6250), Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan Untuk Tetuan Champion Transforms Sdn. Bhd.</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN PENDIDIKAN

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perbelanjaan pendidikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada tahun 2014 mengikut daerah?
- b) Apakah peranan kerajaan negeri dalam membantu mempertingkatkan mutu pendidikan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Perbelanjaan pendidikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada tahun 2014 mengikut daerah berjumlah RM16,243,675.00. Laporan terperinci seperti di lampiran.
- b) Peranan Kerajaan Negeri di dalam membantu mempertingkatkan pendidikan di Selangor antaranya ialah :
 - i. membantu meningkatkan kualiti infrastruktur sekolah di Negeri Selangor melalui Program Bantuan Sekolah;
 - ii. membantu meningkatkan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia melalui Program Tuisyen Rakyat Selangor;
 - iii. membantu meningkatkan kualiti guru-guru di Negeri Selangor melalui pelaksanaan Program Latihan Keguruan;
 - iv. memberi bantuan yuran tadika kepada keluarga yang kurang berkemampuan melalui program Skim TUNAS;
 - v. melaksanakan program-program pembangunan pendidikan awal kanak-kanak melalui seminar keibubapaan, Hari Tadika dan pelbagai lagi;
 - vi. membantu memperkembangkan pendidikan Punjabi di kalangan masyarakat sikh di Negeri Selangor melalui Persatuan Punjabi Negeri Selangor; dan
 - vii. melaksanakan program bantuan sebanyak RM1000 kepada para pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT melalui Program Hadiah Pengajian IPT atau HPIPT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : TANAH CANAL CITY

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan terma-terma terkini antara kerajaan negeri dengan Sapphire Index Sdn Bhd (SISS) berkenaan dengan isu tanah Canal City.
- b) Sila nyatakan perkembangan baru tanah Canal City.

JAWAPAN:

- a) Keluasan tanah yang terlibat adalah seluas 1172 ekar dan perjanjian pertama telah ditandatangani pada 15/4/2013 dan tanah tersebut dijual pada kadar RM18.50 kaki persegi. 11 bulan kemudian pada 19/3/2014, pihak Tropicana telah menjual seluas 308.72 ekar tanah pada pihak Ecoworld pada kadar RM35.00 kaki persegi dan Tropicana telah mencatat keuntungan berjumlah RM170 juta (berdasarkan pengumuman yang dibuat oleh Tropicana melalui BSKL) hasil daripada transaksi tersebut. Berdasarkan situasi di atas, pengurusan baru MBI telah meneliti semula perjanjian itu dan telah mencapai persetujuan untuk memeterai perjanjian baru seperti di bawah:

Terma Penting	Terma Lama	Terma Baru
• Hasil Jualan Tanah	RM 587 juta	RM 587 juta
• % perkongsian GDV	5%	9%
• % perkongsian keuntungan	3%	3%
• Kadar Faedah	RM 252 juta (boleh dikecualikan tertakluk kepada jangkamasa bayaran)	-
Jangkamasa	20 tahun	12 tahun
• Penjualan tanah oleh Sapphire Index	Dibenarkan	Tidak dibenarkan

Berdasarkan anggaran pulangan GDV sebanyak RM20 billion (seperti yang dilaporkan oleh Tropicana Berhad di dalam pengumuman BSKL), hasil tambahan yang bakal diperolehi adalah berjumlah RM500 juta.

- b) Pihak pengurusan MBI yang baru telah berunding semula perjanjian bersama pihak Sapphire Index Sdn Bhd dan ia dijangka memberi pulangan tambahan berjumlah RM500 juta kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PENGUPAYAAN SURAU

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan kerajaan untuk sebuah surau di negeri Selangor?
- b) Apakah agenda khusus membangunkan remaja-belia yang sistematik dengan berpusatkan masjid/surau?
- c) Siapakah yang dilibatkan oleh kerajaan untuk bersama membangunkan remaja perempuan agar berupaya hindar terjebak gejala sosial?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan tidak menyediakan peruntukan bagi kerja- kerja baikpulih dan pembaikan surau- surau. Jika ada sekalipun adalah dari Lembaga Zakat Selangor. Walau bagaimanapun, kerajaan menyumbangkan dana sumbangan moreh sebanyak RM 1000 bagi surau biasa dan RM 1250 bagi surau kebenaran solat Jumaat yang akan diserahkan kepada pihak surau sebelum bulan Ramadhan setiap tahun.
- b) Kaedah Pegawai Dan Ahli jawatankuasa Masjid Negeri Selangor 1995 menghendaki semua masjid mewujudkan Lajnah pemuda/ belia yang bertujuan menjadi daya penggerak dan penarik kepada belia untuk dekat dengan masjid. Antara program yang dilakukan oleh Lajnah Belia Masjid ialah program riadhah, rekreasi, sukan , tahsin ibadah, tahsin quran, tuisyen, teknik menjawab peperiksaan, motivasi, usrah remaja dan sebagainya.
- c) Antara agensi yang terlibat adalah MAIS, JAIS, NGO-NGO, Lajnah Pemuda, Lajnah Wanita dan kepimpinan pelajar-pelajar IPTA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status pengurusan pelupusan sisa pepejal di bawah MPKj selepas Kerajaan Negeri menamatkan perjanjian dengan RDF.
 - i) Rancangan jangka pendek dan panjang untuk mengendalikan sistem pelupusan sampah.
 - ii) Apakah rancangan Kerajaan untuk atasi masalah ini selain daripada penggunaan *landfill*.

JAWAPAN:

- a)
 - i) Majlis Perbandaran Kajang telah mengeluarkan Notis Pelanggaran Perjanjian antara MPKj dan RESB pada 16 Julai 2014. Susulan pelanggaran tersebut MPKj mengeluarkan Notis Pembatalan Perjanjian bertarikh 26 Februari 2015 kepada syarikat berkenaan. MPKj juga telah mengambil langkah dengan menghantar sisa pepejal secara terus ke tapak pelupusan sanitari Tanjung Duabelas, Kuala Langat bermula 8 April 2014 sehingga kini ekoran daripada penutupan operasi di Loji RDF, Semenyih. Melalui mekanisma yang dilakukan di dalam menstabilkan penjadualan kutipan sisa pepejal di kawasan pentadbiran MPKj, kos sebanyak RM2/unit diberikan kepada kontraktor kutipan sisa pepejal.

Bagi perancangan jangka masa panjang, untuk mengatasi masalah pelupusan sisa pepejal di MPKj, pihak MPKj berpandangan satu kaedah pelupusan yang sistematik diperlukan. Di antara cadangan yang dikemukakan adalah pembinaan sebuah tapak pelupusan sanitari di dalam kawasan pentadbiran MPKj memandangkan pada ketika ini MPKj terpaksa menghantar sisa pepejal ke Tapak Pelupusan Tanjung Duabelas dengan jarak 80 km sehalu.
 - ii) Tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PENJUALAN TANAH MILIK KERAJAAN NEGERI DAN ANAK SYARIKAT

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan tanah kerajaan negeri yang telah dijual sepanjang 2008–2015?
- b) Berapakah jumlah keseluruhan tanah anak syarikat kerajaan negeri yang dibangunkan secara usahasama bersama pemaju sepanjang 2008–2015?
- c) Nyatakan keseluruhan hasil penjualan ini menyumbang ke arah pertambahan hasil rizab kerajaan negeri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, tanah kerajaan negeri tidak boleh dijual tetapi boleh dilupuskan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76-92, Kanun Tanah Negara. Proses pemberimilikan dilakukan oleh Pejabat Tanah.
- b) Kaedah usahasama yang dilakukan adalah di dalam bentuk perkongsian peratusan GDV dan secara puratanya mengambil masa sekurang-kurangnya 5 tahun untuk mendapat hasil penuh pelaburan. Secara puratanya hasil yang diperolehi adalah di dalam lingkungan 10%-15% hasil GDV di dalam tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani
- c) Hasil yang dijanakan oleh anak-anak syarikat disumbangkan secara langsung atau tidak langsung kepada kerajaan negeri. Di antara sumbangan signifikan yang dilakukan adalah seperti program Yayasan Dar Al Qard Al Hasan, pembiayaan air percuma, Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) dan lain-lain lagi. Secara purata dari tempoh 2008-2014, hasil sumbangan anak-anak syarikat adalah di dalam lingkungan RM30juta-RM50juta setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang Kerajaan untuk menambahbaik pengangkutan awam di seluruh Lembah Kelang?
- b) Senaraikan inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri yang sudah dibawa kepada Kerajaan Persekutuan untuk tujuan ini.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri cakna terhadap keperluan rakyat dengan menyediakan kemudahan perkhidmatan bas awam untuk kegunaan masyarakat khususnya yang berpendapatan sederhana rendah seperti warga industri, pelajar, kakitangan kerajaan dan mereka yang memerlukan perkhidmatan bas ini untuk urusan harian. Perkhidmatan bas komuniti telah mula beroperasi untuk kemudahan orang ramai pada Julai 2008 di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Setelah ia mendapat sambutan, program ini dikembangkan di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bermula 4 Mac tahun lalu. Program ini akan diperluas lagi dengan penglibatan dua (2) lagi pihak berkuasa tempatan (PBT) pada tahun ini iaitu, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Dalam masa yang sama, hasil Kajian Pengangkutan Awam Negeri Selangor oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor, Kerajaan Negeri dalam usaha memperluaskan perkhidmatan bas perantara (*feeder bus*) di kawasan MBPJ, MBSA, MPSJ, MPK dan MPAJ serta menaiktaraf perkhidmatan bas mini sebagai bas perantara.

Dengan mengambilkira pembangunan jangka panjang, Kerajaan Negeri dalam proses merangka *Selangor Public Transport Masterplan* bagi memastikan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan awam selari dengan pembangunan Negeri Selangor secara menyeluruh.

- b) Pendaftaran dan pelesenan perkhidmatan pengangkutan awam darat adalah di bawah bidang kuasa dan fungsi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Walaubagaimana pun, Kerajaan Negeri telah mencadangkan penambahbaikan dalam memastikan sistem pengangkutan awam Negeri

Selangor dipertingkatkan. Inisiatif yang dirangka bagi menambahbaik pengangkutan awam adalah dengan:

- i. Menubuhkan Majlis Pengangkutan Awam Selangor (MPAS) yang bertindak sebagai pengendali/pelaksana induk atau penggubal dasar bagi sistem pengangkutan awam Selangor. Melalui penubuhan MPAS juga, satu Jawatankuasa Khas dibentuk khususnya untuk mengendalikan isu-isu teknikal dan membincangkan cadangan-cadangan baru pengangkutan awam yang dikemukakan untuk diputuskan oleh MPAS.
- ii. Memperluaskan lagi pelaksanaan program pengangkutan awam percuma iaitu perkhidmatan bas komuniti secara berperingkat melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dan memastikan program ini kekal untuk jangka masa yang panjang.
- iii. Memastikan pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam darat seperti *Light Rail Transit* (LRT) 3, *Mass Rapid Transit* (MRT) 2 dan *High Speed Rail* (HSR) diselaraskan dengan Rancangan Struktur Negeri (RSN).
- iv. Menyokong pelaksanaan *Bus Rapid Transit* (BRT) yang dijangka dapat membantu usaha Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan persendirian yang menyebabkan masalah kesesakan jalanraya di kawasan bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : HORAS (HYBRID OFF RIVER AUGMENTATION SYSTEM)

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Fasa pertama (Kolam Takungan Fasa 1) dijangka siap Julai 2015. Nyatakan status terkini.
- b) Berapakah anggaran kos bagi projek ini?
- c) Berapakah keuntungan pasir yang diperolehi dengan projek ini?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PINJAMAN KUMPULAN PERANGSANG BERHAD

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pinjaman RM300 juta kepada Kumpulan Perangsang Berhad yang diberikan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah terma-terma pinjaman yang dikenakan kepada Kumpulan Perangsang Berhad?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPSB") tidak pernah menerima sebarang pinjaman daripada pihak Kerajaan Negeri sejak tahun 2003 di mana KPSB telah disenaraikan di Bursa Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KENAIKAN GAJI GURU KAFA

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kenaikan gaji sebanyak RM1,500 sebulan untuk guru-guru KAFA telah dilaksanakan?
- b) Apakah kenaikan gaji tersebut dinikmati oleh semua guru KAFA tanpa mengira tempoh berkhidmat atau sebaliknya?

JAWAPAN:

- a) Kenaikan elaun sebanyak RM 1500.00 sebulan untuk guru KAFA **BELUM** dilaksanakan. Kajian mengenainya telah disiapkan dan kerajaan akan meneliti cadangan dan syor yang dikemukakan.
- b) Kenaikan elaun tersebut bergantung kepada hasil penelitian kerajaan kepada syor yang dikemukakan dalam kertas kajian yang telah disiapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : JAWATANKUASA TEKNIK OKU

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan PBT yang telah menubuhkan Jawatankuasa Teknik OKU.
- b) Apakah perubahan yang telah berlaku dalam memudahkan OKU sejak penubuhan jawatankuasa ini?
- c) Selain daripada MBPJ, adakah konsep "Van Transit OKU" secara percuma akan dilaksanakan oleh setiap PBT?

JAWAPAN:

- a) Terdapat Berikut adalah senarai PBT yang telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU di Negeri Selangor.

PBT	Jawatankuasa Teknik OKU	Tarikh Penubuhan
MBSA	YA	12 April 2011
MBPJ	YA	Ogos 2006
MPK	Belum menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU	-
MPAJ	Belum menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU	-
MPS	YA	23 Jun 2009
MPSJ	YA	15 Ogos 2011
MPKj	Belum menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU	-
MPSp	YA	1 Januari 2014
MDKL	YA	Tahun 2013
MDHS	Belum menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU	-
MDKS	Belum menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU	-
MDSB	Belum menubuhkan Jawatankuasa Teknikal OKU	-

- b) Pelbagai program dan projek dalam memudahkan OKU telah dibuat kesan daripada penubuhan jawatankuasa ini antaranya adalah:
- i. Pengauditan Keselamatan Tempat Letak Kereta (TLK) melibatkan kebanyakan pusat membeli belah.
 - ii. Menaiktaraf Perhentian Bas OKU.
 - iii. Menaiktaraf "ramp" untuk kerusi roda dan parkir TLK Khas OKU.
 - iv. TLK OKU berbumbung.
 - v. Kemudahan lif bersuara untuk golongan orang buta.
 - vi. Butang lif yang menggunakan kaedah " Braille" yang boleh disentuh.
 - vii. Setiap pembangunan baru juga diwajibkan menyediakan kemudahan OKU mengikut keperluan di dalam Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) dan memenuhi hasrat Dasar Bebas Halangan terhadap OKU.
- c) Selain daripada MBPJ, hanya satu PBT sahaja yang telah melaksanakan konsep "Van Transit OKU" iaitu MBSA.

PBT	Van Transit OKU
MBSA	YA
MPK	TIADA
MPAJ	TIADA
MPS	Masih di peringkat kajian
MPSJ	TIADA
MPKj	TIADA
MPSp	TIADA
MDKL	TIADA
MDHS	TIADA
MDKS	TIADA
MDSB	TIADA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PTRS

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pencapaian terbaik pelajar PTRS dalam keputusan SPM 2014?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi tenaga pengajar PTRS?

JAWAPAN:

- a) Rekod pencapaian terbaik pelajar PTRS dalam keputusan SPM 2014 berdasarkan data yang telah dikumpulkan adalah 9A 1C dari Dun Lembah Jaya dan dari Dun Balakong iaitu 8A .
- b) Perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi tenaga pengajar PTRS antaranya ialah :
 - i. melaksanakan program latihan keguruan kepada tenaga pengajar PTRS;
 - ii. menyediakan buku nota panduan pengajaran kepada guru-guru PTRS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK : HAIWAN LIAR DI IJOK : MASALAH HAIWAN LIAR SEPERTI ANJING DAN
MONYET MASIH TIDAK TERKAWAL**

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan atau langkah-langkah oleh Jabatan berkenaan untuk mengawal dan mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

Majlis Daerah Kuala Selangor

- a) Kawalan anjing liar dijalankan dengan operasi 2x seminggu, iaitu pada hari rabu dan sabtu mengikut zon kawasan dan aduan yang diterima dengan cara mengepung dan menjerut. Untuk tahun 2014 pihak Majlis telah menjalankan 45 operasi tangkapan anjing liar dengan jumlah tangkapan sebanyak 330 ekor.

Manakala kawalan monyet akan dirujuk ke Jabatan Perhilitan untuk tindakan kerana pihak Majlis tidak mempunyai kepakaran dalam kaedah tangkapan monyet.

Jabatan Perhilitan

- a) Dalam menangani isu-isu konflik hidupan liar (monyet) di Selangor, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor telah mengambil tindakan seperti berikut:-
1. Pemasangan perangkap kera.
 2. Mengadakan operasi (tembak mati) bersama-sama JKKK / Penduduk, RELA dan Pertubuhan Peladang dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Untuk makluman, pada tahun 2014 Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor telah berjaya menangkap sebanyak 242 ekor monyet di Ijok. Manakala, sehingga Februari 2015, pihak jabatan berjaya menangkap sebanyak 28 ekor monyet.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA AHLI-AHLI MAJLIS

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan yang diberikan kepada setiap Ahli Majlis pada tahun 2014 mengikut PBT?
- b) Senaraikan kegunaan peruntukan yang diberikan kepada Ahli Majlis tersebut?

JAWAPAN:

- a) Senarai peruntukan selain elaun tetap dan lain-lain elaun adalah seperti berikut:

PBT	Bil. Ahli Majlis	Jumlah Peruntukan (RM)/Ahli Majlis	JUMLAH (2014)
MBSA	23	50,000.00	1,150,000.00
MBPJ	24	100,000.00	2,400,000.00
MPK	23	50,000.00	1,150,000.00
MPAJ	24	60,000.00	1,440,000.00
MPSJ	24	117,000.00	2,808,000.00
MPS	23	52,800.00	1,214,400.00
MPKJ	23	51,000.00	1,224,000.00
MPSP	23	40,000.00	920,000.00
MDKL	23	30,000.00	690,000.00
MDHS	23	30,000.00	690,000.00
MDKS	23	10,000.00	230,000.00
MDSB	23	5,000.00	115,000.00
JUMLAH	279	535,800.00	14,031,400.00

Selain peruntukan tersebut, Ahli – Ahli Majlis juga diberikan Elaun- elaun berikut

- a) Elaun Tetap
 - b) Elaun Mesyuarat
 - c) Dan lain- lain kemudahan mengikut kemampuan kewangan PBT
- b) Secara umumnya, kegunaan peruntukan yang diberikan kepada Ahli Majlis terbahagi kepada 4 aktiviti yang dibenarkan iaitu
- i. Sumbangan
 - ii. kebajikan
 - iii. pendidikan
 - iv. perayaan
 - v. kemasyarakatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Pusat Dialisis Rakyat (PDR) Kerajaan Negeri dengan tarikh mula beroperasi dan jumlah pesakit.
- b) Adakah Kerajaan Negeri masih berhasrat mewujudkan PDR di setiap kawasan Dewan Negeri Selangor? Jika ya, nyatakan PDR yang akan wujud pada tahun 2015.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tiada Pusat Dialisis Rakyat (PDR) yang di miliki oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. PDR ini dimiliki dan di operasikan oleh Gedung Penawar Sdn Bhd. Salah satu aktiviti perniagaannya adalah Pusat Dialisis Rakyat yang merupakan usahasama strategik dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Senarai Pusat Dialisis Rakyat (PDR), tarikh mula beroperasi dan jumlah pesakit adalah seperti di bawah:-

BIL.	LOKASI PDR	TARIKH MULA BEROPERASI	JUMLAH PENERIMA
1	Ampang	29.12.2011	37
2	Taman Medan	23.2.2012	18
3	Sementa	29.12.2011	29
4	Lembah Keramat	6.9.2012	28
JUMLAH			112

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan Pusat Dialisis Rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 4 Mac 2015 bersetuju untuk mewujudkan **Panel Dialisis Sihat Selangor**. Program ini di adakan bagi membantu membiayai sebahagian kos rawatan hemodialisis yang terpaksa ditanggung oleh mereka yang berpendapatan rendah di pusat-pusat dialisis yang telah di kenal pasti.

Kini terdapat 115 pusat dialisis yang beroperasi di seluruh Negeri Selangor. Dengan cara melantik pusat-pusat dialisis di setiap daerah akan memudahkan lagi orang awam terutama rakyat di Negeri Selangor menerima bantuan rawatan dialisis daripada Kerajaan Negeri seterusnya menampung keperluan perkhidmatan dialisis di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MENGURUSKAN RM600 JUTA PERUNTUKAN MARRIS BAGI TAHUN 2015

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah mekanisme yang akan diwujudkan oleh kerajaan jika mahu menggunakan seluruh RM600 juta bagi 2015?
- b) Apakah tahap keupayaan, keberkesanan dan kecekapan yang dimiliki oleh agensi-agensinya pelaksana masa ini?
- c) Apakah langkah yang akan diambil untuk menjamin pencapaian hasil pada tahap 100%?

JAWAPAN:

a) dan c)

Kerajaan Negeri menerusi Perbendaharaan Negeri Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan siling peruntukan MARRIS dapat dibelanjakan dengan optima seperti berikut:-

- i. Melaksanakan pindaan terhadap dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada Dasar Harga Terendah Setelah Melepassi Penilaian Teknikal kepada Dasar Pernilaian Perolehan Secara Sistem *Cut-Off* mulai 1 Januari 2015. Menerusi pindaan dasar ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan mekanisme baru dalam sistem perolehan yang dapat mengelakkan projek-projek termasuk projek MARRIS dilaksana pada harga yang terlalu rendah yang mungkin pada akhirnya menjurus kepada kualiti kerja yang rendah oleh pihak kontraktor. Di samping itu, harga yang rendah juga menyebabkan agensi pelaksana menghadapi kesukaran untuk menghabiskan siling peruntukan disebabkan wujud penjimatan pada kadar 20%-30% dari anggaran jabatan yang telah ditetapkan. Justeru, dasar perolehan yang baharu ini telah digubal agar perolehan yang dibuat benar-benar menguntungkan kerajaan.

- ii. Kerajaan Negeri menerusi Perbendaharaan Negeri Selangor telah membuat perancangan rapi dan akan memantau agar projek MARRIS dapat dilaksanakan dengan teratur mengikut Jadual Pelaksanaan berikut:-

Bil.	Aktiviti	Bulan	Status
1.	Pengeluaran Surat Kelulusan Berbelanja kepada agensi pelaksana	November 2014	Selesai
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bersidang dan meluluskan senarai projek dikemuka oleh agensi pelaksana	Disember 2014 & Januari 2015	Selesai
3.	Pelaksanaan perolehan secara sebut harga dan tender oleh agensi pelaksana	Januari – Mac 2015	Sedang dilaksanakan
4.	Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) oleh agensi pelaksana kepada kontraktor	Mac – April 2015	-
5.	Pelaksanaan projek MARRIS secara fizikal di tapak oleh pihak kontraktor	Mac – September 2015	-
6.	Penyaluran peruntukan kepada agensi pelaksana	Mac – September 2015	-

- b) Kerajaan Negeri berpandangan agensi pelaksana sedia ada iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah / Tanah (PDT) mempunyai keupayaan, kompetensi dan kecekapan yang diperlukan dalam melaksanakan projek-projek MARRIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BANDARAYA SHAH ALAM KIAN PESAT

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk pengangkutan darat di Bandar Shah Alam?
- b) Apakah usaha pengangkutan untuk menghubungkan pusat-pusat komersial di MBSA?

JAWAPAN:

- a) Majlis Bandaraya Shah Alam telah merangka pelan perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam darat di Bandaraya Shah Alam seperti berikut :
 - (i) Pelan Perancangan Jangka Pendek
 - Menyediakan perkhidmatan 'Park n Ride' di Stesen Komuter, Seksyen 19, Shah Alam.
 - Menaiktaraf terminal bas, Seksyen 17, Shah Alam.
 - Membina Hentian Akhir Bandar (HAB) di Stesen Komuter, Seksyen 19, Shah Alam.
 - Menaiktaraf hentian dan pondok bas.
 - Memberi perkhidmatan bas percuma untuk penduduk Shah Alam.
 - (ii) Pelan Perancangan Jangka Panjang
 - MBSA sedang dalam proses penyediaan Kajian Pengangkutan Awam Shah Alam bagi membentuk perancangan dan pelan induk pengangkutan awam yang lebih komprehensif.
 - MBSA juga bekerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam seperti berikut :
 - Projek Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya – Ampang
 - Projek Mass Rapid Transit (MRT) laluan Sg. Buloh – Kajang
 - Projek Bus Rapid Transit (BRT) laluan Kuala Lumpur – Klang
 - Projek Sambungan Komuter Sky Park Link laluan Subang – Skypark Terminal
 - Projek Transit Aliran Ringan (LRT) 3 laluan Bandar Utama – Klang
 - Projek Mass Rapid Transit (MRT) 2 laluan Sg. Buloh – Putrajaya
 - Projek 'Bus Into Panel' di setiap hentian dan pondok bas di Shah Alam

- b) MBSA telah melaksanakan usaha bagi meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang dapat menghubungkan pusat-pusat komersil di Shah Alam. Antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan mewujudkan perkhidmatan bas bandar (*city bus*) dan meningkatkan perkhidmatan kekerapan bas-bas tersebut.

Pada masa ini terdapat 4 buah syarikat bas awam yang memberi perkhidmatan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 25 laluan yang telah menghubungkan pusat-pusat komersil di Shah Alam dan juga kawasan sekitar.

MBSA juga telah memohon 5 laluan tambahan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Selain itu, kekerapan perkhidmatan bas bandar juga telah ditingkatkan daripada 30 minit kepada 15minit semasa waktu puncak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : MENAIKTARAF PUSAT PELANCONGAN

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek menaiktaraf pusat pelancongan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada tahun 2014?
- b) Berapakah peruntukan kerajaan negeri untuk menaiktaraf pusat pelancongan di Selangor pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Senarai projek menaik taraf pusat pelancongan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	AGENSI PELAKSANA	PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Pejabat Daerah/Tanah Sepang	Mewujudkan kemudahan pantai awam di Pantai Bagan Lalang	82,000.00
2.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Menaik taraf perkampungan Orang Asli Sungai Rasau, Puchong	8,000.00
3.	Majlis Perbandaran Selayang	Menaik taraf kemudahan pelancongan di Tasik Biru Kundang Fasa 2, Kuang	135,887.00
4.	Majlis Daerah Kuala Langat	Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Awam di Pantai Morib, Banting	93,860.00
5.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Pembelian sebuah tram di Bukit Malawati	188,950.00
6.		Menaik taraf kemudahan pelancongan di Pusat Pelancongan Kelip-kelip, Kampung Kuantan	89,000.00
7.		Pembaikan akuarium ikan dan bangunan di Pusat Pelancongan Akuarium Ikan Air Tawar, Taman Alam	19,880.00

8.		Menaik taraf kemudahan pelancongan di Pusat Pelancongan Kelip-kelip, Kampung Kuantan (Pontoon)	254,950.00
9.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Menaik taraf gazebo dan menaik taraf jalan di Pantai Sungai Haji Dorani	47,616.05
10.		Membina lampu awam dan lampu solar di kawasan Pantai Redang, Sekinchan	149,029.22
JUMLAH KESELURUHAN			1,069,172.27

- b) Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.5 juta bagi menaik taraf pusat pelancongan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PELABURAN

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan penarikan pelabur asing Negeri Selangor pada tahun 2015?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan menetapkan setiap Daerah menjalankan Expo Untuk Pelabur Asing?
- c) Apakah insentif untuk menarik pelabur asing yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Pelan penarikan pelaburan asing Negeri Selangor pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

1. **Pengurusan**

- a. Mewujudkan agensi penggalakkan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
- b. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur diperingkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- c. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- d. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan – kawasan perindustrian yang sedia ada.
- e. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
- f. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- g. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.

2. Networking

- a. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui SSIC akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- b. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
- c. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.

3. Promosi

- a. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar Negara.
 - b. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
- b) Pada ketika ini tiada perancangan bagi menetapkan setiap daerah menjalankan Expo untuk pelabur asing.

Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sentiasa mempromosikan peluang – peluang pelaburan yang berpotensi di setiap daerah di Negeri Selangor.

- c) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau ganjaran berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenalpasti tapak, menyelaraskan permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi samada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : KELULUSAN PERUNTUKAN BELIA PEBT DI BAWAH MAJLIS SUKAN
NEGERI**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah diperuntukkan setahun bagi setiap zon?
- b) Bagaimanakah baki peruntukan zon yang tak dituntut dibelanjakan?
- c) Adakah dibolehkan pemegang amanah kewangan merancang program tanpa penglibatan awal ketua-ketua zon lain dalam PBT tersebut?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) setiap zon adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Perkara	Peruntukan
1.	Program Peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	RM,5000.00 setahun
2.	Elaun Pengerusi Induk Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	RM500 x 12 bulan = RM6,000.00
3.	Elaun Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	RM400 x 24 orang x 12 bulan = RM115,200.00
JUMLAH		RM126,200.00

- b) Kerajaan Negeri selepas ini akan mengeluarkan polisi atau dasar yang akan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan untuk menjalankan pelbagai program di peringkat Negeri atau di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan menggunakan lebihan peruntukan di setiap zon.
- c) Pemegang amanah kewangan dibenarkan merancang dan melaksanakan program yang bermanfaat kepada belia setempat tanpa penglibatan awal ketua-ketua zon lain dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tersebut berdasarkan kepada 10 teras yang telah digariskan dalam Dasar Belia Negeri Selangor dengan memastikan peruntukan yang digunakan mengikut prosedur

kewangan yang telah ditetapkan dan memberikan impak kepada belia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PASIR

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar kerajaan pengimportan pasir dari luar negeri Selangor?
- b) Jika ada, apakah syarat-syarat dan fee yang dikenakan kepada pengimport?
- c) Berapakah hasil dari pengimportan yang diperolehi oleh kerajaan selama 10 tahun ini dan senaraikan syarikat yang diberi lesen ini.

JAWAPAN:

- a) Tiada dasar untuk pengimportan pasir dari luar Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, bagi pasir yang dibawa masuk ke Negeri Selangor, ianya akan dikenakan syarat-syarat dan bayaran mengikut Pekeliling PTGS Bilangan 1/2012 mengenai Pengurusan Permit Pemindahan Pasir Untuk Longgokan Pasir (*Stockpile*) Transit Di Negeri Selangor dan ditambahbaik kepada Pekeliling PTGS Bilangan 2/2014.
- b) Berdasarkan Pekeliling tersebut, syarat-syarat dan fi yang dikenakan adalah seperti berikut :-

Syarat-Syarat :

- i. Permohonan Permit Pemindahan Bahan Batuan (Pasir) kepada PTD perlu dibuat **melalui Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)**. Hanya permohonan dari KSSB yang boleh dipertimbangkan oleh PTD;
- ii. Pengenaan **Caj Perkhidmatan** oleh KSSB bagi menguruskan dan mengawal selia aktiviti pemindahan pasir dari kawasan *stockpile*;
- iii. Pengenaan **Fi Tahunan** dan **Deposit Penggunaan Tanah** berdasarkan kepada jenis tanah dan kategori kegunaan tanah; dan
- iv. Pengenaan **Bayaran Royalti** melalui Permit Bahan Batuan (Borang 4C, KTN 1965) bagi pengalihan dan pengangkutan pasir dari kawasan *stockpile* kepada pihak ketiga melalui KSSB.

Kadar Fi :

Kadar fi yang ditetapkan adalah seperti di **Lampiran A**.

- c) Kerajaan Negeri belum lagi menerima hasil dari pengimportan pasir kerana syarat-syarat dan fi tersebut baru berkuat kuasa **mulai 1 Oktober 2014**.

KADAR FI BAGI PENGGUNAAN TANAH DAN PENGELUARAN PASIR *STOCKPILES* (TRANSIT)

Fi	Tanah Kerajaan		Tanah Bermilik		Permit 4C
	Tanah Bandar/Pekan	Tanah Desa, Tanah Pantai dan Dasar Laut / Sungai	Pertanian	Bangunan / Industri	
Fi Pengeluaran Bahan Batuan	RM 3.00 per Meter Padu (M ³)				
Fi Tahunan ~ Penggunaan Tanah	RM 500.00 [setiap 1,000 M ²]	RM 100.00 [setiap 1,000 M ²]	RM 3.00 setiap Meter Persegi (M ²) keluasan kawasan yang dipohon	Tiada	-
Deposit	RM 1,000.00 [setiap 1,000 M ²]	RM 200.00 [setiap 1,000 M ²]	Tiada	Tiada	RM 20,000.00
Caj Perkhidmatan KSSB	RM 4.43 per Meter Padu (M ³)				

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) SELANGOR

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan TKPM di Selangor?
- b) Apakah objektif dan matlamat kerajaan negeri mewujudkan TKPM?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi menjayakan TKPM?

JAWAPAN:

- a) Status semasa terdapat 12 kawasan TKPM di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan 10 TKPM di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Melalui program ini, petani dibimbing untuk melaksanakan projek pertanian secara komersil , hasil pertanian yang dipersijilkan dengan MyGAP (Sijil Amalan Ladang Baik) dan SOM (Skim Organik Malaysia), untuk mencapai sasaran purata pendapatan bulanan sebanyak RM 4,000/bulan.
- b) Matlamat penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) ialah untuk mewujudkan kawasan pertanian kekal bagi pengeluaran pertanian terpilih secara intensif dan moden yang merangkumi unsur-unsur penyelidikan dan pembangunan, pendidikan, pelancongan dan pemeliharaan alam sekitar. Pewujudan kawasan pertanian kekal bagi pengeluaran pertanian dapat membantu meningkatkan pengeluaran makanan. Bagi mencapai matlamat ini beberapa langkah konstruktif seperti memberi sokongan infrastruktur, kemudahan serta perkhidmatan yang lengkap, penggunaan teknologi terkini, pengeluaran mengikut “Good Agricultural Practise” (GAP). Langkah ini dapat meningkatkan produktiviti serta mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan. Seterusnya pemasaran hasil ladang dapat diperbaiki dan pendapatan peserta yang menyertai projek dapat ditingkatkan.
- c) Sepanjang tempoh RMKe-10, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 7,560,000 bagi pembangunan TKPM.

Maklumat Tambahan (Senarai TKPM di bawah seliaan Jabatan Pertanian di Selangor)

Bil.	TKPM	Jenis tanaman	Luas (Ha)	Nilai pengeluaran tanaman (RM)			Bil Peserta
				Sasaran tahunan	Nilai pengeluaran	% pencapaian	
1	Sg Batangsi, Hulu Langat	belimbing, nangka, markisa	65.1	450,450.00	639,090.00	141.88	12
2	Semenyih, Hulu Langat	belimbing, cendawan, jambu batu	52	827,380.00	935,568.24	113.08	8
3	Hulu Yam, Hulu Selangor	sayuran daun, melon	220.4	14,800,000	15,151,552.00	102.38	36
4	Bkt Changgang, Kuala Langat	melon, sayur, orkid	60.7	2,263,060	1,694,090.00	74.86	16
5	Kundang, Kuala Langat	ubi kayu, keledak, nanas	120	1,072,579	950,870.00	88.65	41
6	Sg. Kelambu, Kuala Langat	ubi kayu, keledak, nanas	80	1,200,000	1,257,553.50	104.8	18
7	Bistari Jaya, Kuala Selangor	sayur, melon	57	744,377	1,144,205.81	153.71	18
8	Serdang	melon, tomato ceri	9	180,000.00	656,662.60	364.81	11
9	Hulu Chuchuh, Sepang	ubi kayu, keledak, nanas	100	2,178,065	2,083,090.00	95.64	23
10	Sg. Blankan, Sepang	ubi kayu, keledak, nanas	400	6,000,679	5,543,056.42	92.37	151
11	Batu Arang, Gombak	nangka, belimbing	149.2	250,550	322,480.00	128.71	31
12	Sungai Panjang, Sabak Bernam	kelapa, jambu batu	81	86,000	82,381.20	95.79	5
	JUMLAH		1394.35	30,053,141	30,460,599	101.36	370

Maklumat Tambahan (Senarai TKPM di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Selangor)

Bil	TKPM	Jenis Bidang Usaha	Luas (Ha)	Nilai Pengeluaran (RM)			Bil. Peserta
				Sasaran Tahunan	Nilai Pengeluaran	% Pencapaian	
1	Sungai Nilam, Hulu Selangor	Lembu Tenusu, Lembu Fidlot, Trading lembu pedaging	106.24	3,000,000	3,304,000	110	12
2	Sungai Tamu, Hulu Selangor	Lembu Tenusu, Kambing	67.84	1,200,000	1,366,600	114	3
3	Buloh Telor, Hulu Selangor	Lembu Tenusu, Makmal Semen	25.99	50,000	10,800	22	1
4	Hulu Bernam, Hulu Selangor	(Kelapa sawit)	10.00	-	-	-	1
5	Lubok Nibong, Hulu Selangor	Tiada penyewa (tanah tiada akses)	0	-	-	-	0
6	Sungai Jang, Hulu Selangor	Kambing, Ayam Beberi Pedaging,	39.98	1,050,000	1,123,000	107	5
7	Hulu Semenyih, Hulu Langat	Lembu Tenusu, Kerbau Tenusu	33.87	400,000	438,750	110	4
8	Batu Arang, Gombak	Rusa, (Kelapa sawit)	132.00	-	-	-	1
9	Sepintas, Sabak Bernam	Ayam Pedaging (Dalam penyelenggaraan)	2.20	-	-	-	1
10	Desa Vista, Sepang	(Peringkat pemagaran 18 plot untuk	16.19	-	-	-	0

		tanaman rumput)					
--	--	--------------------	--	--	--	--	--

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PEMILIK KILANG HARAM YANG ENGGAN MEMOHON PEMUTIHAN

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap pemilik kilang yang enggan menyertai program pemutihan.
- b) Senaraikan jumlah kilang yang telah diambil tindakan kerana enggan menyertai program pemutihan mengikut DUN masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Belum ada tindakan yang diambil terhadap pemilik kilang yang enggan menyertai program pemutihan kerana tempoh Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) masih berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2015.
- b) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : KEDUDUKAN MENARA TINJAU DI BUKIT AMPANG HULU LANGAT

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan sedar lokasi menara tinjau itu mempunyai potensi tinggi untuk menarik pengunjung atau pelancong?
- b) Jika ya, apakah rancangan kerajaan negeri terhadap menara tinjau ini yang sudah terbiar?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelak tempat itu dari menjadi lokasi maksiat?

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri Selangor menyedari bahawa lokasi menara tinjau "Ampang Out Point" (ALOP) mempunyai potensi tinggi untuk menarik ramai pengunjung atau pelancong sebagai sebagai salah satu kawasan tarikan berasaskan kepada ekopelancongan. ALOP telah ditubuhkan pada tahun 2001 sebagai salah satu destinasi pelancongan negeri Selangor disebabkan lokasinya terletak di puncak bukit yang membolehkan pengunjung melihat pemandangan hampir keseluruhan bandaraya Kuala Lumpur.

ALOP merupakan salah satu kawasan Hutan Dipterokarpa Tanah Pamah dengan ketinggian topografi 260 meter dari paras laut yang mudah sampai yang terdapat di negeri Selangor. Disamping itu, ia juga mempunyai kepelbagaian biodiversiti yang tinggi dengan pelbagai spesies fauna dan flora yang unik. Dengan wujudnya kepelbagaian biodiversiti yang tinggi ini, maka ianya sangat sesuai dijadikan sebagai Arboretum Negeri Selangor.

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan pihak pengurusan pada masa itu menutup ALOP disebabkan berlaku kejadian tanah runtuh. Pada masa kini, kerajaan negeri telah meluluskan untuk diserahkan pengurusan dan pembangunan semula ALOP kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) melalui peruntukan kerajaan Negeri Selangor.

- b) Berdasarkan kepada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) Bil. 7/2015 yang telah diadakan pada 26 Februari 2015, "Ampang Look Out Point" (ALOP) diserahkan kembali kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS)

untuk dibangunkan semula selaras dengan Pelan Pembangunan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor melalui peruntukan daripada kerajaan negeri.

JPNS berhasrat untuk membangunkan ALOP sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor disebabkan oleh lokasinya yang strategik dan sumber semula jadi yang menarik dan unik dengan kepelbagaian biodiversiti yang tinggi. Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor ini akan dibangunkan secara bersepadu merangkumi aspek pentadbiran, latihan, arboretum, rekreasi, ekopelancongan, penyelidikan dan pendidikan alam semula jadi yang bertaraf “World Class” yang boleh dibanggakan.

Segala kos pembangunan semula ALOP akan diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri Selangor melalui peruntukan khas dan juga peruntukan pembangunan secara tahunan.

- c) Sekiranya kawasan ini telah dibangunkan sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Selangor segala aktiviti dan program yang dijalankan kawasan ini akan sentiasa berada di bawah pengawasan dan seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor akan sentiasa bertanggungjawab dalam mengawal selia segala pengurusan berkaitan rancangan pembangunan ALOP bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung atau pelancong lebih terjamin pada masa sekarang dan juga akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : DASAR HUBUNGAN DOMESTIK ANTARA NEGERI-NEGERI

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor berkaitan Hubungan Domestik antara Negeri-negeri dalam Malaysia?
- b) Berapakah jumlah perdagangan antara Selangor dan negeri-negeri dalam Malaysia?
- c) Nyatakan pelaburan Selangor dalam negeri-negeri dalam Malaysia?

JAWAPAN:

- d) Pada ketika ini tiada suatu dasar khusus di pihak Kerajaan Negeri berkaitan hubungan domestik antara Negeri – negeri dalam Malaysia.
- e) Tidak ada mekanisme khusus untuk mengesan jumlah perdagangan antara Negeri Selangor dengan negeri – negeri lain seperti sistem percukaian yang terlibat.
- f) Sehingga kini tiada pelaburan Selangor dalam negeri – negeri dalam Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PERTANIAN MODEN

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa peranan kerajaan negeri untuk menuju ke arah industri pertanian moden di Selangor?
- b) Nyatakan bantuan-bantuan kerajaan negeri kepada petani di Selangor pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Antara usaha kerajaan negeri dalam permodenan pertanian di Negeri Selangor adalah:
 - 1) Program Peningkatan Hasil Padi Negeri Selangor dan Program Natural Farming kawasan padi. Keutamaan kepada pengamalan teknologi 'Rice Check' dimana tumpuan diberi kepada :
 - Penggunaan benih CL bagi kawalan padi angin
 - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
 - Pembajaan
 - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
 - Pertanian Lestari (Natural Farming)
 - 2) Memastikan pengeluaran tanaman makanan secara berterusan dengan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Dimana terdapat 12 kawasan TKPM di Negeri Selangor yang sedang beroperasi mengeluarkan hasil-hasil sayuran, buah-buahan, tanaman industri dan ternakan. Untuk Program ini Kerajaan Negeri memperuntukkan RM7,560,000 dibawah RMKe-10 (Tahun 2011-2015).
 - 3) Meningkatkan pengeluaran hasil tanaman melalui Program Pembangunan Tanaman Makanan (Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Kelapa), dan Program Pembangunan Tanaman Industri (Nanas dan Umbisi) dimana Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 13 juta untuk program-program tersebut di bawah RMKe-10 (Tahun 2011-2015). Program pembangunan buah-buahan dan sayur-sayuran menumpukan kepada penggunaan teknologi fertigasi yang sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan dapat dikawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi.

- 4) Menggalakkan dan membimbing petani kearah Pertanian Mapan dengan objektif:
 - Mengurangkan penggunaan bahan agro kimia yang boleh mendatangkan mudarat kepada petani
 - Mengeluarkan hasil pertanian yang berkualiti dan selamat untuk dimakan oleh pengguna Meningkatkan hasil dan pendapatan petani melalui pengurangan penggunaan bahan agro kimia
 - Melestarikan pertanian dan memulihara sumber alam
- 5) Meningkatkan kualiti tanaman dengan menggalakkan petani menyertai Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (MyGAP), melalui skim ini petani akan dibimbing dan diberi pengiktirafan kerana mengamalkan pertanian berkonsep mesra alam , mengeluarkan produk berkualiti dan selamat dimakan.
- 6) Program pembangunan usahawan Industri Asas Tani turut dilaksanakan untuk memberi nilai tambah kepada hasil-hasil pertanian melalui seterusnya menjana pendapatan tambahan hasil dari aktiviti pemprosesan tanaman. Usahawan dibimbing menggunakan teknologi pengilangan dan pembungkusan yang terkini dan kearah Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta Pensijilan Halal.
- 7) Membangunkan kumpulan sasar melalui Program Pembangunan Sumber Manusia dimana aktiviti-aktiviti latihan , seminar, kursus, lawatan dan lain-lain dilaksanakan oleh jabatan khas untuk golongan sasar. Jabatan Pertanian Negeri Selangor turut meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kepada golongan sasar melalui Sistem Pengembangan Tekno Pertanian (SPTP).

Sebagai Negeri Industri dan hampir 80% adalah kawasan bandar, Selangor akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran makanan terutamanya bagi tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan kelapa. Sejak tahun 2008, teknologi moden, tepat dan sesuai dengan pengeluaran produk tertentu akan digunakan bagi menjaga penjadualan pengeluaran dan kualiti hasil pertanian dan antara inisiatif dan teknologi yang diberi tumpuan:

i. Sistem Fertigasi

Sistem fertigasi adalah sesuai bagi tanaman buah-buahan seperti melon dan sayur-sayuran bernilai tinggi. Walaupun teknologi pengeluaran ini memerlukan modal yang tinggi, namun ianya sesuai dalam keadaan penggunaan tanah yang terhad dan pengguna dapat mengawal sepenuhnya operasi pengeluarannya melalui mekanisasi dan automasi. Kini teknologi ini digunakan secara meluas oleh petani di seluruh negeri Selangor. Pihak Jabatan Pertanian dengan kerjasama petani bimbingan telah berjaya mewujudkan inovasi fertigasi secara terbuka dengan kos operasi yang lebih rendah. Kini inovasi ini sedang berkembang dikalangan petani di Selangor.

ii. Teknologi 'Pertanian Mapan'

Penerokaan terhadap teknologi Pertanian Mapan dalam penanaman sayur-sayuran dan padi membantu menghasilkan produk-produk pertanian yang selamat dan mesra alam akibat penggunaan racun dan baja kimia yang minima dan berhemah. Penggunaan bahan semulajadi menggantikan racun dan baja kimia yang mahal dapat membantu mengurangkan kos operasi petani. Melalui Program Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (Asset-Based Community Development (ABCD) yang dilaksana sejak tahun 2010, sebanyak 15 Kumpulan Pertanian Mapan telah berjaya diwujudkan di kawasan padi Barat Laut Selangor dan masih aktif sehingga kini.

b) Bentuk bantuan kerajaan negeri pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Peruntukan (RM)
1	Pembangunan Taman Agroteknologi	408,600
2	Pembangunan Tanaman Makanan	2,836,000
3	Pembangunan Tanaman Industri	300,000
4	Pembangunan Industri Bunga	200,000
5	Pembangunan Industri Asas Tani	1,252,000
6	Program Pengurusan Perosak Bersepadu	100,000
7	Pembangunan Agropelancongan	200,000
8	Pembangunan Perladangan Bersepadu	700,000
9	Pengurusan Tanah Bermasalah	300,000
10	Pembangunan Semula Kawasan Pertanian Terbiar	250,000
11	Pembangunan Kemudahan Jentera Berat Pertanian	100,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : MASALAH KEBERSIHAN DI KLANG

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri selanjutnya untuk mengatasi keadaan kebersihan di Klang yang kini telah berada di tahap yang sangat kritikal selepas manifesto Menteri Besar baru untuk menjadikan Selangor satu Negeri yang bersih dalam tempoh 3 bulan telah gagal teruk?

JAWAPAN:

- a)
- i. Pada umumnya, isu pembersihan di daerah Klang adalah baik tetapi tidak lagi sempurna dan perlu penambahbaikan dari aspek pemantauan.
 - ii. Peranan penduduk di Klang adalah penting untuk bersama-sama menjaga kebersihan di daerah Klang. Jumlah kutipan sampah yang dikutip oleh Majlis di seluruh Klang ialah sebanyak 600-650 tan sehari.
 - iii. Majlis telah menubuhkan satu jawatankuasa pemantau di kalangan Ahli Majlis dan Ketua Jabatan, MPK bagi membantu MPK dalam memantau pembersihan di Klang.
 - iv. Kerajaan Negeri memutuskan bahawa semua kerja-kerja pembersihan di jalan-jalan utama diserahkan kepada PBT kerana ada kawasan-kawasan di luar kawalan PBT.
 - v. Perancangan Majlis Perbandaran Klang dalam mengatasi masalah kebersihan di Klang seperti berikut:-
 - a) Pihak Majlis membuat penyusunan semula (rezoning) kawasan perkhidmatan pembersihan dengan inventori yang lebih lengkap dan terperinci.
 - b) Tindakan yang lebih tegas kepada kontraktor yang gagal menjalankan kerja-kerja dengan sempurna. Contohnya 15 kontraktor pembersihan dan 8 kontraktor kutipan telah ditamatkan.
 - c) Meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan bagi operasi-operasi berikut :-

- i. Operasi bersepadu.
 - ii. Operasi kutu sampah.
 - iii. Operasi pengintipan pembuangan sampah haram.
 - iv. Rondaan dan pemantauan berkala di lokasi-lokasi 'Hot-Spot' sampah haram.
 - v. Memperkuatkan dan menyusun semula pasukan 'In-House'.
- Disertakan maklumat tambahan mengenai peruntukan pembersihan dan senarai kontraktor kutipan sampah.

**JUMLAH PERUNTUKAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN
DARI TAHUN 2010 HINGGA 2015**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2015	40,560,300.00
2014	51,156,717.00
2013	55,682,803.00
2012	52,608,280.00
2011	52,875,398.00
2010	57,311,757.00
JUMLAH	310,195,255.00

Senarai Kontraktor Kutipan Sampah seperti di Lampiran A.



LAMPIRAN A

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

SENARAI KONTRAKTOR UNTUK KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH
(PSP 01 - PSP 45/2012) 01 MARCH, 2012 - 28 FEBRUARI, 2015 (3 TAHUN)

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
1	MPK/JPP/PSP 01 / 12	RUMAH MURAH SG. UDANG, TMN ANIKA, TAMAN WANGI, TAMAN FIRDAUS, TMN KOTA, TMN BERTEH DAN KAWASAN SEKITAR	UMASHI ENTERPRISE NO. 35, JALAN 5, TAMAN BUKIT LIPAT KAJANG, 41200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/110		
2	MPK/JPP/PSP 02 / 12	TMN ESSO, TMN BIJAYA, TMN TELOK MENEGON, TMN ZAINUN RASHID, TAMAN SAUJANA JATI, TMN BUNGA ROS, TMN FRAZER JAYA, TMN MESRA, TMN SAGA DAN KAWASAN SEKITAR	ZAINAB ENTERPRISE NO: 83D, JLN BATU TIGA 41300 KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/111		
3	MPK/JPP/PSP 03 / 12	TMN KLG INDAH, TMN MENARA MAJU, TMN BUNGA RAYA, TMN EVERGREEN, TMN SETIA, TMN PEMURAH, TMN MULIA, TMN SRI ISTANA, TAMAN RAJA JUMAAT, TMN SRI BANANG, KAWASAN PERUMAHAN JL KEBUN, TMN DESA, TAMAN YAKIN DAN KAWASAN SEKITAR	FORMAL ONE (M) S/B 60 - 03 - 1, LRG BATU NILAM 4A, BANDAR BUKIT TINGGI 41200 KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/112	(Ambilalih oleh MPK mulai 1/8/2014)	
4	MPK/JPP/PSP 04 / 12	BANDAR PUTERA, BANDAR PUTERI DAN KAWASAN SEKITAR	KAY QARINA ENT NO. 1, JLN RADIN JAYA, TAMAN RADIN JAYA, 45500 TG KARANG, SEL. DARUL EHSAN	50/114		
5	MPK/JPP/PSP 05 / 12	TMN SELATAN, TMN PETALING, TMN PALM GROVE, TMN RADZI, TMN DESA MAJU, TMN ASIA, TAMAN CHI LIUNG DAN KAWASAN SEKITAR	YACOB BIN SALLEH 48, JLN SRI MERSING 26, TAMAN SRI ANDALAS, 41200 KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/115		
6	MPK/JPP/PSP 06 / 12	TAMAN SRI ANDALAS DAN KAWASAN SEKITAR	ASYRAM RESOURCES LOT 3306, BATU 6 KG SEMENTA, 42100 KLG, SEL. DARUL EHSAN	50/116	(Serah semula kontrak pada 31/12/2013) (Ambilalih oleh Syt Suhana Ismail mulai 1/1/2014) (Inden)	

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
7	MPK/JPP/PSP 07 / 12	TAMAN KLANG JAYA, TAMAN DESAWAN, TAMAN DESA UTAMA DAN KAWASAN SEKITAR	KALIMAL (M) SDN BHD NO. 12A - 03 -, LRG BT NILAM 4/A, BANDAR BUKIT TINGGI, 41200 KLANG, SELANGOR D. E.	50/117		
8	MPK/JPP/PSP 08 / 12	TMN SENTOSA, TMN ABELINK, TMN SRI INDAH, TMN TEKNIK JAYA, TAMAN MUJUR DAN KAWASAN SEKITAR	PERNIAGAAN KALIMAL NO. 14, RUMAH MURAH SG UDANG, 41250 KLG, SEL. DARUL EHSAN	50/118		
9	MPK/JPP/PSP 09 / 12	KG. DELEK, KG. SG. UDANG, JALAN YADI, JLN TELOK GADONG, TMN DAHLIA, TMN SRI DELEK, TAMAN IMPIAN, TMN UDANG KUNING, TAMAN UDANG PUTIH, TAMAN UDANG KARA, TMN HASSAN, TMN ANIKA, TMN KHUSAIRI, AMAZING HEIGHT, TMN D'TROPIKA, TMN DELEK INDAH & KAW SEKITAR	ZAINAB ENTERPRISE 83D, JLN BATU TIGA 41300 KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/119		
10	MPK/JPP/PSP 10 / 12	TMN GEMBIRA, JLN TEPI SUNGAI, SUNGAI, JLN TELOK PULAI, TMN MELAWIS & KAWASAN SEKITAR	LOMAS ENTERPRISE 64A, LORONG JELUTONG OFF JLN LANGAT, SOUTHERN PARK, 41200 KLG, SELANGOR D.EHSAN	50/120		
11	MPK/JPP/PSP 11 / 12	KAMPUNG JAWA (SEBELAH KIRI) HINGGA JLN COUNOUGHT BRIDGE, TAMAN ALAM SHAH, TAMAN SHAHBANDARAYA, TAMAN KOTA RAJA DAN KAWASAN SEKITAR	JAS TEKNIK LOT 3278 - 4, BATU 16, KG PAYA JARAS HILIR, SUNGAI BULOH, 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR D. EHSAN	50/121		
12	MPK/JPP/PSP 12 / 12	KAMPUNG SUNGAI SIREH, SG SIREH TAMBAHAN, FLAT SRI PERANTAU, KAW INDUSTRI JLN PELABUHAN UTARA DAN KAWASAN SEKITAR	ZARIN CORPORATION S/B NO. 50 - 1B, TINGKAT 1 BLK 8, JLN PAHAT H15/H, SS 15, 40200 S. ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN	50/122	Ditamatkan pada 28/2/2014 (Ambilalih oleh EBJ Management Services mulai 1/3/2014)	
13	MPK/JPP/PSP 13 / 12	BALAI POLIS KLANG, BALAI POLIS TRAFIK, JALAN ISTANA, KUARTERS ISTANA, BANDAR BARU ANDALAS DAN KAWASAN SEKITAR.	WESTO TRADING AND SERVICES NO. 37, JLN SG PULUH LIMA, TMN CEMPAKASARI FASA 3 JLN KAPAR, 41400 KLANG, SELANGOR D. E.	50/123		

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
14	MPK/JPP/PSP 14 / 12	PERUMAHAN KAMPUNG JOHAN SETIA DAN KAWASAN SEKITAR	MUTIARA SUTERA MANAGEMENT S/B 16A, TINGKAT 1, TAMAN SHAH BANDARAYA, KG JAWA, 41000 KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	50/124		
15	MPK/JPP/PSP 15 / 12	JALAN MERU, PERUMAHAN PERSIARAN PULAU PINANG DAN KAWASAN SEKITAR	FINAHAN GLOBAL NO. 12, PERSIARAN RAJA MUDA MUSA, 41100 KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	50/125		
16	MPK/JPP/PSP 16 / 12	TMN KEMBARA, TAMAN MEWAH, TAMAN KLANG, TAMAN BAIDURI, TMN SRI MUTIARA, TMN KELANA, TMN SUNGAI BILAH, TMN HIJRAH, TMN ISTIMEWA, TMN AWANA, TMN INDAH & KAWASAN SEKITAR	ZALIZA NIAGA ENT 14A, PANGSAPURI MERU EHSAN, JLN PSN HAMZAH ALANG, 42200 MERU, KLG, SELANGOR D.EHSAN	50/126		
17	MPK/JPP/PSP 17 / 12	JLN SHAPADU, SELURUH KG RANTAU PANJANG, KG TELOK KAPAS, SELURUH KG SUNGAI PINANG, SELURUH KG BATU BELAH, KG BATU 3, JALAN SUNGAI PUTUS, KG TANJUNG SYAWAL, TMN SRI KAPAR, TMN SRI KLANG, TMN PINANG, TMN SRI RANTAU & KAWASAN SEKITAR	ZSL NIAGA ENTERPRISE 26B, JLN KRISTAL J7/J, SS 7, 40000 S ALAM, SEL. DARUL EHSAN	50/155		
18	MPK/JPP/PSP 18 / 12	PUSAT BANDAR KLANG UTARA, PUSAT BANDAR KLANG SELATAN DAN KAWASAN SEKITAR	PEARL & CORAL ENT 64A, LRG JELUTONG OFF JALAN LANGAT, SOUTHERN PARK, 41200 KLANG, SELANGOR D. E.	50/127		
19	MPK/JPP/PSP 19 / 12	PERUMAHAN JALAN KAPAR (SEBELAH KANAN JALAN) DARI BATU 1 HINGGA BATU 2 ½ DAN KAWASAN SEKITAR	CITYWASTE DISPOSAL SERVICES SDN BHD NO. 6 - 2, JLN ANGGERIK VANILLA S 31/S, KOTA KEMUNING, 40460 S.ALAM, SEL. D. EHSAN	50/128		
20	MPK/JPP/PSP 20 / 12	JLN MERU (PERSIMPANGAN JLN SIREH HINGGA PERSIMPANGAN LEBUHRAYA SHAHPADU/BT BELAH) DAN KAWASAN SEKITAR	REENA CERIA SERVICES 75-1, JLN BATU NILAM 4B, BANDAR BUKIT TINGGI 41200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/129		

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
21	MPK/JPP/PSP 21 / 12	KAW. TMN INTAN, TMN. CEMERLANG, TMN RASHNA, TMN KG KUANTAN, TAMAN PERAK, SG SUNGAI RASAU & KAW SEKITAR	ZSL NIAGA ENTERPRISE NO. 26B, JLN KRISTAL J7/J, SS 7, 40000 S. ALAM SEL. DARUL EHSAN	50/130		
22	MPK/JPP/PSP 22 / 12	TAMAN ENG ANN, TAMAN BERKELEY DAN KAWASAN SEKITAR	BERJAYA DAMAI CONSTRUCTION NO. 36C, TINGKAT 3, BANGUNAN AKED MARA, JLN KAPAR 41200 KLG SEL. DARUL EHSAN	50/131		
23	MPK/JPP/PSP 23 / 12	BDR BARU KLANG, FLAT CEMPAKA, FLAT ANGGERIK, KONDO PALMA RAYA, KONDO BANDAR BARU KLG, DAN KAWASAN KLANG	BERJAYA DAMAI CONSTRUCTION NO. 36C, TINGKAT 3, BANGUNAN AKED MARA, JLN KAPAR 41200 KLG SEL. DARUL EHSAN	50/132		
24	MPK/JPP/PSP 24 / 12	JALAN KAPAR, JALAN BATU BELAH, TAMAN PINANG, WISMA PEYAKIN DAN KAWASAN SEKITAR	GERBANG IMPIAN ENT. LOT 49, SERI SEPAKAT, SEK. 29, 40460 S. ALAM SEL. DARUL EHSAN	50/133		
25	MPK/JPP/PSP 25 / 12	TAMAN SIA HONG, TMN MERU, KAW. PERNIAGAAN JLN PEKAN BARU DAN KAWASAN SEKITAR	AZAM BINA CONST. 2U-3, TINGKAT 1, BLOK 2, PUSAT DAERAH SS 6, 40000 SHAH ALAM	50/134		
26	MPK/JPP/PSP 26 / 12	KG BARU PANDAMARAN, TMN PENDAMAR INDAH 1 DAN 2, KG. IDAMAN, PANDAMARAN JAYA, PEKAN PANDAMARAN DAN KAWASAN SEKITAR	ZULNAF ENTERPRISE NO. 10, LRG DATO DAGANG 50C, TMN SENTOSA, 41200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/135		
27	MPK/JPP/PSP 27 / 12	BANDAR BOTANI, BANDAR BUKIT TINGGI DAN KAWASAN SEKITAR	SUHANA ISMAIL ENT 48, JLN SRI MERSING 26, TAMAN SRI ANDALAS 41200 KLANG SELANGOR D. EHSAN	50/136		
28	MPK/JPP/PSP 28 / 12	KAWASAN PUSAT BANDAR BUKIT TINGGI 1 DAN 2, BANDAR BAYU TINGGI, TAMAN TELOK GEDONG INDAH DAN KAWASAN SEKITAR	REDUP WARNA SERVICES NO. 99, JALAN ARIF 7, TAMAN ARIF UTAMA 44000 KUALA KUBU BHARU, SEL. D. EHSAN	-	(Serah semula kontrak pada 31/12/2012) (Telah ditender semula)	

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
29	MPK/JPP/PSP 29 / 12	TMN TELOK GEDONG INDAH 1, TAMAN KOTA PENDAMAR, TAMAN SELAT SELATAN	IZAL SERVICES 31, JLN MOHD TAHIR 24, OFF JALAN RAJA NONG 41200 KLANG SELANGOR DARUL EHSAN	50/138		
30	MPK/JPP/PSP 30 / 12	KG. RAJA UDA, TMN. PELABUHAN, TAMAN MOHD YAMIN, TAMAN BAYU PERDANA, TAMAN CHI LIUNG PANDAMARAN, FLAT BUNGA RAYA, TMN KIM CHUAN, TAMAN SRI PELABUHAN DAN KAWASAN SEKITAR	RAJA SENAI BINTI RAJA YAACUB NO. 1, LRNG SENTUL 1, JLN SENTUL, PELABUHAN KLG, 42000 PEL. KLG SEL. DARUL EHSAN	50/139		
31	MPK/JPP/PSP 31 / 12	PANGSAPURI BANDAR BUKIT TINGGI 1 DAN BUKIT TINGGI 2 DAN KAWASAN SEKITAR	ASDA ENTERPRISE 28A, JALAN 26, SELAYANG BARU 68100 BATU CAVES SEL. DARUL EHSAN	50/140	Ditamatkan pada 31/3/2014 (Ambilalih oleh Dynamic Zest Construction mulai 1/4/2014)	
32	MPK/JPP/PSP 32 / 12	KAMPUNG TELOK GONG GLENMARIE COVE, KG. PERIGI NENAS, KG. TELUK NIPAH, KG. SUNGAI KEMBONG, KG. SUNGAI PINANG, P. INDAH DAN KAWASAN SEKITAR	GERBANG KENANGAN S/B NO. 22-F, JALAN BOLING PADANG F 13/F, 40100 40100 SHAH ALAM SEL. DARUL EHSAN	50/141		
33	MPK/JPP/PSP 33 / 12	MENARIK TONG SAMPAH RORO DI KLANG VILLA DAN BANDAR SULTAN SULAIMAN DAN KAWASAN SEKITAR	CERAH ABADI ENT. LOT 2159 (A1) JLN HASSAN, KG SG UDANG, 41250 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/142		
34	MPK/JPP/PSP 34 / 12	SELURUH KAWASAN PELABUHAN KLANG, DAN KAWASAN SEKITAR	KEKUCHI ENTERPRISE LOT 49, SERI SEPAKAT SEKSYEN 29 40460 SHAH ALAM	50/143		
35	MPK/JPP/PSP 35 / 12	FLAT PENDAMAR INDAH 2, KUARTERS KERAJAAN DI PELABUHAN KLG, BANGUNAN KERAJAAN DI PULAU INDAH DAN KAWASAN SEKITAR	AKHLAH ENTERPRISE NO. 2, JALAN UB5A, TAMAN UKAY BISTARI, HULU KELANG 68000 AMPANG, SEL D. EHSAN	50/144		
36	MPK/JPP/PSP 36 / 12	KAWASAN ZON MERU ZON 1,2,3, DAN KAWASAN SEKITAR	AF ENTERPRISE NO 78 - 1B, JALAN RAYA BARAT KS 1, PUSAT PERNIAGAAN RAYA BARAT 41160 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/145		

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
37	MPK/JPP/PSP 37 / 12	TAMAN AMAN PERDANA DAN KAWASAN SEKITAR	REEZ ENTERPRISE S/B 6, JLN AMAN PERDANA 11E/KU5, TMN AMAN PERDANA OFF JLN HJ. ABD MANAN, 41050 KLG SEL. DARUL EHSAN	50/146		
38	MPK/JPP/PSP 38 / 12	JALAN MERU BATU 5 - 9 (KIRI & KANAN JLN), JLN KENANGAN, TMN MERU UTAMA, TMN DAYA MAJU, TMN SRI MERU, TMN MERU UTAMA FASA 3, TAMAN SRI JAYA KG. MERU BT 5 ½, MERU BOURT, IKS JLN TERUNTUM & KELEDANG, TMN ISKANDAR, TMN DESA DELIMA, TMN CHERAKAH DAN KAWASAN SEKITAR	ZARIN CORPORATION S/B NO. 50-1B, TKT 1, BLK 8, JLN PAHAT H 15/H, SEKSYEN 15, 40200 S.ALAM, SEL. D. EHSAN.	50/147		Ditamatkan pada 31/1/2014 (Ambilalih oleh Maju Bena)
39	MPK/JPP/PSP 39 / 12	PEKAN KAPAR DARI BATU 10 - 13 (KIRI & KANAN JALAN) KG. TOK MUDA, KG. SG. SERDANG, JLN KERETAPI LAMA DR BT 10 - 13, TMN TOK MUDA, TMN SAUJANA, TMN SERDANG PERMAI, TMN SRI KAPAR DAN KAWASAN SEKITAR	SCAN TREND SDN BHD 49B, JALAN DENDANG 1 BERKELEY NEW TOWN CENTRE, 42100 KLG SEL. D. EHSAN	50/148		
40	MPK/JPP/PSP 40 / 12	TAMAN DAMAI, TAMAN SAGA TAMAN KAPAR PERMAI, KAPAR BATU 9, TMN KERAYONG, TMN MUTIARA, TMN SAUJANA, DAN KAWASAN SEKITAR	FOOART ENTERPRISE LOT 4098-B, JLN BAHAGIA KG. BUKIT KAPAR MERU 42200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/149		Ditamatkan pada 11/3/2015 (Ambilalih oleh PGS Easy Ent.)
41	MPK/JPP/PSP 41 / 12	TAMAN KHOO KEK KHENG, TAMAN INTAN, TAMAN SENTOSA, TAMAN EMAS, TMN ALAM NYATA DAN KAWASAN SEKITAR	DANA WAWASAN ENT. LOT 2556-C, LAPIS 3, , BATU 6, KG SEMENTA, 42100 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/150		
42	MPK/JPP/PSP 42 / 12	TAMAN SUNGAI KAPAR INDAH DAN KAWASAN SEKITAR	SRI MELOR NO. 59-1B-4, JLN PAHAT 15/H, SEKSYEN 15 40200 SHAH ALAM SEL. DARUL EHSAN	50/151		
43	MPK/JPP/PSP 43 / 12	KAWASAN BUKIT KAPAR ZON 1 DAN ZON 2 DAN KAWASAN SEKITAR	SUPKHI JAYA 217, BT 6 1/2 PEKAN MERU, JLN MERU KLANG 41050 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/152		

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
44	MPK/JPP/PSP 44 / 12	KAWASAN BANDAR PARKLANDS, TAMAN BAYU EMAS DAN KAWASAN SEKITAR	ROSWADA ENTERPRISE 2431, JLN PERMATA 20, TMN PERMATA, ULU KLG, 53300 KUALA LUMPUR	50/153		
45	MPK/JPP/PSP 45 / 12	KAWASAN JALAN MERU (SEBELAH KIRI) DARI SEKOLAH TINGGI KLANG, KEDAI SEPANJANG JALAN MERU, TAMAN BUNGA MELOR, TMN PAUH KIJANG DAN KAWASAN SEKITAR	LENANG PERMATA S/B LOT 03-19 TINGKAT 3 KOMPLEKS PKNS 40000 SHAH ALAM SEL. DARUL EHSAN	50/154		
JUMLAH KESELURUHAN					-	-

**SENARAI KONTRAKTOR UNTUK KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH
(PSP 46 - PSP 56/2012) 01 OKTOBER, 2012 - 30 SEPTEMBER, 2015 (3 TAHUN)**

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
46	MPK/JPP/PSP 46 / 12	BANDAR BUKIT TINGGI 2, AMBANG BOTANIK DAN KAWASAN SEKITAR	DAYA PERMATA ENT KOMPLEKS TGK KELANA ARAS 2-9, NO. 106, JLN TENGGU KELANA KS1, 41000 KLG, SEL. D. EHSAN	50/393		
47	MPK/JPP/PSP 47 / 12	TMN SEJATI 5, TMN BUNGA ROS, TMN SEJATI, TAMAN SAGA 2, TMN SENTOSA PERDANA DAN KAWASAN SEKITAR.	WESTO TRADING AND SERVICES 37, JLN SG PULUH LIMA, TMN CEMPAKASARI 3, JLN KAPAR, 41400 KLG, SEL. DARUL EHSAN.	50/394		
48	MPK/JPP/PSP 48 / 12	TAMAN ALAM NYATA, TAMAN BUNGA RAYA, TAMAN MENARA MAJU, TAMAN ZAINUL RASHID DAN KAWASAN SEKITAR	TERAJU FOKUS ENT SR-7-6 SAUJANA RIA, 3, JLN WANGSA 2/6 TMN WANGSA PERMAI, 52200 KEPONG, SEL. DARUL EHSAN	50/395		
49	MPK/JPP/PSP 49 / 12	KG PEREPAT, TAMAN PEREPAT INDAH, TMN PEREPAT PERMAI, TMN SRI PEREPAT, FLAT PEREPAT INDAH, TAMAN SRI PEREPAT, FLAT PEREPAT INDAH, FLAT PEREPAT PERMAI, KG SEMENTA, TMN SRI SEMENTA, TAMAN SEMENTA UTAMA, TMN SEMENTA JAYA, TAMAN QAMARIA, FLAT KLANG PERDANA, TMN KLANG PERDANA DAN KAWASAN SEKITAR	KERAMAT PERMAI ENTERPRISE LOT 510, JLN TELUK GADONG KECIL, OFF JLN YADI, 41250 KLG SEL. DARUL EHSAN	50/396		

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
50	MPK/JPP/PSP 50 / 12	BANDAR SULTAN SULAIMAN DAN KAWASAN SEKITAR.	EXCELLENT JOB SERVICES NO. 2, LORONG PETOLA, KG RAJA UDA, 42000 PEL. KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/397		
					Ditamatkan pada 8/1/2014 (Ambilalih oleh Hanna Berjaya)	
51	MPK/JPP/PSP 51 / 12	TAMAN KLANG UTAMA, TAMAN CEMPAKASARI DAN KAWASAN SEKITAR	SYARIKAT BUMI PEMBEKAL AM AGENSI 16, LRG JELUTONG, OFF JLN LANGAT, SOUTHERN PARK, 41200 KLG, SELANGOR D. EHSAN	50/398		
52	MPK/JPP/PSP 52 / 12	KAMPUNG MERU ZON 2, ZON 3 DAN KAWASAN SEKITAR.	KEMPAS JAYA ENT LOT 6451, JL KEMPAS, KAPAR, 42200 KLANG, SEL. DARUL EHSAN.	50/399		
53	MPK/JPP/PSP 53 / 12	KOMPLEKS PASAR BESAR JALAN MERU, KLANG. (TONG ARMROLL)	P. V KAYA ENTERPRISE 32, SOLOK SG KERAMAT 21A, TMN KLG UTAMA, 42400 KLANG SEL. DARUL EHSAN.	50/400		
54	MPK/JPP/PSP 54 / 12	PASAR PELABUHAN KLANG, PASAR PANDAMARAN, KUARTERS KASTAM PELABUHAN KLANG DAN KAWASAN SEKITAR. (TONG ARMROLL)	AKHLAH ENTERPRISE NO. 2, JLN UB5A, TMN UKAY BISTARI, HULU KELANG, 68000 AMPANG SEL. D.EHSAN	50/401		
55	MPK/JPP/PSP 55 / 12	KUARTERS POLIS BANDAR BARU ANDALAS DAN HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG. (TONG ARMROLL)	PERKHID. PEMBERSIHAN IKHLAS SDN. BHD. NO. 12-03-01, LR BATU NILAM 4A, BDR BUKIT TINGGI, 41200 KLANG, SEL. DARUL EHSAN	50/402		
56	MPK/JPP/PSP 56 / 12	FLAT PALMA DAN FLAT KASUARINA BANDAR BOTANIK, KLANG.	RAZ ERA BISTARI ENT NO. 4, JLN SAWI 24/18, SS 24, 40000 S. ALAM, SEL. DARUL EHSAN.	50/403		
JUMLAH KESELURUHAN					-	-

**SENARAI KONTRAKTOR UNTUK KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH
(PSP 1 - PSP 2/2013) 01 FEBRUARI, 2013 - 31 JANUARI, 2016 (3 TAHUN)**

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
57	MPK/JPP/PSP 01 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DI JALAN BUKIT KUDA DAN JALAN LANDASAN	PERNIAGAAN KASAS 33, JLN SRI SIANTAN 49 TAMAN SRI ANDALAS 41200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/559		
58	MPK/JPP/PSP 02 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DI KAW. PANDAMARAN TERMASUK JLN YOUNG, JALAN PANDAMARAN, JALAN CHAN AH CHOO, TAMAN CHI LIUNG & KAWASAN SEKITAR	AFBATNI RESOURCES NO 52, JLN BAYU TINGGI 8/KS6, BATU UNJUR 41200 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/558		
JUMLAH KESELURUHAN					-	-

(PSP 3 - PSP 4/2013) 01 FEBRUARI, 2013 - 31 JANUARI, 2015 (2 TAHUN)

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
59	MPK/JPP/PSP 03 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH TONG STANDING BIN DI KAW. PUSAT BANDAR KLG UTARA, KLG SELATAN & PUSAT BANDAR SRI ANDALAS	ERYNN ENTERPRISE TBG 306, JLN SG BERTIH 41100 KLANG SEL. DARUL EHSAN	50/557		
60	MPK/JPP/PSP 04 / 13	KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DI KAW BUKIT KUDA & KG KUANTAN, KLANG (KAWASAN KAMPUNG)	UNCANGMAS ENT 236B, JLN DATO SETIA OFF JALAN RAYA BARAT 41000 KLANG SEL. EHSAN	50/556		
JUMLAH KESELURUHAN					-	-

**SENARAI KONTRAKTOR UNTUK KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH
(PSP 5 - PSP 07/2013) 01 SEPTEMBER, 2013 - 31 OGOS, 2016 (3 TAHUN)**

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
61	MPK/JPP/PSP 05/13	KUTIPAN SAMPAH DI KAWASAN BUKIT TINGGI 2 (ZON 2)	KEMPAS JAYA ENT LOT 6451, JLN KEMPAS KAPAR, 42200 KAPAR, SELANGOR	50/722		
62	MPK/JPP/PSP 06/13	KUTIPAN SAMPAH DI PUSAT BANDAR, BANDAR BUKIT TINGGI, BAYU TINGGI DAN KAWASAN SEKITAR (ZON 2)	NARIZMAN ENTERPRISE 46, JLN PAHLAWAN 3, TMN PAHLAWAN, TELUK PANGLIMA GARANG, 42500 KUALA LANGAT, SELANGOR	50/723		
63	MPK/JPP/PSP 07/13	KUTIPAN SAMPAH DI JALAN DATO ABDUL HAMID DAN JALAN DATO DAGANG, TAMAN SENTOSA DAN KAWASAN SEKITAR (ZON 3)	NOURASH ENTERPRISE LOT 2519, LRG OMAR KAMAT, JLN BAKTI, RANTAU PANJANG 42100 KLG, SELANGOR	50/721		
JUMLAH KESELURUHAN						

(PSP 8 - PSP 9/2013) 01 SEPTEMBER, 2013 - 31 OGOS, 2015 (2 TAHUN)

BIL	NO. FAIL	KAWASAN	NAMA SYARIKAT	NOMBOR LIABILITI		
64	MPK/JPP/PSP 08/13	PENARIKAN TONG SAMPAH ARMROLL DI TRANSFER STATION, JLN LEMBAGA BANDARAN KE TAPAK PELUPUSAN SAMPAH JERAM	LEBAR BINA ENTERPRISE LOT 1854 (B), BT 7 1/2 KAMPUNG MERU 41050 KLANG SELANGOR	50/719		
65	MPK/JPP/PSP 09/13	PENARIKAN TONG SAMPAH ARMROLL DI PANGSAPURI BUKIT KUDA DAN PELANGI COURT, JLN PEKAN BARU, KE TAPAK PELUPUSAN SAMPAH JERAM	SISTEM PERKHIDMATAN SERANTAU NO 24, JALAN MERAH, TMN KUANTAN KELANG, 43100 KLANG	50/720		
JUMLAH KESELURUHAN					-	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : HUTANG TALAM BERJUMLAH RM391 JUTA

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini hutang ini?
- b) Apakah implikasi kepada Kerajaan Negeri jika MBI gagal mengutip semula hutang ini?
- c) Apakah langkah kerajaan dalam memuktamadkan permasalahan ini?

JAWAPAN:

- a) Status terkini pungutan hutang dari syarikat TALAM keseluruhannya berjumlah RM392 juta telah dikutip di dalam inisiatif '*round tripping*' melalui "Global Settlement Agreement".
- b) Tiada implikasi kepada Pihak Kerajaan Negeri kerana amanah kutipan ini telah dikutip oleh MBI.
- c) Masalah ini telah selesai oleh kerana kutipan hutang telah dibuat sepenuhnya di dalam inisiatif "Global Settlement Agreement".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PELAN PERANCANGAN TEBATAN BANJIR

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Jawatankuasa Khas Tebatan Banjir Selangor ditubuhkan dan objektif penubuhan jawatankuasa ini?
- b) Siapakah anggota dalam Jawatankuasa Tebatan Banjir Selangor?
- c) Apakah strategi dan pendekatan jawatankuasa ini untuk mengatasi keadaan banjir Selangor dengan mengambil kira faktor perubahan cuaca?

JAWAPAN:

- a) Jawatankuasa Skwad Banjir Selangor akan ditubuhkan bulan Mac 2015. Objektif penubuhan adalah bertujuan untuk merangka dan merancang secara holistik ke arah penyelesaian banjir secara bersepadu dan mapan melalui penyelarasan dan penglibatan pelbagai agensi.
- b) Jawatankuasa Petugas ini diketuai oleh YB Hj Zaidy bin Abdul Talib EXCO Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani dan dianggotai oleh ketua-ketua jabatan yang terdiri daripada :-
 - i. YB EXCO Jawatankuasa Tetap Infrstruktur dan Kemudahan Awam – Pengerusi
 - ii. Pegawai Kewangan Negeri – Ahli
 - iii. Pengarah Unit Perancang dan Ekonomi – Ahli
 - iv. Pengarah Jabatan Kerja Raya – Ahli
 - v. Pengarah Pengairan dan Saliran – Ahli
 - vi. Pengarah Perancang Bandar dan Desa – Ahli
 - vii. Pengarah Lembaga Urus Air Selangor – Ahli
 - viii. Pengarah Jabatan Alam Sekitar – Ahli
 - ix. Pegawai Daerah – Ahli
 - x. Datuk Bandar/Yang Dipertua Majlis – Ahli
 - xi. Setiausaha Unit Bencana Negeri – Ahli
 - xii. Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor – Urusetia

- c) Strategi dan pendekatan jawatankuasa ini adalah untuk mengatasi keadaan banjir Selangor dengan mengambil kira faktor perubahan cuaca. Isi kandungan garis panduan yang dibincangkan adalah seperti butiran berikut :
- i. Sebelum banjir:
 - Mengenalpasti dan menyelenggara rekod kawasan-kawasan banjir. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)
 - Memastikan infrastruktur untuk sistem ramalan dan amaran awal banjir berada dalam keadaan sempurna. (JPS)
 - Memastikan aset-aset dan peralatan dalam keadaan bersedia. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)
 - Memantau tindakan agensi dalam melaksanakan program pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur saliran. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)
 - ii. Semasa banjir:
 - Menyalurkan maklumat seperti kenaikan paras air dan keamatan hujan serta maklumat lokasi banjir. (JPS)
 - Memberi kerjasama kepada Jawatankuasa Bencana Negeri dalam bentuk peralatan seperti pam, jentera dan kenderaan. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)
 - iii. Selepas banjir:
 - Laporan dan penilaian kerosakan banjir
 - Mengenalpasti punca-punca dan cadangan penyelesaian
 - Pengutipan data-data banjir seperti bilangan mangsa yang terlibat, keluasan kawasan banjir, senarai jalan-jalan yang terlibat banjir
 - Menyelaraskan permohonan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
 - Menentukan keutamaan kepada kawasan – kawasan yang kerap banjir
 - Mengenalpasti dan menilai impak banjir
 - Membuat pemantauan banjir dari segi ramalan banjir berdasarkan kuantiti hujan yang turun, kenaikan paras air sungai
 - Menyalur maklumat banjir dari segi hebahan media cetak atau elektronik kepada orang awam
 - Menilai dan menyediakan cadangan penyelesaian terhadap aduan banjir
 - Untuk mengenalpasti kawasan banjir dengan keutamaan 'hot spot' kawasan banjir. Keutamaan 'hot spot' kawasan banjir merujuk kepada kawasan yang ditenggelami air secara berulang kali setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : LEBUHRAYA KIDEX

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan isi bantahan yang disampaikan penduduk kerana pembinaan KIDEX ?
- b) Adakah kerajaan negeri akan memberhentikan sebarang projek sekiranya mendapat bantahan dari penduduk?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : INDUSTRI PENTERNAKAN

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor menggalakkan industri penternakan ikan air masin di persisiran pantai dan muara sungai dan apakah pandangan Kerajaan Negeri Selangor terhadap cadangan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sememangnya menggalakkan mana-mana pelabur untuk terlibat di dalam industri penternakan ikan air masin. Ini adalah kerana industri ini mampu memberikan pulangan yang besar kepada Negeri Selangor sekiranya ia dikawal dengan sempurna. Justeru itu, pelbagai bantuan telah disediakan oleh kerajaan kepada penternak-penternak industri ini terutamanya yang terlibat dalam penternakan ikan dalam sangkar. Antara bantuan yang diberikan adalah seperti benih, makanan ikan dan pukot.

Selain itu, kerajaan juga sentiasa memantau dan memberi khidmat nasihat dalam usaha meningkatkan pengeluaran ternakan. Untuk meningkatkan pengeluaran akuakultur, Kerajaan Negeri merancang untuk membuat satu kajian bagi pembukaan kawasan-kawasan baru untuk industri ternakan ikan sangkar dan pembinaan tangki air tawar di Pulau Ketam untuk rawatan penyakit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF PEMBANGUNAN BELIA

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri dalam memastikan sumber dapat menyumbang dalam pentadbiran terutama dalam berkaitan belia?
- b) Adakah program diploma ini akan berterusan untuk kumpulan kedua dan seterusnya?
- b) Adakah sebarang pemantauan dan bantuan selain dari yuran untuk membantu kumpulan pelajar pertama ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dapat melahirkan lebih ramai para pemimpin dan pegawai belia yang lebih berpengetahuan melalui Program Diploma Eksekutif Pembangunan untuk mendalami bidang teras Pembangunan Belia iaitu Pendidikan Belia, Latihan dan Pembangunan, Pembangunan Organisasi serta Pembangunan Kerjaya dalam membangunkan belia secara optimum memastikan sumber dapat menyumbang dalam pembangunan Negeri.

Seterusnya, graduan-graduan ini berpeluang untuk menjawat jawatan yang lebih selesa serta berkemahiran dalam merancang, melaksana dan menilai program-program pembangunan belia di peringkat komuniti dan sekaligus mereka dapat memanfaatkan kepakaran mereka ke arah pengurusan pentadbiran yang mantap sebagai penggerak belia pada masa akan datang.

- b) Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan Eksekutif bagi kumpulan pertama ini adalah merupakan "Pilot Projek" di mana penilaian keberkesanan program ini dibuat berdasarkan kumpulan pertama tersebut. Sekiranya program ini berjalan dan mencapai objektif yang telah dirancang, program ini akan diteruskan untuk kumpulan kedua dan seterusnya bergantung kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.
- c) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan dalam bentuk pembiayaan yuran pengajian kepada pelajar yang telah terpilih untuk mengikuti Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan Eksekutif tersebut. Seterusnya, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk membuat pemantauan kemajuan pelajar-pelajar yang mengikuti Program

Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan Eksekutif. Di samping itu, Pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) juga akan memberi salinan keputusan peperiksaan setiap semester kepada Kerajaan Negeri sebagai salah satu pemantauan kepada pelajar-pelajar tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : ISU PENGURANGAN KADAR JENAYAH

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan Exco Kerajaan Tempatan tentang status terkini kadar jenayah di Selangor.
- b) Apakah keberkesanan pemasangan CCTV, *Spotlight*, LED dan sebagainya bagi mengatasi masalah jenayah di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Menurut laporan statistik yang diperolehi daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), kadar jenayah di negeri Selangor pada tahun 2014 adalah sebanyak 6,608 kes manakala pada tahun 2015 sebanyak 5,304 kes jenayah dilaporkan. Ini menunjukkan penurunan kadar jenayah sebanyak 19.73 peratus @1304 kes. Sila rujuk **Lampiran 1**.
- b) Keberkesanan pemasangan CCTV, *Spotlight*, LED di kawasan PBT Selangor dapat dilihat berdasarkan pengurangan indeks jenayah kawasan hotspot di mana CCTV sedia ada berfungsi untuk mencegah masalah jenayah yang dapat membantu pihak Polis DiRaja Malaysia untuk memantau aktiviti jenayah. CCTV sedia ada juga mempunyai *link* di antara PBT dan Ibu Pejabat Polis Daerah masing- masing. Pemasangan *Floodlight /Spotlight/LED* di taman-taman didapati berkesan untuk membendung aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti vandalisme, berkelakuan sumbang serta mengawal kegiatan minum minuman keras di kawasan taman awam/ taman permainan bagi menjamin keselamatan penduduk yang menggunakan kawasan tersebut.

LAMPIRAN 1

		JENAYAH INDEKS			
BIL	JENIS KESALAHAN	2014	2015	JUMLAH	PERATUS
	JENAYAH KEKERASAN	KES	KES	+N/-T	%
1	BUNUH	19	25	6	31.58%
2	ROGOL	60	51	-9	-15.00%
3	SAMUN BERKAWAN SENJATAPI	6	1	-5	-83.33%
4	SAMUN BERKAWAN TANPA SENJATAPI	973	677	-296	-30.42%
5	SAMUN BERSENJATAPI	0	0	0	#DIV/0!
6	SAMUN TANPA SENJATAPI	151	97	-54	-35.76%
7	CEDERA (324-6 KK)	160	181	21	13.13%
JUM. KEKERASAN		1369	1032	-337	-24.62%
JENAYAH HARTABENDA					
1	LAIN - LAIN CURI	989	635	-354	-35.79%
2	CURI MOTOKAR	778	653	-125	-16.07%
3	CURI MOTOSIKAL	1835	1559	-276	-15.04%
4	CURI MOTOLORI / VAN / JENTERA BERAT	262	274	12	4.58%
5	CURI RAGUT	284	249	-35	-12.32%
6	PECAH RUMAH DAN CURI	1091	902	-189	-17.32%
JUMLAH HARTABENDA		5239	4272	-967	-18.46%
JUMLAH BESAR		6608	5304	-1304	-19.73%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PERUMAHAN TERBENGKALAI

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan projek perumahan terbengkalai di Selangor pada tahun 2014?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan pemaju bermasalah tidak dibenarkan melaksanakan sebarang projek di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor sehingga tahun 2014 adalah sebanyak 122 projek yang melibatkan 31,862 unit. Statistik projek perumahan terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	11	-	11	3,407
2	MBPJ	3	-	3	1,932
3	MPSJ	4	-	4	1,585
4	MPAJ	7	-	7	2,814
5	MPK	27	-	27	3,510
6	MPKJ	15	-	15	5,298
7	MPS	10	2	12	2,299
8	MPSp	7	-	7	2,265
9	MDKS	8	2	10	3,691
10	MDHS	8	5	13	4,590
11	MDKL	13	-	13	471
JUMLAH		113	9	122	31,862

Senarai nama projek perumahan terbengkalai di Negeri Selangor mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti **dilampiran 1**.

- b) Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan ke atas pemaju bermasalah dengan mendapatkan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS, pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Sekiranya dikenalpasti nama-nama pemaju terlibat telah disenaraihitamkan maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah syarikat pemaju lain.

LAMPIRAN 1

Senarai pemaju yang disenaraihitamkan di Negeri Selangor

1	Tetuan TD Management Sdn. Bhd. (Digulung)	25	Tetuan Jade San Reality Sdn. Bhd. (Digulung)
2	Tetuan Antara Vista Sdn. Bhd.	26	Tetuan Aghniyak Builders Sdn. Bhd.
3	Tetuan Dataran Mantin Sdn. Bhd.	27	Tetuan Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.
4	Tetuan Reap & Rich Worldwide Holding Sdn. Bhd.	28	Tetuan Sure Meridien Sdn. Bhd.
5	Tetuan Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	29	Tetuan Jamaras (M) Sdn. Bhd.
6	Tetuan Rhid Development Sdn. Bhd.	30	Tetuan Syahira Development Sdn. Bhd. (Digulung)
7	Tetuan SPS Setia Sdn. Bhd.	31	Tetuan Lasah Emas Sdn. Bhd.
8	Tetuan Andaman Timor Sdn. Bhd.	32	Tetuan Dahria Corporation Sdn. Bhd.
9	Tetuan Unique Creation Sdn. Bhd.	33	Tetuan MZ Development Sdn. Bhd. (Digulung)
10	Tetuan Juta Permai Sdn. Bhd.	34	Tetuan Rui Development Sdn. Bhd.
11	Tetuan Bukit Rimau Development Sdn. Bhd.	35	Tetuan Syarikat Serambi Padu Sdn. Bhd.
12	Tetuan Restige Group Sdn. Bhd.	36	Tetuan Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)
13	Tetuan Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd.	37	Tetuan K.A Resources Sdn. Bhd. (Lama) & Tetuan Mentera Dagang Sdn. Bhd. (Baru).
14	Tetuan Litar Jaya Sdn. Bhd.	38	Tetuan Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.
15	Tetuan Rampai Budi Jaya Sdn. Bhd. (Nama Lama) & ARK Development Sdn. Bhd. (Nama Baru)	39	Tetuan Bumi Circle Sdn. Bhd.
16	Oridua Construction Sdn. Bhd.	40	Tetuan Fokus Perkasa Sdn. Bhd. Tetuan Lian Feng Construction Sdn. Bhd.
17	Tetuan Prospell Development Sdn. Bhd. (Digulung)	41	Tetuan Pramax Sdn. Bhd.
18	Tetuan Lembah Beringin Sdn. Bhd. (Digulung)	42	Tetuan Promista Development Sdn. Bhd. (Digulung)
19	Tetuan Manco Sdn. Bhd.	43	Tetuan Mudi Angkasa Sdn. Bhd.
20	Tetuan Maxisegar Sdn. Bhd.	44	Tetuan Kabra Holdings Sdn. Bhd. (Digulung)
21	Tetuan Ehsanibu Sdn. Bhd.	45	Damai Bistari Sdn. Bhd.
22	Tetuan Kamsu Sdn. Bhd.	46	Supreme Precious Sdn. Bhd.
23	Tetuan Coral Vista Sdn. Bhd.	47	Scenic Marina Sdn. Bhd.
24	Peninsular Park Sdn. Bhd. (Digulung)	48	Tetuan Syarikat Jaya Kencana Sdn. Bhd. (Digulung)

Senarai pemaju yang disenaraihitamkan di Negeri Selangor

49	Tetuan Aga Development Sdn. Bhd.(Digulung)	73	Tetuan Integrated Land Resources Sdn. Bhd. Tetuan Teng Kong Enterprise Sdn. Bhd. (Digulung)
50	Tetuan Nilai Idaman Sdn. Bhd.	74	Tetuan Marl One Development Sdn. Bhd.
51	Tetuan Delpuri Corporation Sdn. Bhd.	75	Tetuan Fifth Marine Development Sdn. Bhd.
52	Tetuan Kemuncak Laksana Sdn. Bhd.	76	Tetuan Talam Corporation Sdn. Bhd.
53	Tetuan Pembangunan Serendah Sdn. Bhd.	77	Tetuan Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.
54	Tetuan Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd.	78	Tetuan Luran Pantas Sdn. Bhd. Tetuan Menang Murni Sdn. Bhd.
55	Tetuan Aramin Sdn. Bhd.	79	Hyrax Property & Dev. Sdn. Bhd. (<i>pemaju lama</i>) Binalif Bina Sdn. Bhd. (<i>pemaju baru</i>)
56	Tetuan Sedaya Sdn. Bhd.	80	Suasana Ehsan Sdn. Bhd.
57	Tetuan Intelligent Mission Sdn. Bhd.	81	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Digulung)
58	Tetuan Q-Vista Sdn. Bhd.	82	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Digulung)
59	Tetuan Nurangkai Development Sdn. Bhd.	83	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd.
60	Tetuan Expand Factor Sdn. Bhd.	84	Vistabell Sdn. Bhd. Pemaju : Villaraya Management Sdn Bhd (Digulung)
61	Tetuan Lestari Puchong Sdn. Bhd.	85	Tetuan Saktimuna Sdn. Bhd. (Nama Asal) Tetuan Lingkaran Nur (Nama Baru) Sdn. Bhd. (Digulung)
62	Tetuan Coral Land Corp. Sdn. Bhd.	86	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd. (Digulung)
63	Teratai Seroja Corporation Sdn. Bhd.	87	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.
64	Aras Dimensi Sdn. Bhd.	88	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd.
65	Tetuan Kumpulan Sepang Utama Sdn. Bhd. (Digulung)	89	Tetuan Imbuhan Murni Sdn. Bhd.
66	MBO Mega Development	90	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Digulung)
67	Ikatan Darma Sdn. Bhd.	91	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.
68	Karisma Housing Development Sdn. Bhd.	92	Tetuan Averise Acres Holdings Sdn. Bhd.
69	Tetuan FSK Development Sdn. Bhd.	93	Kamara Land Sdn. Bhd.
70	Tetuan Perkasa Indera Sdn. Bhd.	94	Tetuan Anglo Properties Sdn. Bhd.
71	Tetuan Decor Mewah Sdn. Bhd. Tetuan OISB Construction Sdn. Bhd.	95	Tetuan Anjung Properties Sdn. Bhd.
72	Tetuan Lembah Jejak Sdn. Bhd.	96	Tetuan Safa Corporation Sdn. Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : CUKAI IKLAN

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah iklan haram berjaya diturunkan Oleh setiap PBT sejak Awal tahun 2015?
- b) Adakah *billboard* jenis L.E.D di sepanjang Jalan Persekutuan dikenakan cukai lesen Oleh PBT?
- c) Berapakah jumlah kutipan setiap tahun diperolehi Oleh setiap PBT?

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah jumlah iklan haram yang berjaya diturunkan oleh setiap PBT bermula awal tahun 2015 :

PBT	JUMLAH IKLAN HARAM
MBSA	41,794
MBPJ	206,807
MPK	7,422
MPAJ	1,936
MPSJ	338
MPS	5,119
MPKj	12,575
MPSp	742
MDKL	6,755
MDHS	1359
MDKS	6,568
MDSB	134
JUMLAH	291,549

- b) Untuk makluman, hanya Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang mempunyai *bill board* jenis L.E.D di sepanjang Jalan Persekutuan. MBPJ mengenakan lesen dengan kadar 1meter persegi bersamaan RM100.00 berdasarkan peruntukan Bil 6 (UUK 6 dan 9) fi lesen UUK Iklan 2007 (MBPJ).
- c) Berikut adalah jumlah kutipan cukai setiap tahun yang diperolehi oleh setiap PBT:

PBT	JUMLAH KUTIPAN CUKAI (RM)	
	2013	2014
MBSA	2,315,490.00	2,920,295.00
MBPJ	3,780,428.00	6,732,165.00
MPK	Tiada sebarang kutipan hasil yang dikutip dari permit struktur untuk papan iklan L.E.D	
MPAJ	854,953.00	872,542.00
MPSJ	1,094,496.00	556,705.80
MPS	4,123,165.00	4,431,760.00
MPKj	1,430,758.00	1,432,317.00
MPSp	57,855.90	62,291.59
MDKL	Tiada	
MDHS	Tiada sebarang kutipan hasil yang dikutip dari permit struktur untuk papan iklan L.E.D	
MDKS	236,462.93	247,836.71
MDSB	1,157.00	3,157.00
JUMLAH	13,894,766.00	17,259,070.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SKIM GOLONGAN MISKIN

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim bantuan yang ada dan diberikan kepada golongan miskin di Negeri Selangor?
- b) Berapa ramai yang sudah menerima manfaat daripada skim tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Pelbagai program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu keluarga yang berpendapatan rendah bagi meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat di samping menjana dan meningkatkan pendapatan serta seterusnya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Secara ringkasnya, terdapat tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan seperti berikut:-

- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
- ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS
- iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School*.

❖ **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan**

Merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan

perusahaan yang sedang dijalankan bagi membantu menjana serta meningkatkan pendapatan keluarga. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan.

Sehingga Disember 2014, penerima bantuan bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 2,087 orang. Statistik jumlah penerima bantuan adalah seperti di **JADUAL 1**.

❖ **Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS**

Merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu keluarga berpendapatan rendah bagi meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat melalui penajaan pendidikan. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan generasi muda daripada golongan keluarga yang berpendapatan rendah melanjutkan pengajian di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Ini secara tidak langsung berupaya memudahkan peluang kepada mereka untuk bersaing mendapatkan pekerjaan. Program ini dilaksanakan dengan memberikan penajaan kos yuran kepada pelajar-pelajar Kolej Antarabangsa INPENS daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah.

Sehingga Januari 2015, penerima bantuan bagi Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS adalah seramai 2,297 orang. Statistik jumlah penerima bantuan adalah seperti di **JADUAL 2**.

❖ **Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan**

Program pemberian bantuan sempena perayaan merupakan program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan khusus untuk golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan rendah dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Ini secara tidak langsung membantu melaksanakan agenda Kerajaan Negeri dalam meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup.

Sehingga Disember 2014, penerima bantuan Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan adalah seramai 224,100 orang. Statistik jumlah penerima bantuan adalah seperti di **JADUAL 3**.

❖ **Program Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School***

Merupakan program bantuan kepada pelajar sekolah daripada golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor untuk membantu meringankan beban keluarga dalam menyediakan keperluan sekolah.

Sehingga Disember 2014, penerima bantuan Program Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School* adalah seramai 308,400 orang. Statistik jumlah penerima bantuan adalah seperti di **JADUAL 4**.

JADUAL 1:

**RINGKASAN STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PENERIMA MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	179	90.87%	7	3.55%	11	5.58%	197
2.	2009	322	96.41%	2	0.60%	10	2.99%	334
3.	2010	209	85.31%	4	1.63%	32	13.06%	245
4.	2011	295	83.57%	12	3.40%	46	13.03%	353
5.	2012	227	90.08%	4	1.59%	21	8.33%	252
6.	2013	155	83.33%	-	-	31	16.67%	186
7.	2014	429	82.5%	39	7.50%	52	10%	520
JUMLAH		1,816	87.01%	68	3.21%	203	9.73%	2,087

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 1:**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2008				TAHUN 2009				TAHUN 2010			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	2	0	0	2	2	-	-	2	40	3	1	44
2.	Klang	1	1	0	2	-	3	-	3	33	8	-	41
3.	Gombak	10	2	0	12	21	2	-	23	-	-	-	-
4.	Hulu Langat	2	0	0	2	-	-	-	-	40	3	-	43
5.	Kuala Langat	8	1	2	11	57	1	-	58	45	1	3	49
6.	Sepang	4	0	0	4	2	-	-	2	25	3	-	28
7.	Hulu Selangor	46	3	2	51	23	-	-	23	26	4	-	30
8.	Kuala Selangor	13	2	1	16	9	4	-	13	-	10	-	10
9.	Sabak Bernam	93	2	2	97	208	-	2	210	-	-	-	-
JUMLAH		179	11	7	197	322	10	2	334	209	32	4	245
PERATUS (%)		90.87%	5.58%	3.55%	100%	96.41%	2.99%	0.60%	100%	85.31%	13.06%	1.63%	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 1:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2011				TAHUN 2012				TAHUN 2013			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	-	-	-	-	47	1	-	48	-	-	-	-
2.	Klang	33	25	-	58	-	-	-	-	121	29	-	150
3.	Gombak	36	2	-	38	-	-	-	-	34	2	-	36
4.	Hulu Langat	-	-	-	-	18	3	-	21	-	-	-	-
5.	Kuala Langat	81	3	5	89	-	-	-	-	-	-	-	-
6.	Sepang	-	-	-	-	19	6	2	27	-	-	-	-
7.	Hulu Selangor	38	7	2	47	41	4	1	46	-	-	-	-
8.	Kuala Selangor	34	9	4	47	52	7	1	60	-	-	-	-
9.	Sabak Bernam	73	-	1	74	50	-	-	50	-	-	-	-
JUMLAH		295	46	12	353	227	21	4	252	155	31	-	186
PERATUS (%)		83.57%	13.03%	3.40%	100%	90.08%	8.33%	1.59%	100%	83.33%	16.67%	0%	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 1:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN PROGRAM *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH DAN KAUM
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2014			
		MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
1.	Petaling	33	-	-	33
2.	Klang	33	9	1	43
3.	Gombak	36	1	-	37
4.	Hulu Langat	30	2	-	32
5.	Kuala Langat	112	29	32	173
6.	Sepang	34	6	3	43
7.	Hulu Selangor	40	2	1	43
8.	Kuala Selangor	65	2	1	68
9.	Sabak Bernam	46	1	1	48
JUMLAH		429	52	39	520
PERATUS (%)		82.5%	10%	7.5%	100%

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 2:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN JUMLAH PENERIMA BANTUAN
PROGRAM TAJAAN KEMAHIRAN TEKNIKAL MELALUI KOLEJ ANTARABANGSA INPENS
BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PELAJAR MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2008	189	100%	-	0%	-	0%	189
2.	2009	231	100%	-	0%	-	0%	231
3.	2010	195	47.56%	40	9.76%	175	42.68%	410
4.	2011	160	46.51%	39	11.34%	145	42.15%	344
5.	2012	217	61.13%	32	9.01%	106	29.86%	355
6.	2013	190	60.13%	24	7.59%	102	32.28%	316
7.	2014	342	75.67%	91	20.13%	19	4.20%	452
JUMLAH		1,524 orang	66.35%	226 orang	9.83%	547 orang	23.82%	2,297 orang

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 3:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN JUMLAH PENERIMA BANTUAN
PROGRAM PEMBERIAN BAUCER SEMPENA PERAYAAN
BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	BILANGAN PENERIMA MENGIKUT KAUM						JUMLAH KESELURUHAN
		MELAYU		CINA		INDIA		
		JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	JUMLAH (ORANG)	PERATUS (%)	
1.	2012	56,000	58.82%	-	-	39,200	41.18%	95,200
2.	2013	28,000	45.46%	16,800	27.27%	16,800	27.27%	61,600
3.	2014	27,300	40.54%	22,400	33.28%	17,600	26.15%	67,300
JUMLAH		111,300	49.67%	39,200	17.49%	73,600	32.84%	224,100

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

JADUAL 4:

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN JUMLAH PENERIMA BANTUAN
PROGRAM *BACK TO SCHOOL* BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2014**

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2008	39,200
2.	2009	40,000
3.	2010	50,000
4.	2011	56,000
5.	2012	56,000
6.	2013	33,600
7.	2014	33,600
JUMLAH		308,400

(Sumber: UPEN, Seksyen Sektoral)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TEKNOLOGI HIJAU

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program pembangunan teknologi hijau di Negeri Selangor?
- b) Berapakah bajet disediakan untuk program ini?
- c) Bila ia dilaksanakan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat 4 sektor utama yang akan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi pembangunan teknologi hijau iaitu, **tenaga, pengangkutan, bangunan, sisa pepejal dan air.**

Antara program pembangunan teknologi hijau yang telah dan akan di laksanakan di Negeri Selangor: -

- i. Perbandaran Hijau melalui Bandar Rendah Karbon Selangor (LCCF)
- ii. Penggunaan kenderaan elektrik
- iii. Perolehan hijau
- iv. Pelaburan hijau
- v. Pemasangan bumbung solar bagi projek perumahan Selangorku
- vi. Pemasangan bumbung solar dan lampu LED di bangunan premis Kerajaan
- vii. Pusat Data Hijau
- viii. Kitar Semula Sisa
- ix. Program Simbiosis Industri
- x. Seminar teknologi hijau
- xi. Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH)
- xii. Pusat Biomas Bersepadu
- xiii. Menyediakan laluan Pejalan Kaki
- xiv. Menyediakan Laluan Basikal
- xv. Menggalakkan Kebun Komuniti/Kebun Kejiranan
- xvi. Menggalakkan Pengkomposan Sisa

Bagi tahun 2015, Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau menerima peruntukan sebanyak RM100,000.00 bagi vot belanja mengurus dan RM 1,000,000.00 bagi

vot belanja pembangunan yang dikongsi bersama Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar.

Di samping itu, melalui PBT, pelbagai program dan inisiatif teknologi hijau telah di laksanakan seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

PBT	Program dan Inisiatif Teknologi Hijau	Kos	Tahun Pelaksanaan
MBPJ	<ol style="list-style-type: none">1. Skim Insentif Rebat Cukai Taksiran Kepada Rumah Mesra Alam Hijau Petaling Jaya.2. Skim meletak kereta percuma kepada pemilik kereta hybrid dan kereta elektrik yang di beli di Petaling Jaya.3. Program pemasangan lampu LED secara percuma di lorong belakang rumah kediaman.4. Projek perintis pengkomposan sisa makanan di kantin ibu pejabat MBPJ.5. Anugerah Tokoh Hijau Petaling Jaya.6. Program pengumpulan minyak masak terpakai & 3R7. Projek penukaran lampu konvensional kepada lampu LED di ibu pejabat MBPJ.	RM 266,000.00	2011

	<p>8. Projek sistem penuaian air hujan di ibu pejabat MBPJ (Rain water harvesting system).</p> <p>9. Mewujudkan MBPJ Carbon Management Pelan</p>		
MBSA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kayuhan Hijau ke Tanjung Piai. 2. Kebun Komuniti (Mini Zee Bee). 3. Buku Adam The Series. 4. Earth Hour (Nite Cycling). 5. Program Transformasi Lorong Belakang di Seksyen 7 dan Seksyen 9 Bersama Komuniti. 6. Program “Capacity Building” kepada kakitangan dan pihak perunding berkaitan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH). 7. Pelancaran ‘Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shah Alam 2015’. 8. Dusun Komuniti@My Sekolah Shah Alam 9. Shah Alam Trees For Life 2015. 	RM 3,002,300.00	2013

	<p>10. Projek 'Green Roof' Wisma MBSA.</p> <p>11. Projek Tempat Letak Kereta Telap Air.</p> <p>12. Inovasi Tempat Pengasingan Sampah Kediaman Rumah Teres di Kediaman Rumah Teres dan Pangsapuri.</p> <p>13. Projek Kompos Sisa Pasar.</p>		
MPSJ	<p>1. Membangunkan pusat biomass di Bandar Bukit Puchong yang memproses bahan buangan domestik dari rumah serta daun-daun kering yang dijadikan baja.</p> <p>2. Penggunaan bas elektrik atau dikenali sebagai Bas Komuniti yang memberi perkhidmatan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Klang</p>	RM 6.5 juta	2013
MPS	<p>1. Hari Tanpa Polisterin dan Plastik. (menetapkan hari Rabu sebagai hari kempen di kawasan Bangunan Pejabat Pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang sahaja)</p>	RM 20,000	2014

	<ol style="list-style-type: none"> 2. Program Bank Kitar Semula di Sekolah. (Melibat 3 buah sekolah) 3. Program Pengkomposan Sisa Makanan di Jabatan MPS 		
MPSP	<ol style="list-style-type: none"> 1. 'Skim Teknologi Hijau, MajlisPerbandaran Sepang' - Skim ini merupakan rebat cukai taksiran kepada pemilik bangunan berstatus Hijau (GBI, LEEDS dll) di kawasan Pentadbiran MP Sepang. 	tiada	2013

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : CUKAI PINTU PBT

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar cukai pintu dan komersial PBT Selangor pada tahun 2014?
- b) Berapakah kadar kenaikan nilai hartanah terkini untuk kawasan perniagaan dan kediaman di semua PBT?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai pintu dan komersial mengikut PBT pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

PBT	Kadar Cukai Pintu Kediaman	Kadar Cukai Pintu Komersial
MBSA	4%	7%
MBPJ	5.5% - 7.7%	5.5% - 8.8%
MPK	2.2% - 10.5%	3.25% - 11.5%
MPAJ	1.1% - 5.5%	6.6% - 7.15%
MPSJ	5%	6%
MPS	4% - 8.6%	6.5% - 10.8%
MPKj	2.2% - 8.8%	4.4% - 11%
MPSp	7.35%	8.40%
MDKS	6% - 7%	7% - 8%
MDHS	9%	11%
MDKL	10%	12% - 14%
MDSB	8.5% - 11.8%	10.8% - 12%

- b) Sehingga kini Kerajaan Negeri masih mengekalkan aras tahun nilaian yang sedia ada bagi menentukan kadar cukai pintu kawasan perniagaan dan kediaman di semua PBT. Aras tahun nilaian hartanah mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	ARAS TAHUN NILAIAN
MBSA	2006
MBPJ	1992
MPK	1993
MPAJ	1997
MPSJ	1992 & 1996
MPS	1985
MPKj	1985
MPSp	1996
MDKS	1997
MDHS	1996
MDKL	1997
MDSB	1986

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : SELANGOR SCIENCE PARK (SSP)

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah keluasan dan berapakah harga tanah di SSP?
- b) Sila nyatakan secara *detail* apakah faktor tarikan utama SSP?
- c) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan pelabur domestik dan luar terhadap SSP?

JAWAPAN:

- a) Keluasan keseluruhan SSP2 ialah 1,254 ekar. Harga tanah di SPP2 adalah berdasarkan tempoh pajakan seperti berikut :

Jenis Pajakan	Perumahan (RM/SKP)	Perniagaan (RM/SKP)	Industri (RM/SKP)
30 tahun	-	RM89	RM45
60 tahun	-	RM125	RM63
99 tahun	RM59	RM142	RM71

- b) Tarikan utama kepada SSP2 adalah terhadap konsep pembangunannya yang telah dirancang dengan rapi. Ianya adalah bandar moden yang mementingkan konsep hijau dan sustainabiliti serta sensitiviti terhadap pencemaran. Untuk itu walaupun 27.19 % daripada kawasan pembangunan dirancang sebagai kawasan industri, namun ianya industri jenis 'Hightech' dan bebas daripada pencemaran.

Selain daripada itu, lokasi pembangunan SSP2 juga menarik minat pelabur-pelabur dan pembeli hartanah kerana ianya bersebelahan dengan Putrajaya dan Cyberjaya. Lingkaran lebuh raya seperti SKVE, ELITE, PLUS, MEX, LDP, BESTRAYA telah sedia ada dan ini menjadikan perjalanan ke KLIA hanya mengambil masa selama 15 minit, Kuala Lumpur 30 minit dan Pelabuhan Klang 15 minit.

- c) Sambutan daripada pelabur domestik dan luar terhadap SSP2 amat memberangsangkan. PKNS menerima lebih kurang tiga kali pertanyaan dalam seminggu mengenai pembangunan SSP2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PERTANIAN

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan telah mempunyai Pelan Induk Pembangunan Pertanian negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri sedang diperingkat untuk menyediakan satu Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor di mana status terkini adalah di peringkat penyediaan Terma Rujukan (TOR) sebelum satu kajian menyeluruh dilaksanakan pada tahun ini juga.

Pelan Induk Pembangunan Pertanian tersebut merangkumi perancangan untuk tempoh jangka pendek (5 tahun) dan jangka panjang (10 tahun) bagi meningkatkan jumlah sumbangan di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang berada pada tahap purata 1.7% (RM 2.8 Bilion) setahun serta meningkatkan peratusan sekuriti bekalan makanan (Self Sufficient Level) yang masih berada di dalam tahap yang rendah sebagai contoh bekalan daging lembu yang masih berada pada tahap sekitar 3% sahaja untuk bekalan di dalam Negeri Selangor selain dari bekalan padi yang hanya berada tahap 31% sahaja.

Perkara-perkara lain yang akan dijadikan keutamaan di dalam penyediaan Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

1. Memberi tumpuan kepada projek-projek pertanian yang menggunakan teknologi moden seperti penggunaan konsep fertigasi yang tidak memerlukan kawasan yang luas tetapi dapat memberikan pulangan hasil yang tinggi.
2. Mengenalpasti tanah-tanah pertanian milik individu yang tidak diusahakan untuk dimajukan dengan mengadakan perjanjian di antara tuan punya tanah dengan usahawan tani yang berminat.
3. Mengenalpasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang boleh dijadikan sebagai kawasan Agrotek Negeri Selangor khusus bagi tanaman dan ternakan serta akuakultur.

4. Mewujudkan program Usahawan Belia Tani di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan pertanian.
5. Menerapkan konsep pelaksanaan projek tanaman *natural farming* dengan memberikan penumpuan kepada penghasilan separa organik secara berperingkat.
6. Menyediakan satu data maklumat yang lengkap secara menyeluruh dan sistematik di dalam semua aktiviti pertanian Negeri Selangor agar perancangan yang lebih tepat dapat dibuat pada masa hadapan seperti jumlah sebenar penggunaan tanah untuk pertanian bagi tujuan bekalan makanan (selain dari kelapa sawit dan getah).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : BIASISWA NEGERI SELANGOR

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kewangan dan pelajar yang disasarkan untuk menerima biasiswa setiap tahun?
- b) Nyatakan pelajar yang berjaya menerima mengikut pecahan pendapatan keluarga (bawah 3 ribu, bawah 5 ribu dan atas 5 ribu) dalam tempoh sepuluh tahun ini?
- c) Nyatakan juga pecahan mengikut kaum?

JAWAPAN:

- a) Pembiayaan yang diberikan adalah dalam bentuk pinjaman pelajaran. Pinjaman pelajaran akan diubah kepada biasiswa bagi pelajar-pelajar yang memenuhi syarat sahaja. Jumlah peruntukan tahunan pinjaman pelajaran adalah sebanyak RM16 juta. Sejumlah 1,000 pelajar baru akan ditaja setiap tahun.
- b) Urus setia tidak mempunyai statistik penerima bagi tempoh sepuluh tahun memandangkan sistem sedia ada cuma menyimpan rekod pemohon semasa. 'Features' bagi sistem sedia ada adalah sangat terhad dan tidak dapat menjana statistik sebegitu. Urus Setia adalah dalam proses untuk membangunkan sistem pinjaman pelajaran bersepadu yang mampu memenuhi keperluan semasa yang semakin bertambah.
- c) Sama seperti jawapan bagi soalan (b)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : ASET MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah aset tunai dan tidak tunai MBI kini?
- b) Nyatakan aset yang telah dijual, lokasi, nilai dan pembeli pada tahun 2014?
- c) Apakah strategi dan pelan MBI untuk mengukuhkan asetnya dibawah kepimpinan baharu?

JAWAPAN:

a)

Aset tunai MBI berjumlah RM90juta merangkumi

- a) Tunai transit yang disalurkan melalui Perbendaharaan Kerajaan Negeri Selangor ke anak-anak syarikat di dalam bentuk geran
- b) Tunai transit hasil daripada transaksi hartanah anak-anak syarikat

Aset Tidak Tunai MBI

Sepanjang 2014, mengikut rekod yang diperolehi aset tidak tunai MBI merangkumi tanah yang dianugerahkan oleh kerajaan negeri. Nilai aset ini tidak dapat ditentukan oleh kerana tiada transaksi yang signifikan dilakukan untuk menjana hasil tunai ke atas aset-aset tersebut.

- b) Mengikut rekod yang diperolehi tiada aset ketara yang telah dijual pada tahun 2014.
- c) MBI sebelum ini merupakan pentadbir, dan pelabur pasif didalam anak-anak syarikatnya. Pengurusan baru MBI telah diberi mandat untuk bertindak sebagai pelabur strategik kerajaan negeri dimana ia akan memainkan peranan yang ketara di dalam anak-anak syarikat. Strategi menambah nilai dan transformasi aset-aset anak-anak syarikat akan dilaksanakan didalam tempoh 3 ke 4 tahun di mana anak-anak syarikat ini pada akhirnya akan memberi sumbangan yang signifikan di dalam hasil kerajaan negeri. MBI akan terlibat di dalam sektor-sektor pelaburan strategik kerajaan negeri seperti sektor hartanah, infrastruktur, perkhidmatan, telekomunikasi, pengurusan hasil pasir, kuari dan lain-lain lagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KUALITI JALAN RAYA

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada meningkatkan perbelanjaan penyelenggaraan jalan di bawah peruntukan MARRIS, apakah langkah-langkah yang sedang atau akan di ambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kualiti pembaikan dan penurapan semula jalan raya?
- b) Adakah spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya akan ditingkatkan?

JAWAPAN:

- a) Langkah-langkah yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:-
 - i) Melaksanakan Program Kajian Pavemen. Ia adalah satu kaedah saintifik dimana kekuatan, ketahanan dan kerosakan jalan dinilai secara sistematik. Alat yang digunakan adalah seperti *Road Scanner (IRS)*, *Falling Weight Deflectometer (FWD)*, *Dynamic Cone Penetrometer (DCP)*, *Ground Penetrating Radar (GPR)*, kajian lalu lintas dan beban gandar. Kerja-kerja penyelenggaraan jalan akan dibuat berdasarkan senarai keutamaan melalui Program Kajian Pavemen tersebut.
 - ii) Program latihan komprehensif kepada semua pegawai/kakitangan teknikal JKR/PBT/Pejabat Tanah dan Daerah/JPS yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyelenggaraan jalan selama 4 hari di IKRAM mulai Disember 2014 dan diteruskan dalam Tahun 2015. Program ini akan diteruskan sehingga semua pegawai/kakitangan Agensi Pelaksana dilatih. Pada Tahun 2016, program ini akan turut disertai oleh pihak kontraktor, pihak pembekal dan juga pihak kuari. Program ini adalah bertujuan untuk memberi kemahiran teknikal yang sebenar supaya kualiti pembinaan dapat diperolehi.
- b) Spesifikasi pembinaan dan membaiki jalan raya sentiasa ditingkatkan. Ibu Pejabat JKR Malaysia sentiasa mengemaskini spesifikasi pembinaan dan senggaraan jalan yang dilaksanakan oleh kumpulan pakar di Ibu Pejabat JKR Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : BANTUAN BENCANA ALAM

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai bantuan bencana alam yang kerajaan sediakan untuk mangsa ribut dan banjir yang terjejas?
- b) Apakah kerajaan berpuas hati dengan nilai bantuan tersebut?
- c) Adakah perancangan untuk membuat kajian semula berkenaan dengan menaikkan nilai bantuan?

JAWAPAN:

- a) Dalam menguruskan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana, kadar bantuan dari Tabung Bencana Khas Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Bil	Perkara	Kadar Maksimum (RM)
1.	Mangsa banjir , tanah runtuh dan ribut	500.00
2.	Mangsa Kebakaran	
	a) Musnah Keseluruhan	500.00
	b) Musnah Sebahagian	250.00
3.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	1,000.00

- b) Sehingga tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor masih bersetuju dengan kadar bantuan tersebut.
- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tiada sebarang perancangan untuk membuat kajian semula berkenaan dengan menaikkan nilai bantuan memandangkan mangsa-mangsa yang terlibat bencana turut menerima bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pertubuhan bukan kerajaan (*non-government organisation* atau NGO) lain yang berkaitan.

Mulai tahun 2014, Unit Pengurusan Bencana, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor juga telah mula mengedarkan pek makanan kering dengan kadar RM 30.00 / pek bagi tujuan bantuan segera kepada mangsa terlibat bencana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana strategi 1 dalam Belanjawan 2015, "Membesarkan lapisan kelas menengah melalui Program HIJRAH" mampu membasmi kemiskinan serta meningkatkan pendapatan?
- b) Apakah peratusan lapisan kelas menengah yang ingin dicapai serta ukuran yang digunakan keluar daripada kemiskinan?

JAWAPAN:

- a) Sepertimana semua sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Dar Al-Qadr Al Hasan Selangor telah memperkenalkan Program HIJRAH Selangor, yang mana merupakan program mikrokredit yang menggabungkan tiga skim iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA). Ianya merupakan Projek Penyelidikan Tindakan (*Action Research Project*) yang bertujuan untuk menggalakkan golongan berpendapatan rendah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan serta melebarkan golongan kelas menengah. Mikrokredit adalah suatu sistem penyaluran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil. Berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan, program mikrokredit ini telah terbukti merupakan salah satu instrumen penting dalam meningkatkan pendapatan dan seterusnya mengurangkan insiden kemiskinan. Selain itu, ianya juga dijangka memberikan impak/ kesan yang lebih cepat terhadap pertumbuhan pendapatan aktiviti ekonomi golongan sasaran. Sehubungan dengan itu, Program HIJRAH ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan rakyat Negeri Selangor, malah berupaya melebarkan golongan kelas menengah.

Manakala di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan pula, terdapat pelbagai program yang berupaya membasmi kemiskinan, menjana/ meningkatkan pendapatan dan meringankan beban kos hidup rakyat. Secara ringkasnya, terdapat tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan seperti butiran berikut:-

- i. Teras 1: Program yang berupaya menjana dan meningkatkan pendapatan:-
 - Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan
- ii. Teras 2: Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan:-
 - Program Kemahiran Teknikal melalui Kolej Antarabangsa INPENS
- iii. Teras 3: Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup:-
 - Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan; dan
 - Program Pemberian Bantuan Persekolahan Bersempena *Back to School*.

Melalui Program HIJRAH serta program-program pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan yang telah disediakan ini, ianya diharap akan mengurangkan kadar kemiskinan melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan seterusnya melahirkan lapisan kelas menengah.

- b) Kadar kemiskinan ditunjukkan dengan mendapatkan peratusan bilangan masyarakat yang miskin daripada keseluruhan penduduk atau isi rumah yang dikaji. Garis pemisah bagi membezakan di antara yang golongan miskin dan tidak miskin dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Sesebuah isi rumah adalah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada PGK, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat. Justeru itu, PGK digunakan sebagai ukuran bagi menentukan/ menetapkan golongan miskin dan tidak miskin.

PGK peringkat Nasional bagi tahun 2012 bagi Semenanjung Malaysia yang telah ditetapkan untuk kategori miskin adalah berjumlah RM830.00 seisi rumah. Walau bagaimanapun, sebagai negeri termaju, Negeri Selangor tidak boleh menggunakan PGK Nasional. Dengan ini, pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju dan memutuskan supaya PGK Negeri Selangor dinaikkan ke paras yang realistik dan bertanggungjawab iaitu RM1,500.00. Menurut kriteria ini, 30% daripada penduduk Selangor berada di bawah PGK.

Melalui Program HIJRAH Selangor, Yayasan Dar Al-Qadr Al Hasan Selangor telah merangka satu sasaran yang merangkumi 56,000 peserta menjelang tahun 2017 iaitu 3.5% dari jumlah rakyat miskin Selangor, di mana golongan ini akan diwakili oleh 1,000 orang peserta dari setiap DUN di Selangor. Ukuran utama yang akan digunakan bagi menentukan kejayaan program adalah peningkatan pendapatan peserta sekali ganda berbanding sebelum menyertai Program HIJRAH Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : BELIA LUAR BANDAR

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan kelompok belia luar bandar tidak tersisih dari pembangunan yang dilaksanakan?
- b) Apakah kaedah yang dilaksanakan kerajaan negeri bagi mengekang penghijrahan belia luar bandar ke bandar?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri berusaha untuk memastikan kelompok belia luar bandar tidak tersisih dari pembangunan yang dilaksanakan dengan mengadakan program – program seperti berikut :
 - i) Kerajaan Negeri merancang untuk menjalankan program 1 Daerah 1 Inkubator untuk memberi peluang kepada belia bagi memulakan perniagaan dengan bantuan modal dan tempat bekerja.
 - ii) Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan IKRAM untuk melaksanakan Program Kursus Kemahiran Belia Desa yang telah dijalankan pada tahun 2014.
 - iii) Kerajaan negeri telah bekerjasama dengan pihak INSPENS untuk memberikan latihan seperti dalam bidang kecantikan, automatif, pendandan rambut, elektrik, elektronik, motorsikal, sistem komputer dan penyaman udara. Di samping itu, kerajaan negeri juga telah mengadakan program-program seperti SPIES untuk menonjolkan aspek kepimpinan kepada belia.
 - iv) Menganjurkan program-program seminar dan kursus keusahawanan khususnya untuk memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan kepada golongan belia seperti berikut :
 - a. Kursus Asas Keusahawanan;
 - b. Kursus Pemasaran;
 - c. Kursus Pengurusan Kewangan; dan
 - d. Kursus Rancangan Perniagaan

- v) Program Jom Kerja berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor. Selain itu pemohon diberi pendedahan khidmat nasihat serta pengalaman cara bagaimana sesi temuduga diadakan.
 - vi) Program Jom Kerja berbentuk Kursus Kerja Berkualiti menjadi satu platform kepada para peserta untuk bertemu dengan bakal majikan untuk mencari peluang pekerjaan sedia ada.
- b) Kaedah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengekang penghijrahan belia luar bandar ke bandar adalah melalui langkah-langkah sebagaimana berikut :-
- i) Sektor pertanian perlu dimajukan dengan memberi bantuan kewangan, bantuan nasihat dan menyatukan kawasan tanah pertanian yang sempit dalam konsep pertanian bersepadu. Kaedah moden diperkenalkan seperti menggalakkan penggunaan bijih benih yang bermutu tinggi, penggunaan jentera, baja organik, racun serangga supaya hasil pengeluaran dapat ditingkatkan. Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu memperbaiki kemudahan infrastruktur di luar bandar. Bekalan elektrik, air, kemudahan perhubungan dan pengangkutan perlu dibina di kawasan luar bandar. Dengan kemajuan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, maka mereka tidak akan berhijrah ke bandar. Keadaan ini dapat mengawal proses urbanisasi yang pesat.

Sektor industri desa juga perlu dimajukan seperti industri memproses hasil-hasil pertanian, industri kraftangan dan industri makanan untuk memajukan kawasan luar bandar. Usaha-usaha memodenkan ekonomi luar bandar dibantu dengan pinjaman kewangan oleh kerajaan negeri serta khidmat nasihat oleh badan-badan tertentu. Dengan proses memodenkan ekonomi luar bandar, penduduk luar bandar akan melibatkan dalam sektor-sektor ekonomi moden ini dan mewujudkan peluang bagi mereka untuk memajukan ekonomi diri sendiri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah rancangan MBI untuk membangunkan jumlah keluasan 5,000 ekar tanah secara usahasama dengan pemaju-pemaju swasta seperti yang dilaporkan di The Edge (2 Mac 2015)?
- b) Sila nyatakan sebab-sebab keputusan ini dibuat.
- c) Sila huraikan rancangan ini.

JAWAPAN:

- a) MBI akan berperanan sebagai pelabur strategik dan menjadi pemangkin kepada usaha tambah nilai aset-aset Kerajaan Negeri selari dengan objektif seperti di atas, MBI melalui Lembaga Pengarah telah meluluskan 'SOP' yang berkonsepkan ketelusan dan keterbukaan untuk meneliti keupayaan sebuah syarikat melalui proses 'Request for Information' (RFI) yang akan dijalankan.

Selepas proses RFI syarikat yang dipilih akan dikenalpasti untuk proses 'Request for Proposal'(RFP). Proses ini dapat menilai sesebuah syarikat hartanah bagi prestasi berdasarkan 'RFI' yang dimohon. MBI akan melakukan proses 'RFP' untuk asset-aset tanah yang dikenalpasti bagi pembangunan. Pemaju-pemaju yang mempunyai rekod dan pengalaman akan dijemput untuk bersama-sama melakukan proses ini dan tawaran usahasama akan mengambilkira hasil yang ditawarkan. Pembangunan berkualiti yang selaras dengan panduan kerajaan negeri dan lain-lain lagi isu yang dirasakan penting bagi sesuatu pembangunan.

Jumlah keluasan tanah yang dimiliki oleh MBI adalah lebih kurang 5,047.65 ekar dan keluasan tanah mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut :

i.	Daerah Hulu Langat	-	656.64 ekar
ii.	Daerah Gombak	-	374.48 ekar
iii.	Daerah Klang	-	492.65 ekar
iv.	Daerah Kuala Selangor	-	3,523.88 ekar

- b) Keputusan ini dibuat adalah untuk memastikan kerajaan negeri mendapat hasil kewangan dan bukan kewangan yang terbaik di dalam setiap transaksi.
- c) Pada peringkat ini, MBI sedang dalam proses mengemaskini pengkalan data untuk kesemua tanah miliknya dan mengenalpasti lokasi-lokasi yang sesuai untuk dimajukan.

Di samping itu, MBI telah mula menggembelng tenaga bersama anak-anak syarikat dan agensi pelaburan milik kerajaan negeri yang lain untuk mempertingkatkan kepakaran bagi usaha untuk mendapatkan pulangan yang tinggi hasil daripada pelaburan tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PENGGUNAAN TANAH T.O.L. UNTUK MENJANA PENDAPATAN
PENDUDUK**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan tertentu untuk membantu golongan marhaen menjana pendapatan tambahan dengan menggunakan tanah T.O.L. untuk jangka masa pendek?
- b) Apakah sudah ada task force mengkaji penggunaan optima tanah T.O.L?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum ada perancangan spesifik dalam membantu golongan marhaen untuk menjana pendapatan tambahan dengan menggunakan tanah TOL untuk jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan pengeluaran TOL untuk tanah-tanah rizab bagi tujuan membantu golongan marhaen menjana pendapatan tambahan.
- b) Setakat ini, belum ada kajian berkenaan dijalankan oleh *taskforce*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PERSIAPAN MENGHADAPI BANJIR

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana pelan tindakan oleh agensi? Agensi kerajaan dalam persediaan andaikata berlakunya banjir-banjir kilat dan banjir besar?
- b) Adakah terdapat kajian menyeluruh terhadap sistem perparitan/saliran di Selangor dan keupayaannya menampung dan menyalirkan air ketika hujan? Nyatakan kajian tersebut?

JAWAPAN:

a) Pelan tindakan bagi menghadapi banjir adalah seperti berikut :

i. Sebelum banjir :

- Mengenalpasti dan menyelenggara rekod kawasan-kawasan banjir. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)
- Memastikan infrastruktur untuk sistem ramalan dan amaran awal banjir berada dalam keadaan sempurna. (JPS)
- Memastikan aset-aset dan peralatan dalam keadaan bersedia. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)
- Memantau tindakan agensi dalam melaksanakan program pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur saliran. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)

ii. Semasa banjir :

- Menyalurkan maklumat seperti kenaikan paras air dan keamatan hujan serta maklumat lokasi banjir. (JPS)
- Memberi kerjasama kepada Jawatankuasa Bencana Negeri dalam bentuk peralatan seperti pam, jentera dan kenderaan. (JPS, PEJ.DAERAH, PBT, JKR)

iii. Selepas banjir :

- Laporan dan penilaian kerosakan banjir
- Mengenalpasti punca-punca dan cadangan penyelesaian

- Pengutipan data-data banjir seperti bilangan mangsa yang terlibat, keluasan kawasan banjir, senarai jalan-jalan yang terlibat banjir
- Menyelaras permohonan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- Menentukan keutamaan kepada kawasan – kawasan yang kerap banjir
- Mengenalpasti dan menilai impak banjir
- Membuat pemantauan banjir dari segi ramalan banjir berdasarkan kuantiti hujan yang turun, kenaikan paras air sungai
- Menyalur maklumat banjir dari segi hebahan media cetak atau elektronik kepada orang awam
- Menilai dan menyediakan cadangan penyelesaian terhadap aduan banjir
- Untuk mengenalpasti kawasan banjir dengan keutamaan 'hot spot' kawasan banjir. Keutamaan 'hot spot' kawasan banjir merujuk kepada kawasan yang ditenggelami air secara berulang kali setiap tahun.

b) JPS tidak mempunyai kajian menyeluruh ke atas sistem saliran satu SELANGOR. Kajian Pelan Induk Saliran yang pernah dibuat :-

1. Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang
2. Kajian Pelan Induk Saliran Seri Kembangan
3. Kajian Pelan Induk Saliran Banting
4. Kajian Pelan Induk Saliran MSC

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : JKM

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan tahunan kerajaan negeri untuk Tabung Bantuan Am JKM?
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk tabung ini?
- c) Berapakah jumlah kadar bantuan untuk setiap penerima?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN NEGERI (RM)
2011	14,722,213.00
2012	16,783,937.00
2013	18,262,515.00
2014	14,269,551.85
2015	15,494,000.00

- b) Mulai Januari 2014 tiada peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk tabung bantuan am.
- c) Kadar skim Bantuan Kerajaan Negeri seperti di Jadual 1

Jadual 1: Kadar Skim Bantuan Kerajaan Negeri

JENIS BANTUAN KERAJAAN NEGERI	KADAR (RM)	KRITERIA
Bantuan Am (BA)	100.00 / 150.00 / 175.00	Diberikan kepada golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah skim bantuan persekutuan lain.
Bantuan Latihan Perantis (BLP)	250.00	Diberikan kepada: anak-anak penerima bantuan bulanan Jabatan; bekas pelatih dari Institusi Kebajikan dan kes-kes seliaan akhlak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab perkhidmatan WIFI Selangorku di 112 lokasi ditamatkan?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan semula Program WIFI Percuma di Selangor?
- c) Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan dalam Projek Penyewaan Peralatan WIFI Selangorku dengan Extol Corporation S/B?

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan WiFi Selangorku masih diteruskan untuk digunakan oleh semua rakyat Negeri Selangor, hanya pengendali sedia ada akan bertukar berdasarkan kontrak perjanjian yang akan tamat tempoh.
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Pmerbadanan Menteri Besar (MBI) masih meneruskan program WiFi Percuma dengan perkhidmatan WiFi Selangorku serta sedang berusaha menambah baik kawasan liputan hotspot daripada 112 lokasi kepada 2,500 lokasi di seluruh Negeri Selangor.
- c) Kerajaan Negeri dengan menggunakan peruntukkan Geran Selangorku daripada Pmerbadanan Menteri Besar (MBI) telah membelanjakan sebanyak RM 2,4487,504.19 sepanjang 2 tahun tempoh kontrak perjanjian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGURUSAN BEKALAN AIR DI SELANGOR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan sedar bekalan air di Selangor sering terganggu oleh kerja-kerja paip pecah, membaiki jalan atau oleh pencemaran ammonia?
- b) Jika ya, apakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang kerajaan?
- c) Apakah status terkini usaha pengawalan ke atas syarikat-syarikat air?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Memang kerajaan negeri sedang akan berlakunya gangguan bekalan air dan gangguan ini adalah gangguan yang tidak berjadual dan gangguan ini disebabkan beberapa perkara seperti paip pecah, pembaikan jalan, henti tugas loji rawatan air, gangguan bekalan elektrik dan juga tidak kurang juga disebabkan pencemaran sumber air mentah. Maka di antara usaha-usaha kerajaan negeri yang melibatkan jangka pendek dan jangka panjang antaranya yang pertama yang banyak kita bahaskan dalam dewan yang mulia ini untuk kita muktamadkan segera penstrukturan industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Yang keduanya kerajaan negeri juga melaksanakan projek mitigasi 2 yang mana projek mitigasi 2 ini sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor untuk menambah baik sistem agihan sedia ada dan usaha ini mengagihkan kapasiti pengeluaran oleh loji rawatan air kepada pengguna dan projek mitigasi 2 ini dijadualkan siap sepenuhnya pada September 2015. Dan yang ketiganya dari sudut penurunan kadar NRW yang kita ketahui bahawa NRW Selangor gagal diturunkan kepada sasaran iaitu sekitar 20% yang sepatutnya disasarkan pada 2012 setelah berbelanja kira-kira RM1 bilion. Jadi kegagalan ini dengan sendiri menafikan potensi Selangor untuk mendapatkan tambahan air bersih sebanyak lebih 600mld dan ia mampu memberi keperluan selepas tahun 2020 pada hakikatnya. Jadi SPAN menyasarkan NRW nasional pada tahap 25% pada tahun 2020 Selangor merupakan penyumbang terbesar tahap NRW nasional perlulah berada pada tahap minimum 25% dalam masa 5 tahun. Ini bermakna Selangor perlu menurunkan NRW pada kadar sekurang-kurangnya 2% setahun. Justeru itu kerajaan negeri Selangor telah menyasarkan penurunan NRW yang perlu dicapai adalah sebanyak 2% setahun selaras dengan sasaran yang dibuat oleh SPAN itu sendiri. Walau bagaimanapun kita mengharapkan agar impian kita tercapai selepas kita muktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Selangor. Yang keempatnya meningkatkan penguatkuasaan bagi mengatasi pencemaran sumber air mentah yang saya kira telah pun juga kita banyak bicarakan dalam

dewan ini dan juga telah pun menjawab beberapa soalan daripada Ahli Dewan sekalian. Dan kerajaan negeri juga akan terus melaksanakan tindakan untuk memastikan kesinambungan bekalan air serta kesediaan sumber air di empangan cukup seperti mana antara yang dilakukan adalah meneruskan operasi pembenihan awan (*cloud seeding*) untuk membolehkan hujan turun di kawasan tadahan dan lembangan sungai. Menguruskan operasi pengepaman air dari kolam takungan Bestari Jaya tanpa mengabaikan soal kualiti sumber air tersebut. Dan mengawal pelepasan air empangan bagi memastikan pelepasan dilaksanakan secara optimum dengan mengambil kira sumber air sedia ada dan juga mengadakan kerjasama erat di antara agensi kerajaan negeri bersama Jabatan Alam Sekitar bagi memantau dan mengawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air begitu juga penguatkuasaan yang tegas melalui pemantauan yang berterusan di sepanjang sungai yang terlibat dalam pembekalan air mentah iaitu Sungai Selangor, Sungai Langat, Sungai Semenyih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : AHLI MAJLIS WANITA

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dalam peratusan Ahli Majlis Wanita di setiap PBT yang telah dilantik 2014-2015?
- b) Apakah kerajaan mempunyai dasar 30% Ahli Majlis wanita di setiap PBT?
- c) Nyatakan bila dan bagaimana kerajaan memastikan Dasar 30% ini dapat mesti dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Keseluruhan Ahli majlis wanita adalah seramai 58 orang di mana ianya mewakili **21.74%** dari keseluruhan ahli majlis yang telah dilantik sehingga 17 Februari 2015. Perincian statistik adalah seperti berikut;

PBT	Bil. Ahli Majlis	Telah Dilantik	Jantina			
			Lelaki		Perempuan	
MBSA	23	23	17	73.91%	6	26.09%
MBPJ	24	23	19	79.17%	4	16.67%
MPK	23	23	20	86.96%	3	13.04%
MPAJ	24	24	18	75.00%	6	25.00%
MPSJ	24	23	19	79.17%	4	16.67%
MPS	23	23	19	82.61%	4	17.39%
MPKJ	23	23	16	69.57%	7	30.43%
MPSP	23	23	18	78.26%	5	21.74%
MDKL	23	22	18	78.26%	4	17.39%
MDHS	23	22	15	65.22%	7	30.43%
MDKS	23	23	20	86.96%	3	13.04%
MDSB	23	23	18	78.26%	5	21.74%
JUMLAH	279	275	217	77.78%	58	21.74%

- b) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar minimum 30% daripada keseluruhan jumlah Ahli Majlis yang dilantik hendaklah di kalangan wanita dan dasar ini telah dimaklumkan dalam Pekeliling SUK SPBT Bil.2 2013 – Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.
- c) Dasar ini telah diputuskan dan telah pun dilaksanakan pada tahun 2013. Walau bagaimanapun bilangan Ahli Majlis di kalangan wanita adalah bergantung kepada pencalonan yang dikemukakan oleh parti komponen Pakatan Rakyat dan dalam hal ini Ahli Majlis yang hendak dilantik perlulah memenuhi kriteria yang ditetapkan tanpa mengira sama ada calon lelaki atau wanita. Kerajaan Negeri Selangor akan terus komited untuk memastikan dasar ini dapat dicapai dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PERLANTIKAN AHLI JAWATAN KUASA MASJID

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada perubahan dalam syarat perlantikan ahli jawatan masjid di Negeri Selangor pada tahun 2015?
- b) Berapakah jumlah ahli jawatankuasa masjid yang dilantik pada tahun 2015 mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Kaedah lama masih dikekalkan dalam pemilihan dan pelantikan ahli jawatankuasa masjid di Negeri Selangor, namun terdapat beberapa pindaan dalam Kaedah- Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Negeri Selangor (Pindaan) 2001 yang akan membenarkan MAIS bagi melantik Imam sebagai Pengurus dan Penolong Pengurus di beberapa buah masjid tertentu seperti di masjid- masjid yang baru dibina dan di beberapa buah masjid yang menghadapi masalah pengurusan.
- b) Jumlah terkini bilangan masjid di Negeri Selangor adalah sebanyak 408 buah masjid. Berikut adalah jumlah bilangan jawatankuasa masjid mengikut pecahan daerah masing- masing:

BIL.	DAERAH	BILANGAN MASJID	JUMLAH AJK (21 ORANG SETIAP MASJID)
1.	PETALING	82	1722
2.	HULU LANGAT	50	1050
3.	GOMBAK	43	903
4.	SEPANG	25	525
5.	KUALA SELANGOR	58	1218
6.	KUALA LANGAT	33	693
7.	SABAK BERNAM	47	987
8.	HULU SELANGOR	24	504
9.	KLANG	46	966
JUMLAH		408	8568

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENGGUNAAN LAMAN SOSIAL OLEH PBT

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan PBT-PBT yang mempunyai laman *social Facebook* dan *Twitter*.
- b) Sejauh manakah keberkesanan penggunaan laman sosial tersebut dalam penyebaran maklumat awam?
- c) Nyatakan perbelanjaan yang terlibat dalam pengurusan laman sosial tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kesemua PBT – PBT Selangor mempunyai akaun laman sosial *social Facebook* dan *Twitter*.

BIL	PBT	FACEBOOK	TWITTER
1.	MBSA	shahalamcitycouncil	sacitycouncil
2.	MBPJ	Petaling-Jaya-City-Council	pcitycouncil
3	MPSJ	MPSubangJaya	MPSubangJaya
4	MPKJ	mpkajang	mpkajang
5	MPS	mpselayang	MPSelayang
6	MPK	Saluran Komunikas impk	MPK_Prihatin
7	MPAJ	mp.ampangjaya	mp_ampangjaya
8	MPSP	Majlis- Perbandaran- Sepang	mpsepang
9	MDKS	Majlis-Daerah- Kuala-	mdkualaselangor

10	MDSB	MajlisDaerahSabak Bernam	MDSabakBernam
11	MDHS	MDHS.UniMelb	unimelbmdhs
12	MDKL	MDKL	MDKLINDAH

- b) Penggunaan laman sosial sangat berkesan sebagai saluran alternatif bagi tujuan hebahan umum tentang perkembangan dan aktiviti semasa yang diadakan oleh PBT dan agensi Kerajaan.

Medium ini dilihat lebih berkesan dan memudahkan orang awam untuk memberikan maklum balas secara terus kepada pihak PBT dan sebaliknya. Sebagai contoh, pemakluman program-program pelancongan dan pembangunan/ penambahbaikan infrastruktur yang dibuat oleh PBT dapat dimaklumkan kepada masyarakat setempat

Selain itu laman sosial juga merupakan saluran alternatif untuk masyarakat menyampaikan aduan dengan segera untuk PBT mengambil tindakan terhadap aduan tersebut.

- c) Tiada kos kerana buat masa ini, PBT – PBT memanfaatkan sepenuhnya kemudahan laman sosial yang ditawarkan percuma kepada umum. PBT – PBT juga tidak mengeluarkan apa-apa kos sampingan kepada pihak pengurusan laman sosial tersebut dan sebarang promosi atau hebahan yang berbentuk teks mahu pun info grafik dibuat menggunakan khidmat in-house.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PEMBINAAN JAMBATAN MENGHUBUNGAN BANDAR BARU
SUNGAI BULOH FASA 3 DENGAN KAMPUNG BARU SUNGAI
BULOH**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah terdapat perancangan untuk membina jambatan tersebut?

JAWAPAN:

a) Tiada perancangan untuk membina jambatan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH TRANSIT UNTUK PASANGAN MUDA

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah rancangan Kerajaan untuk membina rumah transit untuk pasangan baru berkahwin ?
- b) Berapa peruntukan untuk projek ini ?
- c) Di mana akan dibina ?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini Kerajaan Negeri tiada program khusus untuk membina rumah transit bagi pasangan muda yang baharu berkahwin untuk memiliki ataupun menyewa rumah. Ini kerana Kerajaan Negeri berpandangan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah seliaan Kerajaan Negeri melalui sama ada di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain masih mencukupi untuk menampung keperluan dan membantu pasangan muda dalam menyediakan tempat tinggal yang sempurna khususnya untuk disewa. Ketika ini terdapat tiga (4) buah Projek PPR di bawah seliaan Kerajaan Negeri iaitu PPR Lembah Subang 1 (MBPJ), PPR Kg Baru Hicom, Seksyen 26 Shah Alam dan PPR Serendah, Hulu Selangor (LPHS) dan PPR Kota Damansara (seliaan anak syarikat LPHS iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.) yang mana keseluruhan unitnya berjumlah 5,436 unit. Selain itu, terdapat juga sebanyak 719 unit Council Homes di lima (5) buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu dua (2) di bawah Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), dua (2) di bawah Majlis Perbandaran Klang (MPK), satu (1) di bawah Majlis Perbandaran Selayang (MPS), satu (1) di bawah Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan satu (1) di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Bermula tahun 2015 sebagai mana yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2015 yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar. Kerajaan Negeri melalui LPHS bercadang untuk membeli 45 unit Rumah Mampu Milik di lokasi-lokasi yang strategik untuk dijadikan Council Homes khususnya bagi menampung keperluan golongan pasangan muda untuk menyewa rumah pada kadar sewa 30% lebih rendah daripada harga pasaran. Pada masa hadapan sekiranya permintaan yang tinggi oleh golongan ini, Kerajaan Negeri bersedia untuk menambahkan peruntukan tersebut

Bagi pasangan muda yang berhasrat untuk memiliki rumah mampu milik pula, mereka boleh memohon untuk memiliki rumah mampu milik di bawah program Rumah Selangorku mengikut Jenis Rumah (harga dari RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit) bergantung pada kelayakan dan kemampuan masing-masing.

- b) Sebagai langkah permulaan, Kerajaan Negeri melalui LPHS telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM2.3 juta untuk membeli sebanyak 45 unit rumah-rumah mampu milik yang dibina oleh pemaju swasta di kawasan-kawasan tumpuan utama.
- c) Projek-projek yang telah dikenal pasti dan berpotensi untuk dibeli oleh LPHS adalah seperti berikut:

Bil.	Projek	Unit Yang Akan Dibeli
1.	Fasa 2, Bandar Setia Alam, Seksyen U13 Shah Alam	10
2.	Bandar Parkland Klang	10
3.	Lembah Subang 2 Petaling Jaya	20
4.	Alstonea @ Taman Subang Emas	5
Jumlah		45

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ANCAMAN DENGGI DI SELANGOR

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membanteras wabak denggi di Selangor khususnya di kawasan Hulu Langat?
- b) Berapakah bilangan kematian dan jangkitan aedes yang dicatatkan di kawasan Hulu Langat dalam tempoh 2013 - 2014?

JAWAPAN:

Tuan Speaker,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membanteras wabak denggi di Selangor khususnya di kawasan Hulu Langat adalah seperti berikut :

- i. Program Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Hulu Langat. Program ini memberi fokus kepada pembersihan tempat pembiakan nyamuk aedes, pembersihan kawasan hotspot denggi, pembersihan pangsapuri kos rendah, pembersihan tapak binaan, pembersihan longkang, taman awam dan taman rekreasi.
- ii. Pembentukan *Task Force Denggi* diperingkat PBT iaitu MPAJ dan MPKJ yang melibatkan pelbagai Jabatan berkaitan di PBT mengerakkan aktiviti kawalan Denggi yang lebih berkesan.
- iii. Mengadakan Mesyuarat Kawalan Denggi di Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan di hadiri oleh pelbagai jabatan dan agensi berkaitan bagi membincangkan isu denggi di daerah Hulu Langat
- iv. Meningkatkan penguatkuasaan perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.
- v. Menjalankan Operasi Tapak Bina di daerah Hulu Langat

- vi. Memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya demam denggi dan cara pencegahan dengan mengadakan kempen dan taklimat di sekolah rendah dan menengah
 - vii. Mengehebahkan mengenai wabak denggi melalui khutbah jumaat dan ceramah di masjid dan surau
 - viii. Menggiatkan aktiviti gotong –royong di peringkat masyarakat
 - ix. Membuat edaran risalah denggi dan memberi abate semasa program gotong-royong penduduk
 - x. Kementerian Kesihatan sedang menjalankan semburan ORS (*Outdoor Residual Spray*) yang menggunakan bahan kimia delta Metrine di kawasan yang di tetapkan di daerah Hulu Langat.
- b) Bilangan kematian dan jangkitan aedes yang dicatatkan di kawasan Hulu Langat dalam tempoh 2013 – 2014 adalah seperti berikut: -

Tahun	Bilangan kes	Bilangan kematian
2013	6, 371	5
2014	11, 748	20
2015 (sehingga 14hb Mac 2015)	3, 093	10

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : MASALAH INFRASTRUKTUR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Seberapa segerakah Kerajaan dapat mengambil tindakan pembaikan kerosakan longkang monsun atau tebing sungai atau longkang?
- b) Seberapa segerakah Kerajaan dapat mengambil tindakan berkenaan masalah banjir kilat?

JAWAPAN:

- a) Umumnya, Akaun Amanah Caruman Parit telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan pembaikan ke atas kerosakan longkang monsoon atau tebing sungai. Pada dasarnya, kerja-kerja pembaikan menjadi tanggungjawab pihak pemaju sekiranya longkang monsun tersebut masih belum diserahkan kepada pihak Kerajaan.

Secara umumnya Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan mengambil tindakan segera ke atas kerosakan longkang atau tebing sungai bergantung kepada keadaan kerosakan yang berlaku di tapak bina serta kaedah membaikpulih mengikut kesesuaian bagi pemulihan kekal tebing sungai tersebut.

Secara khususnya, sebarang pengeluaran dokumen bagi kerja-kerja pembaikan perlu melalui beberapa prosedur kerja seperti pengiklanan sebutharga/tender, penilaian sebutharga/tender dan sebagainya. Tempoh bagi prosedur kerja samada melalui perolehan sebutharga atau tender adalah seperti berikut :

- sebutharga mengambil tempoh dari 2 minggu - 4 minggu dan
 - tender mengambil masa dari 1 bulan - 3 bulan
- b) Kerajaan persekutuan telah mencadangkan Pelan Induk Saliran Bandar dan projek-projek kawalan banjir kilat dalam RMK11 contohnya untuk Bandar Klang, Bandar Subang Jaya dan Bandar Kajang. Namun, pada masa ini, Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang kelulusan peruntukan. Kerajaan Negeri juga pada masa yang sama menyalurkan peruntukan untuk pelaksanaan Pelan Induk Saliran Bandar Rawang dan Selayang serta projek-projek mitigasi banjir pada tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : USAHAWAN

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bidang usahawan yang diutamakan oleh kerajaan untuk tujuan bantuan?
- b) Berapakah bilangan usahawan yang telah dibantu dan berapakah nilai yang telah dibelanjakan sejak 2010 sehingga 2014?
- c) Apakah kriteria utama usahawan ini layak mendapatkan bantuan kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Sejak tahun 2005, satu definisi seragam yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) telah diguna pakai oleh semua Kementerian dan Agensi, Institusi Kewangan dan Pengawal Selia yang terlibat dalam program pembangunan PKS. Berdasarkan kepada bahagian dan keterangan Piawai Klasifikasi Industri Malaysia 2008 terdapat 5 bidang (klasifikasi) iaitu Pembuatan, Perkhidmatan, Pertanian Asas, Pembinaan, dan Perlombongan dan Pengkuarian. Daripada 5 bidang (klasifikasi) tersebut Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor memberi keutamaan kepada 3 bidang sahaja iaitu Pembuatan, Perkhidmatan dan Pembinaan manakala baki 2 lagi bidang dikawal selia oleh Jawatankuasa Tetap yang lain iaitu Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani untuk bidang (klasifikasi) Pertanian Asas dan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Pembangunan Sumber Alam untuk bidang (klasifikasi) Perlombongan dan Pengkuarian.
- b) Anggaran bilangan usahawan yang telah dibantu oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada tahun 2010 hingga tahun 2014 adalah seramai 20,323 orang. Manakala jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan sepanjang tahun 2010 hingga tahun 2014 adalah sebanyak RM115,552,520.26 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Belas Juta Lima Ratus Lima Puluh Dua Ribu Lima Ratus Dua Puluh dan Dua Puluh Enam Sen Sahaja). Perincian pecahan perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

- c) Setiap bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kriteria-kriteria pemilihan tersendiri. Diantara kriteria utama dalam pemilihan usahawan adalah seperti berikut:-
- i. Pemohon adalah anak kelahiran / telah bermastautin lebih dari 10 tahun di Selangor;
 - ii. Aktiviti perniagaan tidak melanggar peraturan undang-undang;
 - iii. Pemohon hendaklah memenuhi had umur yang ditetapkan(18 hingga 55 tahun);
 - iv. Keutamaan diberikan kepada perusahaan yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - v. Perusahaan yang diusahakan telah beroperasi untuk tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun di Negeri Selangor dan masih aktif menjalankan perniagaan;
 - vi. Keutamaan diberikan kepada perusahaan yang memiliki Lesen/Permit Perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
 - vii. Mempunyai 2 hingga 5 orang pekerja sepenuh masa;
 - viii. Nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300,000.00
 - ix. Konsisten dari segi pengeluaran; dan
 - x. Perusahaan yang dijalankan adalah sepenuh masa (kecuali bagi perusahaan secara atas talian.

JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN / AGENSI

BIL	JABATAN / AGENSI	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	JUMLAH
1.	UPEN SELANGOR	2,676,643.54	2,197,677.59	1,324,179.71	1,552,007.00	678,312.00	8,428,819.84
2.	JAB. PER. VETERINAR	154,150.00	337,089.00	457,121.00	197,620.20	1,450,000.00	2,595,980.20
3.	PERTANIAN	1,196,985.35	1,817,685.74	2,036,721.66	1,249,549.79	792,867.68	7,093,810.22
4.	KDEB	-	-	141,857.00	159,393.00	1,096,850.00	1,398,100.00
5.	PKNS	2,283,300.00	2,578,390.00	2,589,560.00	2,595,210.00	2,285,200.00	12,331,660.00
6.	MIMBAR	1,613,000.00	14,116,950.00	26,431,500.00	19,599,950.00	21,942,750.00	83,704,150.00
7.	SKIMSEL	TIDAK MENDAPAT SEBARANG MAKLUMAT BERHUBUNG PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN					-
JUMLAH					RM115,552,520.26		

BIL	JABATAN / AGENSI	2010 (RM)		2011 (RM)		2012 (RM)		2013 (RM)		2014 (RM)	
1.	UPEN SELANGOR	2,950,000.00	2,676,643.54	2,250,000.00	2,197,677.59	2,050,000.00	1,324,179.71	2,200,000.00	1,552,007.00	2,200,000.00	678,312.00
2.	JAB. PER. VETERINAR	160,000.00	154,150.00	350,000.00	337,089.00	460,000.00	457,121.00	215,000.00	197,620.20	1,450,000.00	1,450,000.00
3.	PERTANIAN	1,200,000.00	1,196,985.35	1,830,000.00	1,817,685.74	2,050,000.00	2,036,721.66	1,206,033.00	1,249,549.79	1,208,046.00	792,867.68
4.	KDEB	-	-	-	-		141,857.00		159,393.00		1,096,850.00
5.	PKNS	2,999,300.00	2,283,300.00	3,243,400.00	2,578,390.00	2,552,400.00	2,589,560.00	2,557,400.00	2,595,210.00	3,893,000.00	2,285,200.00
6.	MIMBAR	TIDAK MENDAPAT SEBARANG MAKLUMAT BERHUBUNG PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN									
7.	SKIMSEL	2,964,468.00	1,613,000.00	12,000,000.00	14,116,950.00	4,000,000	26,431,500.00	4,966,600	19,599,950.00	2,000,000	21,942,750.00
JUMLAH		10,273,768.00	7,924,078.89	19,673,400.00	21,047,792.33	11,112,400.00	32,839,082.37	11,145,033.00	25,353,729.99	10,751,046.00	28,245,979.68

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : LAPORAN STATUS MARRIS

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penghuraian daripada Menteri Besar tentang senarai perbelanjaan MARRIS mulai Januari hingga Disember 2014
- b) Nyatakan pecahan perbelanjaan MARRIS mengikut PBT
- c) Adakah Menteri Besar berpuas hati dengan pelaksanaan setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Dalam tempoh Januari hingga Disember 2014, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM 592,892,129.44** peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Selangor (MARRIS) bagi tujuan-tujuan berikut:-

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri Tahun 2013	131,952,059.43
2.	Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri Tahun 2014	448,810,631.64
3.	Pelan Tindakan Tiga (3) Bulan Pembersihan Awam Di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor	11,965,048.37
4.	Perbelanjaan Pengurusan a) Pembelian peralatan GPS	133,280.00
5.	Perbelanjaan Kecemasan a) Bencana Alam	31,110.00
JUMLAH KESELURUHAN		592,892,129.44

- b) Pecahan perbelanjaan MARRIS mengikut PBT sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2014 adalah seperti berikut:-

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PELBAGAI PERBELANJAAN (RM)
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	39,923,468.70
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	87,337,540.18
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	33,102,138.58
4	Majlis Perbandaran Klang	72,747,579.00
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	33,955,447.79
6	Majlis Perbandaran Kajang	37,946,864.36
7	Majlis Perbandaran Selayang	29,619,377.10
8	Majlis Perbandaran Sepang	14,129,566.86
9	Majlis Daerah Kuala Langat	32,989,204.86
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	12,190,414.23
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	16,893,695.33
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	22,911,755.13
JUMLAH KESELURUHAN		433,747,052.12

Nota: Perincian lebih lanjut seperti di **Lampiran A**.

- c) Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan peruntukan MARRIS sepanjang tahun 2014 setakat 31 Disember 2014 adalah baik dan memuaskan jika dilihat dari aspek perancangan dan pelaksanaan seperti berikut:-

(i) Prestasi Berdasarkan Siling Projek MARRIS Tahun 2014

PERINCIAN	JUMLAH (RM)	RUJUKAN
Siling Projek MARRIS 2014	557,163,646.72	A
Perbelanjaan Sebenar (31 Disember 2014)	448,810,631.64	B
PERATUS PERBELANJAAN	80.1%	

Sebagai langkah penambahbaikan, Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengarahkan semua agensi pelaksana untuk memastikan projek-projek MARRIS Tahun 2015 dapat disiapkan selewat-lewatnya pada 30 September 2015 bagi memastikan perbelanjaan peruntukan yang telah diluluskan dapat dioptimalkan.

LAMPIRAN 1**PERUNTUKAN SILING PROJEK MARRIS 2014**

BIL	AGENSI PELAKSANA	JUMLAH (RM)
1	Jabatan Kerja Raya (JKR)	157,221,535.75
2	Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	4,000,000.00
3	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	384,142,110.97
4	Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT)	11,800,000.00
JUMLAH		557,163,646.72

LAMPIRAN 2**PEMBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA 31 DISEMBER 2014**

BIL	AGENSI PELAKSANA	JUMLAH (RM)
1	Jabatan Kerja Raya (JKR)	102,227,900.49
2	Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)	3,590,061.50
3	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	335,189,684.63
4	Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT)	7,802,985.02
JUMLAH		448,810,631.64

**PECAHAN PERBELANJAAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
PERUNTUKAN MARRIS (JANUARI HINGGA DISEMBER 2014)**

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PERBELANJAAN (RM)				
		Projek MARRIS 2013 (RM)	Projek MARRIS 2014 (RM)	Pelan Tindakan 3 Bulan (RM)	Kecemasan (RM)	JUMLAH BESAR (RM)
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	7,056,942.25	32,866,526.45	0.00	0.00	39,923,468.70
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	7,024,251.00	80,313,289.18	0.00	0.00	87,337,540.18
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2,190,734.15	30,146,844.43	764,560.00	0.00	33,102,138.58
4	Majlis Perbandaran Klang	16,131,530.00	54,109,639.00	2,475,300.00	31,110.00	72,747,579.00
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	7,270,095.26	25,065,102.53	1,620,250.00	0.00	33,955,447.79
6	Majlis Perbandaran Kajang	9,535,554.22	26,977,707.00	1,433,603.14	0.00	37,946,864.36
7	Majlis Perbandaran Selayang	7,027,037.40	20,848,715.20	1,743,624.50	0.00	29,619,377.10
8	Majlis Perbandaran Sepang	3,607,609.25	9,972,878.61	549,079.00	0.00	14,129,566.86
9	Majlis Daerah Kuala Langat	7,527,448.20	24,835,949.70	625,806.96	0.00	32,989,204.86
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	4,611,125.00	7,379,289.23	200,000.00	0.00	12,190,414.23
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	5,559,851.43	10,985,652.30	348,191.60	0.00	16,893,695.33
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	8,680,135.93	11,688,041.00	2,543,578.20	0.00	22,911,755.13
JUMLAH KESELURUHAN		86,222,314.09	335,189,634.63	12,303,993.4	31,110.00	433,747,052.12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PENJUALAN ARAK

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur permohonan penjualan arak di Selangor?
- b) Apakah langkah kerajaan negeri bagi membendung penjualan arak yang berleluasa di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan untuk memproses permohonan dan mengeluarkan lesen eksais kepada penjual minuman keras adalah Pejabat Daerah di Negeri Selangor. Manakala bagi permohonan lesen penjualan arak bagi premis perniagaan PBT akan melalui mesyuarat lembaga lesen minuman keras. PBT akan merujuk dan mendapatkan sokongan daripada lain-lain agensi kerajaan seperti Kastam, PDRM dan Pejabat Kesihatan sebelum meluluskan lesen perniagaan.
- b) PBT selaku pihak yang mengeluarkan lesen perniagaan di premis-premis mengambil langkah-langkah tegas bagi mengawal atau membendung penjualan bahan tersebut bagi menjaga sensitiviti penduduk setempat serta menghindarkan daripada gejala sosial berlaku di kawasan penempatan atau kawasan terbuka. Kerajaan Negeri menerapkan dasar '*Self Regulation*' kepada semua peniaga/ premis perniagaan yang ingin menjual minuman keras dengan melihat kawasan majoriti orang Islam. Selain itu, langkah-langkah bagi membendung penjualan arak yang berleluasa di Selangor adalah dengan mengenakan syarat-syarat bagi sokongan permohonan lesen iaitu:-
 - i. Menjaga kebersihan premis dalam keadaan bersih, memuaskan, tidak sempit, gelap dan sesak;
 - ii. Mangasingkan arak daripada barang-barang makanan lain;
 - iii. Menyediakan papan tanda yang seragam dan papan tanda larangan "Arak adalah Haram bagi Orang Islam" dan larangan menjual kepada orang bawah umur 18 tahun ke bawah;
 - iv. Jarak rumah ibadat (masjid, surau, kuil, tokong) dari premis menjual minuman keras;
 - v. Jarak pejabat kerajaan, sekolah, hospital dan kawasan perumahan dari premis menjual minuman keras; atau

- vi. Tidak menyokong permohonan lesen tersebut sekiranya bertentangan dengan syarat-syarat yang digariskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kedudukan kewangan terkini MBSA?
- b) Sila nyatakan jumlah hasil kutipan cukai pintu MBSA dari 2010-2014?
- c) Sila Kemukakan jumlah tunggakan hasil cukai pintu dari 2010 -2014?

JAWAPAN:

- a) Kedudukan kewangan MBSA sehingga 28 Februari 2015 adalah seperti berikut:

Butiran	Hasil Kutipan Sebenar (RM)
Hasil Cukai	104,442,956.39
Hasil Bukan Cukai	29,346,928.57
Terimaan Bukan Hasil	111,074.91
JUMLAH	133,900,959.87

- b) Jumlah hasil kutipan cukai pintu MBSA dari 2010 – 2014 ialah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Kutipan
2010	RM156,236,728.47
2011	RM175,021,554.42
2012	RM195,864,619.40
2013	RM214,160,202.59
2014	RM233,564,008.62

- c) Jumlah tunggakan hasil cukai pintu dari 2010 – 2014 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Tunggakan Cukai Taksiran	Jumlah Kutipan	% Kutipan
2010	RM33,348,879.94	RM16,886,533.16	50.64%
2011	RM31,494,989.52	RM20,269,358.35	64.36%
2012	RM29,019,842.75	RM21,026,276.70	72.45%

2013	RM20,146,533.24	RM14,283,301.59	70.90%
2014	RM23,937,512.02	RM15,204,974.10	63.52%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : BADAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon badan kebajikan masyarakat mempermudah sistem kemaskini data permohonan supaya pembayaran seterusnya boleh dibuat dengan segera kepada penerima yang layak.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menggunakan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-Bantuan) yang telah dibangunkan pada tahun 2007 dan mula diperluaskan ke seluruh Negara mulai tahun 2008. Sistem ini merupakan sistem pangkalan data yang digunakan untuk memproses permohonan bantuan kebajikan daripada JKM.

Tujuan sistem ini dibangunkan adalah untuk menyediakan pangkalan data penerima bantuan JKM serta memproses permohonan bantuan daripada peringkat permohonan, laporan siasatan, kelulusan hingga kepada janaan pembayaran.

Sistem ini juga telah diintegrasikan dengan sistem MYIDENTITY daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertujuan untuk meningkatkan kesahihan data serta dapat mengesan dengan lebih awal penerima-penerima bantuan JKM yang telah meninggal dunia agar dapat mengelakkan bayaran bantuan dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia. Selain daripada itu sistem ini juga telah diintegrasikan dengan Sistem Pengurusan Kawalan Belanjawan Elektronik (e-SPKB) daripada Jabatan Akauntan Negara (JAN) bagi mempermudah penyediaan baucar pembayaran dan menguruskan pembayaran bantuan kepada klien Jabatan menerusi bank.

Setakat 21 Mac 2015, data penerima bantuan yang direkodkan menerusi Sistem e-Bantuan bagi Parlimen Serdang adalah seperti berikut:-

BIL	SKIM BANTUAN	SUMBER PERUNTUKAN	KADAR SEBULAN	BIL. KES	ANGGARAN PERBELANJAAN SEBULAN (RM)
1.	Elaun Pekerja Cacat	Persekutuan	RM350 sebulan	371	129,850
2.	Bantuan Orang Tua	Persekutuan	RM300 sebulan	313	93,900
3.	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	Persekutuan	RM200 sebulan	199	39,800
4.	Bantuan Kanak-Kanak	Persekutuan	RM100 hingga RM450 sebulan	162	48,600
5.	Bantuan Penjagaan OKU / Pesakit Kronik Terlantar	Persekutuan	RM300 sebulan	75	22,500
6.	Bantuan Am	Negeri	RM100 hingga RM175 sebulan	98	14,700
7.	Bantuan Anak Pelihara	Persekutuan	RM250 sebulan	4	1,000
JUMLAH				1,222	350,350

Selain daripada sistem ini, pihak Jabatan juga ada menyediakan kemudahan panjar khas Tabung Bantuan Segera (TBS) dengan kadar maksimum RM300 sekaligus yang boleh diberikan secara tunai atau dalam bentuk barangan keperluan kepada mereka yang layak. Selain itu, pemberian panjar khas TBS ini boleh dipertimbangkan kepada penerima-penerima bantuan Jabatan terdiri daripada mereka yang amat memerlukan dan tidak berkemampuan yang tidak mampu menunggu bayaran pertama sedia ada sekiranya layak.

Dengan adanya sistem e-Bantuan serta kemudahan panjar khas TBS dapat membantu mempercepatkan sistem penyampaian bantuan kepada golongan yang memerlukan tetapi tidak berkemampuan, membantu mengurangkan kesilapan, memperkemarkan perkhidmatan bantuan dan mengelakkan pertindihan penerima bantuan JKM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR SDN BHD

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan Perumahan Dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB)?
- b) Bilakah syarikat ini ditubuhkan?
- c) Berapa peruntukan tahunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus syarikat ini?

JAWAPAN:

- a) Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS). Peranan dan tujuan utama penubuhan PHSSB adalah :-
 - i. Bertindak sebagai nomini kepada LPHS untuk membuat kajian dan penilaian hartanah kuota bumiputera yang sesuai dan berpotensi untuk dibeli;
 - ii. Mengurus dan menyelenggara hartanah milik LPHS dan PHSSB; dan
 - iii. Mengurus pemasaran hartanah kuota Bumiputera yang tidak terjual di pasaran;
- b) PHSSB telah ditubuhkan pada 6hb Oktober 2009 dan mula beroperasi pada 03hb Januari 2011.
- c) **Tiada** peruntukan tahunan diberikan. Walau bagaimanapun PHSSB diberi sebanyak RM3 juta sebagai modal permulaan operasi pada Oktober 2010 bagi tempoh 2 tahun pertama operasi. Namun begitu, tiada penambahan modal diberikan pada tahun-tahun berikutnya kerana PHSSB mampu menguruskan modal tersebut dengan baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROJEK HORRAS

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini kerja-kerja perlaksanaan projek HORAS?
- b) Apakah jaminan projek ini mampu mengatasi kegagalan menyediakan bekalan air mentah yang mencukupi sekiranya krisis air berulang?

JAWAPAN:

- a) Status terkini Projek Kolam Takungan Hiliran Bestari Jaya (HORAS 3000), LUAS telah membuat pembentangan kertas MTES mengenai kaedah perlaksanaan projek pada 5 Mac 2015 untuk mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pada masa ini, kerja-kerja pengorekan pasir dan tanah liat sedia ada yang diluluskan di tapak adalah tertakluk kepada rekabentuk kolam, syarat-syarat dan keperluan LUAS. Ia juga merujuk kepada rekebentuk kolam yang telah dilakukan oleh LUAS. Air kolam yang akan digunakan sebagai sumber air kepada loji pembersihan air (LRA).

- b) Projek ini berkemampuan untuk memastikan bekalan sumber air yang stabil di Selangor dan berkeupayaan membekalkan sumber air sebanyak 3000 JLH. Dapat menyokong simpanan air mentah di empangan sedia ada ketika musim kering. Kolam ini dapat menakung aliran air hujan di hilir sungai sementara pelepasan air dari empangan boleh dijimatkan dalam jangka waktu tertentu.

Disamping itu, dapat mengurangkan kesan gangguan pencemaran terhadap kualiti sumber air untuk tujuan rawatan di loji pembersihan air. Projek juga dijangka dapat mengurangkan kesan banjir di bahagian hilirnya di mana konsep penggabungan pengurusan air banjir digunakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PELANTIKAN PENYELIA PUSAT WANITA BERDAYA

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Walaupun saya telah menulis 2 surat kepada EXCO berkenaan bertarikh 18/12/2013 dan 12/1/2015 bagi pelantikan penyelia Pusat Wanita Berdaya bagi kawasan Pandamaran seperti diminta, pelantikan masih tidak dilaksanakan sehingga kini selepas 1 1/2 tahun. Apakah sebab kelewatan yang terlampau tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pusat Wanita Berdaya (PWB) adalah penjenamaan semula Pusat Komuniti Wanita (PKW) yang telah wujud sejak tahun 2009 di lapan (8) DUN sebagai pilot program di Negeri Selangor.

Setiap PWB mempunyai seorang penyelia yang berperanan sebagai urus setia bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Mulai Jun 2012 hingga Mac 2013 para penyelia ketika itu telah diberi elaun oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) dengan menggunakan peruntukan Geran Selangorku. Namun mulai Januari 2014 hingga kini, penyelia ini tidak diberikan sebarang elaun dan perkara ini dibangkitkan oleh para penyelia tentang bayaran elaun dan status perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri. Berikut adalah kronologi proses kelulusan pelantikan tersebut dilakukan :-

Bermula dengan, satu kertas cadangan berhubung PWB Selangor telah dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 13 /2014 melalui kertas MMK. No. 43/13/2014. Namun demikian terdapat beberapa pindaan penambahbaikan ke atas kertas tersebut.

Kertas penambahbaikan tersebut dikemukakan semula di dalam MMKN ke 46/2014 bertarikh 28 November 2014 untuk kelulusan.

Setelah keputusan diperolehi melalui Cabutan Keputusan Kertas MMKN bertarikh 28 November 2014 dan telah disahkan oleh MMKN ke 47/2014 pada 10 Disember 2014 maka bermula proses pelantikan Penyelia PWB secara rasmi.

Surat makluman telah dihantar ke semua pejabat ADUN untuk mengemukakan senarai calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

Sesi temuduga telah dijalankan sebanyak lima (5) sesi bermula pada 27 Januari 2015 sehingga 30 Januari 2015. Satu sesi temuduga bertarih 23 Februari 2015 turut diadakan berikutan terdapat beberapa ADUN yang lewat mengemukakan calon untuk ditemuduga. Seramai 100 orang calon telah hadir ke sesi temuduga tersebut.

Para penemuduga adalah terdiri daripada :-

- i. Seorang wakil dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) SUK Selangor;
- ii. Seorang wakil dari Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor; dan
- iii. Seorang wakil dari Pejabat YB Exco.

Senarai 56 orang calon yang berjaya telah diangkat melalui kertas makluman ke MMKN pada 18 Mac 2015. Surat lantikan akan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri setelah keputusan rasmi kertas makluman berkenaan diperolehi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : WIFI SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca kerosakan yang kerap berlaku pada modem tersebut?
- b) Mengapakah mutu rangkaian internet amat rendah daripada rangkaian TM serta yang lain?
- c) Bilakah rancangan meningkatkan perkhidmatan akan dilaksana?

JAWAPAN:

- a) Beberapa punca kerosakan yang kerap berlaku pada modem adalah seperti terkena panahan petir, bekalan elektrik yang tidak stabil atau kerap terputus bekalan elektrik.
- b) Mutu rangkaian internet di kebanyakan kawasan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) masih menggunakan infrastruktur teknologi kabel copper berbanding teknologi fiber kerana kos pemasangan infrastruktur tersebut yang agak tinggi serta permintaan pasaran yang rendah di sesetengah kawasan.
- c) Pada tahun 2015 ini, Kerajaan Negeri melalui Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) akan meningkatkan lagi perkhidmatan WiFi Selangorku dengan pelaksanaan 2,500 lokasi hotspot WiFi di seluruh Negeri Selangor. Pelaksanaan ini akan mengambil kira kawasan luar bandar, namun pada peringkat permulaan ini, sebanyak 300 lokasi hotspot wifi akan dilaksanakan di Pentadbiran Pejabat dan Penyelaras DUN, Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor serta Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bermula 1 April 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KADAR PREMIUM TANAH

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan formula kadar premium tanah untuk tanah yang telah didirikan bangunan bagi kategori tanah jenis kediaman, komersial dan industri mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah kadar premium tanah untuk tanah kosong bagi kediaman, komersial dan industri?
- c) Adakah Kerajaan akan mengkaji semua kadar premium?

JAWAPAN:

- a) Formula kadar premium tanah bagi pelupusan secara pembermilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN untuk jenis kediaman, komersial dan industri yang telah didirikan adalah sama bagi semua daerah mengikut Pekeliling dan Kaedah Tanah Selangor 2003 (KTS) Pindaan 2005 yang dikeluarkan seperti berikut:-

- i. **Bangunan kediaman;**

Kadar premium dikenakan **mengikut Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011** iaitu:-

$\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times \text{nilai tanah yang diluluskan} \times 99 \text{ tahun} \times \text{luas}$

Pemohon diberi pilihan untuk menjelaskan bayaran premium berdasarkan kaedah berikut:

Kaedah Pertama

- a) Bayaran secara sekaligus dengan diskaun 30% daripada premium yang dikenakan.
- b) Sekatan Kepentingan
Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak dan digadai dengan kebenaran Pihak berkuasa Negeri

Kaedah Kedua

- a) Bayaran nominal RM1,000.00. Pemohon perlu menjelaskan bayaran khas tanah pada kadar $\frac{1}{4} \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan $\times 99$ tahun \times luas apabila tanah tersebut hendak dipindahmilik melalui proses jualbeli
- b) Sekatan Kepentingan
 - i. Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak dan digadai dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri
 - ii. Pemilik tanah hendaklah menjelaskan bayaran khas tanah berdasarkan kadar $\frac{1}{4} \times 1/100 \times$ nilai tanah yang diluluskan $\times 99$ tahun \times luas kepada Kerajaan Negeri sebelum apa-apa urusan pindahmilik melalui kaedah jual beli didaftarkan atau permohonan mengubah kategori dengan syarat nyata tanah baru didaftarkan. (nilai yang dikenakan adalah berdasarkan nilai daripada JPPH semasa hakmilik tersebut hendak dijual)
- c) Kaveat Pendaftar hendaklah diendoskan dan dibatalkan setelah bayaran khas tanah dijelaskan.

Pemohon juga dikenakan premium khas kerana telah mengusahakan/menduduki tapak sebelum diluluskan dengan perkiraan seperti berikut:

Premium Khas:

Cukai tahunan \times tempoh lama mengusahakan tanah.

ii. **Bagi bangunan Perniagaan dan Industri ;**

$\frac{3}{4} \times 1/100 \times$ nilai pasaran semasa $\times 99$ tahun \times luas

Atau

Jualan terus / tender mengikut pekeliling PTGS Bil 6/2010 dan dikemukakan ke Jawatankuasa Sumber Alam (STANCO)

Pemohon juga dikenakan premium khas kerana telah mengusahakan/menduduki tapak sebelum diluluskan dengan perkiraan seperti berikut:

Premium Khas:

Cukai tahunan x tempoh lama mengusahakan tanah

- b) Formula kadar premium yang dikenakan ke atas permohonan pelupusan secara pembermilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN ke atas **tanah kosong** adalah seperti berikut:

i. **Bagi Bangunan Kediaman;**

Mengikut Kaedah Tanah Selangor 2003 (pindaan 2005) iaitu:

$\frac{1}{2} \times 1/100 \times$ nilai pasaran semasa x 99 tahun x luas

Atau

Jualan terus / tender mengikut pekeliling **PTGS Bil 6/2010 dan dikemukakan ke Jawatankuasa Sumber Alam (STANCO)**

(Nilaian tanah berdasarkan kepada nilai semasa JPPH dan jualan terus mengikut harga yang ditawarkan)

ii. **Bangunan Perniagaan Dan Industri;-**

Jualan terus / tender mengikut **Pekeliling PTGS Bilangan 6/2010 dan dikemukakan ke Jawatankuasa Sumber Alam (STANCO)**

(Nilaian tanah berdasarkan kepada nilai semasa JPPH dan jualan terus mengikut harga yang ditawarkan)

- c) Kerajaan Negeri belum ada perancangan untuk mengkaji kadar premium tanah sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PASAR TANI

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan lokasi pasar tani di Selangor mengikut PBT?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk membantu peniaga di pasar tani?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 50 buah pasar tani yang terdapat di Selangor seperti berikut:

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bilangan Pasar Tani
1	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	2
2	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	1
3	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	5
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	11
5	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	3
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	3
7	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	4
8	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	4
9	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	7
10	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	3
11	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	7
	JUMLAH	50

- b) Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian membuat program dengan menghubungkan petani terus kepada pasar tani melalui jualan terus hasil pertanian di pasar tani. Selain itu, Jabatan Pertanian juga menyediakan jaringan (networking) di antara petani dengan peniaga pasar tani bagi mendapatkan produk yang segar dengan harga yang berpatutan.

Maklumat tambahan senarai pasar tani di Selangor

DAERAH	BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	HARI	MASA	LOKASI
KUALA SELANGOR (2)	1	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan Seri Pagi 1, (Tapak Pasar Malam), Saujana Utama, Sungai Buloh
	2	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Lorong Cakera Purnama 12/25, Bandar Baru Fasa 3 Puncak Alam
HULU SELANGOR (1)	1	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Jumaat	04.00 ptg - 10.00 mlm	Tapak Pasar Malam Bukit Sentosa
GOMBAK (5)	1	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Isnin	04.00 ptg - 10.00 mlm	Bandar Tasik Puteri (Golf Resort), Rawang
	2	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Selasa	04.00 ptg - 10.00 mlm	Taman Bersatu, Rawang
	3	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Rabu	07.00 pg - 12.00 tgh	Jln AU 1A/4E, Tmn Keramat Permai
	4	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Khamis	04.00 ptg - 10.00 mlm	Jalan Pusat BCH 1 C, (Tapak Pasar Malam), Bandar Country Homes, Rawang
	5	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Tempat letak kereta (Tapak Pasar Malam), Taman Melawati, Hulu Klang
PETALING (17)	1	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Selasa	4.00 ptg - 10.00 mlm	Jalan BK5, Bandar Kinrara, Puchong
	2	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Rabu	04.00 ptg - 10.00 mlm	Tapak Letak Kereta (Berdekatan Giant Seksyen 13), Shah Alam
	3	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Rabu	04.00 ptg - 10.00 mlm	Jalan Anggerik Villa N 31/N, Seksyen 31, Kota Kemuning, Shah Alam
	4	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Rabu	4.00 ptg - 10.00 mlm	Kompleks Sukan FAMA, Kelana Jaya
	5	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Khamis	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan 17/1A, Seksyen 17, Petaling Jaya
	6	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Khamis	4.00 ptg - 10.00 mlm	Persiaran Taman Perindustrian Kinrara, Puchong
	7	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Kompleks Sukan FAMA, Kelana Jaya
	8	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Kawasan Letak Kereta, Berhampiran Masjid Darul Ehsan, SS 15 Subang Jaya
	9	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan Limbat 17/22, Seksyen 17, Shah Alam
	10	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Sabtu	04.00 ptg - 10.00 mlm	Jalan Anggerik Villa N 31/N, Seksyen 31, Kota Kemuning, Shah Alam
	11	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Tapak letak kereta, Stadium Shah Alam (Sebelah Car Boot Sale)
	12	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Batu 13, Jalan Klang Puchong
	13	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Seksyen 3, Kota Damansara, Sungai Buloh
	14	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan Shah Alam - Sungai Buloh, Kampung Melayu Subang
	15	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Padang Letak Kereta, Pusat Perdagangan Putra, Putra Height
	16	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	SS 3/9 Seri Setia Sungai Way

	17	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	Setiap Hari	03.00 pg - 11.00 pg	Berhampiran Pejabat FAMA Puchong, Batu 13, Jalan Klang Puchong
KLANG (4)	1	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Selasa	04.00 ptg - 10.00 mlm	Persiaran Sg. Kapar Indah 2, Taman Sg. Kapar Indah, Klang
	2	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Sabtu	04.00 ptg - 10.00 mlm	Persiaran Sg. Kapar Indah 2, Taman Sg. Kapar Indah, Klang
	3	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Sabtu	07.00 Pg - 12.00 tgh	Jalan Sri Sarawak 18, Taman Sri Andalas, Klang
	4	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Ahad	07.00 Pg - 12.00 tgh	Tapak Pasar Malam, Kampung Raja Uda, Pelabuhan Klang
KUALA LANGAT (4)	1	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Rabu	04.00 ptg - 10.00 mlm	Taman Banting Baru, Jalan Jugra, Kuala Langat
	2	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Jumaat	4.00 ptg - 10.00 mlm	Jalan Rambai 2, Taman Rambai Indah, Jenjarom
	3	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan Persiaran Majlis Banting
	4	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Taman Banting Baru, Jalan Jugra, Kuala Langat
HULU LANGAT (10)	1	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Isnin	04.00 ptg - 10.00 mlm	Tapak letak kereta, Kampung Pandan
	2	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Selasa	04.00 ptg - 10.00mlm	Jalan Prima Saujana 2/1, Taman Prima Saujana, Kajang
	3	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Rabu	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan Bunga Tanjung 10, Taman Putra, Ampang, Hulu Klang
	4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Khamis	04.00 ptg - 10.00 mlm	Tapak letak kereta, Kampung Pandan
	5	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Khamis	02.00 ptg - 07.00 mlm	Berhampiran Stesen Minyak Shell, Bandar Baru Bangi, Bangi
	6	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Tapak Pasar Malam, Taman Ramal Indah, Kajang
	7	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan Prima Saujana 2/1, Taman Prima Saujana, Kajang
	8	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Jln Medan, Pusat Bdr Seksyen 9 Bdr Baru Bangi
	9	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Flat Taman Dato' Ahmad Razali, Ampang, Hulu Klang
	10	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	Ahad	07.00 pg - 12.00 tgh	Jalan Indah, Ampang, Hulu Klang
SEPANG (7)	1	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Khamis	04.00 ptg - 10.00 mlm	Tapak letak kereta, Taman Dengkil Jaya
	2	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
	3	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Isnin	04.00 ptg - 10.00 mlm	Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
	4	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Selasa	04.00 ptg - 10.00 mlm	Terminal Teksi / Bas Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
	5	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Sabtu	07.00 pg - 12.00 tgh	MAEPS, Tapak MAHA, Serdang
	6	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Khamis	04.00 ptg - 10.00 mlm	Long Term Car Park KLIA
	7	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	Rabu	04.00 ptg - 10.00 mlm	Kota Warisan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : E-STRATA DAN SELAMAT

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Difaham bahawa konsep e-strata dan portal <https://strata2u.selangor.gov.my/> telah wujud sebelum ini. Sila beri penerangan, contoh dan ilustrasi bagaimana sistem e-strata Secured Land Management System (SELAMAT) yang dilancarkan pada Januari 2015 boleh memudahkan transaksi tanah berstrata dan menjamin keselamatan transaksi tanah.

JAWAPAN:

- a) Sistem e-Strata berserta Portal https://strata2u.selangor.gov.my dan *Secured Land Management System (SELAMAT)* adalah merupakan dua sistem aplikasi yang berbeza di antara satu sama lain.

Sistem e-Strata adalah sistem yang dibangunkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang mengendalikan urusan niaga dan bukan urusan niaga yang melibatkan Hakmilik Strata. Sistem ini telah diguna pakai di Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) dan sembilan (9) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Negeri Selangor.

Manakala SELAMAT merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG). Sistem ini digunapakai bersekali dengan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi mempertingkatkan keselamatan urusan hakmilik tanah (*landed*).

Berikut diberikan penerangan berkaitan Sistem e-Strata dan SELAMAT.

i. **Sistem e-Strata**

Sistem e-Strata merupakan Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata secara berkomputer bagi pembangunan berbilang tingkat seperti rumah kedai, pangsapuri dan rumah bandar (*Town House*). Sistem e-Strata telah dibangunkan dengan mengaplikasikan ciri-ciri keselamatan yang terkini selaras dengan kehendak serta keperluan Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan segala urusan yang melibatkan bangunan berstrata direkod dengan sempurna dan mampu dijadikan rujukan dimasa akan datang sekiranya wujud sebarang kes penipuan mahu pun *fraud*.

Antara ciri-ciri keselamatan yang dibangunkan dalam Sistem e-Strata adalah :

- a. Penggunaan teknologi biometrik di mana setiap penyerah (pihak guaman) mahupun wakil penyerah (*runner*) akan direkod maklumat biometrik menggunakan maklumat cap jari dan MyKad. Semua penyerah dan wakil penyerah perlu disahkan terlebih dahulu identiti mereka menggunakan maklumat biometrik yang direkodkan, sebelum sebarang transaksi atau urusan diterima dan dilakukan di kaunter perserahan Hakmilik Strata tanpa sebarang pengecualian.
- b. Selain itu, semua maklumat dan dokumen-dokumen berkaitan permohonan pendaftaran maklumat penyerah akan diimbas dan seterusnya imej tersebut dimuatnaik ke dalam pangkalan data Sistem e-Strata bagi memudahkan semakan dengan kadar segera di Kaunter Perserahan tanpa mengambil masa yang lama. Proses ini telah memberikan kepuasan yang optimum kepada pelanggan yang berurusan di Kaunter Perserahan Strata secara khusus dan rakyat Negeri Selangor secara amnya.
- c. Sehingga kini, sebanyak **3,482** firma guaman dan syarikat serta **4,907** pendaftaran wakil penyerah (*runner*) telah diterima dan didaftarkan dengan menggunakan Sistem e-Strata dan data tersebut meningkat dari masa ke semasa.

ii. **Secured Land Management System (SELAMAT)**

Sistem SELAMAT adalah sistem yang mengaplikasikan teknologi biometrik di dalam urusan pendaftaran hakmilik tanah (*landed*) yang melibatkan penggunaan Cap Jari dan MyKad dalam pengesahan identiti individu

Objektif SELAMAT dibangunkan adalah untuk :

- a. Menentusahkan kesahihan maklumat dalam Borang 14A, suratkuasa wakil dan dokumen pengenalan diri.
- b. Mengatasi masalah penipuan dan pemalsuan dokumen hakmilik tanah (geran tanah).
- c. Mengekalkan kepercayaan rakyat dan pelabur terhadap pentadbiran tanah dan kerajaan dengan menangani isu-isu penipuan dalam urusan pentadbiran tanah dengan lebih baik dan berkesan.
- d. Merekodkan maklumat individu yang berurusan di pejabat tanah untuk rujukan dikemudian hari.
- e. Mengatasi kelemahan penggunaan kata laluan iaitu ketidakrahsiaan kata laluan.
- f. Mengatasi isu dokumen hakmilik tanah dikutip / diambil oleh orang yang tidak dikenali oleh pemilik tanah.
- g. Menyimpan maklumat pemohon dan mendapatkan pengesahan atau verifikasi secara tepat mengenai kesahihan individu yang hadir semasa siasatan hakmilik hilang dijalankan.
- h. Meningkatkan produktiviti kakitangan apabila semua dilakukan secara sistem tidak memerlukan pengesahan secara manual. Menjimatkan kos, masa dan tenaga.

Pengguna Sistem SELAMAT adalah terdiri daripada:

- a. Orang awam (tuan tanah, pemegang amanah, pemegang surat kuasa wakil dan lain-lain);
- b. Wakil Peguam (*runner*);
- c. Peguam; dan
- d. Kakitangan PTGS dan PDT.

Penggunaan Sistem SELAMAT dapat membantu:

- a. Mengurangkan penipuan dan pemalsuan dokumen.
- b. Menambahkan tahap keselamatan bagi pengurusan dan pentadbiran maklumat tanah.
- c. Mengatasi isu dokumen dikutip/ diambil oleh mereka yang tidak dipertanggungjawabkan oleh pemilik tanah.
- d. Merekodkan data bagi pelanggan yang berurusan.
- e. Mengenal pasti kesahihan identiti dan melindungi integriti dan imej kakitangan PTGS dan PTD.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : MEMORANDUM 2012 OKU BANGKIT

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status OKU Bangkit dalam konteks Kerajaan Negeri?
- b) Apakah bentuk kerjasama antara kerajaan dengan Majlis Peguam Malaysia dalam mencapai OKU Bangkit?
- c) Apakah halangan yang dihadapi bagi memenuhi objektif-objektif OKU Bangkit?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menerima Memorandum OKU Bangkit 2012 daripada Sekretariat Prihatin OKU Selangor pada 22 November 2014 yang lalu di Bangunan SUK Negeri Selangor. Kerajaan Negeri menyedari akan keperluan, keupayaan dan sumbangan oleh Orang Kurang Upaya (OKU) kepada masyarakat dan negara. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengalu – alukan penglibatan dan sumbangan dari agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana individu yang boleh turut serta bersama-sama dalam pembentukan dasar–dasar dan program–program Kerajaan Negeri yang berkaitan. Dan satu pertemuan dengan pihak Sekretariat Prihatin OKU Selangor akan diadakan dalam masa terdekat ini bagi memperhalusi Resolusi Sayang OKU Selangor 2014 yang terkandung dalam memorandum tersebut.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Kelang, buat masa ini, Jawatankuasa Tetap Kebajikan sedang meneliti Memorandum ini sebelum keputusan dan tindakan dilaksanakan bersama-sama pihak Majlis Peguam Malaysia, SUHAKAM, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan memorandum ini kerana ianya melibatkan di peringkat persekutuan berhubung dengan pembentukan polisi.
- c) Kerajaan Negeri akan meneliti objektif–objektif OKU Bangkit bersama dengan agensi–agensis berkaitan bagi pelaksanaan di peringkat Kerajaan Negeri setelah perbincangan yang dinyatakan di atas diadakan. Pihak Jawatankuasa Tetap Kebajikan juga mengalu-alukan penglibatan ahli-ahli Yang Berhormat, atau individu-individu yang berkaitan untuk turut serta memberikan cadangan dan buah fikiran untuk dibincangkan bersama mengenai isu ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : SEKOLAH KAFA DAN KAFAI

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah sekolah KAFA dan KAFAI bagi setiap daerah di seluruh negeri Selangor.
- b) Nyatakan jumlah pelajar bagi setiap sekolah terlibat.

JAWAPAN:

a) dan b)

BIL	DAERAH	BIL KAFAI	BIL KELAS	GURU		JUMLAH GURU	MURID						JUMLAH MURID
				KAFA	RAKYAT		DRJ1	DRJ2	DRJ3	DRJ4	DRJ5	DRJ6	
1	KLANG	27	284	246	63	309	1571	1663	1490	1491	1423	1306	8944
2	KUALA LANGAT	9	83	96	0	96	430	370	387	395	391	378	2351
3	KUALA SELANGOR	20	234	215	45	260	1144	1063	1044	988	1108	924	6271
4	HULU LANGAT	62	735	497	319	816	3715	3658	3483	3308	3144	2782	20090
5	HULU SELANGOR	7	44	43	12	55	154	150	148	145	129	128	854
6	S BERNAM	10	72	87	0	87	210	146	147	167	171	176	1017
7	GOMBAK	61	634	473	270	743	3300	3313	3183	2934	2748	2482	17960
8	PETALING	84	1074	667	305	972	5856	5531	5306	4990	4722	4012	30417
9	SEPANG	12	161	141	36	177	754	798	783	745	717	603	4400
JUMLAH		292	3321	2465	1050	3515	17134	16692	15971	15163	14553	12791	92304

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PRESTASI PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek-projek PNSB dan anak syarikatnya serta status pelaksanaan pada tahun 2014?
- b) Berapakah nilai dan keuntungan dari projek-projek tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Projek-projek Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) serta status pelaksanaannya pada tahun 2014 serta nilai dan keuntungan projek-projek tersebut adalah seperti maklumat di **Lampiran 'A'**.

LAMPIRAN 'A'

BIL	PROJEK	LOKASI	STATUS PELAKSANAAN 2014	ANGGARAN GROSS DEVELOPMENT COST (GDC)	ANGGARAN GROSS DEVELOPMENT VALUE (GDV)	ANGGARAN KEUNTUNGAN KASAR
1	Pembangunan Di Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat. Projek usahasama diantara PNSB dan LBS Group Sdn. Bhd.	Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat (805 ekar)	Projek 85% siap	RM 1,408,250,000.00	RM 1,810,750,000	RM 402,500,000.00
2	Pembangunan Bandar Saujana Rawang. , Mukim Rawang , Daerah Gombak Projek usahasama diantara PNSB dan Glomac Rawang Sdn. Bhd.	Mukim Rawang (345 ekar)	Projek 70% siap	RM 892,000,000.00	RM 1,100,000,000	RM 208,000,000.00
3	Pembangunan Sutera Damansara, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling Projek usahasama diantara PNSB dan Country Wheel Sdn. Bhd. dan Semponia Sdn. Bhd.	Mukim Sungai Buloh (100 ekar)	Projek 90% siap	RM 449,616,512.00	RM 592,697,596	RM 143,081, 084.00
4	Pembangunan Amanputera, Mukim Dengkil, Daerah Sepang. Projek usahasama diantara PNSB dan Semai Ria Sdn. Bhd.	Mukim Dengkil (100 ekar)	Projek 58% siap	RM 248,670,279.00	RM 271,103,976	RM 22,433,697.00

5	<p>Pembangunan Semula Rancangan Perumahan Jalan Aman Fasa Iii (Kg. Berembang) Dan Lot 4450, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak Projek Usahasama Diantara Pnsb Dan Perspektif Masa Sdn. Bhd.</p>	<p>Mukim Hulu Kelang Jalan Ampang (21.15 Ekar)</p>	<p>Projek 40% siap.</p>	<p>RM 693,000,000.00</p>	<p>RM 900,000,000.00</p>	<p>RM 207,000,000.00</p>
6	<p>Pembangunan Di Kampung Kemensah Hilir, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak Projek usahasama diantara PNSB dan Perspektif Masa Sdn. Bhd.</p>	<p>Kg Kemensah, Hulu Kelang (15.16 Ekar)</p>	<p>Projek 45% siap</p>	<p>RM 59,290,000.00</p>	<p>RM 77,000,000.00</p>	<p>RM 17,710,000.00</p>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PERUMAHAN UNTUK BEKAS PEKERJA LADANG

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah skim sedia ada atau perancangan Kerajaan untuk menolong bekas pekerja ladang, terutamanya yang bersara untuk mencari dan membiayai perumahan baru kerana mereka perlu pindah keluar daripada ladang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik cadangan Y.B. Tuan berhubung perancangan untuk membantu bekas pekerja ladang terutamanya yang bersara untuk mencari dan membiayai perumahan baru. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri setakat ini belum mempunyai perancangan khusus untuk membantu bekas pekerja ladang yang telah bersara untuk mendapatkan rumah selepas mereka bersara.

Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif dalam menangani masalah ini dengan melaksanakan beberapa siri lawatan dan turun padang ke ladang – ladang di seluruh Negeri Selangor bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh pekerja ladang berkenaan bagi membantu menjaga kebajikan pekerja ladang dan secara tidak langsung dapat meringankan beban yang dihadapi dari segi kewangan, pendidikan, sosial serta membantu dalam menyuarakan permasalahan yang dihadapi demi mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan manfaat kepada semua pihak.

Hal ini dapat dilihat apabila Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah membantu para pekerja ladang dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dengan membuat lawatan turun padang dari ladang ke ladang. Di bawah portfolio Pekerja Ladang juga, beberapa sesi perbincangan bersama majikan pekerja ladang telah diadakan dalam mengekalkan fasiliti sedia ada seperti tapak rumah ibadat serta sekolah-sekolah di kawasan estet sebagai kemudahan pekerja mereka itu sendiri.

Nasib pekerja ladang senantiasia dititik beratkan bagi mendapatkan kediaman yang selesa untuk mereka mendiami seperti contoh :

- 1) Ladang Bukit Rajah - Seramai 75 keluarga telah dibantu dalam memiliki rumah teres satu tingkat dengan harga diskaun di bawah portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah membantu mereka untuk mendapatkan tapak kuil sebagai kemudahan kepada mereka ;
- 2) Ladang Bangi – Seramai 22 orang pekerja ladang telah dibantu bagi mendapatkan persetujuan oleh majikan mereka dalam membina rumah kos rendah dan kos ditanggung oleh majikan itu sendiri ;
- 3) Taman Permata Dengkil - Seramai 393 orang pekerja ladang telah dibantuk bagi mendapatkan tapak untuk pembinaan rumah.
- 4) Ladang Semenyih - Seramai 22 orang pekerja ladang telah mendapat manfaat berdasarkan perbincangan bersama majikan dan mereka bersetuju untuk membina 22 buah rumah kepada pekerja ladang serta memberikan tapak rumah ibadat ; dan
- 5) Ladang tumbok - Seramai 12 orang telah diberi bantuan untuk mendapatkan rumah.

Portfolio Pekerja Ladang masih meneruskan perbincangan sebegini demi memastikan hak dan kebajikan pekerja ladang dijaga. Dengan cara begini, boleh dikatakan satu pencapaian yang agak besar oleh Kerajaan Negeri melalui peningkatan terhadap jumlah pekerja ladang yang dibantu dari tahun-tahun sebelum ini. Hal ini boleh dianggap sebagai satu kejayaan di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dalam membantu mengatasi masalah pemilikan dan rumah kediaman yang dihadapi oleh pekerja ladang secara tidak langsung.

Sehubungan dengan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri juga menyediakan bantuan bina baru rumah serta bantuan baikpulihan rumah melalui Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin. Program ini adalah terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor dan tidak terkecuali kepada bekas pekerja ladang.

Di bawah program ini, Kerajaan Negeri telah membantu beberapa bekas pekerja ladang yang mempunyai tanah di atas milik sendiri untuk membina sebuah rumah yang selesa untuk didiami berpandukan syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan nasib bekas pekerja ladang kerana golongan ini dianggap terpinggir dan tumpuan lebih harus diberikan kepada mereka dalam memastikan kebajikan mereka dijaga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : EXCO PBT

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah pencegahan yang diambil bagi pengawalan umat Islam agar menjauhi arak?
- b) Apakah tindakan yang diambil bagi menghapuskan gejala sosial yang kian meningkat di kawasan PBT?

JAWAPAN:

- a) Antara langkah pencegahan yang boleh diambil bagi mengawal dan menghindar umat Islam agar menjauhi arak adalah pihak berkuasa yang bertanggungjawab seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) atau Pejabat Kesihatan Daerah atau PBT perlu mengadakan:-
 - i. Kempen dan penerangan secara meluas berkaitan haram meminum arak atau kesan-kesan meminum arak kepada umat Islam serta seluruh masyarakat;
 - ii. Membuat poster, sticker atau papan tanda larangan membeli arak oleh orang islam dan orang di bawah umur 18 tahun serta mempamerkannya di tempat simpanan penjualan arak;
 - iii. Mengasingkan minuman keras dari barang-barang makanan lain;
 - iv. Menyediakan buku rekod pembeli minuman keras (nama/IC/alamat/nombor telefon);
 - v. Mengasingkan kaunter bayaran bagi minuman keras dan petugas kaunter mestilah bukan beragama Islam;
 - vi. Menggalakkan seluruh masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dengan mengadakan aktiviti kemasyarakatan;
 - vii. Mengenakan cukai yang tinggi;
 - viii. Mengenakan hukuman yang berat kepada orang Islam yang didapati meminum arak; dan
 - ix. Tidak menyokong penambahan premis-premis baru dalam kawasan yang disyaratkan oleh PBT untuk tidak diberi lesen oleh Pejabat Daerah.

- b) Antara tindakan yang boleh diambil bagi menghapuskan gejala sosial yang kian meningkat di kawasan PBT adalah seperti berikut:-
- i. Kerap mengadakan operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat seperti PBT,JAIS, Kastam, PDRM, Imigresen dan AADK;
 - ii. Menambah anggota Penguatkuasa PBT bagi mempertingkatkan pemantauan di kawasan operasi bersama-sama agensi lain di lokasi atau kawasan yang sering berlaku jenayah;
 - iii. Peranan Jawatankuasa Penduduk perlu dipergiatkan bagi mengawasi gejala sosial di kawasan setempat dan mempunyai nombor talian komunikasi dengan pihak Polis;
 - iv. Peranan ibu bapa juga penting dan dituntut bagi mengawasi anak-anak daripada pengaruh-pengaruh tidak bermoral;
 - v. PBT menambah pencahayaan dengan menambah tiang lampu atau *spot light* di kawasan, lorong atau simpang yang gelap dikawasan operasi;
 - vi. PBT menumpukan pengoperasian sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan yang didapati *hot-spot* kejadian jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK : PARIT-PARIT DAN ANAK-ANAK SUNGAI YANG BERTAKUNG DI IJOK
: BANYAK PARIT-PARIT DAN ANAK-ANAK SUNGAI DI IJOK AIRNYA
BERTAKUNG DAN DIPENUHI DENGAN TUMBUH-TUMBUHAN
MENGAKIBATKAN PEMBIAKAN NYAMUK**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jabatan Parit dan Air Selangor mematuhi S.O.P di dalam pengendalian parit-parit dan anak-anak sungai di Selangor?
- b) Apakah tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor sentiasa mematuhi S.O.P di dalam pengendalian parit-parit dan anak-anak sungai di dalam Negeri Selangor.
- b) Tindakan yang telah diambil bagi mengatasi parit dan anak sungai yang bertakung di Ijok, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti butiran berikut :
 - i) Pembersihan parit - Tiga (3) kali setahun
 - ii) Pengorekan parit - Satu (1) kali setahun

Maklumat Tambahan

- a) Kos bagi Kerja-kerja pembersihan parit yang dilaksanakan adalah sebanyak RM 147,000.00 bagi satu pusingan dan pada tahun ini peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM RM 441,000.00 bagi pelaksanaan kerja sebanyak 3 pusingan.
- b) Manakala peruntukan yang diterima pada tahun bagib pelaksanaan kerja-kerja pengorekan parit adalah sebanyak RM 500,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PENDAPATAN MENTERI BESAR INCORPORATED (MBI)

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pendapatan dan jumlah kewangan terkumpul MBI pada tahun 2014?
- b) Nyatakan peraturan dan prosedur bagi memastikan perbelanjaan pendapatan berhemat MBI?

JAWAPAN:

- a) Jumlah Pendapatan MBI 2014 adalah sebanyak RM51 juta dan Rizab terkumpul sehingga 31hb Disember 2014 adalah RM200 juta.
- b) MBI menggunakan Prosedur Kewangan MBI sebagai rujukan sebelum sesuatu transaksi dibuat. Bagi memastikan pendapatan MBI dilakukan secara berhemat, MBI sentiasa memastikan sebarang pendapatan yang diterima mesti mengikut peraturan dan prosedur. Dalam perkara melibatkan perbelanjaan pula, MBI sentiasa memantau agar belanja yang dikeluarkan mengikut harga terendah melalui perbandingan sebutharga tanpa mengeneipkan kualiti yang diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KOMPLEKS SUKAN

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah status kajian terperinci berkenaan dengan pembinaan kompleks sukan di kawasan Sungai Pelek yang telah dipersetujui pada sidang mesyuarat yang lalu?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini Kerajaan Negeri berpendapat keperluan pembinaan kompleks sukan di kawasan DUN Sungai Pelek tidak perlu pada masa ini memandangkan setiap Dun Negeri Selangor menggunakan kemudahan sukan yang sedia ada di kawasan-kawasan DUN di bawah kawal selia oleh Pihak berkuasa Tempatan (PBT). Pembinaan tersebut juga melibatkan kos yang tinggi di mana pada masa ini Kerajaan Negeri menumpukan kepada menaik taraf dan membaikpulih kemudahan sukan yang terdapat di seluruh Negeri Selangor yang memerlukan pembaikan segera. Oleh yang demikian, Kerajaan negeri akan membuat perancangan yang teliti bagi pembinaan kompleks sukan yang baru di negeri ini memandangkan kompleks-kompleks sedia ada juga tidak diselenggara dengan baik di atas kekangan dan faktor yang tidak boleh dielakkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : USAHAWAN

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu usahawan-usahawan di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sangat komited dalam membantu usahawan-usahawan di Negeri Selangor dan bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri adalah terbuka kepada semua Usahawan di Negeri Selangor mengikut pecahan kategori mikro, kecil dan sederhana.

Di antara bantuan-bantuan yang telah diberikan di dalam membantu usahawan-usahawan adalah seperti berikut:-

1. Bantuan promosi produk dan perusahaan / perniagaan usahawan Selangor ke peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa melalui penyertaan-penyertaan di pameran –pameran dan ekspo seperti MIHAS, HALFEST, MAHA, PIHEC, Selangor Agrofest dan lain-lain lagi;
2. Bantuan mesin, peralatan dan kelengkapan seperti Dana Usahawan Mikro Selangor (dahulunya dikenali sebagai Dana Industri Kampung);
3. Bantuan peningkatan persembahan produk melalui Program Peningkatan Pembungkusan Produk;
4. Bantuan meningkatkan pendapatan menggunakan kaedah / *trend* pemasaran terkini seperti Bengkel Peningkatan Pendapatan / Jualan melalui *Facebook Marketing (Simplified Facebook Marketing)*;
5. Bantuan meningkatkan semangat keusahawanan di dalam diri usahawan seperti Bengkel Mangkin Keusahawanan Diri;
6. Bantuan merancang perniagaan seperti menyediakan Bengkel Penulisan Kertas Kerja Perniagaan;
7. Bantuan memudahcara usahawan untuk terlibat dengan perniagaan antarabangsa seperti Seminar Memborong di China dan Vietnam.
8. Penganjuran dan penyertaan karnival-karnival dan temasya seperti Karnival *Mega Sale*, Karnival Vintage dan Kebudayaan Selangor dan Temasya Selangor #15 yang memberi fokus kepada usahawan belia secara “*on-line*”;

9. Bantuan pinjaman mikrokredit seperti Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL);
10. Bantuan latihan, sokongan dan bimbingan berterusan; dan
11. Lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMILIKAN RUMAH

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Pemilikan Rumah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Bagaimana pemilikan rumah mampu meningkatkan tahap kehidupan seseorang, khusus kepada
 - i. golongan berpendapatan rendah
 - ii. kaum wanita

JAWAPAN:

- a) Dasar Perumahan Mampu Milik atau dikenali sebagai Dasar Rumah Selangorku telah mula diperkenalkan pada Januari 2014 bagi menggantikan Dasar Perumahan 20:20:10 atau 20:10:10. Dasar Rumah Selangorku ini, digariskan bagi memenuhi keperluan penyediaan rumah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana dengan telah menetapkan syarat penyediaan rumah mampu milik pada harga jualannya bermula daripada RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan mengikut jenis dan saiz keluasan berdasarkan kepada kawasan pembangunan perumahan yang mana telah dipecahkan kepada tiga (3) Zon iaitu Zon 1, Zon 2 dan Zon 3. Pecahan Zon ini dibuat bagi memastikan pengagihan dan pembinaan dapat dijalankan secara seimbang mengikut kesediaan pembangunan di mana kemudahan pengangkutan, kemudahan awam dan infrastruktur telah tersedia. Setiap zon tersebut pula akan dipecahkan mengikut keluasan tapak cadangan pembangunan untuk ditentukan penyediaan Rumah Selangorku yang perlu dibina.

Bagi syarat pemilikan Rumah Selangorku pula adalah seperti berikut:

- i) Warganegara **Malaysia**
- ii) Berumur **18 tahun** ke atas
- iii) Pendapatan Pendapatan gaji pokok isi rumah **hingga RM8,000.00** sebulan mengikut keutamaan jenis rumah seperti berikut:
 - Rumah Jenis A : Pendapatan pokok dibawah RM3,000 sebulan
 - Rumah Jenis B, C, D : Pendapatan pokok tidak lebih RM8,000 sebulan

- iv) Pemohon (**suami / isteri**) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor bagi permohonan Rumah Selangorku Jenis A (Rumah Kos Rendah).
 - v) Pemohon yang telah memiliki Rumah Kos Rendah selama **lima (5) tahun** ke atas boleh memohon Rumah Selangorku jenis yang lain.
 - vi) Pemohon **bujang** yang berumur 25 tahun ke atas juga layak dipertimbangkan.
 - vii) Permohonan adalah untuk **didiami** dan bukan untuk disewa
 - viii) **Pindahmilik (sub-sale)** hanya dibenarkan selepas 5 tahun
 - ix) Berdaftar di Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (**LPHS**).
- b) Matlamat perumahan Kerajaan Negeri adalah untuk mencapai “satu keluarga satu kediaman yang sempurna”. Kerajaan Negeri mengakui hakikat bahawa kediaman (rumah) merupakan satu keperluan asas manusia. Rumah juga menjadi penanda aras kepada tingkat kualiti hidup manusia. Rumah bukan sahaja sekadar sebagai tempat perlindungan tetapi juga sebagai simbol kebahagiaan seperti ungkapan “rumahku syurgaku”. Ini kerana rumah yang selesa mampu melahirkan keluarga yang berkualiti.

Akan tetapi dari aspek kegiatan ekonomi yang mengamalkan konsep pasaran terbuka, objektif pemilikan rumah telah bertukar kepada kediaman menjadi aset pelaburan yang menguntungkan khususnya perumahan di kawasan-kawasan bandar utama. Peningkatan harga rumah yang berlaku saban tahun mampu memberikan pulangan yang baik kepada pembeli. Oleh yang demikian, wajarlah diperkatakan bahawa pemilikan rumah mampu meningkatkan tahap kehidupan seseorang sama ada bagi golongan berpendapatan rendah mahupun kaum wanita. Dasar Rumah Selangorku yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri adalah bermatlamat memberikan peluang khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana termasuklah golongan kaum wanita, belia dan sebagainya untuk memiliki rumah pada harga yang mampu dimiliki.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : TAHAP KEBERSIHAN PREMIS PERNIAGAAN

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tindakan yang dikenakan kepada premis perniagaan yang tidak mencapai piawaian tahap kebersihan pada tahun 2014 mengikut PBT?
- b) Nyatakan langkah kerajaan negeri bagi memastikan premis perniagaan mencapai piawaian tahap kebersihan?

JAWAPAN:

- a) Tindakan – tindakan yang dikenakan kepada premis perniagaan (makanan) yang tidak mencapai piawaian tahap kebersihan pada tahun 2014 adalah berdasarkan [Pekeliling SPBT Bil.3/2014 – Garis panduan Sistem Penggredan Premis Makanan Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di mana tindakan yang diambil adalah seperti berikut;](#)
 - i. Pemberian notis patuh syarat lesen
 - ii. Pengeluaran kompaun
 - iii. Pembatalan lesen
 - iv. Arahan penutupan premis selama 14 hari
- b) Kerajaan negeri dalam memastikan premis perniagaan mencapai piawaian tahap kebersihan telah mengguna pakai satu *Standard* iaitu seperti yang telah digariskan dalam [Pekeliling SPBT Bil.3/2014 – G](#) terutama dalam memberikan penarafan gred serta tindakan seperti berikut :

Julat Pemarkahan	Kriteria dan Penarafan Premis Makanan
86 - 100%	<ol style="list-style-type: none">I. Premis makanan diiktiraf sebagai “AMAT BERSIH” dan setaraf dengan GREDA.II. Pemeriksaan ulangan dijalankan selepas dua tahun ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan.
71 – 85%	<ol style="list-style-type: none">I. Premis makanan diiktiraf sebagai “BERSIH” dan setaraf dengan GREDB.II. Pemeriksaan ulangan akan dijalankan selepas setahun ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan.
51 – 70%	<ol style="list-style-type: none">I. Premis makanan layak untuk diiktiraf sebagai “KURANG BERSIH” dan setaraf dengan GREDC.II. Pemeriksaan ulangan akan dijalankan selepas enam bulan ataupun lebih awal sekiranya terdapat aduan.

50% dan ke bawah	<ol style="list-style-type: none">I. Premis makanan dikategorikan sebagai "TIDAK BERSIH" dan tiada penarafan GRED.II. Semua pengendali makanan dikehendaki mengikuti semula kursus pengendali makanan.III. Pemeriksaan semula akan dijalankan dalam tempoh 14 hari.IV. Sekiranya penilaian semula berada pada tahap 50% dan ke bawah semasa pemeriksaan tersebut, <u>TINDAKAN PENUTUPAN</u> akan dijalankan oleh PBT yang mempunyai kuasa atau dirujuk kepada KKM .
------------------	---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN KEPADA MASJID DAN SURAU

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan masjid dan surau yang menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan untuk tujuan menaiktaraf/pembaikan mengikut DUN masing-masing.
- b) Nyatakan status permohonan dana untuk pembinaan Masjid di Taman Sutera, Kajang.
- c) Nyatakan status projek menaiktaraf surau Taman Bukit Belimbing ke masjid

JAWAPAN:

- a) Antara masjid-masjid yang menerima peruntukan bagi kerja- kerja baikpulih dan pembaikan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA MASJID	DAERAH	DUN
1	Masjid Darul Iman	Hulu Selangor	Batang Kali
2	Masjid Kg. Kuantan	Klang	Batu Tiga
3	Masjid Al- Muhsinin	Klang	Andalas
4	Masjid Al- Ehsan	Klang	Sementa
5	Masjid Al- Munawwarah	Petaling	Sri Muda
6	Masjid Ar- Rahmah	Petaling	Seri Setia
7	Masjid Al- Redha	Sepang	Sg Pelek
8	Masjid At- Taqwa	Kuala Langat	Telok Datuk
9	Masjid Mahmudiah	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
10	Masjid Maasumiah	Sabak Bernam	Sg. Air Tawar
11	Masjid Jamek Sultan Ibrahim	Kuala Selangor	Melawati
12	Masjid Kg. Assam Jawa	Kuala Selangor	Melawati
13	Masjid Pekan Jeram	Kuala Selangor	Jeram

Pihak kerajaan tidak menyediakan peruntukkan bagi kerja-kerja baikpulih surau. Praktis dan amalan jawatankuasa surau akan berusaha mendapatkan dana sendiri termasuk memohon bantuan dari Lembaga Zakat Selangor (LZS).

- b) Status permohonan dana untuk pembinaan Masjid di Taman Sutera, Kajang. Permohonan pembinaan Masjid Taman Sutera Kajang telah pun diterima oleh pihak JAIS. Walau bagaimanapun pihak jabatan dalam tempoh terdekat masih tiada peruntukkan untuk membina masjid tersebut.
- c) Status menaiktaraf Surau Taman Bukit Belimbing ke Masjid. Projek pembinaan Masjid Taman Bukit Belimbing ,Hulu Langat telah disenaraikan dalam projek RMK-10 yang akan dilaksanakan pada tahun 2015 dengan anggaran kos sebanyak RM 6 juta. Projek ini dijangka bermula pada bulan Ogos 2015. Bangunan surau sedia ada di tapak tersebut akan diroboh terlebih dahulu bagi meneruskan pembinaan masjid tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PROJEK KEBUN KERANG

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Minta YAB menjelaskan:
- i. Adakah kerajaan negeri akan meneruskan projek kebun kerang di sepanjang pesisir pantai Selangor?
 - ii. Berapakah jumlah keluasan dan hasil yang diperolehi mengikut Tahun 2010 hingga 2014?

JAWAPAN:

- a)
- i) Kerajaan Negeri akan meneruskan projek kebun kerang ini kerana telah terbukti projek ini berjaya mengubah taraf hidup dan meningkatkan pendapatan ekonomi nelayan/penternak yang terlibat secara serius di dalam projek kebun kerang Negeri Selangor.
 - ii) Jumlah keluasan dan hasil yang diperolehi dari tahun 2010 sehingga 2014 adalah seperti berikut :-

Tahun	Pengeluaran	Keluasan	Nilai (RM)
2010	41,410.00 mt	5143.20 ha	51,762,575.00
2011	26,505.53 mt	5593.20 ha	33,662,018.00
2012	11,842.99 mt	5262.50 ha	20,250,955.44
2013	5,407.08 mt	4512.50 ha	9,191,900.00
2014	10,035.15 mt	4412.50 ha	18,063,277.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA - PWB

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan dasar dan halatuju PWB tahun 2015-2020?
- b) Apakah peranan dan program yang bakal dilakukan oleh PWB dalam membimbing ibu-ibu tunggal yang telah mendaftar mengikut setiap DUN?
- c) Sila nyatakan rancangan khusus yang telah di sediakan untuk memberdayakan Penyelia PWB tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Pusat Wanita Berdaya merupakan satu platform bagi mendidik dan memberdaya (*empower*) wanita dengan ilmu, kemahiran dan latihan yang diperlukan bagi melahirkan golongan wanita yang berkepimpinan, berketerampilan dan berdaya saing agar menjadi contoh tauladan kepada masyarakat setempat serta mampu menjadi pemimpin di peringkat masing-masing.

Pusat Wanita Berdaya akan melibatkan penyertaan beberapa kumpulan wanita seperti wanita muda, ibu tunggal, surirumah, wanita desa serta kaum wanita yang lain.

Oleh yang demikian, Pusat Wanita Berdaya mensasarkan beberapa usaha ke arah pemberdayaan wanita di Negeri Selangor :-

- i. Memberi ilmu, latihan dan kemahiran yang berkaitan mengikut fokus tahunan PWB;
- ii. Meningkatkan taraf ekonomi wanita melalui aktiviti dan kemahiran keusahawanan;
- iii. Melahirkan pemimpin wanita yang berdaya dan berketerampilan dan masyarakat diperingkat masing-masing;
- iv. Memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat berkenaan kesamarataan gender; dan
- v. Melahirkan pelatih-pelatih berkemahiran dalam isu-isu yang dikenal pasti.

b) dan c)

Peranan dan program yang bakal dilakukan oleh PWB menjurus kepada memberi latihan dan bimbingan serta disokong oleh aktivitis dan pakar-pakar dalam bidang masing-masing, agar dapat membawa PWB kearah kejayaan dengan melahirkan barisan *Training of Trainer* (T.O.T). bagi tahun ini, tiga (3) modul utama yang telah dikenal pasti adalah Kepimpinan, Gender, Kesihatan dan Keselamatan. Modul-modul latihan yang telah dikenal pasti ini adalah bagi melatih golongan wanita termasuk Ibu Tunggal.

Bagi Para Penyelia PWB yang telah dilantik bagi menerajui PWB di setiap 56 DUN ini, Kerajaan Negeri telah merancang untuk menganjurkan Kursus Asas Penyelia PWB dalam masa terdekat. Antara objektif Program Kursus Asas Penyelia PWB ini adalah bertujuan :

- i. Memberi pendedahan dan kefahaman terhadap peranan, tugas dan tanggungjawab mereka sebagai penyelia PWB ;
- ii. Memberi penerangan berkaitan bidang tugas dan tatacara untuk melaksanakan sesebuah program di bawah kendalian mereka;
- iii. Memberi kefahaman status perkhidmatan yang disandang oleh mereka sebagai Penyelia PWB;
- iv. Sesi suaikenal antara penyelia-penyelia PWB dan pegawai di Pejabat-
Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- v. Penyerahan watakah pelantikan secara rasmi oleh Y.B. Exco.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prosedur penyelenggaraan PPR di Selangor?
- b) Senaraikan penyelenggaraan PPR oleh kerajaan negeri pada tahun 2014?
- c) Nyatakan jumlah perbelanjaan penyelenggaraan PPR pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Penyelenggaraan PPR di Selangor dilaksanakan oleh PHSSB iaitu anak syarikat LPHS dan PBT yang berkenaan contohnya PPR Lembag Subang, dikendalikan oleh MBPJ. Seterusnya, kontaktor-kontraktor yang berkaitan akan dilantik bagi mengurus dan menyelenggara PPR yang terdiri daripada kontraktor keselamatan, kontraktor mekanikal dan elektrik, kontraktor struktur awam dan kontraktor pembersihan.

- b) **PPR Kg. Baru Hicom**

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah pembaikan lif, pembaikan unit kosong, pemasangan "tiles" di lobi blok, memasang pagar pada tangki air, menyediakan sistem "fire fighting" dan membaikpulih pam air.

PPR Kota Damansara

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah pembaikan bumbung, pembaikan sistem "fire fighting" dan sistem genset, menyelenggara "mainhole", membersihkan "awning", menggantikan lampu koridor dan tangga, memasang meter penyewa baru dan membaiki unit kosong.

- c)

PPR Kq. Baru Hicom

Jumlah kos perbelanjaan penyelenggaraan bermula September 2014 sehingga Disember 2014 adalah **RM11,576.55**.

PPR Kota Damansara

Jumlah kos perbelanjaan penyelenggaraan bagi tahun 2014 adalah RM2,313,033.84.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : TAHUN MELAWAT SELANGOR 2015

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah aktiviti-aktiviti yang menarik pelancong telah dan akan diadakan di peringkat negeri dan daerah sempena Tahun Melawat Selangor 2015?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan kawasan pelancongan di Selangor sentiasa dalam keadaan bersih?

JAWAPAN:

- a) Tourism Selangor menganjurkan acara-acara pelancongan sempena dengan Tahun Melawat Selangor 2015 (TMS 2015) yang mempunyai elemen eko pelancongan, sukan pelancongan, warisan pelancongan, islamik pelancongan, pendidikan pelancongan dan lain-lain.

Acara-acara pelancongan yang dijalankan terbahagi kepada 3 kategori iaitu 9 Acara Utama, 5 Acara Sampingan dan 6 Acara PBT.

Acara-acara pelancongan yang dianjurkan sempena TMS 2015 adalah seperti berikut :

Acara Utama

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1.	Pelancaran Tahun Melawat Selangor 2015	29 Jan – 2 Feb 2015	Dataran SACC Mall, Shah Alam
	Sambutan Meet & Greet Tahun Melawat Selangor 2015	14 Feb 2015	KLIA, Sepang
2.	Malaysia Women Marathon 2015	6 – 8 Mac 2015	Dataran Kemerdekaan Shah Alam
3.	Selangor Islamic Fest	30 – 31 Mei 2015	Stadium Malawati Shah Alam
4.	Selangor Food Fest 2015	5 – 7 Jun 2015	Dataran Kemerdekaan, Shah Alam

5.	Festival Orang Asal 2015	22 – 23 Ogos 2015	Taman Botani Negara Shah Alam
6.	The 7th International Jetski Championship 2015	29 – 30 Ogos 2015	Tasik Biru Kundang, Rawang
7.	Festival Bon Odori 2015	5 Sept 2015	Kompleks Sukan Negara, Seksyen 21, Shah Alam
8.	Selangor Chief Minister Award 2015	11 Nov 2015	Hotel Dorsett Grand, Subang
9.	Raja Muda Regatta 2015	11 – 22 Nov 2015	Pelabuhan Indah, Pelabuhan Klang

Acara Sampingan

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1.	Selangor Chocolate Fair	24 – 26 April 2015	Tropicana City Mall, Petaling Jaya
2.	Pesta Tanglung	19 Sept 2015	Petaling Jaya
3.	Let's Travel Treasure Hunt on Wheels 2015	19 – 21 Sept 2015	Sekitar Selangor
4.	Selangor Golf Master 2015	18 – 21 Sept 2015	Kelab Golf Sri Selangor
5.	Kuala Lumpur Photography Festival 2015 (KLPF 2015)	9 – 11 Okt 2015	Exhibition Hall, Mid Valley

Acara PBT

Bil	Program	Tarikh	Tempat
1.	Wings of KKB 2015 – Selangor Bird Race	24 – 26 April 2015	Kuala Kubu Bharu – Genting Highlands
2.	PJ Street Art Festival 2015	9 – 10 Mei 2015	Petaling Jaya
3.	Jugra International Accuracy Championship 2015	29 – 31 Mei 2015	Bukit Jugra
4.	Karnival 1001 Rasa Sate Kajang 2015	29 Mei – 1 Jun 2015	Stadium Kajang
5.	Pesta Bendang	13 – 14 Jun 2015	Sabak Bernam

6.	The 7th MBPJ Inline Hockey Tournament Selangor	29 – 30 Ogos 2015	Arena MBPJ, Petaling Jaya
----	--	-------------------	---------------------------

b)

Tempat Tarikan Pelancong domestik dan luar Negara mengikut Daerah Negeri Selangor	
PETALING	
1)	Sunway Lagoon
2)	I-City, Shah Alam
HULU LANGAT	
3)	Chongkak Park & Resort
4)	Sungai Tekala Waterfalls
KLANG	
5)	Masjid Diraja Sultan Sulaiman
6)	Istana Alam Shah
GOMBAK	
7)	Batu caves
8)	Zoo Negara
9)	Hutan Lipur Kanching
10)	FRIM
SABAK BERNAM	
11)	Sekinchan
12)	Sungai Haji Dorani Homestay
SEPANG	
13)	Sepang International Circurt
14)	Avani Sepang Goldcoast
KUALA LANGAT	
15)	Paya Indah Wetlands
16)	Dong Zen Temple
KUALA SELANGOR	
17)	Bukit Malawati
18)	Kg. Kuantan (Kelip-Kelip)
HULU SELANGOR	
19)	Strawberry Leisure Farm
20)	Kolam Air Panas Hulu Tamu

Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor tiada sebarang perancangan khusus untuk pembangunan produk pelancongan di Sekinchan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan membantu semua produk pelancongan di Sekinchan yang bersedia dan berpotensi untuk dipromosikan sama ada di dalam dan juga luar negara . Namun bantuan yang diberikan ialah usaha-usaha mempromosikan sesuatu produk melalui beberapa kaedah. Antaranya :

- i. Penerbitan Selangor Breakaway (Bahan Bercetak)
- ii. Promosi melalui laman sesawang Tourism Selangor
- iii. Promosi melalui Media Sosial
- iv. Promosi melalui Aplikasi Telefon Pintar
- v. Penerbitan Selangor Fun Map
- vi. Siri Promosi Pelancongan dan luar negara
- vii. Melalui Fam Tour Media Agensi Pelancongan Luar Negara

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PADANG BOLA BERFUNGSI SETIAP DUN

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan memulakan penyediaan dan penyelenggaraan padang bola di setiap DUN?
- b) Adakah kerajaan akan turun padang melihat sendiri keperluan belia di setiap DUN?
- c) Adakah kerajaan ada perancangan menaiktaraf padang sedia ada untuk impak maksima?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan memulakan penyediaan dan penyelenggaraan padang bola di bawah Projek Membaikpulih Kemudahan dan Infrastruktur Sukan sejak tahun 2008 di mana sebanyak RM800,000.00 telah diperuntukkan setiap tahun. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menaikkan peruntukan kepada RM1,120,000.00 di mana setiap DUN diperuntukkan sebanyak RM20,000.00 untuk tujuan tersebut.
- b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) diberi tanggungjawab dalam menyelenggarakan setiap kemudahan yang disediakan berikutan peruntukan bagi projek membaikpulih infrastruktur dan kemudahan awam telah disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tujuan tersebut.
- c) Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,120,000.00 untuk Projek Membaikpulih Kemudahan dan Infrastruktur Sukan. Sehubungan dengan itu, sebanyak RM20,000.00 telah diperuntukkan kepada setiap DUN melalui PBT masing-masing dalam usaha untuk membaikpulih kemudahan dan infrastruktur sukan yang rosak dan terbiar seperti padang bola, gelanggang-gelanggang futsal, takraw dan badminton.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : BANTUAN UNTUK ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan *facilities* OKU dan keluarga mereka
- b) Apakah program-program untuk membawa perubahan kepada OKU ?
- c) Apakah usaha Kerajaan untuk membantu anak OKU di Sekolah dan IPT ?

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebelum saya meneruskan menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat Kota Anggerik, ingin saya maklumkan bahawa tiada istilah Orang Kelainan Upaya kerana ianya tidak selaras dengan penggunaan Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 yang telah dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008 yang lalu.

Kerajaan Negeri telah melakukan pelbagai usaha untuk membantu dan menyediakan kemudahan dalam memastikan golongan OKU dan keluarga mereka dapat menikmati dan menggunakan kemudahan fasiliti di Negeri Selangor.

Di antara kemudahan dan fasiliti yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

1. **Skim Mesra Usia Emas Dan OKU**

Skim ini merupakan salah satu di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dengan penyaluran bantuan sebanyak RM2,500.00 yang akan diberikan kepada waris keluarga OKU yang telah meninggal dunia untuk meringankan beban mereka dalam pengurusan jenazah dan pengkebumian.

2. **Skim Mikrokredit OKU**

Membantu golongan OKU yang berpotensi menjalankan perniagaan dengan bantuan modal melalui skim mikrokredit yang ditawarkan sama ada yang tinggal di bandar (MiMBAR) atau pun di luar bandar (SkimSel) dengan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. **Penempatan pekerja OKU (Job Placement)**

Kerajaan Negeri masih di dalam perancangan dalam usaha memberikan bimbingan dan latihan kepada golongan OKU lepasan sekolah menengah yang layak untuk meneruskan pengajian di peringkat sijil selama 5 hingga 6 bulan untuk melatih mereka berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri.

4. **Job Coach**

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang telah menyediakan peluang latihan dan pekerjaan kepada golongan OKU. Ianya berperanan untuk membantu OKU dan majikan membuat penyesuaian kepada bidang kerja dan keupayaan OKU supaya mereka dapat bekerja dalam keadaan yang selesa dan produktif.

5. **Pelekat Kenderaan OKU**

Menyediakan pelekat kenderaan OKU melalui Pihak Berkuasa Tempatan kepada OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sebagai kemudahan OKU menggunakan kemudahan di tempat letak kenderaan secara percuma di seluruh Negeri Selangor.

Melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, kemudahan dan fasiliti kepada golongan OKU turut disediakan dengan menyediakan elaun kepada mereka. Pemberian elaun ini dilaksanakan bagi memastikan manfaat ini dapat dinikmati oleh OKU secara optimum dan keluarga mereka. Diantara kemudahan yang disediakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

- ❖ Elaun Pekerja Cacat (EPC) : RM350.00
- ❖ Bantuan Am : RM80.00
- ❖ Geran Pelancaran : RM2,700.00
- ❖ Bantuan Alat Tiruan / Sokongan
- ❖ Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) : RM200.00
- ❖ Bantuan Penjagaan OKU Terlantar Dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT) : RM300.00

Begitu juga dengan kemudahan perkhidmatan institusi yang disediakan bagi membentuk OKU yang boleh menguruskan diri sendiri dan berdikari sekali gus dapat membentuk jati diri mereka dengan sokongan daripada keluarga. Antara perkhidmatan institusi yang ditawarkan kepada golongan OKU ini adalah seperti berikut :-

- ❖ Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- ❖ Institusi Penjagaan dan Pemulihan Taman Sinar Harapan
- ❖ Rumah Ehsan, Kuala Kubu Bharu
- ❖ Bengkel Terlindung
- ❖ Pusat Latihan Pemulihan Perindustrian (PLPP) Bangi
- ❖ Khidmat nasihat dan Kaunseling

- c) Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif dengan Persatuan Kebajikan Anak-anak Istimewa Selangor (ORKIDS) dan beberapa NGO lain dalam membantu golongan OKU di sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT). Malah, Kerajaan Negeri juga berhasrat akan mengkaji bagi pelaksanaan yang lebih sistematik.

(Sumber dari Jawatankuasa Tetap Pendidikan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : KAWASAN PELANCONGAN DUN SUNGAI PANJANG

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan kawasan (Kelip-Kelip dan Burung Enggang) ini terus dikunjungi oleh pelancong?
- b) Berapakah sumber kewangan yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk mempromosikan kawasan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tiada menyediakan sebarang insentif secara khusus untuk pembangunan eco-pelancongan di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun terdapat beberapa insentif yang berkaitan yang boleh dirujuk oleh mereka yang berminat dalam eco-pelancongan di Negeri Selangor seperti melalui usahasama dan insentif dari Jabatan Pertanian untuk membangunkan homestay (Inap Desa).

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan membantu semua produk eco-pelancongan yang bersedia dan berpotensi untuk dipromosikan sama ada di dalam dan juga luar negara . Namun bantuan yang diberikan ialah usaha-usaha mempromosikan sesuatu produk eco melalui beberapa kaedah. Antaranya :

- i. Penerbitan Selangor Breakaway (Bahan Bercetak)
 - ii. Promosi melalui laman sesawang Tourism Selangor
 - iii. Promosi melalui Media Sosial
 - iv. Promosi melalui Aplikasi Telefon Pintar
 - v. Penerbitan Selangor Fun Map
 - vi. Siri Promosi Pelancongan dan luar negara
 - vii. Melalui Fam Tour Media Agensi Pelancongan Luar Negara .
- b) Terdapat beberapa produk pelancongan di kawasan DUN Sungai Panjang yang berpotensi untuk dijadikan destinasi pelancong seperti D' Menara Marine Park, Pusat Konservasi Enggang dan homestay di sekitarnya.

Senarai peruntukan bagi naik taraf produk pelancongan DUN Sg. Panjang:

(i)	2013:	Cadangan Menaik taraf Kemudahan Awam di Pusat Konservasi Enggang Sg. Panjang, Sabak Bernam	RM 47,867.35
(ii)	2014:	Menaiktaraf Gazebo dan Menaiktaraf Jalan - Pantai Sungai Hj Dorani	RM 47,616.05

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : WIFI HOTSPOTS

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah *wifi hotspots* tambahan yang telah dipasang untuk tahun 2015? Kerajaan Negeri telah membuat komitmen untuk memasang 2,500 *hotspots* di kawasan luar bandar untuk tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) akan melaksanakan 2,500 lokasi hotspot WiFi seperti yang dibentangkan pada sidang Belanjawan 2015. Pelaksanaan ini akan mengambil kira kawasan luar bandar, namun pada peringkat permulaan ini, sebanyak 300 lokasi hotspot wifi akan dilaksanakan di Pentadbiran Pejabat dan Penyelaras DUN, Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor serta Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bermula 1 April 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH DI SELANGOR

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai langkah-langkah segera untuk menyelesaikan masalah sampah-sampah pukal daripada pengusaha-pengusaha restoran dan chalet di kawasan kampung yang merupakan penyumbang utama longgokan sampah (seperti contoh di Pekan Batu 18)?
- b) Jika ya, nyatakan langkah-langkah itu.

JAWAPAN:

a) dan b)

Bagi menyelesaikan masalah sampah-sampah yang dijana daripada restoran-restoran dan chalet yang menyumbang terjadinya sampah longgok atau pukal seperti yang berlaku di Pekan Batu 18, pihak MPKJ telah mewajibkan peniaga-peniaga restoran atau pengusaha chalet **membayar caj kutipan sampah** seperti berikut:-

- i. Waktu operasi kurang daripada 12 jam RM 70.00 sebulan
- ii. Waktu operasi lebih daripada 12 jam RM 100.00 sebulan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN DAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan Exco Kebajikan mengenai Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan Seisi Rumah bagi kelayakan Skim Bantuan Am:RM720.
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menilai semula paras pendapatan garis kemiskinan bagi kelayakan Skim Bantuan Am sepertimana disyorkan dalam Laporan Audit Negara 2013?

JAWAPAN:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menggunakan kriteria kelayakan am permohonan bantuan kewangan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia iaitu pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830.00 sebulan bagi Sarawak dan RM960.00 sebulan bagi Sabah. Ketetapan ini juga telah diluluskan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 31/2012 yang diadakan pada 29 Ogos 2012 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 32/2012 pada 5 September 2012.
- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sedang meneliti kadar baru Skim Bantuan Am. Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat kajian yang melibatkan pengesahan statistik penduduk Negeri Selangor yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan. Pengesahan ini perlu kerana ia melibatkan implikasi kewangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : SPIES

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program SPIES?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan bagi menjayakan program ini sejak ia diperkenalkan sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan SPIES bermula tahun 2008 telah banyak memberi manfaat terutamanya terhadap kualiti kehidupan masyarakat dan pengurangan kadar jenayah. Program yang berfaedah ini diteruskan dengan membuat penjenamaan semula (*rebranding*) program kepada Program INSAN. Ia bertujuan untuk penambahbaikan dan memperbaharui modul untuk menepati hasrat serta aspirasi kerajaan Negeri melalui pelantikan EXCO Kerajaan Negeri yang baru bagi menerajui dasar Pembangunan Modal Insan.
- b) Jumlah perbelanjaan bagi menjayakan program ini bermula tahun 2008 sehingga 2014 adalah sebanyak **RM 42,711,905.40**. Maklumat seperti jadual di bawah :

KOD PROJEK	TAHUN	PERBELANJAAN (RM)
P01-12001	2008	3,557,760.00
P01-12001	2009	7,796,754.00
P01-12001	2010	9,247,816.00
P01-07001	2011	5,938,977.00
P01-07001	2012	5,519,454.00
P01-07001	2013	5,656,988.40
P01-07001	2014	4,994,156.00
JUMLAH KESELURUHAN		42,711,905.40

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : TEBATAN BANJIR DI KUALA LANGAT

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengkaji kesesuaian membina kolam-kolam tadahan air hujan di Daerah Kuala Langat demi mengelakkan banjir kilat berlaku?
- b) Apakah perancangan yang telah dilakukan oleh agensi dan jabatan Kerajaan untuk bersiap sedia berdepan dengan banjir kilat?

JAWAPAN:

- a) Dalam Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Banting, cadangan untuk membina kolam takungan Fasa 1 dan Fasa 2 telah dirancang. Rekabentuk terperinci telah dimulakan oleh perunding dan telah siap pada 3 March 2015. Tender kolam takungan Fasa 1 dijangka dipanggil pada April 2015. Untuk kawasan-kawasan pembangunan oleh pemaju, syarat pembinaan kolam takungan dan On Site Detention adalah perlu untuk memastikan air larian tidak terus mengalir ke parit utama atau sungai.
- b) Memastikan semua parit dan longkang adalah bersih, tidak rosak dan tersumbat dengan sampah. Penyelenggaraan sistem saliran dan kawalan pembangunan tanah juga perlu dilaksanakan bagi memastikan air larian tidak membebankan parit utama dan sungai sedia ada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

TAJUK : KEBAJIKAN PENERUSI PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat faedah-faedah yang lain selain daripada elaun bulanan kepada Pengerusi PeBT yang dilantik?
- b) Apakah ada insurans kepada pengerusi yang menghidap penyakit yang memerlukan rawatan perubatan dan pembedahan?
- c) Apakah terdapat cadangan untuk menaikkan elaun pengerusi pebt pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Pelantikan PeBT dibuat dalam tempoh dua (2) tahun sekali di mana Pengerusi PeBT yang dilantik telah diberikan elaun bulanan sebagai penghargaan kepada penglibatan dalam menggerakkan program-program belia di peringkat PeBT. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan Eksekutif di bawah Program Pemerkasaan Belia di mana Pengerusi PeBT telah diberi peluang untuk mengikuti program tersebut. Sebanyak 12 tempat telah disediakan untuk Pengerusi PeBT mengikuti Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) tersebut.
- b) Kerajaan Negeri menyambut baik hasrat dan cadangan untuk memberikan insurans kepada pengerusi yang menghidapi penyakit yang memerlukan rawatan perubatan dan pembedahan. Namun begitu, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak ada lagi menyediakan kemudahan ini kerana tidak termasuk di dalam peruntukan yang diluluskan berikutan cadangan ini akan memberikan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.
- c) Kerajaan Negeri masih mengekalkan kadar elaun Pengerusi PeBT pada tahun 2015 berdasarkan kepada peruntukan pembangunan yang telah diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERATUSAN PENGLIBATAN WANITA DALAM PERINGKAT PEMBUAT
KEPUTUSAN**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan dan peratusan wanita yang dilantik dalam peringkat pembuat keputusan bagi tahun 2007-2015.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk lebih ramai wanita berpeluang untuk dilantik di peringkat pembuat keputusan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai polisi tentang gangguan seksual di tempat kerja?

JAWAPAN:

- a) Sebagaimana sumber yang diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) SUK Selangor, terdapat 60 jawatan diperingkat pembuat keputusan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Berikut adalah bilangan dan peratusan wanita yang dilantik dalam peringkat pembuat keputusan bagi tahun 2007 – 2015 :-

TAHUN	JUMLAH KETUA JABATAN WANITA	PERATUS (%)
2007	7	12
2008	11	18
2009	10	17
2010	9	15
2011	10	17
2012	10	17
2013	12	20
2014	15	25
2015	12	20

** sumber : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) SUK
Selangor sehingga Mac 2015

- b) Kerajaan Negeri meletakkan dasar 30% melantik wanita diperingkat pembuat keputusan antaranya adalah pelantikan :-
- Timbalan Speaker Dewan Wanita pertama (2008)
 - Speaker Wanita Pertama (2013)
 - Pegawai Daerah Wanita Pertama
 - Datuk Bandar Wanita
 - Yang diPertua Wanita
 - Ahli Dewan Negeri Wanita
 - Ahli-ahli Majlis Wanita di semua PBT
 - Ketua-ketua Jabatan di peringkat Negeri dan PBT.

Pentadbiran Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan sikap terbuka, tidak mengamalkan diskriminasi gender, mengikut pencapaian prestasi dan pengalaman seseorang individu adalah antara langkah-langkah yang diambil untuk lebih ramai wanita berpeluang untuk dilantik di peringkat pembuat keputusan.

- c) Kerajaan Negeri mengguna pakai peraturan-peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 tahun 2005 Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN DESA

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini program pembangunan desa hasil daripada “Bengkel Kenali Kampungku” yang dihadiri oleh 131 JKKK daripada daerah Sabak Bernam dan Hulu Selangor?
- b) Sejauh manakah hasil perbincangan tersebut diguna pakai oleh kerajaan negeri untuk pembangunan desa?

JAWAPAN:

- a) Bengkel Kenali Kampungku yang dilaksanakan pada tahun 2013 telah ditangguhkan dan tidak diteruskan pelaksanaannya.
- b) Bengkel Kenali Kampungku telah memberi banyak manfaat kepada Kerajaan Negeri bagi merancang program-program pembangunan desa di negeri Selangor. Hasil daripada perbincangan tersebut telah digunakan untuk menambahbaik program-program pembangunan desa pada masa ini antaranya ialah program berkonsep Kampungku Kesayanganku yang telah dijadualkan pelaksanaannya sepanjang tahun ini. Program ini telah dirancang selepas melihat keperluan di kampung-kampung, hasil daripada perbincangan yang diperolehi semasa Bengkel Kenali Kampungku. Antara matlamat pelaksanaan Kampungku Kesayanganku ialah membangunkan kampung dari sudut fizikal dan spiritual, mewujudkan inkubator di daerah untuk melahirkan lebih banyak usahawan desa dan memupuk rasa kasih dan sayang kepada kampung halaman.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PELANCONGAN

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif oleh kerajaan kepada mereka yang berminat terlibat dalam pembangunan eco pelancongan di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri tiada menyediakan sebarang insentif secara khusus untuk pembangunan eco-pelancongan di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun terdapat beberapa insentif yang berkaitan yang boleh dirujuk oleh mereka yang berminat dalam eco-pelancongan di Negeri Selangor seperti melalui usahasama dan insentif dari Jabatan Pertanian untuk membangunkan homestay (Inap Desa).

Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor akan membantu semua produk pelancongan yang bersedia dan berpotensi untuk dipromosikan sama ada di dalam dan juga luar negara. Namun bantuan yang diberikan ialah usaha-usaha mempromosikan sesuatu produk melalui beberapa kaedah. Antaranya :

- i. Penerbitan Selangor Breakaway (Bahan Bercetak)
- ii. Promosi melalui laman sesawang Tourism Selangor
- iii. Promosi melalui Media Sosial
- iv. Promosi melalui Aplikasi Telefon Pintar
- v. Penerbitan Selangor Fun Map
- vi. Siri Promosi Pelancongan dan luar negara
- vii. Melalui Fam Tour Media Agensi Pelancongan Luar Negara .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : SKIM WANITA LADANG (WALA)

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci apakah status terkini WALA
- b) Apakah langkah kerajaan negeri bagi menjaga kebajikan kakitangan WALA yang diberhentikan

JAWAPAN:

- a) Program Wanita Ladang (WALA) Selangor telah memulakan operasi pada April 2012 dan melalui proses penambahbaikan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun pada Ogos 2014, program ini ditangguhkan bagi memberi ruang kepada kerajaan untuk mengkaji semula kaedah pelaksanaan supaya lebih efisien dan efektif di samping memastikan objektif pelaksanaan program tercapai. Ini juga merupakan lanjutan dari maklumbalas oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan yang dipengerusikan oleh YB Hulu Kelang menjustifikasikan program WALA Selangor sebagai gagal mencapai objektif. Ini kerana program ini dilihat gagal untuk mengupayakan peserta supaya berdikari dan tidak hanya mengharapkan elaun kehadiran semata-mata. Sedangkan objektif awal pelaksanaan adalah untuk mengupayakan wanita di ladang. Sepanjang pelaksanaan program seramai 649 orang yang mewakili 23 ladang di negeri Selangor berjaya menyertai program ini. Setiap peserta akan dilibatkan di dalam bengkel dan latihan kemahiran bagi mempersiapkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan keluarga. Sepanjang penglibatan di dalam program berbentuk bengkel dan latihan kemahiran, para peserta akan menerima elaun kehadiran. Kerajaan negeri melalui agensi bertanggungjawab akan menggerakkan semula program di mana tidak terhad kepada golongan wanita di ladang malah akan dikembangkan lagi kepada golongan OKU, ibu tunggal dan lain-lain golongan dalam usaha kerajaan untuk mengupayakan golongan tersebut.
- b) Kerajaan dengan sedaya upaya memastikan setiap kakitangan yang diberhentikan akibat daripada penangguhan program WALA Selangor menerima pampasan yang sewajarnya. Kerajaan telah meluluskan pembayaran pampasan berupa wang tunai berdasarkan gaji terakhir kakitangan berkenaan. Jumlah pampasan yang dibayar kepada 7 orang kakitangan yang diberhentikan bernilai RM46,422. Setiap seorang menerima minima sebulan gaji sebagai bayaran pampasan. Walau bagaimanapun kakitangan-kakitangan tersebut

boleh dipertimbangkan untuk dilantik semula ke dalam program yang sedang dan akan dijalankan pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PUSAT BIOMAS BERSEPADU

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Pusat Biomas Bersepadu yang wujud di Selangor mengikut PBT?
- b) Berapakah kos operasi keseluruhan pusat ini pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, setakat ini hanya ada satu (1) Pusat Biomas Bersepadu di Negeri Selangor iaitu Pusat Biomass Bersepadu Bandar Bukit Puchong. Ianya adalah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).
- b) Kos operasi keseluruhan Pusat Biomass ini pada tahun 2014 adalah **RM269,920.00** dengan pecahan seperti berikut :

Kos Operasi 2014 (RM)	
Kos pekerja / kakitangan (Gaji dan lain-lain) (3 pegawai, 1 PTO, 1 Mandor, 10 PRA)	RM 254,400.00
Utiliti (Elektrik & Air)	RM6,320.00
Bahan asas (EM dan sebagainya)	RM500.00
Mesin dan penyelenggaraan - Kompos - Chipper	RM3,000.00
Lain-lain	RM1,200.00
Jumlah	RM 269,920.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : BELIA

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di manakah Kerajaan bersedia menyediakan tempat perniagaan untuk golongan usahawan anak muda, terutamanya di DUN Teratai?
- b) Berapakah Kerajaan Negeri menawarkan rumah mampu milik dan berapakah pemohon anak muda yang berjaya mendapatkan rumah mampu milik ?

JAWAPAN:

- a) Usahawan di Negeri Selangor tidak dikategorikan mengikut umur ataupun usia, sebaliknya dikategorikan mengikut klasifikasi mikro, kecil dan sederhana. Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak memecahkan ataupun membahagikan lot-lot perniagaan kepada golongan muda dan golongan berumur.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ada menyediakan sekurang-kurangnya 6,808 unit lot atau tapak perniagaan di seluruh Selangor dan di antaranya adalah seperti berikut :-

Bil	Daerah	Lot / Tapak
1.	Kuala Selangor	81
2.	Sepang	302
3.	Ampang Jaya	410
4.	Hulu Selangor	706
5.	Klang	2340
6.	Sabak Bernam	1262
7.	Kuala Langat	1261
8.	Shah Alam	446
Jumlah Lot / Tapak Perniagaan		6808

Jadual 1

Ke semua lot atau tapak perniagaan tersebut adalah terbuka kepada semua usahawan berumur di antara 18 tahun hingga 55 tahun. Kerajaan Negeri juga sedia maklum dan mengikut *trend* terkini di mana usahawan golongan muda lebih cenderung menjalankan perusahaan atau perniagaan secara atas talian (on-line) dan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kerajaan Negeri Selangor (PKNS) telah menyediakan "Virtue Office".

- b) Sejak rumah mampu milik diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 2010 sehingga tahun 2014 jumlah pemohon yang telah ditawarkan rumah mampu milik adalah seramai 3,261 orang. Daripada jumlah tersebut dianggarkan sebanyak 30% pemohon adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur 40 tahun ke bawah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : PENAMBAHBAIKKAN PENGURUSAN PEJABAT DAERAH

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memohon Pejabat Daerah Petaling mengkaji semula kesesuaian peruntukan yang diberikan dan peruntukan kakitangan juga harus dikaji untuk menguruskan permasalahan 14 DUN di bawahnya.
- b) Mohon pejabat daerah petaling mempercepatkan hak milik kekal kepada individu-individu di tanah tradisi Melayu seperti Kampung Seri Aman Puchong.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat ADN Seri Serdang, selaras dengan keputusan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 39/2014 yang diadakan pada 8 Oktober 2014 dan mesyuarat ke 40/2014 yang diadakan pada 15 Oktober 2014, setiap Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (AMMKN) dan Ahli Dewan Negeri (ADN) diluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM 100,000.00 menjadikan peruntukan tahunan masing – masing berjumlah RM900,000.00 dan RM700,000.00

Penggunaan peruntukan ini terbahagi kepada empat (4) kategori, iaitu :-

- i) Pengurusan Pejabat;
- ii) Projek –projek kecil seperti projek penyelenggaraan infrastruktur awam dan projek infrastruktur asas;
- iii) Sumbangan kemasyarakatan secara tunai; dan
- iv) Program dan Aktiviti Mesra Rakyat

Pengeluaran peruntukan ini hendaklah melalui Pegawai Daerah yang dilantik sebagai Pegawai Pengawal. Tugas Pegawai Pengawal adalah untuk mengawal dan menguruskan peruntukan supaya sentiasa tertakluk kepada terma – terma pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor, Arahan Perbendaharaan, peraturan – peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan apa – apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat ADN Seri Serdang, mengikut garis panduan kewangan, proses mengeluarkan peruntukan ADN adalah tidak melebihi 14 hari waktu bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan pengeluaran peruntukan. Berdasarkan rekod pengeluaran peruntukan kepada kesemua 14

ADN di dalam Daerah Petaling, Pejabat Daerah Petaling telah mengeluarkan cek tidak melebihi 14 hari waktu bekerja mengikut garis panduan tersebut.

Adalah diharapkan agar Yang Berhormat ADN Seri Serdang tidak menjangkakan bahawa permohonan peruntukan dikeluarkan dengan kadar segera kerana setiap permohonan perlu mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan.

Berkenaan dengan bilangan kakitangan bagi memproses permohonan pengeluaran peruntukan ADN, Pejabat Daerah Petaling akan mempertimbangkan sekiranya perlu menambah kakitangan untuk tujuan mempercepatkan proses pengeluaran peruntukan.

- b) Mesyuarat bagi membincangkan isu-isu tanah di Kg Sri Aman telah diadakan pada 20 Januari 2015 bersama ADN Seri Serdang, JUPEM, PTGS, MPSJ dan JPBD.

Dalam mesyuarat tersebut, antara perkara yang dibincangkan ialah penyelesaian masalah persempadanan dan keluasan tanah pemilik-pemilik Kg Sri Aman perlu dilakukan secara berperingkat mengikut zon kawasan kerana masalah pertindihan dan keluasan adalah tidak sama dan berbeza antara satu sama lain.

Penyelesaian perlu dilaksanakan secara terperinci dan perlu mendapat persetujuan dan kerjasama tuan tanah yang terlibat. Ini kerana salah satu cadangan penyelesaian adalah tuan tanah perlu melakukan serahan semula tanah bagi tujuan pembetulan keluasan dan pertindihan lot masing-masing. Perkara ini memerlukan beberapa siri perbincangan yang dijangka akan mengambil masa untuk mendapatkan keputusan yang muktamad dan jalan penyelesaian yang terbaik.

Walau bagaimanapun, Pentadbir Tanah mengambil maklum dan akan menyegerakan tindakan bagi tujuan pengeluaran hak milik kekal kepada pemilik-pemilik hak milik sementara khususnya penduduk-penduduk kampung tradisi Melayu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : JALAN RAYA DI IJOK : JALAN RAYA YANG SEDANG DIBINA DI ANTARA PEKAN IJOK & BESTARI JAYA. JALAN YANG MASIH BELUM SIAP DI ANTARA KG JAYA SETIA DAN BESTARI JAYA AMAT MERBAHAYA KEPADA PENGGUNA JALAN INI KERANA MASIH BANYAK JALAN YANG BERLUBANG DAN GELAP PADA WAKTU MALAM

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah tegas yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kontraktor berkenaan mematuhi S.O.P pembinaan jalan?
- b) Adakah setahap ini tindakan dari segi undang-undang atau denda telah dikenakan ke atas kontraktor berkenaan?
- c) Apakah bantuan telah diberi kepada keluarga mangsa kemalangan/kematian?

JAWAPAN:

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Negeri B35. Antara langkah-langkah tegas yang diambil bagi memastikan kontraktor mematuhi S.O.P pembinaan jalan adalah seperti berikut:
 - i) Audit Pelan Pengurusan Trafik telah diadakan sebanyak 5 kali. Tujuan audit ini adalah bagi memastikan kontraktor mematuhi S.O.P pembinaan jalan. Siri audit ini dijalankan secara berterusan hingga projek siap. Hasil penemuan audit, kontraktor telah diarahkan dengan tegas untuk melaksanakan Pelan Pengurusan Trafik yang ditetapkan.
 - ii) JKR juga telah melantik pihak ke-3 melaksanakan Pelan Pengurusan Trafik yang gagal dibuat oleh kontraktor utama. Pihak ke-3 adalah kontraktor lain yang dilantik oleh JKR khusus untuk menambahbaik Pelan Pengurusan Trafik seperti papan tanda, penghadang jalan dan penampalan lubang atas jalan.
- b) Dari segi undang-undang kontrak pemotongan bayaran kepada kontraktor telah dibuat bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak ke-3. Pemotongan dibuat adalah sebanyak RM 1, 247, 503.00.

- c) JKR telah berbincang dengan kontraktor dan kontraktor bersetuju untuk memberi bantuan ihsan kepada mangsa kemalangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : HUTAN SIMPAN DI SELANGOR

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keluasan terkini hutan simpan di Selangor?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan hutan simpan ini terpelihara?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini terdapat 70 buah Hutan Simpanan Kekal telah diwartakan di seluruh Negeri Selangor dengan jumlah keluasan lebih kurang 250,129 ha atau pun 31.54% daripada keluasan Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri Selangor amat komited untuk memelihara dan mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sedia ada. Usaha ini akan dapat direalisasikan melalui “Moratorium 25 Tahun Pembalakan” di mana tiada aktiviti pengusahaan hutan di dalam HSK di Negeri Selangor selama 25 tahun bermula daripada tahun 2010.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan juga telah meluluskan beberapa dokumen perancangan pengurusan hutan mengikut jenis dan pengelasan hutan. Di antaranya rancangan pengurusan tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (ii) *Integrated Management for North Selangor Peat Swamp Forest* 2014 – 2023;
- (iii) Rancangan Kerja Hutan Paya Laut 2009 – 2019;
- (iv) Rancangan Pengurusan Hutan Taman Warisan Negeri Selangor 2011 – 2020;
- (v) Rancangan Pengurusan Hutan Tadahan Air Negeri Selangor 2013 – 2022;
- (vi) Rancangan Pengurusan Hutan Simpan Kota Damansara;
- (vii) Rancangan Pengurusan Hutan Mempunyai Nilai Pemeliharaan Yang Tinggi (HCVF) di Negeri Selangor;

- (viii) Pelan Tindakan Perancangan Strategik 2012 – 2015; dan
- (ix) Rancangan Tahunan Hutan.

Kesemua dokumen dan maklumat perancangan pengurusan hutan adalah amat penting dan berguna sebagai garis panduan di dalam melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan khususnya di Negeri Selangor.

Selain itu, JPNS juga merupakan Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia yang pertama dapat mengekalkan *Zero CARs (Corrective Action Requests)* bagi tahun ketiga (3) berturut-turut (2012 – 2014) di dalam Audit Pensijilan *Malaysia Criteria and Indicators (MC&I)* (Hutan Asli) iaitu satu standard pematuhan pencapaian Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Manakala bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, JPNS juga telah mencapai *Zero CARs* bagi tiga (3) tahun berturut-turut (2012 – 2014) dan ini menjadi pemangkin bagi seluruh warga JPNS untuk mengulangi kejayaan yang sama bagi tahun-tahun berikutnya.

Di samping itu, kawalan dan penguatkuasaan hutan turut dijalankan secara berterusan oleh JPNS bagi memastikan HSK atau Taman Warisan Negeri di Negeri Selangor ini tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan negeri melalui JPNS tidak akan berkompromi dengan mana-mana individu atau pihak yang didapati telah melakukan kesalahan seperti menceroboh kawasan HSK atau Taman Negeri Selangor yang mana pihak berkenaan akan dihukum sewajarnya mengikut mana-mana seksyen yang berkaitan seperti yang diperuntukan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor.

i- Rondaan Berkala

Jabatan Perhutanan menjalankan rondaan secara berkala di sepanjang sempadan di luar Hutan Simpanan Kekal. Tumpuan diberikan terhadap kawasan-kawasan yang berhampiran dengan penempatan.

ii- Pemantauan Udara

Jabatan juga menjalankan pemantauan udara untuk mengenalpasti secara menyeluruh kawasan-kawasan yang berkemungkinan berlaku pencerobohan hutan (*hot spots*).

iii- Pemantauan melalui imej satelit

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah membangunkan sistem yang dikenali sebagai '*Forest Monitoring Using Remote Sensing*' (FMRS). Dalam sistem ini, pemantauan kawasan '*hot-*

spots' dan sebarang kes dikesan melalui perubahan imej satelit. Kawasan ini dibuat di peringkat Unit Penguatkuasaan dan Pegawai-pegawai Hutan Daerah.

iv- Program Kesedaran

Jabatan Perhutanan juga melaksanakan sesi penerangan dengan memberi input mengenai elemen-elemen kesalahan hutan dari masa ke semasa mengikut program yang telah ditetapkan. Penglibatan secara aktif diperolehi daripada masyarakat di sekitar Hutan Simpanan Kekal. Penubuhan Persatuan Pertubuhan Sahabat Hutan Paya Gambut Selangor Utara (SHGHU) adalah merupakan salah satu manifestasi kepada kejayaan program ini.

Selain langkah-langkah yang dijelaskan sebelum ini, Jabatan juga telah mengambil inisiatif berikut dalam usaha untuk menangani kejadian pencerobohan hutan.

Membina Penghadang/ 'boom-gate' pada jalan masuk ke kawasan-kawasan yang sensitif dan terdedah kepada pencerobohan. Ianya dipantau dari semasa ke semasa.

Jabatan juga mengambil tindakan penguatkuasaan dengan memusnahkan tanaman-tanaman serta menjalankan program tanaman semula dengan menanam spesies-spesies pokok hutan dengan menggunakan peruntukan tahun semasa. Bagi kawasan-kawasan yang baru dikesan, Jabatan mengeluarkan notis terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK PERINTIS TANAMAN PADI

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini projek tersebut ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan bagi tahun 2015 ?
- c) Sila huraikan secara *detail* bantuan yang disalurkan oleh KNS kepada pesawah sejak 5 tahun yang lalu ?

JAWAPAN:

- a) Projek ini masih diteruskan bagi membantu pesawah padi meningkatkan mutu hasil dan pendapatan mereka dengan program-program berikut:
 - Perataan tanah untuk penapakan dan pengurusan air sawah
 - Pembajaan bagi meningkatkan hasil
 - Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)
 - Pertanian mapan yang lebih mesra alam
 - Kursus dan latihan kepada petani
 - Teknologi mekanisasi dan jentera pertanian yang moden
- b) Bagi tahun 2015, jumlah peruntukan yang disalurkan berjumlah RM 2,750,000.
- c) Sejak 5 tahun lalu, sejumlah RM 27,000,000 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada pesawah. Antara bantuan yang diberi kepada pesawah adalah pemberian baja tambahan, kawalan perosak, pengutipan jerami padi, pemulihan tanah masam (berasid), bantuan jentera kecil dan sederhana dan kursus-kursus serta latihan kepada pesawah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : KONSESI PERJANJIAN AIR SELANGOR.

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah konsesi air Selangor akan selesai?
- b) Apakah halangan penyelesaian tersebut?
- c) Apakah tindakan diambil dalam mempertahankan hak air kerajaan Selangor?

JAWAPAN:

Melalui penelitian saya, terdapat beberapa soalan yang telah ditanyakan tentang perkara berkaitan penstrukturan industri bekalan air Negeri Selangor serta yang melibatkan perjanjian air yang telah ditandatangani sebelum ini. Soalan-soalan tersebut datangnye dari :

No Soalan	Nama Adun	Tajuk Soalan
1	Sekinchan	Penyusunan Semula Industri Air Selangor a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini usaha penyusunan tersebut? b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi sehingga menyebabkan usaha tersebut masih enggak bisa sukses sepenuhnya? c) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor sekiranya usaha tersebut menemui jalan buntu?
157	Meru	Konsesi Perjanjian Air Selangor a) Bilakah konsesi air Selangor akan selesai? b) Apakah halangan penyelesaian tersebut? c) Apakah tindakan diambil dalam mempertahankan hak air kerajaan Selangor?
164	Kampung Tunku	Penstrukturan Semula Industri Air Selangor Dengan Puncak Niaga a) Apakah perkembangan terkini penstrukturan semula industri air Selangor antara Puncak Niaga dengan Pengurusan Air

No Soalan	Nama Adun	Tajuk Soalan
		Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memandangkan perkara ini masih belum dimuktamadkan dan tempoh rundingan sepanjang satu tahun hampir akan tamat sekitar pertengahan tahun 2015?

Saya yakin dan percaya semua Ahli Yang Berhormat sangat berminat berkaitan isu yang melibatkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini.

Izinkan saya untuk menjawab bersekali semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi memandangkan semua soalan tersebut merujuk kepada perkara yang sama. Saya akan menjawab dan menerangkan perkara-perkara berikut:

- I. Matlamat penstrukturan semula industri perkhidmatan air
- II. Status Terkini Penstrukturan Industri Bekalan Air Negeri Selangor dan isu-isu yang berbangkit
- III. Status rundingan dengan Puncak Niaga

I. Matlamat penstrukturan semula industri perkhidmatan air


- a) Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor pada ketika ini adalah tidak dijalankan secara holistik di mana aktiviti rawatan dan agihan dikendalikan oleh operator yang berlainan. Keadaan yang tidak holistik ini telah menyumbangkan kepada pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan pengguna melalui kenaikan tarif yang tinggi.
- b) Justeru itu, sebagai usaha untuk menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh industri perkhidmatan air, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 21/2007 yang bersidang pada 11 Julai 2007, telah bersetuju dengan penyusunan semula Pemegang Konsesi Air Selangor di bawah satu konsortium yang akan diterajui oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).
- c) Objektif penstrukturan semula adalah untuk mengambil alih semua syarikat konsesi air di Negeri Selangor dan menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang holistik di bawah satu operator yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri dan di kawalselia di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi merealisasikan perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan untuk memenuhi ciri-ciri berikut:-

- i. sebuah syarikat yang dimiliki penuh ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
 - ii. sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) ; dan
 - iii. sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh SPAN.
- d) Dalam menentukan nilai yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi air sedia ada, Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan kepentingan pengguna dan pada masa yang sama tidak merugikan mana-mana pihak. Ini adalah kerana nilai yang diputuskan akan memberi implikasi dan kesan ke atas kadar sewa pajak dan tarif air kepada pengguna.

II. Status rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air dan isu-isu yang berbangkit

- a) Dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor, pada 12 September 2014, Perjanjian Utama (Master Agreement) telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (“PAAB”) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (“Air Selangor”). Salah satu terma utama di dalam Perjanjian Utama tersebut adalah mengenai *Condition Precedent* yang mana memperuntukkan bahawa Perjanjian Pembelian Saham (SPA) di antara Air Selangor dan Puncak Niaga Holding Berhad (PNHB) sebagai pemegang saham utama di dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan SYABAS hendaklah ditandatangani dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh Perjanjian Utama.
- b) Pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah menandatangani perjanjian pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Utama (*Master Agreement*). Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB).

- c) Pada 22 September 2014, Kerajaan Negeri dan Air Selangor telah menandatangani Perjanjian Pindahan Aset untuk memindahkan aset bekalan air yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri kepada Air Selangor. Ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri Selangor dalam memenuhi peruntukkan yang ditetapkan dalam Perjanjian Utama sebagai usaha untuk menjayakan penstrukturan semula ini.
- d) Selanjutnya, Pemegang Saham di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd sedang dalam proses memuktamadkan penjualan ekuiti kepada Air Selangor lanjutan dari keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 07 Januari 2015 yang telah memberikan persetujuan supaya Titisan Modal Sdn Bhd (TMSB) sebagai pemegang saham 100% di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) menjual saham kepada Air Selangor bagi tujuan memenuhi syarat terdahulu yang diperuntukkan di dalam Perjanjian Utama. Peratusan dan struktur pemegang saham sedia ada dan baru di dalam ABASS adalah seperti berikut:-



- e) Di dalam Perjanjian Utama dipersetujui bahawa aset-aset air bernilai sehingga RM2 bilion (“Aset Air RM2 bilion”) akan dipindah-milik kepada PAAB oleh Air Selangor untuk Air Selangor mendapatkan pembayaran tunai berjumlah RM2 bilion bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi. Antara aset air yang telah disenaraikan untuk

dipindah milik adalah LRA Sungai Semenyih, LRA Bukit Nanas, LRA Sungai Langat dan LRA SSP 1. Dalam mesyuarat yang diadakan di KETTHA pada 16 Februari 2015, dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memuktamadkan bahawa aset-aset air yang terletak di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah hak milik Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan enggan menerima pindah-milik tapak tanah kedua-dua aset air tersebut sebagai aset yang akan dipindah-milik kepada PAAB. Nilai buku kedua aset air ini berjumlah RM602.0 juta.

- f) Bagi tujuan menyelesaikan isu tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk menggantikan kedua aset tersebut dengan aset-aset air lain yang mempunyai nilai buku yang sama.
- g) Selain dari isu pemilikan aset oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kerajaan Persekutuan melalui KETTHA telah berpendirian bahawa pemindahan hak milik aset-aset air syarikat konsesi (CCWA) yang akan dipindah milik kepada PAAB perlu dipindahkan bersama-sama hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut.
- h) Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa pendirian KETTHA tersebut adalah menyimpang dari semangat asal Perjanjian Utama digubal. Hasrat untuk mengasingkan hak milik aset-aset air daripada hak milik tapak tanah di mana terletaknya aset-aset air tersebut adalah berpaksikan kepada justifikasi bahawa syarikat-syarikat konsesi tidak pernah diberi hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, tapak tanah aset-aset syarikat konsesi air tidak termasuk di dalam senarai aset-aset syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB. Tambahan pula, aset-aset yang disenaraikan untuk dipindahmilik kepada PAAB yang disenaraikan di dalam *Appendix 7*, Perjanjian Utama hanya tertakluk kepada aset-aset air yang telah dinaiktaraf dan dimiliki oleh syarikat konsesi sedangkan tapak tanah adalah di bawah milik Kerajaan Negeri Selangor.
- i) Pengasingan hak milik aset-aset air daripada hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut bagi membolehkan Kerajaan Negeri menawarkan tanah-tanah tersebut sehingga nilai RM2 bilion kepada PAAB untuk menjana dana bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi. Melalui kaedah ini, aset-aset air Negeri Selangor selebihnya yang bernilai RM12.9 bilion akan kekal di bawah hak milik Kerajaan Negeri melalui Air Selangor.

- j) Jika pendirian KETTHA tersebut dipersetujui, ianya bermakna kesemua pemindahan-milik aset-aset syarikat konsesi kepada PAAB mesti sertakan bersama pemindahan-milik tapak tanah di mana terletaknya aset-aset tersebut. Kerajaan Negeri Selangor tidak lagi menjadi pemilik ke atas tanah-tanah tersebut selama 45 tahun. Di samping itu juga, KETTHA enggan menerima pemindahan-milik hanya bahagian-bahagian aset air yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat-syarikat konsesi, sepertimana yang disenaraikan di dalam Perjanjian Utama di bawah senarai aset-aset syarikat konsesi, sebaliknya meletakkan syarat supaya keseluruhan aset-aset air bersama – sama hak milik tapak tanah aset-aset tersebut dipindah-milik kepada PAAB. Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan inginkan hak milik keseluruhan loji rawatan air bersama-sama hak milik tapak tanah loji tersebut, walaupun hanya sebahagian loji ini adalah hak milik syarikat konsesi, iaitu bahagian yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat konsesi.
- k) Jika syarat dan pendirian Kerajaan Persekutuan dipersetujui, kesemua aset-aset air Negeri Selangor bernilai RM14.9 bilion perlu dipindahkan kepada PAAB untuk menyelesaikan liabiliti syarikat-syarikat konsesi dan nilai aset-aset air Negeri Selangor yang boleh ditawarkan kepada PAAB tidak mencukupi untuk menjana dana RM2 bilion bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi oleh Air Selangor.
- l) Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa Perjanjian Utama yang telah dirunding dan dipersetujui pada September tahun lalu adalah berdasarkan prinsip dan semangat “commercial agreement” untuk mengasingkan tanah dan aset air syarikat konsesi. Ini ialah berdasarkan hujah-hujah yang berikut:
- i. Syarikat konsesi tidak memiliki apa-apa tanah di dalam buku akaunnya. Syarikat konsesi hanya menaik taraf aset air di atas tanah milik Kerajaan Negeri.
 - ii. Nilai aset air dan tanah milik Kerajaan Negeri adalah jauh lebih tinggi dari aset air yang telah di naik taraf oleh syarikat konsesi. Umpamanya, anggaran Kerajaan Negeri ialah hanya lebih kurang 1,000 kilometer paip air telah di baik pulih oleh syarikat konsesi berbanding jumlah 26,000 kilometer paip milik Kerajaan Negeri.
 - iii. Termasuk di dalam bond syarikat konsesi ialah amaun yang tidak di belanjakan oleh syarikat konsesi untuk apa-apa aset air. Umpamanya, ada syarikat konsesi yang menggunakan bond air

untuk pembayaran hutang tertunggak bekalan air. Untuk melaksanakan pengambilalihan bond tersebut oleh PAAB, suatu “*commercial agreement*” perlu dicapai untuk pengambilalihan bond dan penyewaan balik kepada Air Selangor sebagai suatu “*contractual lease*”.

- m) Syarikat-syarikat konsesi air tidak pernah diberi hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut oleh Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, tapak tanah aset syarikat konsesi air tidak termasuk di dalam senarai aset-aset syarikat konsesi yang akan dipindahkan kepada PAAB.
- n) Dari awal perbincangan lagi telah dipersetujui aset syarikat-syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB adalah meliputi aset-aset yang telah di naik taraf (*upgraded asset*) oleh Syarikat Konsesi dan tidak melibatkan soal pindah milikan tanah. Perkara ini telah dipersetujui semasa dalam rundingan sebelum Perjanjian Utama dimuktamadkan.
- o) Pendirian Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kesemua pemindahan aset-aset syarikat konsesi kepada PAAB beserta pemindahan milik tapak tanah menjurus kepada keadaan bahawa Kerajaan Negeri Selangor perlu menyerahkan kedaulatan ke atas tanah-tanah milik Negeri Selangor selama 45 tahun kepada Kerajaan Persekutuan melalui PAAB.
- p) Keengganan Kerajaan Persekutuan menerima pemindahan milik hanya bahagian-bahagian aset air yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat konsesi seperti mana yang telah disenaraikan di dalam Perjanjian Utama sebaliknya meletakkan syarat supaya keseluruhan aset-aset bersama pemilikan tanah dipindahkan kepada PAAB menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan inginkan hak milik keseluruhan loji rawatan air yang terlibat beserta tapak tanah walaupun hanya sebahagian sahaja dari aset tersebut menjadi hak milik syarikat konsesi.
- q) Perbincangan dan perundingan selanjutnya mengenai perkara-perkara yang diuraikan di atas akan berterusan sedangkan tarikh akhir untuk memenuhi CPs bagi Perjanjian Utama adalah pada 9 Mac 2015. Di dalam Perjanjian Utama telah diperuntukkan mengenai tempoh bagi semua pihak kepada Perjanjian untuk memenuhi CPs iaitu 60 hari selepas Perjanjian Utama ditandatangani atau tarikh lain yang dipersetujui bersama oleh semua pihak dalam Perjanjian. Perjanjian Utama ditandatangani pada 12 September 2014 di mana tempoh untuk memenuhi CPs adalah pada 12 November 2014. Pihak-pihak kepada

Perjanjian Utama telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh memenuhi CPs sebanyak dua kali, pada 09 Februari 2015 dan yang terakhirnya pada 09 Mac 2015.

- r) Pendirian Kerajaan Persekutuan mengenai pemindahan aset-aset ini turut mempengaruhi keperluan mendapatkan Lesen Kemudahan dan Lesen Perkhidmatan oleh Air Selangor. Kerajaan Negeri Selangor maklum bahawa di bawah Akta 655 diperuntukkan mengenai kehendak bagi Lesen Individu. Di bawah lesen individu ini terdapat beberapa kategori lesen antaranya Lesen Kemudahan dan Lesen Perkhidmatan. Lesen Kemudahan ini diberikan kepada mereka yang mempunyai satu sistem bekalan air atau mana-mana bahagian dari sistem bekalan air tersebut. Bagi membolehkan Air Selangor menjadi Pemegang Lesen Kemudahan, Air Selangor perlu memiliki suatu sistem bekalan air atau mana-mana bahagian sistem bekalan air tersebut.
- s) Dalam hal ini, sekiranya Kerajaan Persekutuan berpendirian bahawa semua aset air termasuk aset CCWA perlu dipindahkan kepada PAAB, bermakna Air Selangor tidak lagi menjadi pemilik aset dan tidak menepati syarat untuk menjadi Pemegang Lesen Kemudahan, sebaliknya Lesen Kemudahan itu akan diberikan kepada PAAB selaku pemilik ke atas aset-aset air tersebut. Sekiranya PAAB diberi Lesen Kemudahan bagi mengendalikan aset-aset air yang pada asalnya milik Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri tidak akan mempunyai kawalan penuh ke atas PAAB memandangkan PAAB bukanlah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor sebagaimana Air Selangor. Matlamat asal Kerajaan Negeri Selangor memindahmilik aset aset air kepada Air Selangor adalah untuk memastikan Air Selangor diberikan Lesen Kemudahan di bawah Akta 655.
- t) Di dalam Perjanjian Utama telah diperuntukkan bahawa tertakluk kepada permohonan yang telah dibuat bagi maksud perjanjian tersebut, Kerajaan Persekutuan hendaklah dengan sedaya upaya untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada Air Selangor untuk mendapatkan kelulusan berkenaan lesen yang diperlukan berhubung dengan pihak itu menjalankan hak dan menjalankan obligasinya di bawah Perjanjian ini.
- u) Berkenaan dengan Lesen Perkhidmatan pula, Kerajaan Negeri Selangor maklum akan syarat standard di bawah Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) 2007 di mana semua pemegang lesen rawatan air hendaklah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk mengambil air dari saluran air. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telahpun memberikan lesen abstraksi air kepada Kumpulan

Darul Ehsan Berhad (KDEB) selaku pemilik penuh kepada Air Selangor. Pihak yang tidak mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri tidak boleh diberikan lesen di bawah Akta 655.

- v) Oleh sebab Kerajaan Persekutuan mempunyai pendirian enggan menerima pindah-milik tapak tanah ke atas pemilikan aset oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta menggariskan pemindahan hak milik aset-aset air syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB perlu dipindahkan bersama-sama hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut, maka Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju tidak melanjutkan Perjanjian Utama selepas 9 Mac 2015.
- w) Perkara ini telah menjadi perbahasan dalam Dewan Rakyat di mana saya telah mempertahankan kedaulatan Negeri Selangor. Lanjutan daripada itu, YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air melalui surat bertarikh 12 Mac 2015 menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia untuk mematuhi semangat dan terma Perjanjian Utama, maka Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik dan telah hadir di dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air yang telah dipanggil oleh KETTHA pada 23 Mac 2015.
- x) Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Persekutuan dengan syarat rundingan hendaklah dibuat dengan mengambil kira prinsip, takrifan, semangat dan "*commercial agreement*" sebagaimana yang telah dipersetujui semasa rundingan dibuat untuk memuktamadkan Perjanjian Utama berdasarkan suatu *commercial agreement* untuk mengasingkan tanah aset air dan aset yang telah dinaiktarafkan oleh syarikat konsesi dan jelas dicerminkan di dalam Perjanjian Utama seperti takrifan berkaitan dengan urusan pindah milik CCWA di mana hanya aset yang dimiliki (*beneficially or legally owned*) oleh syarikat konsesi akan dipindahmilik.
- y) Mengenai Perjanjian pembelian saham dengan PNHB, ia sepatutnya berakhir pada 09 Mac 2015. Namun demikian, PNHB melalui kenyataan media pada 10 Februari 2015 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh memenuhi CPs Perjanjian Jual Beli Saham PNHB sehingga 09 April 2015.

III. Status Rundingan dengan Puncak Niaga Holdings Berhad

Perbincangan masih berterusan untuk mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya ke atas isu-isu yang telah dikemukakan oleh pihak Kerajaan

Persekutuan berkaitan dengan Perjanjian Utama (*Master Agreement*). Justeru, tarikh bagi memuktamadkan Perjanjian Pembelian Saham (*Share Purchase Agreement*) di antara Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ('Air Selangor') dan Puncak Niaga Holdings Berhad bagi pengambilalihan 70% pegangan saham dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd dan 100% pegangan saham dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd telah dilanjutkan ke 9 April 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : EKONOMI HAWA

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri mampu melaksanakan Strategi ke-3 Belanjawan 2015 Selangor, Memberdaya Ekonomi Hawa?
- b) Bagaimana pengumpulan data berkaitan penduduk wanita di Selangor dilakukan?

JAWAPAN:

- a) Dalam melaksanakan Strategi ke 3 Belanjawan 2015 Selangor, memberdaya ekonomi hawa, Kerajaan Negeri akan memperluaskan rangkaian capaian (*wifi hotspot*) bagi meningkatkan peluang dan ruang wanita khususnya wanita muda dalam menceburi bidang perniagaan atas talian (*Online Business*). Secara tidak langsung ia memberi kemudahan wanita bekerja dari rumah.
- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak melaksanakan pengumpulan data berkaitan penduduk wanita di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri merujuk kepada statistik yang dibekalkan oleh Jabatan Statistik Negara bagi tujuan tersebut. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan mana-mana pihak khususnya oleh institusi pengajian tinggi untuk membuat kajian dalam pengumpulan data berkaitan penduduk wanita di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROGRAM PADAT

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program yang dilaksanakan dibawah PADAT sepanjang tahun lalu dan tiga bulan tahun ini?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk program PADAT
- c) Bagaimana pemilihan kelayakan CEO PADAT dibuat?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2014, PADAT telah menjalankan pelbagai program merangkumi pameran sementara, seminar dan bengkel. Berikut merupakan senarai program yang telah dilakukan sepanjang tahun 2014 dan tiga bulan tahun ini. Selain daripada program-program yang disebut PADAT turut menjalankan kerja-kerja konservasi, penyelidikan dan penerbitan sebagaimana yang dirancang dalam sasaran kerja tahunan PADAT.

SENARAI PROGRAM PADAT JANUARI – DISEMBER 2014

BIL	TAJUK PROGRAM	TARIKH
1.	Temasya Seni Silat	01 Mac 2014
2.	Program Lelong Barang Antik / Unik	05 April 2014
3.	Larian Muzium	01 Mei 2014

4.	<p>Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan</p> <ul style="list-style-type: none">- Pameran 25 tahun Muzium Sultan Alam Shah- Kembara Muzium (Shah Alam – Kuala Selangor)- Bengkel Seni Cempuling Warisan Negeri Selangor- Pertandingan Gubahan Sireh- Pertandingan Mewarna- Malam Jalinan Kasih- Pertandingan Nasi Ambeng- Malam Sembah Kasih- Pertandingan Boling- Jelajah Basikal Antik- Bual Bicara Agama	13 – 18 Mei 2014
----	--	------------------

	<ul style="list-style-type: none"> - Bengkel Tengkolok - Pertandingan Sukan Dalaman - Makan Malam Kesejahteraan - Bengkel Labu Sayong dan lain – lain 	
5.	Dialong “Sembang-Sembang Muzium”	18 Jun 2014
6.	Kejohanan Bola sepak 9 Sebelah Pilihan Muzium	01 Oktober 2014
7.	Pameran Nostalgia Permainan Kanak-Kanak	04 November 2014 hingga kini
8.	Seminar Kesultanan Selangor	18 November 2014

9.	Bengkel Pantang Larang masyarakat Melayu, Orang Asli, Cina, India, dan Punjabi di Selangor	25 – 26 November 2014
----	--	--------------------------

SENARAI PROGRAM PADAT JANUARI HINGGA MAC 2015

BIL	TAJUK PROGRAM	TARIKH
1.	Kursus "We Are the Host"	12 Mac 2015
2.	Program 3K di Sabak Bernam	20 – 21 Mac 2015
3.	Seminar dan Bengkel Konservasi Bangunan Warisan Selangor	24 – 24 Mac 2015

a.

- b) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk program PADAT sepanjang tahun 2014 dan tiga bulan 2015 di anggarkan sebanyak RM 537,336.70.
- c) Kelayakan CEO PADAT dibuat melalui :-
- i. Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor adalah jawatan terbuka pada Gred 52 mengikut waran; dan
 - ii. Mengikut Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor No.4 Tahun 2009; dan
 - iii. Bahagian V, Seksyen 15(1) Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu, melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan dan meletakkan apa-apa tugas yang ditentukan / pelantikan ini tentunya dibuat berdasarkan pertimbangan kepada seseorang yang difikirkan

dapat melaksanakan tugas mengikut tugas yang termaktuk di bawah seksyen 16(1); dan

- iv. Seksyen 16(4) menyebut sekiranya Ketua Pegawai Eksekutif tidak ada buat sementara waktu, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain, Perbadanan boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa negeri mengarahkan mana-mana pegawai lain untuk melaksanakan tugas Pegawai Eksekutif semasa Ketua Pegawai Eksekutif tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : CADANGAN PEMBINAAN PINTU GERBANG DI JALAN BESAR
PANDAMARAN**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pintu gerbang di Jalan Besar Pandamaran yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada awal tahun 2014 masih tidak dapat dibina kerana masih belum menerima kebenaran JKR yang telah terlampau lama. Apakah Kerajaan Negeri yang boleh membantu untuk mendapat kebenaran JKR?

JAWAPAN:

- a) Permohonan ini telah dimajukan kepada JKR Klang dan selanjutnya jabatan berkenaan telah memajukan perkara ini kepada JKR Malaysia melalui surat bertarikh 4 Disember 2014. Sehingga kini, dimaklumkan oleh pihak JKR Klang masih belum menerima maklumbalas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SAVE MELAWATI HILL, HULU KELANG

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ke tahap manakah kebenaran merancang bagi pembangunan Melawati Hill telah diluluskan?
- b) Apakah faktor-faktor yang menjadi sebab kerajaan mampu bertahan (2008–2014) untuk tidak meluluskan sebarang kebenaran merancang?
- c) Sejauh manakah kerajaan akan bersama rakyat dalam kempen Save Melawati Hill?

JAWAPAN:

- a) Kebenaran Merancang telah diluluskan pada 17/6/2014. Walau bagaimanapun, pelan kerja tanah dan pelan pembangunan masih belum dikemukakan.
- b) Permohonan dibincangkan di Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTPKSAS) kerana terlibat dengan cerun kelas 3. Faktor tempoh masa yang lama adalah disebabkan penelitian terhadap pematuhan keperluan tanah tinggi dan juga faktor bantahan penduduk sekitar.
- c) Kelulusan Kebenaran Merancang diberikan setelah pihak pemaju/pemohon memasuki semua keperluan garis panduan. Bantahan penduduk sekitar telah diambil kira dengan meminta pemaju meminda pelan daripada 595 unit kondominium kepada 141 unit rumah sesebuah dan strata link.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : PERTANIAN

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan bilamana lambakan buah-buahan tempatan seperti rambutan yang di tanam oleh orang ramai terutama di kawasan luar bandar tidak dapat dijual atau terbiar busuk begitu sahaja disebabkan permintaan yang kurang?

JAWAPAN:

- a) Langkah jabatan membantu memasarkan buah-buahan adalah dengan menemusuakan petani tersebut dengan usahawan industri asas tani bimbingan Jabatan Pertanian yang bersesuaian supaya hasil buah-buahan yang berlebihan tersebut dapat digunakan untuk industri hiliran seperti pembuatan jus, bakeri dan lain-lain produk hiliran berasaskan buah-buahan. Selain itu Jabatan Pertanian mendapatkan kerjasama agensi FAMA untuk membantu petani yang memerlukan pasaran hasil buah-buahan tersebut.

Usaha-usaha juga dibuat supaya buah-buahan ini boleh dieksport adalah dengan memastikan pengeluaran hasil yang bermutu tinggi dan mempunyai pensijilan MyGAP atau SOM. MyGAP merupakan skim pensijilan yang komprehensif untuk sektor tanaman, Pensijilan MyGAP ini memudahkan laluan pasaran eksport memandangkan pensijilan ini telah dikenali di seluruh dunia

Melalui Program Ladang Kontrak Jabatan Pertanian, luang-luang pasaran untuk eksport hasil pertanian dapat dikenalpasti dengan kerjasama agensi-agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Petani yang terlibat akan dibantu untuk mencapai standard yang diperlukan untuk tujuan eksport.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian turut memperuntukkan insentif sebanyak RM 480,000 pada tahun 2014 untuk membantu penanam buah-buahan di Negeri Selangor termasuk menanam benih bagi klon pokok buah-buahan yang mempunyai nilai di pasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : BENIH KELAPA MATAG

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah benar benih kelapa matag sukar diperolehi sekarang ini?
- b) Jika benar, bagaimana program tanaman semula kelapa hendak dilaksanakan?
- c) Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Benar. Secara umumnya terdapat kekurangan benih kelapa matag di Selangor. Pada ketika ini Jabatan Pertanian Negeri Selangor memerlukan bekalan sekitar 20,000 pokok setahun dimana kita boleh melaksanakan projek penanaman semula dengan jenis matag sekitar 130 hektar setahun.
- b) Bagi mengatasi masalah ini, penanaman semula kelapa dilaksanakan secara berperingkat. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian menggalakkan petani menanam varieti kelapa lain seperti kelapa pandan.
- c) Jabatan Pertanian Selangor akan terus bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Persekutuan bagi mendapatkan bekalan kelapa matag secara berterusan. Di samping itu kita juga mendapatkan bekalan tambahan dari pihak swasta khususnya United Plantation Berhad.

Maklumat tambahan :

Pengeluaran benih kelapa matag terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Pertanian Persekutuan dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 60,000 biji setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR DENGAN
PUNCAK NIAGA**

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini penstrukturan semula industri air Selangor memandangkan penjualan aset air oleh Puncak Niaga Holdings Berhad kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) masih belum dimuktamadkan dan tarikh akhir terpaksa dilanjutkan sehingga ke 9 Mac 2015?

JAWAPAN:

Melalui penelitian saya, terdapat beberapa soalan yang telah ditanyakan tentang perkara berkaitan penstrukturan industri bekalan air Negeri Selangor serta yang melibatkan perjanjian air yang telah ditandatangani sebelum ini. Soalan-soalan tersebut datang dari :

No Soalan	Nama Adun	Tajuk Soalan
1	Sekinchan	Penyusunan Semula Industri Air Selangor a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini usaha penyusunan tersebut? b) Sila nyatakan apakah kekangan yang dihadapi sehingga menyebabkan usaha tersebut masih enggak bisa sukses sepenuhnya? c) Sila nyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor sekiranya usaha tersebut menemui jalan buntu?
157	Meru	Konsesi Perjanjian Air Selangor a) Bilakah konsesi air Selangor akan selesai? b) Apakah halangan penyelesaian tersebut? c) Apakah tindakan diambil dalam mempertahankan hak air kerajaan Selangor?
164	Kampung Tunku	Penstrukturan Semula Industri Air Selangor Dengan Puncak Niaga a) Apakah perkembangan terkini penstrukturan semula industri air Selangor antara Puncak Niaga dengan Pengurusan Air

No Soalan	Nama Adun	Tajuk Soalan
		Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memandangkan perkara ini masih belum dimuktamadkan dan tempoh rundingan sepanjang satu tahun hampir akan tamat sekitar pertengahan tahun 2015?

Saya yakin dan percaya semua Ahli Yang Berhormat sangat berminat berkaitan isu yang melibatkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air ini.

Izinkan saya untuk menjawab bersekali semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya nyatakan tadi memandangkan semua soalan tersebut merujuk kepada perkara yang sama. Saya akan menjawab dan menerangkan perkara-perkara berikut:

- I. Matlamat penstrukturan semula industri perkhidmatan air
- II. Status Terkini Penstrukturan Industri Bekalan Air Negeri Selangor dan isu-isu yang berbangkit
- III. Status rundingan dengan Puncak Niaga

I. Matlamat penstrukturan semula industri perkhidmatan air

- a) Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor pada ketika ini adalah tidak dijalankan secara holistik di mana aktiviti rawatan dan agihan dikendalikan oleh operator yang berlainan. Keadaan yang tidak holistik ini telah menyumbang kepada pengurusan air yang tidak cekap dan kos operasi yang membebankan pengguna melalui kenaikan tarif yang tinggi.
- b) Justeru itu, sebagai usaha untuk menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh industri perkhidmatan air, Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 21/2007 yang bersidang pada 11 Julai 2007, telah bersetuju dengan penyusunan semula Pemegang Konsesi Air Selangor di bawah satu konsortium yang akan diterajui oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).
- c) Objektif penstrukturan semula adalah untuk mengambil alih semua syarikat konsesi air di Negeri Selangor dan menyusun semula industri perkhidmatan air ke arah satu perkhidmatan yang holistik di bawah satu operator yang dimiliki penuh oleh Kerajaan Negeri dan di kawalselia di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

bagi merealisasikan perkhidmatan air yang efisien, efektif, berdaya saing dan mapan untuk memenuhi ciri-ciri berikut:-


- i. sebuah syarikat yang dimiliki penuh ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;
 - ii. sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) ; dan
 - iii. sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh SPAN.
- d) Dalam menentukan nilai yang perlu dibayar kepada syarikat konsesi air sedia ada, Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan kepentingan pengguna dan pada masa yang sama tidak merugikan mana-mana pihak. Ini adalah kerana nilai yang diputuskan akan memberi implikasi dan kesan ke atas kadar sewa pajak dan tarif air kepada pengguna.

II. Status rundingan penstrukturan semula industri perkhidmatan air dan isu-isu yang berbangkit

- a) Dalam usaha untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor, pada 12 September 2014, Perjanjian Utama (Master Agreement) telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad ("PAAB") dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ("Air Selangor"). Salah satu terma utama di dalam Perjanjian Utama tersebut adalah mengenai *Condition Precedent* yang mana memperuntukkan bahawa Perjanjian Pembelian Saham (SPA) di antara Air Selangor dan Puncak Niaga Holding Berhad (PNHB) sebagai pemegang saham utama di dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd dan SYABAS hendaklah ditandatangani dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh Perjanjian Utama.
- b) Pada 11 November 2014, anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) telah menandatangani perjanjian pembelian saham dengan Puncak Niaga Holding Bhd (PNHB) sepertimana yang disyaratkan oleh Perjanjian Utama (*Master Agreement*). Pembelian saham dari PNHB ini melibatkan syarikat pemegang konsesi air iaitu SYABAS dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB).


- c) Pada 22 September 2014, Kerajaan Negeri dan Air Selangor telah menandatangani Perjanjian Pindahan Aset untuk memindahkan aset bekalan air yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri kepada Air Selangor. Ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan Negeri Selangor dalam memenuhi peruntukkan yang ditetapkan dalam Perjanjian Utama sebagai usaha untuk menjayakan penstrukturan semula ini.
- d) Selanjutnya, Pemegang Saham di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd sedang dalam proses memuktamadkan penjualan ekuiti kepada Air Selangor lanjutan dari keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 07 Januari 2015 yang telah memberikan persetujuan supaya Titisan Modal Sdn Bhd (TMSB) sebagai pemegang saham 100% di dalam Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) menjual saham kepada Air Selangor bagi tujuan memenuhi syarat terdahulu yang diperuntukkan di dalam Perjanjian Utama. Peratusan dan struktur pemegang saham sedia ada dan baru di dalam ABASS adalah seperti berikut:-

Struktur sedia ada ABASS



Struktur baru ABASS

(selepas pengambilalihan dimuktamadkan)



- e) Di dalam Perjanjian Utama dipersetujui bahawa aset-aset air bernilai sehingga RM2 bilion (“Aset Air RM2 bilion”) akan dipindah-milik kepada PAAB oleh Air Selangor untuk Air Selangor mendapatkan pembayaran tunai berjumlah RM2 bilion bagi membiayai pengambilalihan syarikat-

syarikat konsesi. Antara aset air yang telah disenaraikan untuk dipindah milik adalah LRA Sungai Semenyih, LRA Bukit Nanas, LRA Sungai Langat dan LRA SSP 1. Dalam mesyuarat yang diadakan di KETTHA pada 16 Februari 2015, dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memuktamadkan bahawa aset-aset air yang terletak di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah hak milik Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan enggan menerima pindah-milik tapak tanah kedua-dua aset air tersebut sebagai aset yang akan dipindah-milik kepada PAAB. Nilai buku kedua aset air ini berjumlah RM602.0 juta.

- f) Bagi tujuan menyelesaikan isu tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk menggantikan kedua aset tersebut dengan aset-aset air lain yang mempunyai nilai buku yang sama.
- g) Selain dari isu pemilikan aset oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kerajaan Persekutuan melalui KETTHA telah berpendirian bahawa pemindahan hak milik aset-aset air syarikat konsesi (CCWA) yang akan dipindah milik kepada PAAB perlu dipindahkan bersama-sama hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut.
- h) Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa pendirian KETTHA tersebut adalah menyimpang dari semangat asal Perjanjian Utama digubal. Hasrat untuk mengasingkan hak milik aset-aset air daripada hak milik tapak tanah di mana terletaknya aset-aset air tersebut adalah berpaksikan kepada justifikasi bahawa syarikat-syarikat konsesi tidak pernah diberi hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, tapak tanah aset-aset syarikat konsesi air tidak termasuk di dalam senarai aset-aset syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB. Tambahan pula, aset-aset yang disenaraikan untuk dipindahmilik kepada PAAB yang disenaraikan di dalam *Appendix 7*, Perjanjian Utama hanya tertakluk kepada aset-aset air yang telah dinaiktaraf dan dimiliki oleh syarikat konsesi sedangkan tapak tanah adalah di bawah milik Kerajaan Negeri Selangor.
- i) Pengasingan hak milik aset-aset air daripada hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut bagi membolehkan Kerajaan Negeri menawarkan tanah-tanah tersebut sehingga nilai RM2 bilion kepada PAAB untuk menjana dana bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi. Melalui kaedah ini, aset-aset air Negeri Selangor selebihnya yang bernilai RM12.9 bilion akan kekal di bawah hak milik Kerajaan Negeri melalui Air Selangor.

- j) Jika pendirian KETTHA tersebut dipersetujui, ianya bermakna kesemua pemindahan-milik aset-aset syarikat konsesi kepada PAAB mesti sertakan bersama pemindahan-milik tapak tanah di mana terletaknya aset-aset tersebut. Kerajaan Negeri Selangor tidak lagi menjadi pemilik ke atas tanah-tanah tersebut selama 45 tahun. Di samping itu juga, KETTHA enggan menerima pemindahan-milik hanya bahagian-bahagian aset air yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat-syarikat konsesi, sepertimana yang disenaraikan di dalam Perjanjian Utama di bawah senarai aset-aset syarikat konsesi, sebaliknya meletakkan syarat supaya keseluruhan aset-aset air bersama – sama hak milik tapak tanah aset-aset tersebut dipindah-milik kepada PAAB. Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan inginkan hak milik keseluruhan loji rawatan air bersama-sama hak milik tapak tanah loji tersebut, walaupun hanya sebahagian loji ini adalah hak milik syarikat konsesi, iaitu bahagian yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat konsesi.
- k) Jika syarat dan pendirian Kerajaan Persekutuan dipersetujui, kesemua aset-aset air Negeri Selangor bernilai RM14.9 bilion perlu dipindahkan kepada PAAB untuk menyelesaikan liabiliti syarikat-syarikat konsesi dan nilai aset-aset air Negeri Selangor yang boleh ditawarkan kepada PAAB tidak mencukupi untuk menjana dana RM2 bilion bagi membiayai pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi oleh Air Selangor.
- l) Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa Perjanjian Utama yang telah dirunding dan dipersetujui pada September tahun lalu adalah berdasarkan prinsip dan semangat “commercial agreement” untuk mengasingkan tanah dan aset air syarikat konsesi. Ini ialah berdasarkan hujah-hujah yang berikut:
- i. Syarikat konsesi tidak memiliki apa-apa tanah di dalam buku akaunnya. Syarikat konsesi hanya menaik taraf aset air di atas tanah milik Kerajaan Negeri.
 - ii. Nilai aset air dan tanah milik Kerajaan Negeri adalah jauh lebih tinggi dari aset air yang telah di naik taraf oleh syarikat konsesi. Umpamanya, anggaran Kerajaan Negeri ialah hanya lebih kurang 1,000 kilometer paip air telah di baik pulih oleh syarikat konsesi berbanding jumlah 26,000 kilometer paip milik Kerajaan Negeri.
 - iii. Termasuk di dalam bond syarikat konsesi ialah amaun yang tidak di belanjakan oleh syarikat konsesi untuk apa-apa aset air. Umpamanya, ada syarikat konsesi yang menggunakan bond air untuk pembayaran hutang tertunggak bekalan air. Untuk

melaksanakan pengambilalihan bond tersebut oleh PAAB, suatu “*commercial agreement*” perlu dicapai untuk pengambilalihan bond dan penyewaan balik kepada Air Selangor sebagai suatu “*contractual lease*”.

- m) Syarikat-syarikat konsesi air tidak pernah diberi hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut oleh Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, tapak tanah aset syarikat konsesi air tidak termasuk di dalam senarai aset-aset syarikat konsesi yang akan dipindahkan kepada PAAB.
- n) Dari awal perbincangan lagi telah dipersetujui aset syarikat-syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB adalah meliputi aset-aset yang telah di naik taraf (*upgraded asset*) oleh Syarikat Konsesi dan tidak melibatkan soal pindah milikan tanah. Perkara ini telah dipersetujui semasa dalam rundingan sebelum Perjanjian Utama dimuktamadkan.
- o) Pendirian Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kesemua pemindahan aset-aset syarikat konsesi kepada PAAB beserta pemindahan milik tapak tanah menjurus kepada keadaan bahawa Kerajaan Negeri Selangor perlu menyerahkan kedaulatan ke atas tanah-tanah milik Negeri Selangor selama 45 tahun kepada Kerajaan Persekutuan melalui PAAB.
- p) Keengganan Kerajaan Persekutuan menerima pemindahan milik hanya bahagian-bahagian aset air yang telah dipulihkan dan ditingkatkan oleh syarikat konsesi seperti mana yang telah disenaraikan di dalam Perjanjian Utama sebaliknya meletakkan syarat supaya keseluruhan aset-aset bersama pemilikan tanah dipindahkan kepada PAAB menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan inginkan hak milik keseluruhan loji rawatan air yang terlibat beserta tapak tanah walaupun hanya sebahagian sahaja dari aset tersebut menjadi hak milik syarikat konsesi.
- q) Perbincangan dan perundingan selanjutnya mengenai perkara-perkara yang diuraikan di atas akan berterusan sedangkan tarikh akhir untuk memenuhi CPs bagi Perjanjian Utama adalah pada 9 Mac 2015. Di dalam Perjanjian Utama telah diperuntukkan mengenai tempoh bagi semua pihak kepada Perjanjian untuk memenuhi CPs iaitu 60 hari selepas Perjanjian Utama ditandatangani atau tarikh lain yang dipersetujui bersama oleh semua pihak dalam Perjanjian. Perjanjian Utama ditandatangani pada 12 September 2014 di mana tempoh untuk

memenuhi CPs adalah pada 12 November 2014. Pihak-pihak kepada Perjanjian Utama telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh memenuhi CPs sebanyak dua kali, pada 09 Februari 2015 dan yang terakhirnya pada 09 Mac 2015.

- r) Pendirian Kerajaan Persekutuan mengenai pemindahan aset-aset ini turut mempengaruhi keperluan mendapatkan Lesen Kemudahan dan Lesen Perkhidmatan oleh Air Selangor. Kerajaan Negeri Selangor maklum bahawa di bawah Akta 655 diperuntukkan mengenai kehendak bagi Lesen Individu. Di bawah lesen individu ini terdapat beberapa kategori lesen antaranya Lesen Kemudahan dan Lesen Perkhidmatan. Lesen Kemudahan ini diberikan kepada mereka yang mempunyai satu sistem bekalan air atau mana-mana bahagian dari sistem bekalan air tersebut. Bagi membolehkan Air Selangor menjadi Pemegang Lesen Kemudahan, Air Selangor perlu memiliki suatu sistem bekalan air atau mana-mana bahagian sistem bekalan air tersebut.
- s) Dalam hal ini, sekiranya Kerajaan Persekutuan berpendirian bahawa semua aset air termasuk aset CCWA perlu dipindahkan kepada PAAB, bermakna Air Selangor tidak lagi menjadi pemilik aset dan tidak menepati syarat untuk menjadi Pemegang Lesen Kemudahan, sebaliknya Lesen Kemudahan itu akan diberikan kepada PAAB selaku pemilik ke atas aset-aset air tersebut. Sekiranya PAAB diberi Lesen Kemudahan bagi mengendalikan aset-aset air yang pada asalnya milik Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri tidak akan mempunyai kawalan penuh ke atas PAAB memandangkan PAAB bukanlah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor sebagaimana Air Selangor. Matlamat asal Kerajaan Negeri Selangor memindahmilik aset air kepada Air Selangor adalah untuk memastikan Air Selangor diberikan Lesen Kemudahan di bawah Akta 655.
- t) Di dalam Perjanjian Utama telah diperuntukkan bahawa tertakluk kepada permohonan yang telah dibuat bagi maksud perjanjian tersebut, Kerajaan Persekutuan hendaklah dengan sedaya upaya untuk memberi bantuan yang sewajarnya kepada Air Selangor untuk mendapatkan kelulusan berkenaan lesen yang diperlukan berhubung dengan pihak itu menjalankan hak dan menjalankan obligasinya di bawah Perjanjian ini.
- u) Berkenaan dengan Lesen Perkhidmatan pula, Kerajaan Negeri Selangor maklum akan syarat standard di bawah Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) 2007 di mana semua pemegang lesen rawatan air hendaklah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk mengambil air dari saluran air. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor telahpun memberikan lesen abstraksi air kepada Kumpulan

Darul Ehsan Berhad (KDEB) selaku pemilik penuh kepada Air Selangor. Pihak yang tidak mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri tidak boleh diberikan lesen di bawah Akta 655.

- v) Oleh sebab Kerajaan Persekutuan mempunyai pendirian enggan menerima pindah-milik tapak tanah ke atas pemilikan aset oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta menggariskan pemindahan hak milik aset-aset air syarikat konsesi yang akan dipindah milik kepada PAAB perlu dipindahkan bersama-sama hak milik tapak tanah aset-aset air tersebut, maka Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju tidak melanjutkan Perjanjian Utama selepas 9 Mac 2015.
- w) Perkara ini telah menjadi perbahasan dalam Dewan Rakyat di mana saya telah mempertahankan kedaulatan Negeri Selangor. Lanjutan daripada itu, YB Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air melalui surat bertarikh 12 Mac 2015 menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan bersedia untuk mematuhi semangat dan terma Perjanjian Utama, maka Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik dan telah hadir di dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air yang telah dipanggil oleh KETTHA pada 23 Mac 2015.
- x) Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Persekutuan dengan syarat rundingan hendaklah dibuat dengan mengambil kira prinsip, takrifan, semangat dan "*commercial agreement*" sebagaimana yang telah dipersetujui semasa rundingan dibuat untuk memuktamadkan Perjanjian Utama berdasarkan suatu *commercial agreement* untuk mengasingkan tanah aset air dan aset yang telah dinaiktarafkan oleh syarikat konsesi dan jelas dicerminkan di dalam Perjanjian Utama seperti takrifan berkaitan dengan urusan pindah milik CCWA di mana hanya aset yang dimiliki (*beneficially or legally owned*) oleh syarikat konsesi akan dipindahmilik.
- y) Mengenai Perjanjian pembelian saham dengan PNHB, ia sepatutnya berakhir pada 09 Mac 2015. Namun demikian, PNHB melalui kenyataan media pada 10 Februari 2015 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh memenuhi CPs Perjanjian Jual Beli Saham PNHB sehingga 09 April 2015.

III. Status Rundingan dengan Puncak Niaga Holdings Berhad

Perbincangan masih berterusan untuk mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya ke atas isu-isu yang telah dikemukakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan Perjanjian Utama (*Master Agreement*).

Justeru, tarikh bagi memuktamadkan Perjanjian Pembelian Saham (*Share Purchase Agreement*) di antara Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ('Air Selangor') dan Puncak Niaga Holdings Berhad bagi pengambilalihan 70% pegangan saham dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd dan 100% pegangan saham dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd telah dilanjutkan ke 9 April 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PWB (PUSAT WANITA BERDAYA)

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah masalah sebenar yang dihadapi hingga pelantikan masih tertangguh
- b) Kenapa perlu ditemuduga untuk melantik hanya seorang penyelia atau penyelaras
- c) Kenapa tidak lantikan hanya dibuat oleh ADN untuk mengelak banyak birokrasi

JAWAPAN:

- a) Pusat Komuniti Wanita (PKW) yang diwujudkan sejak tahun 2009 di lapan (8) DUN sebagai *pilot* program di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, ia telah ditukar kepada nama yang baru dengan panggilan Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Bagi memastikan kelancaran PWB di peringkat DUN, mantan YB Exco ketika itu, berpandangan perlunya seorang penyelia di setiap DUN yang berperanan sebagai urus setia bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Mulai Jun 2012 hingga Mac 2013 untuk penyelia ini telah diberi sagu hati oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) menggunakan peruntukan Geran Selangorku. Namun mulai Januari 2014 hingga kini, penyelia ini tidak diberikan sebarang sagu hati dan perkara ini dibangkitkan oleh para penyelia tentang bayaran elaun dan status perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, satu kertas cadangan berhubung PWB Selangor telah dikemukakan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 13 /2014 melalui kertas MMK. No. 43/13/2014. Namun demikian terdapat beberapa pindaan penambahbaikan ke atas kertas tersebut.

Kertas penambahbaikan tersebut dikemukakan semula di dalam MMKN ke 46/2014 bertarikh 28 November 2014 untuk kelulusan.

Setelah keputusan diperolehi melalui Cabutan Keputusan Kertas MMKN bertarikh 28 November 2014 dan telah disahkan oleh MMKN ke 47/2014 pada 10 Disember 2014 maka bermula proses pelantikan Penyelia PWB secara rasmi.

Surat makluman telah dihantar ke semua pejabat ADUN untuk mengemukakan senarai calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut.

Sesi temuduga telah dijalankan sebanyak lima (5) sesi bermula pada 27 Januari 2015 sehingga 30 Januari 2015. Satu sesi temuduga bertarikh 23 Februari 2015 turut diadakan berikutan terdapat beberapa ADUN yang lewat mengemukakan calon untuk ditemuduga. Seramai 100 orang calon telah hadir ke sesi temuduga tersebut.

Para penemuduga adalah terdiri daripada :-

- i. Seorang wakil dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) SUK Selangor;
- ii. Seorang wakil dari Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor; dan
- iii. Seorang wakil dari Pejabat YB Exco.

Senarai 56 orang calon yang berjaya telah diangkat melalui kertas makluman ke MMKN pada 18 Mac 2015. Surat lantikan akan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri setelah keputusan rasmi kertas makluman berkenaan diperolehi.

- b) Temuduga merupakan salah satu syarat penting dalam proses lantikan sesuatu jawatan. Ini bertujuan agar calon-calon yang dicadangkan berkeelayakan selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan adalah berpandukan tatacara lantikan oleh Kerajaan Negeri.
- c) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) SUK Selangor adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan sebarang urusan pelantikan kakitangan awam Kerajaan Negeri termasuklah lantikan Penyelia PWB. Manakala elaun adalah disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada para Penyelia PWB yang dilantik tersebut. Oleh yang demikian, adalah jelas urusan pelantikan adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan untuk membangunkan Modal Insan kaum belia ?
- b) Senaraikan program-program yang telah dirancang.
- c) Berapakah bajet disediakan untuk program ini ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri berusaha untuk membangunkan modal insan kaum belia adalah melalui pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang menjadi tunjang utama di dalam menggerakkan ratusan program-program dan aktiviti pembangunan belia di pelbagai peringkat seluruh Selangor.

Pembahagian kawasan pentadbiran seseorang PeBT mengikut setiap zon PBT menjadikan taburan pelaksanaan pelbagai program belia di Selangor berlaku secara menyeluruh tanpa mengabaikan di mana-mana kawasan bandar atau terpencil.

Pengerusi PeBT yang dibantu oleh sekumpulan AJK di peringkat zon tertentu tersebut menjadikan mereka satu jentera rasmi Kerajaan Negeri yang bergerak di lapangan dengan mendekati belia dan kumpulan sasarannya.

- b) dan c)

Program-program yang telah dirancang pada tahun 2015 dan bajet atau peruntukan yang disediakan adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Program	Peruntukan
1.	International Youth Conference	RM100,000.00
2.	Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana berikut :- i) Kemasyarakatan	RM1,440,000.00

	<ul style="list-style-type: none"> - Program Hijrah To The Great Mukmin - Program Keluarga Angkat dan Fakir Miskin - Program Gotong- Royong Bersama Rakyat - Program Hari Mesra Belia dan Usahawan - Kempen Derma Darah Kemasyarakatan <p>ii) Kepimpinan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Program Motivasi Remaja - Bengkel Pengurusan Organisasi dan Perancangan - Program Pembangunan Jatidiri dan Sahsiah - Expidisi Cabaran Rimba - Remaja Kini Bermula <p>iii) Pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Klinik Teknik Penulisan Bahasa Inggeris dan Bengkel Kerjaya - Ceramah Pendidikan dan Motivasi - Klinik Al-Quran dan Fardhu Ain - Kursus Pembangunan Kerja Belia - Program Keibubapaan dan Pengenalan Pusat Tuisyen Masyarakat 	
3.	Change Management dan Kursus Asas	RM20,000.00
4.	Program ADUN Muda Selangor	RM50,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : JALAN DAN LAMPU JALAN YANG ROSAK

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memperbaiki jalan rosak di Jalan Utama Bukit Changgang-Salak Tinggi?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memperbaiki jalan rosak di Jalan Jenderam-Dengkil?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memperbaiki lampu jalan jenis LED yang malap dan tidak berfungsi di Jalan Jenderam-Dengkil?

JAWAPAN:

- a) Jalan yang dimaksudkan adalah jalan persekutuan FT 248. JKR Negeri Selangor telah memohon peruntukan sebanyak RM4.2 juta untuk melaksanakan kerja pembaikan jangka masa panjang dan sehingga kini masih menunggu kelulusan di peringkat Ibu Pejabat JKR. Walaubagaimanapun, kerja pembaikan jalan jangka pendek telah dilaksanakan secara *localised* sebanyak RM50 ribu.
- b) Jalan yang dimaksudkan adalah jalan persekutuan FT31. Pada tahun 2014, sebanyak RM 1 juta telah dibelanjakan untuk memperbaiki jalan tersebut.
- c) Jalan yang dimaksudkan adalah jalan persekutuan FT31. Pemasangan lampu jalan tersebut adalah dari Program Teknologi Baru (Pemasangan Lampu Solar) di bawah Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia di 7 persimpangan yang melibatkan 4 hingga 6 batang tiang di setiap persimpangan disebabkan jalan tersebut tidak mempunyai bekalan dari TNB. Jenis Lampu jalan yang dipasang adalah bukan dari jenis LED tetapi dari jenis HPSV (DC supply) dimana kadaran 24W yang digunakan adalah lebih rendah dari lampu jalan biasa iaitu 250W atau 400W. Kadaran Watt yang rendah ini adalah untuk disesuaikan dengan panel solar yang dipasang. Ini menyebabkan lampu yang dipasang menjadi agak malap dan sesetengah lampu telah mengalami kerosakan.

Memandangkan kerosakan kerap kali berlaku sehingga tidak ekonomik untuk dibaiki / diselenggara, maka JKR Negeri Selangor telah menaiktaraf menggunakan lampu HPSV 250W kerana telah ada punca bekalan TNB pada 4 persimpangan sahaja. Manakala bagi lampu di 3 persimpangan yang belum

dinaiktaraf, JKR Negeri Selangor telah memohon peruntukan sebanyak RM150,000.00 kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : LATIHAN DAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada Kolej INPENS, apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memberi peluang latihan kemahiran "*blue collar*" di seluruh Negeri Selangor
- b) Adakah Kerajaan bercadang untuk melantik pihak ketiga untuk memberi latihan kemahiran peringkat tinggi di semua daerah?

JAWAPAN:

- a) Peluang latihan kemahiran "blue collar" dalam usaha Kerajaan Negeri adalah melalui Program Internship kerjasama dengan Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC). Program ini dibuka kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak mempunyai kelayakan bagi memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta.
- b) Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) dalam melaksanakan latihan kemahiran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA ISLAM

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kemasukan pelajar yang tidak mencukupi ke sekolah agama menengah?

JAWAPAN:

- a)
- i. Membina bangunan tambahan di Sekolah Agama Menengah sedia ada yang masih mempunyai kawasan yang mencukupi,
 - ii. Menawarkan pelajar ke kelas KAFA Menengah yang di wujudkan di daerah-daerah seluruh Negeri Selangor,
 - iii. Menubuh dan membina Maahad Integrasi Tahfiz Negeri Selangor baru,
 - iv. Bekerjasama dengan sekolah-sekolah persendirian dan Swasta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : TABUNG AMANAH JALAN B27

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah formula untuk mengumpul dana bagi tabung ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mendahulukan peruntukan untuk naik taraf Jalan B27 memandangkan keadaan kesesakan lalu lintas yang teruk di jalan B27?
- c) Bilakah kerja naiktaraf Jalan B27 akan dilaksanakan menggunakan dana tabung?

JAWAPAN:

- a) Formula untuk mengumpul dana bagi tabung ini adalah berdasarkan kepada jumlah trafik yang dijana oleh setiap pembangunan daripada kawasan pemaju.
- b) Kerajaan Negeri akan menggunakan peruntukan P12 untuk menaiktaraf Jalan B27 ini.
- c) Kerja Naiktaraf Jalan B27 dicadang untuk dilaksanakan menggunakan peruntukan negeri terlebih dahulu setelah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan tuntutan ke atas dana tabung yang diuruskan oleh Majlis Perbandaran Selayang akan dibuat setelah duit dalam dana tabung tersebut mencukupi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMBINAAN RUMAH IBADAT

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri akan membina rumah-rumah ibadat yang baru di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah rumah ibadat yang bakal dibina pada tahun 2015 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Rumah Ibadat Selain Islam yang baru di Negeri Selangor akan dibina oleh pihak Persatuan Agama di kawasan tersebut. Pembinaan Rumah Ibadat ini perlulah melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Rumah Ibadat perlulah di bina di atas tanah kerajaan yang telah dirizabkan untuk kegunaan Rumah Ibadat. Pihak persatuan perlulah memohon pewartaan tanah tersebut kepada Pejabat Tanah Daerah. Segala cadangan pembangunan Rumah Ibadat di atas tanah tersebut perlulah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Cadangan pembinaan Rumah Ibadat adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada pihak Persatuan keagamaan kepada PBT di kawasan masing-masing. Pada masa ini, maklumbalas daripada PBT memaklumkan tiada permohonan Rumah ibadat akan dibina setakat 23 Mac 2015. Walau bagaimanapun terdapat cadangan pemindahan tapak sedia ada ke tapak baru di Persiaran Kemuning Damai, Seksyen 32, Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : INDUSTRI PENANAMAN

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan Negeri Selangor dalam memajukan industri penanaman makanan binatang ternakan seperti bijirin jagung untuk mengurangkan pergantungan kepada hasil import?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini kerajaan negeri belum bercadang untuk memajukan tanaman bijirin untuk makanan haiwan di negeri memandangkan pada masa ini masih belum terdapat teknologi pengeluaran bijirin untuk ternakan yang sesuai untuk dimajukan di negara ini. Amalan sekarang ialah penggunaan bahan sampingan produk pertanian (agricultural by-product) sebagai bahan makanan seperti palm kernel cake (PKC) yang merupakan bahan sampingan daripada proses ekstrak minyak sawit daripada isirong kelapa sawit untuk makanan ternakan.

Maklumat tambahan:

Sebagai contoh untuk pengeluaran jagung bijirin, tanaman ini memerlukan cuaca yang kering ketika menuai, memandangkan Malaysia mempunyai cuaca yang lembab akan menyebabkan kerosakan lepas tuai khususnya peningkatan alpha toxin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN LADANG AIR MANIS SABAK BERNAM

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon penjelasan dari YAB, Projek Perumahan Ladang Air Manis Sabak Bernam,
- i. Akan diteruskan atau dibatalkan.
- ii. Jika diteruskan, nyatakan pembahagian jenis rumah yang ditawarkan dengan jumlah unit dan harga

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan Ladang Air Manis Sabak Bernam akan diteruskan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) berdasarkan kepada kelulusan permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi projek tersebut pada 26 September 2014 yang dijangkakan akan memulakan pembinaan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2015.

Butiran komponen pembangunan perumahan yang dicadangkan adalah seperti jadual berikut :

Bil.	Komponen Pembangunan	Keluasan (kp)	Unit	Cadangan Harga Jualan (RM)
1	Rumah Teres 2 Tingkat	1,600 – 1,728	32	496,000.00 hingga 890,000.00
2	Rumah Bandar	962 – 1,135	48	347,190.00 hingga 495,000.00
3	Rumah Bandar	1,249 – 1,698	56	696,000.00 hingga 784,000.00
4	Pangsapuri Rumah Selangorku 5 – 13 Tingkat	750 – 1,000	260	100,000.00 hingga 220,000.00
JUMLAH			396	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(N50 SRI MUDA)**

TAJUK : PASAR TAMAN SRI MUDA

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda, bilakah ia boleh dimasuki oleh peniaga
- b) Nyatakan pecahan jumlah peniaga disini dan apakah ada tambahan peniaga baru
- c) Berapakah jumlah parkir untuk kenderaan bagi kemudahan orang ramai dan golongan OKU di sini?

JAWAPAN:

- a) Status terkini pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda adalah seperti berikut
:
 1. Proses tawaran tender dan pemilihan kontraktor telah dibuat di mana Tetuan Jujur Juta Sdn.Bhd. (JJSB) telah dipilih sebagai kontraktor bagi cadangan ini. Jujur Juta Sdn.Bhd. telah memulakan kerja – kerja di tapak pada 1 Oktober 2014 dan projek di jangka siap pada 31 Mac 2016 dengan harga tawaran berjumlah RM 27,940,526.49.
 2. Walau bagaimanapun kerja-kerja ditapak telah tertangguh disebabkan terdapatnya 24 peniaga sediaada yang masih beroperasi di dalam kawasan tapak bina. Kerja-kerja pembinaan pasar ini hanya boleh diteruskan setelah peniaga-peniaga ini dipindahkan ke gerai sementara yang akan dibina oleh pihak Majlis.
 3. Pihak Majlis telah mengemukakan permohonan peruntukkan kewangan berjumlah **RM39,342,926.56** kepada pihak Pegawai Kewangan Negeri pada 13 Januari 2015 bagi kos membina serta kos-kos berkaitan dengan pembinaan ini seperti berikut:-

Harga Tawaran Tender	RM 27,940.526.49
Harga Gerai Sementara	<u>RM 500,000.00</u>
Jumlah	RM 28,440,526.49
Kerja Tambahan (VO anggaran 20%)	<u>RM 5,688,105.30</u>
Jumlah harga pembinaan	RM 34,128,631.79

Bayaran Perunding (Anggaran 15%)	RM 5,119,294.77
Bayaran 'Clerk Of Works' (1 Orang)	<u>RM 95,000.00</u>
Jumlah Peruntukkan Dimohon	<u>RM 39,342,926.56</u>

4. Di samping itu, pada 22 Januari 2015, pihak Jujur Juta Sdn. Bhd. (JJSB) telah mengemukakan sebutharga berjumlah RM 468, 583.23 kepada pihak Majlis untuk kos membina gerai sementara seperti yang direkabentuk oleh pihak perunding (Tetuan Che Wan Architect). Pada 9 Februari 2015, pihak Majlis telah mengadakan rundingan semula harga di mana spesifikasi rekabentuk gerai sementara tersebut telah dikaji semula dan dikurangkan bagi membolehkan harga yang lebih rendah diperolehi. Pihak kontraktor telah memberikan sebutharga kali kedua dengan jumlah sebanyak **RM 297, 189.02** berdasarkan spesifikasi baru untuk gerai yang telah dikaji semula. Pihak Majlis dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 2/2015 bertarikh 27 Februari 2015 telah bersetuju dan meluluskan agar cadangan membina gerai sementara ini dijadikan sebagai kerja tambahan *Variation Order* (V.O.) kepada kontrak asal dengan jumlah keseluruhan **RM 297,189.02** sahaja.

5. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) ke 5/2015 pada 4 Februari 2015 dan telah disahkan oleh Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) ke 6/2015 pada 11 Februari 2015 telah memutuskan bahawa peruntukkan kos pembangunan berjumlah **RM 27,940.526.49** sahaja diluluskan dalam bentuk **pinjaman** kepada pihak Majlis untuk membiayai pembangunan cadangan membina pasar tersebut. Jumlah perbezaan sebanyak RM11,402,400.07 perlu ditanggung oleh pihak Majlis bagi memastikan cadangan pembinaan pasar ini dapat diteruskan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) juga telah meminta pihak MBSA mengkaji semula plan keseluruhan pembinaan cadangan ini dengan mengurangkan tingkat parkir kenderaan untuk penjimatan kos pembangunan keseluruhan pasar tersebut.

6. Pihak Majlis sedang dalam tindakan membuat pengesahan dan perakuan kerja-kerja tambahan (V.O.) tersebut oleh pihak perunding Jurukur Bahan dan akan membina gerai-gerai sementara di tapak bersebelahan cadangan pasar ini dalam masa terdekat ini. Pihak Majlis juga sedang mengkaji semua rekabentuk cadangan asal dengan mengurangkan tingkat parkir kenderaan untuk penjimatan kos seperti yang dicadangkan.

- b) Jumlah peniaga di Pasar Taman Sri Muda adalah seperti berikut:

Bilangan peniaga yang sedia ada di tapak ialah **146 orang**. Taburan bilangan peniaga mengikut **AKTIVITI JUALAN** adalah seperti berikut :

Bil	Jenis Perniagaan	Jumlah peniaga
1.	Makanan & Minuman	64 Orang
2.	Barangan Basah	30 Orang
3.	Barangan Kering	18 Orang
4.	Perkhidmatan	34 Orang
		146 ang

Taburan bilangan peniaga mengikut KAUM adalah seperti berikut :

Bil	Kaum	Jumlah peniaga
1.	Melayu	23 orang
2.	Cina	74 Orang
3.	India	49 Orang
		146 orang

- * Sehingga kini **tiada** tambahan peniaga baru. Pihak Majlis tidak akan menerima permohonan yang baru sehingga bangunan pasar baru siap dibina.

Taburan Bilangan Penyewa Mengikut Jenis-Jenis Jualan

Jenis Jualan	Bilangan Penyewa	Bil Lot
1) Barangan Basah		
Ayam Sahaja	3	5
Ayam & Daging Lembu	1	1
Ikan Sahaja	6	10
Ikan & Ayam	1	1
Daging Kambing	2	2
Daging Khinzir	1	3
Bebola Ikan	1	2
Sayur Sahaja	8	10
Sayuran & Ikan	1	1
Tauhu Kering	1	2
Buah- Buahhan	1	2
Santan	2	2
Telur Masin/ Ikan Masin	1	2

Barangan Mentah	1	2
2) Barangan Kering		
Runcit Sahaja	10	22
Runcit & Ubat	2	3
Runcit & Buah-Buahan	1	2
Runcit & Sayuran	3	6
Runcit & Barangan Sembahyang	2	4
3) Makanan & Minuman		
Makanan & Minuman	57	93
Minuman	1	2
Kuih Muih Cina	3	3
Mee, Bubur & Minuman	1	2
Pau	1	1
Kek, Puding Dan Makanan Ringan	1	1
4) Perkhidmatan		
Kedai Akuarium	1	2
Bunga	2	4
Aksesori Telefon	2	3
Kedai Jahit	6	9
Pakaian	4	9
Barangan Sembahyang Sahaja	4	6
Barangan Sembahyang & Bunga	2	4
Barangan Elektrik	2	3
Aksesori Wanita & Kosmetik	6	7
Plastik	1	3
Insurans	1	1
Gunting Rambut	2	2
Jamu	1	1
JUMLAH KESELURUHAN	146	238

c) Penyediaan tempat letak kereta bagi perniagaan (pasar) sebagaimana ditetapkan oleh Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua) adalah :

1. **Tempat Letak Kereta**
1 petak TLK : 46.4mp (500kp) ruang lantai kasar
2. **Tempat Letak Kereta**
Tambahan 2% TLK bagi OKU dengan ramp

3. **Tempat Letak Motosikal**

1 petak TLM : 84mp (905kp) ruang lantai kasar

Majlis telah meluluskan secara dasar pelan cadangan tapak pasar Sri Muda shah Alam melalui Mesyuarat jawatankuasa Pusat Setempat pada 3hb. Jun 2014. Jumlah tempat letak kereta yang telah diluluskan bagi tapak pasar Sri Muda adalah seperti berikut :

1. **Tempat Letak Kereta**

- TLK diperlukan = 214 unit
- TLK disediakan = 215 unit

2. **Tempat Letak Kereta**

- TLK OKU = 5 unit
diperlukan = 5 unit
- TLK OKU
disediakan

3. **Tempat Letak Motosikal**

- TLM diperlukan = 120 unit
- TLM disediakan = 75 unit

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : JOM SHOPPING

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program Jom Shopping?
- b) Nyatakan jumlah penerima skim ini mengikut DUN pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Program pemberian bantuan sempena perayaan merupakan di antara program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan khusus untuk golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan rendah dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Ini secara tidak langsung membantu melaksanakan agenda Kerajaan Negeri dalam meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup. Program ini dilaksanakan menjelang perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Untuk pelaksanaan program, setiap Pejabat DUN akan mengenalpasti penerima-penerima bantuan yang layak mengikut jumlah yang telah ditetapkan bagi setiap DUN dan kriteria pemilihan penerima bantuan yang ditetapkan. Setelah itu, Pejabat DUN perlu mendaftarkan maklumat bagi penerima bantuan yang layak ke dalam sistem Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS).

Bagi tahun 2015, Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan Tahun Baru Cina 2015 telah dilaksanakan pada 1 Februari 2015 hingga 27 Februari 2015 yang lalu. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan kini sedang dalam proses pemuktamadan Kertas MMKN untuk dibentang di dalam MMKN akan datang sebagai persediaan untuk Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2015 dan Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan Deepavali Tahun 2015.

- b) Berdasarkan rekod, jumlah penerima bantuan Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan pada tahun 2014 adalah seramai 67,300 orang. Statistik jumlah penerima bantuan mengikut DUN pada tahun 2014 adalah seperti di **JADUAL 6**.

JADUAL 6**JUMLAH PENERIMA BANTUAN MENGIKUT DUN BAGI
PROGRAM PEMBERIAN BANTUAN SECARA BAUCER
BERSEMPENA PERAYAAN
DI BAWAH JAWATANKUASA TETAP KEMISKINAN
TAHUN 2014**

BIL.	DUN	JUMLAH PENERIMA BANTUAN (ORANG)		
		TAHUN BARU CINA 2014	HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2014	DEEPAVALI TAHUN 2014
1.	Sungai Air Tawar	400	500	300
2.	Sabak	400	500	300
3.	Sungai Panjang	400	500	300
4.	Sekinchan	400	400	300
5.	Hulu Bernam	400	500	300
6.	Kuala Kubu Bharu	400	400	300
7.	Batang Kali	400	500	300
8.	Sungai Burong	400	500	300
9.	Permatang	400	500	300
10.	Bukit Melawati	400	400	300
11.	Ijok	400	400	300
12.	Jeram	400	500	300
13.	Kuang	400	500	300
14.	Rawang	400	400	300
15.	Taman Templer	400	500	300
16.	Batu Caves	400	500	300
17.	Gombak Setia	400	600	300
18.	Hulu Kelang	400	600	300
19.	Bukit Antarabangsa	400	500	300
20.	Lembah Jaya	400	500	300
21.	Chempaka	400	500	300
22.	Teratai	400	500	300
23.	Dusun Tua	400	500	300
24.	Semenyih	400	500	300
25.	Kajang	400	500	300
26.	Bangi	400	600	300
27.	Balakong	400	500	300
28.	Seri Kembangan	400	400	300
29.	Seri Serdang	400	600	500
30.	Kinrara	400	400	300
31.	Subang Jaya	400	500	300

BIL.	DUN	JUMLAH PENERIMA BANTUAN (ORANG)		
		TAHUN BARU CINA 2014	HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2014	DEEPAVALI TAHUN 2014
32.	Seri Setia	400	500	500
33.	Taman Medan	400	500	300
34.	Bukit Gasing	400	400	300
35.	Kampung Tunku	400	400	300
36.	Damansara Utama	400	400	300
37.	Bukit Lanjan	400	500	300
38.	Paya Jaras	400	500	300
39.	Kota Damansara	400	500	300
40.	Kota Anggerik	400	600	300
41.	Batu Tiga	400	600	300
42.	Meru	400	500	300
43.	Sementa	400	500	300
44.	Sungai Pinang	400	500	300
45.	Selat Klang	400	500	300
46.	Pelabuhan Klang	400	500	300
47.	Pandamaran	400	400	300
48.	Kota Alam Shah	400	400	300
49.	Seri Andalas	400	500	500
50.	Sri Muda	400	500	500
51.	Sijangkang	400	500	300
52.	Telok Datuk	400	400	300
53.	Morib	400	500	300
54.	Tanjung Sepat	400	500	300
55.	Dengkil	400	500	300
56.	Sungai Pelek	400	500	300
JUMLAH KECIL (ORANG)		22,400	27,300	17,600
JUMLAH KESELURUHAN PENERIMA BANTUAN (ORANG)		67,300		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : WIFI SELANGORKU

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sebab perkhidmatan Tetuan Extol Corporation S/B ditamatkan.
- b) Nyatakan perancangan Kerajaan dan status terkini pelaksanaan Wifi Selangorku supaya menepati sasaran seperti yang telah dibentangkan pada sidang Belanjawan 2015.

JAWAPAN:

- a) Kontrak perkhidmatan syarikat Extol Corporation Perkhidmatan yang mengendalikan WiFi Selangorku ditamatkan berdasarkan tempoh perjanjiannya yang tamat pada 31 Mac 2015.
- b) Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Menteri Besar (MBI) sedang mengenalpasti lokasi-lokasi yang strategik bagi pelaksanaan 2,500 lokasi hotspot wifi seperti yang dibentangkan pada sidang Belanjawan 2015. Status pada masa ini masih di peringkat permulaan, di mana 300 lokasi hotspot wifi akan dilaksanakan di Pentadbiran Pejabat dan Penyelaras DUN, Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor serta Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bermula 1 April 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PERANCANGAN KERAJAAN UNTUK MENGELAK BANJIR BESAR
KHUSUSNYA DI KAWASAN YANG DIKELILINGI SUNGAI DAN
BERHAMPIRAN LAUT SEPERTI SELAT KLANG**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan kawasan penduduk yang padat dan di bawah aras air laut dilindungi dari bencana bah besar ?
- b) Adakah kerajaan akan membina benteng di persisiran sungai di Kampung Delek dan Sg Udang?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan persediaan yang dilakukan bagi menghadapi kemungkinan berlaku banjir akibat bah besar terutama di kawasan padat dan rendah adalah melalui langkah-langkah struktur dan bukan struktur. Bagi langkah-langkah struktur adalah pembinaan infrastruktur tebatan banjir seperti :
 - i. Mendalamkan dan melebarkan sungai untuk aliran sungai yang sempurna.
 - ii. Membina kolam takungan banjir.
 - iii. Pengukuhan tebing bagi mengelak dan mengawal hakisan tebing.
 - iv. Menaiktaraf sistem perparitan di kawasan padat penempatan dan kawasan yang sering banjir.
 - v. Mewajibkan syarat-syarat MASMA dalam mana-mana permohonan pembangunan.
 - vi. Mematuhi dan mewajibkan syarat-syarat kelulusan teknikal bagi permohonan lintasan (paip, kabel, jalanraya, jambatan dan lain-lain) yang melintasi sungai agar tidak menghalang kelancaran aliran air.
 - vii. Larangan pencerobohan/binaan bangunan di atas rizab sungai serta dalam kawasan dataran banjir.
 - viii. Pembinaan ban keliling bagi melindungi kawasan rendah dan mudah banjir.
 - ix. Penyediaan pam juga perlu diadakan untuk mengepam air keluar daripada kawasan banjir.

Manakala langkah bukan struktur adalah untuk mengurangkan kesan banjir dengan menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan rendah boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Antara sistem amaran awal banjir termasuk infrastruktur rangkaian sistem telemetri hujan dan aras air, siren dan papan amaran banjir serta penyebaran maklumat banjir melalui laman web public infobanjir. Penubuhan Jawatankuasa Taskforce Banjir juga merupakan salah satu tindakan komprehensif Kerajaan Negeri bagi menangani isu kebarangkalian bah besar di seluruh kawasan DUN Selat Klang.

Stesen telemetri turut ditubuhkan bagi memantau paras sungai dan taburan hujan. Sistem telemetri berkeupayaan mengutip dan menerima maklumat data hidrologi secara automatik dan memaparkan dalam laman sesawang <http://infobanjir.water.gov.my>.

- b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor telah melaksanakan projek pembinaan benteng dan parit borrowpit di sepanjang 10 KM bermula dari Kampung Sungai Bertih hingga ke Kampung Sungai Sireh termasuklah Kampung Delek dan Kampung Sungai Udang bagi mencegah banjir akibat limpahan air Sungai Klang.

Selain itu Pintu Kawalan Pasang Surut (PKPS) juga telah dibina bagi mengelakkan kemasukan air Sungai Klang ke kawasan penduduk dan juga laluan keluar air bagi sistem saliran penduduk ke Sungai Klang.

Walau bagaimanapun tiada rekod banjir yang dicatatkan akibat limpahan air Sungai Klang yang melepasi benteng sedia ada. Untuk makluman, pada kebiasaannya pelaksanaan satu projek bergantung kepada keutamaan dari segi outcome projek tersebut termasuk kesan ekonomi dan sosial.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

**TAJUK : JALAN RAYA DI IJOK : JALAN SAGA ANTARA PERSIMPANGAN
LATAR KE BESTARI JAYA BANYAK LUBANG DAN TIDAK RATA
YANG TELAH MENGAKIBATKAN BANYAK KEMALANGAN DI SITU**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah jalan ini?
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang berkenaan untuk hentikan kenderaan-kenderaan berat yang merosakkan jalan ini?

JAWAPAN:

- a) Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah jalan ini adalah dengan membuat penyelenggaraan jalan dari semasa ke semasa. Pada Tahun 2014 sepanjang 1.5 km jalan telah diturap semula. Pada tahun ini, baki keseluruhan jalan sepanjang 3.0 km lagi akan diturap semula bagi mengatasi masalah permukaan yang berlubang dan tidak rata.
- b) Jurutera Daerah telah mengadakan mesyuarat penyelarasan dan lawatan tapak pada 18 Mac 2015 untuk tujuan mengambil tindakan bagi menghentikan kenderaan-kenderaan berat yang merosakkan jalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SAMPAH TIDAK DIKUTIP DI DUN KOTA DAMANSARA

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan kerajaan negeri kepada kontraktor yang tidak mematuhi jadual pengutipan sampah?
- b) Senaraikan kontraktor yang dilantik mengutip sampah di kawasan Kota Damansara?
- c) Berapakah peruntukan bagi melaksanakan kutipan sampah di kawasan Kota Damansara?

JAWAPAN:

- a) MBPJ sentiasa memastikan kontraktor menjalankan kerja mengikut jadual dan *spec* kerja yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan dengan baik maka NTC ("Notice To Correct") akan dikeluarkan bagi setiap kegagalan dan diserahkan kepada kontraktor berkenaan untuk tindakan pembedahan. Pemotongan daripada bayaran kontrak bulanan akan dibuat dan dengan mengambil kira jumlah penalti ke atas bilangan NTC yang telah dikeluarkan serta penalti aduan yang diterima.

Satu surat amaran akan dikeluarkan sekiranya kontraktor masih gagal menunjukkan prestasi memuaskan sepertimana arahan tersebut. Selepas 3 kali surat amaran dikeluarkan dan pihak kontraktor enggan mematuhi arahan, maka pihak Majlis berhak untuk menamatkan kontrak syarikat tersebut

- b) Senarai kontraktor yang dilantik adalah seperti di Lampiran 3
- c) Jumlah peruntukan bagi melaksanakan kutipan sampah di kawasan berkenaan adalah sebanyak RM 311,633.50 seperti tertera di dalam kontrak.

SENARAI LOKASI HOTSPOT SAMPAH HARAM YANG MASIH TIDAK DAPAT DIATASI (LAMPIRAN 2)

BIL.	LOKASI	PUNCA MASALAH TIDAK DAPAT DIATASI	CADANGAN BAGI MENGATASI MASALAH
1.	Jalan SD 12/1	Penjaja tanpa lesen di sekitar	Memberi perkhidmatan kepada penjaja tanpa lesen dan penguatkuasaan
2.	Jalan Cempaka, Kampung Kayu Ara	Pembuangan sampah di tepi jalan awam daripada penjaja-penjaja dan peniaga tanpa lesen di lot-lot kediaman	Meletakkan Tong Roro di tapak pembuangan sampah ini dan penguatkuasaan
3.	PJU1A (TPJ) (Kilang)	Di Jalan awam kawasan kilang	Meletakkan Tong Roro di kawasan ini
4.	SS25/41	Di tanah persendirian	Majlis akan member notis sebelum membersihkan dan mengenakan kos pembersihan kepada pemilik tanah. Mengadakan mesyuarat dengan pemilik tanah supaya dapat membuat penghadang atau membina pagar untuk mengelakkan aktiviti pembuangan sampah haram.
5.	SS7/2	Di tanah persendirian	
6.	Jalan Kenanga Kg Sg Kayu Ara	Di tanah persendirian	
7.	Jalan Tropicana Selatan	Di tanah persendirian	
8.	SS7/1	Di tanah persendirian	
9.	PJS3/1	Di tanahpersendirian	
10.	SS5A/3	Tepi Jalan awam yang terpencil	Penguatkuasaan pembuangan sampah haram dan kerjasama daripada wakli penduduk
11.	SS5A/5	Tepi Jalan awam yang terpencil	
12.	PJS 5/4	Tepi rezab jalan awam yang terpencil	
13.	SD 13/5	Tepi jalan awam terpencil	
14.	PJU3/27	Tepi rezab jalan awam yang terpencil	
15.	PJU3/29	Tepi rezab jala nawam yang terpencil	
16.	PJU 3/31	Tepi rezab jalan awam yang terpencil	
17.	Jalan 8/2	Tepi rezab jalan awam	
18.	Jalan 8/3	Tepi rezab jalan awam	

19.	Jalan 8/4	Tepi rezab jalan awam	Penguatkuasaan pembuangan sampah haram dan kerjasama daripada wakli penduduk
20.	Jalan 8/5	Tepi rezab jalan awam	
21.	Jalan 8/6	Tepi rezab jalan awam	
22.	Jalan 51A/230	Tepi rezab jalan awam	
23.	Jalan SS5A/5	Tepi rezab jalan awam	
24.	Jalan 5A/12	Tepi rezab jalan awam	
25.	Jalan SS6/8	Tepi rezab jalan awam	
26.	SD5/1	Tepi rezab jalan awam	
27.	PJU 7/15A	Jalan mati	
28.	PJU 1A/39	Tepi rezab jalan awam	
29.	PJU5 Jalan 9/1A	Jalan mati	
30.	SS2/63	Kebuk sampah gerai pembuangan sampah yang tidak terkawal oleh orang awam	Cadangan untuk membuat kebuk sampah berpintu hanya boleh digunakan oleh pegerai untuk menghalang orang luar membuang sampah di kebuk tersebut dan penguatkuasaan
31.	SS26/2	Di zon penampian tepi jalan awam	Cadangan membuat petak tempat letak kereta selepas lawatan dengan Ahli Majlis Zon bersama dengan Jabatan terlibat.
32.	SS5A/7	Tepi Jalan awam berdekatan dengan peniaga barang lusoh tanpa lesen	Penguatkuasaan peniaga tanpa lesen barang lusoh
33.	PJS3/53	Kebuk sampah Flat Sri Manja PJS3. Orang luar membuang sampah berlebihan di kebuk	Mengajikan seorang penduduk untuk menjaga kebuk tersebut supaya dapat menghalang orang luar membuang sampah
34.	PJU10/10E	Kebuk sampah flat Vista. Orang luar membuang sampah berlebihan di kebuk	
35.	PJS5/2	Kebuk sampah Flat Desa Mentari Orang luar membuang sampah berlebihan di kebuk	

36.	PJS 5/1	Kebuk sampah Flat Desa Ria PJS5. Orang luar membuang sampah berlebihan di kebuk	Mengajikan seorang penduduk untuk menjaga kebuk tersebut supaya dapat menghalang orang luar membuang sampah
37.	TPJ 1A/7	TANAH KERAJAAN Di tepi rizab sungai	Kerja-kerja sedang dijalankan oleh JPS
38.	PJU 1/23	TANAH KERAJAAN Di tanah rizab TNB	Notis telah dikeluarkan kepada TNB pada 15/11/14 untuk TNB bersihkan tapak tersebut .
39.	PJS 5/11	TANAH KERAJAAN Tanah rizab sekolah	Satu lawatan bersama Ahli Majlis Zon bersama Jabatan Kejuruteraan dan Pemaju Maestron telah diadakan pada 7/10/14 dan keputusan untuk menghadang kereta masuk ke tanah tersebut .
40.	SEK 18/7	TANAH KERAJAAN Tanah Rizab Sekolah SRJK (Tamil)	Mesyuarat telah diadakan dengan wakil sekolah pada 1/10/14 untuk mengatasi masalah ini dan Notis memagar dan membersihkan telah diberi pada 7/11/14 kepada Tanah Galian Persekutuan (seksyen Hartanah Tanah Persekutuan) Putrajaya.

LAMPIRAN 1**SENARAI LOKASI HOTSPOT SAMPAH HARAM YANG TELAH DIATASI**

BIL.	LOKASI	PUNCA MASALAH	KAEDAH MENGATASI MASALAH
1.	Jalan PJS 2D/8	Rezeb Jalan. Penjaja tanpa lesen di sekitar	Membersihkan tapak, membuat siar kaki dan pemantauan daripada penduduk setempat
2.	Jalan PJS 1/21A	Tanah Persendirian	Pemaju membuat banteng tanah untuk mengelakkan pembuangan sampah dan pemantauan.
3.	Taman Buana	Tanah Persendirian	Pemaju membuat benteng tanah untuk mengelakkan pembuangan sampah dan pemantauan.
4.	PJS 4/18	Kebuksampah	Merobohkan kebuk sampah dan membuat tempat letak kereta.
5.	Prima Damansara	Tanah persendirian	Pemaju membuat benteng tanah untuk mengelakkan pembuangan sampah dan pemantauan.
6.	Gerai Jalan 223 Selera Jaya	Kebuksampah	Meletakkan penghadang plastik untuk mengelakkan pembuangan sampah.
7.	Flat Baiduri	Rezeb TNB	Membersihkan dan melandskapkan tempat tersebut.
8.	PJS 3/54	Rezeb JPS	JPS membuat halangan masuk ke tapak tersebut selepas lawatan bersama Ahli Majlis dan ADUN kawasan dengan pejabat kerajaan yang terlibat

LAMPIRAN 3Senarai kontraktor yang dilantik mengutip sampah di kawasan Kota Damansara

No.	Kawasan	Jenis Kontraktor	
		Pembersihan Awam	Kutipan Domestik
PJU 1A			
1.	PJU 1A.1	SAMSUL HISAM BIN SIDEK @ MOHD YASIN	MANIZA MANTAP SDN. BHD.
2.	PJU 1A.2	FIAS ENTERPRISE	MANIZA MANTAP SDN. BHD.
PJU 5			
3.	Seksyen 1	BAYUMAS ENTERPRISE	AZA MAINTENANCE & SERVICES
4.	Seksyen 2, Seksyen 3	DE PINGGIR ENTERPRISE	TRIPLE E ENTERPRISE
5.	Seksyen 4	URUS KOTA SERVICES	AZA MAINTENANCE & SERVICES
6.	Seksyen 5	YAKIN ENGINEERING	TRIPLE E ENTERPRISE
7.	Seksyen 6	SERI DEDAUN ENTERPRISE	TRIPLE E ENTERPRISE
8.	Seksyen 7	RUMPUN DAMAI NURSERY	SHAH BERNAS SDN. BHD.
9.	Seksyen 8, Seksyen 9	WARISAN IRSYAD BINA	SHAH BERNAS SDN. BHD.
10.	Seksyen 10, Seksyen 11	CERDAS MURNI RESOURCES SDN. BHD.	SHAH BERNAS SDN. BHD.

LAMPIRAN 4**SENARAI KONTRAKTOR KUTIPAN DI MBPJ**

BIL	NAMA KONTRAKTOR	KAWASAN
1	CHE SALMAN ENTERPRISE	SS 2 & SS 20
2	IZHANA ENTERPRISE	SELURUH PJU 8
3	GERGASI MAJU ENTERPRISE	SELURUH PJU 3 & PJU 4
4	JITU HARTA SDN BHD	PJU 10.1, APARTMEN LESTARI, IDAMAN, HARMONI, RAMPAI IDAMAN PRIMA DAMANSARA & GERAI HARMONI
5	WATAN ANGKASA RESOURCES SDN BHD	PJU 10.2 PERDANA EXCLUSIVE CONDO, APARTMEN IMPIAN, PERMAI, INDAH, BAYU, SAUJANA, SELASIH, SURIA, KONDO/APARTMEN INDAH, APARTMEN PRIMA DAMANSARA PJU 10
6	RATHKOM ENTERPRISE	PJU 10 SELURUH KAWASAN KEDIAMAN BERTANAH, MASJID, PERNIAGAAN (KOMERSIL) DI PJU 10 & SAUJANA DAMANSARA PJU 10/10
7	AFTACOP SDN BHD	SELURUH KAWASAN SS 24, 26 & PJU 1
8	KACIP PINANG RESOURCES	SEK 13, SEK 14, SEK 16, SEK 17, SEK 17A & PASAR PAGI 17/27
9	DELIMA SEJAGAT SDN BHD	SS 3, SS 4 & SS 6
10	DUNIA NIAGA TRADING & SERVICES	SS 5, SS 7, STADIUM KELANA JAYA, PEJABAT LANSKAP, KOLAM RENANG & DEWAN D'KELANA
11	PERNIAGAAN SRI AZZA	SEK 20, SEK 21, SEK 22 & SS1
12	AZA MAINTENANCE AND SERVICES	PJU 5, SEK 1 & SEK 4
13	AGENDA SEPAKAT ENTERPRISE	PJU9, SD1, SD2, SD3, SD4, SD5, SD7, SD8, SD9, & SD10
14	PERMATA SENTUL RESOURCES	PJU 9, SD11, SD12, SD13, SD15 & JALAN UTAMA
15	SENJA SETIA SDN BHD	SELURUH PJS 8, PJS 10 & SS10
16	TEKNITEK SERVICES (M) SDN BHD	PJS 5 & PJS 6

17	MAINIZA MANTAP SDN BHD	PJU 1A & PJU 2
18	YATISA ENTERPRISE	SEK 1,SEK 2,SEK 3,SEK 4,SEK 7,SEK 8, SEK 51,SEK 52, PERPUSTAKAAN MBPJ,STADIUM HOKI,INAI COURT,ASTAKA & TASKA MBPJ
19	RREA BINA ENTERPRISE	SELURUH PJS 3 & PJS 4
20	TRIPLE E ENTERPRISE	PJU 5,SEK 3 (TISB 7 TSS 1),SEK 5 & SEK 6
21	SHAH BERNAS SDN BHD	PJU 5,SEK 7,SEK 8,SEK 9, SEK 10 & SEK 11
22	BINA PUNCAK TEKNIK ENTERPRISE	PJU 6A,KSKA,BU 1 & BU 10
23	CUKUP YAKIN ENTERPRISE	BU 2,BU 3,BU 4,BU 6,BU 7, BU 11 & BU 12
24	ALUNAN MUHIBBAH SDN BHD	SELURUH KAWASAN PJS 2
25	PENKALAN ALAM ENTERPRISE	SEK 5,SEK 1A,SEK 6,SEK 9,SEK 10, SEK 11,SEK 12,SEK 19, & MUZIUM MBPJ
26	TSC TEAMWORK	SS 8,SS 9 & SS9A,SEK 51A,SS25,MEGAMAS & BENGKEL MAJLIS SS 8
27	TZA RESOURCES	SELURUH SEKSYEN 18 & PJS 1
28	SF & F ENTERPRISE	PJU 3 KEDIAMAN BERTINGKAT
29	REENA CERIA SERVICES	PJU 6 PELANGI DAMANSARA & PJU 7 MUTIARA DAMANSARA
30	BIOPRIDE SDN BHD	PASAR JALAN OTHMAN,TAMAN SELERA JALAN OTHMAN,MENARA MBPJ,DEWAN SIVIK & KUARTERS 4/46
31	RATISYA ENTERPRISE	PASAR KAMPUNG CEMPAKA,PASAR SUNGAI WAY,PASAR SEK 14,PASAR TAMAN DATO HARUN,PASAR SEK 17/1A,PASAR PAGI PJS 2D,PASAR PAGI SS 2/63 & PASAR TAMAN MEGAH
32	FRADO ENTERPRISE	SS 21
33	AMINORA ENTERPRISE	SS 22, SS 22A & SS 23
34	CT LENG ENTERPRISE	KEDIAMAN BERTINGKAT DI PJU 8, PJU 10, SD 10 & PSN MERANTI
35	CIPTA SAMUDERA LINES (M) SDN. BHD.	KEDIAMAN BERTINGKAT DI SS 2, SS 6, SS 7 & SS 20
36	MEWAH YUSOF ENTERPRISE	KEDIAMAN BERTINGKAT DI SEK 5, 11,14,16,17,52 & SS9A

37	AIDIZEK BINA ENTERPRISE	KEDIAMAN BERTINGKAT DI PJU 1A & PJU 6
38	DINOR HAZIRAJAYA ENTERPRISE	KEDIAMAN BERTINGKAT DI SS 26, PJU 1,PJU 5, PJU 6A & PJU 7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula kadar premium tanah yang sedia ada? Jika ya, nyatakan butir-butirnya?
- b) Nyatakan premium tanah yang dikutip mengikut daerah pada tahun 2013 dan 2014.

JAWAPAN:

- a) Tiada lagi cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula kadar premium tanah sedia ada. Kadar premium yang sedia ada dianggap berpatutan kerana nilai yang dikutip adalah mengikut Kaedah Tanah Selangor (KTS) 2003 (Pindaan 2005) berdasarkan kepada nilai tanah semasa oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).
- b) Jumlah kutipan premium tanah bagi pelupusan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 KTN mengikut daerah semenjak tahun 2013 hingga 2014 adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**Jumlah Kutipan Premium Mengikut Daerah Bagi Pelupusan Secara Pemberimilikan Tanah Kerajaan Di Bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara Bagi Tahun 2013 dan 2014**

BIL	DAERAH	2013 (RM)	2014 (RM)
1.	Hulu Selangor	83,731,823.00	31,014,623.10
2.	Kuala Selangor	2,033,324.70	2,829,867.00
3.	Klang	3,011,880.10	3,004,344.20
4.	Sepang	20,750,731.30	7,635,019.00
5.	Gombak	111,399,846.35	97,074,429.07
6.	Petaling	48,344,197.09	35,905,221.24
7.	Kuala Langat	1,740,156.60	7,525,969.00
8.	Sabak Bernam	1,191,529.00	1,884,251.00
9.	Hulu Langat	5,742,814.00	3,639,816.20
JUMLAH (RM)		277,946,302.14	190,513,539.81

Sumber : PDT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMILIKAN TANAH DI SUNGAI TEKALI

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan sedar terdapat tanah seluas 149ekar di Sungai Tekali telah dipindah milik kepada pihak individu untuk projek pelancongan?
- b) Jika ya, apakah keputusan kerajaan terhadap projek itu?
- c) Adakah kerajaan mengambil kira aspek *eco-system* dan tanah runtuh seperti kes Highland Tower?

JAWAPAN:

- a) Melalui pemantauan dan siasatan dijalankan, didapati tanah yang dimaksudkan adalah berkeluasan 149 ekar dan telah dipecah bahagi kepada 1 ekar bagi setiap satu lot menjadikan baki tanah tersebut berkeluasan 103 ekar dengan mengambil kira serahan bagi maksud jalan untuk dirizabkan. Lokasi projek tersebut terletak dalam jarak perjalanan 30 minit dari jalan utama dan berada di lokasi kedudukan yang tersorok di dalam hutan dengan 2 pintu pagar menghalang untuk masuk ke tapak berkenaan.

Dari sudut perundangan, di bawah Seksyen 115 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, pemilik lot tersebut boleh membina bangunan kediaman tidak lebih daripada 1/5 dari keluasan tanah tersebut. Namun daripada siasatan dijalankan, pemilik tanah berkenaan disyaki membina bangunan untuk tujuan komersial.

- b) Pihak PTD Hulu Langat sedang mengambil tindakan di bawah Seksyen 125 KTN kerana melanggar syarat tanah iaitu membina bangunan untuk tujuan komersial tanpa terlebih dahulu membuat permohonan tukar syarat tanah. Kegagalan mematuhi seksyen ini boleh menyebabkan pelucutan hak milik tanah di bawah Seksyen 130 KTN 1965.
- c) Projek ini perlu mendapat Kebenaran Merancang terlebih dahulu dari pihak MPKj bagi menjamin pematuhan kepada aspek keselamatan dipenuhi. Walaupun tapak tersebut di luar kawasan operasi MPKj kerana berada di tengah kawasan hutan, Pihak MPKj telah mengeluarkan notis Amaran di bawah Seksyen 70(1) Akta Jalan Parit dan Bangunan (Akta 133) pada 10 Mac 2015. Pihak MPKj akan meneruskan pemantauan dan notis-notis yang berkaitan akan diteruskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SUMBANGAN KERAJAAN UNTUK BENCANA BANJIR

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah sumbangan kerajaan negeri Selangor kepada negeri-negeri lain yang dilanda bencana banjir?
- b) Nyatakan sumbangan yang telah diagihkan daripada peruntukan mana dalam Belanjawan 2015. Apakah pecahan sumbangan tersebut mengikut kategori cth kewangan, perumahan, pendidikan dll?

JAWAPAN:

- a) Jumlah sumbangan Kerajaan Negeri Selangor kepada negeri-negeri lain yang dilanda bencana banjir adalah sebanyak **RM 2,350,000.00**.
- b) Berikut adalah sumbangan yang telah diagihkan daripada peruntukan yang berkaitan :

Bil.	Penerima	Sumbangan (RM)	Catatan	Kategori
1	Yayasan Darul Hijrah (Bantuan Pasca Pemulihan Mangsa Banjir Pantai Timur)	500,000.00	Peruntukan daripada Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	Kewangan
2	Yayasan Islam Kelantan (Sumbangan Pasca Banjir Pantai Timur)	200,000.00	Peruntukan daripada Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	Kewangan
3	Yayasan Ummah Sejahtera (YUSRA) (Sumbangan Pasca Banjir Pantai Timur)	100,000.00	Peruntukan daripada Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	Kewangan

4	Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (PANTAS Selangor) (Sumbangan Pasca Banjir Pantai Timur)	40,000.00	Peruntukan daripada Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	Kewangan
5	Sumbangan kepada Pusat Banjir Kuala Krai, Kelantan	10,000.00	Peruntukan belanja mengurus Pejabat Menteri Besar	Kewangan
6	Sumbangan Pasca Banjir Ke Negeri Kelantan	200,000.00	Peruntukan belanja mengurus Pejabat Menteri Besar	Kewangan
7	Bantuan Tunai Kepada Kerajaan Negeri Kelantan	1,000,000.00	Peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Belanja Mengejut	Kewangan
8	Bantuan Tunai Kepada Kerajaan Negeri Pahang	100,000.00	Peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Belanja Mengejut	Kewangan
9	Bantuan Tunai Kepada Kerajaan Negeri Terengganu	100,000.00	Peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Belanja Mengejut	Kewangan
10	Bantuan Tunai Kepada Kerajaan Negeri Perak	100,000.00	Peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Tabung Belanja	Kewangan

			Mengejut	
	JUMLAH	RM 2,350,000.00		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : TANAMAN KOKO

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dimanakah zon tanaman koko di Negeri Selangor?
- b) Apakah insentif yang diberikan kepada penanam koko ini?

JAWAPAN:

- a) Pada amnya kawasan-kawasan di pesisir pantai dan kawasan utara Selangor (khususnya Sabak Bernam) adalah marginal bagi tanaman koko. Disebabkan oleh harga koko yang tidak menentu pada 1990an, permintaan untuk tanaman koko di negeri Selangor tidak menggalakkan dan kebanyakan kawasan tanaman koko diusahakan dengan tanaman kelapa sawit. Pada masa ini kawasan koko di negeri Selangor seluas 94 ha dan tumpuan utama ialah di Kg Kerayong 2, Klang dengan keluasan 20 hektar, Telok Panglima Garang (7 hektar), Kuala Selangor (5 hektar) dan Sabak Bernam (62 hektar) yang diusahakan secara kecil-kecilan di Bagan Terap, Kg Tebuk Mufrad, kg Tebuk Berihun, Kg Sekendi, Kg Bagan Tunjang, Kg Tengah, Kg Bagan Nakhoda Omar dan Kg. Batu 37 Darat, Kg. Batu 38, 39 dan 40.
- b) Insentif tanaman koko diberi oleh Lembaga Koko Malaysia sejumlah RM 6,000 sehektar dalam bentuk anak pokok dan modal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PERUNTUKKAN MARRIS

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah wang MARRIS yang telah dibelanja oleh agensi-agensinya untuk tahun 2015?
- b) Apakah peratus perbelanjaan tersebut?
- c) Dengan kadar perkembangan ini, adakah kerajaan akan mencapai matlamat perbelanjaan MARRIS RM600 juta untuk tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak RM 600 juta sebagai siling peruntukan MARRIS pada tahun 2015. Peruntukan ini disalurkan kepada agensi-agensinya yang telah ditetapkan iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah / Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Sebagai rekod, penyaluran peruntukan MARRIS kepada agensi pelaksana masih lagi dilaksanakan menggunakan *modus operandi* yang sama iaitu penyaluran berdasarkan nilai perolehan sebenar yang dinyatakan pada Surat Setuju Terima (SST).

Setakat 18 Mac 2015, sejumlah RM 3,577,790.00 telah dibelanjakan kepada dua (2) agensi yang telah selesai melaksanakan proses perolehan iaitu Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan Pejabat Daerah / Tanah Gombak.

- b) Peratus perbelanjaan tersebut mengikut agensi pelaksana adalah seperti berikut:-

PERBELANJAAN MENGIKUT JABATAN / AGENSI (RM)					JUMLAH (RM)
Perkara	PBT	JKR	JPS	PDT	
Siling	437,500,000.00	156,000,000.00	2,000,000.00	4,500,000.00	600,000,000.00
Belanja	3,172,912.50 <i>(Nota 1)</i>	0.00	0.00	404,877.50 <i>(Nota 2)</i>	3,577,790.00
Peratus (%)	0.73%	0%	0%	9.0%	0.59%

Nota :

1. Tuntutan oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)
 2. Tuntutan oleh Pejabat Daerah / Tanah Gombak.
- c) Sebagai makluman, prestasi perbelanjaan MARRIS setakat 18 Mac 2015 masih di tahap yang rendah kerana agensi pelaksana sedang menguruskan proses perolehan secara sebut harga dan tender di peringkat jabatan masing-masing. Kerajaan Negeri menerusi Perbendaharaan Negeri Selangor akan melaksanakan pemantauan bagi memastikan peruntukan MARRIS pada tahun 2015 dibelanjakan dengan optima mengikut siling tahunan yang telah diluluskan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MANIFESTO PILIHANRAYA KE 13, SKIM MESRA USIA EMAS :
MEMBERIKAN WANG HADIAH HARIJADI RM100 BAGI ULANG
TAHUN KE 60**

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah kerajaan negeri akan memberikan program tersebut?
- b) Selain dari wang hadiah, apakah ada bentuk bantuan yang lain?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan negeri Selangor amat menghargai warga emas yang ada di negeri ini yang telah banyak memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk terhadap pembangunan negeri Selangor yang dicintai ini.

Dengan sebab itu jugalah, maka telah diwujudkan satu program khusus untuk warga emas yang cukup popular yang dikenali sebagai program Skim Mesra Usia Emas atau singkatannya SMUE.

Kerajaan negeri juga sentiasa melihat ke hadapan bagaimanakah caranya untuk terus menceriaikan warga emas yang telahpun berdaftar sebagai ahli kepada skim yang telah diwujudkan ini. Maka diwujudkanlah pula satu program nilai tambah kepada program SMUE tersebut yang dikenali sebagai program JOM Shopping.

Melalui program JOM Shopping ini, warga emas yang berdaftar dengan skim berkenaan telah dibawa beramai-ramai untuk pergi ber'shopping' di pasaraya-pasaraya terpilih bagi berbelanja pada kadar nilai yang telah ditetapkan.

Kerajaan negeri dengan keprihatinannya terus merencanakan program-program nilai tambah untuk tahun-tahun berikutnya. Maka tercetuslah pula cadangan untuk meraikan sambutan ulang tahun harijadi warga emas yang telah menjadi ahli SMUE. Pada dasarnya kerajaan negeri telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian hadiah bernilai RM100.00 secara 'one off' kepada warga emas yang berkenaan.

Namun, apabila melihat ke belakang, pengalaman bagaimana cerianya warga emas berinteraksi sesama mereka, berbual dan berseronok semasa berbelanja di pasaraya sewaktu menyertai program JOM Shopping, maka tercetuslah pula cadangan untuk mewujudkan satu program yang mampu mengumpulkan warga emas berkenaan bagi mengulangi dan merasai kembali kegembiraan yang serupa yang pernah mereka alami ketika itu.

Lalu diperpanjangkanlah cadangan yang dirasakan lebih baik daripada hanya memberikan nilai RM100.00 secara 'one off' hadiah hari lahir tersebut. Mengambil kira keseronokan dan keceriaan warga emas, maka kerajaan negeri telah mencadangkan program JOM Shopping bagi tempoh lima (5) tahun berturut-turut.

Melalui cadangan ini, sejumlah RM500.00 akan diambil daripada nilai manfaat SMUE berjumlah RM2500.00 itu, menjadikan hanya RM2000.00 sahaja yang akan diberikan sebagai sumbangan selepas berlaku kematian kepada ahli.

Wang RM500.00 ini akan digunakan untuk membawa warga emas berkenaan untuk program JOM Shopping dengan nilai boleh belanja sebanyak RM100.00 untuk sekali dalam setahun bagi keseluruhan lima (5) tahun ia dilaksanakan.

Bagi pelaksanaannya pula, sebaik sahaja proses mengubahsuai sistem e-Mesra dan e-Manfaat untuk tujuan pemprosesan peserta dan merekodkan penyertaan selesai maka tahap seterusnya ialah proses aliran kerja dan piawaian akan diperkemaskan. Setelah semua ini dapat selesai barulah pelaksanaannya akan diumumkan.

- b) Buat masa ini, kerajaan negeri belum lagi merancang sebarang bentuk bantuan lain. Namun kerajaan negeri melalui EXCO Kebajikan telah mengadakan beberapa perbincangan dengan beberapa pihak yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan bagi menambahbaik program sedia ada dan mewujudkan program-program tambah nilai kepada ahli-ahli SMUE. Ia termasuklah beberapa ruang berkaitan kesihatan yang mungkin boleh ditawarkan kepada warga emas di negeri ini. Apapun yang akan dilaksanakan kelak, kerajaan negeri akan senantiasa terlebih dahulu memastikan ia bersesuaian dan memenuhi keperluan warga emas serta mampu dilaksanakan mengikut keutamaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : UPTOWN SEKSYEN 24

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana usaha membaik pulih telah dilaksanakan?
- b) Berapakah hasil kutipan yang diperolehi oleh pihak kerajaan dan oleh pihak pengurusan dari aktiviti di *Uptown* ini semenjak diwujudkan?
- c) Berapakah pula perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada *Uptown* S24 selama ini?

JAWAPAN:

- a) *Uptown* Seksyen 24, Shah Alam telah terbakar pada 15 Oktober 2015. Mulai daripada tarikh tersebut kerja-kerja membaikpulihan telah giat dijalankan iaitu pembersihan sisa kebakaran oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan pematuhan kepada arahan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri. Kerja-kerja pematuhan kepada arahan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia iaitu pembinaan laluan masuk bomba, ruang bebas dan membuka halangan telah sempurna pada 24 Disember 2014. Manakala kerja-kerja pembinaan semula Blok B yang telah terbakar telah mencecah 70% iaitu "*marquee tent*" telah sempurna dibina dan kini hanya tinggal kerja-kerja pemasangan "*partition*" dan pendawaian elektrik.
- b) Kompleks Muhibbah Seksyen 24, Shah Alam yang dahulunya diuruskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam mula diambil alih oleh Kerajaan Negeri Selangor (UPEN) dan dijadikan sebagai *Uptown* pada bulan Mei 2006. Mulai dari bulan Mei 2006 hingga bulan Disember 2011, bayaran yang dikenakan terhadap pengurusan *Uptown* adalah sebanyak RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) sebulan dan mulai bulan Februari 2012, bayaran yang dikenakan kepada pengurusan *Uptown* telah dinaikkan dari RM5,000.00 sebulan kepada RM7,000.00 sebulan. Berpandukan daripada kadar tersebut, hasil kutipan yang diperolehi oleh pihak Kerajaan Negeri sehingga sebelum berlakunya kebakaran adalah sebanyak RM569,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Enam Puluh Sembilan Ribu Sahaja).

BIL.	KADAR (RM)	BIL. BULAN	JUMLAH (RM)
1.	5,000.00	69	345,000.00
2.	7,000.00	32	224,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		101	569,000.00

Berpandukan kepada dokumen perjanjian *Uptown* Seksyen 24, Shah Alam anggaran pendapatan pihak pengurusan *Uptown* sebulan sebelum ditolak kos operasi seperti bil elektrik, bil air, lesen perniagaan berkelompok dan lain-lain adalah sebanyak RM9,756,600.00 (Ringgit Malaysia : Sembilan Juta Tujuh Ratus Lima Puluh Enam Ribu Enam Ratus Sahaja).

BIL	KADAR SEWAAN (RM)	BIL.LOT	BULAN	JUMLAH (RM)
1.	LOT KERING RM300.00	292	101	8,847,600.00
2.	KEDAI MAKAN RM500.00	18	101	909,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				9,756,600.00

- c) Kos pengurusan dan operasi *Uptown* Seksyen 24, Shah Alam di tanggung dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Pengurusan *Uptown* Seksyen 24, Shah Alam melalui kutipan sewaan bulanan daripada peniaga. Kerajaan Negeri tidak memperuntukan sebarang peruntukan untuk *Uptown* Seksyen 24, Shah Alam sebelum ini kecuali setelah berlakunya kebakaran yang mana Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM3,133,750.00 untuk kerja-kerja membaikpulih semula *Uptown* Seksyen 24, Shah Alam selepas daripada kebakaran. Pecahan peruntukan tersebut iaitu:-

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Alat Pemadam Api	RM123,750.00
2.	Laluan Bomba dan Bebas Rintangan	RM95,000.00
3.	Marquee Tent	RM2,680,000.00
4.	Sistem Pemadam Api	RM235,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		RM3,133,750.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI JAKIM KEPADA
KERAJAAN NEGERI**

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan untuk membiayai elaun iman, guru kafa serta guru takmir?
- b) Nyatakan pecahan untuk peruntukan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pemberian Kerajaan Persekutuan untuk membiayai elaun Imam, Guru KAFA serta Guru Takmir ialah RM35,374,400.00.
- b) Pecahan adalah seperti berikut;

Bil	Perkara	Jumlah Orang	Jumlah Pecahan
1.	Imam	713 Orang	RM 6,417,000.00
2.	Guru KAFA	2750 Orang	RM 27,346,000.00
3.	Takmir	142 Orang	RM 1,363,200.00
4.	Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah (PPMD) JAKIM	9 Orang	RM 248,200.00
JUMLAH			RM35,374,400.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PROMOSI HASIL PERTANIAN

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan dan peranan Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pertanian ?
- b) Apakah galakan diberikan kepada para petani untuk mempelbagaikan tanaman untuk menambahkan hasil pendapatan?
- c) Mengapakah Bazar Darul Ehsan di Kanchong Darat belum operasi sampai hari ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa berusaha untuk memajukan sektor pertanian dan mensasarkan peningkatan kadar sumbangan sektor ini daripada 1.6% kepada 2.5% bagi KDNK Selangor. Ini dapat dilihat dengan menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi memajukan sektor pertanian dengan peruntukan sejumlah RM 98.7 juta bagi RMKe-10. Ini termasuk pembangunan TKPM, pembangunan tanaman makanan, pembangunan tanaman industri, pembangunan tanah terbiar, pembangunan industri bunga, pemulihan tanah bermasalah, pembangunan tanaman herba dan program pertanian bandar.
- b) Pelbagai galakan dalam bentuk bantuan disediakan untuk mempelbagaikan tanaman dan meningkatkan pendapatan. Ini termasuklah pembangunan tanaman herba dengan insentif maksimum RM 10,000 sehektar, pembangunan tanaman industri (kelapa) dengan insentif maksimum RM 15,000 sehektar, pembangunan projek madu lebah atau kelulut dengan insentif maksimum RM 10,000 bagi setiap peserta, pembangunan tanaman cendawan dengan insentif maksimum RM 10,000 bagi setiap peserta dan geran bagi industri asas tani dengan insentif maksimum RM 10,000 bagi setiap peserta.
- c) Bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Pertanian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PENEMPATAN

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah cadangan kerajaan bagi membantu golongan muda yang berpendapatan rendah memiliki rumah kediaman kos rendah?
- b) Adakah kerajaan bersedia membuka kawasan penempatan baru di kawasan luar bandar bagi membantu golongan kurang kemampuan memiliki rumah kediaman?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Perumahan Mampu Milik (Rumah Selangorku) diperkenalkan untuk mengimbangi penyediaan rumah rumah mampu milik dengan rumah harga bebas. Dasar Rumah Selangorku ini, digariskan bagi memenuhi keperluan penyediaan rumah bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana termasuk golongan muda untuk memiliki rumah pada harga mampu milik berdasarkan kepada pendapatan mereka. Harga jualan mampu milik ini telah ditetapkan bermula daripada RM42,000.00 hingga RM250,000.00 seunit dengan mengikut jenis dan saiz keluasan berdasarkan kepada Zon Pembangunan Perumahan yang telah ditetapkan. Pecahan Zon ini dibuat bagi memastikan pengagihan dan pembinaan dapat dijalankan secara seimbang mengikut kesediaan pembangunan di mana kemudahan pengangkutan, kemudahan awam dan infrastruktur telah tersedia. Setiap zon tersebut pula akan dipecahkan mengikut keluasan tapak cadangan pembangunan untuk ditentukan penyediaan Rumah Selangorku yang perlu dibina. Melalui dasar yang ditetapkan ini secara tidak langsung Kerajaan Negeri telah membantu kira-kira 20% hingga 50% penduduk termasuk golongan muda di Negeri Selangor memiliki rumah pada harga kawalan.
- b) Berkenaan cadangan untuk Yang Berhormat agar Kerajaan Negeri mengenalpasti kawasan untuk dibangunkan sebagai penempatan baru khususnya di kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri bersedia sekiranya terdapat keperluan yang mendesak untuk dibangunkan dengan kediaman mampu milik (Rumah Selangorku). Untuk makluman, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) ketika ini sedang mengenalpasti tanah-tanah milik Kerajaan Negeri yang strategik untuk

dibangunkan dengan Projek Rumah Selangorku dari harga RM42,000 sehingga RM250,000.00. Sekiranya perkara ini selesai, Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan dengan projek Rumah Selangorku ke atas tanah-tanah berpotensi tersebut sama ada melalui LPHS ataupun mengenalpasti pemaju yang berkeelayakan melalui tender terbuka bagi membangunkan projek tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : KONTRAK ANGKAT SAMPAH DAN PEMBERSIHAN KAWASAN

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kontraktor angkat sampah dan pembersihan kawasan ?. Senaraikan mengikut PBT.
- b) Berapa kontraktor telah ditamatkan kerana kegagalan melaksanakan kerja yang telah ditetapkan ?
- c) Apakah langkah PBT untuk mengatasi kontraktor yang telah gagal melaksanakan kontrak yang ditawarkan ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan terkini bagi **kontraktor angkat sampah** di seluruh PBT adalah **371 kontraktor**. Manakala **kontraktor pembersihan kawasan** sebanyak **744 kontraktor**. Senarai pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bilangan Kontraktor	
		Kutipan Sampah	Pembersihan Kawasan
1.	MBSA	52	176
2.	MBPJ	38	108
3.	MPSJ	47	81
4.	MPKJ	47	67
5.	MPS	31	38
6.	MPK	65	58
7.	MPAJ	35	48
8.	MPSP	14	60
9.	MDKS	13	26
10.	MDKL	7	20
11.	MDSB	4	<i>In-house</i>
12.	MDHS	18	62
Jumlah		371	744

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- b) Secara keseluruhan **sebanyak 144** buah syarikat/kontraktor yang ditamatkan perkhidmatan oleh PBT pada tahun 2014. Senarai bilangan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bilangan Syarikat/ Kontraktor\ Yang Ditamatkan Perkhidmatan Pada Tahun 2014
1.	MBSA	21
2.	MBPJ	22
3.	MPSJ	20
4.	MPKJ	20
5.	MPS	3
6.	MPK	23
7.	MPAJ	18
8.	MPSP	14
9.	MDKS	2
10.	MDKL	1
11.	MDSB	Tiada
12.	MDHS	Tiada
Jumlah		144

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- c) Langkah-langkah PBT untuk mengatasi kontraktor yang telah gagal melaksanakan kontrak yang ditawarkan adalah:-
- i. PBT akan mengeluarkan notis penamatan perkhidmatan kerja kepada syarikat/kontraktor tersebut mengikut tempoh yang diletakkan dalam perjanjian kontrak;
 - ii. Dalam tempoh notis tersebut sekiranya syarikat/kontraktor tersebut tidak melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah di lapangan/ tapak, PBT akan menjalankan kerja-kerja secara in-house atau melantik kontraktor sementara menjalankan kerja-kerja kutipan;
 - iii. Syarikat/Kontraktor yang telah ditamatkan perkhidmatannya akan direkod dan disenaraihitam diperingkat PBT sebagai rujukan; dan
 - iv. PBT akan melantik syarikat/kontraktor baru melalui tender terbuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PEMULIHARAAN MASJID NEGERI

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri akan melaksanakan pemuliharaan dan keceriaan ke atas Masjid Negeri Selangor di Shah Alam?
- b) Berapakah peruntukkan yang disediakan untuk kerja pemuliharaan dan keceriaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Ya.
- b)
 - i. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor sedang dalam proses melaksanakan penambahbaikan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Aspek yang terlibat adalah kubah masjid (30 juta), *PA system* (1.3 juta) dan penghawa dingin (4juta). Peruntukan yang disediakan bagi kerja pemuliharaan dan keceriaan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 4,500,000.00. Jumlah ini tidak melibatkan kerja pembaikan kubah,
 - ii. Mencuci dan membersihkan keseluruhan kawasan dalam dan luar masjid,
 - iii. Perkhidmatan landskap keseluruhan kawasan masjid,
 - iv. Perkhidmatan kawalan keselamatan masjid,
 - v. Perkhidmatan kawalan serangga di masjid dan di rumah kakitangan masjid; dan
 - vi. Melaksanakan kerja-kerja teknikal seperti elektrik dan kerja-kerja awam serta membaiki dan menukar alat ganti seperti lampu dan mengecat semula kawasan *parking* masjid.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENDIDIKAN VOKASIONAL

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kolej vokasional yang disediakan oleh kerajaan Selangor.
- b) Adakah kerajaan Selangor akan memberi tajaan kepada anak Selangor yang menyertai kursus teknik di kolej vokasional swasta?

JAWAPAN:

- a) Kolej Antarabangsa Industri Pendidikan Selangor (INPENS) adalah kolej vokasional yang disediakan oleh Kerajaan Selangor.
- b) Kerajaan Selangor telah menyediakan pinjaman pelajaran bagi Tahap Sijil sebanyak RM5,000.00 setahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENGURUSAN PERHENTIAN BAS KLANG SENTRAL DAN
 SEKITARNYA**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan syarat dan terma perjanjian Pemaju dan MPK.
- b) Apakah ada halangan penguatkuasaan kepada sesuatu kes yang tidak patuh peraturan PBT? Nyatakan.
- c) Bagaimanakah dipastikan keadaan penyelenggaraan dalam spesifikasi yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Syarat dan terma perjanjian Pemaju dan MPK seperti berikut:

- i) Pihak Dan Tempoh Masa Perjanjian**

- Perjanjian bertarikh 24.4.2007 untuk tempoh konsesi selama dua puluh satu (21) tahun dengan perlanjutan secara automatik selama sembilan (9) tahun yang bermula daripada tarikh pengeluaran CF ("Commencement Date") telah ditandatangani di antara Majlis Perbandaran Klang dan NPO Development Sdn Bhd (9434271-A) iaitu pada 14 November 2008.

- ii) Hak Syarikat Di Bawah Perjanjian**

- Pihak Syarikat diberikan hak eksklusif di bawah Perjanjian untuk membina, mengurus, mengoperasi dan menyelenggara Terminal Bas Klang Sentral untuk tempoh selama 21+ 9 tahun atas kos, risiko dan perbelanjaan sendiri dengan tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian.

- iii) Anggaran Kos Projek**

- Anggaran Kos Projek adalah sebanyak RM12,000,000.00 (tidak termasuk kos operasi dan penyelenggaraan) dan kos sebenar hendaklah disahkan secara bersama oleh Juruaudit Syarikat dan Akauntan MPK.

iv) Perkongsian Keuntungan Projek

Perkongsian Keuntungan Projek akan dibayar oleh Syarikat kepada MPK selepas lima belas (15) tahun daripada tarikh permulaan konsesi. Pada akhir lima belas (15) tahun yang pertama Majlis akan dibayar sebanyak 15% daripada untung bersih sebelum cukai manakala dalam tempoh lima belas (15) tahun kedua sebanyak 20% daripada untung bersih sebelum cukai atau RM60,000.00 setahun mana yang lebih tinggi.

v) Tanggungjawab Syarikat Sepanjang Tempoh Operasi

Pemberian konsesi kepada Syarikat adalah termasuk tanggungjawab untuk membina terminal serta mengurus, mengoperasikan serta menyelenggara Terminal Bas semasa Tempoh Perjanjian di mana antara tanggungjawab Syarikat adalah seperti yang tersenarai di bawah:-

- Mempunyai kuasa untuk mendapatkan Penyewa dan memasuki Perjanjian-Perjanjian Pajakan Penyewaan, JV atau lain-lain perjanjian yang berkaitan Terminal dan berhak untuk menerima hasil di bawah Perjanjian-Perjanjian tersebut.
- Syarikat berhak untuk memberikan kadar sewa promosi dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh permulaan konsesi (bawah daripada harga pasaran).
- Syarikat berhak untuk mengkaji kadar sewa setiap tiga (3) tahun dengan kelulusan MPK.
- Syarikat hendaklah memastikan penyewa terminal sekurang-kurangnya 50% terdiri daripada penyewa Bumiputra.
- Syarikat hendaklah menyediakan ruang kedai seluas 15' x 10' kepada MPK tanpa bayaran.
- Syarikat hendaklah tidak membuat atau membina sebarang pembinaan menara telekomunikasi di dalam kawasan konsesi tanpa kebenaran MPK.
- Syarikat boleh mendirikan ruang pengiklanan di dalam kawasan konsesi tertakluk kepada peruntukan perundangan yang berkaitan.
- Sewa pendapatan daripada ruang pengiklanan hendaklah dibahagikan secara 70:30 antara Syarikat dan MPK (bayaran secara tahunan & 1 ruang iklan diperuntukkan untuk MPK).
- Sepanjang tempoh konsesi pihak syarikat adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan kawasan konsesi dan hendaklah mengemukakan laporan kepada MPK setiap 4 bulan berkenaan penyelenggaraan, sewa yang diperolehi, jumlah bas dan teksi yang menggunakan Terminal.

- Syarikat hendaklah bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan teknikal dan pembaikan struktur di Terminal.
- Syarikat hendaklah mengemukakan Bon Penyelenggaraan yang tidak kurang daripada 5% daripada nilai kontrak bagi kerja pembinaan.
- Setiap perkara yang berkaitan operasi di Terminal adalah tanggungjawab Syarikat.
- Menyediakan dan mengemukakan kepada MPK Laporan Pergerakan Trafik di Terminal dan semua jalan utama yang berhubung dengan Terminal dan Laporan hendaklah dikemukakan 4 bulan sekali.
- Syarikat hendaklah mengemukakan laporan audit kewangan tahunan kepada MPK.
- Syarikat hendaklah melantik syarikat subsidiari untuk membantu operasi dan pengurusan Terminal.
- Syarikat hendaklah memaklumkan kepada MPK keperluan untuk tambahan lorong bas dan teksi akibat daripada pertambahan pergerakan trafik di Terminal dan hendaklah mengemukakan plan kelulusan kepada Pihak Berkuasa berkaitan untuk pembinaan lorong tambahan dengan kos Syarikat.
- Syarikat hendaklah memastikan semua papan tanda arah di Terminal mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh MPK.
- Syarikat hendaklah memastikan semua langkah keselamatan di Terminal adalah berdasarkan Peruntukan Undang-Undang dan hendaklah termasuk pemasangan CCTV.
- Syarikat hendaklah mengecat semula Terminal dari semasa ke semasa dalam tempoh Perjanjian Konsesi.
- Syarikat hendaklah memastikan hanya bas-bas yang diluluskan oleh LPKP sahaja dibenarkan memasuki Terminal.
- Syarikat hendaklah mengenakan caj levi ke atas semua bas dan teksi yang memasuki Terminal berdasarkan kadar pasaran semasa. Kadar tersebut hendaklah dinilai dan ditambah oleh Syarikat setiap 3 tahun seperti yang telah diluluskan oleh MPK.

vi) TANGGUNGJAWAB SYARIKAT SELEPAS BERAKHIR TEMPOH KONSESI

- Syarikat hendaklah berhenti beroperasi di Terminal dan menyerahkan terminal kepada MPK dalam keadaan baik dan membaiki segala kerosakan dengan kos sendiri.
- Tidak lewat daripada tiga (3) bulan daripada tarikh tamat menyerahkan inventori peralatan dan barangan di Terminal kepada MPK.

- Tidak mengalihkan peralatan dan barangan di Terminal tanpa kelulusan MPK.
- b) Tiada sebarang halangan untuk menguatkuasakan mana-mana pelanggaran undang-undang yang berkaitan PBT sekiranya berlaku di terminal. Bentuk penguatkuasaan yang telah dibuat oleh MPK ialah mengeluarkan surat peringatan kepada Syarikat kerana tidak mengemukakan Laporan Pengurusan dan Laporan Kewangan seperti yang disyaratkan dalam perjanjian.
- c) Tugas dan tanggungjawab penyelenggaraan terminal adalah tanggungjawab sepenuhnya syarikat di bawah Perjanjian Konsesi di mana pihak Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk mengemukakan laporan setiap empat (4) bulan kepada MPK yang melaporkan tentang pengurusan dan kutipan sewa serta jumlah bilangan bas dan teksi yang menggunakan terminal. Selain itu, pihak syarikat tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan atau tambahan kepada terminal tanpa mendapat kelulusan MPK.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya di dalam pendapat MPK bahawa Syarikat gagal untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan mengikut Perjanjian, MPK boleh memberikan notis bertulis tentang kegagalan Syarikat menjalankan tanggungjawab dan Syarikat hendaklah memberikan maklumbalas dalam tempoh empat (4) minggu sama ada bersetuju untuk menjalankan tanggungjawab atau memberi justifikasi mengapa penyelenggaraan tidak dijalankan. Jika Syarikat bersetuju untuk menjalankan tanggungjawab atau justifikasi untuk tidak menjalankan tanggungjawab ditolak oleh MPK di mana dalam mana-mana keadaan gagal untuk meneruskan dalam tempoh lanjutan 4 minggu, MPK hendaklah memberi notis bertulis bahawa MPK akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang berkaitan dan kos akan ditanggung oleh Syarikat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : TABUNG BIASISWA MENTERI BESAR

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan Ahli Jawatankuasa yang menganggotai Tabung Biasiswa Menteri Besar dan tempoh lantikan mereka.
- b) Senaraikan jumlah dan nama penerima Tabung Biasiswa Menteri Besar.
- c) Adakah penerima biasiswa tersebut perlu berkhidmat kepada Kerajaan Negeri Selangor setelah tamat pengajian?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Selaras dengan salah satu tawaran yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Rakyat bagi PRU13, Kerajaan Negeri Selangor belum memuktamadkan Biasiswa Dato' Menteri Besar Selangor (BDMBS). Walau bagaimanapun mulai tahun 2015, Kerajaan Negeri ada menyediakan memperuntukkan sejumlah RM 10 juta setahun untuk Tabung Biasiswa Selangorku khusus untuk anak Selangor dari desa dan keluarga berpendapatan rendah yang menuntut di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Dana Bantuan Sara Diri Anak Selangor untuk mahasiswa UNISEL dan KUIS dengan peruntukan berjumlah RM 12 juta setahun sebagai bantuan awal sebelum mereka menerima wang pendahuluan pembiayaan sebanyak RM 1,500 daripada PTPTN atau pembiayaan pendidikan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PUSAT JUDI DAN RUMAH URUT

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini pusat judi dan rumah urut yang beroperasi dengan kebenaran di Negeri Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri bagi memastikan pusat judi dan rumah urut ini tidak bertambah?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 104 premis pusat judi dan 443 premis rumah urut yang beroperasi dengan kebenaran PBT di Negeri Selangor. Senarai mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bilangan Premis Yang Dibenarkan		Catatan
		Pusat Judi	Rumah Urut	
1.	MBSA	2	0	2 Mesin Slot dan tiada lesen perniagaan rumah urut dikeluarkan
2.	MBPJ	55	266	Pusat judi nombor ramalan.
3.	MPSJ	0	28	Tidak mengeluarkan lesen perjudian
4.	MPKJ	38	10	Premis
5.	MPS	0	69	Premis
6.	MPK	3	12	Premis
7.	MPAJ	0	35	Tidak mengeluarkan lesen perjudian
8.	MPSP	6	1	Premis
9.	MDKS	0	8	Tidak mengeluarkan lesen perjudian
10.	MDKL	0	0	Tidak mengeluarkan lesen tersebut
11.	MDSB	0	14	Tidak mengeluarkan lesen perjudian
12.	MDHS			Tunggu maklumbalas
Jumlah		104	443	

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- b) Antara usaha kerajaan negeri bagi memastikan pusat judi dan rumah urut ini tidak bertambah adalah seperti berikut:-
- i. Kerajaan Negeri tidak membenarkan lagi PBT meluluskan lesen rumah urut sejak tahun 2008 dan lesen yang melibatkan perjudian;
 - ii. Pengusaha yang didapati bersalah akan dikenakan tindakan kompaun;
 - iii. Pengusaha boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Anti Pmerdagangan Orang;
 - iv. Menyita premis dan peralatan perniagaan;
 - v. Merobohkan struktur dalaman premis;
 - vi. Membatalkan lesen perniagaan;
 - vii. Memotong bekalan air dan elektrik; dan
 - viii. Peranan semua agensi seperti PBT, Polis, Imigresen, Pejabat Tanah dan JAIS mempunyai peranan penting antara satu sama lain di dalam menguatkuasakan undang-undang dan membanteras gejala tidak bermoral.
 - ix. Kempen kesedaran juga dilakukan melalui program-program yang dilaksanakan serta melalui media-media bagi mengelakkan masyarakat terjerumus ke dalam gejala yang tidak bermoral dan menghindarkan permintaan terhadap perkhidmatan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : WANITA

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam memberi manfaat atau bantuan kepada golongan wanita, terutamanya ibu tunggal?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan memberi dana atau insentif kepada pegawai PWB untuk menjalankan program Wanita di setiap DUN Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri amat komited terhadap golongan wanita yang berada di Negeri Selangor terutamanya golongan Ibu-Ibu Tunggal. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah mengkaji dan memperbaiki program-program yang diperuntukkan terhadap golongan wanita. Antara program yang ditambah nilai adalah seperti berikut :-
 - 1. Program-program pemberdayaan wanita Selangor melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) dengan kerjasama pelbagai jabatan, agensi dan persatuan NGO di seluruh Selangor;
 - 2. Skim Mikrokredit Luar Bandar (SkimSel)
Program ini akan memberikan tumpuan penuh terhadap golongan wanita di mana sebahagian besar penerima Skim adalah terdiri daripada golongan wanita dan terdapat juga Ibu Tunggal.
 - 3. Skim Mikrokredit Bandar (MIMBAR)
Program ini memberi tumpuan terhadap golongan wanita khususnya Ibu Tunggal di bandar yang ingin memulakan perniagaan.
 - 4. Dana Usahawan
Kerajaan Negeri menyediakan bantuan dana kepada para Usahawan khususnya Ibu Tunggal dalam bentuk peralatan dan sokongan untuk memajukan lagi industri perniagaan. Insentif ini diberikan sebagai galakan kepada para usahawan untuk terus maju dan memperoleh pendapatan yang lebih lumayan.

5. *Blue Print* Kemiskinan

Insenti Kerajaan masih diteruskan dalam usaha membangunkan rakyat Selangor dari dibelenggu kemiskinan. Justeru itu, Kerajaan Negeri menyediakan Program *Blue Print* Kemiskinan bagi membantu warga Selangor khususnya golongan wanita dan Ibu Tunggal yang masih lagi berada di bawah paras kemiskinan. Program *Blue Print* Kemiskinan ini memberi bantuan berbentuk peralatan bagi pemohon memulakan perniagaan atau memulakan aktiviti meningkatkan pendapatan isi rumah.

- b) Kerajaan Negeri akan memberi dana atau insentif kepada pegawai PWB untuk menjalankan program Wanita di setiap DUN Selangor sebaik urusan lantikan para Penyelia PWB selesai dilaksanakan. Dana sebanyak RM30,000.00 bagi setiap DUN akan disalurkan ke Pejabat Daerah selaras dengan keputusan MMKN ke 46/2014 yang diadakan pada 28 November 2014 dan telah disahkan oleh MMKN ke 47/2014 pada 10 Disember 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SELANGOR CHESHIRE HOME (SCH)

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerjasama kerajaan bagi memajukan program-program amal di SCH?
- b) Apakah tindakan kerajaan melalui PBT berkenaan dalam mencegah berulangnya banjir yang pernah melanda SCH?
- c) Apakah tindakan kerajaan melalui PDT berkenaan bagi mengembalikan tanah SCH yang kini telah diceroboh pelbagai pihak?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor belum mempunyai sebarang perancangan untuk mengadakan sebarang program amal di SCH. Namun begitu, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan sekiranya terdapat cadangan yang memberansangkan dari pihak agensi atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengadakan program-program amal bersama penghuni di SCH. Sungguhpun lokasi SCH ini terletak di tengah bandar, pelbagai aktiviti yang menarik boleh dilakukan di perkarangan lokasi SCH bersama penghuni-penghuni.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SCH telah menerima peruntukan secara purata RM84,900.00 setahun dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor untuk melaksanakan program-program kebajikan yang telah dirancang dalam usaha melatih golongan OKU untuk menjadi yang lebih baik dan lebih berdikari.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir terakhir berlaku di kawasan SCH adalah pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Selayang telah memohon pemaju di kawasan sekitar SCH untuk menaiktaraf longkang utama di kawasan tersebut sehingga ke persempadanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri juga, terdapat kajian yang dilaksanakan ke atas jajaran anak Sungai Udang sehingga ke persempadanan DBKL yang merupakan pengumpulan saluran air kawasan tersebut.

(Sumber daripada Majlis Perbandaran Selayang)

- c) Semakan ke atas status tanah SCH telah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah/Tanah Gombak dan mendapati tanah tersebut merupakan tanah milik SCH. Adalah menjadi tanggungjawab SCH selaku pemilik berdaftar untuk menjaga sempadan-sempadan tanah seperti yang tertera di dalam pelan hakmilik tanah yang dipegang selaras dengan peruntukan seksyen 340 Kanun Tanah Negara 1965.

(Sumber dari Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TAMAN PERKUBURAN TAMAN MEDAN DI PJS 3

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan serta tindakan seterusnya bagi tujuan pembangunan keseluruhan Taman Perkuburan Taman Medan di PJS 3?
- b) Apakah tindakan terhadap aktiviti pencerobohan tanah Taman Perkuburan Taman Medan dan tanah rizab sungai yang masih berlaku selain mengeluarkan notis pengosongan?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis telah melantik kontraktor Amal Image Sdn Bhd untuk menjalankan pembinaan tapak perkuburan Islam di atas plot A dan plot B dengan kos RM 2.14 juta dengan keluasan 16.26 ekar dan tempoh siap selama 28 minggu

Tarikh mula : 06 Mac 2015

Tarikh siap : 18 September 2015

- b) Tidak berkaitan dengan MBPJ. Di bawah tanggungjawab Pejabat Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEMBENIHAN AWAN

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri sudah bersedia untuk melakukan pembenihan awan sekiranya berlaku kemarau panjang di Selangor?
- b) Bagaimanakah kaedah kerajaan negeri melantik perunding pembenihan awan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui LUAS telah melakukan persediaan awal bagi menghadapi musim kemarau panjang di Negeri Selangor dengan pelantikan syarikat pembekal perkhidmatan AFJets Sdn. Bhd. bagi melaksanakan operasi pembenihan awan pada tahun 2015. Operasi pembenihan awan yang pertama ialah pada 21 Februari 2015 di mana kawasan sasaran ialah Empangan Sungai Selangor dan ia diteruskan sehingga ke hari ini tertakluk kepada kesesuaian cuaca. Ini adalah bagi meningkatkan kadar intensiti hujan di kawasan lembangan sungai untuk menambahkan aliran air sungai dan kawasan tadahan empangan yang seterusnya akan meningkatkan paras air empangan.
- b) Kaedah pelantikan pembekal perkhidmatan (AFJets Sdn. Bhd.) bagi pelaksanaan operasi pembenihan awan ialah dengan kaedah perolehan secara lantikan terus setelah mendapat kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri. Ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender) dalam perkara 4 dimana "*sebarang pengecualian daripada peraturan yang ditetapkan dalam SPP ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Perbendaharaan*". Pembekal perkhidmatan yang dilantik merupakan satu-satunya syarikat yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pelaksanaan operasi pembenihan awan di Malaysia dengan menggunakan kaedah '*hygroscopic flare*'. Pihak syarikat merupakan pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh LUAS bagi tahun 2014 melalui kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri. Syarikat yang sama juga yang telah dilantik oleh Jabatan Meteorologi Malaysia untuk menjalankan operasi pembenihan awan di negeri-negeri lain di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEJAWAT AWAM

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan Penjawat Awam yang dibiayai oleh KNS ?
- b) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah bilangan Penjawat Awam yang dikenakan tindakan tatatertib atas pelbagai kesalahan sejak 3 tahun yang lalu?
- c) Apakah usaha KNS untuk memperkasakan prestasi perkhidmatan sektor awam?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan bilangan Penjawat Awam yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor (KNS) yang meliputi Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri adalah sebanyak **21,374 orang** yang terdiri daripada **lantikan tetap seramai 17,025 orang** dan **lantikan kontrak seramai 4,349 orang**. Pecahan mengikut setiap Jabatan / Agensi adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Agensi	Tetap	Kontrak	Jumlah
1	Jabatan Agama Islam Selangor	2,036	465	2,501
2	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	77	3	80
3	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor	200	28	228
4	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	1,665	24	1,689
5	Jabatan Mufti Negeri Selangor	32	12	44
6	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	756	53	809

Bil.	Agensi	Tetap	Kontrak	Jumlah
7	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor	98	9	107
8	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	394	2	396
9	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	196	5	201
10	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	260	1	261
11	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	72	48	120
12	Lembaga Urus Air Selangor	72	26	98
13	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1,213	550	1,763
14	Majlis Bandaraya Shah Alam	803	621	1,424
15	Majlis Daerah Hulu Selangor	358	0	358
16	Majlis Daerah Kuala Langat	330	67	397
17	Majlis Daerah Kuala Selangor	275	33	308
18	Majlis Daerah Sabak Bernam	247	19	266
19	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	623	130	753
20	Majlis Perbandaran Kajang	635	230	865
21	Majlis Perbandaran Klang	1,259	401	1,660
22	Majlis Perbandaran Selayang	669	342	1,011
23	Majlis Perbandaran Sepang	366	157	523
24	Majlis Perbandaran Subang Jaya	914	594	1,508
25	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	175	5	180
26	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	174	10	184
27	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor	168	14	182
28	Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	180	5	185
29	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	156	5	161
30	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor	173	10	183
31	Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling	190	26	216
32	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	160	3	163
33	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	138	7	145
34	Pejabat DYMM Sultan Selangor	104	44	148
35	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	425	206	631

Bil.	Agensi	Tetap	Kontrak	Jumlah
36	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor	308	40	348
37	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	96	27	123
38	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	631	56	687
39	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	46	0	46
40	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	199	1	200
41	Perbendaharaan Negeri Selangor	136	70	206
42	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor	16	0	16
Jumlah Keseluruhan		17,025	4,349	21,374

- b) Perincian bagi tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap Penjawat Awam yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Jenis Hukuman	Bilangan Pegawai
Amaran	207
Denda	26
Lucutkan hak emolumen	83
Tangguhkan pergerakan gaji	76
Turun gaji	48
Turun pangkat	5
Surcaj	4
Buang kerja/ditamatkan perkhidmatan	142
Jumlah keseluruhan	591

- c) Antara langkah-langkah yang dirancang Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkasakan prestasi Penjawat Awam Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan program Penilaian Penandaarasan Organisasi secara menyeluruh dengan penglibatan beberapa buah badan profesional dan agensi pusat seperti berikut:
 - program **Penarafan Bintang** oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang dilaksanakan secara dwitahunan,
 - program penilaian **Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC)** oleh Bahagian Korporat, Pejabat

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dilaksanakan secara dwitahunan.

- program **Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor** yang dianjurkan saban tahun untuk membudayakan konsep inovasi dalam perkhidmatan awam.
 - program **Penilaian Portal Dan Laman Web Rasmi Jabatan / Agensi** yang dilaksanakan setiap tahun yang menilai keberkesanan dan menambah baik perkhidmatan atas talian yang ditawarkan. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan setiap Jabatan / Agensi mengoptimumkan penggunaan perkhidmatan atas talian sepenuhnya bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan kerja yang diberikan kepada orang awam.
- ii. memberikan **latihan-latihan peningkatan kemajuan kerjaya** yang komprehensif kepada semua lapisan penjawat awam Negeri Selangor. Program-program latihan yang dilaksanakan telah diperkemas dengan nilai tambah dan selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Pentadbiran ini telah membangunkan Pelan Operasi Latihan (POL) yang diguna pakai oleh semua Jabatan / Agensi yang antara lain menekankan keperluan setiap penjawat perlu menghadiri latihan (bengkel / kursus / seminar) sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun.
 - iii. merangka **Pelan Penggantian** (*Succession Plan*) yang komprehensif terutamanya melibatkan jawatan-jawatan strategik agar kelangsungan tugas dan kepimpinan di sesebuah organisasi mampu diteruskan;
 - iv. melaksanakan **program pertukaran** (urusan peminjaman, pertukaran tetap, pertukaran sementara, pusingan kerja dan sebagainya) bagi menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman kerja penjawat awam di pelbagai Jabatan / Agensi. Dalam hal ini, seseorang pegawai boleh mempelajari amalan terbaik (*best practices*) di sesebuah Jabatan / Agensi dan mengurangkan ruang-ruang yang membolehkan tahap integriti seseorang pegawai dipertikaikan;
 - v. dalam menterjemahkan hasrat Kerajaan Negeri dalam melahirkan penjawat awam yang berilmu, Pentadbiran ini turut menawarkan **skim pinjaman pelajaran** kepada pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA);

- vi. bagi menzahirkan penghargaan kepada penjawat awam yang telah lama berkhidmat dan berprestasi cemerlang dalam tempoh perkhidmatan, Pentadbiran ini juga melaksanakan urusan **kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)** melibatkan anggota Kumpulan Pelaksana. Hal ini secara tidak langsung mampu memberikan suntikan motivasi dan semangat warga kerja dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa pada tahap yang cemerlang;
- vii. menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan berkaitan **gaji minimum anggota perkhidmatan awam secara keseluruhannya telah dinaikkan** dengan mengambil kira perkembangan keadaan ekonomi semasa. Selain itu, kelayakan minimum pelantikan anggota perkhidmatan awam juga telah dinaikkan kepada minimum Penilaian Menengah Rendah (PMR) (daripada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebelum ini);
- viii. membudayakan dan melaksanakan **Amalan Persekitaran Berkualiti 5S** di semua ruang kerja jabatan bagi memastikan semua penjawat awam bekerja dalam keadaan kondusif dan produktif;
- ix. **melaksanakan pensijilan MS ISO** bagi prosedur-prosedur tertentu di setiap jabatan dan bahagian di mana ia akan memudahkan penjawat awam melaksanakan tugas dengan adanya *standard template* dan peraturan yang seragam. Melalui persijilan tersebut, penjawat awam dapat menjalankan tugas dengan lebih licin dan teratur;
- x. DYMM Tuanku Sultan Selangor turut **menganugerahkan Bintang, Pingat dan Darjah Kebesaran** kepada penjawat awam pada setiap tahun bersempena sambutan Hari Keputeraan Baginda bagi menghargai sumbangan yang diberikan oleh penjawat awam; dan
- xi. bagi mengiktiraf penjawat awam yang memberikan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun penilaian dan boleh dijadikan sebagai *role model* di kalangan warga organisasi, Pentadbiran ini turut memberikan **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** setiap tahun bagi mewujudkan persaingan sihat antara warga organisasi dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Hal ini kerana penghargaan APC ini hanya dihadkan kepada 8% daripada jumlah keseluruhan warga organisasi setiap tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATUS LETTER OF APPOINTMENT

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Letter of Appointment (LoA) yang dikeluarkan oleh kerajaan?
- b) Apakah status LoA yang dikeluarkan kepada GJA Engineering & Construction pada 15 Mac 2010 bagi program pembersihan Sungai Klang?
- c) Apakah kerajaan dikehendaki membayar pampasan kerana gagal menepati LoA di atas?

JAWAPAN:

a) dan b)

LoA yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri kepada GJA Engineering & Construction bertarikh 15 Mac 2010 tersebut bertujuan untuk melantik syarikat berkenaan bagi menganggotai Sekretariat Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang yang membolehkan pihak syarikat memberi maklumat lebih jelas mengenai keupayaan syarikat dalam melaksanakan cadangan-cadangan terutamanya dari segi kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Ia hanyalah satu surat niat dan hendaklah ditafsirkan tidak mengikat Kerajaan Negeri Selangor dalam apa jua bentuk perjanjian seperti yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam surat itu sendiri. Ulasan dan pandangan dari Kamar Penasihat Undang-undang Negeri telah dirujuk dan mendapati Kerajaan Negeri Selangor sama sekali tidak tertakluk terhadap Surat Niat tersebut. Ini bermakna, Surat Niat tersebut dikeluarkan dengan tujuan sekadar pernyataan hasrat untuk meminta GJA Engineering memulakan perbincangan, mengemukakan maklumat terperinci mengenai keupayaan syarikat dalam melaksanakan cadangan-cadangan serta memberikan anggaran kos kewangan yang terlibat. Hanya sekiranya Kerajaan Negeri Selangor berpuas hati dan bersetuju terhadap cadangan-cadangan atau *proposal* yang dikemukakan, barulah persetujuan secara kontrak akan dimeterai bagi mengikat pihak-pihak. Selanjutnya terkandung dalam Surat Niat tersebut yang secara nyata menyatakan bahawa Surat Niat ini tidak akan mengikat pihak-pihak dalam apa jua bentuk perjanjian. Ini bermakna kedua-dua pihak tidak semestinya akan terikat dari sudut perundangan untuk mengadakan suatu bentuk perjanjian. Memandangkan tawaran pelantikan tersebut masih tertakluk kepada proses rundingan dan bergantung pada pertimbangan taskforce, maka ianya tidak konklusif dan belum dimuktamadkan.

Namun begitu, oleh sebab pelantikan sebagai ahli jawatankuasa telah dibuat secara sah, maka Kerajaan Negeri Selangor tetap berkewajipan untuk

melaksanakan janjinya untuk melantik kedua-dua syarikat tersebut bagi menganggotai taskforce yang ditubuhkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak terikat dari segi hubungan kontraktual dengan kedua-dua syarikat tersebut atas pelantikan yang dibuat memandangkan ketiadaan sebarang perjanjian yang dimeterai.

- c) Melalui semakan yang dilakukan, Kamar Penasihat Undang-undang Negeri berpandangan Kerajaan Negeri tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan atau ganti rugi kepada GJA Engineering dan TSS-MAKO Engineering. Fakta menunjukkan bahawa tiada sebarang ikatan kontraktual yang terjalin, tiada janji yang dimungkiri dan tiada sebarang pemecahan obligasi di pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : BEBAS HALANGAN - OKU

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan berapakah PBT yang telah berjaya melaksanakan 100% Dasar Bebas Halangan terhadap OKU? Jika tiada, nyatakan sebab-sebab kegagalan?
- b) Apakah Perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan?
- c) Berapakah jumlah kewangan yang telah diperuntukkan untuk tujuan di atas?

JAWAPAN:

- a) Maklum balas yang diterima dari semua PBT Negeri Selangor mendapati tiada PBT yang berjaya melaksanakan dasar ini 100%. Walau bagaimanapun kebanyakan PBT memulakan inisiatif untuk mensyaratkan sebarang pembangunan baru perlu menyediakan kemudahan OKU dan PBT akan memastikan Dasar Bebas Halangan OKU dilaksanakan dalam setiap pembangunan di PBT.
- b) Kerajaan Negeri akan memastikan perkara ini dapat dilaksanakan melalui pemantauan terhadap:
 - I. Pewujudan Jawatankuasa Teknikal Audit Akses OKU di setiap PBT
 - II. Perancangan Mengadakan bengkel dan merangka garis panduan Audit Akses OKU untuk berkolaborasi dengan lain-lain Kementerian, PBT dan Badan Berkanun
 - III. Garis panduan tersebut akan dijadikan sebagai sumber rujukan bagi merekabentuk, membina, menyelenggara dan menaiktaraf kemudahan OKU
- c) Tiada Peruntukan Khas untuk pelaksanaan dasar ini namun PBT boleh menggunakan peruntukan kewangan sedia ada PBT (Contoh Local Agenda 21) di samping dijadikan syarat pembangunan kepada pemaju dalam proses kebenaran merancang (sebagai sumbangan kepada komuniti dan tanggungjawab korporat pemaju).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PROGRAM PERTANIAN BANDAR

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dimanakah kawasan-kawasan yang dicadangkan untuk melaksanakan program pertanian bandar oleh MBSA?
- b) Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk melaksanakan di kawasan PBT yang lain?

JAWAPAN:

- a) Kawasan MBSA yang dibangunkan bagi program pertanian bandar ialah di Seksyen 8, Denai Alam dan Seksyen 4 melalui kerjasama MBSA dengan Jabatan Pertanian.
- b) Kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian berhasrat memperluaskan program ini dan memperuntukkan sebanyak RM 875,000 bagi tahun 2015 untuk program pertanian bandar bagi semua daerah dan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KEADAAN DI DUN PELABUHAN KLANG N46

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keadaan DUN Pelabuhan Klang kini seperti kawasan terbiar. Jalan-jalan seperti Persiaran Batu Nilam dan Jalan Perusahaan sangatlah berlubang-lubang dan seluruh kawasan tersebut adalah bersampah-sarap. ADN kawasan tiada pusat khidmat untuk menerima aduan. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani keadaan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sedang melaksanakan Kajian Pelabuhan Klang : Bandar Pelabuhan Mampan dan Pintar yang dijangkakan selesai pada Oktober 2015.

Kajian ini bermatlamat untuk mewujudkan satu imej bandar pelabuhan yang signifikan bercirikan Mampan dan Pintar bertaraf dunia serta menggalakkan penggunaan sumber kawasan persisiran pantai secara optimum, mengekalkan kemampanan bandar dan alam persekitaran serta mewujudkan penempatan manusia yang sejahtera yang berinteraksi dengan aktiviti pelabuhan.

Selain daripada perancangan guna tanah dan garis panduan rekabentuk bandar, kajian ini akan turut menyediakan pelan pengurusan pintar yang bertujuan untuk menyelaraskan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab.

Jalan-jalan yang rosak/berlubang telah disenaraikan dalam program MARRIS 2015 termasuk jalan yang dinyatakan iaitu Persiaran Batu Nilam dan Jalan Perusahaan.

Perancangan Majlis berkaitan isu sampah sarap di sekitar DUN Pelabuhan Klang (Persiaran Batu Nilam dan Jalan Perusahaan Kampung Idaman); Majlis sedang melaksanakan penyusunan dan penstrukturan semula kerja-kerja pembersihan awam di kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : ANJING LIAR

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PBT membuat tangkapan dan kemanakah haiwan-haiwan ini dibawa dan apakah langkah seterusnya?
- b) Apakah rancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini?
- c) Di daerah manakah masalah anjing liar ini paling menular?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, PBT Negeri Selangor akan membawa haiwan yang di tangkap ke pusat tahanan haiwan atau ke tempat kurungan swasta di [PAWS Animal Welfare Society](#), dan akan disimpan selama beberapa hari bergantung sama ada haiwan tersebut bertuan atau haiwan terbiar. Sekiranya tiada sebarang tuntutan di buat, haiwan tersebut akan dilupuskan (put to sleep).
- b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengambil pelbagai langkah yang komprehensif bagi mengatasi isu anjing liar. Kerajaan Negeri juga akan mengunakan **Tatacara Operasi Piawaian** penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang dikeluarkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT). Antara langkah yang telah diambil adalah seperti di berikut :-
 - i. Menjalankan operasi tangkapan anjing terbiar di lokasi-lokasi yang diadakan dan kawasan sekitar dengan penggunaan umpan dan perangkap, sumpitan pelali, penjerut.
 - ii. Melantik kontraktor bagi penangkapan anjing berkeliaran.
 - iii. Menubuhkan pasukan kawalan anjing
 - iv. Melaksanakan program KEMBIRI melalui sistem pelesenan anjing seperti yang di jalankan oleh MPS
 - v. Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan pelesenan anjing.
 - vi. Menguatkuasakan program pemandulan dalam sistem pelesenan anjing.

Sehubungan itu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT telah menetapkan sasaran yang jelas dalam mengatasi

masalah pembiakan anjing liar di Negeri Selangor iaitu untuk mengurangkan populasi anjing liar dengan melaksanakan kerja-kerja kawalan secara berterusan serta menguatkuasakan undang-undang.

- c) Kerajaan Negeri mendapati bahawa, kawasan pentadbiran **Klang** mempunyai bilangan anjing liar yang tertinggi ini adalah berdasarkan bilangan tangkapan yang dijalankan pada tahun 2014 dan 2015 sehingga bulan Mac.

Tangkapan PBT	2014	2015
MBPJ	817	140
MBSA	1061	212
MPS	697	383
MPSJ	697	142
MPK	3,661	916
MPAJ	1,471	171
MPKJ	2,585	25
MPSP	817	104
MDKL	884	17
MDKS	330	39
MDHS	1,436	174
MDSB	373	217
JUMLAH	14,829	2540

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI PUSAT KOMERSIAL SEKSYEN 7 SHAH ALAM

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha JPS untuk mengatasi masalah ini supaya tidak berulang ?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan ?
- c) Bila projek akan disiapkan ?

JAWAPAN:

- a) Kejadian banjir kilat adalah dalam perhatian dan keutamaan pihak JPS di mana terdapat beberapa isu dikenalpasti seperti isu Kolam Takungan berhampiran Sungai Rasah berdekatan Hypermarket Giant tidak berfungsi sepenuhnya. JPS telah memanggil kerja-kerja bagi menaiktaraf Sungai Rasah dengan menggunakan peruntukan dibawah Program Pengurusan Banjir (P13).
- b) Sejumlah RM 53,615,300.00 telah diterima bagi pelaksanaan projek Sungai Rasah ini.
- c) Berikut adalah butiran bagi projek-projek yang berkaitan bagi mengatasi isu banjir kilat di Pusat Komersial Seksyen 7, Shah Alam..

BIL	TAJUK KERJA	KOS	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
1	Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Utama Sg. Rasah Dan Kerja-Kerja Berkaitan di I-City/Plaza Tol Sg Rasah, Daerah klang, Selangor Darul Ehsan	RM 9,494,537.00 (asal)	29.05.2014	17.09.2015
2	Membina Dan Menyiapkan Sebuah Kolam Takungan Banjir dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Bukit Bandaraya Seksyen u11, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	RM 1,598,124.50 (asal)	23.07.2014	21.04.2015

BIL	TAJUK KERJA	KOS	TARIKH MULA	TARIKH SIAP
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Kg. Air Kuning dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Plaza Tol Sg. Rasah, Daerah Klang.	RM 1,347,150.00 (asal)	24.12.2014	10.06.2015
4	Cadangan Tebatan Banjir Di Jalan Sungai Rasah Dan Jalan Padang Jawa, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan (Menggantikan Jambatan Di Atas Sungai Rasah Di KM 5.6 Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan) – dilaksanakan oleh pihak JKR	RM 25,000,000.00	3.12.2013	16.6.2015
5	Kerja-kerja membina lencongan Sg Rasah ke Tasik Ladam Sg Klang Dan Kerja-kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	RM 6,710,890.00	19.11.2013	18.05.2015
6	Membekal, menghantar, mengujijaya dan mentauliah pam selam hidraulik dan aksesori yang berkaitan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	RM 855,200.00	18.02.2014	07.07.2014
7	Membekal, menghantar, memasang, mengujijaya dan mentauliah pam skru Archimedian untuk Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	RM 1.068,000.00	12.11.2014	30.04.2015

8	Kerja-kerja pembinaan kolam takungan banjir serta kerja-kerja lain yang berkaitan di kawasan perindustrian Bukit Raja Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	RM 2,550,209.00	4.07.2012	12.02.2013
---	--	-----------------	-----------	------------

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : SAMPAH SARAP DI SUNGAI SELANGOR

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyedari terlalu banyak sampah sarap di Sungai Selangor, khasnya dari Sungai Rambai hingga ke Kampung Sepakat Kuala Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membuang sampah tersebut?

JAWAPAN:

- a) Secara umumnya, tiada berlaku sebarang pelepasan sampah secara tidak terkawal di Sungai Selangor khususnya dari Sungai Rambai hingga ke Kampung Sepakat Kuala Selangor memandangkan perangkap sampah dibina dengan kaedah dan rekabentuk yang sistematik dan pembersihan perangkap sampah dilaksanakan secara berkala. Penyelenggaraan perangkap yang dilakukan untuk mengangkat sampah di Sungai Selangor adalah sebanyak dua kali sebulan dengan anggaran sebanyak RM 150,000.00 setahun dengan kos setiap pusingan adalah RM 6,250.
- b) Pada dasarnya Kerajaan Negeri telah bertindak membina 3 struktur perangkap sampah (log boom) yang merentangi Sungai Selangor di bahagian upstream, middlestream dan downstream sebagai langkah pencegahan dan kawalan sampah daripada terapung dan mengotori sungai. Kerja-kerja pembersihan perangkap sampah dilaksanakan sebanyak 2 kali sebulan dan skop kerja-kerja pembersihan termasuk seperti butiran di bawah :
 - i. memunggah dan mengumpul sampah dari perangkap sampah,
 - ii. mengangkut dan mengeluarkan sampah sarap ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan,
 - iii. membersihkan kawasan sekeliling perangkap sampah,dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PINDAAN TERHADAP ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA
ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003**

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan meminda Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dengan mewajibkan pihak yang ingin memeluk Islam membubarkan perkahwinannya di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 sebelum perkahwinannya dengan pasangan Muslim boleh didaftarkan di bawah Hukum Syarak?

JAWAPAN:

- a) Tiada pindaan perlu dibuat kerana telah ada seksyen 46 peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : RUMAH URUT & JUDI

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah rumah urut yang berlesen dan tidak berlesen yang berada di Gombak Setia dan apakah syarat-syarat operasi rumah urut?
- b) Berapakah pusat judi yang masih beroperasi di Gombak Setia?

JAWAPAN:

- a) Tiada rumah urut beroperasi di kawasan Gombak Setia.

Pemohon lesen rumah urut perlu mendapatkan sokongan daripada pihak Polis dan Jabatan Bomba sebelum diberi kelulusan.
- b) Tiada pusat judi beroperasi di Gombak Setia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KADAR LIPUTAN INTERNET

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar liputan internet di Negeri Selangor mengikut pecahan PBT?
- b) Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kadar dan kelajuan liputan internet bagi memudahkan urusan rakyat?
- c) Agensi manakah yang bertanggungjawab untuk memantau dan merancang kadar liputan internet?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), kadar capaian internet untuk keseluruhan Negeri Selangor meningkat dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan usaha-usaha kerajaan negeri bagi meningkatkan capaian internet ke seluruh negeri Selangor berhasil dengan memberikan perkhidmatan WiFi Selangorku.

SKMM tidak mempunyai data pecahan mengikut PBT di negeri Selangor. Namun begitu berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak SKMM, Negeri Selangor telah melepasi sasaran penembusan jalur lebar di peringkat nasional iaitu 75% penembusan pada tahun 2015.

Jadual di bawah menunjukkan peningkatan kadar penembusan jalur lebar di Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga 2015

Tahun	Kadar Penembusan (%)
2008	33.2
2009	49.1
2010	67.3
2011	74.8
2012	77.6
2013	78.1
2014	76.2

**Sumber daripada Communications & Multimedia Pocket Book Of Statistic Q4 2014(SKMM)*

- b) Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Menteri Besar (MB) sedang berusaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan WiFi Selangor dengan pelaksanaan 2,500 lokasi hotspot WiFi di seluruh Negeri Selangor. Pelaksanaan ini akan mengambil kira kawasan luar bandar, namun pada peringkat permulaan ini, sebanyak 300 lokasi hotspot wifi akan dilaksanakan di Pentadbiran Pejabat dan Penyelaras DUN, Pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor serta Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bermula 1 April 2015.

- c) Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) merupakan agensi yang memantau serta menetapkan sasaran penembusan jalur lebar di Malaysia. SKMM telah menyasarkan 75% penembusan jalur lebar di peringkat nasional pada tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROJEK DIBAWAH PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN
SELANGOR (PKPS)**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek pertanian PKPS dan anak syarikatnya pada tahun 2014?
- b) Nyatakan prestasi setiap projek?

JAWAPAN:

- a) Projek pertanian PKPS dan Anak Syarikat tahun 2014

Bil	Pelaksana	Jenis Projek
i.	PKPS	Perladangan Sawit
ii.	PKPS	Projek Selangor Fruits Valley – Ladang Buah-buahan dan Tanaman Getah
iii.	PKPS Livestock Farm Sdn Bhd (Anak Syarikat PKPS)	Projek Ternakan Lembu Tenusu dan Projek Usahasama Ternakan Ayam Daging
iv.	PKPS Farm Mart Sdn Bhd (Anak Syarikat PKPS)	Projek Ternakan Ikan Tilapia & Pembenihan Keli

b) Prestasi projek :

BIL	PELAKSANA	JENIS PROJEK	PRESTASI UNTUNG /RUGI RM JUTA			ULASAN
			2013	2014	BAJET 2015	
i.	PKPS	Perladangan Sawit	9.86	14.62	17.53	Prestasi menunjukkan peningkatan keuntungan kerana pertambahan buah tandan segar (BTS), tambahan keluasan yang matang dan kawalan kos pengeluaran.
ii.	PKPS	Projek Selangor Fruits Valley (SFV) – Ladang Buah-buahan dan Tanaman Getah	(0.24)	(0.70)	0.11	SFV mencatatkan kerugian disebabkan pengeluaran buah yang kurang. PKPS mula mengambilalih pengurusan SFV dari SOPIC Sdn Bhd (Anak Syarikat PKPS) bermula September 2013 dan kini dalam proses rehabilitasi tanaman bagi meningkatkan hasil pengeluaran.
iii.	PKPS Livestock Farm Sdn Bhd	Projek Ternakan Lembu Tenusu dan Projek Usahasama Ternakan Ayam Daging	(0.88)	(1.37)	(0.30)	Syarikat mengalami masalah pengeluaran susu segar yang rendah dan kos pemakanan yang tinggi. Syarikat telah mengambil langkah mengatasi seperti berikut :- <ul style="list-style-type: none"> - Mengadakan kerjasama dengan Jabatan Veterinar dan “Leading Industry Player” untuk mendapat kepakaran. - Doktor Veterinar akan mula bertugas pada 1 April 2015. - Mengubah fomulasi makanan dan menambahbaik padang rumput.
iv.	PKPS Farm Mart Sdn Bhd	Projek Ternakan dan pembenihan Ikan Tilapia & Keli	(2.13)	(2.35)	(0.71)	Syarikat mengalami masalah kualiti baka ikan dan kos makanan ikan yang tinggi. Syarikat sedang mengambil langkah mengatasi masalah seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> - Mewujudkan “networking” dengan “Industry Player” yang berjaya dan jabatan kerajaan yang berkaitan. - Mendapatkan tenaga kerja terlatih dan berkelayakan.

BIL	PELAKSANA	JENIS PROJEK	PRESTASI UNTUNG /RUGI RM JUTA			ULASAN
			2013	2014	BAJET 2015	
						<ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan pengurusan projek seperti mengawal kos operasi, memperbaiki pengurusan air dan memperbaiki baka induk ikan. - Mendapatkan khidmat kepakaran luar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan pilihanraya kerajaan tempatan, sepertimana yang dijanjikan di dalam manifesto pilihanraya yang lalu?
- b) Jika ya, apakah jangkamasa untuk ia dilaksanakan?
- c) Jika ya, apakah peruntukan kewangan yang akan digunakan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri Selangor masih dalam kajian dan perbincangan berkenaan pelaksanaan Pemilihan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan di PBT Negeri Selangor

Dalam hal ini Kerajaan Negeri Perlu mengambil kira Keputusan Mahkamah Persekutuan yang membuat keputusan bahawa enakmen pilihan raya kerajaan tempatan yang diluluskan oleh kerajaan Pulau Pinang pada 2012 adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dibenarkan untuk mengadakan Pilihanraya kerajaan Tempatan.

Memandangkan Kerajaan Negeri Selangor masih lagi mengkaji kaedah perlaksanaannya, Kerajaan negeri akan meneliti semua isu berbangkit melibatkan isu perundangan, implikasi kewangan dan kesediaan PBT untuk melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan serta maklumbalas rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : SURATAN HAK MILIK TANAH

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon YAB nyatakan jumlah suratan hak milik tanah yang dikeluarkan dari tahun 2009 hingga sekarang dengan jumlah keluasan yang terlibat.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah jumlah suratan hakmilik yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, iaitu pemberimilikan di seluruh Negeri Selangor dari **tahun 2009 sehingga 16 Mac 2015** mengikut kategori hakmilik dan keluasan tanah.

KATEGORI HAKMILIK	JUMLAH SURATAN HAKMILIK	JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)
Bangunan Perniagaan Dan Kediaman	72,000	7,338.7708
Tanah Pertanian	2,662	223,262.5771
JUMLAH KESELURUHAN	74,662	230,601.3479

Sumber : Sistem Pendaftaran Berkomputer (SPTB)

Pecahan secara terperinci untuk jumlah suratan hakmilik dan keluasan yang dikeluarkan mengikut Daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

DAERAH	JENIS KATEGORI HAKMILIK (KEDIAMAN/ PERNIAGAAN)	METER	JENIS KATEGORI HAKMILIK (PERTANIAN)	HEKTAR
PTG Selangor	61,784	67,619,826.01	383	5,104.1165
Hulu Langat	2,499	936,290.99	80	41.9650
Kuala Langat	225	260,032.38	89	54.6541
Klang	1,012	1,347,297.74	129	75,258.6590
Petaling	227	279,104.11	63	41.1147
Gombak	3,643	849,134.41	114	80.3489
Sabak Bernam	356	250,565.58	742	424.8962
Hulu Selangor	1,128	461,154.81	254	141,750.0318
Kuala Selangor	925	1,283,456.12	581	412.7533
Sepang	201	100,846.07	227	94.0376
JUMLAH	72,000	73,387,708.22	2,662	223,262.5771

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : LAPORAN SALAHLAKU PENJAWAT AWAM

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan carta alir jika terdapat aduan atau laporan salah laku terhadap mana-mana penjawat awam dalam negeri?
- b) Berapakah penjawat awam yang telah dikenakan tindakan disiplin dan kesalahan yang dilakukan sejak 2008 sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Sebarang aduan berhubung salah laku penjawat awam yang diterima sama ada dalam bentuk surat, e-mel, telefon atau secara bersemuka akan didaftarkan di dalam borang aduan terlebih dahulu. Seterusnya aduan tersebut akan diteliti dan sekiranya ia berasas, siasatan lanjut iaitu pengesanan dan pengesahan akan dilaksanakan terhadap aduan tersebut. Tindakan selanjutnya adalah berdasarkan kepada hasil siasatan di mana jika didapati terdapat kemungkinan atau bukti berlakunya kesalahan jenayah, ia akan dikemukakan untuk tindakan pihak penguat kuasa iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sekiranya ia melibatkan kesalahan tata kelakuan penjawat awam, ia akan dirujuk kepada Lembaga Tatatertib yang berkenaan. Jika didapati tiada sebarang kesalahan yang dilakukan, kes tersebut akan ditutup.
- b) Statistik menunjukkan bahawa sejak 2008 sehingga 2014, seramai 794 orang penjawat awam di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah dikenakan hukuman/tindakan tatatertib. Daripada jumlah berkenaan, seramai 256 orang telah dikenakan hukuman buang kerja/ditamatkan perkhidmatan, 4 orang dikenakan tindakan surcaj, 7 orang diturunkan pangkat, 82 orang diturunkan gaji, 108 orang ditangguhkan pergerakan gaji, 135 orang dilucutkan hak emolumen, 62 orang dikenakan denda dan 382 telah diberi amaran.

Di antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penjawat awam ini termasuklah tidak hadir bertugas tanpa kebenaran, terlibat dalam kes dadah, kes rasuah, kes mahkamah, gangguan seksual, membuat pekerjaan luar tanpa memohon kebenaran daripada Ketua Jabatan, menyalahguna kedudukan rasmi untuk kepentingan peribadi serta lain-lain kes pelanggaran

tatakelakuan seperti tidak jujur dan tidak amanah, tidak bertanggungjawab, ingkar perintah dan cuai dalam melaksanakan tugas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah proses pelantikan kontraktor?
- b) Apakah kaedah yang digunakan bagi memastikan kontraktor menguruskan sisa pepejal secara berjadual?

JAWAPAN:

- a) Proses pemilihan kontraktor sisa pepejal oleh PBT dilaksanakan secara tender terbuka. Antara kriteria pemilihan kontraktor yang diteliti oleh PBT adalah seperti berikut:-
 - i. Berdasarkan harga terendah;
 - ii. Mempunyai dokumen yang lengkap;
 - iii. Keupayaan logistik;
 - iv. Kecairan modal; dan
 - v. Syarikat/kontraktor yang layak akan dinilai dan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Tender PBT untuk dilantik.
- b) Antara kaedah yang digunakan oleh PBT bagi memastikan kontraktor menguruskan sisa pepejal secara berjadual adalah seperti berikut:-
 - i) Kontraktor yang dilantik disyaratkan **menghantar laporan kerja** dalam kawasan kontrak mengikut tarikh yang ditetapkan oleh PBT;
 - ii) **Pemantauan oleh kakitangan PBT** dijalankan di lapangan bagi memastikan kerja – kerja dijalankan mengikut jadual;
 - iii) PBT seperti MBSA contohnya telah melaksanakan sistem **Automatic Vehicle Locating System (AVLS)** secara maya yang boleh diakses di mana-mana sahaja pada bila-bila masa dapat memudahkan pihak pengurusan MBSA dan kontraktor memantau pergerakan lori syarikat masing-masing;
 - iv) Penalti melalui tindakan **Notice To Correct (NTC)** akan dikenakan ke atas kontraktor yang tidak menepati spesifikasi dan standard yang telah ditetapkan oleh Majlis semasa menjalankan kerja kutipan sampah dan pembersihan di lapangan;

- v) **Pemotongan bayaran yang maksima** akan dibuat pada tuntutan bayaran bulanan kontraktor yang dikenakan NTC.
- vi) **Tindakan pembedulan** akan dibuat oleh kontraktor tersebut di lapangan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh PBT; dan
- vii) **Mesyuarat dan perjumpaan bulanan bersama kontraktor** juga turut dijalankan bagi membincangkan masalah di lapangan dan kaedah penyelesaian untuk meningkatkan mutu kerja kontraktor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor merancang untuk menubuhkan Pusat Dialisis di DUN Sungai Pelek atas keprihatinan kerajaan terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyat?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan Pusat Dialisis di DUN Sungai Pelek atau memperluaskan lagi perkhidmatan Pusat Dialisis Rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 4 Mac 2015 bersetuju untuk mewujudkan **Panel Dialisis Sihat Selangor**.

Panel Dialisis Sihat Selangor ini bertujuan untuk:

- i. Membantu pesakit buah pinggang yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan dialisis secara berkala di seluruh pusat-pusat dialisis yang berada di Negeri Selangor;
- ii. Membantu pesakit miskin yang tiada menerima bantuan dari mana-mana agensi;
- iii. Membantu memberikan kemudahan Pusat Dialisis yang dekat dan mudah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kini terdapat 115 pusat dialisis yang beroperasi di seluruh Negeri Selangor. Dengan cara melantik pusat-pusat dialisis di setiap daerah akan memudahkan lagi orang awam terutama rakyat di Negeri Selangor menerima bantuan rawatan dialisis daripada Kerajaan Negeri seterusnya menampung keperluan perkhidmatan dialisis di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : TANAH TERBIAR DI STADIUM SABAK

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tanah terbiar di Stadium Sabak. Mohon penjelasan dari YAB:
- i. Apakah usaha dan perancangan bagi membangunkan tanah tersebut untuk kegiatan sukan?
 - ii. Bilakah usaha pembangunan itu akan dimulakan?

JAWAPAN:

- a)
- i. Tanah terbiar di Stadium Sabak Bernam telah dicadangkan untuk projek pembinaan sebuah pusat kemudahan sukan kolam renang dan lain-lain kemudahan yang berkaitan.
 - ii. Pihak MD. Sabak Bernam masih menunggu maklum balas dan kelulusan daripada kerajaan negeri berhubung dengan cadangan tersebut dan kelulusan peruntukan kewangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : MAJLIS ANTI PEMERDAGANGAN MANUSIA SELANGOR - MAPMAS

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status MAPMAS dan siapakah yang menganggotai Ahli Majlis untuk sesi 2015 ini?
- b) Berapakah jumlah kewangan yang diperuntukkan untuk tahun 2015 ini?
- c) Apakah penambahbaikan yang dilakukan memandangkan Selangor dilaporkan merupakan salah satu pintu masuk kepada kegiatan ini?

JAWAPAN:

- a) Majlis Anti Permerdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS) telah ditubuhkan pada 10 Januari 2011 merupakan satu organisasi khas untuk menangani jenayah permerdagangan manusia di Selangor.

Objektif penubuhan MAPMAS ini adalah seperti berikut :-

- Membantu Kerajaan Negeri dalam memantau kes-kes jenayah permerdagangan manusia di Selangor;
- Membantu mangsa-mangsa jenayah permerdagangan manusia untuk mencari pusat perlindungan sementara;
- Menyediakan khidmat advokasi kepada mangsa-mangsa serta menjalankan kajian berkaitan aspek permerdagangan sedia ada; dan
- Menjalankan kempen-kempen kesedaran berkaitan jenayah permerdagangan manusia di seluruh Selangor.

Dahulunya, MAPMAS dianggotai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor iaitu YB Puan Rodziah Binti Ismail, YB Puan Dr. Halimah Binti Ali, YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping, YB Puan Teresa Kok Suh Sim dan YB Tuan Ronnie Liu Tian Khiew serta dibantu oleh badan bertindak MAPMAS yang dianggotai oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenalpasti oleh pihak YB Puan Rodziah Binti Ismail ketika itu.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang meneliti semula keperluan kepada penambahbaikan pengujudan MAPMAS sedia ada. Sehubungan itu, sebarang lantikan ahli jawatankuasa MAPMAS ini akan dilakukan setelah proses penambahbaikan yang dikenalpasti itu selesai.

- b) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah menimbang dan meluluskan peruntukan khas sebanyak RM100,000.00 bagi tujuan pengoperasian Majlis Anti Pmerdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS) pada tahun 2011 dan peruntukan tersebut diluluskan secara *one-off*.

Sehubungan itu, bagi tahun 2015 tiada sebarang peruntukan disediakan bagi tujuan tersebut berikutan pihak Kerajaan Negeri sedang meneliti keperluan kepada penambahbaikan pengujudan MAPMAS tersebut.

- c) Kerajaan Negeri sedar akan permasalahan dalam pmerdagangan manusia lebih-lebih lagi Selangor merupakan salah satu pintu masuk kepada kegiatan tersebut. Justeru itu, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan semua agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta pihak-pihak berkuasa berkaitan bagi membendung dan membenteras permasalahan pmerdagangan manusia di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : ADUAN PENGGUNA

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik aduan isu kepenggunaan di Selangor mengikut kategori pada tahun 2014?
- b) Apakah langkah kerajaan negeri untuk menangani isu-isu tersebut?

JAWAPAN:

- a) Segala aduan berkaitan isu kepenggunaan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Berikut adalah Statistik aduan isu kepenggunaan di Selangor yang diperolehi daripada KPDNKK Negeri Selangor:

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	PENIPUAN PERKHIDMATAN	984
2.	PENIPUAN HARGA	563
3.	PENIPUAN TRANSAKSI INTERNET	237
4.	JUALAN BAHAN PETROLEUM	203
5.	TIADA TANDA HARGA	158
6.	BENKEL KENDERAAN BERMOTOR	166
7.	PENIPUAN GORES & MENANG	71
8.	PENYELEWENGAN JUALAN LANGSUNG	120
9.	PENIPUAN PERJANJIAN SEWA BELI	144
10.	BARANG TIRUAN	91
11.	IKLAN MENGELIRUKAN	80
12.	PENIPUAN ALAT TIMBANG DAN SUKAT	39
13.	AKTIVITI MENYOROK BARANG KAWALAN	47
14.	CETAK ROMPAK	52
15.	JUALAN MURAH	19
16.	TANDA HALAL	28
17.	GAGAL MEMATUHI AWARD TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA	21
18.	BERURUSAN BARANG KAWALAN TANPA LESEN	14
19.	HALAL	8
20.	KESELAMATAN PERMAINAN KANAK-KANAK	8
21.	PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI	0
JUMLAH		3,053

- b) Kerajaan Negeri juga sentiasa bekerjasama dengan pihak KPDNKK dalam memberikan kesedaran kepada Pengguna di Negeri Selangor melalui Program Kepenggunaan yang dianjurkan mengikut daerah dan edaran risalah berkaitan hak-hak Pengguna.

Bagi tahun 2014, sebanyak 3 Program Kepenggunaan telah di adakan iaitu di kampung-kampung di Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Gombak dengan kerjasama pihak KPDNKK dan Persatuan Pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : TANAH RIZAB YANG TERBIAR

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan usaha Kerajaan menangani masalah tanah-tanah rizab yang terbiar.

JAWAPAN:

- a) Tanah-tanah rizab adalah merupakan tanah kemudahan awam yang diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Tanah-tanah tersebut mempunyai pegawai pengawal. Bagi menangani masalah tanah-tanah rizab terbiar, pihak Kerajaan Negeri dengan persetujuan Pegawai Pengawal boleh mempertimbangkan tanah tersebut untuk dilupuskan secara Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dengan dikenakan syarat-syarat dan bayaran serta cagaran ke atas tanah selagi tanah tersebut belum dibangunkan bagi tujuan perancangan.

Dengan itu, Kerajaan Negeri akan memperolehi kutipan hasil LPS. Selain itu, tanah tersebut juga dapat dimanfaatkan oleh rakyat Negeri Selangor dan dapat dikawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : KEBERKESANAN BANTUAN KEBAJIKAN KERAJAAN NEGERI
KEPADA GOLONGAN MARHAEN**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kerajaan negeri sebagai negeri berkebijakan memastikan golongan yang memerlukan memang mendapat bantuan kerajaan yang mencukupi?
- b) Apakah usaha kerajaan untuk menambahbaik program mengurangkan beban golongan miskin secara menyeluruh?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri berdasarkan polisi Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan sentiasa komited dalam merangka strategi yang komprehensif dalam menyelesaikan permasalahan agihan bantuan secara telus. Data yang diperolehi melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), pusat-pusat khidmat DUN, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor dan lain-lain agensi kebajikan akan turut membantu dalam usaha meminimumkan keciciran penerima bantuan.

Untuk memastikan kebajikan dan keperluan rakyat di Negeri Selangor mencukupi, peranan Pusat Khidmat DUN amat diperlukan dalam membantu mengenalpasti golongan yang memerlukan bantuan untuk dinilai dan disiasat sebelum sebarang bantuan disalurkan.

Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah YB Exco Kerajaan Negeri juga bertanggungjawab untuk menyediakan dan memberikan bantuan mengikut keperluan yang bersesuaian untuk memberikan nilai tambah baik kepada kualiti kehidupan rakyat di Selangor.

Di antara contoh program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

- i. Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin – menyediakan pembinaan baru atau khidmat baik pulih rumah kepada golongan miskin dengan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.
- ii. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan – menyediakan program-program yang membantu golongan orang miskin seperti Program Jom

Shopping, Bantuan Pelajaran Kemahiran Teknikal, Program *Back To School* dan lain-lain.

- iii. Jawatankuasa Tetap Usahawan – Menyediakan bantuan melalui Dana Usahawan Mikro Selangor berbentuk barangan dan peralatan mengikut syarat yang telah ditetapkan.
 - iv. Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor – menyediakan rumah SelangorKu yang mampu dimiliki oleh golongan bawahan dan miliki rumah sendiri dengan harga yang mampu milik.
 - v. Skim Mikrokredit Bandar (MiMBAR) dan Skim Mikrokredit Luar Bandar (SkimSel) – memberi bantuan pinjaman mikrokredit, latihan, kemudahan dan bimbingan kepada golongan yang memerlukan untuk memajukan perniagaan sama ada di bandar atau di luar bandar.
 - vi. Skim Mesra Usia Emas (SMUE) – berbentuk khairat kematian yang diberikan kepada waris dalam memudahkan dan merinngankan urusan pengurusan dan pengkebumian jenazah.
 - vii. Lembaga Zakat Selangor – menyediakan bantuan-bantuan yang diperlukan oleh golongan asnaf yang beragama Islam dengan bentuk bantuan seperti yuran sekolah, saguhati raya, pembinaan rumah individu, makanan bulanan, kewangan bulanan, keperluan pendidikan, bantuan ekonomi dan bak pulih rumah.
 - viii. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor - menyediakan bantuan seperti bantuan geran pelancaran kepada peniaga yang hendak bermula berniaga untuk memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan dan ini menjadikan perniagaan sebagai sumber pendapatan keluarga.
- b) Penambahbaikan yang berterusan sentiasa dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan beban golongan miskin melalui pemantauan secara berjadual kepada penerima bantuan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Bukan setakat bantuan diberikan dalam bentuk kewangan, malah latihan, kemahiran dan bimbingan turut diberikan untuk mengekalkan kualiti hidup mereka dan sekaligus dapat mengeluarkan mereka dari kelompok kemiskinan.

Dengan adanya sistem i-Workfare yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri yang dikendalikan oleh pihak YAWAS, Kerajaan Negeri akan dapat melihat status dan bentuk bantuan yang disalurkan oleh agensi berkaitan kepada individu yang berkenaan. Data-data yang dikumpulkan dari pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan akan membantu sistem ini dapat diakses dan digunapakai bagi mengelakkan berlakunya pertindihan penerimaan bantuan.

Secara keseluruhan, program-program yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dilihat berupaya membolehkan golongan miskin yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu dan sentiasa mendapat manfaat yang mana seterusnya akan menghasilkan impak positif dan berkesan terhadap kesejahteraan rakyat secara berterusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : KUALITI KANDUNGAN AKHBAR SELANGOR KINI

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Usaha untuk meningkatkan kualiti Akhbar Selangor Kini ?
- b) Bagaimana usaha untuk menarik anak muda membaca Akhbar Selangor Kini?

JAWAPAN:

- a) Selangor Kini akan memperbanyak rencana dan laporan khas bagi memperinci isu dan dasar kerajaan negeri. Selain itu, mempelawa kolumnis terkenal untuk dimuatkan dalam akhbar ini.
- b) Memaparkan dan memperbanyak isu yang relevan dengan selera anak muda seperti sukan dan seni.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : TANGKI SIMPANAN AIR TERCEMAR

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prosedur penyelenggaraan tangki simpanan air di flat-flat kediaman bagi mengelakkan ia tercemar?
- b) Siapakah yang lantik oleh kerajaan negeri untuk memastikan bekalan air yang disalurkan kepada penduduk tidak tercemar?

JAWAPAN:

- a) Setakat ini tiada prosedur khusus ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam penyelenggaraan tangki simpanan air di flat-flat kediaman.
- b) Berdasarkan perundangan sedia ada, pengurusan bangunan pangsapuri termasuk penyelenggaraan tangki simpanan air adalah menjadi tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) yang merupakan jawatankuasa yang terdiri daripada pemilik. Manakala pembiayaan kos bagi pengurusan bangunan adalah diperoleh daripada pembayaran caj yang dibuat oleh semua pemilik di pangsapuri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakan Kerajaan Negeri bercadang untuk mengkaji semula dasar projek pembesaran kampung? Jika tidak, nyatakan sebabnya?
- b) Status terkini permohonan rayuan untuk meneruskan semula projek pembesaran kampung bagi Kg Kalong Tengah/Hilir di Hulu Selangor.

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri sedang meneliti dua (2) perkara untuk dikaji semula antaranya ialah dasar pembesaran kampung dan cadangan untuk mengiktiraf kampung tradisi yang tidak didaftarkan. Kerajaan Negeri juga telah memohon maklum balas daripada Pejabat Daerah dan Tanah untuk menyenaraikan senarai kampung yang masih belum didaftarkan untuk mengiktiraf kewujudan kampung tersebut.

Walau bagaimanapun, projek pembesaran kampung dan penambahan kampung tradisi ini akan melibatkan implikasi kewangan yang besar terhadap Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, sebelum sebarang dasar dilaksanakan, satu kajian akan dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan dasar yang dibuat memberi manfaat kepada rakyat dan kepada Kerajaan Negeri. Seterusnya dapatan kajian ini akan dibentangkan di dalam MMKN untuk diputuskan sama ada dasar tersebut dipersetujui untuk dilaksanakan atau tidak.

- b) Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 34/2013 yang bersidang pada 6 November 2013 melalui Kertas MMK No. 4/32/2013 telah menolak permohonan rayuan pembesaran Kampung Kalong Tengah/Hilir. Cabutan keputusan MMKN ke 28/2014 yang bersidang pada 23 Julai 2014 telah bersetuju tanah seluas 16.68 ekar dibina dengan Rumah Mampu Milik dan diuruskan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Semua keputusan telah dimaklumkan kepada pemohon melalui surat rasmi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH PKPS DI DUSUN TUA

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk membangunkan tanah PKPS seluas 600 ekar di Dusun Tua ?

JAWAPAN:

- a) Syarikat Serimba Agro Resources Sdn Bhd (SARSB) merupakan pemajak tanah tersebut melalui perjanjian pajakan tanah yang telah dimeterai pada 1 April 2005 di antara SARSB dan PKPS. Keluasan tanah ialah 530.11 ekar (214.53 hektar).

Pada tahun 2010, seluas 116.91 ekar (47.31 hektar) tanah telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri dan pengambilan ini didakwa oleh SARSB telah menyebabkan cadangan projek pembangunan mereka menjadi tidak "viable". SARSB mendakwa PKPS telah mendorong Kerajaan Negeri untuk membuat pengambilan balik tanah. Lanjutan itu, SARSB telah memfailkan saman terhadap PKPS di mahkamah.

Maka itu, PKPS tidak dapat melaksanakan apa-apa aktiviti di atas tanah tersebut kerana terdapat kes saman di antara SARSB dengan PKPS yang sedang berlangsung di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN BAKAT DAN KEMAMPUAN GENERASI MUDA
(TALENT DEVELOPMENT)**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah peserta yang berjaya dilatih dan ditempatkan dalam industri melalui program pembangunan bakat yang diadakan bersama Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC).
- b) Apakah agensi yang terlibat dalam Program Pembangunan Bakat anjuran Kerajaan Negeri Selangor dan sasaran peserta yang ditetapkan?

JAWAPAN:

- a) Bermula tahun 1992, **Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC)** telah **melatih lebih dari 54,000 peserta** di dalam pelbagai program. Dalam memastikan tahap kebolehpasaran pekerjaan meningkat di kalangan modal insan, SHRDC mengadakan program pembangunan bakat terutamanya bagi lepasan sekolah, lepasan graduan serta pekerja industri sendiri. Tahap penerapan pekerjaan bagi peserta program-program ini mencapai sehingga 95-100%. Antara program yang dilaksanakan adalah :

Bil	Program	Tempoh masa / Bidang
i.	Program Industri jangka pendek,	- 1 hari ke 10 hari - mechatronic, semiconductor, ICT dan lain-lain
ii.	Program Industri jangka panjang	- pembangunan bakat bagi warga industri, terutama dalam bidang mechatronic, antara kejayaan program ini ialah membangunkan bakat warga

Bil	Program	Tempoh masa / Bidang
		kerja Texas Instrument Malaysia dari operator dan technician, mendapatkan ijazah dalam Bachelor of Technology
iii.	Program lepasan sekolah	- pembangunan bakat lepasan SPM dalam bidang mechatronic dan solar
iv.	Program graduan	- pembangunan bakat dalam bidang ICT, semiconductor, footwear, mechatronic dan lain lain.

Pada tahun 2015 Kerajaan Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi dengan kerjasama SHRDC akan melaksanakan program pembangunan bakat dan memberi fokus kepada pelajar lepasan sekolah. Manakala program peningkatan kemahiran industri dilaksanakan semasa pembelajaran di universiti dan kolej.

Peringkat permulaan seramai 60 pelajar lepasan sekolah, 140 graduan universiti akan menjadi benefisiari kepada program ini. Antara syarikat yang akan terlibat di dalam program-program ini ialah Omron, Sipro, Hartalega, IBM, HIS, DELL dan lain-lain.

- b) Agensi yang terlibat dalam program ini adalah terdiri dari pelbagai industri dari Multi National Company (MNC) hingga ke Small Medium Enterprise (SME) seperti Renesas Semiconductor, Freescale Malaysia, Omron Malaysia, Hartalega Sdn Bhd, IBM, CIMB, Spansion, Malaysian Footwear Manufacturing Association dan lain-lain.

Sasaran peserta terdiri dari pelbagai tahap iaitu pekerja tidak mahir sehinggalah kepada pengurusan professional.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : KUARTERS PEGAWAI DAN KAKITANGAN, JALAN PEGAWAI
SUNGAI BESAR**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status fizikal kuarters ini?
- b) Apakah syarat-syarat kelayakan menduduki oleh pegawai dan kakitangan?

JAWAPAN:

- a) Status fizikal keseluruhan kuarters adalah baik dan sentiasa di bawah selenggaraan Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam
- b) Syarat-syarat kelayakan menduduki kuarters adalah seperti berikut :-
 - i. Pegawai atau kakitangan kerajaan yang mempunyai elaun ITP (Imbuhan Tetap Perumahan)
 - ii. tidak mempunyai rumah persendirian di dalam kawasan radius 25 kilometer tempat bekerja dengan menggunakan pinjaman perumahan.
 - iii. keutamaan kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB). Sekiranya tiada permohonan daripada kakitangan PDTSB, permohonan daripada Jabatan lain akan dipertimbangkan.
 - iv. Keutamaan kepada pegawai dan kakitangan yang berkahwin.
 - v. Kelayakan kuarters mengikut gred jawatan pegawai dan kakitangan yang memohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : JAWATAN YANG DIPEGANG OLEH MENTERI BESAR

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan setiap jawatan yang dipegang oleh Dato Menteri Besar di badan-badan berkanun, anak-anak syarikat dan agensi-agensi lain.
- b) Berapakah gaji, elaun dan segala kemudahan yang diterima oleh Menteri Besar untuk setiap jawatan yang disenarai di (a)?

JAWAPAN:

- a) Senarai jawatan yang dipegang oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar di badan-badan berkanun, anak-anak syarikat dan agensi-agensi lain adalah seperti di Lampiran A.
- b) Jumlah gaji, elaun dan segala kemudahan yang diterima oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk setiap jawatan tersebut tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu.

Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri yang ingin bertanya perlulah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar atau kepada Setiausaha Dewan. Jawapan akan diberikan hanya kepada Y.B. Ahli Dewan Negeri yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa Y.B. Ahli Dewan Negeri yang bertanya mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) adalah berkaitan.

**JAWATAN YANG DIPEGANG OLEH Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR DI ANAK-
ANAK SYARIKAT / BADAN BERKANUN NEGERI SELANGOR**

BIL	ANAK-ANAK SYARIKAT / BADAN- BADAN BERKANUN NEGERI SELANGOR	JAWATAN	ASAS LANTIKAN
1	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Pengerusi	Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor No. 12 Tahun 1972 Pindaan Enakmen No. 2 Tahun 2005
2	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	Pengerusi	Enakmen Lembaga Urus Air Selangor Tahun 1999 Seksyen 4
3	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)	Pengerusi	Enakmen Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Tahun 2001
4	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Pengerusi	Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor No. 4 Tahun 1964
5	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI)	Pengerusi	Enakmen Menteri Besar Selangor No. 3 Tahun 1994
6	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan	Pengerusi	Artikel No. 10 Tataurus & Tatacara Syarikat (MNA)
7	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Pengerusi	Tidak disebut secara khusus di dalam mana-mana memorandum dan artikel syarikat. Walau bagaimanapun MNA berkaitan jelas menyatakan bahawa agensi tersebut bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri Selangor.
8	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Pengerusi	
9	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	Pengerusi	
10	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	Pengerusi	
11	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	Pengerusi	
12	Invest Selangor Berhad	Pengerusi	
13	Yayasan Selangor	Pengerusi	
14	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Pengerusi	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MASALAH ALIRAN TRAFIK DI KAWASAN WANGSA PERMAI, MAJLIS
PERBANDARAN SELAYANG**

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang akan diambil oleh MPS terhadap premis yang didirikan di atas tapak cadangan Jalan Wangsa Permai 3/4 yang telah menghalang pembinaan cadangan Jalan Utama ke Jalan Ida 1?
- b) Apakah perancangan pembesaran jalan di Jalan Aman dan Jalan Kip 2?

JAWAPAN:

- a) Cadangan pembinaan jalan pintas daripada Jalan Wangsa Permai $\frac{3}{4}$ ke Jalan 1DA1 adalah tidak bersesuaian kerana:
 - i) Perbezaan aras tanah sementara jalan Permai $\frac{3}{4}$ di Jalan 1DA1 sejauh 4m. (Terlalu tinggi untuk pembinaan ramp)
 - ii) Jalan Permai $\frac{3}{4}$ selebar 7m (2 lorong) dan sempit untuk dijadikan sebagai jalan utama.
- b) Pihak majlis dalam perancangan melantik Juruukur Tanah untuk mengenalpasti kelebaran jalan yang bersesuaian untuk cadangan menaiktaraf jalan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : KAWALAN PENYAKIT

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan Exco Kesihatan mengenai kawalan penyakit bawaan pekerja asing seperti TB, malaria dan Ebola?
- b) Sejauh mana kawalan yang dilakukan di Selangor?
- c) Statistik terkini tentang jangkitan yang direkodkan.

JAWAPAN:

- a) Untuk penyakit TB dan Malaria, kawalan penyakit bawaan pekerja asing diperingkat kemasukan mereka adalah melalui saringan Foreign Workers Medical(FOMEMA).

Manakala untuk kes penyakit EBOLA, saringan kesihatan di jalankan di kesemua pintu masuk Antarabangsa (PMA) sehingga 24 jam. Semua pengembara yang melalui PMA akan disaring dan dan dirujuk ke hospital jika didapati bersejajala manakala mereka yang tidak bersejajala akan dipantau status kesihatan selama tempoh 21 hari oleh petugas dari Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

- b) Tindakan yang dilaksanakan oleh Jabatan kesihatan negeri Selangor adalah seperti berikut:

❖ **Penyakit TB:**

Program kawalan TB di kalangan warga asing dilaksanakan mengikut polisi Kementerian Kesihatan Malaysia. Antara perkhidmatan yang dilaksanakan:

- i. Penyiasatan kes-kes yang dinotifikasi oleh mana-mana fasiliti kesihatan.
- ii. Penyiasatan kes-kes yang dilaporkan melalui saringan FOMEMA (pengesanan kes, status pesakit).
- iii. Pengesanan kontak kepada kes TB: seisi rumah, tempat kerja, tempat bersosial yang kerap dikunjungi dan teman rapat.
- iv. Saringan TB di kalangan kontak kepada kes TB secara berkala 0, 3, 6 dan 12 bulan, dalam tempoh 2 tahun.
- v. Melatih anggota kesihatan kerajaan dan swasta secara berterusan melalui seminar, kursus, taklimat, *hands-on* dll.

- vi. Saringan TB di kalangan kumpulan berisiko tinggi seperti pelatih baru Pusat *Cure & Care*, banduan baru penjara, penghuni rumah jagaan warga emas, pesakit diabetes, pesakit yang menerima hemodialisis dll.

Terdapat beberapa **aktiviti khas** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (bukan polisi nasional) bagi mengekang penularan penyakit TB di kalangan penduduk Selangor, termasuk warga asing.

- i. Program COMBI-TB (Komunikasi Bagi Perubahan Tingkahlaku terhadap Penyakit TB) di kawasan-kawasan/ kelompok berisiko tinggi seperti penempatan PPRT, setinggan, rumah kongsi, kilang dll.
- ii. Program ICF-TB (*Intensifying Case Finding* TB) di kawasan-kawasan/ kelompok berisiko tinggi penempatan PPRT, setinggan, rumah kongsi, kilang dll.
- iii. Menjalankan saringan Penyakit TB di rumah-rumah kongsi semasa mengambil ujian darah bagi Penyakit Malaria dan Filaria (Untut).
- iv. Melaksanakan Program *Public-Private Mix* bagi memberi lebih akses kepada semua penduduk Selangor termasuk warga asing dengan kerjasama Klinik Swasta terpilih.
- v. Saringan TB di kalangan pekerja kilang dan pekerja ladang.

❖ **Penyakit Malaria:**

Antara aktiviti kawalan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i. Survelan Malaria melalui untuk kumpulan berisiko tinggi terutama pekerja asing dari negara endemik malaria yang bekerja/ tinggal di ladang-ladang, kuari, tapak binaan dan lain-lain kawasan berisiko. Dalam aktiviti tersebut, pemeriksaan darah dijalankan untuk mengesan kes malaria.
- ii. Survelan dan Kawalan Vektor dijalankan di kawasan berisiko tinggi untuk mengenalpasti kewujudan tempat-tempat pembiakan nyamuk anopheles (vektor malaria). Aktiviti semburan, larvaciding dan pemberian kelambu berubat dijalankan di kawasan yang dikenalpasti kewujudan vektor.
- iii. Aktiviti Pendidikan Kesihatan dijalankan dikalangan pekerja asing yang tinggal/ bekerja di kawasan berisiko tinggi melalui taklimat ringkas dan pemberian risalah yang berkaitan.
- iv. Memastikan semua kes malaria yang dikenalpasti diberi rawatan di hospital kerajaan/swasta dengan sempurna.

Penyakit Ebola:

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mempertingkatkan aktiviti-aktiviti kawalan seperti:

- i. Mempertingkatkan aktiviti saringan kesihatan di kesemua pintu masuk Antarabangsa (PMA) sehingga 24 jam. Semua pengembara yang melalui PMA akan disaring dan dan dirujuk ke hospital jika didapati bergejala manakala mereka yang tidak bergejala akan dipantau status kesihatan selama tempoh 21 hari oleh petugas dari Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Sehingga hari ini, seramai 510 pengembara termasuk anak kapal dari negara Afrika Barat yang terlibat telah disaring di PMA KLIA dan kesemua mereka didapati tiada gejala jangkitan Ebola.
- ii. Bekerjasama dengan semua universiti tempatan (swasta dan awam) yang mempunyai pelajar dari negara-negara Afrika Barat yang terlibat untuk memastikan mereka dapat melaksanakan langkah pengukuhan saringan kes pesakit disyaki dijangkiti virus Ebola.
- iii. Memberikan khidmat nasihat kepada pihak Penjara Sungai buloh, Jabatan Penjara Malaysia untuk memperkukuhkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan Ebola di kalangan banduan yang berasal dari negara-negara Afrika Barat yang terlibat.
- iv. Mengedarkan bahan hebahan pendidikan penyakit virus Ebola kepada orang awam
- v. Mengedarkan Garis Panduan pengurusan jangkitan virus Ebola di Malaysia untuk rujukan anggota kesihatan di fasiliti kesihatan untuk memastikan mereka dapat melaksanakan langkah pengukuhan saringan kes pesakit disyaki dijangkiti virus Ebola.
- vi. Latihan simulasi Ebola peringkat Negeri Selangor telah dijalankan pada 14 – 16 Oktober 2014 yang melibatkan beberapa Pejabat Kesihatan Daerah dan hospital di negeri Selangor. Latihan ini adalah bertujuan untuk menguji tahap kesiapsiagaan menghadapi penularan jangkitan Ebola dalam kalangan fasiliti kesihatan khususnya dalam merawat pengembara yang tiba dari negara terbabit.

- c) Statistik terkini jangkitan yang di laporkan di Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Penyakit	2014	2015
TB	4365	699
MALARIA	326	22
EBOLA	0	0

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBERIAN PERUNTUKAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEPADA KERAJAAN NEGERI**

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan skop perbelanjaan oleh kerajaan negeri menggunakan dana ini berjumlah RM35.5 juta pada tahun 2014?
- b) Adakah kerajaan negeri bakal menerima manfaat dengan pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan GST?

JAWAPAN:

- a) Pemberian Pertambahan Hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM35,491,040.00. Terimaan ini diperakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor. Perbelanjaan ke atas Kumpulan Wang Disatukan adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan.
- b) Tiada manfaat kepada Kerajaan Negeri jika Kerajaan Persekutuan melaksanakan GST.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PROGRAM TERJAH DAN MUSNAH AEDES

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan di gunakan sejak Program ini dilaksanakan oleh setiap PBT?
- b) Sejauh manakah keberkesanan Program ini?
- c) Berapakah Notis dan Saman telah dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor kepada Pesalah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan digunakan sejak Program ini dilaksanakan oleh setiap PBT adalah seperti berikut:-

PBT	RM
MBSA	161,420
MBPJ	25,500.00
MPK	40,000.00
MPAJ	10,000
MPS	14,000
MPSJ	30,000.00
MPKJ	2,500.00
MPSP	19,520.00
MDKL	10,000
MDKS	20,000.00

MDHS	25,000
MDSB	10,000
JUMLAH	357,940.00

Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua jabatan dan agensi yang telah memberikan komitmen dan membelanjakan peruntukan masing-masing untuk menjayakan program ini.

- b) Keberkesanan Program ini dapat dilihat melalui statistik kes denggi mingguan yang semakin menurun setelah program ini di jalankan pada 7 Februari 2015 khususnya di daerah Petaling.

	31 Dis 14	10- Jan -15	31- Jan- 14	7- Feb -15	14- Feb- 15	21- Feb- 15	28- Feb- 15	7- Mar- 15	14- Mar- 15	21- Mar- 15
Petaling	751	657	1025	955	917	883	736	778	599	547

Selain itu, keberkesanan program ini juga dapat dilihat dari sudut pengurangan kes di lokaliti yang dijadikan tempat Program Terjah dan Musnah Aedes, tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes dapat dihapuskan dan penglibatan komuniti dalam aktiviti kemasyarakatan bertambah.

- c) Jumlah notis dan saman yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melalui Pejabat Kesihatan Daerah adalah seperti berikut:

PKD	2014		2015 Sehingga Minggu Epid 8/2015 (01/01- 28/02/2015)	
	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
PETALING	135	26,650	36	3,000
KLANG	142	39,350	15	2,500
GOMBAK	197	17,150	19	4,410
HULU LANGAT	1766	207,330	284	51,550
KUALA LANGAT	87	5,200	0	0
SEPANG	50	8,700	6	3,500
KUALA SELANGOR	72	14,850	7	3,000
HULU SELANGOR	68	9,050	8	850
SABAK BERNAM	102	10,950	9	1,500
PORT KLANG	15	3,500	3	3,250
KLIA	5	2,000	0	0
JUMLAH	2639	344,730	387	73,560

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : WANITA

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelantikan penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB)?
- b) Apakah kekangan atau masalah pihak kerajaan dalam membuat perlantikan PWB yang baru?
- c) Apakah petunjuk prestasi Penyelia PWB yang ditetapkan dalam mereka melaksanakan tugas/program?

JAWAPAN:

- a) Soalan a) dan b) dijawab bersekali.

Proses pemilihan penyelia PWB telah dilaksanakan. Seramai 56 orang calon telah terpilih untuk dilantik sebagai penyelia PWB Selangor. Senarai nama calon-calon yang berjaya telah diangkat melalui kertas makluman ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 18 Mac 2015. Surat lantikan akan dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri setelah keputusan rasmi kertas makluman berkenaan diperolehi.

- c) Petunjuk prestasi Penyelia PWB yang ditetapkan dalam mereka melaksanakan tugas/program adalah seperti berikut :
 - 1. Melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) aktiviti diperingkat PWB DUN masing-masing setiap bulan.
 - 2. Menyediakan kertas kerja lengkap dan mendapatkan kelulusan YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sekurang-kurangnya empat (4) minggu sebelum tarikh pelaksanaan aktiviti/program.
 - 3. Setiap aktiviti/program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri ataupun diperingkat DUN hendaklah dihadiri oleh sekurang-kurangnya 30 orang peserta bagi setiap sesi.
 - 4. Laporan pelaksanaan aktiviti/program hendaklah dikemukakan dan tiba kepada Seksyen Sektor, UPEN Selangor selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas program.

5. Ahli Jawatankuasa PWB DUN hendaklah bermesyuarat satu (1) kali setiap bulan bagi tujuan perancangan dan pelaksanaan program. Minit mesyuarat yang lengkap hendaklah diserahkan kepada YB Puan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dan sesalinan kepada Seksyen Sektor, UPEN Selangor bagi tujuan pemakluman dan rekod.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA FLAT (JMB)

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan PBT yang menguruskan flat kos rendah yang gagal menubuhkan badan pengurusan bersama (JMB) dan kos yang terlibat.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri khasnya untuk flat yang tidak mampu tubuhkan JMB kerana tidak cukup kuorum?

JAWAPAN:

- a) Tiada PBT yang mengambil pengurusan flat kos rendah yang gagal menubuhkan badan pengurusan bersama (JMB) kerana ia bukan di bawah bidang kuasa agensi tersebut.
- b) Berdasarkan peruntukan Seksyen 25, Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan 2007) Akta 663, Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di pangsapuri berkaitan. Namun begitu, Kerajaan Negeri mendapati, pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa JMB atau MC adalah lebih baik melalui kos pengurusan yang lebih optimum. Oleh demikian, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan memperhebatkan strategi pelaksanaan Kempen "Pangsapuri Kita... Bersih, Ceria Dan Harmoni" untuk memberi kesedaran kepada penduduk pangsapuri mengenai kepentingan penubuhan JMB atau MC serta tanggungjawab bersama untuk menjaga pangsapuri mereka khususnya kepentingan membayar caj penyenggaraan. Ini adalah kerana antara faktor tidak cukup kuorum untuk menubuhkan JMB adalah disebabkan pemilik tidak berminat atau pemilik mempunyai tunggakan caj. Terdapat juga sebahagian Unit Pesuruhjaya Bangunan yang pro-aktif mengadakan program turun padang bersama penduduk melibatkan ahli majlis, ahli dewan undangan negeri dan ahli parlimen mengadakan rundingan dengan para penduduk terlebih dahulu sebelum tindakan melantik ejen pengurusan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : MENCEGAH BANJIR

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tindakan kerajaan negeri mencegah banjir tidak berulang,
- b) Tindakan kerajaan negeri terhadap JKKK yang gagal membersihkan perparitan di kawasannya.

JAWAPAN:

- a) Secara khususnya, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa tindakan yang dirangka bagi memastikan kawasan-kawasan yang berisiko banjir tidak mengalami kejadian banjir berulang seperti butiran di bawah :
 - i. Mengenalpasti keutamaan kawasan banjir yang menjadi 'hot spot' yang berulang setiap tahun.
 - ii. Memastikan tindakan persediaan awal telah diambil seperti projek tebatan banjir telah siap dilaksanakan sebelum musim tengkujuh berlaku.
 - iii. Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan di bawah kelolaan Jawatankuasa Kemajuan Ketua Kampung (JKKK) dilaksanakan mengikut jadual dan garis panduan yang telah ditetapkan.
 - iv. Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan seperti pembesaran parit, pembersihan longkang, pembesaran dan mendalamkan sungai dijalankan secara berkala supaya longkang–longkang tidak tersumbat dan dipenuhi dengan sampah sarap yang boleh mengakibatkan banjir.
 - v. Menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan Projek Tebatan Banjir (tindakan jangkamasa panjang dan jangka pendek) di kawasan yang kerap banjir berulang (Hot Spot).
- b) Kerja-kerja pembersihan parit akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri sekiranya JKKK gagal melaksanakannya. Kerja-kerja pembersihan parit tersebut akan dikeluarkan melalui kaedah perolehan sebutharga/tender dan pihak Kerajaan Negeri berhak memotong dengan tidak menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak JKKK yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kriteria-kriteria bagi sekolah rendah agama untuk mendapatkan bantuan penuh daripada kerajaan negeri.
- b) Nyatakan jenis bantuan yang disediakan kepada SRA.
- c) Berapakah jumlah keseluruhan bagi murid serta guru kafa yang dicatatkan setakat 2014?

JAWAPAN:

- a) Sekolah Rendah Agama (SRA) yang mendapat bantuan penuh adalah sekolah yang dirancang awal oleh kerajaan berdasarkan unjuran yang mengambil kira kemampuan kewangan dan keperluan masyarakat setempat.
- b) Kerajaan membiayai semua keperluan asas sebuah sekolah.
- c) Jumlah keseluruhan murid serta guru KAFA yang dicatatkan setakat 2014 adalah murid seramai 92,304 orang dan guru 3,515 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PASAR BESAR KLANG JALAN MERU.

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status baikpulih dan naik taraf pasar tersebut?
- b) Apakah halangan pelaksanaan pengurusan kebersihan, laluan pengunjung dan gerai?
- c) Apakah pihak MPK sudah tidak dapat formula penyelesaian tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk menaiktaraf keseluruhan pasar, memerlukan kos yang tinggi terutama bagi penggantian biofilter, pendawaian semula dan sistem perparitan. Sehingga ini, Majlis hanya membuat pembaikan secara berperingkat bagi memastikan operasi pasar tidak terganggu. Pada 20/10/2014, Majlis telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Negeri berhubung penggantian sistem kumbahan 'biofilter' yang telah tidak berfungsi dan memerlukan penggantian segera, namun tiada maklumbalas diterima. Jumlah peruntukan yang dipohon kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM 2.5 juta.
- b) Tiada halangan pelaksanaan pengurusan kebersihan, laluan pengunjung dan gerai. Majlis juga telah mengeluarkan empat (4) notis pengalihan barang-barang yang menghalang laluan awam di dalam pasar dan tujuh puluh empat (74) sitaan diambil sepanjang tahun 2014.
- c) Bagi formula penyelesaian pengurusan kebersihan, Majlis telah melantik Kontraktor Pembersihan iaitu Syarikat P. V. Kaya Enterprise mulai 7/1/2015. Kontraktor tersebut telah memberi komitmen yang tinggi dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan dengan baik. Manakala berhubung laluan pengunjung pula, Majlis telah meletakkan anggota bagi memantau penyewa-penyewa di sepanjang laluan tersebut agar mematuhi syarat dan arahan Majlis. Setakat ini, Majlis berpuas hati dengan prestasi syarikat tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SHUTTLE BAS DI KAJANG

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan Kerajaan Negeri tentang kesukaran penduduk di Saujana Impian, Sungai Kantan dan Jenaris berurusan di Bandar Kajang akibat ketiadaan bas awam.
- b) Adakah kerajaan negeri/MPKj akan menyediakan *shuttle* bas bagi perkhidmatan setempat
- c) Apakah usaha yang dilakukan untuk mendapat kerjasama Kerajaan Pusat?

JAWAPAN:

- a) Kawasan Saujana Impian, Sungai Kantan dan Taman Jenaris telah ada perkhidmatan bas awam yang dikendalikan oleh Syarikat RapidKL sebelum ini. Walau bagaimanapun perkhidmatannya dipantau oleh pihak SPAD dan pihak Majlis tiada maklumat sekiranya perkhidmatan bas tersebut telah ditamatkan.
- b) Pihak Majlis telah membuat perancangan untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma di kawasan terpilih di MPKj. Walau bagaimanapun, perkara ini masih belum mendapat pertimbangan Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan.
- c) Pihak Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor yang bertujuan antaranya untuk mendapatkan kerjasama dengan Kerajaan Pusat bagi menyelesaikan isu-isu pengangkutan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rumah mampu milik yang telah dibina di Selangor pada tahun 2014 mengikut daerah?
- b) Berapakah jumlah rumah mampu milik yang sudah terjual pada tahun 2014 mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat., Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 26 projek Rumah Selangorku yang terdiri daripada 9,935 unit pada tahun 2014. Namun hanya terdapat 1 projek yang terdiri daripada 315 unit sahaja yang telah memulakan pembinaannya pada tahun 2014 manakala bakinya masih di peringkat penyediaan pelan konsep dan kelulusan pelan-pelan pembangunan. Projek tersebut dibangunkan oleh Tetuan Glomac Land Sdn. Bhd. di Batu 22 Ijok, Saujana Aman, Daerah Kuala Selangor.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2014, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah membuat penawaran kepada 1,624 pemohon bagi 9 projek rumah mampu milik di daerah-daerah berikut:

Bil.	Projek	Daerah	Jumlah Tawaran
1.	Sunville Fasa 2	Hulu Langat	25
2.	Seksyen 3, Bandar Baru Bangi		20
3.	Alstonea, Taman Subang Mas	Petaling	20
4.	Sri Embun, Sutera Damansara		322
5.	Desa Alam, Seksyen U12		107
6.	Antara Gapi	Hulu Selangor	129
7.	Masreca Nineteen, Cyberjaya	Sepang	960
8.	Taman Emas Dengkil (Bayu)		21
9.	Taman Emas Dengkil (Suria)		20
JUMLAH			1,624

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN NEGERI SELANGOR

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peluang pekerjaan yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh 2013 hingga Februari 2015?
- b) Berapakah kali Kerajaan Negeri telah menjalankan program tawaran pekerjaan ("Job Fair")?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk golongan anak muda pelepasan sekolah?

JAWAPAN:

- a) Tawaran pekerjaan untuk berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Selangor sama ada secara lantikan tetap, kontrak atau sambilan dibuka kepada orang ramai dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan dan bahagian berkaitan. Peluang pekerjaan yang ditawarkan di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh tahun 2013 hingga Februari 2015 adalah sebanyak 1,439 orang. Perinciannya adalah seperti berikut:

Tahun	Tawaran Pelantikan		
	Tetap	Kontrak	Sambilan
2013	399	177	29
2014	519	214	57
Februari 2015	Tiada	31	13
Jumlah	918	422	99

- b) Program Jom Kerja yang menawarkan peluang pekerjaan telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor bermula tahun 2009 – 2014 dengan pencapaian sebanyak **14 program** dan seramai **8,739 pemohon** yang hadir. Maklumat terperinci pelaksanaan program seperti jadual di bawah:

Bil	Daerah	Tarikh Program	Syarikat Terlibat	Pemohon : Berdaftar (Orang)	Pemohon : Berjaya Ditemuduga (Orang)
1.	Sabak Bernam dan Kuala Selangor	7 – 8 Nov 2009	20 buah	1,078	480
2.	Kuala Langat	14 – 15 Dis 2009	16 buah	1,672	670
3.	Klang	9 – 10 Jan 2010	29 buah	2,060	886
4.	Petaling	3 – 4 April 2010	22 buah	400	187
5.	Hulu Selangor	18 April 2010	20 buah	141	81
6.	Sepang	9 Okt 2010	10 buah	211	137
7.	Hulu Langat	13 Nov 2010	8 buah	144	118
8.	Gombak	27 Nov 2010	9 buah	107	52
9.	Kuala Langat	18 Jun 2011	11 buah	70	31
10.	Klang	30 – 31 Mac 2013	23 buah	884	304

Bil	Daerah	Tarikh Program	Syarikat Terlibat	Pemohon : Berdaftar (Orang)	Pemohon : Berjaya Ditemuduga (Orang)
11.	Kuala Selangor	8 Februari 2014	17 buah	1,166	426
12.	Kuala Langat	6 April 2014	12 buah	350	251
13.	Hulu Langat	11 Mei 2014	10 buah	150	82
14.	Klang	16 November 2014	10 buah	306	255
JUMLAH				8,739	3,960

- c) Kerajaan Selangor dengan kerjasama SHRDC telah merancang untuk melaksanakan program YES (*Youth Enhancement Strategy*). Program ini bertujuan untuk melatih lebih ramai peserta terutama lepasan sekolah untuk membangunkan karier mereka sekaligus mengurangkan kebergantungan industri kepada tenaga kerja luar. Mereka yang menyertai program ini akan diserapkan ke dalam syarikat secepat mungkin dan peratusan untuk mendapatkan pekerjaan apabila menyertai program ini adalah 100%, kerana pemilihan peserta program dibuat oleh syarikat yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : INSTITUT LATIHAN JATIDIRI (ILJAS) DI SUNGAI TEGAR

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek ini?
- b) Berapakah kos yang telah dibelanjakan?
- c) Pihak manakah yang menguruskan penyelenggaraan dan segalanya termasuk pembayaran gaji dan bil-bil berkaitan?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri sedang melaksanakan **tindakanpenyelarasan ke atas pusat-pusat latihan di bawah Kerajaan Negeri untuk ditambahbaik dan diuruskan dengan berkesan** supaya premis berkenaan boleh digunakan bagi tujuan latihan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi Institut Latihan Jatidiri (ILJAS) di Sungai Tengar, **Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR Selangor) sedang menjalankan kerja-kerja pemeriksaan kerosakan serta tahap keselamatan** ke atas struktur bangunan premis berkenaan. Manakala tindakan penyelenggaraan dan baikpulih premis berkenaan akan dilaksanakan supaya ia dapat digunakan semula bagi tujuan latihan.

Perincian **status terkini pemeriksaan oleh JKR Selangor** adalah seperti berikut:

Bil.	Butiran Pemeriksaan	Tarikh
1.	Pelantikan Pasukan Audit Pemeriksaan	4 Mac 2015
2.	Pelaksanaan Pemeriksaan	17 Mac 2015
3.	Penyediaan Laporan Pemeriksaan Oleh Pasukan Audit	17 hingga 30 Mac 2015
4.	Pembentangan Hasil Pemeriksaan	31 Mac 2015

- b) Pada masa kini, Kerajaan Negeri **masih menantikan hasil laporan pemeriksaan yang sedang dilaksanakan oleh JKR Selangor** ke atas struktur bangunan Institut Latihan Jatidiri (ILJAS). Sehubungan itu, setakat ini tiada sebarang perincian kos yang dapat dimaklumkan sehinggalah

pemeriksaan tersebut dapat diselesaikan sepenuhnya, manakala **kos baikpulih dan penyelenggaraan bagi maksud tersebut hanya akan ditentukan berdasarkan hasil laporan pemeriksaan berkenaan** kelak.

Walau bagaimanapun, terdapat **beberapa tanggungan kos ke atas premis berkenaan** yang melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) bayaran emolumen kakitangan yang dilantik secara kontrak;
- (ii) perkhidmatan kawalan keselamatan; dan
- (iii) bayaran bil utiliti (air dan elektrik).

- c) Institut Latihan Jatidiri (ILJAS) merupakan **premis di bawah hakmilik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**. Sehubungan itu, segala urusan tanggungan perbelanjaan dan pembayaran ke atas premis berkenaan adalah terletak di bawah tanggungjawab Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penjelasan tentang pemantauan agensi berkaitan pencemaran sungai khususnya Sungai Semenyih.
- b) Status kerjasama pihak LUAS dan JAS untuk memastikan sumber air bersih disalurkan kepada rakyat Selangor.
- c) Cadangan Kerajaan Negeri untuk memperketatkan undang-undang dan mengambil tindakan tegas terhadap kilang yang mencemarkan sungai.

JAWAPAN:

- a) Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), pemantauan dan siasatan (berkala dan tidak berkala) dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dilaksanakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan dilaksanakan dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012,
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, semua aktiviti yang dijalankan melibatkan badan air, dan

- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya :

- i. Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai,
- ii. Menyediakan daftar sumber air Negeri untuk tujuan kawalan dan penguatkuasaan,
- iii. Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisaan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat, dan
- iv. Pembangunan *DecisionSupportSystem*, (*DSS*) bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012**
melibatkan 7 Aktiviti Berjadual iaitu akuakultur udang laut, akuakultur air tawar, kawasan pembangunan atau kerja tanah, penternakan selain babi, penternakan babi, haiwan kesayangan dan pencucian pasir/kuari.
- **Pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan Pendakwaan.**
Untuk kes pencemaran minyak Sungai Selangor yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes Selangor tersebut sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Shah Alam.
- **Pewartaan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan.**
Tiada aktiviti berisiko tinggi yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran air sungai dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan. Sungai Selangor telah pun diwartakan. Sungai Langat, Sungai Semenyih dan anak-anak sungai lain sedang dalam tindakan pewartaan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Selangor;
- **Pembangunan *DecisionSupportSystem*, (*DSS*)**
pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan

di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.

- b) LUAS dan JAS serta agensi lain sentiasa bekerjasama untuk memastikan sumber air bersih disalurkan kepada rakyat Selangor. Pendekatan pengurusan sumber air bersepadu (*IntegratedWaterResourcesManagement*, IWRM) digunakan dalam menguruskan sumber air dan lembangan secara holistik dan bersepadu melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibentuk.
- c) Mekanisme kawalan dan perundangan yang melibatkan efluen perindustrian adalah terletak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 oleh Jabatan Alam Sekitar di Negeri Selangor.

Selain daripada itu, pihak Kerajaan Negeri juga boleh mengambil tindakan dengan merampas tanah milik kilang yang melanggar syarat nyata tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1065 atau mana-mana undang-undang yang terpakai di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : STATUS PERMOHONAN GRAN PEMILIKAN TANAH RIZEB
PENDUDUK DI KAWASAN TG. KARANG**

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status bagi permohonan gran Hak Milik Tanah Rizeb di kawasan Jalan Bomba dan Sekitar jalan UKM kg. Sungai Kajang Mukim Tanjung Karang?

JAWAPAN:

- a) Setelah disemak, didapati kawasan yang dimaksudkan tersebut berada di atas simpanan jalan (rizab jalan).

Pejabat Tanah tidak memproses permohonan ini berdasarkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2012, arahan telah dikeluarkan bagi Pemberhentian Penjualan Pelan Bagi Tanah yang diperuntukkan sebagai Rizab Kerajaan. Berdasarkan perenggan 3(ii), sebarang permohonan pemberimilikan tanah dan lesen pendudukan sementara untuk tanah yang diperuntukkan sebagai tanah rizab Kerajaan tidak boleh diproses dan hendaklah ditolak terus menurut Kaedah 3(d) dan (e), Kaedah-Kaedah Tanah Selangor, 2003.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kedudukan kewangan terkini MBPJ ?
- b) Sila nyatakan jumlah kutipan hasil cukai pintu dari 2010-2014 ?
- c) Sila kemukakan jumlah tunggakan cukai pintu dari 2010-2014 ?

JAWAPAN:

- a) Nisbah kecairan Majlis bagi tahun 2010 sehingga 2014 adalah seperti berikut.

Tahun	Aset Semasa (RM)	Liabiliti Semasa (RM)	Nisbah Kecairan
2010	232,909,836	77,609,622	3.00
2011	291,641,753	71,687,484	4.07
2012	348,824,563	85,998,813	4.06
2013	427,651,643	93,742,766	4.56
2014	567,828,109	137,064,560	4.14

Sumber : Data tahun 2007 – 2013 adalah berdasarkan penyata kewangan beraudit. Data bagi tahun 2014 adalah anggaran dan berdasarkan angka penyata kewangan yang belum diaudit (laporan timbang duga bertarikh 17 Mac 2015).

- b) Jumlah kutipan hasil cukai pintu dari 2010-2014 :

Tahun	Jumlah Kutipan Hasil Cukai Pintu (RM)
2010	171,896,364
2011	179,378,808
2012	194,637,828
2013	206,326,435
2014	205,670,077

Sumber : Kutipan cukai mengikut laporan prestasi (kutipan asas tunai).

- c) Jumlah tunggakan cukai pintu dari 2010-2014:

Tahun	Jumlah Tunggakan Cukai Pintu (RM)
2010	36,111,758
2011	39,378,627
2012	38,320,229
2013	33,265,881
2014	38,324,240

Sumber : Kutipan tunggakan cukai mengikut laporan prestasi (kutipan asas tunai).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : KAWALAN MAKANAN

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah purata bagi penggunaan daging lembu sehari di Selangor?
- b) Daripada penggunaan terbabit berapakah jumlah yang diimport dan pengeluaran tempatan?
- c) Apakah pelan jangka panjang Jabatan Pertanian bagi memastikan pengeluaran tempatan dapat memenuhi permintaan?

JAWAPAN:

- a) Bagitahun 2013, puratapenggunaandaginglembu di Selangor adalah 86 tan sehari (atau 31,500 tan setahun).
- b) Daripadapenggunaanterbabit, 83 tan atau 96.5% diimportdan 3 tan atau 3.5% merupakanpengeluarantempatan. Daripadakeseluruhandaging import yang berkenaan, dianggarkan 20% darinegeri-negeri lain di Malaysia dan 80% dariluarnegaraseperti India dan Australia.
- c) PelanjanganjangJabatanPerkhidmatanVeterinaradalah
 - i. meningkatkansumbanganpengeluarantempatan 3.5% padamasakinikepada 5% dalamtempoh 5 tahun
 - ii. memastikanbekalandagingmencukupi (samadamelaluipengeluarantempatanmahupundiimport) untukkegunaanpenduduknegeri Selangor padasetiapmasa.

Perkara-perkara yang telahdigariskandalampelaniniadalah :

- i. Mengoptimumkanpenggunaansebahagian Taman KekalPengeluaranMakanan (TKPM) sediaadauntukpenternakanlembudaging.
- ii. Menggalakkanpenternakansecarakomersial.

- iii. Membangunkan kawasan khas seluas 100 ekar untuk penanaman rumput (fodder) yang boleh dipotong angkut ke kandang penternak di tempat lain.
- iv. Meningkatkan kualiti bakamela melalui teknologi pernian beradassupaya kadarp embiakan jugabertambah baik

Secara realitinya, pengeluaran dalam negeri Selangor tidak dapat memenuhi permintaan kerana :

- i. Kekurangan kawasan untuk menternak
- ii. Populasi penduduk yang terus meningkat

SISIPAN – MAKLUMAT TAMBAHAN

Perkara-perkara yang telah digariskan dalam lampiran ini adalah :

- i. **Mengoptimalkan penggunaan sebahagian Kekal Pengeluaran Makanan sedia ada untuk penternakan lembu pedaging.** **Taman (TKPM)**

SENARAI TKPM (DI BAWAH SELIAAN DVS DAN DOA) YANG DISEWAKAN UNTUK PENTERNAKAN LEMBU PEDAGING

BIL.	TKPM	BIL. PENYEWA SEDIA ADA TMSK JENIS TERNAKAN LAIN (ORANG)	BIL. LOT MASIH KOSONG*	CATATAN
1	Sungai Nilam, Hulu Selangor	Lembu Tenu su = 2, Lembu Daging = 1, Kambing = 1	20	8 penyewata telah dikeluarkan daripada TKPM ini kerana tidak aktif. Keluasan lot kosong 4 Hk
2	Taman Agrotek Batu Arang, Gombak	0	1	Keluasan lot kosong 2 Hk
3	Taman Agrotek Sungai Blakan, Sepang	Lembu Daging = 1, Kambing = 1, Ayam Daging = 1	0	Semua penternak masih aktif
4	Taman Agrotek Sungai Panjang, Sabak Bernam	Lembu Daging = 1	0	Semua penternak masih aktif

- ✓ Kos pembangunan semua TKPM ruminan pada 2011 – 2014 = RM 2.89 juta
- ✓ Kos pembangunan semua TKPM ayam pada 2011 – 2014 = RM 1.86 juta
- ✓ Kos pembangunan untuk keseluruhan TKPM Ternakan pada 2011 – 2014 = RM 4.75 juta.

ii. Menggalakkan penternakan secara komersial

- ✓ Projek pembangunan dalam RMK10 dan RMK11 (akan datang) untuk menggalakkan komersial = Skim Ladang Pengganda Selangor (SPERS).
- ✓ Bertujuan membangunkan usahawan komersial ruminan Negeri Selangor dengan bekalan baka induk berkualiti seperti Friesien/Jersey dan Zebu/KK.
- ✓ Bayaran balik kepada Kerajaan Selangor, penternak lembu tenusu (RM2,500/ekor) dan penternak lembu pedaging (RM1,000/ekor).
- ✓ Jabatan akan membeli balik baka induk dari penternak skim ini untuk skim bantuan induk kepada penternak berskala kecil dan semi komersial.
- ✓ Kos pembangunan 2011 – 2014 = RM 1.50 juta
- ✓ Projek ini akan diteruskan pada RMK11

Tahun	2011	2012	2013	2014
Bil Peserta (SPERS)	1	2	2	1
Jumlah Ternakan (ekor)	50*	130**	336***	200****

* Lembu tenusu.

** Lembu tenusu (50) & ternakan lembu pedaging (80).

*** Bebiri

**** Kambing

iii. **Membangunkan kawasan khas seluas 100 ekar untuk penanaman rumput (fodder) yang boleh dipotong angkat ke kandang penternak di tempat lain.**

✓ Lokasi : TKPM Jabatan Jenderam Hulu

✓ Keluasan = 40 Hk (100 ekar)

✓ Kawasan dipecahkan kepada 18 lot (5.5 ekar/lot), dipasang pagar

✓ Kos pembangunan = RM50,000

✓ Penternak-penternak lembu dikehendaki menanam sendiri rumput

✓ Anggaran pengeluaran fodder (rumput) = 120 tan per tahun

iv. **Meningkatkan kualiti bak dan kadar pembiakan melalui teknologi peranakan beradas (A.I)**

- ✓ Sebelum 2012, A.I. ditumpukan hanya untuk lembu tenusu.
- ✓ Bermula 2013, A.I. mulakan digunakan untuk memperbaiki kualiti bak lembu pedaging .
- ✓ Semen bekudigunakan untuk menghasilkan beberapa bak lembu pedaging gterbaik dunia seperti Belgian Blue, Charolais dan Limosine yang boleh mencapai berat hidu pasaran 1,200 kg.

Tahun	2011	2012	2013	2014
Jumlah lembu dilahirkan melalui A.I (ekor)	41	51	93	438

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : PEMANTAUAN SKIMSEL & MIKROKREDIT

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penghuraian Exco mengenai keberkesanan pelaksanaan SKIMSEL/mikrokredit dari Januari hingga Disember 2014.
- b) Apakah kaedah pemantauan yang dilakukan bagi memastikan agensi yang dilantik menjalankan tugas dengan efisien dan berkesan?

JAWAPAN:

- a) Keberkesanan pelaksanaan SKIMSEL/Mikrokredit dari **Januari hingga Disember 2014** diukur melalui jumlah peserta, jumlah pembiayaan dan bayar balik peserta seperti berikut:

Perkara	2013	2014	KUMULATIF
Jumlah Peserta	1,865	2,322	11,163
Jumlah Pembiayaan	24,928,550.00	27,114,650.00	94,204,650.00
% Kadar Bayar Balik	97%	98%	98%

- b) Kaedah pemantauan yang dilakukan bagi memastikan agensi yang dilantik menjalankan tugas dengan efisien dan berkesan adalah melalui sistem penyeliaan berperingkat seperti berikut :

1. Peringkat Kerajaan Negeri :

Kerajaan Negeri memantau prestasi keseluruhan perjalanan program SKIMSEL melalui Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YDAQAHS yang diadakan pada setiap bulan.

2. Peringkat Pengurusan SKIMSEL:

Pengurusan SKIMSEL memantau prestasi pembayaran balik semua peminjam melalui peringkat 3 peringkat iaitu:

- i. Mesyuarat Pengurusan SKIMSEL pada setiap bulan.
- ii. Mesyuarat Tindakan Cawangan pada setiap minggu.
- iii. Mesyuarat Nadi pada setiap minggu.

3. Pengurusan Risiko Bayaran Balik

Pengurusan SKIMSEL juga telah menubuhkan Jawatankuasa TaskForce Tunggakan di beberapa peringkat pentadbiran seperti berikut:

- i. Jawatankuasa TaskForce Tunggakan peringkat Pengurusan-mesyuarat pada setiap bulan.
- ii. Jawatankuasa TaskForce Tunggakan peringkat Cawangan – mesyuarat pada setiap minggu.
- iii. Jawatankuasa TaskForce Tunggakan PeringkatNadi (Sadiq) – bila perlu.

Antara tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:

- a. Bertanggungjawab menganalisa, merancang, mengawal, memantau dan mengawalselia tunggakan.
- b. Bertanggungjawab menambahbaikkan program-program pencegahan tunggakan untuk dilaksanakan oleh blok dan cawangan.
- c. Merancang tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan tunggakan.
- d. Mengenalpasti permasalahan dan halangan oleh sadiq yang membawa kepada masalah tunggakan.
- e. Memantau aktiviti TaskForce Tunggakan di peringkat blok dan cawangan.
- f. Memastikan semua cawangan bebas tunggakan.

4. Penangguhan Bayaran Balik dan Penjadualan Semula.

Sekiranya peserta-peserta mempunyai masalah dengan bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan antara tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL) adalah menangguhan pembayaran balik sadiq mengikut tempoh yang bersesuaian. Antara sebab penangguhan yang diluluskan adalah bersalin, projek bermasalah, sakit, masuk wad, kemalangan, ilat kekal. Tempoh maksimum penangguhan yang diluluskan adalah selama 6 bulan sahaja.

Disamping itu, sekiranya peserta mengalami masalah dengan jumlah bayaran balik yang telah ditetapkan, penjadualan semula tempoh bayaran balik akan dilaksanakan berdasarkan kemampuan bayaran balik baru peserta tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : KELAYAKAN PELAJAR CEMERLANG DARI SERAI JAIS KE ASRAMA
PENUH**

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mohon penjelasan dari YAB:

- i. Adakah pelajar-pelajar cemerlang UPSR dari sekolah SERAI JAIS masih lagi menghadapi kekangan untuk diterima masuk ke sekolah berasrama penuh milik federal?
- ii. Jika ya, apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan tiada lagi kekangan?

JAWAPAN:

a)

- i. Murid-murid cemerlang UPSR dari SRAI JAIS masih lagi menghadapi kekangan untuk diterima masuk ke sekolah berasrama penuh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana status sekolah SRAI JAIS dikategorikan sebagai sekolah swasta. KPM telah mengeluarkan surat pekeliling bahawa murid-murid sekolah swasta tidak boleh memohon masuk ke Sekolah menengah Agama (SMKA), Kelas Aliran Agama (KAA) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) di bawah KPM.* Surat Pekeliling di lampirkan *
- ii. Kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor telah memohon kepada KPM memohon kelonggaran syarat kemasukan. Namun setakat ini, pihak KPM masih mengguna pakai surat pekeliling sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : ANCAMAN KEMARAU KEPADA PETANI

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan kerajaan negeri untuk membantu golongan petani bagi menghadapi musim kemarau berpanjangan?
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi menghadapi musim kemarau berpanjangan kepada golongan petani pada tahun 2015?

JAWAPAN:

- a) Melalui Jabatan Pertanian, kerajaan negeri akan melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - i. Memperhebatkan aktiviti pengembangan pertanian bagi menerangkan kesan El-Nino kepada sektor pertanian dan persediaan menghadapinya.
 - ii. Menggalakkan penyediaan tangki simpanan air hujan (rainwaterharvestingtank) untuk kegunaan pengairan terutamanya untuk kegunaan tanaman secara fertigasi dan akuaponik.
 - iii. Meningkatkan kecekapan penyaluran air melalui pam air dan paip saluran yang lebih cekap.
 - iv. Menggalakkan penggunaan sistem pengairan titis (dripirrigation) dan penyembur berkabus (mistblower) yang menjimatkan air terutamanya untuk sayuran berdaun.
 - v. Penggunaan sungkupan (mulching) plastik atau bahan organik untuk mengurangkan sejatan air dari tanah yang berlebihan.
- b) Setakat ini tiada peruntukan khusus yang disediakan oleh kerajaan negeri untuk menghadapi musim kemarau berpanjangan kepada golongan petani. Walau bagaimanapun kerajaan negeri bersedia untuk memberikan bantuan mengikut kesesuaian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : ISU KEBAJIKAN MASYARAKAT BUKAN MUSLIM DI SELANGOR

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah kerajaan tidak mewujudkan satu rangkaian kebajikan sosial (social safety network) yang lebih menyeluruh dan menyerupai LZS untuk masyarakat bukan Muslim memandangkan bantuan am sebanyak RM300 daripada JKM adalah sangat tidak mencukupi untuk menampung kehidupan harian.

JAWAPAN:

- a) Asas penubuhan institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor adalah atas asas melaksanakan tuntutan beragama di dalam Islam dan bukannya manifestasi program kebajikan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri. Atas asas itulah maka Lembaga Zakat Selangor (LZS) diletakkan di bawah pengendalian Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan bukannya di bawah pengendalian Standco Kebajikan. Dana Lembaga Zakat Selangor adalah diperolehi daripada pembayar-pembayar zakat dan bukannya daripada peruntukan Kerajaan Negeri.

Sehubungan dengan itu, adalah lebih tepat sekiranya gagasan mewujudkan institusi sosial seumpama LZS kepada masyarakat bukan Islam didokongi oleh institusi dan NGO berkaitan agama bukan Muslim.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah berusaha melaksanakan agenda kebajikan yang sebaiknya untuk rakyat Selangor yang merentasi agama dan kaum. Bantuan diberi kepada semua yang layak berasaskan kriteria yang telah ditetapkan secara adil dan saksama kepada semua rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SKIM SEL

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah faedah yang dikenakan kepada peminjam-peminjam yang terlibat dengan Skim-Sel?
- b) Berapa ramai yang telah mendapat faedah dari Skim-Sel?

JAWAPAN:

- a) Tiada faedah yang dikenakan oleh SKIMSEL kepada peminjam. Namun setiap peminjam akan dikenakan caj pengurusan sebanyak 8% setahun mengikut jumlah pinjaman yang diluluskan.
- b) Seramai 11,265 peserta telah menerima manfaat sekurang-kurangnya satu kali pinjaman SKIMSEL sehingga Januari 2015.

CAWANGAN	PESERTA SKIMSEL SEHINGGA 31 JAN 2015
Sabak Bernam	1,549
Hulu Selangor	1,434
Kuala Selangor	1,786
Hulu Langat	1,954
Kuala Langat	1,613
Sepang	1,245
Gombak	507
Petaling	628
Klang	549
SKIMSEL	11,265

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : SKIM MIKROKREDIT WANITA LADANG (WALA)

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan Skim WALA?
- b) Sila beri statistik pelaksanaan dan kejayaan program ini, termasuk bilangan peserta mengikut ladang, daerah, jumlah dana yang diagihkan dan kejayaan individu yang menerima dana.

JAWAPAN:

- a) Program Wanita Ladang (WALA) Selangor telah memulakan operasi pada 2012 dan melalui proses penambahbaikan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun pada Ogos 2014, program ini ditangguhkan bagi memberi ruang kepada kerajaan untuk mengkaji semula kaedah pelaksanaan supaya lebih efisien dan efektif di samping memastikan objektif pelaksanaan program tercapai. Ini juga merupakan lanjutan dari maklumbalas oleh Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan yang dipengerusikan oleh YB Hulu Kelang menjustifikasikan program WALA Selangor sebagai gagal mencapai objektif. Ini kerana program ini dilihat gagal untuk mengupayakan peserta supaya berdikari dan tidak hanya mengharapkan elaun kehadiran semata-mata. Sedangkan objektif awal pelaksanaan adalah untuk mengupayakan wanita di ladang. Sepanjang pelaksanaan program seramai 649 orang yang mewakili 23 ladang di negeri Selangor berjaya menyertai program ini. Setiap peserta akan dilibatkan di dalam bengkel dan latihan kemahiran bagi mempersiapkan mereka untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan keluarga. Sepanjang penglibatan di dalam program berbentuk bengkel dan latihan kemahiran, para peserta akan menerima elaun kehadiran. Kerajaan negeri melalui agensi bertanggungjawab akan menggerakkan semula program ini di mana tidak terhad kepada golongan wanita di ladang malah akan dikembangkan lagi kepada golongan OKU, ibu tunggaldan lain-lain golongan dalam usaha kerajaan untuk mengupayakan golongan-golongan tersebut.

b)

SENARAI LADANG DAN JUMLAH PESERTA YANG TELAH MENGIKUTI PROGRAM WALA SELANGOR

BIL	DAERAH	NAMA LADANG	JUMLAH PESERTA (PERMULAAN)	JUMLAH PESERTA (TERKINI)	JUMLAH UPAH /PEMBIAYAAN
1	GOMBAK	BUKIT LAGONG	15	12	RM 18,880.00
2	KELANG	GOLCONDA	27	0	RM 5,220.00
3	KUALA LANGAT	KELANG	10	0	RM 3,220.00
		PULAU CAREY GRP1	71	30	RM 27,940.00
		PULAU CAREY GRP2			RM 19,810.00
		PULAU CAREY MILL	28	28	RM 15,890.00
5	KUALA SELANGOR	ELMINA	16	15	RM 22,440.00
		BUKIT CERAHAH A	61	58	RM 39,550.00
		BUKIT CERAHAH B			RM 12,390.00
		BUKIT CERAHAH C			RM 14,840.00
		BUKIT IJOK	8	0	
		MANMOUTH	23	19	RM 30,890.00
		TENAMARAN 1	33	30	RM 29,290.00
		SUNGAI BULOH	26	20	RM 29,400.00
		BUKIT KLOH	15	0	RM 1,130.00
		RASA MUSA PAGI	56	61	RM 61,530.00
		RASA MUSA PTG			RM 35,790.00
		SUNGAI TERAP	60	26	RM 32,600.00
		KAMASAN A	27	23	RM 35,550.00
		KAMASAN B			RM 5,290.00
		SELANGOR RIVER	21	23	RM 36,800.00
		SHALIMAR	14	16	RM 24,550.00
		BESTARI JAYA A	66	65	RM 27,120.00
		BESTARI JAYA B			RM 29,100.00
		BESTARI JAYA C			RM 24,190.00
		TELOK PIAH	27	27	RM 6,800.00
TENAMARAN 2	20	20	RM 8,660.00		
6	PETALING	BUKIT DARAH	19	0	
		SUBANG	12	13	RM 18,750.00
23	SEPANG	BUKIT GADONG	14	32	RM 38,360.00
24	ULU SELANGOR	KERLING	8	13	RM 15,560.00
JUMLAH			677	531	RM 671,540.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAMPUNG TAYYIB

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kaedah kerajaan negeri memastikan infrastruktur terbaik dinikmati oleh orang kampung terutama sekali di pinggir bandar?
- b) Berapakah bajetnya?
- c) Adakah sudah '*roadmap*' memperkasakan infrastruktur dan kemudahan awam seperti dewan, balai JKKK, padang dalam kampung?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat pinggir bandar adalah setanding dengan infrastruktur yang diperolehi oleh masyarakat di bandar. Bagi memastikan kelengkapan dan kesempurnaan infrastruktur ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan jumlah kewangan yang besar khas untuk menampung kos pembaikan dan pengwujudan infrastruktur baru di kawasan kampung. Pada tahun 2015, jumlah peruntukan yang diberikan untuk penyelenggaraan jalan kampung adalah sebanyak RM12 juta berbanding RM4 juta pada tahun 2014, manakala bagi menaiktaraf kemudahan asas desa peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM4 juta. Peningkatan peruntukan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri komited dalam menaiktaraf kemudahan awam dan infrastruktur di negeri Selangor khasnya di kawasan kampung.

- c) Bagi memperkasakan infrastruktur dan kemudahan awam di kampung, Kerajaan Negeri sedang di dalam proses untuk menyediakan *roadmap* bagi infrastruktur dan kemudahan awam seperti dewan, balairaya dan jalanraya di kampung-kampung. Maklumat berkaitan telah dipohon melalui Pejabat Daerah dan Tanah bagi memudahkan Unit Perancang Ekonomi Negeri merancang pembangunan dan pembaikan infrastruktur di kawasan berkaitan. Antaranya untuk pembinaan baru dewan-dewan dan balairaya yang telah usang, baik pulih balairaya dan jalan-jalan kampung yang rosak. Setakat 19 Mac 2015, Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM553,384.00 bagi daerah Kuala Langat untuk tujuan pembinaan semula dan baik pulih dewan dan balairaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : STRUKTUR YAYASAN SELANGOR

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lembaga pengarah, pengurusan dan jawatankuasa-jawatankuasa dibawah yayasan di bawah kepimpinan baharu?
- b) Apakah latar belakang setiap dari mereka?
- c) Apakah hala tuju dan strategi Yayasan untuk masa depan selepas pelantikan Menteri Besar yang baharu?

JAWAPAN:

- a) Senarai Ahli Lembaga Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin B. Ali (Pengerusi)	Dato' Menteri Besar Selangor
2.	Y.B. Dato' Haji MohammedKhusrin B. Haji Munawi	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
3.	Y.B. Dato' Noordin B. Sulaiman	Pegawai Kewangan Negeri Selangor
4.	Y.B. Tuan Nik Nazmi B. Nik Ahmad	Exco Pendidikan, Pembangunan Insan,Sains Teknologi & Inovasi
5.	YBhg. En. Zainuren B. Haji Mohd Nor	Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
6.	YBhg. Datin Nawal Bt. Salleh	Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
7.	YBhg. En. Ismail B. Haji Idris	Pengurus Besar Yayasan Selangor

Senarai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Lembaga Yayasan Selangor

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Y.B. Dato' Haji MohammedKhusrin B. Haji Munawi (Pengerusi)	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y.B. Dato' Noordin B. Sulaiman	Pegawai Kewangan Negeri Selangor
3.	Y.B. Dato' Teng ChanKim	Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan & Pengangkutan
4.	Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan B. Sakimin	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
5.	YBhg. En. Azal B. Adzhar	Bendahari Negeri Selangor
6.	YBhg. En. Ismail B. Haji Idris	Pengurus Besar Yayasan Selangor

Senarai Ahli Jawatankuasa Pendidikan & Pembangunan Insan Yayasan Selangor

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Y.B. Tuan Nik Nazmi B. Nik Ahmad (Pengerusi)	Exco Pendidikan, Pembangunan Insan,Sains Teknologi & Inovasi
2.	YBhg. En. Zainuren B. Haji Mohd Nor	Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
3.	YBhg. Datin Nawal Bt. Salleh	Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
4.	YBhg. Profesor Madya Dr. Abdul Aziz Bari	Ahli Akademik UNISEL
5.	YBhg. Tuan Haji Abas B. Haji Awang	Pakar Motivasi/ Bekas Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
6.	YBhg. En. Ismail B. Haji Idris	Pengurus Besar Yayasan Selangor

Senarai Ahli Jawatankuasa Pentadbiran dan Perkhidmatan Yayasan Selangor

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Y.B. Dato' Haji MohammedKhusrin B. Haji Munawi (Pengerusi)	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2.	Y.B. Dato' Noordin B. Sulaiman	Pegawai Kewangan Negeri Selangor
3.	Y.B. Tuan Nik Nazmi B. Nik Ahmad	Exco Pendidikan, Pembangunan Insan,Sains Teknologi & Inovasi
4.	YBhg. En. Zainuren B. Haji Mohd Nor	Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
5.	YBhg. Datin Wan Rabiah Bt. Wan Mohd Yusof	Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Sumber Manusia (SUK)
6.	YBhg. En. Ismail B. Haji Idris	Pengurus Besar Yayasan Selangor

Senarai Ahli Jawatankuasa Audit Dalam Yayasan Selangor

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Y.B. Dato' Noordin B. Sulaiman (Pengerusi)	Pegawai Kewangan Negeri Selangor
2.	Y.B. Dato' Teng ChanKim	Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan & Pengangkutan
3.	YBhg. En. Azal B. Adzhar	Bendahari Negeri Selangor
4.	YBhg. En. Mohd Zammidi B. Mohd Asri	Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
5.	YBhg. En. Ismail B. Haji Idris	Pengurus Besar Yayasan Selangor

Senarai Ahli Jawatankuasa Lembaga Tender Yayasan Selangor

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Y.B. Dato' Noordin B. Sulaiman (Pengerusi)	Pegawai Kewangan Negeri Selangor
2.	Y.B. Tuan Nik Nazmi B. Nik Ahmad	Exco Pendidikan, Pembangunan Insan, Sains Teknologi & Inovasi
3.	YBhg. En. Zainuren B. Haji Mohd Nor	Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
4.	YBhg. En. Haji Mohd Zaki B. Ibrahim Pengarah, Jabatan Perancang Bandar & Desa	Pengarah, Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor
5.	YBhg. En. Ismail B. Haji Idris	Pengurus Besar Yayasan Selangor

b)

Bil.	Nama	Latarbelakang
1.	Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin B. Ali (Pengerusi) Dato' Menteri Besar Selangor	Ahli Politik (Ahli Parlimen Malaysia Dan Ahli DUN Selangor)
2.	Y.B. Dato' Haji MohammedKhusrin B. Haji Munawi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Penjawat Awam
3.	Y.B. Dato' Noordin B. Sulaiman Pegawai Kewangan Negeri Selangor	Penjawat Awam
4.	Y.B. Dato' Teng ChanKim Exco Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan & Pengangkutan	Ahli Politik Ahli DUN Selangor
5.	Y.B. Tuan Nik Nazmi B. Nik Ahmad Exco Pendidikan, Pembangunan Insan,Sains Teknologi & Inovasi	Ahli Politik Ahli DUN Selangor
6.	Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan B. Sakimin Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Penjawat Awam
7.	YBhg. En. Zainuren B. Haji Mohd Nor Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	Penjawat Awam
8.	YBhg. Datin Nawal Bt. Salleh Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Penjawat Awam
9.	YBhg. En. Haji Mohd Zaki B. Ibrahim Pengarah, Jabatan Perancang Bandar & Desa	Penjawat Awam
10.	YBhg. En. Azal B. Adzhar Bendahari Negeri Selangor	Penjawat Awam
11.	YBhg. Datin Wan Rabiah Bt. Wan Mohd Yusof	Penjawat Awam

	Ketua Setiausaha Bahagian Sumber Manusia (SUK)	
12.	YBhg. En. Mohd Zammi B. Mohd Asri Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	Penjawat Awam
13.	YBhg. Profesor Madya Dr. Abdul Aziz Bari Ahli Akademik UNISEL	Ahli Akademik dan Perundangan
14.	YBhg. Tuan Haji Abas B. Haji Awang Pakar Motivasi/ Bekas Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Pakar Motivasi dan Bekas Penjawat Awam

- c) Yayasan Selangor masih lagi meneruskan agenda pendidikan sebagai teras utama di dalam operasi tadbir Yayasan Selangor. Selain itu Yayasan Selangor juga menjalankan aktiviti ekonomis seperti penyewaan bangunan pejabat, lot kedai, rumah kediaman, perladangan dan pembangunan tanah bagi menjana pendapatan.

Hasil daripada pendapatan tersebut disalurkan semula untuk membiayai aktiviti-aktiviti pendidikan. Antara aktiviti-aktiviti pendidikan yang telah dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

- a. Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor dengan Kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia.
- b. Program 'HighPerformanceStudents' (HIPERS) Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Kebangsaan.
- c. Biasiswa Kecil, Biasiswa Khas dan Dermasiswa pelajar di bawah Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.
- d. Program pembangunan akademik dan pembangunan sahsiah diri pelajar-pelajar Rancangan Khas Pendidikan Yayasan Selangor dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : WABAK DENGGI

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan menangani peningkatan wabak denggi yang semakin meningkat
- b) Adakah Kerajaan bersedia menggunakan apa-apa teknologi baru untuk mencegah denggi. Contohnya 'MosquitoMagnet' dan sebagainya
- c) Nyatakan keberkesanan gotong royong?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani wabak denggi bagi tahun 2015 adalah seperti berikut :
 - i. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan, YB Pn Dr. Daroyah bt Alwi yang bermesyuarat setiap 2 kali sebulan bagi membincangkan masalah dan langkah kawalan terbaik dalam kawalan denggi.
 - ii. Melancarkan Program Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Petaling. Program ini memberi fokus kepada pembersihan tempat pembiakan nyamuk aedes, pembersihan kawasan hotspot denggi, pembersihan pangsa purikos rendah, pembersihan tapak binaan, pembersihan longkang, taman awam dan taman rekreasi.
 - iii. Pembentukan *Task Force Denggi* di peringkat PBT yang melibatkan pelbagai Jabatan berkaitan di PBT mengerakkan aktiviti kawalan Denggi yang lebih berkesan. Antara jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:-
 - a. Jabatan Kesihatan dan Persekitaran
 - b. Jabatan Taman & Rekreasi
 - c. Jabatan Kejuruteraan
 - d. Jabatan COB
 - e. Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
 - f. Jabatan Bangunan
 - g. Jabatan Penguatkuasaan

- h. Lain-lain jabatan
- iv. Mengadakan Mesyuarat Kawalan Denggi di Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan di hadiri oleh pelbagai jabatan dan agensi berkaitan bagi membincangkan isu denggi di daerah berkenaan
- v. Menyediakan Pelan Tindakan Selangor ku Bebas Denggi 2015 iaitu Program 'Terjah & Musnah Aedes' yang menitikberatkan aktiviti pencegahan di kawasan-kawasan yang berisiko untuk diperiksa. Aktiviti ini merangkumi pemeriksaan di:
- Kawasan perumahan
 - Tapak binaan
 - Pangsapuri kos rendah
 - Taman awam & taman rekreasi
 - Kawasan kg baru Cina
 - Kawasan kg tradisi
 - Kuarters kerajaan
 - Sekolah
 - Tadika
 - Masjid & surau
 - Rumah ibadat
 - IPT
 - Kawasan komersil
 - Industri
- vi. Meningkatkan penguatkuasaan perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.
- vii. Memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya demam denggi dan cara pencegahan dengan mengadakan kempen dan taklimat di sekolah rendah dan menengah khususnya di kawasan wabak serta melalui khutbah jumaat dan ceramah di masjid dan surau
- viii. Menggiatkan aktiviti gotong royong di peringkat masyarakat
- ix. Menjalankan taklimat denggi kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) atau Jawatankuasa Penduduk (JKP) semasa program gotong royong penduduk.
- x. Membuat edaran risalah denggi dan memberi abate semasa program gotong royong penduduk.

- xi. Mewujudkan 'Program/ Projek Khas PBT' bagi mempromosi dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya denggi dan cara mengatasinya:-

PBT	Program/ Projek Khas PBT
MBPJ	Search&Destroy Aedes Ranger - SEDAR
MBSA	ADVOKASI dan 'TaskForce' Denggi MBSA
MPSJ	KajianNyamukToxo
MPK	a) Program kebersihan bersama ADUN dan Ahli Majlis. b) Program Gerak Gempur Aedes bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. c) Program Cikgu Ku Cantik di peringkat sekolah. d) Risalah pelbagai bahasa seperti Bahasa Vietnam, Myanmar, Nepal dan lain-lain
MPSP	a) DengueActionCommunity-DAC. b) DengueActionKids-DAK c) Bas Sekolah Tanpa Aedes – BATAS
MDKS	<i>Dengue Buster Team</i>

- b) Untuk maklumat ahli-ahli yang berhormat, Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menerima cadangan mana-mana teknologi baru bagi mencegah denggi. Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri telah pun memanggil pembekal dan pengedar teknologi baru yang ada di pasaran untuk membentangkan kepada Exco Jawatankuasa Tetap Kesihatan, 12 PBT dan JKNS. Antaranya daripada:-

- i. Mosquito Magnet
- ii. Mousticide
- iii. PersatuanKesihatan Environment Malaysia (MAEH)
- iv. Mquest (M) Bhd

Walaupun bagaimanapun, hasil daripada pembentangan mereka di dapati, kesemua produk tersebut masih dalam peringkat kajian dan belum dapat membuktikan keberkesanan lagi secara menyeluruh dalam memastikan populasi nyamuk aedes menurun. Ini adalah kerana, Kerajaan Negeri Selangor perlu mengambil kira kos pelaksanaan, kesesuaian produk dan kesan pelaksanaan teknologi atau sesuatu produk sebelum di aplikasikan sepenuhnya di Negeri ini.

Tambahandari padaitu, terdapatteknologi baru yang digunakanoleh MPSJ bagimengawalpembiaannyamukaedesiaitumenggunakannyamuktoxo. Kaedahinisedangdilaksanakan di Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 6 danKampung Seri Aman, Puchong.Setakatini, teknologiinimemberikesan yang signifikan di dalammenurunkankesdenggi di kawasantersebut.Namunbegitu, pelaksanaanteknologiinijugamasih di peringkatkajiandanKerajaanNegerimasihmemantaukeberkesananteknologiiniid arimasakesemasa.

KementerianKesihatan Malaysia melaluiJabatanKesihatanNegeri Selangor kinisedangmengaplikasikanteknologi ORS bagimengurangkankesdenggi di Negeri Selangor.Antara Daerah yang terlibatdenganaplikasi ORS iniadalahPetaling, Gombak, Hulu Langat danKlang.Pengaplikasian ORS inijugamasih di peringkatkajianbagimemastikankesdenggidapat di kurangkan di kawasan-kawasanini.

- c) Keberkesananaktivitigotongroyongbergantungkepadakomuniti di sesebuahkawasan. Jikakomitmendari penduduktinggi, gotongroyongadalah medium yang efektifbagimenanganipengawalanpembiaannyamukaedes.

Melaluiaktivitigotong-royong, masyarakatlebihmemahamikepentinganuntukmewujudkanpersekitaran yang bersih. Gotong-royong yang menggunakan pendekatan '*search and destroy*' akan membolehkan penduduk bersama-sama mengenalpasti punca/tempat-tempat berpotensi pembiakan nyamuk seterusnya menghapuskannya. Pendekatan ini dilihat dapat mengurangkan tempat-tempat pembiakan sekaligus dapat mengekalkan kesihatan dan keadaan yang selesa di kawasan tempat tinggal. Di sampingitu, aktivitigotong-royongjugadapatmemupuknilai-nilaimurnidalamkehidupanbagimewujudkansebuahmasyarakat yang bertanggungjawab.Selainitu, iamemupukbudayasihat di kalanganpenduduk di sampingmengurangkanjumlahsampahpukal di kawasantamanperumahan.danseterusnyamengurangkantempatpembiaanny amukaedes.

Walaubagaimanapun, penglibatan dan kesedaran masyarakat di dalam program gotong royong dan pencegahan penyakit Demam Denggi masih lagi rendah (10%-15%). Program gotong royong bagi memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes perlu dijalankan secara berkala, agar ianya dapat mengurangkan kejadian kes Demam Denggi di sesuatu lokalitiberkenaan. Walaupunkurangmendapatsambutan, masihterdapatbeberapatempatdimanasambutanbagimeningkatkankesedarand ikalanganmasyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : KERTAS KERJA CADANGAN WANG PENYELENGGARAAN
SEBANYAK RM 1 JUTA OLEH 7 BUAH SYARIKAT KUARI DI
MATANG PAGAR UNTUK JALAN MATANG PAGAR**

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini kertas kerja tersebut yang masih lagi tergantung di pihak Majlis Perbandaran Selayang?
- b) Apakah pendirian pihak MPS untuk membuat keputusan memberikan kebenaran kepada pihak 7 syarikat kuari untuk menjalankan penyelenggaraan jalan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Mesyuarat pada 6/2/2015 bersama Datuk SUK memutuskan pihak kuari perlu melantik Perunding Juruukur bagi cadangan pelebaran jajaran dari Matang Pagar ke Jalan hospital dan pihak MPS perlu menyelaraskan dari segi keperluan teknikal.

Pihak kuari akan membuat pembentangan kajian pelan ukur jajaran pada 25/3/2015.

- b) Pihak MPS berpendirian sekiranya pihak kuari sanggup untuk melebarkan dan menaiktaraf jalan Matang Jaya sehingga Jalan Kusta dengan kos ditanggung pihak kuari maka pihak MPS tiada halangan. Walau bagaimanapun sekiranya pihak kuari tidak sanggup di atas tanggungan kos tersebut, pihak kuari perlu menyediakan laluan alternatif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERUNTUKAN AHLI DEWAN NEGERI PEMBANGKANG

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan sebanyak RM200,000 kepada setiap Ahli Dewan Negeri Pembangkang di Selangor? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya?
- b) Nyatakan status penggunaan peruntukan RM200,000 Ahli Dewan Negeri Pembangkang di Selangor.

JAWAPAN:

- a) Pada Disember 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2015 dengan bertemakan 'Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan'. Selaras dengan tema tersebut, Kerajaan Negeri telah **meluluskan peruntukan** Ahli Dewan Negeri (ADN) di Negeri Selangor bagi tahun 2015 berjumlah **RM41,600,000.00** bagi tujuan pelaksanaan **projek kecil dan program mesra rakyat**.

Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Negeri buat pertama kalinya telah meluluskan sejumlah RM2,400,000.00 iaitu RM200,000.00 kepada setiap 12 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan di Negeri Selangor untuk digunakan bagi tujuan yang sama. Kesemua peruntukan tersebut telah diperuntukkan di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK -P01/01001 - Perkhidmatan Masyarakat**.

Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada semua Pejabat Daerah pada bulan Januari 2015 dan penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015.

- b) Sehingga 28 Februari 2015, peruntukan berjumlah RM2,400,000.00 yang telah disediakan kepada 12 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan, **masih belum digunakan** oleh mana-mana Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : KEMUDAHAN AWAM

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan bersedia menaiktarafbalairaya dan dewan orang ramai yang terdapat di kampung-kampung di seluruh Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan kawasan luar bandar di Selangor tidak ketinggalan dalam menerima pembangunan. Selaras dengan itu, bagi tahun 2015 Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM4 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK -P01/02004 - Kemudahan Asas Desa** untuk tahun 2015 khas untuk kemudahan asas desa yang boleh digunakan bagi projek di daerah termasuklah menaiktarafbalairaya dan dewan orang ramai.

Seterusnya, satu mesyuarat pelarasan telah diadakan oleh Jawatankuasa Tetap Luar Bandar pada 5 Mac 2015 bersama Agensi yang terlibat dalam pembangunan luar bandar termasuk semua Pejabat Daerah/Tanah. Mesyuarat tersebut diadakan untuk mendapatkan input berkaitan projek pembangunan luar bandar yang diperlukan.

Untuk makluman juga, sehingga 15 Mac 2015 Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah 98 buah permohonan projek daripada 9 buah daerah khusus bagi tujuan baik pulih balai raya dan dewan orang ramai di bawah seliaan Pejabat Daerah/Tanah dengan jumlah anggaran kos sebanyak RM4,459,323.96.

Perincian permohonan tersebut adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN (PROJEK)	JUMLAH (RM)
Kuala Selangor	21	904,512.91
Hulu Selangor	16	659,614.00
Selangor	16	359,359.20
Gombak	15	667,940.70
Kuala Langat	14	439,143.50
Klang	10	1,170,897.40
Petaling	5	208,255.50
Hulu Selangor	1	49,600.75
Sabak Bernam	0	0
JUMLAH	98	4,459,323.96

Untuk peringkat awal, Unit Perancang Ekonomi Negeri telah memberikan kelulusan awal untuk 6 buah projek bagi daerah Kuala Selangor dan Klang dengan anggaran jumlah sebanyak RM458,618.54. Perincian projek adalah seperti di **Lampiran A**.

Dalam hal berkaitan, baki permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan tahap kritikal sesuatu permohonan projek. Selain daripada itu, aspek kekerapan penggunaan/aktiviti juga penting untuk diteliti bagi mendapatkan pulangan terbaik bagi setiap wang peruntukan yang di belanjakan oleh Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN A

BIL.	NAMA PROJEK	DUN	MUKIM	DAERAH	KAMPUNG	ANGGARAN KOS (RM)
1	Membina dan Menyiapkan Balai JKKK Kg. Blok DKPV	Sungai Burong	Tg Karang 1	Kuala Selangor	Kg. Blok DKPV	168,511.51
2	Membaikpulih Balai JKKK Kg. Bukit Badong	Ijok	Ijok	Kuala Selangor	Kg Bukit Badong	14,961.00
3	Membaikpulih Balairaya Kg. Assam Jawa	Bukit Malawati	Pasangan	Kuala Selangor	Kg. Assam Jawa	19,333.00
4	Membaikpulih Pejabat JKKK Kg. Sg. Gulang-Gulang	Permatang	Permatang	Kuala Selangor	Kg. Sg. Gulang-Gulang	33,069.60
5	Membaikpulih Balairaya Kg Bukit Kuching Tengah	Jeram	Jeram	Kuala Selangor	Kg. Bukit Kuching Tengah	71,503.43
6	Membaikpulih Balai Dewan JKKK Kg. Bagan Ketam, Klang	Selat Klang	Klang	Klang	Kg. Bagan Ketam	151,240.00
Jumlah Keseluruhan						458,618.54

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : KEMUDAHAN KESIHATAN

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kemudahan kesihatan yang disediakan kerajaan negeri kepada rakyat di Selangor?
- b) Sejauh manakah kejayaan kemudahan kesihatan ini dan nyatakan kejayaan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penyediaan kemudahan kesihatan kepada rakyat merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif bagi menjaga kebajikan dan kesihatan rakyat Negeri Selangor.

Antara program yang di jalankan oleh Kerajaan Negeri adalah Bantuan Sihat Selangor yang menyediakan jenis bantuan seperti berikut: -

- i. Dialisis Buah Pinggang : RM 5,000.00 diberikan secara 'one-off'
- ii. Katarak Mata : bantuan tidak melebihi RM 1,200.00
- iii. Pembedahan Kecil : bantuan tidak melebihi RM 5,000.00
- iv. Lain-lain rawatan : bantuan tidak melebihi RM 5,000.00

Tambahan daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM607,238.00 daripada RM800,000.00 bagi tahun 2014 jumlah yang peruntukan dengan melaksanakan pelbagai aktiviti dan program pembangunan kesihatan di Negeri Selangor.

- b) Bagi melihat kejayaan kemudahan kesihatan ini, Bantuan Sihat Selangor telah memberi manfaat kepada 366 penerima bantuan pada tahun 2014 mengikut pecahan seperti di bawah:-

JENIS BANTUAN	BILANGAN PENERIMA
DIALISIS	244
KATARAK MATA	27
PEMBEDAHAN KECIL	35
LAIN LAIN BANTUAN	60
JUMLAH	366

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan prestasi perbelanjaan RM60 juta dan RM 40 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel) dan Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) dalam Belanjawan 2015.
- b) Setakat ini, adakah inisiatif program hijau efektif? Jelaskan.

JAWAPAN:

a)

PROGRAM	DANA	PERUNTUKAN TELAH TERIMA	PENGGUNAAN/ PERBELANJAAN	BAKI
SKIMSEL	60,000,000.00	25,931,068.00	14,104,228.73 (OPEX) 91,767,950 (PROGRAM)	34,068,932.00
MIMBAR	40,000,000.00	16,822,849.00	8,282,839 (OPEX) 10,200,978 (PROGRAM)	23,177,151.00
JUMLAH KESELURUHAN	100,000,000.00	42,753,917.00		57,246,083.00
JUMLAH KESELURUHAN				100,000,000.00

Secara keseluruhannya prestasi penggunaan dana sehingga 2014 menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan kerana daripada RM42,753,917 jumlah penerimaan dana, pinjaman yang dikeluarkan melalui SKIMSEL dan MIMBAR adalah sebanyak RM101,968,928. Perbelanjaan mengurus bagi kedua-dua program adalah RM22,387,067. Bermula Februari 2015, kerajaan negeri melalui anak syarikat MBI telah menggerakkan Program HIJRAH Selangor di mana semua program mikrokredit yang dilaksanakan semenjak 2010 digabungkan dengan dibuat penambahbaikan ke atas proses penyaluran pinjaman dan program khidmat profesional. Program HIJRAH Selangor tidak hanya memfokuskan penyaluran pinjaman malah akan juga memfokuskan kepada pembangunan usahawan HIJRAH melalui perwujudan rangkaian dan jaringan perniagaan serta mewujudkan koperasi, kedai dan bazar usahawan HIJRAH Selangor di setiap DUN seluruh negeri Selangor. Pelbagai kursus juga dirancang untuk anak-anak peserta HIJRAH seperti

Kursus Pelajar Cemerlang, Kursus Pembelajaran Berkesan dan sebagainya. Semua ini akan dirangkumkan di dalam Program HIJRAH Selangor.

- b) Inisiatif Program Hijrah baru sahaja digerakkan pada pertengahan Februari 2015 dan dilancarkan secara rasminya pada pertengahan Mac 2014. Seramai 1,207 orang peserta telah mula menerima pinjaman tunai dengan jumlah keseluruhan RM5,281,000. Pencapaian ini amat menggalakkan kerana berdasarkan kajian 70% peniaga memerlukan modal tunai tambahan. Program Hijrah telah berjaya memberi kelegaan kepada peniaga kecil terutama rakyat Selangor bagi mengembangkan perniagaan mereka. Program Hijrah mensasarkan seramai 56,000 orang penerima di seluruh negeri Selangor dengan agihan setiap DUN seramai 1,000 orang. Berdasarkan kajian, ukuran kejayaan dan keberkesanan program hanya akan dapat diperolehi setelah empat kali pinjaman iaitu setelah peminjam menamatkan empat pusingan pinjaman. Jumlah pendapatan sebelum dan selepas pinjaman akan diambil kira di dalam mengukur tahap keberkesanan program. Sehingga kini masih belum ada sebarang kajian khusus terhadap keberkesanan program.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN KOLAM TADAHAN BANJIR JPS KG BUDIMAN.

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah spesifikasi kolam, adakah rumput yang tumbuh tinggi di dalamnya sebahagian spesifikasi?
- b) Berapa kali penyelenggaraan setahun?
- c) Adakah rekod kajian semasa dibuat, aras ketinggian pintu air dan tebing menyebabkan banjir di jalan Hamzah?

JAWAPAN:

- a) Spesifikasi kolam takungan perlu mempunyai kedalaman sebanyak 2 meter dan rekabentuk kolam perlu berkeupayaan untuk menakung air pada Q50. Rumput yang tumbuh tinggi tidak termasuk di dalam spesifikasi kolam.
- b) Kerja-kerja penyelenggaraan kolam tadahan banjir JPS di Kampung Budiman dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
- c) Untuk makluman, kejadian banjir di Jalan Hamzah adalah disebabkan oleh halangan-halangan seperti jambatan, crossing dan bangunan yang didirikan di dalam badan air dan menghalang aliran air. Masalah parit sebu dan cetek di Jalan Hamzah juga merupakan salah satu punca mengakibatkan air bertakung dan melimpah.

Namun bagi menyelesaikan masalah banjir di DunMeru, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor sedang melaksanakan projek menaiktaraf sistem saliran Sg Binjai di persiaran Hamzah Alang sepanjang 6.9 KM. Juruperunding telah dilantik bagi menyediakan Kajian Pelan Induk Bandar Klang seterusnya Kajian Rekabentuk Terperinci Menaiktaraf Sistem Saliran Sg Binjai di Persiaran Hamzah Alang, Meru Daerah Klang. Kajian ini telah mengambil kira rekod pasang surut air laut di Pintu Air Sg Kapar Besar dan juga rekod ketinggian banjir di sepanjang Sg. Binjai semasa penyediaan rekabentuk hidrologi dan hidraulik Sg. Binjai.

Maklumat Tambahan:

Kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah 'Kerja-kerja menaiktaraf Sistem Saliran Di Kawasan Persiaran Hamzah Alang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan' dengankos projek adalah RM 10,815,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PENGINDAHAN KG SG JAROM

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan yang diluluskan untuk semua kampung baru cina pada tahun 2014 hingga kini.
- b) Adakah kerajaan Negeri Akan menjalankan kerja-kerja pengindahan landskap dan pasang Pokok Hiasan LED di sepanjang Jalan Sungai Buaya Kg Sg JaromKuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Sepanjang tahun 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 66 buah projek dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3.7 juta bagi pelaksanaan projek-projek kecil di kampung baru / bagan / tersusun Negeri Selangor. Manakala bagi projek yang telah diluluskan bagi tahun 2015 sehingga bulan Mac 2015 adalah sebanyak 9 buah projek dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM655,600.00. Pecahan lengkap peruntukan tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut :

i) Tahun 2014

BIL.	DAERAH	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Petaling	4	445,512.00
2.	Klang	-	-
3.	Gombak	15	735,150.00
4.	Hulu Langat	11	569,139.00
5.	Sepang	3	83,900.00
6.	Kuala Selangor	7	631,394.00
7.	Kuala Langat	-	-
8.	Sabak Bernam	14	757,287.00
9.	Hulu Selangor	12	479,700.00
JUMLAH KESELURUHAN		66	3,702,082.00

ii) Tahun 2015

BIL.	DAERAH	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)
1.	Petaling	-	-
2.	Klang	-	-
3.	Gombak	1	190,000.00
4.	Hulu Langat	-	-
5.	Sepang	3	300,000.00
6.	Kuala Selangor	1	48,000.00
7.	Kuala Langat	1	38,000.00
8.	Sabak Bernam	3	79,600.00
9.	Hulu Selangor	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		9	655,600.00

- b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk memasang pokok hiasan LED di semua Kampung Baru termasuk di sepanjang Jalan Sungai Buaya, Kampung Baru Sungai Jarom, Kuala Langat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa memantau dari segi keperluan dan menyokong sebarang cadangan pengindahan landskap dan pemasangan pokok hiasan LED di mana-mana kampung baru bergantung kepada keutamaan dan peruntukan yang mencukupi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA MELALUI FREEDOM FILM
FESTIVAL (FFF2015)**

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam pendidikan hak asasi manusia rakyat Selangor yang dilaksanakan melalui platform FFF2015?
- b) Sudahkah kerajaan memanfaatkan filem-filem dokumentari yang telah dihasilkan oleh FFF2008–2014?
- c) Berapakah peruntukan yang diperlukan bagi membangunkan sukatan pendidikan hak asasi manusia melalui FFF2005?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor tiada perancangan khusus setakat ini dalam pendidikan hak asasi manusia rakyat Selangor. Pelaksanaan *FreedomFilm Festival* (FFF) bagaimanapun merupakan salah satu inisiatif pendidikan hak asasi manusia oleh Kerajaan Negeri dalam konteks “Membudayakan Masyarakat Prihatin” dengan kerjasama pihak NGO seperti Pusat Komunikasi Masyarakat (Pusat KOMAS) atau lebih dikenali sebagai KOMAS melalui penganjuran pertandingan filem-filem pendek berkaitan hak asasi manusia di dalam FFF.
- b) Kerajaan Negeri masih mengkaji dan menilai untuk diperhalusi supaya filem-filem dokumentari yang dihasilkan mempunyai nilai positif dan bersesuaian serta dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Kerajaan Negeri melihat filem-filem yang dihasilkan sepanjang kerjasama ini adalah satu hasil kerja yang perlu dimanfaatkan untuk kebaikan rakyat negeri dalam konteks yang disebutkan tadi iaitu “Membudayakan Masyarakat Prihatin” supaya kesedaran demokrasi yang sihat dapat dipertingkatkan di dalam masyarakat melalui tayangan-tayangan umum yang berskala kecil atau sederhana serta sesi diskusi yang melibatkan pimpinan serta wakil-wakil masyarakat di dalam sesebuah komuniti. Kesedaran demokrasi yang sihat perlu diwujudkan di kalangan rakyat Negeri Selangor yang mempunyai tiga komposisi kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India supaya rakyat negeri ini dapat hidup dengan penuh harmoni dan sejahtera serta menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

- c) Kerajaan Negeri masih belum mengetahui jumlah peruntukan yang diperlukan bagi membangunkan sukatan pendidikan hak asasi manusia kerana tiada perancangan khusus dalam pendidikan hak asasi manusia setakat ini. Peruntukan yang disalurkan sebelum ini hanyalah berupa sumbangan atau tanda sokongan kepada pihak berkenaan dalam melaksanakan aktiviti dan program yang berkaitan. Untuk makluman Tuan Speaker, Pihak kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan telah mula bekerja sama dengan pihak KOMAS yang juga merupakan penganjur *FreedomFilm Festival* (FFF) bermula tahun 2010 sehingga tahun 2012 dengan sumbangan seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)	Tujuan
2010	3,215.00	Membiayai pembekalan <i>banner</i> dan <i>bunting</i> bagi Program Pelancaran <i>FreedomFilm Festival</i> (FFF2010)
2011	9,317.00	Membiayai sewaan auditorium Wisma Bently (RM6,800.00) dan cetakan publisiti (RM2,517.00)
2012	20,000.00	Tajaan Program

Pada tahun 2013 dan tahun 2014 pula, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan tidak memberikan sebarang sumbangan kepada KOMAS, namun Kerajaan Negeri masih menyokong dalam penganjuran FFF ini.

Selain daripada penganjuran FFF, Kerajaan Negeri turut memberi peluang kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang lain untuk menerima manfaat bagi pembangunan pendidikan hak asasi manusia di Negeri ini. Pada penganjuran FFF2015 yang akan berlangsung pada tahun ini, Kerajaan Negeri masih meneliti keperluan dan peruntukan sumbangan bergantung kepada permohonan daripada pihak KOMAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENINGKATAN KES DENGGI

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri bagi mengekang peningkatan mendadak kes denggi di Selangor?
- b) Senaraikan statistik terkini kes denggi di Selangor mengikut PBT?
- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk mengisytiharkan darurat sekiranya tidak dapat mengekang peningkatan kes denggi di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, antara usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani wabak denggi bagi tahun 2015 adalah seperti berikut :
 - i. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Exco Kesihatan, YB Pn Dr. Daroyah bt Alwi yang bermesyuarat setiap 2 kali sebulan bagi membincangkan masalah dan langkah kawalan terbaik dalam kawalan denggi.
 - ii. Melancarkan Program Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Petaling. Program ini memberi fokus kepada pembersihan tempat pembiakan nyamuk aedes, pembersihan kawasan hotspot denggi, pembersihan pangsapuri kos rendah, pembersihan tapak binaan, pembersihan longkang, taman awam dan taman rekreasi.
 - iii. Pembentukan *TaskForce Denggi* diperingkat PBT yang melibatkan pelbagai Jabatan berkaitan di PBT mengerakkan aktiviti kawalan Denggi yang lebih berkesan. Antara jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:-
 - a. Jabatan Kesihatan dan Persekitaran
 - b. Jabatan Taman & Rekreasi
 - c. Jabatan Kejuruteraan
 - d. Jabatan COB
 - e. Jabatan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
 - f. Jabatan Bangunan
 - g. Jabatan Penguatkuasaan
 - h. Lain-lain jabatan

- iv. Menyediakan Pelan Tindakan Selangor ku Bebas Denggi 2015 iaitu Program 'Terjah&Musnah Aedes' yang menitikberatkan aktiviti pencegahan di kawasan-kawasan yang berisiko untuk diperiksa. Aktiviti ini merangkumi pemeriksaan di Kawasan perumahan, Tapak bina, Pangsapuri kos rendah, Taman awam & taman rekreasi, Kawasan kg baru Cina, Kawasan kg tradisi, Kuarters Kerajaan, Sekolah, Tadika, Masjid & surau, Rumah ibadat, IPT, Kawasan komersial dan Industri
- v. Meningkatkan penguatkuasaan perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah.
- vi. Memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya demam denggi dan cara pencegahan dengan mengadakan kempen dan taklimat di sekolah rendah dan menengah khususnya di kawasan wabak serta melalui khutbah jumaat dan ceramah di masjid dan surau
- vii. Menggiatkan aktiviti gotong –royong di peringkat masyarakat
- viii. Menjalankan taklimat denggi kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) atau Jawatankuasa Penduduk (JKP) semasa program gotong royong penduduk.
- ix. Membuat edaran risalah denggi dan memberi abate semasa program gotong-royong penduduk.
- x. Mewujudkan 'Program/ Projek Khas PBT' bagi mempromosi dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya denggi dan cara mengatasinya:-

PBT	Program/ Projek Khas PBT
MBPJ	Search&Destroy Aedes Ranger - SEDAR
MBSA	ADVOKASI dan 'TaskForce' Denggi MBSA
MPSJ	Kajian Nyamuk Toxo
MPK	a) Program kebersihan bersama ADUN dan Ahli Majlis. b) Program Gerak Gempur Aedes bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. c) Program Cikgu Ku Cantik di peringkat sekolah. d) Risalah pelbagai bahasa seperti Bahasa Vietnam, Myanmar, Nepal dan lain-lain
MPSP	a) Dengue Action Community-DAC. b) Dengue Action Kids-DAK c) Bas Sekolah Tanpa Aedes – BATAS
MDKS	<i>Dengue Buster Team</i>

- b) Statistik terkini kes denggi di Selangor di daftarkan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	ME 11/2015	KUMULATIF 2015	KUMULATIF KEMATIAN
PETALING	547	8627	20
HULU LANGAT	231	3324	9
KLANG	129	2622	10
GOMBAK	117	1820	6
SEPANG	49	564	2
KUALA LANGAT	27	413	1
HULU SELANGOR	19	421	0
KUALA SELANGOR	13	304	2
SABAK BERNAM	9	97	0
TOTAL	1141	18192	50

- c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengistiharaan dan pengurusan bencana berkaitan Wabak Penyakit Berjangkit/ Pandemik/ Kemalangan Biologi adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ia jelas di nyatakan di dalam Arahan No.20 – Majlis Keselamatan Negara mengenai Dasar & Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, Perkara 4: Kejadian Bencana – Bencana Wabak Penyakit Berjangkit/ Pandemik/ Kemalangan Biologi.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengisytiharkan darurat berkaitan peningkatan kes denggi di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : RAUDHAH CITY CYBERJAYA

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan keistimewaan projek RaudhahCity Cyberjaya.
- b) Apakah peranan kerajaan Selangor dalam pembangunan projek tersebut?
- c) Bagaimana projek ini dapat menarik pelabur atau komuniti bukan Muslim tempatan dan luar negara?

JAWAPAN:

- a) Raudhah City adalah merupakan katalis untuk pembangunan SSP2. Katalis ini amat diperlukan untuk menjana pembangunan di koridor Selatan Negeri Selangor.Selaras dengan namanya, cadangan projek Raudhah City yang melibatkan kawasan seluas 533 ekar di SPP2, Sepang adalah sebuah konsep bandar moden yang dibangunkan berteraskan konsep 'Safe, Smart and Sustainable'.

Pembangunan Raudhah City juga dijangka akan meningkatkan FDI di Selangor dengan penglibatan pelabur besar daripada Timur Tengah.

- b) SSP 2 dimiliki oleh PKNS iaitu agensi pelaksana Kerajaan Negeri. Sudah tentu Kerajaan Negeri berperanan untuk memberikan kelulusan dan insentif sewajarnya untuk menarik pelabur.
- c) Konsep pembangunan ini berteraskan 'Safe, Smart and Sustainable'. Ini adalah nilai-nilai universal yang akan menarik minat pelabur dalam dan luar negara untuk melabur di SPP2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PELABURAN

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif yang disediakan kerajaan Selangor untuk menarik pelaburan bagi tahun 2015?
- b) Apakah pelan tindakan bagi memastikan pelaburan terus kekal di negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah perolehan yang dikutip hasil dari industri pelaburan dari tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada menawarkan sebarang insentif atau ganjaran berbentuk kewangan kepada pelabur tempatan atau asing.

Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri menyediakan agensi khusus seperti Invest Selangor untuk membantu para pelabur dari mula proses mengenalpasti tapak, menyelaras permohonan-permohonan kelulusan pembangunan serta membantu para pelabur menyelesaikan masalah yang dihadapi samada melibatkan pihak Kerajaan Negeri mahupun pihak Kerajaan Persekutuan.

Dalam membantu menyelesaikan isu pelaburan yang berbangkit, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek secara bulanan yang dipengerusikan oleh YB Dato' EXCO bagi membincangkan permasalahan yang berbangkit dan membantu pihak pelabur untuk mempercepatkan proses penyelesaian dan proses pembangunan yang dicadangkan.

- b) Pelan tindakan bagi memastikan pelaburan terus kekal di Negeri Selangor seperti berikut;-

Bil.	Dasar	Strategi
1.	Mengekalkan sektor perindustrian dan perdagangan sebagai sektor penyumbang utama kepada KDNK Negeri.	Mengekalkan prestasi pelaburan dengan sasaran pelaburan sebanyak RM 8 bilion setahun.
2.	Meningkatkan program promosi	Penambahan peruntukan Jawankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil & Sederhana (IKS) Dan Pengangkutan sebanyak RM 10 juta bagi tahun 2015.
3.	Menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru.	<ul style="list-style-type: none"> i. Menggalakkan penglibatan pemaju swasta. ii. Cadangan pembukaan kawasan industri baru oleh pihak Kerajaan Negeri dan pemaju swasta dengan berkonsepkan gated&guarded.
4.	Menjadikan Selangor sebagai Pusat Perdagangan	Menggalakkan pertumbuhan aktiviti perdagangan menerusi program-program pameran dan kerjasama dengan dewan-dewan perniagaan tempatan.
5.	Membantu Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) meluaskan pasaran ke peringkat global	Menggalakkan penglibatan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dalam aktiviti <i>e-commerce</i> .
6.	Selangor sebagai Pusat Perdagangan (<i>TradeCentre</i>)	Mensasarkan perdagangan sebagai aktiviti utama dan menjadikan selangor sebagai Pusat Perdagangan (<i>TradeCentre</i>)
7.	Konsep Mesra Pelabur	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengadakan pertemuan dengan pihak pelabur, kedutaan asing serta dewan-dewan perniagaan dalam dan luar negara bagi mendapatkan maklum balas dan mewujudkan networking. ii. Membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.

	<ul style="list-style-type: none"> iii. Membantu mempercepatkan proses kelulusan projek dan pelaksanaan pembangunan. iv. Menyediakan maklumat sebagai bahan rujukan para pelabur. v. Menyediakan kawasan industri yang selesa dan kondusif vi. Mempertingkatkan keberkesanan IndustrialParkManagementCommittee dalam membantu menyelesaikan isu berbangkit.
--	---

- c) Nilai pelaburan di sektor perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor pada tahun 2008 sehingga 2014 adalah sebanyak RM 66.624 bilion. Dari jumlah ini, sebanyak RM 32.969 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 33.656 bilion daripada pelabur asing.

Manakala bagi tempoh 2001 hingga 2007, Negeri Selangor telah menerima sebanyak RM 45.787 bilion dengan RM 26.074 bilion disumbangkan oleh pelabur tempatan dan sebanyak RM 19.713 bilion daripada pelabur asing.

TAHUN	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN DI SELANGOR BAGI TAHUN 2001 - 2007				
	PROJEK	PELUANG PEKERJAAN	PELABURAN TEMPATAN (RM)	PELABURAN ASING (RM)	JUMLAH MODAL PELABURAN (RM)
2001	302	24,554	1,885,390,569	3,939,896,572	5,825,287,141
2002	239	15,220	2,082,338,671	1,760,600,555	3,842,939,226
2003	305	19,042	2,680,294,303	2,376,311,510	5,056,605,813
2004	335	24,140	4,696,822,675	1,353,447,686	6,050,270,361
2005	338	22,567	4,684,746,834	3,817,131,915	8,501,878,749
2006	312	24,831	3,054,241,068	2,274,343,250	5,328,584,318
2007	318	25,443	6,989,739,432	4,191,710,937	11,181,450,369
JUMLAH	2,149	155,797	26,073,573,552	19,713,442,425	45,787,015,977

Sumber : MIDA

TAHUN	PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN DI SELANGOR BAGI TAHUN 2008 - 2014				
	PROJEK	PELUANG PEKERJAAN	PELABURAN TEMPATAN (RM)	PELABURAN ASING (RM)	JUMLAH MODAL PELABURAN (RM)
2008	302	30,980	2,866,163,788	9,004,746,225	11,870,910,013
2009	278	22,753	2,752,526,768	4,007,064,183	6,759,590,951
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,237,146,599	8,741,999,611
2012	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	11,734,817,935
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	9,833,006,852
2014	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	7,042,259,985
JUMLAH	1,877	163,704	32,968,608,183	33,655,812,565	66,624,420,748

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : RUMAH IBADAT

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai garis paduan perancangan berkenaan pembinaan rumah ibadat Islam dan rumah ibadat selain Islam?
- b) Adakah garis paduan berkenaan dijadikan syarat-syarat dalam setiap Kebenaran Merancang yang diberikan oleh PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri menggunakan Garis Panduan Piawaian dan Perancangan Negeri Selangor yang telah diluluskan pemakaiannya di MMKN ke 39/2010 pada 27hb. November 2010 dan disahkan di MMKN ke 40/2010 pada 3hb. November 2010. Berikut adalah ketentuan yang disyaratkan di dalam sesebuah pembangunan :

i. Masjid

	Masjid Negeri	Masjid Daerah/Jajahan	Masjid Tempatan
Hierarki	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Wilayah Negara • Pusat Wilayah Negeri/ Ibu Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Separa Wilayah Negeri • Pusat Tempatan Utama 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Tempatan Utama • Pusat Pertumbuhan Desa • Kampung/Kawasan Perumahan
Tadahan Penduduk (orang)	Negeri	> 500,000 orang	> 20,000 orang
Keluasan Tapak	3 – 5 hek (7.4 – 12.4 ek)	1 – 3 hek (2.5 – 7.4 ek)	1.2 – 2.5 hek (2.9 – 6.2 ek)

ii. **Ruang solat**

	Surau/Madrasah/Musalla	Bilik/Ruang Solat
Hierarki	Kampung/Kawasan Perumahan/ Kejiranan Kecil	-
Keluasan Tapak	0.2 hek (0.5 ek)	Minimum 6.1m x 6.1m (20'x20') (ruang berasingan bagi lelaki (10'x10') dan perempuan (10'x10')
Tadahan Penduduk (orang)	500 unit rumah atau 2,500 penduduk	-

iii. **Tempat Ibadat Selain Islam**

	Tokong	Kuil	Gereja	Lain-lain
Keluasan Tapak	Tidak melebihi 0.5 hek (1.2 ekar) dan kawasan lot yang diliputi oleh bangunan adalah di antara 40% - 60%			
Tadahan Penduduk (orang)	5,000 penduduk / 1 tapak atau 2,600 penganut / 1 tapak			

- b) Garis paduan berkenaan dijadikan syarat dalam setiap Kebenaran Merancang yang diberikan oleh PBT di mana ia adalah syarat utama yang perlu dipatuhi untuk sesuatu pembangunan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PROJEKSAKIT

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah projek yang dikategorikan sebagai “projek sakit” di Gombak di bawah seliaan JKR dan apakah tindakan yang diambil untuk mengatasinya?

JAWAPAN:

- a) Terdapat 4 bilangan projek yang dikategorikan “projek sakit” di JKR Daerah Gombak. JKR sentiasa memantau kemajuan kontraktor dan akan mengeluarkan notis untuk penamatan kerja sekiranya tiada peningkatan kemajuan kerja oleh kontraktor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PROGRAM ANAK MUDA

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan perbelanjaan dan nama program untuk anak muda pada tahun 2014 mengikut daerah?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan program yang dilaksanakan memberikan impak positif kepada pembangunan anak muda?

JAWAPAN:

- a) Senarai perbelanjaan dan program untuk anak muda pada 2014 di Peringkat Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebagaimana berikut :-

Bi l	Program	Peruntukan
1.	Perkahwinan Perdana Peringkat PBT	RM 40,000.00
2.	Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri	RM157,800.00
3.	Sambutan Hari Sukan Peringkat Negeri	RM91,750.00
4.	Program Jelajah Walkathon	RM110,000.00
5.	Sidang DUN Anak Muda	RM22,880.00
6.	Program Pengucapan Awam Peringkat PBT	RM16,400.00
7.	Bengkel Kepimpinan Asas PeBT	RM99,862.00
8.	Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana berikut :- i) Kemasyarakatan - Program Hijrah To The Great Mukmin - Program Gotong- Royong Bersama Rakyat - Kempen Derma Darah Kemasyarakatan ii) Kepimpinan - Program Motivasi Remaja - Bengkel Pengurusan Organisasi dan Perancangan - Program Pembangunan Jatidiri dan Sahsiah	RM1,440,000.00

	<ul style="list-style-type: none"> iii) Pendidikan <ul style="list-style-type: none"> - Klinik Teknik Penulisan Bahasa Inggeris dan Bengkel Kerjaya - Ceramah Pendidikan dan Motivasi - Klinik Al-Quran dan Fardhu Ain iv) Sukan <ul style="list-style-type: none"> - Cabaran Bowling - Forum Rempit Ke Syurga - Badminton Terbuka - Pertandingan PS3 v) Kesenian <ul style="list-style-type: none"> - Program Malam Irama Kebudayaan Deepavali - Malam Kebajikan dan Kebudayaan Sempena Hari Malaysia - Program Pentas Zikir Bersama In-Team vi) Keusahawan <ul style="list-style-type: none"> - Bengkel Kraftangan Bunga Stokin dan Perniagaan Online - Expo Keusahawanan dan Kerjaya 	
--	---	--

- b) Bagi memastikan program yang dilaksanakan memberikan impak positif kepada pembangunan anak muda Kerajaan Negeri Selangor melalui Penggerak Belia Tempatan (PeBT) melaksanakan program-program mengikut zon dalam skala yang kecil. Terdapat 24 zon bagi 1 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Justeru, objektif yang hendak dicapai adalah terus kepada kumpulan yang disasarkan.

Melalui program yang dijalankan juga, banyak memberi impak positif kepada Generasi Muda sebagaimana berikut :-

- i) Generasi Muda yang lebih prihatin terhadap persekitaran dan masyarakat setempat;
- ii) Generasi Muda yang aktif, berdaya saing, berilmu dan berketerampilan;
- iii) Mengurangkan gejala sosial melalui aktiviti atau program yang telah dilaksanakan dengan melibatkan mereka sebagai pelaksana dan peserta sesebuah program; DAN
- iv) Generasi Muda sebagai penyalur maklumat Kerajaan Negeri kepada seluruh masyarakat setempat contohnya Program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila huraikan perkembangan terkini pembinaan RMM Selangorku ?
- b) Sila nyatakan apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi ?
- c) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan dan kerjasama sektor swasta terhadap usaha tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk membina sekurang-kurangnya sebanyak 35,000 unit Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku sehingga tahun 2018. Dari tempoh Januari 2010 sehingga 1 Mac 2015 sebanyak 71 projek Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku dengan 24,265 unit telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Status pelaksanaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Projek	Siap Dibina	Dalam Pembinaan	Belum Dibina	Jumlah Unit
2010	3	3	-	-	1,682
2011	2	-	1	1	104
2012	10	-	5	5	3,449
2013	17	1	2	14	3,913
2014	26	-	1	25	9,935
2015	13	-	-	13	5,182
Jumlah	71	4	9	58	24,265

Jumlah ini tidak termasuk 9 Projek dengan 11,833 unit Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri di bawah Insentif Galakan Rumah Selangorku 2015 sebagaimana skim insentif yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapan Belanjawan 2015 yang lepas yang mana mensasarkan sebanyak 15,000 unit mula dibina bermula tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh dua (2) hingga tiga (3) tahun. Kriteria utama projek di bawah skim ini adalah Projek Rumah Selangorku yang perlu dibina melebihi 500 unit dalam satu-satu skim pembangunan dan pembinaannya dimulakan pada tahun 2015 juga. Pecahan projek tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Pemaju	Projek	Unit
1.	SimeDarbyProperty (Klang) Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di atas PT 6909 (HSD 138520), PT 72198 (HSD 15134), Lot 45390 (geran 154246) dan Lot 46961 (geran 164622) Mukim Kapar Daerah Klang	2,403
2.	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di atas Lot PT 36246 (HSD 3613) Mukim Tanjung Dua Belas Daerah Kuala Langat	2,330
3.	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di atas hakmilik Geran 15543 Lot 117120 dan Geran 155544 Lot 17125 Mukim Klang Daerah Klang.	695
4.	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di atas hakmilik Geran 53052 Lot 67694 Mukim Klang Daerah Klang.	1,041
5.	Sin HeapLeeDevelopment Sdn. Bhd.	Cadangan Rumah Selangorku di Taman Alam Budiman, Seksyen U10 Shah Alam Daerah Petaling	536
6.	LakefrontResidence Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di Projek OneResidence@ Lakefront Cyberjaya Mukim dengkil Daerah Sepang.	1,932
7.	EcoMajestic Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di atas Lot 35, Lot 1252 dan Lot 42195 Mukim Beranang Daerah Hulu Langat	870
8.	JadeHomes Sdn. Bhd.	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di Pekan Kajang Daerah Hulu Langat	714
9.	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS LandGroup)	Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku di atas Lot 32884, 32885 dan 62611 (32886), Bandar Saujana Putra,	1,312

	Mukim Tanjung Dua Belas Daerah Kuala Langat	
JUMLAH		11,833

Selain projek-projek yang dibangunkan oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta, Kerajaan Negeri juga terlibat secara langsung dengan pembinaan Rumah Selangorku melalui Projek Rumah SelangorkuUkay Indah, Sungai Sering Mukim Hulu Kelang Daerah Gombak sebanyak sebanyak 2,496 unit yang dibangunkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang dijangka pembinaannya akan bermula pada pertengahan April 2015 (lewat daripada jadual asal yang sepatutnya Disember 2014 disebabkan faktor-faktor teknikal).

Kerajaan Negeri percaya sasaran pembinaan 35,000 unit sehingga tahun 2018 adalah sesuatu yang realistik. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) manakala baki 30,000 unit lagi akan dibangunkan oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.

b) Kekangan dan cabaran yang dihadapi dalam pembangunan umah Selangorku adalah seperti berikut:

i) Walaupun sehingga kini Kerajaan Negeri telah meluluskan sebanyak 71 Projek Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku tidak termasuk Projek di bawah Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku 2015, namun daripada jumlah tersebut hanya 13 Projek sahaja yang telah berjalan iaitu sama ada telah siap dibina ataupun dalam pembinaan. Manakala baki 58 Projek lagi masih belum dibangunkan oleh pemaju swasta.

Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah dengan menubuhkan tiga (3) jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku yang dipengerusikan oleh saya sendiri, Jawatankuasa Teknikal Rumah Selangorku dan Jawatankuasa Pemantauan Rumah Selangorku yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi memudahcara, mempercepatkan proses kelulusan dan memantau pelaksanaan projek bagi memastikan sasaran Kerajaan Negeri untuk membina 35,000 unit Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku sehingga 2018 tercapai dan pemaju mematuhi kelulusan yang telah diberikan.

c) Sambutan pemaju swasta terhadap Projek Rumah Selangorku khususnya di bawah Skim Galakan Insentif Rumah Selangorku 2015 yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bermula awal tahun ini amat

memberangsangkan. Sehingga kini sahaja sebanyak sembilan (9) buah syarikat pemaju telah menyertai Skim Galakan ini dengan bilangan unit rumah sebanyak 11,633 unit. Secara keseluruhannya dijangkakan sebanyak 15 buah syarikat pemaju secara keseluruhannya akan menyertai skim galakan ini sehingga akhir tahun 2015.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PENGIKTIRAFAN SIJIL PEPERIKSAAN BERSEPADU (UEC)

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan kerajaan negeri dalam melaksanakan pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC)?
- b) Adakah UNISEL dan IPT bawah kerajaan negeri akan menerima graduasi UEC?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri masih mengkaji dalam pelaksanaan tersebut.
- b) UNISEL akan mengkaji cara untuk menerima pemegang sijil UEC.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah halangan yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Selayang untuk mengambil tindakan terhadap peniaga durian dan peniaga kereta persendirian terpakai di Greenwood yang mengganggu tapak parking?
- b) Adakah pihak tertentu yang menaungi perniagaan di situ?

JAWAPAN:

- a)
 - i) Tiada halangan kerana tapak peniaga durian telah dipermitkan.
 - ii) Pernah di war-warkan tempat tersebut menjadi pusat tumpuan buah-buahan tempatan.
 - iii) Tiada gangguan terhadap tempat parking berdekatan dengan khemah buah-buahan. Parking-parking tersebut menjadi tapak perniagaan seperti pasar malam dan pasar pagi. Sekiranya ada aduan orang yang pertama akan mengadu adalah Ahli Majlis kawasan yang ketika ini sentiasa memberi kerjasama yang amat baik bagi pengurusan kawasan tersebut.
- b) Tiada sesiapa yang menaungi perniagaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS TERKINI TENTANG MASALAH PEMINDAHAN PENGHUNI-
PENGHUNI DI JALAN PAPAN DAN JALAN BUKIT KERAYONG**

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong, Pandamaran?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri sekiranya pihak Pemaju menolak senarai 181 penama penghuni Jalan Papan yang wajar menerima tawaran seperti diputuskan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan status tentang masalah pemindahan penghuni-penghuni di Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong, Pandamaran:-
 - i. Perkara ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap (Standco) Kehidupan Bandar Negeri Selangor Bil. 3/2014 bertarikh 27hb Oktober 2014. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Standco Kehidupan Bandar, adalah seperti berikut:
 - Seramai 181 penama setinggan Jalan Papan yang wajar ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM 99,000.00.
 - Seramai 7 penama setinggan Jalan Bukit Kerayong dipertimbangkan untuk ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM 99,000.00.
 - Sejumlah 35 keluarga yang masih mempunyai struktur di tapak (Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong) di tawarkan rumah kos sederhana dengan harga pasaran.
 - Senarai nama ini akan diperakukan dalam Mesyuarat Exco-MTES.
 - ii. MPK telah menerima suratdaripada Lembaga Perumahan Harta Selangor pada 20.01.2015 beserta senarai 181 penama peneroka bandar di Jalan Papan yang telah dibanci dan diperakui oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap (Standco) Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor.

- iii. Senarainama tersebut telah dikemukakan kepada pemaju iaitu Tetuan Melati Ehsan Consolidated Sdn. Bhd. pada 30 Januari 2015 untuk pengesahan perakuan 181 penama peneroka bandar dan prosetawaran pembelian rumah mengikut harga seperti yang ditetapkan oleh MMKN BIL. 25/2011 bertarikh 20 Julai 2011.
 - iv. Pada masa yang sama, pihak Majlis sedang menyediakan kertas ringkasan bagi memperakukan 181 penama peneroka bandar yang layak ditawarkan untuk dibenteng kepada Mesyuarat Exco-MTES.
 - v. Walau bagaimanapun, pihak Majlis telah menerima maklumbalas daripada pihak pemaju Tetuan Melati Ehsan Consolidated Sdn. Bhd. pada 18 Mac 2015, memaklumkan tidak bersetuju dengan senarai bancian semula setinggaan Jalan Papan kerana jumlah keluarga induk yang berbeza dengan bancian asal tahun 2003.
- b) Sekiranya pemaju menolak senarai 181 penama, maka perkaraini akan dirujuk semula kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap (Standco) Perumahan, Pengurusan Bangunandan Kehidupan Bandar bagi mengambil tindakan dan membuat keputusan seterusnya.
- Disertakan maklumat tambahan mengenai kronologi perkara tersebut.

LAPORAN RINGKAS DAN KRONOLOGI DATA BANCIAN PENDUDUK SETINGGAN SEDIA ADA DI JALAN PAPAN, PANDAMARAN, PELABUHAN KLANG, SELANGOR

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Bancian setingan di kawasan Jalan Papan telah dilakukan pada tahun 2000 semasa Program Setingan Sifar Negeri Selangor Tahun 2000. Jumlah setingan yang direkodkan di kawasan Pandamaran adalah sebanyak 787 unit melibatkan 1,240 keluarga. Dianggarkan sebanyak 230 unit rumah masih di tapak khususnya di petempatan Jalan Papan. Kaedah penyelesaian setingan di petempatan ini pada masa yang lepas adalah melalui dasar seperti berikut:
 - i. Penduduk ditawarkan untuk membeli rumah pangsa kos rendah yang dimajukan oleh TPPT Sdn Bhd dengan harga RM35,000.00 (RM7,000.00 ditanggung oleh pemaju).
 - ii. Memberi subsidi sebanyak RM7,000.00 kepada yang enggan menerima tawaran membeli rumah kos rendah.
 - iii. Membuat perobohan keatas penduduk yang enggan menerima apa-apa tawaran setelah notis disampaikan.
- 1.2 Pada tahun 1995, Kerajaan Negeri telah memberimilikan tanah bagi keseluruhan kawasan tanah kerajaan di Pandamaran termasuk kawasan petempatan di Jalan Papan seluas 228,300 m/p (Lot no. 83965 Seksyen 3) kepada Syarikat TPPT Sdn. Bhd (anak syarikat Bank Negara) bagi tujuan pembangunan semula kawasan untuk pembinaan Rumah Kos Rendah dan Sederhana Rendah. Pelan cadangan pemajuan kawasan ini telah di bincangkan di peringkat MPK dan Negeri. Kelulusan dasar telah diberi pada tahun 1996.
- 1.3 **Bantahan Penduduk** : Apabila Majlis mula membuat tawaran rumah kos rendah kepada penduduk Jalan Papan pada awal tahun 2003, Jawatankuasa Penduduk Jalan Papan telah mengemukakan permintaan dan syarat untuk pertimbangan kerajaan negeri.
- 1.4 Dasar Kerajaan Negeri ketika itu telah menetapkan penduduk yang dibanci, sama ada penyewa atau pemilik rumah adalah mereka yang layak mendapat rumah kos rendah dengan harga subsidi. Permintaan penduduk telah dibawa ke peringkat Negeri dan telah memutuskan untuk mempertimbangkan permintaan tersebut melalui keputusan MMKN pada 19 Oktober 2005.

2.0 PERBINCANGAN DENGAN KERAJAAN NEGERI

- 2.1 Pada April 2008 pihak Kerajaan Negeri melalui ADUN Kawasan meminta pihak MPK menarik balik notis roboh yang telah dikeluarkan kepada penduduk dan penduduk menarik balik saman kepada MPK melalui penyelesaian di luar Mahkamah. Atas nasihat perundangan, Majlis tidak dapat menarik balik kes kerana saman dibuat oleh pihak setinggan dan pihak setinggan seharusnya memohon untuk menarik balik kes di Mahkamah.
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Setinggan MPK Bil. 1/2008 pada 2.6.2008 yang dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar memutuskan cadangan penarikan kes di Mahkamah perlu mendapatkan pandangan Penasihat Undang-Undang Negeri. Peguam yang mewakili setinggan iaitu Tetuan Chan Wong Keong and Associates memberitahu bahawa pihak MPK telah menggunakan Ordinan (Kuasa-kuasa) Dharurat 1969 dimana kes ini melibatkan hak-hak kemanusiaan.
- 2.3 Pada 28.11.2008 satu perjumpaan telah diadakan antara Y.B Tuan Ronnie Liu dengan penduduk dan pemaju di Dewan Pandamaran telah meminta penduduk menerima tawaran untuk membeli rumah teres bawah harga RM100,000.00 bagi membolehkan kawasan Jalan Papan dibangunkan dan meningkatkan kemudahan prasarana.
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Setinggan MPK Bil. 2/2008 telah diadakan pada 8.8.2008 yang dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar memutuskan kes saman oleh setinggan Jalan Papan perlu diteruskan jika tiada pihak menarik balik saman.
- 2.5 Pada 6.11.2009 satu mesyuarat telah diadakan bersama Y.B Tuan Charles Santiago (Ahli Parlimen Klang) dengan penduduk yang dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar Bin Abdul Samad di Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS). Y.B Tuan Iskandar memaklumkan bahawa tanah Jalan Papan telah diberimilik kepada TPPT Bhd dan premium tanah telah dibayar oleh pemaju kepada Kerajaan negeri. Adalah amat sukar untuk kerajaan negeri membayar semula kepada pemaju sekiranya penduduk meminta tanah diberi semula kepada penduduk. Juga dibangkitkan kesan kepada penduduk setinggan yang telah berpindah dan mengambil pampasan sekiranya kerajaan negeri memberi balik tanah kepada penduduk.
- 2.6 Pada 3.12.09 satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar diadakan di LPHS dan memutuskan supaya pemaju memberi tawaran yang lebih baik kepada penduduk termasuk menyediakan rumah secara percuma atau menyediakan lot rumah sesebuah untuk

dijual. Walau bagaimanapun cadangan ini tidak mendapat maklumbalas dari pemaju.

2.7 Pada 20.6.2011, satu sesi perbincangan yang dipengerusikan Y.B Tuan Iskandar dan dihadiri Y.B Tuan Charles Santiago (Ahli Parlimen Klang), MPK, pemaju, Persatuan Penduduk dan Persatuan Peneroka Jalan Papan telah mencapai satu keputusan seperti berikut:

- i. Pemaju bersetuju membina rumah teres (2 tingkat) berukuran 20'x70' dengan ruang binaan/ binaan berukuran 20'x35' dengan harga RM99,000.00.
- ii. Penduduk mencadangkan 2 opsi seperti berikut:
 - Jika ruang binaan rumah berukuran 20'x 35' maka penduduk meminta harga rumah dikurangkan kepada RM50,000.00, atau
 - Saiz ruang binaan / lantai dipinda dari 20'x 35' kepada 20'x 45' dan harga tawaran pemaju dikekalkan.

2.8 Berikutan pembatalan saman oleh penduduk setinggan keatas MPK dan sesi perbincangan pada 20.6.2011 hasil usaha Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan, Negeri Selangor telah menampakkan isu setinggan Jalan Papan menghampiri penghujungnya dan memperlihatkan satu perkembangan yang positif setelah hampir 10 tahun berlaluan tanpa sebarang penyelesaian.

3.0 KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR (MMKN).

3.1 Satu kertas kerja telah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. 25/2011 pada 20.7.2011 dan telah membuat ketetapan seperti berikut :

- a) Pemaju Tetuan Melati Ehsan Sdn. Bhd. telah bersetuju membina rumah teres dengan keluasan tanah 1,400 kaki persegi (20' x 70') dengan *build-up area* 20' x 35' (dua tingkat, 3 bilik tidur dan 2 bilik air) pada harga RM 99,000.00;
- b) Setinggan ditawarkan membeli rumah pada harga RM 99,000.00. Walau bagaimanapun, sekiranya setinggan enggan membeli pada harga tersebut pemaju bersetuju *underwrite* untuk membeli pada harga RM 170,000.00. Perbezaan antara harga jualan semasa iaitu RM 170,000.00 dan harga RM 99,000.00 berjumlah RM 71, 000.00 akan dibayar kepada setinggan apabila CCC atau CF diperolehi;

- c) Keluarga tambahan yang layak akan ditawarkan rumah pada harga jualan RM 141,000 (RM 99,000 + RM 42,000) sekiranya ada lebihan unit ;
- d) Bilangan unit rumah teres yang akan dibina oleh pemaju adalah sebanyak 116 unit ; dan
- e) Majlis Perbandaran Klang (MPK) diminta mempamerkan senarai nama bancian asal dalam tempoh 3 minggu untuk membolehkan bantahan dibuat sekiranya ada.

4.0 TINDAKAN SEMASA MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK).

- 4.1 Program penandaan dan semakan data senarai setinggalan Jalan Papan telah diadakan pada 14 Jun 2014 dan data bancian berdasarkan kepada kategori seperti berikut:
 - a. **Kategori A** (keluarga Induk yang tersenarai dalam data bancian 2002 dan 2012)
 - b. **Kategori B** (keluarga induk yang perlu dibuat semakan semula data bancian)
 - c. **Kategori C.** Senarai baru (keluarga tambahan mohon disenaraikan sebagai keluarga induk dan penama baru mohon dibanci)
 - d. **Kategori D** (Rayuan bertulis yang diterima di jabatan)
- 4.2 Analisa penandaan dan semakan data senarai setinggalan Jalan Papan telah diadakan pada 14 Jun 2014 dan data bancian adalah seperti berikut:-

PERKARA	JUMLAH
<p><u>Kategori A</u></p> <p>Keluarga induk yang tersenarai dalam data bancian 2000 & 2012 tidak mengambil pampasan / subsidi</p>	<p>Jumlah keseluruhan data = 63 penama.</p>

<p><u>Kategori B</u></p> <p>Keluarga induk yang tersenarai 2012 - Semakan semula data Nota :</p> <p>Jumlah keseluruhan data = 140 - 30</p>	<p>Jumlah keseluruhan data = 140 penama 30 penama tidak layak diberi pertimbangan.</p> <p>27 subsidi tawaran RKR.</p> <p>2 penama bangunan selain rumah.</p> <p>1 penama menuntut 2 rumah.</p>
<p><u>Kategori C</u></p> <p>Keluarga tambahan yang tersenarai 2012/tanah kosong (rumah terbakar) mohon disenaraikan</p>	<p>Jumlah keseluruhan data = 9 penama 5 berada dalam banciaan asal.</p> <p>4 tidak dalam banciaan (1 tanah kosong, 3 struktur).</p>
<p><u>Kategori D</u></p> <p>Rayuan bertulis yang diterima di jabatan</p>	<p>Jumlah keseluruhan data = 14 penama 3 penama telah memberi subsidi.</p> <p>11 tidak dalam senarai banciaan.</p>

4.0 MESYUARAT STANDCO KEHIDUPAN BANDAR NEGERI SELANGOR BIL. 3/2014 BERSETUJU PERKARA SEPERTI BERIKUT:

- a. Senarai – senarai nama tersebut dikemukakan kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan dibentangkan di Mesyuarat Exco MTES untuk makluman dan pengesahan.
- b. Seramai 181 penama setinggan Jalan Papan yang wajar ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM 99,000.00.
- c. Seramai 7 penama setinggan Jalan Bukit Kerayong dipertimbangkan untuk ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM 99,000.00.

- d. Sejumlah 35 keluarga yang masih mempunyai struktur di tapak (Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong) di tawarkan rumah kos sederhana dengan harga pasaran.
- e. Senarai nama tersebut tidak akan dipamerkan semula untuk pandangan awam.
- f. Pemaju dikehendaki untuk mengemukakan cadangan kepada Majlis berhubung kaedah penyelesaian yang bersesuaian bagi menempatkan penduduk tersebut mengikut jumlah yang telah ditetapkan dengan menambah bilangan unit rumah daripada 123 unit kepada 223 unit merujuk kepada keperluan penempatan tersebut.

5.0 CADANGAN PENYELESAIAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

- 5.1 Selaras dengan keputusan Mesyuarat Standco Kehidupan Bandar, Majlis mengesyorkan perkara seperti berikut::
 - a. Senarai – senarai nama tersebut dikemukakan kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan dibentangkan di Mesyuarat Exco MTES untuk makluman dan pengesahan.
 - b. Seramai 181 penama setinggan Jalan Papan yang wajar ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM 99,000.00.
 - c. Seramai 7 penama setinggan Jalan Bukit Kerayong dipertimbangkan untuk ditawarkan penempatan rumah kos sederhana dengan harga tawaran RM 99,000.00.
 - d. Sejumlah 35 keluarga yang masih mempunyai struktur di tapak (Jalan Papan dan Jalan Bukit Kerayong) di tawarkan rumah kos sederhana dengan harga pasaran.
 - e. Senarai nama tersebut tidak akan dipamerkan semula untuk pandangan awam.
 - f. Pemaju dikehendaki untuk mengemukakan cadangan kepada Majlis berhubung kaedah penyelesaian yang bersesuaian bagi menempatkan penduduk tersebut mengikut jumlah yang telah ditetapkan dengan menambah bilangan unit rumah daripada 123 unit kepada 223 unit merujuk kepada keperluan penempatan tersebut.
 - g. Pemaju perlu membina rumah kos sederhana dalam tempoh 2 tahun di tapak yang telah dikhaskan di Jalan Papan mengikut pelan lulus MPK bil.MPK/KS/87A/2007.

Peneroka Bandar (setinggal) perlu diberi keutamaan untuk ditawarkan dengan pengesahan daripada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor melalui Mesyuarat Standco Setinggal, Negeri Selangor.

- h. Segala urusan pemindahan adalah di bawah tanggungjawab pemaju sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PENCAPAIAN PROSES PENYELESAIAN KILANG HARAM

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai maklumat yang tepat tentang taburan kilang haram di seluruh negeri?
- b) Bagaimana sumber maklumat diperolehi?
- c) Berapa jumlah dan berapa peratus kes yang telah diselesaikan?

JAWAPAN:

- a) Ada.
- b) Maklumat berkaitan kilang haram diperolehi melalui bancian yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD).
- c) Jumlah kilang yang telah membuat permohonan tukar syarat adalah sebanyak **1,275** daripada **3,327** buah kilang di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **30%**, iaitu **1,000** permohonan telah diselesaikan dan butirannya mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

DAERAH	BIL. KILANG	BIL. PERMOHONAN	BIL. PERMOHONAN YANG LULUS
Petaling	1,507	828	686
Klang	828	152	55
Gombak	137	27	19
Sepang	55	2	1
Sabak Bernam	6	2	0
Hulu Langat	383	160	158
Hulu Selangor	53	10	5
Kuala Langat	209	88	71
Kuala Selangor	149	6	5
JUMLAH	3,327	1,275	1,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBERIAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN
NEGERI**

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pecahan perbelanjaan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada PBT pada tahun 2014 yang berjumlah RM46.9 juta?
- b) Nyatakan skop perbelanjaan oleh PBT menggunakan dana pemberian ini?
- c) Adakah pemberian tahunan ini telah digunakan sepenuhnya?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri tidak dapat memberi maklumbalas mengenai pertanyaan pecahan perbelanjaan pemberian Kerajaan Persekutuan kepada PBT pada tahun 2014 yang berjumlah RM46.9 juta kerana tiada perincian maklumat yang jelas dan tiada peruntukan sedemikian yang diterima oleh Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PENGIKTIRAFAN UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC) OLEH
UNISEL**

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan bahawa Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan bahawa Kerajaan Sarawak akan mengiktiraf UnifiedExaminationCertificate (UEC) walaupun ianya bidang kuasa kerajaan persekutuan, adakah Kerajaan Selangor akan mengikuti langkah Sarawak?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengkaji cara pelaksanaan dan baik buruk pelaksanaan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENYURAIAN TRAFIK DI KAWASAN BUKIT RAHMAN PUTRA DAN
JALAN 1A/1 BANDAR BARU SUNGAI BULOH**

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah terdapat perancangan daripada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam untuk menilai semula aliran trafik yang semakin sesak di kawasan Bandar Baru Sungai Buloh?

- B) Adakah sebarang pemantauan daripada pihak MBSA berkenaan aliran trafik dan jangka masa lampu isyarat di Jalan BRP 1/1?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis mempunyai perancangan bagi membina Jalan Alternatif daripada Persiaran Bukit Rahman Putra ke Fasa 2, Bandar Baru Sungai Buloh Seksyen U20. Perancangan ini adalah berdasarkan permintaan penduduk Fasa 2 melalui MPP Zon 23 memandangkan jalan utama, Bandar Baru Sungai Buloh adalah satu-satunya jalan yang menghubungkan penduduk daripada Persiaran Bukit Rahman Putra ke Fasa 2, Bandar Baru Sungai Buloh.

Untuk makluman, keadaan fizikal jalan besar, Bandar Baru Sungai Buloh yang lebarnya 7.3M x 3KM akan menjadi semakin sesak terutamanya ketika waktu puncak di mana kawasan tersebut menjadi tumpuan penduduk di kawasan sekitar memandangkan di situ terletak Pusat Komersial, bank, pasaraya dan gerai makan terutamanya di simpang empat antara Jalan 1A/3 dan Jalan Besar, Bandar Baru Sungai Buloh.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah mengenalpasti untuk menyediakan satu laluan alternatif yang dapat mengurangkan kesesakan kenderaan yang melalui Jalan Besar ini ke Fasa 2, Bandar Baru Sungai Buloh. Penduduk dari perumahan Fasa 2 tidak perlu melalui Bandar Baru Sungai Buloh dan dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas di sepanjang jalan utama tersebut.

Projek pembinaan jalan tersebut adalah sepanjang 1.5km dan anggaran kos bagi projek tersebut adalah sebanyak RM7,000,000.00 dan Pihak Majlis telah menyenaraikan 3 Perunding secara tawaran terhad untuk mengemukakan tawaran harga dan masih di dalam proses pemilihan .

- b) Memandangkan jalan ini merupakan jalan utama, Pihak Majlis telah membuat pemantauan berkala bagi mengikut pertambahan bilangan kenderaan yang melalui jalan tersebut dari masa ke semasa. Antara langkah yang diambil bagi mengawal aliran trafik dan kesesakan di kawasan tersebut ialah alat pengesan sensor pergerakan automatik

yang telah dipasang di setiap simpang untuk menangani masalah kesesakan terutamanya pada waktu puncak.

Selain itu, lampu isyarat ini juga telah dilengkapi dengan **sistem penghantaran 'sms' automatik** kepada penyelia yang ditugaskan sekiranya berlaku kesesakan jalan.

Untuk makluman sistem lampu isyarat ini juga telah dimasukkan di dalam permohonan peruntukan bagi tahun 2015 untuk penambakan fungsinya termasuk penyediaan screen LED berdigit bagi memberikan kemudahan kepada pengguna jalan raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : HOSPITAL KERAJAAN DI PETALING JAYA

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan satu tapak untuk pembinaan hospital kerajaan di kawasan Petaling Jaya dan/atau Subang Jaya?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mendesak Kementerian Kesihatan untuk satu membina hospital kerajaan di Petaling Jaya?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2, telah dicadangkan tapak hospital kerajaan berkeluasan 15 ekar di Blok Perancangan Kecil 2.5, Mukim Bandar Sunway Daerah Petaling Jaya. Lokasinya terletak di dalam tapak Kontena Nasional bersebelahan Lebuhraya Persekutuan dan Lebuhraya Damansara – Puchong di mana adalah sangat bersesuaian dan strategik kerana mudah dihubungi oleh semua kawasan di dalam BPK ini. Tapak ini juga terletak berhampiran dengan perumahan berdensiti tinggi dan perumahan kos rendah yang dapat menggunakan kemudahan ini.

Bagi tujuan ini, pihak UPEN juga telah mengemukakan surat (Bil. (49)dlm.IPK.Sel.04-051/245) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memaklumkan tentang cadangan tapak hospital ini. Melalui maklum balas yang diberikan, KKM sememangnya memerlukan tanah di daerah Petaling bagi tujuan pembinaan sebuah hospital awam bagi menampung populasi daerah Petaling yang dianggarkan sebanyak 1.9 juta pada tahun 2014 dan akan terus meningkat tahun berikutnya.

Tambahan lagi, pembinaan hospital di Petaling Jaya perlu dibangunkan segera untuk menambahkan bilangan katil agar mencapai nisbah 2.5 katil bagi setiap 1000 penduduk menjelang 2030. Di samping itu, ia akan mengurangkan beban kehadiran pesakit ke PPUM manakala Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Shah Alam terletak 13km dan 22km masing-masing dari daerah Petaling.

- b) Langkah proaktif Kerajaan Negeri melalui UPEN telah pun diambil berdasarkan surat yang telah dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melaksanakan cadangan tapak hospital di Petaling Jaya ini. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengalu-alukan usaha ini dan bersetuju dengan cadangan ini seterusnya meminta supaya tapak ini dikekalkan sebagai tapak hospital bagi menampung keperluan populasi daerah Petaling.

Lanjutan daripada itu, urusan pengambilan balik tanah perlu dibuat sama ada oleh Kerajaan Negeri ataupun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ke atas tapak cadangan ini dan keperluan bajet perlu diperhalusi untuk menampung dua (2) jenis kos utama iaitu kos pengambilan balik tanah dan kos pembinaan di samping lain-lain kos yang berkaitan.

Bagi mempercepatkan cadangan pembinaan Hospital Petaling Jaya ini, penyelarasan bersama jabatan dan agensi yang terlibat akan dibuat supaya kemajuannya dapat dipantau.

Kerajaan Negeri akan terus menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan keperluan kemudahan kesihatan di Negeri Selangor dapat ditambahbaik dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : TANAH

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah permohonan dan keluasan tanah kosong yang telah diluluskan kerajaan mengikut daerah sejak 2010 hingga 2014?
- b) Apakah dasar kerajaan terhadap pencerobohan hutan simpan bagi kegunaan pertanian?
- c) Adakah kerajaan bersedia meluluskan permohonan tanah kosong kepada belia untuk tujuan aktiviti pertanian?

JAWAPAN:

- a) Jumlah permohonan dan keluasan tanah kosong yang telah diluluskan Kerajaan mengikut daerah sejak 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Lampiran A.**
- b) Dasar Kerajaan Negeri Selangor sekarang adalah tidak membenarkan mana-mana kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) diceroboh bagi kegunaan pertanian. Ini adalah kerana usaha kerajaan bagi memastikan keluasan hutan adalah pada kadar minimum 30% berbanding dengan keluasan Negeri Selangor.

Bagi kawasan yang telah lama diterokai, bancian terperinci akan dibuat untuk pengeluaran permit penggunaan mengikut Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di bawah subseksyen 33 (2) yang membenarkan Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan permit bagi menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti di dalam Hutan Simpanan Kekal.

Namun demikian, bagi kawasan yang baru diterokai atau dicerobohi untuk tujuan pertanian, Jabatan Perhutanan akan segera melaksanakan operasi bersepadu dengan memusnahkan apa juga tanaman yang ditanam dan digantikan dengan spesies-spesies pokok hutan.

- c) Kerajaan Negeri tiada halangan ke atas permohonan daripada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, pemohon hendaklah mematuhi syarat pembermilikan tanah di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

LAMPIRAN A**KELUASAN TANAH DAN JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN PEMBERIMILIKAN
DI BAWAH SEKSYEN 76 KTN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2014**

Bil	Daerah	Bilangan Permohonan	Bilangan Permohonan Yang Telah Diluluskan	Keluasan (ekar)
1.	Hulu Selangor	305	305	600.28
2.	Hulu Langat	1,891	863	25,116.11
3.	Kuala Selangor	203	156	1,619.33
4.	Klang	65	68	98,118.19
5.	Sepang	604	604	1,681.43
6.	Gombak	800	800	65,520.50
7.	Petaling	370	370	543.15
8.	Kuala Langat	1,925	136	562.57
9.	Sabak Bernam	1,292	1,292	5,105.79
JUMLAH		7,455	4,594	198,867.35

Sumber : PDT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
SELANGOR (PKNS)**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi kewangan PKNS yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada tahun 2014?
- b) Adakah prestasi kewangan ini terbaik sepanjang penubuhannya?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan, Penyata Kewangan Beraudit Badan Berkanun dijadualkan siap pada bulan Ogos setiap tahun. Sehubungan dengan itu, PKNS tidak dapat mengemukakan prestasi kewangan bagi tahun 2014 kerana perlu melalui proses pengauditan terlebih dahulu.
- b) Walau bagaimanapun, secara amnya prestasi kewangan PKNS berdasarkan kepada akaun yang belum beraudit pada tahun 2014 menunjukkan prestasi yang stabil dan status kewangan yang kukuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PELUPUSAN SAMPAH DOMESTIK DI KAWASAN KAJANG

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan pelupusan sampah domestik setelah penutupan tapak pelupusan RDF di Semenyih.

JAWAPAN:

- a) MPKj bekerjasama bersama pihak Kerajaan Negeri dan syarikat Worldwide Holding Berhad telah diarahkan mencari satu alternatif yang sesuai bagi membantu di dalam pelupusan sisa pepejal MPKj.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : KERJA NAIK TARAF JALAN PAIP MERU DAERAH PETALING

281. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kategori bahan binaan yang dipersetujui dalam kontrak tender?
- b) Adakah kajian awal tanah dibuat sebelum diputuskan kategori jalan dibina?
- c) Apakah punca kerosakan yang kerap berlaku walau belum setahun tempoh siap?

JAWAPAN:

- a) Kategori bahan binaan yang dipersetujui dalam kontrak tender adalah pasir, batu pecah dan premix.
- b) Kajian awal tanah ada dibuat sebelum diputuskan kategori jalan dibina.
- c) Kerosakan yang kerap berlaku berpunca daripada lori lebih muatan yang menggunakan laluan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PENGHAPUSAN DENGGI

282. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerjasama daripada Kementerian Kesihatan telah diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk memerangi denggi?
- b) Adakah Kerajaan Negeri melakukan semburan kabus (fogging) apabila kejadian kes denggi dilaporkan dalam tempoh 24 jam dan diulangi selepas 7-10 hari. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan kerjasama kepada Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor di dalam memerangi isu denggi di dengan menjalankan perkara-perkara berikut:-
 - i. Pembahagian kerja kawalan Denggi seperti Pemeriksaan jentik- jentik dari rumah ke rumah dan *fogging*
 - ii. Melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan denggi secara bersama dan bersepadu,
 - iii. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Wabak Daerah diadakan setiap minggu dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.
 - iv. Menjalankan siasatan kes denggi secara bersepadu di Bilik Gerakan Demam Denggi Daerah
 - v. Mewujudkan Jawatankuasa Kawalan Wabak Denggi Daerah yang di selaraskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah
 - vi. Kementerian Kesihatan sedang mencuba kaedah baru dengan menjalankan semburan ORS (*Outdoor Residual Spray*) yang menggunakan bahan kimia delta Metrine.
- b) Tidak, berdasarkan Pelan Tindakan KKM yang terkini (2014), semburan kabus (fogging) akan dilakukan sekali apabila kes Denggi dilaporkan. Fokus utama adalah aktiviti penghapusan tempat pembiakan (PTP) "Source reduction" dan penilaian risiko ("Risk Assessment") untuk memastikan punca pembiakan /

punca jangkitan dihapuskan. Semburan ulangan akan dilakukan berdasarkan kejadian kes di lokaliti tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : BEG SEKOLAH 'BACK TO SCHOOL'

283. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah harga kos beg sekolah untuk program 'Back To School' 2015 dan siapakah yang memantau kualiti beg tersebut?
- b) Siapakah pembekal beg sekolah program 'Back To School' tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

Program *Back to School* merupakan program bantuan kepada pelajar-pelajar sekolah daripada golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor yang dilaksanakan secara tahunan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan sejak tahun 2008. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan rendah dalam menyediakan keperluan sekolah anak-anak.

Mekanisme atau kaedah pemberian bantuan persekolahan pada setiap tahun adalah berbeza. Pada tahun 2013, bantuan yang diberikan adalah berbentuk baucer BATA yang bernilai RM30.00. Namun begitu, berdasarkan rekod, jumlah baucer yang ditebus bagi Program *Back to School* yang telah dijalankan pada tahun 2013 adalah 20,919 iaitu sebanyak 62.26% daripada jumlah keseluruhan baucer 33,600. Ini menunjukkan bahawa sebanyak 12,681 (37.74%) penerima bantuan tidak menebus baucer yang telah diberikan.

Di antara maklum balas yang diterima daripada penerima bantuan ini adalah proses pemberian bantuan secara baucer menyukarkan mereka mendapatkan barang keperluan sekolah secara terus. Sebagai contoh, setelah menerima baucer, penerima bantuan perlu menebus baucer tersebut di mana-mana pasaraya yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri. Ini akan melibatkan kos pengangkutan kepada penerima bantuan yang mana adakalanya kos tersebut melebihi nilai baucer. Oleh yang demikian, didapati ramai penerima bantuan yang tidak menebus baucer tersebut.

Berikut merupakan jenis bantuan yang diberikan bagi Program *Back to School* bagi tahun 2008 sehingga 2013:-

BIL.	TAHUN	JENIS PEMBELIAN
1.	2008	Baucer BATA
2.	2009	Beg sekolah
3.	2010	Buku latihan
4.	2011	Beg sekolah
5.	2012	Beg sekolah
6.	2013	Baucer BATA

Justeru itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah mencadangkan supaya Program *Back to School* 2014 dilaksanakan dengan menyerahkan bantuan kelengkapan sekolah berbentuk beg sekolah terus kepada penerima bantuan dan bukannya secara baucer seperti yang telah dilaksanakan pada tahun 2013.

Pembekalan beg sekolah untuk Program *Back to School* Tahun 2014 telah diluluskan Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 47/2014 yang bermesyuarat pada 10 Disember 2014 serta melantik terus Jendela Simfoni Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM806,400.00 (dengan kos seunit beg sekolah bernilai RM24.00 dan harga adalah termasuk kos penghantaran beg sekolah) menggunakan peruntukan P01-02002 Program Pembasmian Kemiskinan.

Bagi pelaksanaan program, setiap Pejabat DUN akan mengenalpasti penerima-penerima bantuan yang layak mengikut jumlah yang telah ditetapkan bagi setiap DUN dan kriteria pemilihan penerima bantuan yang ditetapkan. Setelah itu, Pejabat DUN perlu mendaftarkan maklumat bagi penerima bantuan yang layak ke dalam sistem Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS). Setiap Pejabat DUN akan melaksanakan program penyerahan/ pengagihan beg-beg sekolah kepada seramai 600 orang penerima bantuan yang layak. Pihak urus setia, iaitu Seksyen Sektor, UPEN juga menjalankan pemantauan pada setiap program yang diadakan oleh Pejabat DUN.

Jawatankuasa Tetap Kemiskinan akan sentiasa menambahbaik pelaksanaan program-program Pembasmian Kemiskinan dari semasa ke semasa dalam usaha membasmi kemiskinan sehingga ke akar umbi serta memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH DI DUN SEMENYIH YANG BELUM
MENDAPAT KELULUSAN MERANCANG**

284. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah projek pembangunan di DUN Semenyih yang dihentikan kerana ketiadaan Kebenaran Merancang pada 2013 dan 2014
- b) Apakah tindakan MPKj terhadap pemaju yang membangunkan sesuatu kawasan tanpa kelulusan itu dan berapakah jumlah denda atau saman yang dikenakan?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 3 notis Berhenti kerja di bawah Akta Perancangan Bandar Dan Desa (Akta 172) dikeluarkan di kawasan DUN Semenyih pada tahun 2014.
- b) Denda maksimum RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan dikenakan bawah Akta 172. (Tindakan MPKj akan meminta pemaju memulihkan tapak sepertimana keadaan asal, mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk pertimbangan atau dibawa hukuman mahkamah)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : LEBUHRAYA KIDEX

285. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri menjamin bahawa tidak akan mempertimbangkan lagi permohonan pengambilan tanah Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) walaupun ia mendapat lanjutan masa dari kerajaan persekutuan?

JAWAPAN:

Melalui penelitian saya, terdapat beberapa soalan yang telah ditanyakan tentang perkara berkaitan pembangunan Lebuhraya KIDEX. Soalan-soalan tersebut datangnye dari:

No Soalan	Nama ADUN	Tajuk Soalan
30	Meru	Lebuhraya KIDEX a) Apakah terma perjanjian awal tersebut? b) Apakah ada risiko saman atas pembatalan tersebut ke atas kerajaan Selangor? c) Apakah kekuatan kerajaan mempertahankan hak rakyat dalam isu ini?
80	Kuang	Lebuhraya KIDEX a) Nyatakan isi bantahan yang disampaikan penduduk kerana pembinaan KIDEX? b) Adakah kerajaan negeri akan memberhentikan sebarang projek sekiranya mendapat bantahan dari penduduk?
285	Damansara Utama	Lebuhraya KIDEX a) Adakah kerajaan negeri menjamin bahawa tidak akan mempertimbangkan lagi permohonan pengambilan tanah Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX)

		walaupun ia mendapat lanjutan masa dari kerajaan persekutuan.
--	--	---

Izinkan saya untuk menjawab bersekali semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung pembangunan Lebuhraya KIDEX ini seperti yang saya nyatakan tadi memandangkan semua soalan merujuk kepada perkara yang sama.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

1. Sebagaimana sedia maklum bahawa Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 7/25 pada 17 Februari 2015 dan telah disahkan di dalam MMKN Ke 8/25 pada 25 Februari 2015 telah membuat keputusan tidak mempertimbangkan dan membatalkan pembangunan Lebuhraya KIDEX. Keputusan ini selaras dengan kegagalan pihak konsesi Projek Lebuhraya KIDEX untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:
 - i. Menyediakan Penilaian Impak Lalulintas (*Traffic Impact Assessment*) yang bebas, Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) dan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*). Kajian-kajian ini perlu membuktikan manfaat yang ternyata kepada pihak pengguna dan penduduk di kawasan yang terlibat setelah mengambil kira kesan negatif yang timbul akibat pembinaan lebuhraya tersebut;
 - ii. Mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk fasa kenaikan tol yang ditetapkan dalam konsesi. Pihak konsesi perlu memberi anggaran rasmi jumlah tol yang akan dikutip dan kadar pulangan pelaburan (*rate of return to investment*); dan
 - iii. Mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar Kerajaan Negeri yang mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.
2. Keputusan pembatalan pembangunan projek Lebuhraya KIDEX telah dimaklumkan kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 29 Disember 2014. Lanjutan daripada keputusan itu, pihak Kementerian yang diketuai oleh Menteri Kerja Raya iaitu Y.B. Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof bersama-sama rombongannya telah berkunjung ke Negeri Selangor untuk mengadakan perbincangan berkaitan pelaksanaan KIDEX.
3. Dalam pertemuan itu, saya telah menyatakan bahawa sebarang pelaksanaan pembangunan projek di Negeri Selangor perlu mematuhi peraturan Seksyen 20 (A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang

memperuntukkan tiada seorang pun boleh memulakan, mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan selain menurut kebenaran merancang yang diberikan kepadanya. Seksyen 20 (A) Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalankan. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri juga menggunakan Seksyen 18(i) Akta 172 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan sesuatu tanah atau bangunan digunakan melainkan menurut Rancangan Tempatan.

4. Selaras dengan itu, saya juga telah mengumumkan bahawa pembangunan Lebuhraya KIDEX tidak dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Lanjutan daripada itu, Kerajaan Negeri juga memutuskan supaya pembangunan Lebuhraya KIDEX juga tidak dimasukkan di dalam draf Rancangan Struktur Negeri Selangor yang sedang digubal. Tindakan ini adalah jelas menunjukkan bahawa pembangunan Lebuhraya KIDEX tidak dipertimbangkan dan dibatalkan pembangunannya oleh Kerajaan Negeri.
5. Berkaitan dengan terma perjanjian seperti yang ditanyakan oleh Y.B. Meru, Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah didedahkan tentang terma-terma Perjanjian Lebuhraya KIDEX. Perjanjian adalah di antara Kerajaan Persekutuan (Kementerian Kerja Raya) dengan syarikat konsesi lebuhraya (KIDEX Sdn. Bhd.) yang telah ditandatangani pada 15 November 2013 dan dokumen perjanjian diklasifikasikan sebagai Sulit dan Terhad. Kerajaan Negeri Selangor telah meminta untuk perjanjian ini didedahkan kepada pihak awam, namun usaha tersebut tidak diendahkan oleh Kerajaan Persekutuan.
6. Saya juga ingin memberi maklumbalas tentang risiko saman akibat pembatalan tersebut. Untuk makluman Y.B, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil.47/2014 beserta syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor berkaitan dengan pembangunan KIDEX telah dimaklumkan kepada pihak-pihak berkaitan termasuk pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada 29 Disember 2014. Keputusan MMKN itu telah jelas menyebut tentang syarat-syarat yang telah ditetapkan dan perlu dipatuhi dengan tempoh diberikan iaitu pada atau sebelum 15 Februari 2015.

Namun, pihak LLM dan syarikat konsesi tidak memenuhi syarat-syarat tersebut.

7. Kerajaan Negeri Selangor sedia maklum menurut Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri), segala hal ehwal berkenaan tanah terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk mentadbirnya. Selain daripada bidang kuasa tanah di bawah Senarai Negeri (Perlembagaan Persekutuan), Kerajaan Negeri juga diberi kuasa untuk menyelaras Pentadbiran Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan - PBT). Maka di bawah dua (2) punca kuasa tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan bahwa Pembangunan Projek Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) adalah dibatalkan pembangunannya.
8. Berkaitan dengan apakah bantahan-bantahan daripada pihak penduduk, pembinaan KIDEX telah menerima bantahan yang disuarakan oleh penduduk melalui Badan Bukan Kerajaan atau NGO "Say No To KIDEX". Bantahan-bantahan tersebut adalah:
 - i. Tiada kajian dan penerangan lengkap berhubung justifikasi pembinaan projek dari sudut ekonomi dan sosial diberikan menyebabkan kekusaran dan hilang keyakinan penduduk setempat terhadap projek tersebut;
 - ii. "Level of service" (LOS) juga dijangka kekal ditahap F walaupun apabila lebuhraya siap dibina;
 - iii. Pencemaran bunyi, masalah estetik, kesan sosio-ekonomi dan isu keselamatan tidak diambilkira dengan serius oleh pihak berwajib;
 - iv. Rekabentuk lebuhraya dipersoal kerana tiada terus kepada jalan-jalan utama serta lebuhraya lain; dan
 - v. Secara perbandingan, kos pembinaan struktur bertingkat (*elevated*) tidak setimpal dengan anggaran mobiliti penduduk berbanding menggunakan mod pengangkutan rel.
9. Kerajaan Negeri Selangor mengamalkan pendekatan mengambil kira pandangan orang ramai dalam menentukan kelulusan sesebuah projek agar ia membawa manfaat menyeluruh. Selain daripada pembangunan ekonomi, Pentadbiran Negeri Selangor turut menitikberatkan sumbangan sosial dan manusiawi dalam setiap projek yang diluluskan. Dasar pembangunan berkualiti, rakyat dipedulikan akan menjadi teras dalam setiap pembangunan di Negeri Selangor.

10. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan hanya mempertimbangkan permohonan bagi pelaksanaan mana-mana lebuh raya di Negeri Selangor dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Kajian Impak Trafik (*Traffic Impact Assesment* - TIA) mestilah menguntungkan kepada pengguna lebuh raya dan juga penduduk sekitar dengan mengambilkira jajaran yang memberikan manfaat terbaik;
 - ii. Pendedahan kepada umum tentang kadar tol termasuklah cadangan kenaikannya dan juga kadar pulangan pelaburan (*return of investement* - ROI); dan
 - iii. Pendedahan kepada umum ke atas perjanjian konsesi.
11. Maka itu, mana-mana pihak yang terlibat dalam apa jua bentuk pembangunan di Negeri Selangor mestilah mematuhi setiap proses dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seumpamanya. Pematuhan kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan adalah sangat perlu supaya Kerajaan Negeri dapat mempertahankan rakyat daripada menerima masalah-masalah pencemaran, kesihatan, banjir, kemalangan dan sebagainya.
12. Dalam hal ini, pandangan dan pendapat awam serta pihak yang berkepentingan perlu diambilkira dan diberi pertimbangan supaya keutamaan atau kepentingan rakyat menjadi keutamaan kerana ia melibatkan cukai yang dibayar oleh rakyat.
13. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi penekanan dan mengambil langkah-langkah berikut:
 - i. Perjanjian yang adil (tidak berat sebelah) iaitu, tidak memihak hanya kepada pemegang konsesi;
 - ii. Meletakkan kepentingan awam sebagai keutamaan;
 - iii. Memasukkan ke dalam perjanjian klausa penamatan awal (*early termination clause*) iaitu sekiranya pemegang konsesi telah mencapai *projected profit* bagi projek ini lebih awal dari tempoh konsesi tamat, maka perjanjian hendaklah ditamatkan lebih awal; dan
 - iv. Pra-syarat tambahan seperti perjanjian konsesi tidak terikat dengan *Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA)*.
14. Bagi tindakan alternatif pula, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Selangor untuk menjalankan

kajian dan menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Kerajaan Negeri memutuskan supaya Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri Selangor dibangunkan dalam tempoh enam (6) bulan bermula dari bulan April 2015. Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam yang dijalankan akan lebih menyeluruh serta merangkumi aspek sistem pengangkutan awam sedia ada, sistem jaringan jalan raya dan lalu lintas yang akan membantu memperbaiki sistem pengurusan trafik di Negeri Selangor. Melalui pembangunan pelan induk itu juga, Kerajaan Negeri Selangor bolehlah membuat pertimbangan terperinci antara keperluan pembangunan lebuh raya, jalanraya ataupun pembangunan pengangkutan awam.

15. Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor menunjukkan peningkatan nisbah penggunaan pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian iaitu pada tahun 2008 (12:88), 2012 (25:75) dan 2014 (27:73). Berdasarkan kepada fakta itu, maka Kerajaan Negeri Selangor berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan pelaburan dalam pembangunan infrastruktur pengangkutan awam. Jurang nisbah yang besar antara penggunaan pengangkutan awam dan penggunaan pengangkutan persendirian adalah ekoran penumpuan Kerajaan yang begitu lama terhadap pembangunan infrastruktur jalan raya dan lebuh raya berbanding pengangkutan awam. Penumpuan kepada pembangunan infrastruktur jalan raya dan lebuh raya ini telah ditumpukan sejak 20 hingga 30 tahun sebelum ini.
16. Kerajaan Negeri Selangor memohon supaya Kerajaan Persekutuan mengkaji secara mendalam usaha pembangunan lebuh raya dalam bandar. Pembangunan lebuh raya dalam bandar tidak dapat menyelesaikan masalah kesesakan dalam jangka masa panjang. Anggaran purata kenaikan penggunaan kenderaan persendirian adalah 3% setahun. Pembangunan lebih banyak lebuh raya dalam bandar telah menyumbang kepada kenaikan kos hidup rakyat. Aksesibiliti rakyat terhadap pengangkutan awam yang terhad menyebabkan rakyat tiada pilihan selain menggunakan kenderaan persendirian untuk bergerak ke tempat kerja atau untuk tujuan lain. Tindakan ini akhirnya menyebabkan kos sara hidup meningkat akibat keperluan membayar tol serta kos petrol. Kualiti hidup rakyat juga semakin menurun kerana terpaksa menghabiskan masa yang lama dalam kesesakan lalu lintas. Ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kualiti hidup berkurangan

selaras dengan Kajian Indeks Kesejahteraan Rakyat (IKRN) Negeri Selangor 2012 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE,JPM) yang menunjukkan komponen pengangkutan berada di tahap yang rendah berbanding komponen lain.

17. Saya ingin tegaskan di sini bahawa, Kerajaan Negeri Selangor tidak pernah sama sekali menghalang sebarang pembangunan dilaksanakan di dalam Negeri Selangor. Sebarang pembangunan perlulah menepati kehendak Seksyen 20 (A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Seksyen 18 (1) Akta 172. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan supaya setiap pembangunan ditelitikan terlebih dahulu oleh jabatan dan agensi yang telah dipertanggungjawabkan di peringkat Negeri sebelum sebarang penelitian oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kuasa-kuasa ini telahpun diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) dan bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk menyelaras Pentadbiran Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : MEKANISME BANTUAN MEMBANGUN USAHAWAN KE ARAH
KEJAYAAN**

286. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri mempunyai mekanisme khusus untuk memastikan usahawan berpotensi dibantu secara menyeluruh dan berterusan?
- b) Apakah mekanisme tersebut?
- c) Berapakah jumlah sasaran usahawan yang mahu dibangunkan di setiap DUN?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berhasrat dan berusaha membantu meningkatkan potensi usahawan-usahawan di Negeri Selangor. Mekanisme yang digunakan di dalam memastikan bantuan dan potensi yang diberi dan dibangunkan tersebut adalah dengan mewujudkan program-program dan Jawatankuasa Tetap yang saling berkaitan. Bermula dari usahawan yang baru menceburkan diri di dalam bidang perniagaan, Kerajaan Negeri telah menawarkan bantuan Skim Mikrokredit iaitu Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) dan Skim Mikrokredit Bandar (MiMBAR). Apabila usahawan tersebut telah mencecah tempoh pengoperasian dua (2) tahun dan masih bertahan (masih meneruskan operasi), peranan dan tanggungjawab membangunkan potensi perusahaan tersebut akan diambil alih pula oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan. Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan menawarkan bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor yang boleh mencecah nilai bantuan sehingga RM30,000.00 per usahawan. Disamping memberikan bantuan yang boleh mencecah sehingga RM30,000.00, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan berperanan mendidik dan mendedahkan usahawan tersebut kepada perniagaan antarabangsa seperti "*Foreign Direct Investment*" (FDI), "*Free Trade Agreement*" (FTA), "*ASEAN Economic Committee*" (AEC), eksport dan import terutamanya ke Negara China dan Vietnam dan seterusnya akan diteruskan pula proses pengembangannya oleh Jawatankuasa Tetap

Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana. Kerajaan Negeri juga sedang di dalam proses mewujudkan Sekretariat Pembangunan Usahawan Negeri Selangor untuk mengawal selia dan memastikan keberkesanan mekanisme ini.

- c) Pecahan peruntukan Kerajaan Negeri diagihkan mengikut Daerah bagi tujuan memudahkan pemantauan dan penyeliaan. Bagi tahun 2015, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor sahaja mensasarkan seramai sekurang-kurangnya 126 orang (14 orang / daerah x 9 daerah) usahawan dari seluruh Negeri Selangor akan dibangunkan melalui pemberian bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor yang dijangka akan mampu memberi peningkatan produktiviti pengeluaran kepada usahawan – usahawan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : KESELAMATAN DI NEGERI SELANGOR

287. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-


- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menjamin dan menyediakan satu suasana yang baik dan selesa untuk Rakyat Selangor?
- b) Sila berikan jumlah pecahan kes jenayah yang telah berlaku di Daerah Kuala Langat sejak Tahun 2014 hingga kini.

JAWAPAN:

- a) Dalam menjamin dan menyediakan satu suasana yang baik dan selesa untuk rakyat Selangor, Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan antaranya:-
 - i. Agensi-agensi berkaitan di bawah Kerajaan Negeri boleh menganjurkan program untuk mendidik dan memberi kesedaran awam dalam jenayah dan membantu polis dalam pencegahan jenayah;
 - ii. Kerajaan Negeri melalui PBT boleh mengadakan "Target Hardening" seperti mewujudkan kawasan pejalan kaki yang ada pengadang, memasang lampu di kawasan gelap dan memasang CCTV di lokasi panas (Hot Spot);
 - iii. Dalam kegiatan judi haram, maksiat dan pelacuran, pihak PBT mesti lebih tegas dalam aspek pemberian lesen baru bagi pusat-pusat hiburan, video games dan snuker. Mana-mana premis yang terbukti melanggar syarat-syarat yang dikeluarkan ekoran serbuan polis, PBT diminta membatalkan lesen dengan segera;
 - iv. Bagi memastikan lesen yang dikeluarkan tidak disalahgunakan, pihak PBT diminta sama-sama membuat pemantauan di pusat-pusat hiburan supaya lesen yang dikeluarkan oleh pihak PBT tidak terlibat dengan judi "On Line" dan pelacuran.
- b) Seperti di lampiran.


STATISTIK JENAYAH INDEKS IPD KUALA LANGAT BAGI TEMPOH 2013/2014

JENAYAH INDEKS	KUALA LANGAT		+ / -	%
	2013	2014		
JENAYAH KEKERASAN :				
BUNUH	4	8	4	100.0
ROGOL	18	26	8	44.4
SAMUN BERKAWAN BERS/API	0	0	0	0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	78	59	-19	-24.4
SAMUN BERS/API	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	10	6	-4	-40.0
MENCEDERAKAN	80	76	-4	-5.0
JUMLAH	190	175	-15	-7.9
JENAYAH HARTABENDA :				
CURI	150	75	-75	-50.0
CURI MOTOKAR	61	41	-20	-32.8
CURI MOTOSIKAL	444	379	-65	-14.6
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	12	25	13	108.3
CURI RAGUT	6	9	3	50.0
PECAH RUMAH	82	52	-30	-36.6
JUMLAH	755	581	-174	-23.0
JUMLAH JENAYAH INDEKS	945	756	-189	-20.0
JUMLAH JENAYAH JALANAN	4	8	4	100.0



STATISTIK JENAYAH INDEKS IPD KUALA LANGAT BAGI TEMPOH JAN-FEB 2014/2015

JENAYAH INDEKS	KUALA LANGAT		+ / -	%
	JAN-FEB 2014	JAN-FEB 2015		
JENAYAH KEKERASAN :				
BUNUH	2	3	1	50.0
ROGOL	5	2	-3	-60.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	0	0	0	0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	5	5	0	0
SAMUN BERS/API	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	0	2	2	100.0
MENCEDERAKAN	11	7	-4	-36.4
JUMLAH	23	19	-4	-17.4
JENAYAH HARTABENDA :				
CURI	15	12	-3	-20.0
CURI MOTOKAR	11	2	-9	-81.8
CURI MOTOSIKAL	49	48	-1	-2.0
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	5	5	0	0
CURI RAGUT	1	1	0	0
PECAH RUMAH	15	11	-4	-26.7
JUMLAH	96	79	-17	-17.7
JUMLAH JENAYAH INDEKS	119	98	-21	-17.6
JUMLAH JENAYAH JALANAN	6	8	2	33.3



STATISTIK JENAYAH INDEKS KONTINJEN SELANGOR BAGI TEMPOH JAN-FEB 2014/2015

JENAYAH INDEKS	Tempoh 1	Tempoh 2	+ / -	%
	2014	2015		
JENAYAH KEKERASAN :				
BUNUH	19	25	6	31.6
ROGOL	60	51	-9	-15.0
SAMUN BERKAWAN BERS/API	6	1	-5	-83.3
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	973	677	-296	-30.4
SAMUN BERS/API	0	0	0	0
SAMUN TANPA S/API	151	97	-54	-35.8
MENCEDERAKAN	160	181	21	13.1
JUMLAH	1369	1032	-337	-24.6
JENAYAH HARTABENDA :				
CURI	989	635	-354	-35.8
CURI MOTOKAR	778	653	-125	-16.1
CURI MOTOSIKAL	1835	1559	-276	-15.0
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	262	274	12	4.6
CURI RAGUT	284	249	-35	-12.3
PECAH RUMAH	1091	902	-189	-17.3
JUMLAH	5239	4272	-967	-18.5
JUMLAH JENAYAH INDEKS	6608	5304	-1304	-19.7



STATISTIK JENAYAH INDEKS KONTINJEN SELANGOR BAGI TEMPOH JAN-DIS 2013/2014

JENAYAH INDEKS	Tempoh 1 JAN 2013 - DIS 2013	Tempoh 2 JAN 2014 - DIS 2014	+ / -	%
JENAYAH KEKERASAN :				
BUNUH	167	109	-58	-34.7
ROGOL	395	317	-78	-19.7
SAMUN BERKAWAN BERS/API	17	10	-7	-41.2
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	6,090	5,063	-1,027	-16.9
SAMUN BERS/API	5	5	0	0
SAMUN TANPA S/API	871	812	-59	-6.8
MENCEDERAKAN	1,108	1,086	-22	-2.0
JUMLAH	8,653	7,402	-1,251	-14.5
JENAYAH HARTABENDA :				
CURI	5,147	4,675	-472	-9.2
CURI MOTOKAR	5,832	4,723	-1,109	-19.0
CURI MOTOSIKAL	12,653	10,688	-1,965	-15.5
CURI VAN/LORI/JENTERA BERAT	2,049	1,648	-401	-19.6
CURI RAGUT	984	845	-139	-14.1
PECAH RUMAH	7,742	6,184	-1,558	-20.1
JUMLAH	34,407	28,763	-5,644	-16.4
JUMLAH JENAYAH INDEKS	43,060	36,165	-6,895	-16.0
JUMLAH JENAYAH JALANAN	7,945	6,720	-1,225	-15.4



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PEMBANGUNAN

288. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan usaha kerajaan dalam membangunkan zon utara Selangor dengan pembangunan ekonomi dan fizikal?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk membina jambatan kedua yang menghubungkan Sg. Air Tawar dan Hutan Melintang dan bila akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Dalam pelaksanaan halatuju pembangunan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada perkongsian kekayaan secara inklusif melalui penglibatan ekonomi yang menyeluruh oleh setiap lapisan masyarakat. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi zon utara terus kukuh dan berkembang maju, konsep pembangunan Negeri Selangor adalah ke arah pembangunan wilayah bandar dengan pengkhususan fungsi bandar. Zon utara Negeri Selangor melibatkan Daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Pembangunan Daerah Hulu Selangor menfokuskan kepada pembangunan bandar industri automotif. Pelan pembangunan yang komprehensif dirangka bagi menyediakan infrastruktur yang bersepadu, moden dan canggih bagi membolehkan bandar ini berperanan sebagai nodus perkembangan sektor automotif di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi galakan berterusan terhadap pembangunan industri berteknologi tinggi bagi berhadapan dengan cabaran globalisasi dan pengejalan momentum ekonomi.

Perkembangan industri automotif di zon utara ini dijangka akan menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor dan menyumbangkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat tempatan.

Manakala bagi Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam pula, fokus pembangunan ekonomi daerah ini ialah menjurus kepada pertumbuhan

industri pertanian dan asas tani. Kerajaan negeri akan terus berusaha memastikan pembangunan pertanian adalah seiring dengan pertumbuhan sektor-sektor lain bagi memastikan kelangsungan sumber makanan utama negara iaitu padi. Bagi memperkasakan industri pertanian, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mewujudkan inovasi terkini bagi meningkatkan produktiviti dan nilai tambah industri pertanian di zon utara Negeri Selangor.

- b) Pada masa kini Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk membina jambatan kedua yang menghubungkan Sg. Air Tawar dan Hutan Melintang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PENULARAN WABAK DENGGI

289. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca-punca yang telah dikenal pasti sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan kes denggi di Selangor?
- b) Apakah tindakan drastik yang telah dilaksanakan bagi mengatasi penularan wabak denggi di negeri Selangor dan apakah jaminan keberkesanannya bagi memastikan tidak berulang.

JAWAPAN:

- a) Antara punca-punca yang telah dikenal pasti sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan kes denggi di Selangor adalah seperti berikut:-
 - i. Kepadatan penduduk
 - ii. Pergerakan populasi yang tinggi (highly mobile population)
 - iii. Pembuangan sampah haram di tanah lapang
 - iv. Sikap masyarakat yang gemar membuang sampah marata-rata
 - v. Apartment / pangsapuri yang tiada JMB efektif
 - vi. Tapak Binaan
 - vii. Kecacatan bangunan (structural defects)
 - viii. Penduduk sementara (transient population) seperti penuntut IPT
 - ix. Rumah kosong
 - x. Kawasan tanah lot / kampung yang tiada jadual pengumpulan sampah yang baik
- b) Tindakan drastik yang telah di ambil oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam mengatasi penularan wabak denggi adalah seperti berikut:-
 - i. Melancarkan Program Terjah dan Musnah Aedes Peringkat Daerah Petaling. Program ini memberi fokus kepada pembersihan tempat pembiakan nyamuk aedes, pembersihan kawasan hotspot denggi, pembersihan pangsapuri kos rendah, pembersihan tapak binaan, pembersihan longkang, taman awam dan taman rekreasi.

- ii. Pembentukan *Task Force Denggi* diperingkat PBT yang melibatkan pelbagai Jabatan berkaitan di PBT mengerakkan aktiviti kawalan Denggi yang lebih berkesan.

Keberkesanan Program ini dapat dilihat melalui statistik kes denggi mingguan yang semakin menurun setelah program ini di jalankan pada 7 Februari 2015 khususnya di daerah Petaling.

	31 Dis 14	10- Jan -15	31- Jan- 14	7- Feb -15	14- Feb- 15	21- Feb- 15	28- Feb- 15	7- Mar- 15	14- Mar- 15	21- Mar- 15
Petaling	751	657	1025	955	917	883	736	778	599	547

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

290. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pinjaman (RM) yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi program ini setakat 2014?
- b) Berapakah jumlah bayaran balik (RM) yang telah dikutip sejak program ini dilancarkan?
- c) Apakah usaha yang diambil untuk menuntut bayaran balik?

JAWAPAN:

- a) RM162,275,424.18
- b) RM64,889,168.84
- c) Usaha yang diambil adalah dengan menubuhkan Unit Task Force sebagai tambahan kepada Unit Penguatkuasaan sedia ada. Unit Task Force dan Unit Penguatkuasaan telah melaksanakan langkah-langkah berikut:
 - i. Surat Berdaftar;
 - ii. Surat Peringatan Pertama;
 - iii. Surat Peringatan Kedua;
 - iv. Notis Tanpa Prejudis; dan
 - v. Notis Penyeneraian Hitam (RAMCI).
- paparan maklumat peminjam dan penjamin di institusi kewangan
 - vi. Panggilan Telefon/Pesanan Ringkas;
 - vii. Semakan maklumat peminjam melalui senarai perjawatan kakitangan awam yang berkhidmat di Negeri Selangor (pinjaman kepada anak-anak kakitangan);
 - viii. Semakan maklumat peminjam melalui aplikasi Human Resource Management Information System (HRMIS); dan
 - ix. Semakan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PUSAT PANDU BUANG SAMPAH MERU INDAH INDUSTRI.

291. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kompaun dan tangkapan dibuat kepada pesalah selepas notis penutupan?
- b) Apakah halangan perobohan struktur binaan terbiar tersebut?
- c) Adakah ada pelan alternatif mengkomersialkan pada struktur binaan yang di tinggal sejak 2008?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis sehingga kini belum mengeluarkan sebarang kompaun atau tangkapan di lokasi tersebut. Pemantauan dijalankan setiap hari untuk memastikan tiada pembuangan sampah di sebelah luar pusat pandu buang tersebut.
- b) Setakat ini, pihak Majlis tidak bercadang untuk merobohkan struktur bangunan tersebut.
- c) Tapak pusat pandu buang ditutup mulai 1 Januari 2015, terdapat pandangan umum yang mahukan struktur binaan dibuka semula sebagai tempat pembuangan sampah berpusat. Majlis sedang meneliti kesannya kerana sebahagian orang awam menolak cadangan berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : BANGUNAN YAYASAN SELANGOR BUKIT BINTANG

292. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah keadaan terkini bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang?
- b) Nyatakan rancangan masa depan supaya bangunan ini dapat bersaing dengan bangunan komersial yang lain di Bukit Bintang.
- c) Berapakah kos yang terlibat untuk menaiktaraf bangunan ini?

JAWAPAN:

- a) Bangunan yayasan Selangor bukit bintang pada masa ini telah dibuka untuk Sewaan di aras bawah (Ground Level) . Aras Podium juga akan dibuka untuk penyewaan secara berperingkat selepas segala sistem bangunan di sahkan selamat oleh pihak berkuasa.

Akses ke bangunan ini masih dibelenggu dengan kesesakan trafik akibat kerja-kerja MRT di persekitarannya.
- b) Yayasan Selangor akan menguruskan sendiri projek pembangunan semula bangunan ini setelah cadangan penyewaan secara konsesi jangka panjang telah tidak dipersetujui oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (LPAYS). Konsep pembangunan semula yang telah dikenal pasti ialah *Retail* di tingkat bawah hingga tingkat 3t dan 'Premium Office' dari tingkat 4 hingga tingkat 12.
- c) Cadangan menaik taraf dan anggaran kos pembangunan yang akan dilaksanakan belum diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENURAPAN JALAN

293. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan bagi menurap jalan pada hujung tahun lalu?
- b) Berapakah pula yang dikeluarkan oleh PBT?
- c) Apakah dengan jumlah ini, dapat menyelesaikan masalah dan memuaskan hati rakyat?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah maklumbalas berhubung jumlah peruntukan bagi menurap jalan pada hujung tahun lalu mengikut PBT masing- masing :

PBT	JUMLAH PERUNTUKAN MARRIS (RM)
MBSA	78,683,517.30
MBPJ	14,929,657.45
MPK	59,377,615.00
MPAJ	25,732,573.33
MPSJ	30,046,844.43
MPS	23,900,000.00
MPKj	38,500,000.00
MPSp	10,062,038.61
MDKL	25,640,123.70
MDHS	10.00 (token)
MDKS	18,628,933.62
MDSB	11,406,194.74
JUMLAH	336,907,507.33

b) Jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh PBT adalah seperti berikut :

PBT	JUMLAH PERUNTUKAN PBT (RM)
MBSA	7,685,449.90
MBPJ	2,555,700.00
MPK	2,728,200.00
MPAJ	2,350,000.00
MPSJ	769,565.42
MPS	700,000.00
MPKj	4,650,000.00
MPSp	977,760.50
MDKL	239,824.00
MDHS	10,200,000.00
MDKS	450,000.00
MDSB	Tiada
JUMLAH	33,306,499.00

c) Kerajaan Negeri sedar walaupun peruntukan yang diterima telah dibelanjakan hampir keseluruhannya oleh PBT untuk menurap jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS, ekspektasi masyarakat terhadap kualiti penurapan jalan juga amat penting. Sering kali aduan yang diterima berkaitan kualiti penurapan jalan yang kurang memuaskan menyebabkan jalan yang telah atau baru diturap rosak semula. Antara puncanya adalah pemantauan terhadap kerja- kerja kontraktor yang kurang berkesan selain faktor cuaca seperti hujan yang menyebabkan jalan yang diturap tidak bertahan lama.

Dalam masa yang sama juga, pembangunan perbandaran dan peningkatan jumlah kenderaan menyebabkan jalan yang diturap tidak tahan lama kerana berkemungkinan spesifikasi yang ada pada masa ini tidak dapat lagi menampung peningkatan kenderaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROGRAM INTENSIF GOLONGAN NELAYAN

294. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan negeri menyediakan program intensif untuk meningkatkan pendapatan golongan nelayan di Selangor?
- b) Senaraikan program bantuan yang telah dilaksanakan kepada golongan nelayan pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Selangor ada menyediakan program intensif dan insentif untuk golongan nelayan seperti berikut :-
 1. Program intensif :-
 - I. Pengezonan semula zon kawasan perairan perikanan.
 - II. Penguatkuasaan mata keroncong pukat tunda 38mm.
 - III. Penggunaan MAED bagi pukat tunda udang baring.
 - IV. Pengwujudan zon konservasi.
 - V. Program peningkatan pendapatan nelayan tradisional melalui projek kluster ternakan kerang.
 2. Program insentif :-
 - I. Peningkatan elaun sara hidup.
 - II. Program insentif pendaratan ikan
- b) Sepanjang tahun 2014, Kerajaan Negeri telah menyediakan Program Bantuan Nelayan yang berbentuk bantuan peralatan seperti bantuan enjin sangkut, sampan, jaring dan alatan keselamatan kepada seramai 629 orang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KERJAYA WANITA DAN ANAK MUDA

295. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif Kerajaan Negeri dalam membantu golongan anak muda dan wanita demi menggalakkan mereka menceburi kerjaya masing-masing?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan Pusat Gerakan Anak Muda di setiap DUN?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan dalam membantu golongan anak muda dan wanita demi menggalakkan mereka menceburi kerjaya masing-masing.

Bagi golongan anak muda, antara insentif yang diberikan adalah seperti berikut :

1. Mengenalpasti kategori dan kecenderungan belia;
2. Mewujudkan pangkalan maklumat lengkap tentang belia Selangor;
3. Mewujudkan mekanisma pengurusan dan komunikasi belia Selangor;
4. Mengenalpasti dan melaksanakan program-program belia yang menekankan aspek kepedulian masyarakat;
5. Membentuk budaya sayangkan ilmu dikalangan belia;
6. Membantu belia dalam mengenalpasti kerjaya yang bersesuaian;
7. Menyediakan peluang dan ruang untuk belia bergerak aktif dalam sukan; dan
8. Menganjurkan program hiburan yang bersesuaian selaras dengan kehidupan yang sihat dan sejahtera.

Kerajaan Negeri menawarkan pelbagai insentif kepada golongan anak muda dan golongan wanita seperti berikut :

1. Program-program pemberdayaan wanita Selangor melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) dengan kerjasama pelbagai jabatan, agensi dan persatuan NGO diseluruh Selangor;
2. Skim Mikrokredit Luar Bandar (SkimSel) bagi meningkatkan taraf ekonomi rakyat Negeri. Skim yang ditubuhkan pada bulan 8 Julai 2010 bermatlamat membantu golongan miskin khususnya golongan anak muda dan golongan wanita memperolehi dana bagi menjalankan perniagaan sebagai salah satu usaha membebaskan mereka dari kitaran kemiskinan.

Skim ini dikendalikan oleh Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor dengan peruntukan sebanyak RM50 juta. Skim ini berbentuk pinjaman kewangan maksimum RM3,000 dengan tempoh bayaran balik selama 12 bulan. SkimSel tidak memerlukan cagaran, tidak dikenakan faedah dan penerima pinjaman tidak akan diheret ke mahkamah.

3. Skim Mikrokredit Bandar (MIMBAR)
Memberi bantuan pinjaman mikrokredit kebajikan serta berkongsi kekayaan kerajaan negeri kepada masyarakat miskin bandar yang memerlukan bagi memupuk semangat berdikari serta memberi ruang dan peluang untuk rakyat miskin bandar membaiki kehidupan dan pendapatan seisi keluarga untuk melepasi Paras Garid Kemiskinan (PGK) dan tidak lagi bergantung kepada bantuan kebajikan semata-mata. Latihan, sokongan, kemudahan dan bimbingan berterusan turut disediakan untuk golongan miskin bandar bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat selari dengan pembangunan dan kemajuan negeri.
4. Dana Usahawan
Kerajaan Negeri menyediakan bantuan dana kepada para Usahawan dalam bentuk peralatan dan sokongan untuk memajukan lagi industri perniagaan. Insentif ini diberikan sebagai galakan kepada para usahawan untuk terus maju dan memperolehi pendapatan yang lebih lumayan.

5. *Blue Print* Kemiskinan

Insentif Kerajaan masih diteruskan dalam usaha membangunkan rakyat Selangor dari dibelenggu kemiskinan. Justeru itu, Kerajaan Negeri menyediakan Program *Blue Print* Kemiskinan bagi membantu warga Selangor yang masih lagi berada di bawah paras kemiskinan. Program *Blue Print* Kemiskinan ini memberi bantuan berbentuk peralatan bagi pemohon memulakan perniagaan atau memulakan aktiviti meningkatkan pendapatan isi rumah.

- b) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan Pusat Gerakan Anak Muda di setiap DUN tetapi Kerajaan Negeri telah membina Dataran Anak Muda bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dalam menjalankan pelbagai aktiviti terutamanya dalam bidang sukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI DI SELANGOR

296. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kerajaan sudah mengenal pasti punca pencemaran ini?
- b) Bagi mengatasi masalah yang sama saban tahun apakah tindakan jangka panjang yang telah diambil?
- c) Nyatakan tindakan tegas dari segi perundangan yang telah diambil dan apakah kerajaan menjamin gangguan ini tidak akan berlaku.

JAWAPAN:

- a) Gangguan operasi Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih pada 15 Februari serta 3, 7 dan 19 Mac 2015 adalah disebabkan penurunan parameter pH serta peningkatan parameter Mangan dan Ammoniakal Nitrogen di Sungai Semenyih.

Bagi gangguan pada 15 Februari 2015, hasil siasatan mendapati beberapa sampel air Sungai Semenyih mencatatkan bacaan parameter pH yang rendah antara 3.0 – 4.0. Namun, kesannya hilang apabila siasatan dijalankan di kawasan yang lebih hulu. Ini dipercayai pelepasan dilakukan dalam tempoh yang singkat serta kesannya telah hilang dan telah mengalir ke kawasan hilir. Turut ditemui Sungai Purun, iaitu anak Sungai Semenyih yang mencatatkan bacaan pH yang rendah iaitu 2.7 dan dikenalpasti sebuah kilang yang melepaskan efluen dengan bacaan pH yang tidak mematuhi piawaian berdasarkan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan kini dalam tindakan JAS.

Bagi gangguan pada 3, 7 dan 19 Mac 2015, sehingga kini tiada punca yang signifikan yang dikenalpasti menyumbang kepada masalah ini. Pemantauan di Sungai Purun pula mendapati paras pH adalah menunjukkan bacaan yang baik. Pemantauan akan terus dijalankan secara berkala bagi mengenalpasti punca sebenar masalah ini.

- b) Siasatan bersepadu telah dilaksanakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang dan Konsortium ABASS Sdn Bhd bagi

mengenalpasti punca pencemaran ini. Operasi pemantauan kualiti air sungai secara statik turut dijalankan di beberapa kawasan yang disyaki.

Gangguan operasi Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih yang disebabkan oleh pelanggaran parameter Mangan ini merupakan isu baru dan kali pertama dihadapi. Kekurangan sumber rujukan antara kekangan yang dihadapi dalam mengenalpasti punca pencemaran.

Pihak LUAS juga telah mendapatkan perkhidmatan Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar UPM untuk menjalankan pensampelan dan analisis bagi membantu siasatan. Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi, tiada perbezaan yang ketara bagi parameter pH dan Mangan berbanding garis panduan kualiti air Minum Kebangsaan untuk air mentah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), pemantauan dan siasatan (berkala dan tidak berkala) dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dilaksanakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan dilaksanakan dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012,
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, semua aktiviti yang dijalankan melibatkan badan air, dan
- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya :

- i. Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai.

- ii. Menyediakan daftar sumber air Negeri untuk tujuan kawalan dan penguatkuasaan;
- iii. Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisaan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat; dan
- iv. Pembangunan *Decision Support System, (DSS)* bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012**
melibatkan 7 Aktiviti Berjadual iaitu akuakultur udang laut, akuakultur air tawar, kawasan pembangunan atau kerja tanah, penternakan selain babi, penternakan babi, haiwan kesayangan dan pencucian pasir/kuari.
 - **Pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan Pendakwaan.**
Untuk kes pencemaran minyak Sungai Selangor yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes Selangor tersebut sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Shah Alam.
 - **Pewartaan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan.**
Tiada aktiviti berisiko tinggi yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran air sungai dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan. Sungai Selangor telah pun diwartakan. Sungai Langat, Sungai Semenyih dan anak-anak sungai lain sedang dalam tindakan pewartaan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Selangor;
 - **Pembangunan *Decision Support System, (DSS)***
pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.
- c) Pihak Lembaga bersama-sama pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah mengambil tindakan pendakwaan di Mahkamah Seksyen Shah Alam terhadap pemilik premis yang telah dengan sengaja membuang sisa minyak ke dalam Sungai Gong di Lembangan Sungai Selangor di bawah seksyen 79(1)(d) Enakmen LUAS 1999 dan seksyen-seksyen 25(1), 24(1), 34B(1) (a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pihak Lembaga sentiasa menjalankan

pemantauan di setiap Lembangan Sungai bagi memastikan tiada sebarang aktiviti pencemaran sungai dilakukan oleh premis-premis berhampiran sungai.

Kerajaan Negeri berusaha untuk mengurangkan gangguan operasi loji pembersihan air (LPA) melalui langkah-langkah yang dinyatakan seperti perkara (b) di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : KUMPULAN SEMESTA S/B (KSSB)

297. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan kedudukan kewangan terkini KSSB?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah royalti pasir yang dibayar oleh KSSB kepada KNS dari 2010-2014?
- c) Sila senaraikan Nama – nama Ahli Lembaga Pengarah KSSB dari 2010-2014 dan gaji ,elaun serta kemudahan yang dinikmati?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan akaun pengurusan yang sedang diaudit, kedudukan kewangan KSSB pada 31/12/2014 adalah seperti berikut;

Perkara	Jumlah (RM juta)
Jualan	117.96
Untung Sebelum Cukai & Zakat	37.11
Cukai & Zakat	9.70
Untung Selepas Cukai & Zakat	27.41

Aset	Jumlah (RM)
Tunai Di Tangan & Di Bank	4.32
Pelaburan Jangka Pendek & Simpanan Tetap	29.00
Aset Bukan Tunai	32.52
Jumlah	65.84

- b) Jumlah royalti pasir yang telah dibayar oleh KSSB kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut;

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	Jumlah (RM)
Jumlah (RM)	10,796,497	16,008,606	10,326,277	14,119,995	15,191,489	72,100,766

- c) Merujuk kepada Sidang Dewan yang terdahulu, maklumat berkenaan pengajian dan emolument tidak boleh didedahkan kerana menyentuh kerahsiaan individu. Ianya adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Walau bagaimanapun, Y.B. Ahli Dewan Negeri Selangor boleh memohon terus secara bertulis kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor atau kepada Setiausaha Dewan sekiranya memerlukan maklumat yang berkenaan. Jawapan hanya akan diberikan kepada Y.B. Ahli Dewan yang bertanya sahaja dan harus diingatkan bahawa penerima maklumat mestilah bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 709.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA KHUSUSNYA DI KAMPUNG

298. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah wujud satu pasukan yang terlatih untuk turun ke kampung-kampung untuk mendidik pengguna tentang hak dan hal ehwal pengguna?
- b) Bagaimana kerajaan boleh membantu pengguna yang sentiasa terdedah dengan tipu helah peniaga?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri dengan kerjasama Agensi Kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah mengadakan program-program di kampung-kampung bagi tujuan pendedahan pendidikan berkaitan Hal Ehwal Pengguna di Negeri Selangor. Pada tahun 2014, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah bekerjasama dengan Persatuan Penasihat Pengguna-pengguna Malaysia bagi memberikan kesedaran kepenggunaan kepada pekerja-pekerja wanita di dalam sektor industri.

Jawatankuasa ini juga bekerjasama dengan Persatuan Pengguna Seri Murni, Gerakan Belia Bersatu Malaysia dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg. Dato' Lee Kim Sai untuk bersama-sama menganjurkan program kesedaran kepenggunaan di kampung-kampung di Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Gombak.

- b) Pengguna yang sentiasa terdedah dengan tipu helah peniaga boleh membuat laporan kepada pihak KPDNKK melalui Talian aduan Pengguna dan juga melalui Talian Online untuk memastikan pihak peniaga yang tidak bertanggungjawab akan dikenakan tindakan sewajarnya. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan KPDNKK di dalam memberikan kesedaran berkaitan kepenggunaan kepada masyarakat melalui risalah. Di dalam program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, terdapat slot-slot yang memberi pendedahan kepada pengguna untuk membuat penilaian dan perbezaan terhadap barang-barang tiruan, perbandingan harga barang serta

pemakaian logo-logo halal yang diiktiraf oleh JAKIM / JAIS dan MAIS di setiap barangan di pasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PRESTASI KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD

299. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendapatan dan keuntungan kumpulan hartanah dan anak syarikat pada tahun 2014?
- b) Apakah nama, nilai serta lokasi projek kendalian Kumpulan Hartanah serta anak syarikatnya?

JAWAPAN:

- a) Untuk tahun kewangan berakhir 2014 (berdasarkan akaun yang belum diaudit), KHSB dan anak-anak syarikatnya telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM31.46 juta dan kerugian sebanyak RM119.42 juta.
- b) Berikut adalah antara projek-projek yang berada di bawah kendalian KHSB dan anak-anak syarikatnya.

	Nama	Jenis Pembangunan	Nilai (Juta)	Status Projek
1	Selangor Halal Hub, Pulau Indah, P. Klang	Industri	RM150 Juta	Sedang Berjalan
2	Pulau Indah Industrial Park (PIIP)	Industri	RM934 Juta	Sedang Berjalan
3	Seksyen 14 Petaling Jaya	Bercampur	RM1,200 Juta	Permohonan Kebenaran Merancang
4	Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor	Perumahan (Rumah Selangorku)	RM23 Juta	<ul style="list-style-type: none">• Permohonan Kebenaran Merancang & Pelan Bangunan• Jangkaan pelancaran di Suku ke-4, 2015

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : BANGUNAN TERBENGKALAI DI PERSIARAN BUKIT RAJA 2, BUKIT
RAJA, MUKIM KAPAR SEJAK TAHUN 1998**

300. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bangunan di persiaran Bukit Raja 2, Bukit Raja, Mukim Kapar telah terbengkalai selama 17 tahun sejak tahun 1998 dan telah menjadikan tanda tempat yang sangat negatif kepada Klang yang merupakan Bandar Diraja. Apakah rancangan Kerajaan Negeri atas projek terbengkalai ini?

JAWAPAN:

- a) Projek merupakan cadangan sebuah hotel 24 tingkat. Projek telah terbengkalai sejak dari tahun 1997. Walaubagaimanapun, pemaju/perunding telah mengambil inisiatif untuk meneruskan projek tersebut. Oleh itu, permohonan pelan pindaan untuk menyambung semula kerja telah dimajukan dan diluluskan dengan syarat pada 20/03/2014 melalui no.fail P0283-95-P. Borang B (Perakuan untuk meneruskan pembinaan) telah dimajukan pada 23/10/2014. Pemaju sedang menyelaras semula penyambungan kerja-kerja pembinaan bangunan. Tarikh dijangka siap dan boleh digunakan bagi Fasa 1 untuk hotel dan podium ialah Oktober 2015 dan Fasa 2 untuk service apartment ialah tahun 2016. Peranan Majlis dalam memantau pemulihan projek ialah pihak Majlis menjalankan lawatan berkala sebulan sekali di tapak projek, mendapatkan carta perbatuan kerja pembinaan ditapak dan mendapatkan laporan kemajuan kerja di tapak secara bulanan daripada perunding.
- Disertakan maklumat tambahan mengenai profil syarikat pemaju dan kos pemulihan projek.

RINGKASAN EKSEKUTIF SYARIKAT ACMAR INTERNATIONAL GROUP

- 1) Nama Syarikat : Acmar International Group
- 2) Alamat Syarikat : No.32a, Jalan Tiara 2, Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
- 3) Tel : 603-3343 8833
- 4) Fax : 603- 3343 7808
- 5) Pengasas : Mr Tee Leh Tec
- 6) Lembaga Pengarah :-
 - i. Dato Steven Tee
 - ii. Mr Tee Kim Hock
 - iii. Mr Johnny Tee
 - iv. Dato Mustapha Abd Hamid
 - v. Datuk Seri Ahmad Hj Kabit
- 7) Anak Syarikat Acmar International Group
 - i. Property Development:-
 - a) Pnsb Acmar Sdn Bhd
 - b) Perspektif Masa Sdn Bhd
 - c) Summit Enterprise Sdn Bhd
 - d) Usahasama Utama Sdn Bhd
 - e) Success Leadership Alliance Sdn Bhd
 - f) Acmar Development Sdn Bhd
 - g) Cahaya Kelang Construction Sdn Bhd
 - ii. Hospitality:-
 - a) Acmar Jaya (M) Bhd
 - b) Dwelling Makers Sdn Bhd
 - iii. Automative Motor & Trade:-
 - a) Actmar Sdn Bhd
 - b) Actmar Motor (M) Sdn Bhd
 - c) Actmar Auto Services Sdn Bhd
 - iv. Education:-
 - a) Top Spectrum Sdn Bhd
 - b) Applied Knowledge Sdn Bhd

8) Syarikat Yang Memulihkan projek :-

a) Dwelling Makers Sdn Bhd

9) Projek Yang Dipulihkan :-

a) Cadangan sebuah hotel 24 tingkat di atas LOT H.S (M) 14954 (P.T 21444) persiaran bukit raja 2, bukit raja, mukim kapar, selangor darul ehsan.

10) Kos Projek:-

a) Kos Keseluruhan : RM300 juta

b) Kos Pemulihan : RM165 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEMADAM.

301. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah akan diluluskan?
- b) Berapakah jumlahnya?
- c) Bagaimanakah peruntukan tersebut disalurkan?

JAWAPAN:

- a) PEMADAM Negeri Selangor merupakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang sebelum ini telah menerima **peruntukan geran tahunan daripada Kerajaan Negeri** bagi kategori **Jabatan/ Agensi/ Institusi/ Persatuan Yang Tidak Bermotifkan Keuntungan** di bawah Vot B02 (Pelbagai Perkhidmatan).

Pada tahun 2014, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan urusan penyaluran peruntukan geran tahunan kepada PEMADAM Negeri Selangor melalui peruntukan di bawah Vot B02 (Pelbagai Perkhidmatan) dengan **amaun berjumlah RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja)**, iaitu pada **10 Februari 2014**.

Manakala mulai tahun 2015, tanggungjawab penyelarasan ke atas Vot B02 (Pelbagai Perkhidmatan) telah **diletakkan di bawah Pusat Tanggungjawab: Perbendaharaan Negeri Selangor**, iaitu di bawah **Pegawai Pengawal Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor**. Sehubungan itu, sebarang pertimbangan dan kelulusan ke atas permohonan peruntukan berkenaan akan diangkat kepada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor kelak.

- b) Mulai tahun 2015, tanggungjawab penyelarasan ke atas Vot B02 (Pelbagai Perkhidmatan) telah **diletakkan di bawah Pusat Tanggungjawab: Perbendaharaan Negeri Selangor**, iaitu di bawah **Pegawai Pengawal Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor**. Sehubungan itu, sebarang pertimbangan dan kelulusan ke atas permohonan peruntukan berkenaan akan diangkat kepada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor kelak.

Untuk makluman, permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan **maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh pemohon** seperti berikut:

- (i) Laporan Program/ Aktiviti PEMADAM Negeri Selangor Bagi Tempoh Sepanjang Tahun 2014;
 - (ii) Laporan Perancangan Program/ Aktiviti PEMADAM Negeri Selangor Bagi Tempoh Sepanjang Tahun 2015;
 - (iii) Laporan Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit Berakhir Pada 31 Disember 2014; dan
 - (iv) Implikasi Kewangan Program/ Aktiviti Tahun 2015.
- c) Berdasarkan semakan dan penelitian oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor mendapati bahawa setakat ini **Kerajaan Negeri belum menerima sebarang permohonan peruntukan geran tahunan** daripada PEMADAM Negeri Selangor.

Untuk makluman, sepertimana tahun-tahun terdahulu sebarang penyaluran akan dilaksanakan **melalui akaun bank rasmi PEMADAM Negeri Selangor**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TINDAKAN DISIPLIN TERHADAP PEGAWAI MBPJ

302. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan susulan MBPJ dan Kerajaan Selangor terhadap pegawai-pegawai Unit Perundangan MBPJ yang disyaki melanggar tata tertib dalam isu kontrak papan tanda iklan yang melibatkan Laguna deBay Sdn. Bhd?
- b) Bilakah siasatan dan laporan Lembaga Disiplin MBPJ akan disiapkan?

JAWAPAN:

- a) Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membawa dan membincangkan perkara ini di dalam Mesyuarat Lembaga Tata tertib seperti berikut:

- 1. Mesyuarat Lembaga Tata tertib Bil. 7 Tahun 2014 bertarikh 8/12/2014.
- 2. Mesyuarat Lembaga Tata tertib Khas pada 18/12/2014 dan
- 3. Mesyuarat Lembaga Tata tertib Bil. 8 Tahun 2014.

Mesyuarat Lembaga Tata tertib Bil. 8 Tahun 2014 bertarikh 31/12/2014 telah memutuskan untuk melantik peguam dari Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk menjalankan siasatan dengan lebih terperinci terhadap isu tersebut.

- b) Jabatan Perkhidmatan Awam telah bersetuju untuk melantik peguam bagi membantu Majlis meneruskan siasatan berhubung dengan perkara ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)

303. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan pihak pengurusan dan lembaga pengarah YAWAS dibawah kepimpinan kerajaan negeri yang baharu?
- b) Apakah hasil kejayaan YAWAS selepas perlaksanaannya?

JAWAPAN:

a) Lembaga Pengarah YAWAS adalah terdiri daripada:

- Ahli Lembaga Pengarah

- i) Y.A.B Tuan Mohamed Azmin Bin Ali – Pengerusi
- ii) Y.B. Dato` Noordin Bin Sulaiman
- iii) Y.B. Dato` Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman
- iv) Y.Bhg. Dato' Idris Bin Md. Tahir
- v) Y.Bhg Dato' Dr. Abdul Halim Bin Harun
- vi) Y.Bhg. Dato' Siti Khamnah Bt Hashim

- Pengurusan

- i) Tuan Haji Mohd Nor Bin Mohd Zin – Pengerusi Besar
- ii) Tuan Haji Abidin Bin Hairum – Pengurus Pemasaran
- iii) Cik Sharizan Binti Mohd Shariff – Penolong Pengurus Pendaftaran
- iv) Cik S.Rodiyah Binti Naseran – Penolong Pengurus Akaun & Pentadbiran
- v) Encik Nur Adli Bin Sulaiman – Penolong Pengurus Teknologi Maklumat & Multimedia

b) Hasil kejayaan YAWAS adalah:

- Bilangan Ahli TAWAS sehingga 17hb Mac 2015 adalah 173,526 orang ahli
- Pengenalan Skim Khairat kematian kepada waris ahli berjumlah RM1,500.00 bermula 1hb Mac 2014.
- Pemberian baucer RM100.00 Jom Shopping Bonus Selangorku kepada 14,381 orang ahli TAWAS kelahiran 2008
- Pemberian baucer RM50.00 Bantuan Masuk Sekolah kepada 11,976 orang ahli kelahiran 2008.
- Peruntukan bonus tambahan sebanyak RM 30.00 kepada ahli kelahiran 2009 dan 2010.

- Memperolehi status Pengecualian Cukai Pendapatan dibawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tempoh lima (5) tahun (2012-2016).
- Sebagai pengurus dan pengendali pangkalan data bantuan Kerajaan Negeri

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : KENDERAAN BERAT PARKIR DI BAHU JALAN DI KOTA DAMANSARA

304. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang menyediakan parkir khas kenderaan berat bagi mengelakkan ia diletakkan di bahu jalan?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri kepada pemilik kenderaan berat tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis sentiasa mengambil tindakan terhadap pemilik kenderaan berat tersebut dengan mengeluarkan kompaun berdasarkan kepada undang-undang yang diguna pakai. Pada masa yang sama, sepanjang tahun 2014 pihak Majlis telah menghantar surat kepada pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebanyak dua kali bagi membantu mengambil tindakan selanjutnya.
- b) Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMBANGUNAN PKNS SPORTS CITY DI KELANA JAYA

305. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah PKNS bercadang untuk membatalkan projek ini, demi memelihara kawasan hijau yang sangat terhad di Petaling Jaya?
- b) Berapakah pampasan yang perlu dibayar kepada Melati Ehsan Holding Bhd jika projek ini dibatalkan?

JAWAPAN:

- a) PKNS melalui PKNS Holdings Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian usahasama dengan Bayu Melati Sdn Bhd pada 28 Januari 2011 untuk memajukan tapak berdasarkan dokumen yang ada dalam simpanan PKNS iaitu sebagai tapak komersial.

Berdasarkan klausa perjanjian, PKNS tidak boleh sewenang-wenangnya membatalkan projek kerana ini mempunyai implikasi perundangan.

Walaupun bagaimanapun PKNS ambil maklum ada pandangan lain yang telah dibangkitkan tentang syarat guna tanah dan PKNS juga telah melalui proses Rayuan.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri boleh menimbang semula projek ini berdasarkan kepentingan awam.

- b) PKNS bersedia untuk menimbang semula projek ini demi kepentingan awam. Sekiranya ada bantahan oleh pihak Bayu Melati ianya akan ditentukan oleh pihak mahkamah kemudian. Ada kemungkinan PKNS akan menanggung kerugian yang besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : LIMPAHAN KONKRIT DI ATAS JALAN

306. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan untuk menangani masalah jalan rosak yang disebabkan oleh konkrit yang terlimpah dari lori pembancuh konkrit.
- b) Nyatakan garis panduan pembinaan loji pembancuh konkrit di dalam negeri Selangor bagi mengelakkan permasalahan yang sering tertimbul

JAWAPAN:

- a) Jalan rosak yang disebabkan oleh konkrit yang terlimpah dari lori pembancuh konkrit JKR akan membuat kerja-kerja pembaikan jalan.
- b) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) perlu menyediakan garis panduan pembinaan loji pembancuh konkrit dengan mengadakan bengkel untuk mewujudkan garis panduan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KAWASAN INDUSTRI ZURAH RASA

307. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar lot-lot industri di Kawasan Industri Zurah Rasa masih tidak dibangunkan walaupun habis dijual?
- b) Adakah benar berpuluh-puluh lot industri di Kawasan tersebut telah dijual kepada sebuah syarikat pada awal tahun 2014? Jika benar, nyatakan harga jualan dan butir-butir lain.

JAWAPAN:

- a) Kesemua 235 lot industri Zurah telah habis dijual. Daripada 235 lot tersebut 51 lot telah didirikan bangunan, manakala baki lot adalah dalam pelbagai tindakan syarikat seperti sedang mengemukakan permohonan kelulusan pelan bangunan dan urusan pelantikan kontraktor untuk membina kilang.
- b) Tidak benar. Sepanjang tahun 2014, satu syarikat hanya membeli 1 atau 2 lot industri. Keseluruhannya sebanyak 14 lot telah dijual melibatkan 9 syarikat dengan nilai jualan RM 8,647,789.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : JOM SHOPPING UNTUK ANAK SELANGOR DI KL

308. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan Program Jom *Shopping* untuk warga Selangor yang bermastautin di KL (dengan syarat seperti Skim Mesra Usia Emas)?

JAWAPAN:

- a) Program pemberian bantuan sempena perayaan merupakan program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan khusus untuk golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang berpendapatan rendah dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Ini secara tidak langsung membantu melaksanakan agenda Kerajaan Negeri dalam meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup.

Untuk pelaksanaan program, setiap Pejabat DUN akan mengenalpasti penerima-penerima bantuan yang layak mengikut jumlah yang telah ditetapkan bagi setiap DUN dan kriteria pemilihan penerima bantuan yang ditetapkan. Setelah itu, Pejabat DUN perlu mendaftarkan maklumat bagi penerima bantuan yang layak ke dalam sistem Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS). Kriteria pemilihan penerima bantuan ini adalah seperti berikut:-

- i. Penerima bantuan mestilah beragama Buddha/ Islam/ Hindu dan berbangsa Cina/ Melayu/ India yang menyambut tiga (3) perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina/ Hari Raya Aidilfitri/ Deepavali;
- ii. Penerima bantuan mempunyai pendapatan seisi rumah RM1,500.00 dan ke bawah;
- iii. Penerima bantuan mestilah pengundi berdaftar di DUN berkenaan; dan
- iv. Hanya seorang penerima bantuan sahaja yang layak menerima baucer bagi setiap keluarga.

Manakala Skim Mesra Usia Emas (SMUE) pula merupakan skim khairat kematian, sebagai menghargai warga emas, tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan tahap sosial mereka. Ianya adalah pemberian percuma kerajaan Negeri Selangor kepada warga emas dan OKU yang layak. Apabila ahli meninggal dunia, penama yang berdaftar boleh menuntut dari Pusat Khidmat DUN di tempat mereka telah didaftarkan dan kerajaan negeri akan memberi sumbangan khairat kematian atau manfaat sebanyak RM2,500. Ianya bertujuan untuk meringankan beban pewaris dalam menyelesaikan urusan yang berkaitan dengan si mati, seperti pembayaran keseluruhan atas sebahagian kos pengurusan jenazah dan pengkebumian, menyelesaikan sebahagian atau keseluruhan hutang si mati, dan sebagainya. Syarat-syarat kelayakan permohonan bagi Skim Mesra Usia Emas (SMUE) adalah seperti berikut:-

- Warga emas yang layak mendaftar adalah seorang warganegara Malaysia berumur 60 tahun dan ke atas yang:-
 - i. Lahir dan sedang menetap di Negeri Selangor; ATAU
 - ii. Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974 dan sedang menetap di Negeri Selangor atau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; ATAU
 - iii. Bermastautin di Negeri Selangor secara sah sekurang-kurangnya 15 tahun (bagi yang bukan kelahiran Negeri Selangor).

Secara dasarnya, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan mengambil maklum dan menyokong syor dan cadangan supaya memperluaskan Program Pemberian Bantuan Bersempena Perayaan kepada rakyat Negeri Selangor yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti yang dilaksanakan di dalam program Skim Mesra Usia Emas/ OKU. Namun begitu, ketetapan peruntukan program ini adalah terhad dan tertakluk kepada peruntukan tahunan semasa Kerajaan Negeri. Manakala peruntukan mengikut DUN pula adalah bergantung kepada anggaran jumlah pengundi kaum berkenaan mengikut daftar pemilih serta tertakluk kepada kelulusan MMKN. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan juga berpandangan bahawa peruntukan ini perlu dikawalselia sebaik mungkin bagi mengurangkan aras kebergantungan rakyat Selangor terhadap bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor serta melahirkan rakyat yang berdikari dan proaktif untuk menjana/ meningkatkan pendapatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENJENAMAAN SEMULA MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

309. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos yang terlibat yang menjenama semula MDSB (logo dan cogan kata)?
- b) Apakah justifikasi kepada penjenamaan ini?

JAWAPAN:

- a) Kos yang terlibat bagi penjenamaan semula MD. Sabak Bernam bagi Logo dan Cogan Kata adalah seperti berikut;-

Hadiah Pertandingan mencipta logo

Johan RM500.00

N. Johan RM350.00

Ketiga RM150.00

Hadiah mencipta Motto

Johan RM200.00

N. Johan RM150.00

Ketiga RM100.00

Plak 6 Unit RM720.00

Buku Manual Korporat RM3500.00

JUMLAH KESELURUHAN RM5,670.00

- b) Justifikasi Penjenamaan

Pembaharuan identiti dan imej MD. Sabak Bernam tetapi masih mengekalkan elemen padi dan pertanian sebagai sumber utama Sabak Bernam pada Logo.

Merubah dan menambah semangat bekerja warganya setelah 38 tahun logo tidak pernah dijenamakan.

Cogankata "BERDAYA, BERBAKTI, BERKUALITI" adalah satu suntikan semangat dan perlambangan matlamat baru selaras dengan misi MDSB

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN UNTUK TUJUAN BANGUNAN
TAPAK TADIKA TAMAN KANAK-KANAK AIK KUAN**

310. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status atau keputusan permohonan pelupusan secara pemberimilikan tanah Kerajaan di bawah Seksyen 76 kanun Tanah Negara di kawasan Taman Seri Jarom Mukim bandar Jenjarom untuk tujuan bangunan tapak Tadika Taman Kanak-kanak Aik Kuan?

JAWAPAN:

- a) Kertas ringkasan permohonan ini akan dikemukakan ke PTGS dalam masa terdekat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : KRISIS BEKALAN AIR

311. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan satu pelan yang lengkap untuk mengelakkan masalah bekalan air, khususnya di DUN Teratai?
- b) Apakah pelan tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bertindak mengikut jadual perancangan untuk menangani krisis bekalan air?

JAWAPAN:

a) dan b)

Masalah gangguan air yang dihadapi oleh penduduk di Negeri Selangor termasuk DUN Teratai adalah berkait rapat dengan rizab bekalan air yang pada ketika ini amat nipis sekali, iaitu pada kadar 2%. Negeri Selangor merupakan negeri yang menjadi tumpuan di mana kadar pertumbuhan penduduk di Negeri Selangor adalah pada kadar 2.7%. Dengan rizab yang nipis ditambah dengan pertumbuhan penduduk yang tinggi, menjadikan permintaan terhadap bekalan air menjadi semakin tinggi. Namun keadaan permintaan air yang tinggi ini turut dipengaruhi oleh kadar kehilangan air tak berhasil (NRW) yang masih tinggi iaitu sekitar 34.00% setakat 31 Disember 2014.

Kegagalan SYABAS untuk menurunkan NRW kepada sasaran iaitu sekitar 20% pada tahun 2012 setelah berbelanja kira-kira RM1billion telah menyumbang kepada rizab bekalan air yang nipis di mana kegagalan tersebut telah menyebabkan pengguna Negeri Selangor dinafikan untuk mendapat potensi tambahan air bersih sebanyak lebih 600Mld yang mampu memenuhi keperluan sehingga selepas tahun 2020.

Untuk penyelesaian jangka pendek, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Projek Mitigasi 2 yang dijadualkan siap pada akhir tahun 2015 ini. Dengan siapnya Projek Pembangunan Langat 2, Fasa 1 yang dijadualkan pada tahun 2017, ia dapat meningkatkan bekalan air bersih sebanyak 1130 JLH meliputi kawasan agihan bekalan air seperti berikut:-

- i. 520 JLH ke kawasan Petaling, Sg Besi, Kinrara dan Puchong (Koridor Barat);

- ii. 325 JLH ke kawasan KL Selatan dan Pusat Bandar Kuala Lumpur; dan
- iii. 285 JLH ke kawasan Ampang, KL Timur dan KL Utara (Koridor Utara)

Kerajaan Negeri Selangor juga telah bersetuju dengan pelaksanaan Pemindahan Air 500JLH Dari Terowong Langat 2 ke Sg. Langat oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Projek ini adalah bertujuan untuk memperkasakan daya ketahanan (*resilience*) Sg. Langat dalam usaha menyediakan kecairan air sungai (*dilution*) utk LRA Cheras Bt. 11 dan Bukit Tampoi. Projek telah disiapkan pada 6 Februari 2015.

Kerajaan Negeri Selangor pada masa yang sama juga sedang membangunkan Projek *Hybrid of River Augmentation Storage/System* (HORAS) bagi menambah sumber air mentah di Sungai Selangor. Dengan terlaksananya projek HORAS ini, pengeluaran air terawat dari Loji SSP 1, SSP 2 dan SSP 3 dapat dioptimumkan pengeluarannya bagi menampung permintaan yang semakin bertambah.

Untuk penyelesaian bekalan air jangka panjang, Kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan sasaran utama memastikan bekalan air sentiasa mencapai kualiti yang baik dan kuantiti yang mencukupi selepas tahun 2021, meningkatkan rizab bekalan air bersih kepada kadar 15% dan memastikan kadar NRW dapat dikurangkan sekurang-kurangnya 25% pada tahun 2021. Bagi mencapai sasaran tersebut, beberapa projek pembangunan sumber air telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK11) antaranya adalah seperti berikut:-

- i. Projek Pemulihan Sumber Air Sungai Langat Untuk Loji Bukit Tampoi dan Batu 11 Cheras dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan (fasiliti) untuk mengurangkan kandungan ammonia di dalam Sungai Langat bagi memastikan pengeluaran yang konsisten sepanjang tahun.
- ii. Penyaluran Air Mentah Sungai Bernam Meningkatkan dan memperkasakan keupayaan sumber air mentah di Sungai Selangor
- iii. Pembangunan ORS Semenyih Mengadakan sumber air tambahan 200 JLH untuk sistem bekalan air Semenyih.
- iv. Pembangunan sumber air mentah Lembangan Sungai Klang Menambah keperluan sumber air mentah bagi menangani pertambahan permintaan bekalan air untuk kawasan sekitar koridor Lebuhraya ELITE dan Lebuhraya KESAS termasuk Shah Alam Selatan, Klang Selatan, Banting dan KLIA.

- v. Menambah Kapasiti Empangan Tasik Subang Meningkatkan *yield* sumber air sebanyak 100 JLH untuk pembesaran loji North Hummock.
- vi. Pembangunan Sumber Air Di Pulau Ketam Mencari sumber air mentah bagi menampung permintaan air bersih di Pulau Ketam, Negeri Selangor
- vii. Pemasangan Paip Agihan Di Koridor Selatan (Hulu Langat) Untuk Sistem Agihan Langat 2
- viii. Program Penggantian Paip Lama

Kerajaan Negeri Selangor juga merancang untuk membuat satu kajian menyeluruh mengenai sumber air mentah, permintaan dan pembekalan serta pengagihan air terawat meliputi seluruh Negeri Selangor dalam usaha untuk meneliti dan menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh pengguna di seluruh Negeri Selangor. Hasil kajian ini kelak boleh digunakan untuk menambah baik sistem bekalan air sedia ada serta mengujudkan satu sistem *inter-connectivity* yang menyeluruh.

- c) Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan keperluan untuk menyelesaikan semua masalah bekalan air yang dihadapi oleh pengguna khususnya rakyat Negeri Selangor. Keperluan terhadap bekalan air bersih yang mencukupi merupakan hak asasi kepada rakyat. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memastikan setiap projek yang telah dirancang dalam usaha untuk memastikan krisis bekalan air tidak berulang lagi akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN TIONGHUA

312. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terbaru pembinaan Pusat Kebudayaan Tionghua
- b) Bilakah pembinaan pusat kebudayaan ini boleh bermula?
- c) Bilakah pusat kebudayaan ini dijangka siap?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Dari segi latar belakang mengenai pembinaan Pusat Kebudayaan Tionghoa, satu pameran yang telah diadakan di Pusat Membeli Belah AEON Bukit Raja, Bandar Baru Klang pada 27 Jun hingga 1 Julai 2012 telah mempamerkan cadangan pembinaan Pusat Kebudayaan Melayu, Tionghoa dan India bersama-sama dengan pameran Pelan Induk Perancangan Pembangunan Sungai Klang.

Kerajaan Negeri pada waktu itu meneliti dan memperhalus segenap aspek bagi memastikan penubuhan projek ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya kepada penggiat-penggiat seni di Negeri Selangor. Konsep dan pengisian juga merupakan salah satu aspek yang dikaji bagi menjadikan Pusat Kebudayaan Melayu, Tionghoa dan India ini menepati objektif pembangunan. Walau bagaimanapun, oleh sebab ketiadaan pelan tindakan yang komprehensif telah mengakibatkan projek ini tertangguh.

Perancangan asal adalah supaya pembangunan ketiga-tiga Pusat Kebudayaan Negeri Selangor ini adalah selari dengan pengumuman pakej rangsangan pembangunan Sungai Klang yang akan menempatkan Pusat-pusat Kebudayaan Negeri Selangor ini di sepanjang Sungai Klang. Pembangunan Sungai Klang yang dijangka akan mengambil masa sekitar 30 tahun turut dijangka akan menelan belanja sebanyak RM70bilion. Memandangkan kos pembangunan yang begitu besar, Kerajaan Negeri harus meneliti perkara-perkara teknikal supaya perancangan dan pemajuan ini dapat berjalan lancar dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan *stakeholders* yang berkenaan.

Kerajaan Negeri di bawah Pentadbiran yang baru walau bagaimanapun masih komited dan akan meneliti semula pembangunan Pusat Kebudayaan Negeri melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu yang akan ditubuhkan untuk memastikan objektif dan hasrat mewujudkan pusat kebudayaan ini tercapai. Namun demikian, Kerajaan Negeri pada masa ini tidak dapat menjangkakan tarikh pembinaan dan pembukaan Pusat Kebudayaan Negeri. Pembinaan Pusat Kebudayaan ini akan dilaksanakan dengan kadar segera selepas satu (1) pelan tindakan pembangunan yang baru dihasilkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU LADANG AIR MANIS OLEH
PNSB**

313. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah status terkini cadangan projek tersebut ?
- b) Sila nyatakan apakah kekangan utama yang dihadapi oleh PNSB sehingga projek tersebut masih belum dimulakan ?
- c) Sila senaraikan secara terperinci keseluruhan cadangan pembangunan tersebut ?

JAWAPAN:

- a) Kelulusan Kebenaran Merancang telah diluluskan Oleh Majlis Daerah Sabak Bernam pada 26 September 2014. Kelulusan OSC bagi Pelan Bangunan, Infra dan lain-lain secara serentak telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa OSC, Majlis Daerah Sabak Bernam secara bersyarat pada 18 Februari 2015 dan diperakukan kelulusannya pada 18 Mac 2015.
- b) Majlis Daerah Sabak Bernam telah meluluskan Kebenaran Merancang pertama pada 20 Februari 2013, walau bagaimanapun ianya terpaksa ditangguhkan disebabkan terdapat cadangan Jajaran Jalan FR5 (Tanjung Karang – Hutan Melintang) oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia yang melibatkan sebahagian tanah milik PNSB berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) ke 33/2014 pada 27 Ogos 2014 telah menimbang dan bersetuju dengan kajian perubahan dan pembinaan jajaran alternatif melalui terusan utama (bund canal) bagi menggantikan jajaran FR5 (Tanjung Karang – Hutan Melintang). Keputusan ini telah menyebabkan tanah PNSB tidak lagi terlibat dengan jalan berkenaan dan pembangunan berkenaan boleh diteruskan.

- c) Berikut adalah komponen terperinci cadangan pembangunan sebagaimana kelulusan Kebenaran Merancang oleh Majlis Daerah Sabak Bernam bertarikh 26 September 2014 ;

JENIS PEMBANGUNAN	UNIT	LUAS (EKAR)	%
<u>Perumahan</u>			
Rumah Teres Sederhana 2 Tingkat (20'x90')	32	1.44	5.73
Rumah Bandar Kos Sederhana (22'x60')	48	0.804	3.20
Rumah Bandar Kos Sederhana (22'x80')	56	1.271	5.05
Pangsapuri Rumah Selangorku 5-13 Tingkat	260	3.71	14.77
Jumlah Kecil	396	7.225	28.76
<u>Perniagaan</u>			
Stesen Minyak	1	1.00	3.98
Pusat Penjaja (R&R) – Serah kepada MDSB	1	1.73	6.88
Kedai Pejabat 3 Tingkat (22'x70')	13	0.461	1.84
Kedai Pejabat 4 Tingkat (22'x70')	7	0.407	3.45
Jumlah Kecil	22	3.598	14.31
<u>Kemudahan Infrastruktur & Utiliti</u>			
Pencawang Elektrik	2	0.208	0.83
Kolam Takungan Air	-	1.250	4.74
Loji Rawatan Kumbahan	-	0.617	2.60
Tangki Air	-	0.247	0.98
Kawasan Lapang	-	2.48	9.92
Simpanan Parit	-	0.98	3.93
Rezab Jalan dan Lorong	-	8.413	33.65
Jumlah Kecil	2	13.577	54.54
JUMLAH KESELURUHAN		25.00	100.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : KOS SARA HIDUP TINGGI

314. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk meringankan kesan kos sara hidup yang tinggi?
- b) Adakah terdapat usaha bersama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menangani hal ini?
- c) Nyatakan keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh EXCO Portfolio Hal Ehwal pengguna?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri memandang berat berkenaan peningkatan kos sara hidup yang tinggi yang dihadapi oleh rakyat akibat dari kesan peningkatan harga minyak dan barang keperluan walaupun kawalan ke atas perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Melalui program-program yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri, sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban rakyat untuk menjalani kehidupan seharian. Sebagai contoh Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah melaksanakan program Jom Shopping kepada individu yang telah dikenalpasti untuk menerima bantuan baucar perayaan sebanyak RM100.00 bagi setiap keluarga yang layak mengikut perayaan kaum.

Bantuan-bantuan lain juga turut disediakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa tetap Negeri Selangor seperti bantuan peralatan, bina semula atau baik pulih, dana usahawan dan sebagainya kepada golongan yang layak menerima bantuan untuk membantu mereka menjana pendapatan sendiri untuk jangka masa yang panjang tanpa mengharapkan sepenuhnya bantuan daripada Kerajaan Negeri, Lembaga Zakat Selangor atau lain-lain agensi. Melalui jaringan ini, sedikit sebanyak akan mampu untuk mengurangkan beban ekonomi rakyat Selangor untuk meneruskan kehidupan yang sempurna.

- b) Peningkatan kos sara hidup yang tinggi bukan sahaja memberi kesan kepada masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana, malah ianya secara tidak langsung menjadi beban kepada rakyat yang tinggal di kawasan bandar untuk meneruskan kehidupan mereka.

Dalam usaha menangani isu ini, Kerajaan Negeri belum ada sebarang usahasama dengan Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, sekiranya terdapat cadangan atau pandangan secara khusus mengenai hal tersebut adalah disambut baik dan akan diteliti dalam usaha membantu mengurangkan beban rakyat selaras dengan dasar Negeri Selangor Pembangunan Berkualiti Rakyat Dipedulikan.

Walau bagaimanapun, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor terdapat bantuan-bantuan yang telah disediakan adalah seperti berikut :-

BIL	BANTUAN PERSEKUTUAN	BANTUAN NEGERI
1.	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	Bantuan Am
2.	Bantuan Orang Tua	

Melalui pemberian bantuan ini, sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang memerlukan bantuan menampung kos sara hidup mereka dan sebagai tambahan kepada keperluan seharian.

- c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh EXCO Portfolio Hal Ehwal pengguna dalam membantu meringankan kesan kos sara hidup yang tinggi dilihat berkesan melalui Program-Program yang dianjurkan di daerah-daerah. Program-program ini memberi kesedaran masyarakat terhadap bantuan yang diberikan oleh kerajaan Negeri Selangor Negeri Selangor seperti Skim Mesra Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, Tabung Anak Pekerja Ladang, Mikro Kredit Selangor dan Insentif Perkahwinan Belia di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Masyarakat yang terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi dapat menggunakan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui Program tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : BONUS KAKITANGAN MBPJ SELAMA TIGA BULAN

315. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah tidak kerajaan Selangor menetapkan satu garis panduan untuk menentukan bonus dan ganjaran kepada kakitangan-kakitangan PBT?
- b) Elaun yang terlalu rendah akan mendorong gejala rasuah. Adakah kerajaan bercadang menyelaraskan elaun bulanan Ahli Majlis supaya setara dengan beban tugas dan tanggungjawab mereka?

JAWAPAN:

- a) Pada dasarnya, pemberian bonus atau imbuhan tahunan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri (merujuk kepada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dilaksanakan bagi mengenang budi dan menghargai sokongan serta komitmen yang diberikan oleh penjawat awam dalam mencapai matlamat pembangunan Negeri Selangor.

Garis panduan pembayaran bonus atau imbuhan tahunan ini disediakan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (BPSM) dengan kerjasama Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) dan dibentangkan di dalam MMKN bagi tujuan pertimbangan selanjutnya sama ada cadangan ini boleh dilaksanakan atau sebaliknya.

Keputusan MMKN berserta garis panduan berkaitan pembayaran bonus atau imbuhan tahunan ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun Negeri (BBN) dan anak syarikat untuk disahkan pemakaiannya oleh pihak berkuasa masing-masing. Pemakaian garis panduan ini sepatutnya dilaksanakan selari dengan penetapan yang telah diputuskan oleh MMKN dan sebarang penambahan kepada kadar bonus atau imbuhan yang ditetapkan oleh MMKN, perkara ini sepatutnya dirujuk semula kepada pertimbangan MMKN.

- b) Setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menyemak elaun bulanan Ahli Majlis. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan meneliti Elaun jika ada keperluan berdasarkan bebanan tugas yang ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : LEBUHRAYA EKVE

316. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah semua kelulusan telah diberi untuk pembinaan lebuh raya EKVE bermula?
- b) Sila kemukakan tarikh setiap peringkat kelulusan diberi.

JAWAPAN:

- a) Kelulusan yang telah diberikan adalah:
 - i. Jajaran EKVE
 - ii. Pewartaan Jajaran EKVE dalam Rancangan Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
 - iii. Seksyen 4 dan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960
 - iv. Pewartaan Jajaran EKVE sebagai Rizab Jalan (Lebuh raya)
- b) Berikut adalah kronologi (berserta tarikh) kelulusan yang telah diberikan:

BIL.	TARIKH	PERKARA	AGENSI KERAJAAN TERLIBAT
1	19/04/2010	Kelulusan Jajaran EKVE	Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil. 2/2010
2	19/11/2010	Kelulusan pemilihan opsiyen 8C sebagai jajaran EKVE	Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil. 41/2010
3	20/01/2011	Pewartaan jajaran EKVE di dalam Rancangan Tempatan MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
4	20/01/2011	Pewartaan jajaran EKVE di dalam Rancangan Tempatan MPS	Majlis Perbandaran Selayang
5	08/03/2011	Kelulusan (Terma Rujukan) DEIA	Jabatan Alam Sekitar
6	17/03/2011	Pewartaan Pelan Pengambilan Balik Tanah Seksyen 4	Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan

BIL.	TARIKH	PERKARA	AGENSI KERAJAAN TERLIBAT
			Negeri (MMKN) dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)
7	26/05/2011	Pewartaan jajaran EKVE di dalam Rancangan Tempatan MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
8	26/11/2012	Pewartaan Pelan Pengambilan Balik Tanah Seksyen 4 (<i>extension</i>)	Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)
9	13/02/2013	Perjanjian Konsesi ditandatangani	Kementerian Kerja Raya Malaysia
10	25/04/2013	Kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar Terperinci (DEIA)	Jabatan Alam Sekitar
11	11/10/2013	Kelulusan Laporan Kajian Pendapat Awam (POS)	Kementerian Kerja Raya Malaysia
12	07/11/2013	Pewartaan Pelan Pengambilan Tanah Seksyen 8	Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS)
13	15/11/2013	Kelulusan Laporan Pengurusan Hidupan Liar (WMP)	Ibu Pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
14	08/01/2014	Kelulusan Pelan Kawalan Hakisan dan Mendapan (ESCP)	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor
15	30/01/2014	Pewartaan Prosedur Siasatan Awam (Public Inquiry)	Jawatankuasa Siasatan Awam Kerajaan Negeri Selangor

BIL.	TARIKH	PERKARA	AGENSI KERAJAAN TERLIBAT
16	03/12/2014	Kelulusan dan Pewartaan Jajaran EKVE Fasa 1 sebagai Rizab Jalan (Lebuhraya)	Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil. 45/2014
17	08/12/2014	Kelulusan pemansuhan sebahagian daripada Hutan Simpan Hulu Langat, Hutan Simpan Bukit Sungai Putih, Hutan Simpan Ulu Gombak dan Hutan Simpan, Ampang	Lembaga Lebuhraya Malaysia

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENCEMARAN AIR MENTAH

317. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan strategi Kerajaan menangani permasalahan pencemaran air mentah yang sering berulang sehingga operasi LRA terjejas.
- b) Nyatakan tindakan yang telah di ambil untuk mengatasi masalah itu dengan terperinci.
- c) Senaraikan syarikat yang telah didakwa ke mahkamah berserta dengan hukumannya masing-masing dari 2013-kini.

JAWAPAN:

- a) Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), pemantauan dan siasatan (berkala dan tidak berkala) dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya. Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dilaksanakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,
- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan dilaksanakan dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012,
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, semua aktiviti yang dijalankan melibatkan badan air, dan
- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya :

- i. Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai,
- ii. Menyediakan daftar sumber air Negeri untuk tujuan kawalan dan penguatkuasaan,
- iii. Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisaan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat, dan
- iv. Pembangunan *Decision Support System, (DSS)* bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012**
melibatkan 7 Aktiviti Berjadual iaitu akuakultur udang laut, akuakultur air tawar, kawasan pembangunan atau kerja tanah, penternakan selain babi, penternakan babi, haiwan kesayangan dan pencucian pasir/kuari.
- **Pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan Pendakwaan.**
Untuk kes pencemaran minyak Sungai Selangor yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes Selangor tersebut sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Shah Alam.
- **Pewartaan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan.**
Tiada aktiviti berisiko tinggi yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran air sungai dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan. Sungai Selangor telah pun diwartakan. Sungai Langat, Sungai Semenyih dan anak-anak sungai lain sedang dalam tindakan pewartaan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Selangor;
- **Pembangunan *Decision Support System, (DSS)***
pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.

- b) Gangguan operasi Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih pada 15 Februari serta 3, 7 dan 19 Mac 2015 adalah disebabkan penurunan parameter pH serta peningkatan parameter Mangan dan Ammoniakal Nitrogen di Sungai Semenyih.

Siasatan bersepadu telah dilaksanakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat, Majlis Perbandaran Kajang dan Konsortium ABASS Sdn Bhd bagi mengenalpasti punca pencemaran ini. Operasi pemantauan kualiti air sungai secara statik turut dijalankan di beberapa kawasan yang disyaki.

Bagi gangguan pada 15 Februari 2015, hasil siasatan mendapati beberapa sampel air Sungai Semenyih mencatatkan bacaan parameter pH yang rendah antara 3.0 – 4.0. Namun, kesannya hilang apabila siasatan dijalankan di kawasan yang lebih hulu. Ini dipercayai pelepasan dilakukan dalam tempoh yang singkat serta kesannya telah hilang dan telah mengalir ke kawasan hilir. Turut ditemui Sungai Purun, iaitu anak Sungai Semenyih yang mencatatkan bacaan pH yang rendah iaitu 2.7 dan dikenalpasti sebuah kilang yang melepaskan efluen dengan bacaan pH yang tidak mematuhi piawaian berdasarkan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 dan kini dalam tindakan JAS.

Bagi gangguan pada 3, 7 dan 19 Mac 2015, sehingga kini tiada punca yang signifikan yang dikenalpasti menyumbang kepada masalah ini. Pemantauan di Sungai Purun pula mendapati paras pH adalah menunjukkan bacaan yang baik. Pemantauan akan terus dijalankan secara berkala bagi mengenalpasti punca sebenar masalah ini.

Gangguan operasi Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Semenyih yang disebabkan oleh pelanggaran parameter Mangan ini merupakan isu baru dan kali pertama dihadapi. Kekurangan sumber rujukan antara kekangan yang dihadapi dalam mengenalpasti punca pencemaran.

Pihak LUAS juga telah mendapatkan perkhidmatan Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar UPM untuk menjalankan pensampelan dan analisis bagi membantu siasatan. Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi, tiada perbezaan yang ketara bagi parameter pH dan Mangan berbanding garis panduan kualiti air Minum Kebangsaan untuk air mentah yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

- c) Sejumlah 5 syarikat yang telah didakwa ke mahkamah dan kini masih dalam perbicaraan. Senarai syarikat tersebut ialah :

Bil.	Nama Syarikat	Tahun diambil Tindakan	Seksyen Kesalahan	Hukuman	Status Tindakan
1.	Muhibbah Mok Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan denda harian RM 5,000.00 setiap hari kesalahan.	Masih dalam perbicaraan
2.	Muhibbah Mok Workshop Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan denda harian RM 5,000.00 setiap hari kesalahan.	Masih dalam perbicaraan
3.	Ng Kim Bok Realty Sdn Bhd	2013	s.79(1) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan denda harian RM 5,000.00 setiap hari kesalahan.	Masih dalam perbicaraan
4.	Masgenuine Alliance Holdings Sdn Bhd	2015	s. 43(1) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 50,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.	Masih dalam perbicaraan
			s.121(1) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 50,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.	
			s.50(2)(e) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.	

			p.3(1) Peraturan- Peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012	Denda tidak melebihi RM 10,000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.	
5.	Masgenuine I- Berhad	2015	s. 43(1) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 50,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua- duanya.	Masih dalam perbicaraan
			s.121(1) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 50,000.00 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua- duanya.	
			s.50(2)(e) Enakmen LUAS 1999	Denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua- duanya.	
			p.3(1) Peraturan- Peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012	Denda tidak melebihi RM 10,000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : KEKURANGAN LAMPU JALAN DI LUAR KAWASAN PBT ATAU JKR

318. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan negeri berhasrat mengkaji semula dasar penambahan lampu jalan-jalan di luar kawasan PBT atau JKR memandangkan Kerajaan Persekutuan tidak lagi melaksanakan 10 tiang lampu baru setahun untuk setiap mukim sejak 2008. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk mengkaji semula dasar penambahan lampu jalan-jalan di luar kawasan PBT atau JKR. Ini kerana, Kerajaan Negeri lebih memfokuskan kepada kerja-kerja baik pulih jalan di kawasan kampung-kampung yang menjadi isu yang besar. Bermula tahun 2015 juga, Kerajaan Negeri telah menaikkan peruntukan bagi penyelenggaraan jalan kampung kepada RM12 juta berbanding RM4 juta pada tahun lepas. Peningkatan peruntukan ini adalah untuk menaiktaraf jalan-jalan kampung atau dikenali sebagai jalan PLB supaya mencapai spesifikasi minimum dan dapat didaftarkan di dalam sistem MARRIS. Selepas baik pulih jalan selesai, Kerajaan Negeri akan memberikan penumpuan sepenuhnya kepada dasar penambahan lampu jalan di kawasan kampung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PROJEK PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN AWAM DESA

319. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pecahan peruntukan yang disediakan untuk penambahbaikan kemudahan awam desa di seluruh Negeri Selangor
- b) Nyatakan kawasan yang terlibat dengan projek penambahbaikan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM4 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/02004 - Kemudahan Asas Desa** untuk tahun 2015 khas untuk penambahbaikan kemudahan asas desa termasuklah balairaya dan dewan orang ramai di Negeri Selangor.
- b) Semua Pejabat Daerah/Tanah telah dimaklumkan mengenai peruntukan tersebut dan telah mengemukakan senarai cadangan projek bagi menaiktaraf kemudahan asas desa di daerah masing-masing. Memandangkan peruntukan tersebut tertakluk kepada keperluan, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri sedang dalam proses penilaian dan membuat lawatan tapak bagi mengenal pasti projek yang mempunyai keperluan untuk dinaiktaraf menggunakan peruntukan tersebut serta kewajaran kos projek yang dicadangkan. Selain daripada itu, aspek kekerapan penggunaan/aktiviti juga penting untuk diteliti bagi mendapatkan pulangan terbaik bagi setiap wang peruntukan yang di belanjakan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK : ISU PKNS-MELATI EHSAN KOMPLEKS SUKAN KELANA JAYA

320. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap usahasama PKNS dan Melati Ehsan Holdings Bhd untuk tanah kompleks sukan Kelana Jaya?
- b) Adakah PKNS telah menandatangani apa-apa perjanjian dengan Melati Ehsan Holdings Bhd berkenaan dengan pembangunan ini?
- c) Apakah terma-terma utama perjanjian tersebut?

JAWAPAN:

a) dan b)

PKNS melalui PKNS Holdings Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian usahasama dengan Bayu Melati Sdn Bhd pada 28 Januari 2011 untuk memajukan tapak berdasarkan dokumen yang ada dalam simpanan PKNS iaitu sebagai tapak komersial.

Berdasarkan klausa perjanjian, PKNS tidak boleh sewenang-wenangnya membatalkan projek kerana ini mempunyai implikasi perundangan.

Walaupun bagaimanapun PKNS ambil maklum ada pandangan lain yang telah dibangkitkan tentang syarat guna tanah dan PKNS juga telah melalui proses Rayuan.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri boleh menimbang semula projek ini berdasarkan kepentingan awam.

c) **Joint Venture Agreement**

Perjanjian menjelaskan obligasi PKNS Holdings dan Bayu Melati Sdn Bhd di dalam pemajuan projek tersebut. Bayu Melati Sdn Bhd bertanggungjawab penuh di dalam kos pembangunan, dokumentasi jualan dan penyerahan hakmilik individu kepada pembeli.

Untuk balasan, PKNS Holdings akan menerima tunai sebanyak RM387 juta dimana RM81.2 juta akan diserahkan kepada PKNS sebagai harga tanah.

PKNS Holdings juga akan menerima 'in kind' sebanyak RM35.5 juta yang mana akan diserahkan keseluruhannya kepada PKNS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK : PETAK PARKIR DAERAH KUALA LANGAT

321. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah hasil kutipan yang diperolehi di Daerah Kuala Langat?
- b) Kos dibelanjakan untuk menyelenggara mesin bayar dan peraga sejak Tahun 2013 hingga kini?
- c) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pengutip parkir haram di Daerah Kuala Langat?

JAWAPAN:

a)

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
2014	233,387.28

b)

TAHUN	KOS (RM)
2013	11,031.00
2012	10,783.00

- c) Mengambil tindakan di bawah UUK4, Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Daerah Kuala Langat) 2005

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : CADANGAN PEMASANGAN PENCAWANG ELEKTRIK DAN
PEMBINAAN LEBUHRAYA SUKE**

322. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Kerajaan Negeri akan mengemukakan laporan penilaian sosial impak dan keputusan uji tanah ("soil test") berkenaan cadangan pemasangan pencawang elektrik dan lebuh raya SUKE di Zone 24, MPAJ dan Taman Cheras Hartamas kepada orang awam?

JAWAPAN:

- a) Hasil kajian penilaian cerun (termasuk "soil test") di Bukit Sg Puteh Tambahan oleh pihak Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. telah dibentangkan pada 7 Mei 2010 kepada YB ADUN Teratai, Pegawai Daerah Hulu Langat dan wakil penduduk Taman Bukit Segar Jaya di Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat.

Manakala, menurut Akta Kualiti Alam Sekitar (1974), EIA dan SIA tidak diperlukan bagi tujuan pembinaan menara-menara talian penghantaran elektrik. Namun demikian, pihak TNB telah menyediakan Environment Management Plan (EMP) bagi Projek Talian Penghantaran Elektrik 275/132KV dari Taman Cheras Hartamas ke PMU Mahkota Cheras dan laporan tersebut telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri pada 29 Ogos 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : BEKALAN AIR BERSIH DI TAMAN NAQSYABANDIAH, BATU 18,
JALAN SEMENYIH**

323. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Ingin tahu kerja-kerja pembekalan air bersih ke Taman Naqsyabandiah, Batu 18 Jalan Semenyih. Apakah status tender ketika ini sama ada kerja-kerja tender sudah di "*handover*" atau sebaliknya.
- b) Mohon dinyatakan kos bagi projek tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja pembekalan air ke kampung Naqsyabandiah, Batu 18, Jalan Semenyih telah disiapkan oleh SYABAS pada 13 Ogos 2014 dan ianya melibatkan kerja-kerja berikut:-
 - i. Pembinaan tangka menara berkapasiti 33,000 gelen;
 - ii. Pembinaan sebuah rumah pam dan system pengepaman dan pemasangan paip ke sistem retikulasi kampung Naqsyabandiah; dan
 - iii. Membaikpulih dan menaik taraf kapasiti tangka sedia ada.'
- b) Keseluruhan kos kerja adalah berjumlah RM2,181,742.49

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEGAGALAN PKNS DALAM PJ SENTRAL

324. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah pegawai-pegawai atasan PKNS masih melakukan kesilapan ketara berkenaan klausa dan artikel Shareholder Agreement dan M&A PJ Sentral Development Sdn. Bhd., satu projek usahasama dengan Nusa Gapurna walaupun PKNS telah menandatangani Integrity Pact dengan Transparency International (TI)?

JAWAPAN:

- a) Dakwaan YB Kampung Tunku bahawa PKNS telah melakukan kesilapan setelah menandatangani Intergriti Pledge adalah tidak tepat kerana projek usahasama dimeterai pada tahun 2007. Intergriti Pledge mula diusahakan dengan SPRM pada 14 November 2012.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak bermakna PKNS tidak berpegang kepada prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam setiap gerak kerja dan usahasanya.

Pihak PKNS telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menangani isu yang dibangkitkan dengan membuat penambahbaikan seperti berikut :

- i) Menyemak semula semua polisi, garis panduan dan tadbir urus korporat ; dan
- ii) Memperkemas program kesedaran integriti kepada anggota PKNS

Bagi isu projek usahasama PJ Sentral, PKNS ambil maklum di atas teguran dan pandangan Bahagian Audit dan pihak Pengurusan PKNS telah mengambil tindakan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN RAYA DI KOTA DAMANSARA

325. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan kerajaan negeri untuk menyelenggara jalan di kawasan Kota Damansara pada tahun 2014?
- b) Senaraikan kontraktor yang dilantik untuk menyelenggara jalan di kawasan Kota Damansara pada tahun 2014?
- c) Bagaimana kerajaan negeri memantau setiap projek penyelenggaraan yang dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan peruntukan jalan bagi kawasan DUN Damansara bagi tahun 2014 :

Peruntukan MARRIS – RM 1,615,890.00

- b) 4 projek penurapan jalan telah dikeluarkan di kawasan DUN Kota Damansara. Kontraktor yang dilantik adalah seperti berikut :-
 - 1. Hariss Zakwan Sdn Bhd
 - 2. Roza Niaga
 - 3. Peruna Bina Enterprise
 - 4. Setia Elektrik Enterprise
- c) Setiap kontraktor yang dilantik perlu menjalankan kerja-kerja penurapan jalan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam kontrak kerja. Pembayaran akan dibuat berdasarkan pelaksanaan yang telah diperakui oleh pihak Majlis

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENDAPATAN PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

326. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pendapatan dan jumlah kewangan terkumpul PNSB pada tahun 2014?
- b) Apakah sumber-sumber hasil untuk pendapatan PNSB?

JAWAPAN:

a) dan b)

Seperti di Lampiran 1.

LAMPIRAN 1

Pertanyaan-pertanyaan mulut dan bertulis daripada YB Ahli Dewan Negeri Selangor (N03 SUNGAI PANJANG)

a) Jumlah pendapatan PNSB pada tahun 2014

Tahun	2014 (Belum audit) RM
Perolehan	47,817,000
Lain-Lain Perolehan	16,345,000
Perbelanjaan	21,737,000
Keuntungan / (Kerugian) Sebelum Cukai	42,425,000
Keuntungan / (Kerugian) Selepas Cukai	33,310,000

Jumlah kewangan terkumpul PNSB pada tahun 2014

	RM
Simpanan Tetap dan REPO	85,000,000
Tunai	4,561,814

b) Sumber-sumber hasil untuk pendapatan PNSB

- 1) Projek Usahasama
- 2) Projek Pembangunan PNSB
- 3) Yuran Pengurusan
- 4) Sewa Hartanah
- 5) Pengeluaran Pasir
- 6) Lain-lain

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PUSAT REFLEKSOLOGI MENAWARKAN KHIDMAT SEKS

327. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah pusat refleksologi menawarkan khidmat seks yang telah diambil tindakan oleh kerajaan negeri pada tahun 2014?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memastikan kegiatan haram ini terus dihapuskan?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak **462 buah pusat refleksologi** telah diambil tindakan oleh PBT kerana didapati telah melanggar syarat dan menyalahgunakan premis dengan menawarkan khidmat seks. Senarai pecahan bilangan kes mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bilangan Pusat Refleksologi yang diambil tindakan pada tahun 2014
2.	MBPJ	373
4.	MPKJ	34
5.	MPS	25
6.	MPK	30
7.	MPAJ	Tiada Kes
1.	MBSA	Tiada Kes
3.	MPSJ	Tiada Kes
8.	MPSP	Tiada Kes
9.	MDKS	Tiada Kes
10.	MDKL	Tiada Kes
11.	MDSB	Tiada Kes
12.	MDHS	Tiada Kes
Jumlah		462

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor*

- b) Antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh PBT bagi menghapuskan aktiviti-aktiviti perniagaan tanpa kebenaran PBT dan melanggar syarat perlesenan adalah seperti berikut:-
- i. Tindakan kompaun kepada pemilik lesen dan premis;
 - ii. Membatalkan lesen perniagaan sekiranya terbukti;
 - iii. Membuat sitaan terhadap barang-barang perniagaan dibawah Peruntukan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan Pusat Kesihatan terhadap premis perniagaan yang terbukti melanggar syarat lesen;
 - iv. Menolak permohonan pembaharuan lesen selepas lesen dibatalkan;
 - v. Membekukan lesen contohnya lesen rumah urut sejak tahun 2008;
 - vi. Menjalankan pengintipan dan pemantauan berkala oleh anggota Penguatkuasa PBT; dan
 - vii. Bekerjasama bersama agensi lain bagi membanteras permasalahan yang berlaku bersama pihak PDRM, IMIGRESEN, dan JAIS iaitu dengan menjalankan operasi bersama dan mengambil tindakan kepada pengusaha yang melanggar syarat lesen.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENCEMARAN DAN KEKURANGAN SUMBER AIR MENTAH

328. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk pencemaran di Sungai Semenyih pada bulan Februari dan Mac 2015?
- b) Apakah langkah yang diambil untuk mengelakkan pencemaran sungai yang menjadi sumber air mentah seluruh Selangor?
- c) Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi kekurangan sumber air mentah seperti tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Pencemaran yang berlaku di Sungai Semenyih adalah penurunan parameter pH kepada keadaan berasid serta peningkatan parameter Mangan dan Ammoniakal Nitrogen sehingga menyebabkan gangguan kepada operasi Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih pada 15 Februari, 3, 7 dan 19 Mac 2015. Bacaan tiga (3) parameter pada hari kejadian adalah seperti berikut :

BIL	PARAMETER	15/2/15	3/3/15	7/3/15	19/3/15	PIAWAIAN KKM
1	pH	5.53	5.3	6.16	6.69	5.5 – 9.0
2	Mangan (mg/l)	1.22	2.3	0.6	0.99	0.2
3	Ammoniakal Nitrogen (mg/l)	1.27	1.8	1.59	1.30	1.5

- b) Memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), pemantauan dan siasatan (berkala dan tidak berkala) dijalankan bagi memastikan sumber air dipelihara daripada pelbagai aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada kuantiti dan kualitinya.

Dalam pada itu, usaha penjagaan dan pemuliharaan sumber air dilaksanakan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan :

- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai,

- ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai, dan
- iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air.

Penguatkuasaan kuasa perundangan yang diperuntukkan dilaksanakan dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012,
- ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, semua aktiviti yang dijalankan melibatkan badan air, dan
- iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.

Selain itu, beberapa program sedang dilaksanakan, antaranya :

- i. Mewartakan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan bagi tujuan kawalan fizikal dan kualiti air sungai.
- ii. Menyediakan daftar sumber air Negeri untuk tujuan kawalan dan penguatkuasaan;
- iii. Kajian semula inventori pemetaan pencemaran dengan penganalisaan risiko tahap pencemaran dan menetapkan syarat yang lebih ketat; dan
- iv. Pembangunan *Decision Support System*, (*DSS*) bagi pengurusan Lembangan Sungai Selangor secara holistik.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012**
melibatkan 7 Aktiviti Berjadual iaitu akuakultur udang laut, akuakultur air tawar, kawasan pembangunan atau kerja tanah, penternakan selain babi, penternakan babi, haiwan kesayangan dan pencucian pasir/kuari.
- **Pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan Pendakwaan.**
Untuk kes pencemaran minyak Sungai Selangor yang berlaku pada Ogos 2013, pendakwaan telah dibuat dan kini kes Selangor tersebut sedang dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Shah Alam.

- **Pewartaan kawasan rizab sungai sebagai zon perlindungan.**
Tiada aktiviti berisiko tinggi yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran air sungai dibenarkan di kawasan rizab sungai yang telah diwartakan. Sungai Selangor telah pun diwartakan. Sungai Langat, Sungai Semenyih dan anak-anak sungai lain sedang dalam tindakan pewartaan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Selangor;
 - **Pembangunan *Decision Support System, (DSS)***
pelepasan air empangan akan dilaksanakan secara optima dengan mengambilkira keadaan semasa aliran sungai dan juga ramalan hujan di kawasan tadahan. Pembangunan DSS ini juga akan direplikasi kepada lembangan lain secara berfasa.
- c) Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS telah dan sedang melaksanakan tindakan-tindakan bagi memastikan kesediaan sumber air Negeri ketika menghadapi musim kering berkaitan fenomena Ekuinoks seperti berikut :
- Operasi pembenihan awan (cloud seeding),
 - Operasi pengepaman air kolam alternatif di Bestari Jaya,
 - Pelepasan air empangan di Sg. Selangor dikawal dengan ketat melalui kelulusan daripada LUAS secara harian,
 - Pemindahan air dari terowong Langat 2 ke Sg. Langat dilakukan dengan tujuan untuk memberdaya ketahanan Sg. Langat bagi keperluan Loji Pembersihan Air (LPA) Sg. Langat, Bukit Tampoai dan Cheras Batu 11,
 - Mengadakan kerjasama erat antara agensi Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memantau dan mengawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran sumber air, dan
 - Penguatkuasaan yang tegas melalui pemantauan yang berterusan di sepanjang sungai yang terlibat dalam pembekalan air mentah iaitu Sg. Selangor, Sg. Langat dan Sg. Semenyih termasuk semasa waktu cuti.

Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS juga sedang melaksanakan tindakan-tindakan untuk kelangsungan sumber air secara jangka panjang seperti berikut:

- Pembangunan Kolam Takungan Hiliran/HORAS 3000
- Penyaluran air mentah Sg. Bernam

- Pembangunan off-river storage (ORS) di Sg. Semenyih / Sg. Langat
- Membangunkan sumber air bumi

MAKLUMAT TAMBAHAN

- **Operasi pembenihan awan (cloud seeding)**
Telah mula dijalankan pada 21 Februari 2015 yang lalu bersama Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dan syarikat pembekal perkhidmatan yang dilantik di kawasan lembangan sungai termasuk kawasan tadahan Empangan Sg. Selangor sebanyak 2 kali setiap hari bergantung kepada kesesuaian atmosfera,
- **Operasi pengepaman air kolam alternatif di Bestari Jaya**
Telah bermula pada 2 Februari 2015 yang lalu dengan keupayaan pengeluaran 800 juta liter sehari (JLH). Air kolam yang dipam ke Sg. Selangor ini mematuhi piawaian air mentah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk dirawat oleh loji pembersihan air (LPA). Proses pemantauan kualiti air dijalankan melalui 3 peringkat, iaitu; i) pemantauan di kolam alternatif oleh LUAS dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), ii) pemantauan air mentah di sungai dan muka sauk oleh LUAS, operator loji dan JKNS, dan iii) pemantauan air terawat selepas proses rawatan di LPA oleh operator loji dan JKNS. Pensampelan kualiti air kolam-kolam ini dijalankan oleh JKNS dan dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia (JKM),
- **Pelepasan air empangan di Sg. Selangor dikawal dengan ketat melalui kelulusan daripada LUAS secara harian.**
Beberapa semakan pelepasan juga dilakukan sehingga 3 kali sehari untuk mengoptimalkan aliran air sungai sedia ada dan sumber air daripada kolam alternatif tersebut,
- **Pembangunan Kolam Takungan Hiliran/HORAS 3000**
Pembangunan kolam ini adalah usaha untuk menakung lebih air larian sungai (stormwater) ke dalam kolam takungan di hilir sungai untuk digunakan sebagai sumber air tambahan dan juga mengurangkan impak banjir di kawasan muka sauk LPA. Pembangunan HORAS ini dibangunkan secara berfasa iaitu HORAS 600 bagi fasa pertama yang akan mula siap pada September 2015 dan HORAS 3000 yang di dalam peringkat kajian perbandingan.

- **Penyaluran air mentah Sg. Bernam**
Kajian terperinci sedang dilaksanakan untuk memastikan sumber air tersebut dapat membantu memperkasakan aliran air di Sg. Selangor. Perbincangan awalan bersama Kerajaan Negeri Perak telah diadakan dan ia juga merujuk kepada Kajian Semula Sumber Air Negera 2000 – 2050.

- **Pembangunan off-river storage (ORS) di Sg. Semenyih / Sg. Langat**
Membangunkan sumber air tambahan sebanyak 100 hingga 200 JLH di Sg. Semenyih dan Sg. Langat melalui sistem ORS.

- **Membangunkan sumber air bumi**
Keupayaan abstraksi air bumi yang selamat untuk Negeri Selangor adalah 2373 MLD berdasar Kajian Kebolehdapatan Sumber Air Bumi Negeri Selangor yang dijalankan oleh Jurutera Perunding yang dilantik oleh LUAS. Pembangunan sumber air bumi adalah sebagai sumber air yang terakhir setelah mengambil kira sumber dari sungai dan air permukaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

329. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan ahli lembaga dan pengurusan PNSB serta anak-anak syarikatnya kini?
- b) Apakah sumbangan PNSB kepada kerajaan negeri pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) Seperti di Lampiran 1.
- b) Seperti di Lampiran 2.

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN PNSB SERTA ANAK-ANAK SYARIKATNYA

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD	
AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENGURUSAN
YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Pengerusi)	YBhg Dato' Hj Ahmad Bin Omar Ketua Pegawai Eksekutif
YBhg. Dato' Noordin Bin Sulaiman	Tuan Hj Mohd Yusof B Joned Pengurus Kanan, Sumber Manusia dan Pentadbiran
YBhg. Dato' Haji Ahmad Bin Omar	En Mohd Azlan B Kachong Pengurus Kanan, Pengurusan Dan Pembangunan Projek
YM Raja Shahreen Bin Raja Othman	En Md Yunus @ Iskandar B Md Noor Pengurus, Pengurusan Projek
En. Soffan Affendi Bin Aminudin	Tuan Hj Noor Azman B Kusin Pengurus, Perancangan Projek
	En Mohamad Nizam B Yaacob Pengurus Korporat / Setiausaha Syarikat
	En Beh Boon Guan Pengurus Kewangan

PNSB INSURANCE BROKERS SDN BHD	
AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENGURUSAN
YB. Dato' Noordin Bin Sulaiman (Pengerusi)	Puan Rashidah Hanim binti Abd Rashid Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
YBhg Dato' Shaari Bin Jihin	Encik Jamaltul Nizam Shamsuddin Pengurus, Kewangan
YBhg Dato' Idris Bin Md Tahir	Puan Fazila Hanum binti Abu Bakar Pengurus, Pembrokeran
YBhg Dato' Haji Ahmad bin Omar	Encik Al Rashidy bin Kassim Pengurus, Pembrokeran
	Encik Faizal Juana Kusuma Pengurus, Pembrokeran

PNSB MANAGEMENT CONSULTANCY SDN BHD	
AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENGURUSAN
YBhg Dato' Hj Ahmad Bin Omar Tuan Hj Mohd Yusof B Joned En Mohd Azlan B Kachong En Md Yunus @ Iskandar B Md Noor Tuan Hj Noor Azman B Kusin En Beh Boon Guan	- Tiada -

PNSB DEVELOPMENT SDN BHD	
AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENGURUSAN
YBhg Dato' Hj Ahmad Bin Omar Tuan Hj Mohd Yusof B Joned En Mohd Azlan B Kachong En Md Yunus @ Iskandar B Md Noor Tuan Hj Noor Azman B Kusin En Beh Boon Guan	- Tiada -

PNSB PROPERTIES SDN BHD	
AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENGURUSAN
YBhg Dato' Hj Ahmad Bin Omar Tuan Hj Mohd Yusof B Joned En Md Yunus @ Iskandar B Md Noor	- Tiada -

PNSB CONSTRUCTION SDN BHD	
AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENGURUSAN
YBhg Dato' Hj Ahmad Bin Omar Tuan Hj Mohd Yusof B Joned En Md Yunus @ Iskandar B Md Noor	- Tiada -

PNSB TRADING SDN BHD	
AHLI LEMBAGA PENGARAH	PENGURUSAN
YBhg Dato' Hj Ahmad Bin Omar Tuan Hj Mohd Yusof B Joned En Mohd Azlan B Kachong	- Tiada -

**SUMBANGAN CSR PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)
TAHUN 2014**

JANUARI

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	1/29/2014	SUMBANGAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2014 ANJURAN PEKAWANIS.	PEKAWANIS	136,500.00
	JUMLAH			136,500.00

MAC

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	3/3/2014	MEMOHON SUMBANGAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI UNTUK PROGRAM KERAJAAN PRIHATIN TAHUN 2014 (MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)	BENDAHARI NEGERI SELANGOR	1,000,000.00
	JUMLAH			1,000,000.00

MEI

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	5/9/2014	MEMOHON TAJAAN ANUGERAH PELAJAR TERBAIK BIDANG LATIHAN DAN KEMAHIRAN UNTUK MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-18 INPENS INTERNATIONAL COLLEGE	INPENS INTERNATIONAL COLLEGE	2,000.00
	JUMLAH			2,000.00

JUN

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	6/10/2014	BAYARAN TAJAAN KEPADA KEJOHANAN GOLF SELANGOR MASTERS 2014	PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR	200,000.00
2	6/18/2014	MEMOHON SUMBANGAN UNTUK PERTANDINGAN THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP 2014	MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR	100,000.00
	JUMLAH			300,000.00

JULAI

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	7/4/2014	SUMBANGAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2014 ANJURAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN DAN AMAL WANITA SELANGOR (PEKAWANIS)	PEKAWANIS	136,200.00
	JUMLAH			136,200.00

OGOS

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	8/15/2014	SUMBANGAN KEPADA PENGANJUR KARNIVAL KERJAYA & KEUSAHAWANAN ISLAM 2014 ANJURAN KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)	KOLEJ UNIVERTSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR	2,000.00
	JUMLAH			2,000.00

SEPTEMBER

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	9/2/2014	SUMBANGAN UNTUK ANUGERAH NAIB CASELOR SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) KALI KE 9.	UNISEL SELANGOR	2,000.00
2	9/4/2014	BAYARAN KEPADA TOURISM SELANGOR PROMOSI SDN. BHD. BERIKUTAN MMKN SELANGOR MENGENAI PERUNTUKAN TAMBAHAN OLEH ANAK-ANAK SYARIKAT UNTUK PROGRAM RAJA MUDA INTERNATIONAL REGATTA EDISI KE 25 TAHUN 2014	UPEN NEGERI SELANGOR	20,000.00
	JUMLAH			22,000.00

OKTOBER

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	10/16/2014	SUMBANGAN UNTUK KELAB SUK SELANGOR SEMPENA KEJOHANAN SUK SE-MALAYSIA 2014	MAJLIS KEBAJIKAN & SUKAN ANGGOTA KERAJAAN SELANGOR	1,000.00
	JUMLAH			1,000.00

NOVEMBER

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	11/4/2014	PENAJAAN UNTUK PASUKAN BOLASEPAK SELANGOR BAGI MENGHADAPI KEJOHANAN PIALA EMAS RAJA KALI KE 74 TAHUN 2014.	YB. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD	10,000.00
2	11/5/2014	SUMBANGAN PENAJAAN RUANG IKLAN BAGI BUKU DIREKTORI UNTUK JAMUAN TEH PESARA-PESARA KERAJAAN ANJURAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2014.	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR	10,000.00
	JUMLAH			20,000.00

DISEMBER

BIL	TARIKH	PERKARA	JABATAN/PERSATUAN/NGO	JUMLAH (RM)
1	12/5/2014	PERMOHONAN PEMBIAYAAN PROGRAM SUMBANGAN KEMBALI KE SEKOLAH BAGI TAHUN 2015	PEKAWANIS	100,000.00
2	12/26/2014	PENAJAAN KEPADA PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR (FAS) BAGI MUSIM 2014	MENTERI BESAR PEMERBADANAN (MBI)	5,000,000.00
	JUMLAH			5,100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN				6,719,700.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : MEMBAIKPULIH STADIUM KUALA SELANGOR

330. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tidak ada perancangan dari Kerajaan Negeri untuk membaik pulih Stadium Kuala Selangor demi pembangunan bola sepak, sukan balapan dan padang (olahraga)?

JAWAPAN:

- a) Program penyelenggaraan infrastruktur Stadium telah diperuntukkan dalam belanjawan MDKS bagi Tahun 2015 berjumlah RM150 ribu untuk membaikpulihan sistem saliran yang rosak akibat mendapan.

Namun tidak mencukupi untuk membaikpulihan kemudahan seperti padang bola sepak & balapan / olahraga MDKS akan mohon peruntukan khas kepada pihak Kerajaan Negeri untuk membaikpulihan kemudahan stadium yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD (BBGC)

331. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan lembaga pengarah, pemegang saham dan pengurusan BBGC kini?
- b) Apakah hala tuju dan strategi BBGC untuk masa hadapan selepas pelantikan Menteri Besar yang baharu?

JAWAPAN:

a)

NO	PERKARA		PERINCIAN
1	Ahli Lembaga Pengarah	1. Dato Noordin bin Sulaiman	Pengerusi Lembaga Pengarah
		2. Tuan Azizi bin Mohd Zain	Ahli Lembaga Pengarah
		3. Dato' Amirul Azizan bin Abd Rahim	Ahli Lembaga Pengarah
		4. Tuan Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim	Ahli Lembaga Pengarah
		5. Tuan Tukiman bin Nail	Ahli Lembaga Pengarah
2	Pemegang saham	1. Menteri Besar Pemerbadanan (MBI)	100%
3	Pengurusan BBGC	1. Pengurus Kewangan	

- b) Halatuju BBGC adalah selaras dengan pelan transformasi MBI di mana tanah tersebut akan diusahakan atau proses tambah nilai akan dilakukan ke atas aset tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PENURAPAN JALAN KAWASAN INDUSTRI

332. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan untuk menurap jalan-jalan di dalam kawasan perindustrian yang kini agar terabai.
- b) Adakah Kerajaan bersedia menyalurkan peruntukan tambahan kepada PBT untuk menyelesaikan permasalahan ini?

JAWAPAN:

- a) Program penurapan semula jalan di kawasan perindustrian dirancang dan dilaksanakan secara tahunan oleh PBT menerusi peruntukan yang dipohon dari Geran MARRIS sebahagiannya diterima melalui Peruntukan khas MIDA. Jalan- jalan di dalam kawasan industri boleh diturap menggunakan Geran MARRIS dengan syarat jalan tersebut didaftarkan dalam Sistem MARRIS mengikut justifikasi yang telah ditetapkan.
- b) Kerajaan Negeri sedia menerima dan mempertimbangkan permohonan peruntukan tambahan daripada PBT sekiranya kerja- kerja sedia ada bagi yang dirancang telah diselesaikan dan ada keperluan- keperluan baru yang memerlukan peruntukan tambahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : CARUMAN PARIT JPS

333. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini Akaun Amanah Caruman Parit dan nyatakan butir-butirnya.
- b) Senaraikan jumlah caruman parit dikumpulkan dan dibelanjakan mengikut daerah pada tahun 2013 dan 2014.

JAWAPAN:

- a) Jumlah kutipan Akaun Amanah Caruman Parit sehingga 19 Mac 2015 adalah sebanyak RM 3,790,091.64. Daripada jumlah kutipan tersebut sebanyak RM 457,112.65 telah dibelanjakan bagi tempoh Januari hingga Mac 2015.
- b) Caruman Parit yang diterima tidak dikumpulkan mengikut daerah tetapi ianya dikumpulkan ke dalam satu akaun yang sama untuk keseluruhan negeri Selangor iaitu di bawah Akaun Amanah Caruman Parit. Berikut adalah senarai jumlah caruman parit yang dibelanjakan mengikut daerah pada tahun 2013 dan 2014 :

Bil	Daerah	Perbelanjaan (RM)	
		2013	2014
1	Gombak	3,744,050.00	3,782,361.88
2	Klang	718,110.34	1,781,226.53
3	Hulu Langat	1,285,190.00	465,586.42
4	Petaling	251,300.00	3,223,209.94
5	Sepang	669,366.00	2,204,110.53
6	Kuala Langat	2,314,440.00	520,290.00
7	Hulu Selangor	0	2,834,730.00
8	Sabak Bernam	0	775,898.00
9	Kuala Selangor	0	297,134.00
10	Ibu Pejabat	423,799.69	2,216,395.74
	Jumlah Keseluruhan	RM 11,101,676.03	RM 18,100,943.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMILIKAN RUMAH SENDIRI

334. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rakyat Selangor yang telah memiliki rumah sendiri?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu rakyat Selangor terutamanya golongan belia untuk memiliki rumah sendiri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) hanya mempunyai data penawaran rumah kos rendah yang telah ditawarkan kepada rakyat Selangor. Jumlah pemohon yang telah ditawarkan rumah kos rendah dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seramai 17,500 orang.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri belum menyediakan skim khas bagi membantu golongan belia memiliki rumah sendiri. Walau bagaimanapun, golongan belia berumur 18 tahun ke atas yang memenuhi syarat kelayakan permohonan rumah kos rendah atau kini juga dikenali sebagai Rumah Selangorku Jenis A boleh memohon rumah ini yang disasarkan untuk golongan yang belum memiliki rumah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PENASIHAT EKONOMI SELANGOR

335. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Penasihat Ekonomi Selangor yang kini dikenakan hukuman penjara 5 tahun?
- b) Jika masih dikekalkan, apakah mekanisme yang diwujudkan bagi membolehkan beliau memainkan peranan tersebut?
- c) Berapakah perbelanjaan setahun untuk menampung kos pejabat, staf, tuntutan perjalanan serta elaun-elaun lain?

JAWAPAN:

- a) Beliau masih kekal sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri Selangor akan membantu untuk memastikan segala bahan-bahan berkaitan tugas beliau (laporan, berita, analisa) sebagai Penasihat akan dibawa ke penjara untuk penelitian dan syor beliau.
- c) Anggaran perbelanjaan sebulan RM40 ribu sehingga RM45 ribu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : STESEN BAS SEMENYIH TERBIAR

336. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa Stesen Bas Semenyih terbiar dan tidak beroperasi sebagai stesen bas awam sejak ia dibina?
- b) Apakah perancangan MPKj untuk memanfaatkan bangunan stesen tersebut?
- c) Nyatakan nilai kerugian hasil yang tidak dapat dikutip oleh MPKj akibat kegagalan stesen tersebut beroperasi

JAWAPAN:

- a) Hentian Bas Semenyih Sentral yang telah dibina oleh Tetuan Kreatif Rakyat Sdn. Bhd. dengan pembinaan sebuah perhentian bas 2 tingkat mengandungi 1 unit pejabat dan bilik Jualan tiket, 20 unit kedai, pencawang elektrik, 1 unit pembuangan sampah dan perakuan kelayakan menduduki bangunan telah diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang pada 14.11.2003 dan diserahkan kepada pihak Majlis.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Penswastan Bil.1/2008, MPKj bertarikh 28 Ogos 2008 dan Mesyuarat Penuh Ahli Majlis Bil.4/2008, MPKj bertarikh 4 September 2008 telah meluluskan penyewaan keseluruhan Terminal Bas Semenyih Sentral kepada Tetuan Bas Bakti Sdn. Bhd. dengan tempoh penyewaan selama 3 tahun dan pilihan lanjutan dengan kadar sewaan RM5,000.00 sebulan pada 6 November 2008 dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak majlis.

Sepanjang tempoh penyewaan premis tersebut, pihak penyewa Bas Bakti Sdn. Bhd. telah menyediakan perkhidmatan bas kepada orang awam namun tidak mendapat sambutan disebabkan lokasi premis tersebut yang terletak jauh dari jalan utama iaitu Jalan Semenyih. Pihak MPKj juga telah menyediakan ruang yang bersesuaian kepada Persatuan Pengusaha Teksi Semenyih untuk turut beroperasi di premis tersebut namun turut juga tidak mendapat sambutan dari orang awam.

- b) Dalam masa terdekat, pihak MPKj merancang untuk menyewakan premis tersebut kepada mana-mana pihak/syarikat yang berminat dengan mengambilkira syarikat yang akan dilantik atau ditawarkan mempunyai keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam iaitu bas,

teksi ataupun kereta sewa merujuk sepertimana kegunaan asal bangunan tersebut serta pengurusan kedai pejabat.

- c) Nilai kerugian yang tidak dapat dikutip oleh pihak Majlis adalah dari aspek sewa bangunan yang tidak diterima oleh MPKj bermula dari Mac 2014 sehingga kini

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT / GLC SELANGOR

337. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi setiap anak syarikat / GLC pada tahun 2014?
- b) Berapakah nilai sumbangan anak-anak syarikat kepada kewangan negeri pada tahun 2014?

JAWAPAN:

- a) **Anak syarikat Kerajaan Negeri** didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kerajaan Negeri mempunyai **12 anak syarikat**.

Badan berkanun ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980). Kerajaan Negeri mempunyai **lapan (8) Badan Berkanun**.

- i) **Senarai Anak Syarikat / Perbadanan yang berasaskan keuntungan.**

Bil	Anak Syarikat/Perbadanan	Keuntungan sebelum cukai 2014* (RM)	Keuntungan selepas cukai 2014* (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor	17.29 juta	16.74 juta
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	386,933 juta**	279,661 juta**
3.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	86,232,966	86,232,966
4.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	25.245 juta	24.031 juta

5.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	37.11 juta	27.41 juta
6.	Bukit Beruntung Golf & Country Club	(646,195.00)	(646,195.00)
7.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	49,425,000	33,310,000
8.	Tourism Selangor Sdn Bhd	(428,609.00)	(428,609.00)

* Berdasarkan Penyata Kewangan yang belum diaudit.

** Keuntungan yang dikemukakan oleh PKNS adalah bagi tahun 2013. PKNS tidak dapat mengemukakan keuntungan bagi tahun 2014 kerana Penyata Kewangan 2014 masih dalam proses pengauditan.

Nilai () menandakan kerugian.

ii) Senarai Anak Syarikat / Perbadanan yang TIDAK berasaskan keuntungan.

Anak Syarikat / Perbadanan berikut ditubuhkan untuk tujuan khusus yang tidak bermotifkan keuntungan, maka sebarang lebihan atau kekurangan tidak ditafsirkan sebagai keuntungan atau kerugian. Anak Syarikat / Perbadanan tersebut adalah seperti berikut:-

1.	Anak Syarikat / Perbadanan yang TIDAK berasaskan keuntungan.	Fungsi Utama
1.	Invest Selangor Berhad	Mempromosikan pelaburan asing dan tempatan
2.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Pendidikan tinggi
3.	MSNS HOLDINGS	Pembangunan dan pengurusan sukan
4.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	Promosi sebahagian Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)
5.	Communication Corporation Sdn Bhd	Penyampaian maklumat berkaitan program Kerajaan Negeri Selangor
6.	Yayasan Warisan Anak Selangor	Promosi dan pendaftaran Tabung Warisan Anak Selangor
7.	Yayasan Selangor	Pendidikan menengah
8.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Pihak berkuasa bagi pembangunan perumahan dan hartanah di Selangor
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Pengurusan dan pembangunan Perpustakaan Awam

1.	Anak Syarikat / Perbadanan yang TIDAK berasaskan keuntungan.	Fungsi Utama
10.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Pembangunan dan pemeliharaan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor
11.	Lembaga Urus Air Selangor	Pengurusan sumber air di Negeri Selangor
12.	Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor	Pengurusan bantuan skim mikro Kredit.

- b) Nilai sumbangan anak-anak syarikat / GLC kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 adalah berjumlah RM 17,847,491.90. Senarai anak-anak syarikat / GLC negeri yang telah memberi sumbangan kepada kewangan negeri pada tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Anak Syarikat / Perbadanan	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 (RM)	Tujuan Sumbangan
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	100,000	Program Kerajaan Prihatin
	50,000	Tajaan Kejohanan Golf Selangor Master
	335,394	Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS)
	408,750	Sumbangan Lembu Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2014
	200,000	Sumbangan Pasca Banjir
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	3,007,678.60	Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS)
	2,000,000	Program Kerajaan Prihatin
	500,000	Sumbangan Pasca Banjir

Anak Syarikat / Perbadanan	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 (RM)	Tujuan Sumbangan
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	500,000	Sumbangan Pasca Banjir
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)	Tiada	Tiada
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Tiada	Tiada
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	Tiada	Tiada
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS)	Tiada	Tiada
Yayasan Selangor	Tiada	Tiada
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	156,940	Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS)
	50,000	Sumbangan Pasca Banjir
Kumpulan Semesta Sdn Bhd	1,500	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor
	1,000,000	Program Kerajaan Perihatin
	50,000	Kejohanan Golf Selangor Masters 2014
	408,750	Pembelian Lembu Korban Peringkat Negeri Selangor 2014
	316,514.20	Tabung Warisan Negeri Selangor

Anak Syarikat / Perbadanan	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 (RM)	Tujuan Sumbangan
		(TWNS)
	500	Kejohanan Sukan SUK Malaysia 2014
	200,000	Sumbangan Pasca Banjir
Permodalan Negeri Selangor Berhad	137,000	Sambutan Tahun Baru Cina 2014
	136,000	Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2014
	100,000	Program Sumbangan Kembali ke Sekolah
	20,000	Program Raja Muda International Regatta edisi ke 25
	65,000	Lain-lain sumbangan kepada Masjid, Badan Kebajikan, NGO, Pusat Tahfiz, PIBG Sekolah, Rumah Anak Yatim
	100,000	Pertandingan The Sultan Selangor's Cup
	200,000	Kejohanan Golf Selangor Master
	2,000	Anak Yatim Negeri Selangor sempena Hari Raya
	5,000,000	Football Association Selangor
	409,000	Sumbangan Lembu Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2014
	1,000,000	Program Kerajaan Prihatin

Anak Syarikat / Perbadanan	Sumbangan kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2014 (RM)	Tujuan Sumbangan
	1,342,974.10	Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS)
MSNS Holdings Sdn Bhd	5,000	Sumbangan Pasca Banjir
	20,000.00	Sumbangan bagi Kejohanan badminton (anjuran Exco Belia & Sukan)
	5,616.00	Tabung Warisan Negeri Selangor
	13,875.00	Pelbagai bentuk sumbangan
Tourism Selangor Sdn Bhd	5,000	Sumbangan Pasca Banjir
Communication Corporation Sdn Bhd	Tiada	Tiada
Rangkaian Mesra Sdn Bhd	Tiada	Tiada
Invest Selangor Berhad	Tiada	Tiada
Yayasan Warisan Anak Selangor	Tiada	Tiada
Bukit Beruntung Golf & Country Club	Tiada	Tiada
Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Tiada	Tiada
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor	Tiada	Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PRESTASI KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD

338. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendapatan dan keuntungan kumpulan dan anak syarikatnya pada tahun 2014?
- b) Apakah nama, nilai serta lokasi projek kendalian Kumpulan Perangsang serta anak syarikatnya?

JAWAPAN:

- a) Pendapatan dan keuntungan kumpulan dan anak syarikatnya pada tahun 2014 (belum diaudit) adalah seperti berikut:-

	2014 (RM Juta)
Pendapatan	315.372
Keuntungan sebelum cukai	130.504
Keuntungan selepas cukai	118.102

- b) Nama, nilai dan lokasi projek kendalian Kumpulan Perangsang Selangor Berhad serta anak syarikatnya pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

	<u>Pelaburan/Projek</u>	<u>Nilai buku (RM)</u>	<u>Lokasi</u>
1.	Pelaburan secara usahasama dengan National Gas Cooperation, Oman di dalam NGC Energy Sdn Bhd untuk mengambil alih aset dan operasi Shell Malaysia Trading Sdn Bhd yang terlibat dalam pengedaran Liquified Petroleum Gas (LPG) di Malaysia.	RM46.7 juta bagi 40% pegangan saham	Kuala Lumpur
2.	Pelaburan secara usahama dengan SAMENA Telecom Limited dan Connect Mena Limited Jebel Ali Free Zone (Connect Mena) di dalam Ceres	RM6.7 juta bagi 30% pegangan saham	Kuala Lumpur

	Telecom Sdn Bhd bagi operasi perniagaan "Mobile Virtual Network Operator" (MVNO) di Malaysia.		
3.	Projek usahasama dengan Setia Eco Templer Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh S P Setia Berhad) bagi membangunkan Perangsang Templer Golf Club (PTGC) kepada pembangunan kediaman dan sebahagian kecilnya sebagai komersial.	<p>Nilai buku tanah PTGC sebanyak RM81.15 juta.</p> <p>Nilai pembangunan kasar dianggarkan sebanyak RM1.2 bilion</p>	Rawang, Selangor
4.	Projek penyelenggaraan dan operasi Loji Rawatan Air Sungai Semenyih.	<p>Nilai buku ialah RM464.43 juta</p>	Putrajaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN PERMODALAN NEGERI SELANGOR
BERHAD (PNSB)**

339. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi kewangan PNSB yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada tahun 2014?
- b) Adakah prestasi kewangan ini terbaik sepanjang penubuhannya?

JAWAPAN:

- a) Seperti di Lampiran 1.
- b) Tidak.

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
CASHFLOW STATEMENT AS AT 31 DECEMBER 2014

		Actual 2014 RM
OPERATIONAL FLOWS		
Incomings		
- Trade Debtors		23,100,268
- Interest Received		3,863,256
- Other Income		67,819,751
Total Incomings	A	94,783,275
Outgoings		
- Trade Creditors		2,617,478
- Other Creditors & Payment		13,331,314
- Staff Cost		8,795,188
- Term loan interest expenses		5,549,942
- Taxation		11,939,799
- Others		11,751,320
Total Outgoings	B	53,985,042
Operational Surplus/(Deficit)	C = A - B	40,798,233
NON OPERATIONAL FLOWS		
Incomings/(Outgoings)		
- Disposal of fixed assets		2,552
- Purchase of fixed assets		(137,769)
- Scheduel Payment - MBI		(10,000,000)
- Land held for Property Development		(7,101,994)
Net Non Operational inflow/(outflow)	D	(17,237,210)
Gross Inflow / (Outflow)	E = C + D	23,561,024
Inter-Co transfer from / (to)	F	162,661,197
Inflow/(Outflow) after Inter-Co Movement	G = E + F	186,222,221
Maybank - Repayment of Term Loan		(146,666,668)
Fixed Deposit placement/(withdrawal)	H	(39,940,001)
Net Inflow / (Outflow)	I = G + H	(384,448)
OPENING CASH BALANCE	-	4,923,666
CLOSING CASH BALANCE	-	4,539,218

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD
STATEMENT OF EQUITY
31ST DECEMBER 2014

	RM
Share capital	24,000,002
Retained Profit	379,446,104
	<u>403,446,106</u>
Development Grant	16,924,840
	<u>16,924,840</u>
	<u><u>420,370,945</u></u>
Represented by :	
Fixed assets	9,559,113
Investments	27,295,874
Prepaid Land Lease payments	27,662,273
Land held for future development	464,653,600
Current assets	
- Trade debtors	39,965,715
- Non-trade debtors, deposits and prepayments	48,038,307
- Property Development Expenditure	2,620,199
- Develop properties for sale	26,491,194
- Recoverable Tax	10,078,480
- Amount Due from Subsidiaries	16,550,870
- Deposit placement	85,000,000
- Cash and bank balances	4,561,814
	<u>233,306,579</u>
Current liabilities	
- Trade creditors	272,759
- Amount due to state body	219,294,594
- Amount Due to Subsidiaries	5,419,185
- Other creditors and accrued liabilities	69,688,197
- Term Loan	32,222,220
- Development Grant	5,641,613
- Taxation	9,567,925
	<u>342,106,493</u>
Net current assets	<u><u>(108,799,915)</u></u>
	<u><u>420,370,945</u></u>

PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD

STATEMENT OF PROFIT & LOSS & OTHER COMPREHENSIVE INCOME 31ST DECEMBER 2014

	RM
REVENUE	47,816,953
COST OF SALES	10,844,764
GROSS PROFIT	<u>58,661,717</u>
OTHER OPERATING INCOME	16,345,265
	<u>75,006,982</u>
ADMINISTRATIVE EXPENSES	(2,839,415)
STAFF COST	(11,914,515)
OTHER OPERATING EXPENSES	(12,156,665)
PROFIT FROM OPERATIONS	<u>48,096,387</u>
FINANCE COSTS	(5,671,033)
PROFIT BEFORE TAXATION	<u>42,425,353</u>
EXTRAORDINARY ITEMS	-
INCOME TAX EXPENSES	(9,115,372)
PROFIT ATTRIBUTABLE TO SHAREHOLDERS	<u>33,309,981</u>
DIVIDEND	-
RETAINED PROFITS B/F	346,136,123
RETAINED PROFITS C/F	<u>379,446,104</u>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

340. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan ahli lembaga dan pengurusan kanan KDEB serta anak syarikatnya kini?
- b) Nyatakan nilai dan lokasi projek KDEB serta anak syarikatnya pada tahun 2014?

JAWAPAN :

- a) Senarai Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan anak-anak syarikatnya adalah seperti berikut:-
 - (i) Ahli Lembaga Pengarah bagi KDEB dan anak-anak syarikat

KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD

- 1. YAB Tuan Mohamed Azmin bin Haji Ali
- 2. YB Dato' Mohammed Khusrin bin Haji Munawi
- 3. YB Dato' Noordin bin Sulaiman
- 4. YM Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin
- 5. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
- 6. YM Raja Shahreen bin Raja Othman
- 7. Encik Soffan Affendi bin Aminudin

KUMPULAN PERANGSANG SELANGOR BERHAD

- 1. YM Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin
- 2. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
- 3. Encik Mustaffa Kamil bin Ayub
- 4. YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
- 5. YB Sivarasa A/L Rasiah
- 6. YBhg Dato' Dr. Mohamed Ariffin bin Aton

7. Encik Rosely @ Mohamed Ross bin Mohd Din

8. YBhg Dato' Idris bin Md Tahir

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

1. YAB Tuan Mohamed Azmin bin Haji Ali

2. YM Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin

3. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman

KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD

1. YM Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin

2. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman

3. Mr. Lee Siew Choong

4. YBhg Dato' Haji Ibrahim bin Md Yusof

5. Encik Abdul Hamid bin Mohamed Ghows

KONSORTIUM AIR SELANGOR SDN BHD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman

2. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah

3. Mr. Kevin Lee Shih-Min

4. Encik Abdul Karim Endut

KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman

2. Encik Ramli bin Mohd Tahir

3. Mr. Kevin Lee Shih-Min

LANDASAN LUMAYAN SDN BHD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman

2. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah

3. Mr. Kevin Lee Shih-Min

Anak Syarikat KDEB Waste Management Sdn Bhd

HEBAT ABADI SDN BHD

1. Encik Ramli bin Mohd Tahir
2. Encik Syaiful Azmen bin Nordin

Anak Syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad

CENTRAL SPECTRUM (M) SDN BHD

1. YM Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin
2. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
3. YBhg Dato' Azlan bin Hashim
4. YB Dato' Noordin bin Sulaiman
5. Encik Hashim Kamil bin Harun Mahmud Hashim
6. Encik Adam Shah bin Dato' Azlan (Pengarah Gantian kepada YBhg Dato' Azlan bin Hashim)

Anak Syarikat Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

CASH BAND (M) BERHAD

1. YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
2. YB William Leong-Jee Keen
3. Encik Rosely @ Mohamed Ross bin Mohd Din

VIABLE CHIP (M) SDN BHD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
2. Mr. Kevin Lee Shih-Min
3. Puan Hashimah binti Mohd Isa

PERANGSANG OIL & GAS SDN BHD

1. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah
2. Encik Aminurddin bin Abdul Jalil

PERANGSANG TELCO SDN BHD

1. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah
2. Encik Abdul Latib bin Tokimin

TITISAN MODAL (M) SDN BHD

1. Encik Suhaimi Kamaralzaman
2. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah
3. Encik Abdul Karim bin Endut

HYDROVEST SDN BHD

1. YBhg Dato' Dr. Mohamed Ariffin bin Aton
2. YB Sivarasa A/L Rasiah
3. YBhg Dato' Idris bin Md Tahir
4. YBhg Dato' Lim Chee Meng
5. Mr. Phang Kwai Sang
6. Mr. Wong Voon Leong (Pengarah Gantian kepada YBhg Dato' Lim Chee Meng)

Anak Syarikat Cash Band (M) Berhad

PERANGSANG HOTEL & PROPERTIES SDN BHD

1. YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
2. Encik Rosely @ Mohamed Ross bin Mohd Din

BRISDALE INTERNATIONAL HOTEL SDN BHD

1. YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas
2. Encik Rosely @ Mohamed Ross bin Mohd Din

Anak Syarikat Titisan Modal (M) Sdn Bhd

KONSORTIUM ABASS SDN BHD

1. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman
2. Tuan Haji Ir. Abas bin Abdullah
3. Tuan Haji Azlan bin Md Alifiah

4. Encik Abdul Karim bin Endut

Anak Syarikat Hydrovest Sdn Bhd

AQUA-FLO SDN BHD

1. YBhg Dato' Dr. Mohamed Ariffin bin Aton

2. YBhg Dato' Idris bin Md Tahir

3. Mr. Tan Chee Kit

4. Mr. Yeoh Hang Keng @ Yeoh Ah Kock

5. Mr. Phang Kwai Sang

6. Mr. Chan Chiang Heng (Pengarah Gantian kepada Mr. Yeoh Hang Keng @ Yeoh Ah Kock)

(ii) Senarai Pengurusan Kanan KDEB dan anak-anak syarikat

1. Kumpulan Darul Ehsan Berhad

Encik Suhaimi bin Kamaralzaman - Presiden

2. Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

Encik Suhaimi bin Kamaralzaman - Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan/Pengarah Urusan

3. Kumpulan Hartanah Selangor Berhad

Encik Hashim Kamil bin Harun Mahmud Hashim - Ketua Pegawai Eksekutif

4. Konsortium Air Selangor Sdn Bhd

Encik Abdul Karim bin Endut - Pengurus Besar

5. KDEB Waste Management Sdn Bhd

Encik Ramli bin Mohd Tahir - Pengurus Besar

6. Hebat Abadi Sdn Bhd

Encik Ramli bin Mohd Tahir - Pengurus Besar

7. Central Spectrum (M) Sdn Bhd

Encik Mahmud bin Abbas - Ketua Pegawai Eksekutif

8. Cash Band (M) Berhad

Encik Sapuan bin Abd Razak - Ketua Pegawai Eksekutif

9. Konsortium Abass Sdn Bhd

Encik Ir. Abas bin Abdullah – Ketua Pegawai Operasi

- b) Nilai dan lokasi projek KDEB serta anak syarikatnya pada tahun 2014 adalah seperti berikut:-

	Nama	Jenis Pembangunan	Nilai Pembangunan Kasar (Juta)	Status Projek
1	Selangor Halal Hub, Pulau Indah, P. Klang	Industri	RM150 Juta	Sedang berjalan
2	Pulau Indah Industrial Park (PIIP)	Industri	RM934 Juta	Sedang berjalan
3	Seksyen 14 Petaling Jaya	Bercampur	RM1,200 Juta	Permohonan Kebenaran Merancang
4	Taman Malawati Jaya, Kuala Selangor	Perumahan (Rumah Selangorku)	RM23 Juta	<ul style="list-style-type: none">• Permohonan Kebenaran Merancang & Pelan Bangunan• Jangkaan pelancaran di Suku ke-4, 2015
5	Setia Eco Templer Park (usahasama dengan Setia Eco Templer Sdn Bhd bagi membangunkan	Perumahan	RM1,200 Juta	<ul style="list-style-type: none">• Permohonan Kebenaran Merancang & Pelan Bangunan• Jangkaan pelancaran di Suku ke-2, 2015

	Perangsang Templer Golf Club untuk kediaman			
--	---	--	--	--